

SOALAN YANG DIKEMUKAKAN BAGI MENDAPATKAN JAWAPAN BERTULIS DARIPADA Y.A.B. KETUA MENTERI

I. Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Senaraikan bilangan kompaun yang telah dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang & Majlis Perbandaran Seberang Perai terhadap pemilik lori/kenderaan berat di taman perumahan bagi tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016.
- (b) Apakah usaha yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut?
- (c) Adakah Kerajaan Negeri kaji tentang penyediaan tapak letak kenderaan berat serta tambah pendapatan kerajaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Jumlah kompaun terhadap pemilik lori atau kenderaan berat di taman perumahan yang telah dikeluarkan oleh kedua-dua PBT dari tahun 2013 sehingga tahun 2016 (berakhir bulan September) adalah sebanyak 1,699 kompaun bagi MBPP dan 1,096 kompaun bagi MPSP. Senarai terperinci jumlah kompaun adalah seperti di bawah.

TAHUN	MBPP	MPSP
	KOMPAUN	KOMPAUN
2013	223	804
2014	345	142
2015	597	44
2016 (SEHINGGA SEPTEMBER)	534	106
JUMLAH	1,699	1,096

- (b) Kerajaan Negeri melalui kedua-dua PBT berusaha mengatasi masalah tersebut dengan mengeluarkan kompaun ke atas kenderaan berat di bawah kesalahan meletak kenderaan di atas siar kaki awam Sekyen 46 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan Perintah Pengangkutan Jalan Tempat Letak Kereta MPPP 2014. Di samping itu, pihak PBT juga menjalankan pelbagai usaha penguatkuasaan lain seperti berikut:
 - (i) Menubuhkan *Task Force* Menangani Masalah Kenderaan Berat Dalam Kawasan Perumahan yang dianggotai oleh Ahli Majlis, jabatan dalaman PBT, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi membincangkan isu dan permasalahan berkaitan kenderaan berat dalam kawasan perumahan.
 - (ii) Menjalankan operasi bersepadu bersama agensi Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) secara berkala.
- (c) Kerajaan Negeri memandang serius dan telah mengkaji penyediaan tapak letak kenderaan berat. Pada masa kini, pemilik kenderaan yang ingin memohon permit kenderaan perdagangan daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) perlu mendapat surat sokongan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di mana pemilik kenderaan perdagangan perlu menyediakan lokasi sesuai untuk tempat menyimpan kenderaan perdagangan mereka. PBT bertanggungjawab membuat siasatan bagi memastikan kesesuaian lokasi dan memberi ulasan kepada SPAD. Seterusnya PBT akan mengeluarkan surat sokongan atau bantahan kepada SPAD dan pemilik kenderaan.

Sekiranya kenderaan perdagangan berkenaan diletakkan di lokasi selain daripada lokasi yang dinyatakan di dalam permit, maka tindakan penguatkuasaan akan diambil oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), polis dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). PBT akan merujuk kes-kes sedemikian kepada SPAD berdasarkan siasatan PBT di tapak dan aduan-aduan yang diterima sebagai usaha untuk mengatasi masalah tersebut. Di samping itu, pihak MPSP juga telah menubuhkan 'Task Force' untuk menangani masalah kenderaan berat dalam kawasan perumahan dan melalui hasil kajian tersebut, pihak MPSP telah menetapkan Lot 9960, Mukim 14 Seberang Perai Tengah sebagai kawasan depo kenderaan berat di kawasan Permatang Tinggi. Selain itu, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia juga telah menyediakan Garis Panduan Perancangan Terminal Kenderaan Berat, bagi menangani masalah penyediaan tapak letak kenderaan berat tersebut.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Nyatakan keluasan dan pendapatan yang diperolehi oleh kerajaan melalui pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara (TOL) untuk tanah pesisir pantai bagi tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016.
- (b) Apakah usaha yang diambil oleh kerajaan terhadap kesan pembinaan jambatan ke-2 Pulau Pinang terhadap ekosistem laut serta memastikan kualiti air di kawasan pesisir pantai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Sejak 2013 sehingga Oktober 2016 hasil yang diperolehi oleh kerajaan melalui pengeluaran lesen pendudukan sementara (TOL) untuk tujuan tanah pesisir pantai mengikut daerah adalah berjumlah RM97,710.00. Perincian keluasan tanah dan pendapatan sejak 2013 sehingga Oktober 2016 adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Antara usaha yang diambil oleh kerajaan terhadap kesan pembinaan Jambatan ke-2 Pulau Pinang terhadap ekosistem laut serta memastikan kualiti air di kawasan pesisir pantai adalah seperti berikut:
 - (i) Mengarahkan penggerak projek iaitu Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB) menjalankan kajian EIA sebelum pembangunan projek dijalankan untuk mengenal pasti kesan-kesan kepada alam sekitar dan mencadangkan langkah-langkah kawalan yang akan dilaksanakan untuk meminimumkan kesan kepada alam sekitar. Laporan EIA telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat-syarat pada 22 Ogos 2007. Berdasarkan pemantauan dan penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), pihak JKSB telah melaksanakan langkah-langkah kawalan semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan;
 - (ii) Pihak JKSB juga telah disyaratkan supaya melaksanakan pemantauan kualiti alam sekitar termasuk pensampelan kualiti air setiap bulan sepanjang tempoh pembinaan dan operasi. Pemantauan telah dilaksanakan oleh JKSB dan masih diteruskan sehingga kini walaupun projek telah siap. Di samping itu, JAS juga telah melaksanakan pemantauan kualiti air laut secara berkala untuk memantau tahap kualiti air laut di seluruh Negeri Pulau Pinang;
 - (iii) Bagi menangani pelepasan kelodak daripada aktiviti pembangunan, penggerak projek juga diwajibkan menyediakan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (*Erosion and Sediment Control Plan*) yang menekankan aplikasi *Best Management Practices (BMPs)* di tapak projek; dan
 - (iv) JAS telah menjalankan penguatkuasaan ke atas punca-punca industri yang melepaskan efluen atau air buangan dan juga loji-loji kumbahan untuk memastikan pelepasan adalah mematuhi standard yang telah ditetapkan dan tidak memberi impak pencemaran kepada laut dan pantai. Bagi memastikan pelepasan efluen dan kumbahan daripada kilang-kilang dan premis-premis sentiasa mematuhi had piawai yang ditetapkan, JAS telah mewajibkan setiap

premis melantik orang yang berwibawa (*competent person*) yang ditauliah oleh JAS dan melalui program pensijilan kompetensi untuk mengendalikan sistem pengolahan efluen/kumbahan di premis masing-masing. Pihak industri akan memantau pelepasan efluen/kumbahan melalui pendekatan kawalan sendiri (*self-regulation*) di premis masing-masing dan dilaporkan kepada JAS secara atas talian (*online*). Dalam masa yang sama, JAS juga telah mempertingkatkan pelaksanaan program *Pollution Sources Survey* bagi mengenal pasti kewujudan premis-premis baru yang berpotensi melepaskan pencemaran.

RUJ. LAMPIRAN BLKL NO. 2 (ID 24)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Senaraikan bilangan dan nama koperasi ibu tunggal yang ditubuhkan di Pulau Pinang mengikut daerah.
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu ibu-ibu tunggal dalam memperkasakan peluang ekonomi?
- (c) Bagaimanakah kerajaan mengurangkan *red-tape* bagi golongan ibu tunggal yang ingin menubuhkan koperasi ibu tunggal?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Terdapat empat (4) buah koperasi ibu tunggal yang ditubuhkan di Pulau Pinang seperti berikut :

BIL	KOPERASI	DAERAH
1	Koperasi Ibu Tunggal Bayan Baru Pulau Pinang Berhad	Barat Daya
2	Koperasi Ibu Tunggal Mak Mandin Butterworth Berhad	Seberang Perai Utara
3	Koperasi Ibu Tunggal Pulau Pinang Berhad	Timur Laut
4	Koperasi Ibu Tunggal dan Wanita Seberang Perai Tengah Berhad	Seberang Perai Tengah

- (b) Kerajaan Negeri sememangnya komited dalam menjaga hal ehwal kebajikan rakyatnya termasuk ibu tunggal. Antara program untuk membantu ibu-ibu tunggal dalam memperkasakan peluang ekonomi adalah seperti berikut:
 - (i) Program Agenda Ekonomi di mana golongan ibu tunggal yang pendapatan perkapita RM220.00 akan dibantu untuk memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup mereka sekeluarga di bawah bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES).
 - (ii) Program Bantuan Ibu Tunggal melalui Program-program iSejahtera dengan memberikan bantuan RM100.00 pada setiap tahun. Golongan ibu tunggal juga boleh mengikuti kursus-kursus kemahiran yang dianjurkan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti *Penang Skills Development Center* (PSDC) di mana yuran kursus yang ditaja oleh Pusat Urus Zakat (PUZ), kursus dan bimbingan keusahawanan oleh Unit Usahawan *Penang Development Corporation* (PDC) dan kursus-kursus ekonomi lain seperti pemasaran produk, pembungkusan, pertanian serta bidang masakan. Di samping itu, *Penang Career Assistance and Talent Centre* (PenangCAT) juga menyediakan bimbingan kerjaya kepada ibu tunggal bagi mendapatkan kerjaya yang bersesuaian.
 - (iii) Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) di mana Kerajaan Negeri melalui PDC turut membantu ibu tunggal dalam memperkasakan peluang ekonomi melalui bidang keusahawanan dengan menyediakan kemudahan pinjaman untuk modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan.

- (iv) Melalui dasar dan pelan Tindakan Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) telah menjalankan latihan bersubsidi bagi Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak di rumah kepada lebih daripada 200 orang peserta. Keutamaan penyertaan program ini diberikan kepada golongan ibu tunggal yang tiada punca pendapatan tetap.
 - (v) Melalui Skim Mikro Kredit Tabung Usahawan Tani Muda, Kerajaan Negeri menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada usahawan tani muda termasuk ibu tunggal yang berusia bawah 40 tahun dan ke bawah.
 - (vi) Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut membantu golongan ibu tunggal dengan memberikan bantuan pembinaan atau pembaikan rumah dan bantuan peralatan berkaitan aktiviti ekonomi untuk meningkatkan pendapatan.
- (c) Kerajaan Negeri amat menggalakkan dan sentiasa membantu ibu-ibu tunggal dalam meningkatkan taraf ekonomi mereka termasuk melalui penubuhan koperasi ibu tunggal. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang aduan kelewatan untuk menubuhkan koperasi ibu tunggal.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Senaraikan keluasan dan pendapatan yang diperolehi oleh kerajaan melalui pengeluaran lesen pendudukan sementara (TOL) untuk tujuan pertanian mengikut daerah sejak 2013 sehingga kini.
- (b) Senaraikan keluasan dan pendapatan yang diperolehi oleh kerajaan melalui pengeluaran lesen pendudukan sementara (TOL) untuk tujuan kediaman mengikut daerah sejak 2013 sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Sejak 2013 sehingga Oktober 2016, pendapatan yang diperolehi oleh kerajaan melalui pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara (TOL) untuk tujuan pertanian berjumlah RM36,753.00. Perincian keluasan tanah mengikut daerah dan hasil negeri sejak 2013 sehingga Oktober 2016 bagi TOL adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Sejak 2013 sehingga Oktober 2016, pendapatan yang diperolehi oleh kerajaan melalui pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara (TOL) untuk tujuan kediaman berjumlah RM45,970.00. Perincian keluasan tanah mengikut daerah dan hasil negeri sejak 2013 sehingga Oktober 2016 bagi TOL adalah seperti di Lampiran B.

RUJ. LAMPIRAN BLKL NO. 4 (ID 26)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Apakah status terkini tentang pembangunan dan penubuhan Eco-Industry Park di Bukit Teh, Bukit Mertajam?
- (b) Adakah kajian Detailed Environment Impact Assessment (DEIA) akan dijalankan khasnya kesan sosial dan alam sekitar terhadap penduduk sekitar?
- (c) Bagaimana kerajaan memastikan bahawa pembangunan tersebut akan membawa manfaat kepada penduduk sekitar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Cadangan bagi pembangunan dan penubuhan *Eco-Industry Park* di Bukit Teh, Bukit Mertajam merupakan cadangan awal yang dikemukakan oleh pihak swasta kepada Kerajaan Negeri. Cadangan tersebut merupakan inisiatif sepenuhnya oleh pihak swasta yang berminat untuk mewujudkan kawasan eko-perindustrian yang menumpukan kepada pemprosesan *Construction & Demolition Waste (CDW)* dan *Green Waste (GW)*. Cadangan tersebut masih berada ditahap perbincangan dan belum ada sebarang bentuk pelan pembangunan menyeluruh yang telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri.

- (b) Setiap cadangan pembangunan estet perindustrian yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih adalah tertakluk di bawah Aktiviti 17, Jadual 1, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling 2015). Sehubungan itu, sekiranya cadangan ini dipersetujui, penggerak projek perlu menjalankan kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling [*Environmental Impact Assessment (EIA)*] serta kajian Penilaian Kesan Sosial [*Social Impact Assessment (SIA)*] sebelum pembangunan dilaksanakan. Kajian perlu dijalankan oleh orang yang layak (*qualified person*) dan berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar. Sebarang pembangunan tidak boleh dimulakan sebelum laporan *EIA* dan *SIA* diluluskan.
- (c) Kerajaan Negeri akan memastikan bahawa pembangunan yang dimaksudkan mengambil kira kepentingan sosio-ekonomi penduduk dengan sewajarnya melalui kajian *SIA* yang akan dilaksanakan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 6. (a) Terangkan status terkini tentang projek pelebaran Jalan Bukit Minyak - Alma yang semakin sesak pada waktu kemuncak.
- (b) Apakah masalah dan halangan yang menyebabkan projek tersebut belum lagi dimulakan di tapak walaupun kontrak telah diberikan?
- (c) Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek tersebut yang telah dijanji sejak 2013.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 6. (a) Projek pelebaran Jalan Bukit Minyak-Alma telah dimulakan pada 18 Mac 2016 dan dijangka siap pada 17 Mac 2017 dengan kos projek bernilai RM7,950,000.00 tidak termasuk kos pengambilan tanah. Status terkini projek melibatkan kerja-kerja ukur penandaan dan kerja-kerja pengalihan utiliti oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB). Kemajuan kerja di tapak telah mencapai 6%, berbanding 20% yang dijadualkan.
- (b) Kelewatan kemajuan kerja di tapak adalah disebabkan pengambilan balik tanah yang masih belum selesai di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah akibat perubahan terhadap jajaran awal.
- (c) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah seberang Perai Tengah sedang mempercepatkan proses pengambilan balik tanah dan pembayaran pampasan kepada pihak yang berkenaan. Pihak perunding yang dilantik juga telah diarahkan untuk mengkaji semula reka bentuk sebahagian jalan tersebut agar pembinaan dapat dimulakan sebaik saja isu pengambilan balik tanah selesai. Pembinaan sepenuhnya dijangka akan bermula pada suku pertama tahun 2017.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 7. (a) Dengan kepadatan penduduk semakin bertambah di kawasan sekitar Alma, apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menaiktaraf persimpangan Jalan Rozhan, Jalan Alma dan Jalan Seladang?
- (b) Terangkan status terkini tentang cadangan pembinaan slip road di Jalan Seladang untuk menangani kesesakan lalu lintas.
- (c) Apakah masalah yang menyebabkan projek tersebut lambat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 7. (a) Sebagai langkah menangani masalah kesesakan lalu lintas di kawasan sekitar Alma, Kerajaan Negeri bercadang untuk membina jejambat dan *slip road* untuk menaik taraf Jalan Rozhan - Alma, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah (SPT).

- (b) Reka bentuk dan dokumen tender telah disiapkan sepenuhnya oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pengiklanan tender bagi projek ini dijadualkan pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini terpaksa ditangguhkan berikutan keputusan Jawatankuasa Tanah Negeri yang menangguhkan pengambilan balik tanah yang berkaitan.
- (c) Kelewatan projek adalah disebabkan oleh kos pengambilan balik tanah yang terlalu tinggi iaitu RM7 juta. Oleh itu, cadangan projek tersebut terpaksa ditangguhkan sehingga isu pengambilan balik tanah diselesaikan terlebih dahulu.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. (a) Ekoran daripada bilangan kes bunuh diri serta pesakit mental yang kian meningkat, nyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah tersebut.
- (b) Senaraikan nama klinik kaunseling kerajaan/NGO mengikut lokasi, daerah dan bilangan kepakaran kaunseling yang ada di setiap klinik.
- (c) Apakah cabaran yang dihadapi oleh klinik-klinik kaunseling tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. (a) Usaha yang dijalankan Kerajaan Negeri bersama-sama Jabatan Kesihatan Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menangani masalah penyakit mental adalah seperti berikut:
 - (i) Perkhidmatan Saringan Minda Sihat untuk mengenalpasti individu yang berisiko menghadapi stres dan yang mempunyai simptom dan tanda-tanda stres, rasa resah dan kemurungan dengan menggunakan saringan ujian *Depression, Anxiety, Stress Scales* (DASS) yang dijalankan di klinik kesihatan di negeri Pulau Pinang;
 - (ii) Merujuk pesakit yang menunjukkan keputusan saringan ujian *Depression, Anxiety, Stress Scales* (DASS) tidak normal kepada Pegawai Perubatan atau Pakar Kesihatan Keluarga untuk kaunseling, intervensi dan rawatan jika perlu;
 - (iii) Memperkenalkan Program Intervensi Minda merangkumi latihan kemahiran daya tindak seperti berfikir positif, teknik penyelesaian masalah, cara menangani stress, cara mengawal marah, kemahiran asertif dan komunikasi interpersonal,
 - (iv) Program Kesihatan Mental di kalangan komuniti dijalankan di mana komuniti berpeluang mempelajari kemahiran daya tindak untuk berfikir secara positif, kaedah pengawalan stres dan penyelesaian masalah; dan
 - (v) Program Minda Sihat Menangani Stres di Sekolah bersama guru-guru kaunselor dijalankan di semua sekolah menengah di mana semua pelajar Tingkatan 4 disaring dengan saringan DASS.
- (b) Kesemua 26 klinik kesihatan di Pulau Pinang iaitu 6 di Seberang Perai Utara, 5 di Seberang Perai Tengah, 4 di Seberang Perai Selatan, 3 di Barat Daya dan 8 di Timur Laut yang menyediakan perkhidmatan kesihatan mental merangkumi aspek pencegahan, pengesanan awal dan rawatan serta kaunseling individu dan berkelompok mengikut keperluan. Khidmat Pakar Psikiatri boleh didapatkan di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Bukit Mertajam. Selain daripada klinik dan hospital kerajaan, perkhidmatan kaunseling juga disediakan di pusat-pusat di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti berikut:
 - (i) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (1 pakar);
 - (ii) Pejabat Kebajikan Masyarakat di semua daerah (6 pakar);
 - (iii) Sekolah Tunas Bakti, Telok Air Tawar (1 pakar); dan

- (iv) Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti (2 pakar).
- (c) Antara cabaran yang dihadapi oleh klinik dan pusat kaunseling adalah seperti berikut:
 - (i) Kesukaran proses intervensi psikologi akibat kegagalan pesakit mental mengambil ubatan mengikut dos yang ditetapkan menyebabkan pemikiran kurang waras;
 - (ii) Stigma masyarakat yang takut untuk menjalani ujian dan rawatan berkaitan mental;
 - (iv) Pendapat masyarakat yang risau untuk menjalani rawatan kerana kekangan kewangan sedangkan perkhidmatan yang diberikan adalah percuma;
 - (iv) Tahap pengetahuan masyarakat mengenai perkhidmatan kaunseling dan psikologi masih belum di tahap optima; dan
 - (v) Kekurangan kepakaran bagi kes-kes yang lebih mencabar.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 9. (a) Senaraikan bilangan usahawan *start-up* yang berdaftar di Pulau Pinang mengikut daerah dan jenis perniagaan yang diceburi oleh mereka.
- (b) Apakah usaha yang di ambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu usahawan *start-up* berjaya dalam bidang yang diceburi?
- (c) Nyatakan jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk membangun usahawan *start-up* sejak 2013 sehingga sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 9. (a) Senarai bilangan usahawan *start-up* yang berdaftar dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Pulau Pinang mengikut daerah dan jenis perniagaan yang diceburi adalah seperti di Lampiran A.

**BILANGAN USAHAWAN START-UP YANG BERDAFTAR DENGAN PDC
DI PULAU PINANG MENGIKUT DAERAH**

DAERAH	BIL. USAHAWAN
Barat Daya	758
Timur Laut	406
Seberang Perai Utara	360
Seberang Perai Tengah	496
Seberang Perai Selatan	348
JUMLAH	2368

- (b) Antara usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu usahawan *start-up* berjaya dalam bidang yang diceburi adalah seperti berikut:-
 - (i) Menyediakan kemudahan pinjaman melalui Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang, iaitu suatu skim penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Sejak tahun 2009 sehingga Oktober 2016 sejumlah RM10.49 juta telah diagihkan kepada 2,368 usahawan;
 - (ii) Mewujudkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) untuk memberi dorongan kepada usahawan tani muda. PDC dilantik sebagai ejen Kerajaan Negeri yang bertindak sebagai pemberi, pengutip dan pentadbir pinjaman tersebut. Sejak tahun 2015 sehingga Oktober 2016 seramai 49 usahawan tani telah menikmati kemudahan ini; dan

- (iii) Melaksanakan program-program keusahawanan seperti penganjuran bengkel, seminar dan kursus pembudayaan dan motivasi bagi memperkasakan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kefahaman usahawan dalam bidang pengurusan perniagaan supaya menjadi usahawan yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan.
- (c) Jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan usahawan *start-up* sejak 2013 sehingga sekarang adalah sebanyak RM8 juta dalam bentuk pinjaman mikro kredit Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang dan sebanyak RM500,000 untuk Skim Mikro Kredit Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM).

RUJUK LAMPIRAN A BLKL NO. 9 (ID 37)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 10. (a) Nyatakan bilangan dan nama *food truck* yang telah diberi lesen oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai sejak 2014, 2015 dan 2016.
- (b) Terangkan garis panduan untuk kelulusan lesen perniagaan untuk pengusaha *food truck*.
- (c) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pengusaha *food truck* dalam berdepan dengan ruang perniagaan yang tidak mencukupi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 10. (a) Sehingga tahun 2016, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) belum pernah mengeluarkan sebarang lesen kepada penjaja *food truck*.
- (b) Pihak Berkuasa Tempatan kini dalam proses penyediaan Draf Garis Panduan Dan Pelaksanaan Pengeluaran Lesen Bagi Penjaja *Food Truck*. Walau bagaimanapun, draf garis panduan ini masih dalam peringkat perbincangan, termasuk mendapatkan pandangan daripada para peniaga *food truck*. MPSP telah mengadakan sesi perjumpaan dan perbincangan dengan penjaja *food truck* pada 14 September 2016.
- (c) Usaha yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk membantu pengusaha *food truck* dalam berdepan dengan ruang perniagaan yang tidak mencukupi adalah dengan meletakkan kelonggaran pada lesen sedang didrafkan seperti berikut:
 - (i) Memberi waktu perniagaan yang fleksibel kepada peniaga.
 - (ii) Memberi lesen penjaja untuk menjalankan aktiviti perniagaan di beberapa lokasi yang bersesuaian (tidak terhad kepada 1 lokasi sahaja).
 - (iii) Meluluskan tapak perniagaan kepada pihak penganjur untuk menganjurkan aktiviti perniagaan di atas tanah persendirian.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 11. (a) Senaraikan loji rawatan kumbahan yang terbengkalai/tidak digunapakai/terbiar mengikut lokasi, daerah dan keluasan tanah tersebut.
- (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan loji tersebut tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk atau mengancam keselamatan awam?
- (c) Bolehkah loji rawatan kumbahan tersebut diubahsuai atau ditebusguna untuk dijadikan tempat rekreasi atau riadah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Secara keseluruhannya, terdapat 107 tapak loji rawatan kumbahan yang tidak diguna pakai di seluruh Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 78 tapak didaftar hakmilik kepada Jabatan Perkhidmatan Pembentukan (JPP) dan diuruskan oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK). Manakala sebanyak 29 tapak didaftar hakmilik atas nama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Senarai terperinci loji rawatan kumbahan yang tidak diguna pakai mengikut lokasi, daerah dan keluasan tanah di bawah bidang kuasa JPP dan PBT masing-masing adalah seperti di Lampiran A dan B.
- (b) Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak IWK menjalankan pemantauan berkala bagi memastikan kawasan tersebut terpelihara daripada pembiakan nyamuk dan tidak mengancam keselamatan awam. Sebagai inisiatif lain, bagi tapak loji di bawah hakmilik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), beberapa tapak telah ditukar guna kepada kawasan rekreasi, tempat letak kereta, 'roll call', pusat sumber dan tempat simpanan barang-barang rampasan. Manakala di bawah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), sebahagian bekas tapak loji rawatan kumbahan tersebut telah dilupuskan kepada pertubuhan keagamaan bagi tujuan pembangunan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Selain itu, beberapa bekas tapak loji rawatan MPSP yang lain dibuka untuk permohonan bagi tujuan kitar semula/kompos. Tindakan menukar kegunaan tapak loji rawatan kumbahan yang terbiar ini dapat mengurangkan masalah pembiakan nyamuk dan melindungi keselamatan awam.
- (c) Tapak loji rawatan kumbahan yang telah diwartakan untuk tujuan pembentukan perlulah dipohon secara "case to case basis" kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Pembentukan, Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air sekiranya diperlukan untuk sebarang tujuan pembangunan semula. Perkara ini adalah selaras dengan keputusan Majlis Tanah Negara pada 26 Oktober 1999 dengan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan sebagai Pegawai Pengawal dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Pembentukan sebagai Penyelenggara. Bagi loji rawatan kumbahan yang tidak diguna pakai dan tidak diwartakan untuk tujuan pembentukan, ianya boleh diubahsuai atau ditebus guna untuk dijadikan tempat rekreasi atau riadah. Manakala bagi loji yang telah diwartakan kegunaan pembentukan, kegunaan-kegunaan lain adalah tidak dibenarkan dan sekiranya diperlukan, ianya perlulah dipohon kepada Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu.

RUJ. LAMPIRAN A & B BLKL NO. 11 (ID 39)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Senaraikan jumlah hasil kutipan fi lesen daripada penjaja-penjaja oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai mengikut tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016.
- (b) Bolehkah penjaja-penjaja tersebut dikecualikan untuk bayaran fi lesen untuk tahun 2017 serta memutihkan penjaja-penjara tidak berlesen?
- (c) Apakah usaha yang diambil oleh kerajaan untuk membantu penjaja-penjaja kecil untuk memperbaiki bisnes mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Hasil kutipan Bayaran Lesen Penjaja di Pulau Pinang dari tahun 2013 sehingga bulan September 2016 oleh MPSP dan MBPP adalah seperti berikut :-

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN BAYARAN LESEN PENJAJA (RM)	
	MBPP	MPSP
2013	24,552.00	146,105
2014	24,012.00	151,425
2015	26,712.00	132,484
Jan -Sept 2016	31,464.00	107,756

- (b) Penjaja tidak boleh dikecualikan bayaran lesen kecuali kes-kes tertentu sahaja seperti penjaja yang terlibat dengan projek naik taraf, pemindahan lokasi penjaja serta faktor-faktor lain yang mengikut budi bicara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bayaran lesen juga telah ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil Penjaja 1979 bertujuan untuk mengawal aktiviti penjaja disamping untuk memantau aktiviti penjajaan mereka. Selain itu, MPSP sedang berusaha untuk memutihkan penjaja dengan menubuhkan *task force* Penjaja Tanpa Kebenaran secara berperingkat-peringkat mengikut kawasan parlimen.
- (c) Di antara usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui MPSP dan MBPP untuk membantu penjaja-penjaja kecil memperbaiki perniagaan mereka adalah seperti berikut:-
- (i) Memberikan potongan 50% ke atas Bayaran Lesen Penjaja bagi menggalakkan penjaja memperoleh lesen dan memperbaiki perniagaan mereka.
 - (ii) Menempatkan semula penjaja tanpa lesen ke pasar/ kompleks/ tapak penjaja yang baru.
 - (iii) Menjalankan kerja-kerja naik taraf kompleks.
 - (iv) Menyediakan kompleks pasar dan makanan yang baru.
 - (v) Mengadakan Majlis Sambutan Hari Penjaja setiap tahun bagi mempromosikan kompleks makanan penjaja.
 - (vi) Mengenakan bayaran sewa gerai yang rendah, memudahkan pengeluaran lesen penjaja di lokasi bersesuaian dan menggalakkan perniagaan penjaja secara mudah alih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Senaraikan bilangan pengusaha *guesthouse* yang beroperasi di Pulau Pinang mengikut permit sementara dan lesen perniagaan.
- (b) Bandingkan fi lesen bagi perniagaan biasa dengan perniagaan *guesthouse* dan rasionalnya untuk perbezaan tersebut.
- (c) Terangkan sumbangan industri *guesthouse* dalam membangunkan sektor pelancongan di Pulau Pinang serta usaha kerajaan dalam membantu industri *guesthouse*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Jumlah bilangan pengusaha *guesthouse* yang beroperasi di Pulau Pinang adalah sebanyak 376. Pecahan pengusaha mengikut Pihak Berkuasa Tempatan, permit sementara dan lesen perniagaan adalah seperti berikut:-

PBT	Permit Sementara	Lesen Perniagaan (tetap)
MBPP	155	154
MPSP	19	48
Jumlah	174	202

- (b) Kadar bayaran lesen bagi perniagaan biasa adalah berdasarkan keluasan lantai yang dimiliki oleh premis tersebut. Walau bagaimanapun, bagi kadar bayaran *guesthouse* atau hotel pula adalah berdasarkan bilangan bilik atau katil bagi *Dormitory*. Rasionalnya adalah kadar penetapan bayaran lesen ini mestilah bersesuaian dengan jenis perniagaan yang hendak dijalankan. Selain itu, jenis perniagaan yang melibatkan penginapan ini hanya dapat dibezakan antara satu pengusaha dengan pengusaha lain adalah dengan mengambilkira bilangan bilik dan katil yang dimilikinya.
- (c) Industri *guesthouse* atau hotel memberi sumbangan secara langsung dalam membangunkan sektor pelancongan di Pulau Pinang kerana bayaran sewaan bilik yang dikenakan oleh jenis perniagaan ini adalah lebih murah berbanding dengan hotel. Kemudahan tempat penginapan yang banyak dan lebih murah boleh menarik lebih ramai

lagi pelancong berpendapatan rendah dan sederhana ke negeri Pulau Pinang. Selain itu, industri ini juga membuka peluang-peluang pekerjaan khususnya bagi golongan muda yang tinggal dikawasan bandar.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Senaraikan bilangan penduduk yang terdiri daripada golongan transgender di Pulau Pinang bagi tahun 2013, 2014, 2015, 2016.
- (b) Berapakah bilangan transgender yang ditahan oleh polis dan Jabatan Hal-Ehwal Agama bagi tahun 2013, 2014, 2015, 2016?
- (c) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menghentikan diskriminasi ke atas golongan minoriti tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Maklumat berkaitan dengan golongan transgender di Negeri Pulau Pinang tidak dapat diperolehi kerana tiada Jabatan/Agensi yang menyimpan atau merekodkan maklumat berkenaan.
- (b) Tangkapan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah mengikut jantina dalam MyKad dan tidak mempunyai data spesifik untuk golongan transgender.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) telah merekodkan sebanyak 22 kes dari tahun 2013 hingga 2016 berkaitan dengan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang Tahun 1996 iaitu mengenai Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT). Seksyen-seksyen kesalahan yang berkaitan antaranya adalah:

Seksyen 25 : Liwat : perhubungan seks sesama lelaki

Seksyen 26 : Musahaqah: perhubungan seks sesama perempuan

Seksyen 28 : Lelaki berlagak seperti perempuan

Perincian kes adalah seperti di bawah:-

Jumlah Kes Dari Tahun 2013 Hingga 2016

Seksyen	Tahun				Jumlah
	2013	2014	2015	2016	
Sek. 25 Liwat	-	-	-	-	0
Sek. 26 Musahaqah	-	-	-	-	0
Sek. 28 Lelaki berlagak seperti perempuan	6	6	0	10	22
Jumlah Kes	6	6	0	10	22

- (c) Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada sidang DUN 2013 telah bersetuju menubuhkan satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh YB ADUN Tanjung Bungah dan dianggotai oleh Yang Berhormat dari kedua-dua pihak untuk menangani masalah golongan Transgender, khususnya keganasan di dalam lokap dan masalah yang di hadapi di hospital. Jawatankuasa telah bekerjasama dengan golongan Transgender mengenai isu-isu diskriminasi yang dialami oleh golongan itu dan juga sebagai platform untuk menerangkan isu HIV/AIDS kepada transgender.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Pusat hiburan berunsur judi semakin berleluasa di seluruh Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan bilangan pusat hiburan berunsur judi telah diambil tindakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai mengikut bulan untuk 2016.
 - (b) Berapakah kes tersebut yang didakwa ke mahkamah?
 - (c) Nyatakan bilangan penguatkuasa di Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang ditanggungjawab untuk kerja penguatkuasaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Tindakan penguatkuasaan bagi pusat-pusat hiburan berunsur judi adalah tidak dibenarkan. Oleh itu kedua-dua PBT dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil maklum tindakan dalam operasi yang mereka jalankan. Bilangan pusat hiburan berunsur judi yang telah diambil tindakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sepanjang tahun 2016 adalah sebanyak 14, manakala bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bilangannya adalah sebanyak 360. Jumlah tindakan yang telah diambil oleh PDRM mengikut daerah pula adalah sebanyak 963. Maklumat terperinci bilangan tindakan mengikut bulan dan daerah adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Bilangan kes yang telah dibawa ke mahkamah oleh MPSP dan PDRM adalah sebanyak 40 kes manakala di MBPP tiada kes dibawa ke mahkamah.
- (c) MBPP mempunyai seramai 297 orang penguatkuasa manakala MPSP mempunyai seramai 274 kakitangan yang dipertanggungjawabkan untuk kerja-kerja penguatkuasaan.

RUJ. LAMPIRAN A BLKL NO. 15 (ID 46)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Senaraikan bilangan dan lokasi terkini untuk *telecommunication tower* yang sah dan tidak sah di Pulau Pinang.
- (b) Terangkan tindakan yang telah diambil terhadap *telecommunication tower* yang tidak sah.
- (c) Kemukakan laporan ujian kesan radioaktif telco *tower* terhadap penduduk setempat serta sama ada ia memenuhi syarat yang ditetapkan oleh MCMC.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Jumlah struktur menara telekomunikasi yang sah di Negeri Pulau Pinang adalah berjumlah 930 buah manakala struktur yang tidak sah adalah sebanyak 137 buah. Senarai lokasi terkini menara telekomunikasi mengikut daerah adalah seperti di bawah:

DAERAH	SAH	TIDAK SAH	JUMLAH
Seberang Perai Utara	146	59	205
Seberang Perai Tengah	214	40	254
Seberang Perai Selatan	92	10	102
Timur Laut	340	16	356
Barat Daya	138	12	150
JUMLAH	930	137	1,067

- (b) Tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap struktur telekomunikasi yang tidak mengemukakan permohonan atau gagal mematuhi Prosedur dan Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang. Pemilik struktur berkenaan akan dikenakan tindakan bawah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) kerana membina struktur telekomunikasi tanpa kebenaran. Antara tindakan yang telah diambil adalah dengan mengeluarkan Notis Binaan Tanpa Kebenaran (BTK) mengikut Seksyen 72 (1) (b) yang mana pemilik struktur dikehendaki meruntuh struktur bangunan dalam tempoh empat belas (14) hari dari notis yang dikeluarkan. Sekiranya pemunya struktur masih gagal mematuhi arahan meruntuh, Notis Mengosongkan Bangunan akan dikeluarkan dan pemilik hendaklah mengosongkan struktur tersebut dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh notis berkenaan. Sekiranya pemunya struktur masih enggan mengambil tindakan dan tidak mematuhi notis, tindakan meruntuh struktur akan diambil oleh PBT berkenaan.
- (c) Kerajaan Negeri amat prihatin akan kesan radioaktif terhadap persekitaran dan kesihatan rakyat Negeri Pulau Pinang. Sehubungan itu, Bengkel *Electro-Magnetic Field (EMF) – Stakeholder Engagement Workshop* telah diadakan pada 29 Mei 2015 di Hotel Jen, Georgetown, Pulau Pinang yang dihadiri oleh Exco, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ketua-ketua Jabatan/Agensi Kerajaan di Negeri Pulau Pinang untuk memberi pendedahan kepada semua peserta mengenai kesan *EMF* terhadap kesihatan dan persekitaran. Had pendedahan maksimum frekuensi yang dibenarkan untuk orang awam seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan *International Commission On Non-Ionizing Radiation Protection (ICNIRP)* adalah di **Jadual 1** dan keputusan kajian menunjukkan pendedahan frekuensi hanya pada kadar yang amat rendah dan kurang daripada 1% serta mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh SKMM dan *ICNIRP* yang tidak akan memberikan kesan radiasi kepada orang awam yang tinggal dan bekerja di sekitar lokasi terbabit.

Jadual 1. Had Pendedahan Maksimum Yang Dibenarkan Untuk Orang Awam

FREKUENSI (MHz)	KEKUATAN MEDAN ELEKTRIK (V/m)	KEKUATAN MEDAN MAGNET (A/m)	KETUMPATAN TENAGA ($\mu\text{W}/\text{cm}^2$)
1 MHz – 10 MHz	$87f^{0.5}$	$0.073/f$	-
10 MHz – 400 MHz	28	0.073	200
400 MHz – 2 GHz	$1.375f$	$0.0037f^{0.5}$	F/2
2 GHz - 300 GHz	61	0.16	1000

*Frequency (f) in MHz

Terdapat empat (4) kertas kajian mengenai *EMF* yang telah dibentangkan dalam bengkel tersebut:

- (i) Kajian Mengenai Pelepasan Frekuensi Radio Sekitar Struktur Telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang oleh Puan Roha binti Tukimin dari Jabatan Nuklear Malaysia telah dijalankan di 10 lokasi di Negeri Pulau Pinang seperti di Lampiran A dan hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pelepasan frekuensi radio di lokasi terbabit adalah amat rendah dan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh SKMM dan *ICNIRP* yang tidak akan memberikan kesan radiasi kepada orang awam yang tinggal dan bekerja di sekitar lokasi terbabit.
- (ii) Kajian Tahap *EMF* Daripada Stesen Telekomunikasi oleh Prof. Dr. Tharek Abd Rahman dari Universiti Teknologi Malaysia telah dijalankan di 5 lokasi utama di Malaysia dengan 2 daripadanya telah dijalankan di Negeri Pulau Pinang seperti di Lampiran B. Kajian menunjukkan frekuensi elektromagnetik radio adalah berbeza dengan sinaran radioaktif dan 90% stesen telekomunikasi di Malaysia mempunyai tahap sinaran elektromagnetik di bawah 3 V/m ketika waktu puncak. *Malaysian Institute for Nuclear Technology Research (MINT)* telah mengukur tahap pendedahan *EMF* daripada banyak stesen dan mendapati tahap maksimum bagi kebanyakan stesen adalah kurang 1%.

- (iii) Pembentangan mengenai Tahap Keselamatan Medan Elektromagnetik (EMF) oleh Prof. Dr. Ng Kwan Hoong dari Universiti Malaya pula menyatakan bahawa kajian kesan jangka masa panjang terhadap penggunaan telefon bimbit terus dilaksanakan dari semasa ke semasa dan *World Health Organization (WHO)* mempunyai pangkalan data kajian berkenaan. Malah, Malaysia di bawah pemantauan oleh SKMM telah memenuhi piawaian antarabangsa *ICNIRP* yang diluluskan oleh *WHO* dan tiada bukti saintifik yang membuktikan bahawa *EMF* yang dikeluarkan daripada antena telekomunikasi boleh menarik gas radon atau sebarang gas merbahaya. Contoh sinaran berion adalah *UV*, *x-Ray* dan Sinaran *Gamma* yang mempunyai tenaga yang mencukupi untuk mengubah ikatan kimia dan struktur atom. Manakala sinaran tidak berion (termasuk radio frekuensi) mempunyai tenaga yang rendah, tidak berupaya memberi kesan kepada kesihatan seperti sinaran berion dan kajian yang diperolehi menunjukkan komunikasi tanpa wayar hanya memanaskan tisu badan pada tahap yang tidak memudaratkan dan tiada kesan kronik pada kesihatan.
- (iv) Pembentangan Mengenai Kes-kes Perubatan di Malaysia Akibat Daripada Pancaran *EMF* oleh Dr. Pirunthavany Muthuvelu dari Kementerian Kesihatan Malaysia telah menunjukkan bahawa banyak kajian telah dilakukan sejak dua dekad yang lalu untuk mengetahui kesan penggunaan telefon bimbit terhadap kesihatan, namun tiada bukti yang pasti berkaitannya. Pemanasan tisu berlaku disebabkan oleh interaksi antara tenaga frekuensi radio dan badan manusia. Frekuensi yang digunakan oleh telefon bimbit, kebanyakan tenaganya diserap oleh kulit dan tisu lain dan menyebabkan suhu pada otak dan organ lain meningkat. Tiada bukti pasti yang menunjukkan simptom sebenar dan *EMF* merupakan puncanya.

RUJUK LAMPIRAN A & B BLKL NO. 16. (ID47)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 17. (a) Terangkan garis panduan dan peraturan yang digunapakai oleh Kerajaan Tempatan untuk mengawal industri cuci kereta di Pulau Pinang.
- (b) Sejauh manakah pemantauan air kotor yang *discharge* keluar ke parit/longkang oleh kedai cuci kereta tidak mencemari sungai?
- (c) Senaraikan bilangan kedai-kedai cuci kereta yang berlesen dan tidak berlesen mengikut lokasi dan daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 17. (a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak mempunyai satu garis panduan khusus berkaitan industri cuci kereta, malahan tiada peruntukan khusus dalam Undang-Undang Kecil (UUK) Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPPP 1991 bagi syarat-syarat perniagaan cuci kereta. Aktiviti cuci kereta yang dilesenkan dibawah lain-lain tred dalam Jadual 1 UUK Tred, Perniagaan Dan Perindustrian MPPP 1991. Syarat-syarat yang diberikan hanya merupakan syarat-syarat am pelesenan bagi kebersihan. Antara syarat-syarat dalam menjalankan aktiviti cuci kereta adalah seperti berikut:
 - (i) Menjaga dan menyenggara tempat atau premis supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih.
 - (ii) Menyediakan kemudahan tong atau bekas sampah yang cukup sebagaimana perlu untuk meletakkan sampah. Semua sampah hendaklah dimasukkan ke karung plastik atau bekas lain yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah atau bekas sampah.
 - (iii) Tidak menyebabkan atau membenarkan darah, air masin, cecair kotor atau bahan-bahan lain yang mengganggu dilonggokan, ditumpahkan atau diserahkan ke dalam longkang atau tempat awam atau persendirian yang lain.
 - (iv) Menyimpan semua bahan mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah merebaknya bahan-bahan berbahaya dan menggangu daripadanya.

- (v) Jangan membuat atau menyebabkan bunyi bising yang merupakan kacau ganggu.
- (vi) Menyediakan peti rawatan kecemasan (First Aid) yang sempurna dan mencukupi.
- (vii) Jangan menyebabkan, membiarkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran habuk, wap asap, wap haba gas pencaran, bau hiduan, getaran, asap atau jelaga dari premis yang boleh menyebabkan kacau ganggu atau mencemarkan udara.
- (viii) Menyediakan longkang perimeter disekeliling tempat mencuci kereta. Air dari aktiviti mencuci kereta tidak dibenarkan mengalir keluar dari premis.
- (ix) Pengusaha hendaklah memasang perangkap minyak dan memastikan air basuhan kenderaan perlu disalurkan ke dalam perangkap minyak terlebih dahulu sebelum keluar ke dalam parit.
- (x) Pengusaha hendaklah memasang perangkap sampah sebelum air basuhan masuk ke dalam parit awam.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula telah menyediakan satu garis panduan khas bagi Pusat Mencuci Kenderaan Secara Manual memandangkan ianya adalah bersifat sementara, kelulusan yang diberi adalah untuk tempoh tiga (3) tahun sahaja. Garis panduan ini terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu :-

- (i) Syarat-syarat umum. Antara syarat-syarat yang ditetapkan adalah:-
 - Pusat Mencuci Kenderaan ini tidak boleh beroperasi di kawasan sawah padi yang aktif dan premis kediaman.
 - Tapak cadangan mestilah tak melebihi 10,000 kaki persegi.
 - Terdapat dua (2) jabatan teknikal yang dirujuk iaitu Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Kejuruteraan.
 - Selepas kelulusan Kebenaran Merancang, pemohon dikehendaki mengemukakan Pelan Bangunan.
- (ii) Syarat- syarat khusus. Antara syarat-syarat khusus adalah:-
 - Tapak cadangan mempunyai akses yang sah ke jalan awam.
 - Tapak permohonan tersebut mestilah berada didalam keadaan baik dan ianya mestilah sekurang-kurangnya diletak dengan *crusher run*.
 - Struktur bangunan yang dibenarkan adalah seperti berikut:
 - (a) Satu (1) unit kontena sebagai stor atau pejabat dengan keluasan 20 kaki x 10 kaki.
 - (b) Dua (2) unit tempat terbuka berbumbung keluasan 20 kaki x 20 kaki setiap satu.
- (iii) Satu stor dengan keluasan 10 kaki x 10 kaki.

Manakala bagi aktiviti mencuci kenderaan menggunakan mesin, pemohon di kehendaki mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang.

- (b) MBPP melaksanakan pemantauan air kotor yang dialirkan keluaran kelongkang oleh premis mencuci kereta agar tidak mencemari sungai adalah dilakukan secara berjadual dan semua pengusaha adalah disyaratkan menyalirkan air kotor ke dalam sistem pembentungan yang sedia ada. Pemantauan juga dilakukan secara berjadual dengan penguatkuasaan ke atas pelaku kesalahan berdasarkan kepada peruntukan Undang-Undang Kecil (Kebersihan dan Keselamatan) Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Bagi aspek kawalan dan pemantauan, MPSP telah menetapkan syarat kepada pengusaha aktiviti mencuci kereta melalui syarat pelesenan. Sistem pamaritan yang sempurna perlu disediakan dan hendaklah sentiasa menjaga kebersihan parit / longkang serta pastikan tiada sampah dibuang / jatuh ke dalamnya. Sekiranya terdapat aktiviti mencuci kereta

yang tidak mematuhi mana-mana peraturan atau syarat yang telah ditetapkan MPSP, tindakan undang-undang terhadap pengusaha boleh diambil. Penghasilan air kotor daripada aktiviti mencuci kenderaan tidak dikategorikan sebagai aktiviti berbahaya yang mengandungi bahan kimia dan boleh menyebabkan pencemaran sungai. Setiap permohonan lesen premis perniagaan bagi aktiviti mencuci kereta ini juga tidak memerlukan ulasan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS). Permohonan tersebut hanya akan dirujuk bagi mendapat ulasan daripada aspek Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan.

- (c) Statistik tempat cuci kereta yang berlesen dan tidak berlesen mengikut lokasi dan daerah adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BLKL NO. 17 (ID48)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Nyatakan bilangan kes keganasan rumah tangga yang berlaku di Pulau Pinang sejak 2013 sehingga kini.
- (b) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu mangsa-mangsa keganasan rumahtangga?
- (c) Senaraikan pusat jagaan kanak-kanak dan rumah perlindungan yang disediakan oleh agensi untuk membantu mangsa-mangsa keganasan rumah tangga.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Sejak tahun 2013 sehingga September 2016, bilangan kes keganasan rumah tangga yang berlaku di Pulau Pinang adalah sebanyak 410 kes dengan perincian seperti di bawah.

BIL.	TAHUN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
1	2013	3	57	60
2	2014	18	100	118
3	2015	15	58	73
4	2016 (sehingga September 2016)	3	156	159
JUMLAH		39	371	410

- (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kabajikan Masyarakat amat prihatin dan komited dalam membantu mangsa keganasan rumah tangga di Pulau Pinang. Antara usaha yang diambil untuk membantu mangsa keganasan rumah tangga adalah seperti berikut:-
- (i) Membantu mangsa keganasan rumah tangga untuk memfailkan permohonan bagi Perintah Perlindungan Sementara (IPO) di mahkamah sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 12 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521).
- (ii) Menguruskan pengangkutan bagi mangsa ke kediaman alternatif / tempat selamat / tempat berlindung, jika perlu;
- (iii) Menguruskan pengangkutan bagi mangsa untuk dihantar ke hospital / tempat kemudahan perubatan yang terdekat bagi rawatan kecederaan jika perlu;
- (iv) Memberikan penjelasan kepada mangsa tentang hak untuk mendapatkan perlindungan terhadap keganasan rumah tangga; dan

- (v) Menemankan mangsa ke kediaman mangsa atau kediaman sebelumnya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya.

Selain itu, Pegawai Kebajikan Masyarakat juga berperanan untuk:

- (i) Merujuk mangsa kanak-kanak kepada Pelindung di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] bagi kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan;
 - (ii) Mempertimbangkan bantuan kewangan jika perlu;
 - (iii) Menyediakan perkhidmatan kaunseling, mediasi dan sebagainya;
 - (iv) Menyediakan tempat selamat kepada mangsa jika perlu;
 - (v) Merujuk mangsa (sekiranya perlu) kepada agensi lain yang berkaitan (contohnya: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Pusat Zakat, Baitulmal, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Imigresen serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan); dan
 - (vi) Merekodkan data-data kes keganasan rumah tangga bagi tujuan pelaksanaan kajian pada masa akan datang oleh pihak berkepentingan.
- (c) Sehingga kini, terdapat hanya sebuah tempat perlindungan untuk kanak-kanak yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga di Pulau Pinang yang digazetkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, iaitu Rumah Kanak-kanak Taman Bakti Kepala Batas. Manakala tempat perlindungan untuk wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga pula ialah *Women Centre for Change (WCC)* di bawah kendalian Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 19. (a) Senaraikan bilangan penduduk yang hidup di bawah garis kemiskinan mengikut daerah.
- (b) Berapakah ramai penduduk warga emas yang hidup di bawah garis kemiskinan?
- (c) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah kemiskinan di kalangan penduduk warga emas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 19. (a) Jumlah keseluruhan penduduk yang hidup di bawah garis kemiskinan iaitu yang berpendapatan perkapita tidak melebihi RM220.00 adalah seramai 1,278 orang. Pecahan jumlah penduduk miskin mengikut daerah adalah seperti berikut:-

DAERAH	BILANGAN
SPU	661
SPT	206
SPS	158
DBD	149
DTL	104
JUMLAH	1278

- (b) Penduduk warga emas yang hidup di bawah paras garis kemiskinan adalah seramai 520 orang.
- (c) Antara usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah kemiskinan di kalangan warga emas adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan kepada warga emas yang berpendapatan perkapita kurang daripada RM220.00 untuk memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup mereka sekeluarga melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES);
- (ii) Sumbangan sebanyak RM100.00 setahun melalui Program Penghargaan Warga Emas dalam bentuk wang dan sumbangan sebanyak RM1,000.00 bagi Pengurusan Jenazah kepada waris bagi warga emas yang berdaftar dengan program iSejahtera yang meninggal dunia;
- (iii) Memperkenalkan Projek Khas Ekonomi melalui Program Bina Baru dan Baik Pulih Rumah Rakyat Miskin termasuk warga emas. Siling bagi Program Bina Baru rumah adalah RM40,000.00 manakala siling bagi Program Baik Pulih Rumah pula adalah RM15,000.00; dan
- (iv) Bantuan-bantuan lain melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Bantuan Am, Bantuan Orang Tua, dan Bantuan Pesakit Telantar.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Masalah pekerja miskin semakin serius khususnya kos sara hidup yang tinggi.
- (a) Senaraikan bilangan pekerja miskin mengikut daerah.
 - (b) Senaraikan pekerja-pekerja yang diberhentikan oleh kilang-kilang mengikut 2014, 2015 dan 2016.
 - (c) Selain melaksanakan gaji minimum, apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan pendapatan pekerja-pekerja di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan di Semenanjung Malaysia, miskin ditakrifkan sebagai sesebuah isi rumah yang pendapatan bulanan isi rumah di bawah RM930.00 sebulan dengan pendapatan perkapita di bawah RM230.00 ke bawah.
- (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat bilangan pekerja miskin mengikut daerah. Namun begitu berdasarkan bayaran gaji minima yang ditetapkan iaitu RM100.00 sebulan, sepatutnya tidak terdapat pekerja yang miskin di dalam perkhidmatan kerajaan.
 - (b) Mengikut data yang diperolehi daripada Jabatan Tenaga Kerja Pulau Pinang, bilangan pekerja yang diberhentikan di sektor perkilangan dari tahun 2014 hingga September 2016 adalah seramai 6,453 orang iaitu 2,693 orang bagi tahun 2014, 940 orang bagi tahun 2015 dan 2,820 orang bagi tahun 2016 (sehingga September).
 - (c) Selain melaksanakan Perintah Gaji Minimum sebanyak RM1,000 sebulan yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016 bagi meningkatkan pendapatan pekerja, Kerajaan Negeri juga menggalakkan majikan untuk membayar lain-lain bayaran seperti elaun-elaun, komisen, dan sebagainya bergantung kepada jenis kerja yang dilakukan. Pekerja juga digalakkan melakukan kerja lebih masa untuk menambahkan pendapatan.

Selain itu, bagi mempertingkatkan pendapatan pekerja-pekerja di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- (i) **Memperkenalkan Program Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology (@CAT)**

Penang @CAT adalah satu program baharu yang dilaksanakan bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai perintis pemula niaga (entrepreneur) terutamanya golongan belia dan juga pekerja yang ingin mempertingkatkan pendapatan. Program ini bertujuan untuk membantu usahawan kecil yang terlibat di dalam bidang kreatif animasi, analisis dan teknologi ataupun yang terlibat di dalam sektor "Internet of Things"(IOT).

(ii) **Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR)**

Kerajaan Negeri melalui PDC juga telah melaksanakan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang yang merupakan program mikro Kredit yang memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan kecil dan menggalakkan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan.

(iii) **Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang.**

Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang untuk memberi dorongan kepada golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM500,000.00 telah disediakan di mana setiap pemohon yang berjaya mendapat pinjaman sebanyak RM5,000.00 dan tempoh pembayaran balik pinjaman selama 2 tahun tanpa faedah. Sehingga bulan Oktober 2016, sebanyak RM245,000.00 telah diagihkan kepada 49 orang usahawan tani untuk menikmati kemudahan kredit ini.

(iv) **Pembangunan Latihan Kemahiran**

Bagi meningkatkan tahap pembangunan sumber manusia berteraskan latihan kemahiran di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui *Penang Skills Development Center* (PSDC) turut melatih sumber manusia dalam pelbagai bidang kemahiran tinggi bagi memenuhi kehendak industri berasaskan teknologi tinggi di negeri ini. Antara pendidikan kemahiran yang menjadi agenda utama Kerajaan Negeri bagi memenuhi pasaran sumber tenaga kerja adalah bidang Teknologi Pemesinan Kepersisan, Kejuruteraan (Komputer, Elektronik, Mekatronik, Telekomunikasi), dan Teknologi Pembuatan (CAD/CAM). Ini sejurusnya dapat membantu dalam peningkatan kerjaya dan juga pendapatan pekerja-pekerja di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Sejauh manakah konsep social sustainability digunapakai semasa perancangan bandar dan desa dijalankan?
- (b) Selain daripada DEIA yang dijalankan, apakah cara lain untuk memastikan kepentingan *stakeholders* di kawasan pembangunan tersebut dijamin?
- (c) Apakah usaha kerajaan dalam memastikan semua pembangunan bandar dan desa adalah seimbang dan *sustainable* dari segi sosialnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Dalam setiap perancangan bandar dan desa yang dijalankan di negeri ini, Kerajaan Negeri sentiasa memberi penekanan kepada *social sustainability* selain kemampuan fizikal, pemuliharaan alam sekitar dan peningkatan ekonomi. Perkara ini digariskan dengan jelas di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020. Empat (4) strategi utama dalam memupuk *social sustainability* adalah seperti berikut:
- (i) Melaksanakan pembangunan mampan bagi mencapai agihan penduduk yang seimbang;
- (ii) Menggalakkan pembentukan masyarakat penyayang, berbudaya dan bersatu;
- (iii) Membangunkan modal insan yang berpengetahuan, berpendidikan, berkemahiran dan lebih berdaya saing; dan
- (iv) Membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf kehidupan yang lebih berkualiti akan diteruskan bagi mencapai sasaran kemiskinan sifar.
- (b) Selain daripada *Detailed Environment Impact Assessment* (DEIA), perkara-perkara lain yang perlu diberi perhatian dalam memastikan kepentingan *stakeholder* terjamin adalah Laporan Cadangan Pemajuan (LCP), *Traffic Impact Assessment* (TIA), Laporan Geotechnical, *Marine Risk Assessment* (MRA), *Social Impact Assessment* (SIA) dan lain-lain bergantung kepada jenis pembangunan yang akan dijalankan dan lokasi projek.

- (c) Bagi memastikan semua pembangunan bandar dan desa seimbang serta mampan dari segi sosialnya, Kerajaan Negeri berusaha supaya:
 - (i) Pulau Pinang mempunyai bilangan penduduk yang mampu menyokong pembangunan negeri di samping menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dengan unjuran dua juta penduduk pada tahun 2020;
 - (ii) Agihan penduduk sebanyak 40% di bahagian pulau dan 60% di bahagian Seberang Perai tercapai pada tahun 2020. Melalui agihan penduduk dan pendekatan pembangunan secara mampan dan seimbang, matlamat untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk akan dapat direalisasikan;
 - (iii) Rakyat yang kurang berkemampuan diberi keutamaan dalam pemilikan rumah. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada projek-projek perumahan mampan milik dan penyediaan kemudahan awam mengikut keperluan masyarakat.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 22. (a) Nyatakan bilangan kanak-kanak yang mempunyai keperluan khas mengikut daerah dan jenis keperluan khas tersebut.
- (b) Sila senaraikan institusi-institusi keperluan khas kanak-kanak serta program-program yang disediakan di Pulau Pinang mengikut lokasi.
- (c) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjamin hak asasi pelajar dan kanak-kanak yang mempunyai keperluan khas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 22. (a) Jumlah keseluruhan kanak-kanak yang mempunyai keperluan khas adalah seramai 5236 orang. Pecahan bilangan kanak-kanak tersebut mengikut daerah dan jenis keperluan khas tersebut adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Terdapat 11 institusi yang menyediakan program-program bagi membantu kanak-kanak keperluan khas. Senarai institusi-institusi tersebut beserta program-program yang disediakan di Pulau Pinang mengikut lokasi adalah seperti di Lampiran B.
- (c) Kerajaan negeri sentiasa memantau perkembangan kanak-kanak berkeperluan khas agar mereka mendapat akses kepada pendidikan dan bantuan kerajaan. Melalui program kebajikan Kerajaan Negeri, kanak-kanak ini mendapat penghargaan dalam Program Skim Pelajar Emas sebanyak RM100.00 setahun dan Program Bantuan OKU RM100.00 setiap tahun.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut memperkenalkan Program Intervensi Bureau Of Learning Difficulty (BOLD) yang telah membawa faedah kepada ratusan kanak-kanak keperluan khas setiap tahun melalui kaedah Fokus Literasi dan Bermain, Belajar, Berkembang Bersama. Program Fokus Literasi ini membantu kanak-kanak yang menghadapi masalah belajar membaca. Program Bermain, Belajar, Berkembang Bersama pula bertujuan merangsangkan perkembangan kemahiran sosial dan komunikasi bagi membantu kanak-kanak yang mempunyai keperluan khas akibat kelambatan atau gangguan perkembangan – seperti Autisme ringan, masalah pertuturan, *Attention Deficit Disorder (ADD)* atau *Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*.

Bagi keluarga kanak-kanak berkeperluan khas yang tercicir dan hidup di jalanan, kerajaan negeri membantu dalam mencari penginapan, menyediakan latihan kemahiran yang bersesuaian dan membantu menempatkan mereka semula dalam pendidikan melalui program *Empowering The Street Citizens*.

RUJUK LAMPIRAN A DAN B BLKL NO. 22 (ID282)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Isu Laluan Persekutuan 1, Bahagian Jalan Permatang Tinggi yang masih tidak dinaik taraf untuk keselamatan dan kelancaran lalu lintas:-
- (a) Nyatakan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan Kerajaan Persekutuan meluluskan cadangan tersebut?
 - (b) Apakah alternatif yang boleh diambil oleh Jabatan Kerja Raya untuk memastikan keselamatan lalu lintas dapat dipertingkatkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Kerajaan Negeri telah memohon peruntukan di dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) untuk menaik taraf Jalan dua (2) lorong kepada empat (4) lorong, secara dua (2) hala di Laluan Persekutuan 1, Bahagian Jalan Permatang Tinggi bermula dari Seksyen 740.4 di Jalan Permatang Tinggi (Sempadan Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan) sehingga Seksyen 746.1 di Jalan Bukit Tengah (Berhadapan Klinik Kesihatan Bukit Minyak).
- (b) Sebagai langkah memastikan keselamatan lalu lintas dipertingkatkan, penyelenggaraan jalan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) secara berterusan dari semasa ke semasa. Selain itu, pada tahun 2016 kerja-kerja *mill and pave* telah dilaksanakan di beberapa lokasi di Permatang Tinggi dan Bukit Minyak untuk memperbaiki keadaan muka jalan. Kerja-kerja pembaikan *kerb* dan saliran *scupper drain* yang rosak juga turut dilaksanakan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Isu *working poor* semakin menjadi-jadi di kalangan belia:-
- (a) Senaraikan bilangan pekerja muda (bawah 40 tahun) yang menerima Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) mengikut daerah sejak 2013, 2014, 2015 dan 2016.
 - (b) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan pendapatan golongan belia tersebut di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai data penerima Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) termasuk bilangan pekerja muda (bawah 40 tahun) kerana BR1M merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada menyediakan kemudahan seumpamanya di bawah skim Agenda Ekonomi Saksama (AES) iaitu inisiatif membasmi kemiskinan di kalangan keluarga miskin tegar bagi menjamin setiap keluarga memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM790 sebulan. Sejak diperkenalkan dari tahun 2009, sebanyak RM339,861.00 telah dibelanjakan untuk tujuan itu dan seramai 1,278 orang telah menerima bantuan di bawah program ini termasuk golongan belia seramai 159 orang melibatkan RM46,713.00.

- (b) Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program kebajikan bagi membantu rakyat Pulau Pinang termasuk golongan belia. Bagi mempertingkatkan pendapatan golongan belia di Pulau Pinang Kerajaan Negeri telah melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut :

(i) Memperkenalkan Program Penang @CAT

Satu program baru dinamakan "Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology (@CAT)" telah dilancarkan bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai perintis pemula niaga (*entrepreneur*) terutamanya di kalangan golongan belia. Program ini bertujuan untuk membantu usahawan kecil yang terlibat di dalam bidang kreatif animasi, analisis dan teknologi ataupun yang terlibat di dalam sektor "Internet of Things"(IOT).

(ii) Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR)

Kerajaan Negeri melalui Penang Development Corporation (PDC) juga telah melaksanakan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang iaitu program mikrokredit yang memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil. Ia diwujudkan untuk membantu usahawan kecil dan menggalakkan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan dan juga sebagai usaha membasmi kemiskinan. Pemberian kemudahan pinjaman mikro ini meliputi semua golongan peniaga termasuk belia berdasarkan perniagaan masing-masing. Sehingga Oktober 2016 sejumlah 2,368 peniaga kecil telah menerima pinjaman berjumlah RM10.49 juta.

(iii) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang untuk memberi dorongan kepada golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya yang berpotensi menjana pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM500,000 telah disediakan di mana setiap pemohon yang berjaya akan diberikan pinjaman tanpa faedah sebanyak RM5,000 dengan tempoh pembayaran balik selama 2 tahun. Sehingga bulan Oktober 2016, sebanyak RM245,000 telah diagihkan kepada 49 orang usahawan tani.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Sungai Muda merupakan sumber air yang penting untuk Negeri Pulau Pinang.

- (a) Berapakah kerja tanah serta aktiviti pencemaran di sepanjang Sungai Muda termasuk di hulu sungai sejak 2013 sehingga kini.
- (b) Apakah usaha diambil oleh Perbadanan Bekalan Air untuk memastikan sumber air tersebut tidak tercemar seperti krisis air yang berlaku di Selangor?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Sejak 2013 hingga kini, hanya empat (4) aktiviti kerja tanah yang mendapat kelulusan Pelan Kerja Tanah daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melibatkan projek penempatan semula penduduk di sepanjang Sungai Muda. Tiada aktiviti pencemaran yang berpunca dari perlombongan pasir kerana Kerajaan Negeri tidak pernah mengeluarkan lesen aktiviti tersebut sejak 2013 hingga kini.
- (b) Usaha-usaha Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan Kerajaan Negeri untuk memastikan sumber air tidak tercemar adalah:-
- (i) Pemantauan sumber air mentah yang dilaksanakan secara berkala (mingguan) oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.
 - (ii) Kualiti air dipantau melalui "Online monitoring" yang dipasang di Pokok Sena (lebih kurang 10km dari Loji Sungai Dua) supaya menepati Standard Kualiti Air Mentah yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
 - (iii) Kajian kebersihan di sepanjang laluan Sungai Muda yang dijalankan setiap tahun bersama-sama KKM dan agensi-agensi yang terlibat seperti Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Daerah dan Tanah dan Majlis Perbandaran.
 - (iv) Memasang "oil boom" di muka sauk Lahar Tiang.
 - (v) Merancang untuk menubuhkan pasukan pemantauan sumber air di sungai-sungai berisiko tinggi seperti Sungai Kulim dan Sungai Muda.

- (vi) Sebarang pembangunan yang melibatkan pangaliran air ke sungai dikawal dengan mensyaratkan effluen dari tapak pembangunan yang akan mengalir ke mana-mana sungai hendaklah menepati sekurang-kurangnya "Standard A" mengikut *Environment Quality Act* 1974.
- (vii) Penubuhan Jawatankuasa Khas Pemantauan Kawasan Tadahan yang dipengerusikan oleh Exco Kerja Raya. Utiliti (Tenaga, Air & Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Kereta Api), Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, YB. SUK bersama agensi seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Pejabat Tanah, Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, PBAPP dan diurusetia oleh Bahagian Kawal Selia Air, PSUKPP. Jawatankuasa ini berperanan menyelesaikan isu-isu pencemaran sumber air.
- (viii) Pihak Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM590,000.00 untuk kerja-kerja pewartaan Kawasan Tadahan di Pulau Pinang Fasa 1 bagi memastikan kelestarian sumber air di negeri ini.
- (ix) Kerajaan Negeri turut merancang supaya dapat menguatkuasakan Enakmen Sumber Air Negeri selaras dengan Rang Undang-Undang Sumber Air Negara yang bakal dibentangkan di Parlimen tahun hadapan supaya dapat mengurus sumber air secara lebih mampan di negeri ini.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 26. (a) Nyatakan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang tidak berdaftar mengikut lokasi dan daerah.
- (b) Senaraikan tanah-tanah disediakan khas untuk rumah ibadat dan RIBI mengikut keluasan tanah, lokasi, daerah.
- (c) Apakah cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan tapak RIBI mencukupi serta menangani masalah RIBI dibuat di rumah kediaman, kedai atau kilang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 26. (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai data bagi rumah ibadat bukan Islam (RIBI) yang tidak berdaftar mengikut lokasi dan daerah.
- (b) Terdapat sebanyak 68 tapak RIBI yang telah disediakan di seluruh negeri Pulau Pinang iaitu 9 di Daerah Seberang Perai Utara, 12 di Daerah Seberang Perai Tengah, 3 di Daerah Seberang Perai Selatan, 20 di Daerah Barat Daya dan 24 di Daerah Timur Laut. Senarai tapak-tapak RIBI mengikut keluasan tanah, lokasi dan daerah adalah seperti di Lampiran A.
- (c) Antara cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan tapak RIBI mencukupi adalah seperti berikut:-
 - (i). Kelulusan Kebenaran Merancang sebelum tarikh 31 Julai 2009 tidak mensyaratkan pemaju untuk menyediakan tapak RIBI. Oleh itu, adalah satu cabaran kepada Kerajaan Negeri untuk menyediakan tapak RIBI yang mencukupi di dalam Skim Pembangunan yang sama;
 - (ii) Wujudnya RIBI di kawasan kediaman yang bukan penduduk kaum yang majoriti;
 - (iii) Sesetengah tokong atau kuil tidak dapat disatukan kerana fahaman atau penganut yang berbeza;
 - (iv). Tidak dapat menjalankan tindakan penguatkuasaan kerana campur tangan banyak pihak kerana isu RIBI adalah isu sensitif;
 - (v). Kekurangan tanah kerajaan yang sesuai untuk tujuan pembangunan RIBI; dan

- (vi). Bergantung kepada kesediaan pemaju menyediakan tapak RIBI dalam cadangan projek-projek perumahan.

Bagaimanapun, untuk menangani masalah RIBI ini Kerajaan Negeri mulai 31 Julai 2009 telah menetapkan dasar supaya setiap pembangunan menyediakan tapak RIBI mengikut kiraan 0.1 meter persegi ruang tanah bagi setiap penduduk. Untuk pengecualian penyediaan tapak RIBI melalui wang sumbangan, jumlahnya ditentukan berdasarkan penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis, Pihak Berkuasa Tempatan.

RUJUK LAMPIRAN A BLKL NO. 26 (ID 295)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Terangkan status terkini tentang permohonan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Koridor Sungai Jawi, lembaran Sungai Junjong dengan anggaran kos RM40 juta untuk mengatasi masalah banjir.
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan pelaksanaan projek RTB tersebut tidak terjejas sekiranya permohonan tidak mendapat kelulusan daripada kerajaan persekutuan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Untuk Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Koridor Sungai Jawi, Lembaran Sungai Junjong, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran, JPS telah membuat permohonan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) dan masih menunggu kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan.
- (b) Sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak meluluskan peruntukan, Kerajaan Negeri akan menjalankan kerja-kerja awalan untuk Kajian dan Reka bentuk Terperinci terlebih dahulu sebagai persediaan untuk permohonan peruntukan dalam *Rolling Plan* RMKe-11 yang akan datang.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Terangkan status terkini projek penyusunan semula 61 buah Rumah Mesra Rakyat (PMR) di Kampung Manggis, Permatang Tinggi yang dikelolakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).
- (b) Nyatakan sebab-sebab projek tersebut masih belum siap?
- (c) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan projek tersebut dapat dilaksanakan serta kepentingan 61 keluarga dijamin?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Projek Rumah Mesra Rakyat Kampong Manggis Seberang Perai Tengah telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2006 dengan tempoh pajakan 60 tahun kepada 61 orang penduduk mangsa banjir Kampung Manggis. Keluasan setiap lot adalah berbeza-beza antara 224 meter persegi dan 290 meter persegi. Pemilik projek adalah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah dan dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Projek ini dibiayai melalui Skim Rumah Mesra Rakyat Satu Malaysia (RMR1M). Kos setiap unit adalah RM65,000.00, di mana RM20,000.00 merupakan subsidi Kerajaan Persekutuan dan baki RM45,000.00 dibayar oleh pemohon melalui RMR1M dengan kadar bayaran bulan sebanyak RM150.00. Status terkini adalah daripada 61 pemilik tanah, hanya 58 orang yang telah memohon kepada SPNB untuk projek ini dan 35 pemohon telah diluluskan Pelan Bangunan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Perincian status kemajuan adalah seperti berikut:-

Fasa	Jumlah Unit	Status Kemajuan
1	10	Telah disiapkan
2	11	Kemajuan kerja 85%
3	14	Dijangka akan dimulakan pada Disember 2016
4	9	Dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Pelan Bangunan setelah dokumentasi dilengkapkan
5	14	Dalam proses kelulusan dan dokumen perjanjian. Ketika ini sedang menyelesaikan isu-isu berbangkit dengan pemohon.

- (b) Sebab utama kelewatan kerana ia melibatkan skop kerja tambahan iaitu Kerja-kerja infrastruktur dan cadangan untuk Pembinaan 61 unit RMR1M secara berkelompok. Sebelum kerja-kerja pembinaan dapat dimulakan, SPNB perlu mengatasi pelbagai masalah berbangkit yang timbul seperti kedudukan kandang lembu yang terletak di jalan masuk, mendapatkan kelulusan Pelan Bangunan secara berperingkat selain dari memenuhi keperluan tambahan dari Pihak Berkuasa Tempatan yang bukan di dalam skop dan perbelanjaan asal projek. Berlainan dengan konsep pelaksanaan RMR1M di mana SPNB melalui SPNB Mesra Sdn. Bhd. (anak syarikat milik penuh SPNB) hanya memulakan pembinaan setelah semua isu berbangkit dengan penyediaan tapak dan infrastruktur telah diselesaikan oleh pihak yang bertanggungjawab. Berhubung dengan kerja-kerja infrastruktur, ia dijangka akan dapat disiapkan pada penghujung Disember 2016.
- (c) Bagi memastikan projek tersebut dilaksanakan segera supaya kepentingan penduduk terjamin, Kerajaan Negeri di peringkat awal telah pun meluluskan permohonan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk pengecualian mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang bagi projek ini. Selanjutnya adalah tertakluk kepada pihak SPNB selaku pemaju projek dan pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) selaku pemantau projek untuk menyelesaikan isu ini.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Senaraikan tanah-tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri mengikut no lot, daerah, keluasan dan jenis guna tanah sedia ada.
- (b) Senaraikan *land bank* yang dimiliki oleh tuan tanah besar seperti pemaju mengikut no lot, daerah, keluasan dan jenis guna tanah sedia ada.
- (c) Adakah Kerajaan Negeri pertimbangkan untuk melaksanakan cukai ke atas tanah terbiar dan tidak diusahakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Tanah kerajaan adalah tanah-tanah yang tidak mempunyai hak milik termasuklah tanah rizab jalan, rizab sungai, rizab pantai, tanah lapang dan lombong. Kebanyakan tanah kerajaan tidak mempunyai lot-lot bagi disenaraikan.
- (b) Sebanyak 2,160 lot tanah di seluruh Pulau Pinang dimiliki oleh pemaju-pemaju utama termasuk UDA Holdings, Bertam Properties, Ivory Properties, Sunway, IJM Properties, Hunza dan lain-lain. Perincian lokasi mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	BILANGAN PEMAJU
TIMUR LAUT	15
BARAT DAYA	7
SEBERANG PERAI UTARA	5
SEBERANG PERAI TENGAH	12
SEBERANG PERAI SELATAN	4
JUMLAH KESELURUHAN	43

- (c) Setiap tanah yang mempunyai hak milik dan didaftarkan akan dikenakan cukai tanah. Ini termasuklah bagi tanah yang terbiar dan tidak diusahakan tetapi mempunyai pemilikan/tuan tanah yang berdaftar. Cukai tanah dikenakan mengikut Seksyen 96 Kanun Tanah Negara 1965. Pihak Berkuasa Negeri dan Pentadbir Tanah diberi kuasa untuk merampas dan melucut hak tanah-tanah yang mempunyai tunggakan cukai sepertimana yang digariskan melalui Seksyen 100 Kanun Tanah Negara.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Senaraikan kelulusan tukar syarat tanah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri mengikut no. lot, daerah, keluasan dan jenis guna tanah sejak 2013 sehingga kini.
- (b) Selain daripada premium yang akan dikenakan, adakah Kerajaan Negeri juga akan mempertimbangkan *environmental premium* untuk memastikan kawasan hijau atau tadahan air semulajadi tidak dibangunkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Sebanyak 105 permohonan tukar syarat kegunaan tanah telah diluluskan sepanjang tahun 2013 hingga 2016 seperti di bawah.

DAERAH	TAHUN	BILANGAN	KUTIPAN PREMIUM (RM)
TIMUR LAUT	2013	2	536,480.00
	2014	4	5,808,534.00
	2015	6	7,840,470.00
	2016	0	0
BARAT DAYA	2013	7	14,055,195.00
	2014	6	12,465,345.00
	2015	3	9,095,525.00
	2016	0	0
SEBERANG PERAI UTARA	2013	5	1,035,775.00
	2014	1	674,080.00
	2015	6	1,449,315.00
	2016	0	0
SEBERANG PERAI TENGAH	2013	9	7,832,566.50
	2014	15	21,394,825.00
	2015	10	23,647,622.50
	2016	1	396,514.80

DAERAH	TAHUN	BILANGAN	KUTIPAN PREMIUM (RM)
SEBERANG PERAI SELATAN	2013	9	13,022,625.00
	2014	13	9,359,640.00
	2015	7	6,082,945.00
	2016	1	132,894.00
JUMLAH KESELURUHAN		105	134,830,351.80

- (b) Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengenakan *environmental premium* ke atas permohonan tukar syarat tanah dan tiada peruntukan sedemikian di dalam Kanun Tanah Negara 1965.

II. Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Sila nyatakan apakah perkembangan proses pewartaan bagi *Penang Local Plan* dan Rancangan Khas Kawasan Warisan George Town?
- (b) Apakah sebab-sebab yang melewatkan *Penang Local Plan* tidak dapat diwartakan walaupun Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah meluluskan draf rancangan ini sejak tahun 2008 ?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town pada 27 Julai 2016 dan telah diwartakan di dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 1 September 2016 melalui No Warta : 665. Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia kini boleh diperiksa (disemak) di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI).
- (b) Draft Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 atau singkatannya DRTPPp 2020 telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 22 Disember 2008. Draft ini dibentangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam beberapa siri mesyuarat iaitu 14 dan 21 Januari 2010, 17 September 2010, 27 Januari 2012 dan 14 Februari 2012.

Kelewatan pewartaan DRTPPp kerana terdapat banyak pindaan dari segi data, amalan polisi baharu dan pertukaran guna tanah di kawasan pentadbiran MBPP sejak tahun 2008 hingga 2016. Lanjutan pindaan tersebut, MBPP kini dalam peringkat mengemaskini data pembangunan dengan mengambil kira polisi-polisi yang diterima pakai masa kini serta lain-lain pelan rancangan pembangunan peringkat negeri, termasuk penyelarasan yang merangkumi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.

Hasil pengemaskinian DRTPPp 2020 tersebut akan diangkat semula untuk pertimbangan Jawatankuasa Perancang Negeri sebelum dipamerkan kepada orang awam. Langkah seterusnya adalah proses pendengaran bantahan yang dikemukakan oleh orang awam dan disusuli dengan pindaan kepada laporan akhir DRTPPp 2020 sebelum diangkat untuk kelulusan akhir Kerajaan Negeri dan diikuti dengan proses pewartaan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh membantu graduan universiti anak Pulau Pinang dalam mencari dan menjamin kerja yang sesuai dengan pelajaran/kursus di universiti mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Bagi membantu graduan universiti dalam mencari dan menjamin kerja yang sesuai dengan pelajaran/kursus di universiti mereka, Kerajaan Negeri melalui Pusat CAT (Penang Career Assistance and Talent Centre) menjalankan pepadanan jawatan kepada semua golongan pencari

kerja dengan yang ditawarkan oleh industri. Sejak penubuhan Pusat CAT pada Mac 2009 sehingga October 2016, seramai 9,027 orang telah berdaftar sebagai pemohon pekerjaan di mana sebanyak 5,970 pepadanan jawatan telah dijalankan. Dari senarai ringkas nama yang dibekalkan oleh Pusat CAT, majikan akan menghubungi mana-mana calon yang diminati dan menguruskan proses pengambilan seterusnya secara langsung.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil beberapa langkah yang strategik untuk menjamin pekerjaan khususnya kepada graduan seperti berikut :

(i) Pembangunan Bandar Cassia

Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan untuk membangunkan Bandar Cassia yang akan melibatkan aktiviti perindustrian, perniagaan, perkhidmatan, pusat pentadbiran dan perumahan. Pembangunan Bandar Cassia melibatkan penyertaan pelabur-pelabur luar dan dalam negara dan dijangka akan mewujudkan 30,000 pekerjaan berpendapatan tinggi (*high paying job*) selain daripada Business Process Outsourcing (BPO) Prime di Bayan Baru, pembangunan International Golf Resort, IKEA dan Taman Tema. Kesemua ini adalah perancangan yang akan menjurus kepada kewujudan peluang-peluang pekerjaan kepada bakal-bakal graduan pada masa akan datang.

(ii) Meningkatkan Pelaburan

Dalam bidang perindustrian, Penang Development Corporation (PDC) pada tahun 2014 telah berjaya menjual sejumlah 173.89 ekar tanah kepada pelabur-pelabur tempatan dan asing, yang seterusnya melonjakkan nilai pelaburan kepada RM3.16 bilion dengan sasaran tawaran pekerjaan berjumlah 11,009 jawatan pelbagai peringkat. Dengan kehadiran pelaburan syarikat asing (MNCs) seperti Sandisk Storage (M) S/B, Bose Systems (M) S/B, Classa Ind. (M) S/B, Vitrox Tech. S/B dan Atotech (M) S/B telah memberi impak besar kepada perkembangan ekonomi serta peluang pekerjaan untuk bakal-bakal graduan di Negeri Pulau Pinang.

(iii) Mempelbagaikan Jenis Pekerjaan

Di samping meningkatkan jumlah pelaburan, langkah-langkah strategik juga diambil untuk mempelbagaikan jenis pekerjaan, terutamanya pekerjaan bernilai tinggi (*high value jobs*) seperti *advance manufacturing* dalam sektor pembuatan, reka bentuk dan pembangunan. Dari segi perniagaan, sektor Perkhidmatan Perniagaan Global (*Global Business Services*) seperti kewangan, perkhidmatan penyumberan luar, teknologi maklumat dan sumber manusia merupakan sektor baru yang diperkenalkan. Ini dapat mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan kepada bakal-bakal graduan.

(iv) Memperkenalkan Program Penang @CAT

Selain daripada itu, satu program baru dinamakan "Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology (@CAT)" telah dilancarkan bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai perintis pemula niaga (*entrepreneur*). Program ini bertujuan untuk membantu usahawan kecil yang terlibat di dalam bidang kreatif animasi, analisis dan teknologi ataupun yang terlibat di dalam sektor "Internet of Things"(IOT).

(v) Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR)

Kerajaan Negeri melalui PDC juga telah melaksanakan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang yang merupakan program mikrokredit yang memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan kecil dan menggalakkan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan.

(vi) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang

Kerajaan Negeri turut telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang. Program ini memberi dorongan kepada golongan belia termasuk para graduan untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM500,000 telah disediakan di mana setiap pemohon yang berjaya mendapat pinjaman sebanyak RM5,000 dan tempoh pembayaran balik pinjaman adalah 2 tahun tanpa faedah. Sehingga bulan Oktober 2016, sebanyak RM245,000 telah diagihkan kepada 49 orang usahawan tani untuk menikmati kemudahan kredit ini.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Mengapakah Pusat Pertanian Relau ditukar nama kepada Pusat Pertanian Agropelancongan Relau pada tahun 2012?
- (b) Apakah usaha yang telah diambil oleh Jabatan Pertanian untuk menjadikannya sebagai lokasi pelancongan?
- (c) Adakah Pusat ini disenaraikan oleh EXCO Pelancongan sebagai salah satu tempat penarikan pelancongan Negeri Pulau Pinang ?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Cadangan pertukaran nama Pusat Pertanian Relau kepada Pusat Agropelancongan Relau merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu menjenamakan semula pusat pertanian tersebut dan mempelbagaikan fungsi pusat pertanian yang dahulunya lebih banyak tertumpu kepada aktiviti latihan petani/usahawan. Usaha ini juga dilihat sebagai langkah awal bagi mengetengahkan aktiviti pertanian sebagai satu industri baru yang kini dikenali agropelancongan. Dengan keunikan dan prasarana yang ada antaranya koleksi Gemplasma Klondur, koleksi pokok nadir Negeri Pulau Pinang, Pusat Promosi industri asas tani, Zon pemprosesan makanan Relau dan sebagainya di kawasan tersebut dilihat berpotensi untuk dijadikan produk tarikan pelancong melalui agropelancongan.
- (b) Antara usaha yang diambil oleh Jabatan Pertanian untuk menjadi pusat tersebut sebagai hab teknologi pertanian dan pelancongan adalah melalui kemudahan yang disediakan termasuklah *model farming*, petak pemerhati, inkubator usahawan pertanian dan pusat pemprosesan makanan. Selain itu, kawasan tersebut juga akan dijadikan kawasan tarikan pelancong dengan membenarkan kawasan sekitar disewa oleh orang awam bagi menjalankan aktiviti/program riadah dan rekreasi.
- (c) Pada masa kini, Kerajaan Negeri masih belum menyenaraikan kawasan tersebut sebagai kawasan tarikan pelancong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Tempoh kontrak penyewaan di Pusat Agro Pelancongan Relau sebelum ini adalah dua (2) tahun, tetapi penyewa yang sudah tamat tempoh belum dapat pembaharuan kontrak. Malahan, pihak Jabatan Pertanian belum memberi sebarang penjelasan mengenainya. Keadaan yang tidak menentu amat membimbangkan para penyewa. Apakah sebabnya kontrak tidak dapat diperbaharui?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Jabatan Pertanian Pulau Pinang sedang dalam proses membuat penilaian penyewaan tersebut sebelum diangkat untuk pertimbangan pengurusan tertinggi untuk ditawarkan kontrak penyewaan baru. Antara kriteria yang dinilai adalah rekod nilai hasil pengeluaran penyewa, rekod pembayaran sewa bulanan dan komitmen penyewa itu sendiri dengan pihak Jabatan. Penyewa yang melepasi tapisan akan ditawarkan kontrak penyewaan baharu pada Disember 2016 nanti.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Sila nyatakan status terkini tapak Kilang Lee Rubber di Paya Terubong.
- (b) Adakah Pelan Perancangan Pembangunan telah diluluskan oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang?
- (c) Sila nyatakan dengan jelas Pelan Pembangunan yang dirancang oleh pihak pemaju?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah memberikan Kebenaran Merancang kepada tuan tanah iaitu Sunway City (Penang) Sdn. Bhd. pada 17 Mac 2015 bagi cadangan merobohkan bangunan-bangunan sedia ada di atas lot 1385, 2102, 3224 & 7629, Mukim 13, Daerah Timur Laut melalui permohonan No.MBPP/OSC/PM(2600) / 14(LB). Sehingga kini, tiada sebarang pembangunan di tapak tersebut dan bangunan asal telah dirobohkan.
- (b) Sehingga kini, tiada permohonan Kebenaran Merancang baru dikemukakan oleh Sunway City (Penang) Sdn. Bhd. bagi membangunkan tanah tersebut kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa pelan untuk mengekalkan kawasan pinggir di Tanjung Bungah dan Batu Feringghi sebagai kawasan sensitif untuk pembangunan pesat supaya kedua-dua tempat ini dapat dikekalkan sebagai tempat pelancongan pantai semula jadi yang digemari oleh pelancong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Polisi Kerajaan Negeri terhadap pembangunan di kawasan pinggir di Tanjung Bungah dan Batu Feringghi telah digariskan di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 di bawah Dasar Spatial Utama 5 iaitu :

"Koridor pembangunan sekunder akan memberi tumpuan kepada penaiktarafan dan pembangunan terkawal, berskala dan berketumpatan rendah – sederhana; untuk tujuan pembangunan perumahan, pelancongan terhad / pelancongan eko, perdagangan terhad, industri asas tani, industri kraftangan dan pembangunan desa lainnya yang berimpak rendah".

Pembangunan di **Koridor Tanjung Bungah-Teluk Bahang** merupakan koridor sedia ada pelancongan yang telah dibangunkan pesat dengan perhotelan bertaraf 5 bintang. Pembangunan *infill* yang berketumpatan rendah-sederhana akan dibenarkan bagi zon yang dikenalpasti untuk perumahan am (15 unit seekar), perumahan ketumpatan rendah (6 unit seekar), pelancongan am / terhad dan perniagaan (nisbah plot 1:1). Namun, permohonan perlingkungan semula untuk pemajuan perumahan dan lain-lain boleh dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk pertimbangan. Keindahan semula jadi seperti pantai peranginan, bukit bukau dan hutan terus dikekalkan sebagai aset utama pembangunan di koridor ini. Bagi Teluk Bahang, pembangunan desa dan eko lancong akan diberi tumpuan dengan Taman Negara Pulau Pinang sebagai titik fokus utama. Pembangunan perdagangan tempatan yang akan digalakkan merupakan aktiviti sokongan kepada pembangunan pelancongan di koridor ini.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila nyatakan idea-idea baru yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri dalam usaha membangunkan Seberang Perai sebagai tempat pelancongan baru?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Dalam meningkatkan kemajuan pelancongan di Seberang Perai, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Penang Global Tourism (PGT) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membangunkan produk – produk pelancongan di kawasan tersebut seperti berikut:
 - (i) Menubuhkan Unit Warisan di bawah Jabatan Bangunan MPSP bagi merancang, membangun dan memantau tapak-tapak pelancongan dan warisan serta memelihara bangunan-bangunan peninggalan sejarah lama seperti Bangunan Kolonial, Rumah Tradisional, Artifak dan tapak-tapak monumen;

- (ii) Mempromosi bangunan-bangunan warisan dunia yang bakal digazetkan dengan membukukan “Kisah Seberang Perai”, mengadakan pameran serta promosi melalui media cetak;
- (iii) Menubuhkan Jawatankuasa Pelancongan dan Unit Warisan untuk merancang, mambangun dan memantau tapak-tapak pelancongan dan warisan serta menambahbaik kawasan/ bangunan yang dikenalpasti.
- (iv) Menerbitkan *Seberang Perai Tourist Map*, dan *Seberang Perai Heritage Map*; dan *Seberang Perai Coffee Table Book* yang mengandungi lokasi tempat-tempat menarik dan bersejarah di Seberang Perai,
- (v) Menganjurkan Butterworth Fringe Festival bagi memperkenalkan Seberang Perai kepada orang ramai;
- (vi) Menyediakan pakej pelancongan yang menyatukan kedua-dua bahagian Pulau dan Seberang Perai di mana para pelancong akan dibawa dari George Town melalui Jambatan Kedua Pulau Pinang (Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah) ke Auto City, Juru untuk makan malam dan balik ke George Town melalui feri;
- (vii) Menganjurkan *Seberang Perai International Conference On Ecotourism And Conservations Efforts 2016 (SPICEC 2016)* yang memberi tumpuan kepada usaha mempromosi eko-pelancongan dengan tema '*Mainstreaming Nature Conservation Through Ecotourism*';
- (viii) Menganjurkan *Seberang Perai Fiesta* bagi memperkenalkan kepelbagaian sektor agro pelancongan melalui pertanian, penternakan dan sektor – sektor berkaitan; dan
- (ix) Meneroka peluang eko pelancongan melalui aktiviti *bird watching* di kawasan Seberang Perai yang dilihat mempunyai potensi yang besar memandangkan terdapat kawasan yang dijadikan tempat persinggahan pelbagai spesis burung hijrah dan tempatan yang unik.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. Adakah Kerajaan Negeri masih minat membangunkan suatu marina di *sore thumb* Tingkat Laut, Tanjung Bunga memandangkan marina juga telah dirancang SRS di kawasan selatan Pulau? Lagipun kajian juga menunjukkan kawasan utara di Pulau tidak lagi sesuai untuk menambak laut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan untuk membangunkan sebuah marina di 'sore thumb' Tingkat Laut, Tanjung Bungan dan Penang Development Corporation (PDC) telah dipertanggung jawabkan untuk melaksanakan perancangan ini. Sehubungan itu, PDC telah memanggil satu RFP (*Request for Proposal*) yang kini di peringkat penilaian. Petender yang berjaya perlu menjalankan kajian kemungkinan termasuk kajian teknikal yang terperinci di kawasan cadangan. Pembangunan hanya akan dijalankan tertakluk kepada kelulusan kesemua kajian-kajian yang diperlukan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 9. Sila senaraikan projek yang telah dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya di KADUN Paya Terubong sejak bulan Januari 2016 sampai bulan November 2016 .

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 9. Sejumlah 12 projek di KADUN Paya Terubong telah dan akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi tahun 2016. Senarai terperinci projek adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BYSH NO. 9 (ID 319)

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 10. Adelaide, merupakan sebuah bandaraya yang selalu disenaraikan salah satu *Most Livable City in the World*. Sebagai *Sister City* kepada Adelaide, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri supaya kita pun boleh disenaraikan *Most Livable City in the World*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri melalui MBPP telah menjalin kerjasama dengan Adelaide yang merupakan bandar yang ke-5 bagi kategori tempat yang paling sesuai untuk diduduki (*5th most livable city*) sejak tahun 1973. Kerjasama antara dua (2) bandar ini adalah dalam bentuk perkongsian kepakaran dalam bidang taman awam, pengawalan aliran trafik yang baik, penjagaan pantai, perindustrian, alam sekitar, kebudayaan, pendidikan, pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan serta kaedah penjagaan alam semula jadi.

Langkah-langkah yang telah dan sedang di ambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai '*most liveable city*' adalah seperti berikut:

- (i) Membangunkan kawasan pelancongan dan pemuliharaan seperti pembersihan Sungai Pinang, pengindahan Lebuh Armenian dan lain-lain.
- (ii) Memberikan keutamaan mengekalkan keaslian alam semulajadi sebagai asas dalam pelaksanaan pembangunan.
- (iii) Mewujudkan produk pelancongan seperti Taman Perbandaran, Taman Metropolitan, *Tropical Spice Garden*, Muzium Perang, Muzium Islam, Pinang Peranakan Mansion.
- (iv) Melaksanakan dan menyertai program Kejiranan Hijau iaitu Sistem Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos.
- (v) Mengwujudkan dan menggalakkan orang ramai menggunakan laluan basikal.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan bilangan kereta persendirian di negeri supaya masalah kesesakan trafik dikurangkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk mewujudkan dasar mengurangkan kereta persendirian di negeri ini. Kerajaan Negeri juga mendapati Kerajaan Persekutuan juga tiada sebarang dasar tentang pemilikan kereta persendirian. Namun begitu Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan masalah kesesakan lalu lintas di Negeri Pulau Pinang dan antara usaha Kerajaan Negeri adalah:
- (i) Menyediakan perkhidmatan percuma iaitu *Central Area Transit (CAT) - Free Shuttle* dalam pusat bandar George Town untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian.
 - (ii) Menyediakan perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit (BEST) FIZ* dan KOMTAR bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam ke tempat kerja agar pengurangan jumlah kenderaan persendirian.
 - (iii) Memberi kerjasama kepada Syarikat Rapid Bus Sdn. Bhd. dalam menambahbaik perkhidmatan bas di kawasan pulau, Pulau Pinang untuk memudahkan orang awam menggunakan perkhidmatan bas sekaligus mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian.
 - (iv) Pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan yang mana melibatkan pemerkasaan pengangkutan awam seperti pembinaan jajaran *Light Rail Transit (LRT)* dan *Bus Rapid Transit (BRT)*.
 - (v) Meneliti perancangan melalui perkhidmatan sistem bas *feeder* sebagai *last mile connectivity* agar bilangan kenderaan dapat dikurangkan.
 - (vi) Perancangan pelaksanaan Pelan Induk Laluan Basikal yang komprehensif bagi menggalakkan penggunaan basikal berbanding kenderaan persendirian.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apakah bantuan-bantuan dan pembangunan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada kaum ibu tunggal masih remaja ?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Bantuan-bantuan dan pembangunan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada kaum ibu tunggal masih remaja disalurkan melalui program-program dan skim-skim seperti berikut:-
- (a) Program Agenda Ekonomi di mana golongan ibu tunggal termasuk golongan ibu tunggal yang masih remaja yang pendapatan perkapita RM220.00 akan dibantu untuk memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup mereka sekeluarga di bawah bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES).
 - (b) Program Bantuan Ibu Tunggal melalui Program-program iSejahtera dalam bentuk sumbangan tahunan sebanyak RM100.00. Golongan ibu tunggal juga boleh mengikuti kursus-kursus kemahiran yang dianjurkan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti *Penang Skills Development Center* (PSDC) di mana yuran kursus yang ditaja oleh Pusat Urus Zakat (PUZ), kursus dan bimbingan keusahawanan oleh Unit Usahawan *Penang Development Corporation* (PDC) dan kursus-kursus ekonomi lain seperti pemasaran produk, pembungkusan, pertanian serta bidang masakan. Di samping itu, *Penang Career Assistance and Talent Centre* (PenangCAT) juga menyediakan bimbingan kerjaya kepada ibu tunggal bagi mendapatkan kerjaya yang bersesuaian.
 - (c) Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) di mana Kerajaan Negeri melalui PDC turut membantu ibu tunggal dalam memperkasakan peluang ekonomi melalui bidang keusahawanan dengan menyediakan kemudahan pinjaman untuk modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan.
 - (d) Melalui dasar dan pelan Tindakan Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) telah menjalankan latihan bersubsidi bagi Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak di rumah kepada lebih daripada 200 orang peserta. Keutamaan penyertaan program ini diberikan kepada golongan ibu tunggal yang tiada punca pendapatan tetap termasuk ibu tunggal remaja.
 - (e) Melalui Skim Mikro Kredit Tabung Usahawan Tani Muda, Kerajaan Negeri menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada usahawan tani muda termasuk ibu tunggal yang berusia bawah 40 tahun dan ke bawah.
 - (f) Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut membantu golongan ibu tunggal dengan memberikan bantuan pembinaan atau pembaikan rumah dan bantuan peralatan berkaitan aktiviti ekonomi untuk meningkatkan pendapatan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berapakah Badan Pengurusan Strata yang telah ditubuhkan dan didaftarkan oleh pihak Pejabat Tanah & Galian di KADUN Paya Terubong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sebanyak 21 Badan Pengurusan Strata telah ditubuhkan dan didaftarkan oleh Pengarah Tanah Dan Galian di KADUN Paya Terubong. Perincian adalah seperti berikut:

BIL.	BADAN PENGURUSAN
1.	Badan Pengurusan Bersama Sri Aman Blok 6
2.	Badan Pengurusan Bersama Desa Indah Blok 86
3.	Badan Pengurusan Bersama Desa Indah Blok 1

BIL.	BADAN PENGURUSAN
4.	Badan Pengurusan Bersama Victoria Heights
5.	Perbadanan Pengurusan Taman Seri Sari Apartment
6.	Perbadanan Pengurusan Sun Moon City
7.	Perbadanan Pengurusan Desamas Melur
8.	Perbadanan Pengurusan Sri Angsana Blok 9
9.	Perbadanan Pengurusan Sri Angsana Blok 6
10.	Badan Pengurusan Bersama Sri Aman Blok 1& 3
11.	Badan Pengurusan Bersama Sri Aman Blok 8
12.	Perbadanan Pengurusan Flat Taman Kim
13.	Perbadanan Pengurusan Taman Lone Pine Resort & Condominium
14.	Perbadanan Pengurusan Villa Kejora
15.	Perbadanan Pengurusan Bersama Desa Indah Blok 33
16.	Perbadanan Pengurusan Desa Alor Vista
17.	Perbadanan Pengurusan Wisma Taman Sri Relau 88A
18.	Perbadanan Pengurusan Wisma Taman Sri Relau
19.	Perbadanan Pengurusan Taman Sri Relau
20.	Perbadanan Pengurusan Desa Permata
21.	Perbadanan Pengurusan Desa Permata- Rumah kedai

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah usaha-usaha yang diambil oleh Jabatan Kerja Raya untuk mengurangkan masalah pokok runtuh di Jalan Paya Terubong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Pada setiap tahun, Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Timur Laut (DTL) mengemukakan permohonan peruntukan bagi kerja-kerja pemangkasan pokok di Daerah DTL untuk kelulusan Ibu Pejabat JKR. Sebagai usaha untuk mengurangkan masalah pokok tumbang di Jalan Paya Terubong pula, JKR DTL telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi kerja-kerja pemangkasan pokok di Jalan Paya Terubong kepada Ibu Pejabat JKR dalam SOP Perancangan Berkala Bukan Pavemen 2017. Sekiranya diluluskan, peruntukan akan disalurkan oleh JKR Ibu Pejabat kepada JKR Daerah Timur Laut pada tahun hadapan. Manakala sebanyak RM50,000 peruntukan tambahan yang diberikan dalam SOP Perancangan Berkala Bukan Pavemen 2016 bagi kerja-kerja pemangkasan pokok di Jalan Paya Terubong akan disalurkan oleh JKR Ibu Pejabat ke JKR DTL pada pertengahan bulan November 2016.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Selain kempen yang dilakukan oleh ADUN masing-masing, sila nyatakan usaha yang telah diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Penang Green Council untuk menggalakkan Kempen Pengasingan Sisa di Punca selepas 1 Jun 2016?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Pelbagai usaha telah digariskan bagi menjayakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca. Antara usaha yang telah diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menggalakkan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca selepas 1 Jun 2016 adalah seperti berikut :-

- (a) Memastikan semua bangunan, kompleks sukan, taman awam, kompleks penjaja dan kemudahan MBPP melaksanakan pengasingan sisa di punca dengan membekalkan tong-tong kitar semula. Sehingga kini, MBPP telah membekalkan 111 tong kitar semula di 39 harta milik MBPP.
- (b) Menyediakan Borang Soal Selidik dan surat pemberitahuan secara rasmi kepada sektor komersial bagi menyampaikan info dasar dan mendapatkan kefahaman, penyediaan pusat kitar semula dan pelantikan pemungut kitar semula. MBPP akan mengkaji untuk memperuntukkan tanggungjawab melaksanakan dasar pengasingan sisa di bawah syarat pelesenan.
- (c) Menyediakan Borang Soal Selidik dan surat pemberitahuan kepada semua badan Pengurusan Bersama mengenai tanggungjawab mengasingkan sisa di kediaman berstrata/bertingkat bagi menyampaikan info dasar dan mendapatkan kefahaman, penyediaan pusat kitar semula dan pelantikan pemungut kitar semula.
- (d) Melaksanakan pengasingan sisa di punca secara berperingkat di 10 skim perumahan kediaman bertingkat milik MBPP.
- (e) Mensyaratkan pelan kompleks/bangunan berstrata/bangunan yang bersesuaian mengambil kira penyediaan ruang/kemudahan pengasingan sisa di punca sebelum diluluskan.
- (f) Mempromosi Dasar Pengasingan Sisa di Punca melalui edaran risalah kepada setiap premis kediaman, poster kepada setiap JMB/MC, memasang *billboard* dan *streamer* dan lain-lain media.

Setakat 31 Julai 2016, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan telah mengedarkan poster dasar pengasingan sisa kepada lebih daripada 715 skim perumahan.

Pemasangan bahan promosi di tempat awam seperti berikut:-

Bahan Promosi	Bilangan Lokasi
<i>Billboard</i>	5
<i>Streamer</i>	23
<i>Banner</i>	10
Risalah	47,077

- (g) Memberi taklimat mengenai pengasingan sisa di punca kepada semua *stakeholders* yang terlibat. Setakat ini sejumlah 52 taklimat telah diberikan kepada institusi pengajian tinggi, hotel, sekolah, taman perumahan dan lain-lain.

Penang Green Council (PGC) juga turut membantu untuk mempromosikan dan memberi pendidikan mengenai pengasingan sisa di punca kepada warga Pulau Pinang. Antara usaha yang diambil oleh PGC bagi menggalakkan penduduk Negeri Pulau Pinang untuk mengasingkan sisa di punca adalah seperti berikut:-

- (a) Melaksanakan kempen pengasingan sisa di punca dengan mengadakan taklimat pendidikan, taklimat rumah ke rumah, kempen kesedaran, siri *roadshow*, pengumuman awam melalui iklan dan media sosial.
- (b) Menerapkan konsep pengasingan sisa di punca dan amalan kitar semula dalam aktiviti-aktiviti PGC sepanjang tahun seperti Karnival Hijau Pulau Pinang, Kem Hijau dan Bengkel Alam Sekitar.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Selain pelancong dari Asia Barat, Asia Timur dan Eropah, sila nyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan pelancong dari Amerika Utara dan Amerika Selatan melawat Pulau Pinang ?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Pada masa kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai sebarang perancangan khusus untuk menarik pelancong Amerika Utara & Selatan untuk melawat Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism turut menyertai misi perdagangan dan program promosi antarabangsa di beberapa negara seperti International Tourism Board (ITB) Berlin dan World Travel Mart London di mana mereka yang terlibat dalam industri ini dan media daripada Amerika Utara dan Selatan turut mengambil bahagian dalam pameran-pameran tersebut. Kami juga berpeluang untuk berjumpa dan membincang serta mempromosikan destinasi pelancongan Negeri Pulau Pinang kepada mereka yang hadir.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sila nyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membuka peluang pekerjaan di sektor awam kepada kaum ibu tunggal.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kesemua pengisian jawatan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang diuruskan sepenuhnya oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Persekutuan selaku badan yang melantik. SPA mempunyai dasar dan polisi-polisi tertentu bagi tujuan pengambilan termasuk syarat kelayakan yang telah ditetapkan mengikut skim perkhidmatan sepertimana yang digariskan oleh SPA. Oleh itu bagi cadangan pengambilan ibu tunggal ke perkhidmatan awam negeri, ianya perlu menjadi dasar kepada SPA. Sehubungan dengan ini Kerajaan Negeri bersetuju dengan cadangan membuka peluang pekerjaan di sektor awam kepada ibu tunggal dan akan berbincang perkara ini kepada SPA.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Adakah Kerajaan Negeri mencadangkan untuk meningkatkan amaun pemberian wang Warga Emas dari RM100 kepada RM200?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Sehingga kini, Kerajaan Negeri masih belum mempunyai cadangan untuk menambah wang sumbangan bagi Program Penghargaan Warga Emas dari RM100.00 kepada RM200.00. Sebarang penambahan wang sumbangan perlu dikaji dan diteliti dari pelbagai aspek terutamanya implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Sila nyatakan sebab-sebab *Penang Local Plan* masih tidak boleh diwartakan?
(b) Adakah Kerajaan Negeri mengambil langkah aktif untuk mewartakan *Penang Local Plan*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 atau singkatannya DRTPPP 2020 telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada 22 Disember 2008. Draf ini dibentangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam beberapa siri mesyuarat iaitu 14 dan 21 Januari 2010, 17 September 2010, 27 Januari 2012 dan 14 Februari 2012.

Sejak tahun 2008 hingga 2016, terdapat banyak pindaan dari segi data, amalan polisi baharu dan pertukaran guna tanah di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Lanjutan pindaan tersebut, MBPP kini dalam peringkat mengemas kini data pembangunan dengan mengambil kira polisi-polisi yang diterima pakai masa kini serta lain-lain pelan rancangan pembangunan peringkat negeri, termasuk penyelarasan yang merangkumi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.

- (b) Kerajaan Negeri sememangnya mengambil langkah aktif untukewartakan DRTPPP 2020. Jawatankuasa Perancang Negeri pada 27 Mei 2016 telah mengarahkan MBPP untuk memulakan kerja-kerja mengemas kini DRTPPP 2020 selepas berkuatkuasanya pewartaan Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera pada 1 September 2016. Hasil pengemaskinian DRTPPP 2020 tersebut akan diangkat semula untuk pertimbangan Jawatankuasa Perancang Negeri sebelum dipamerkan kepada orang awam. Langkah seterusnya adalah proses pendengaran bantahan yang dikemukakan oleh orang awam dan disusuli dengan pindaan kepada laporan akhir DRTPPP 2020 sebelum diangkat untuk kelulusan akhir Kerajaan Negeri dan diikuti dengan proses pengwartaan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sila nyatakan jumlah blok kediaman strata bertingkat tinggi yang ada di seluruh KADUN Paya Terubong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sehingga Oktober 2016, terdapat sebanyak 251 skim strata bertingkat tinggi di KADUN Paya Terubong. Dari jumlah tersebut, sebanyak 241 skim seperti di Lampiran A telah didaftarkan hakmilik strata. Sementara itu, 2 skim telah mengemukakan permohonan tetapi belum dikeluarkan hakmilik strata dan senarai skim mengikut status pengeluaran hakmilik strata adalah seperti di Lampiran B. Baki 8 skim masih belum mengemukakan permohonan pecah bahagi bangunan seperti di Lampiran C.

RUJUK LAMPIRAN A, B DAN C BYSH NO. 20 (ID394)

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah insentif yang telah dihulurkan dan usaha dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan 'Street Art' di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kerajaan Negeri sememangnya menggalakkan perkembangan 'Street Art' di Pulau Pinang. Antara usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah dengan mempermudah permohonan bagi membuat lukisan ini dengan mewujudkan *Public Arts Review Panel*. Panel terdiri daripada pihak professional dalam bidang seni, akademik, sosial dan konservasi berperanan untuk menilai dan memperakukan tema lukisan termasuk *wall mural* yang bersesuaian sebelum permit dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Di samping itu, George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) telah membiayai projek-projek *Street Art* melalui program George Town Festival. Projek *Mirrors of George Town* oleh pelukis Ernest Zacharevic semasa George Town Festival 2012 telah mencetus fenomena baru dan telah meningkatkan industri pelancongan di Tapak Warisan Dunia George Town. Susulan itu, beberapa projek "*Street Art*" telah dilaksanakan melalui program George Town Festival seperti berikut:

Bil	Tahun	Projek	Kos Projek	Catatan
1	2013	SECRET GARDENS	RM255,044.00	Think City menaja sebanyak RM100,000.00
2	2013	LOST KITTENSS	RM20,000.00	China House menaja sebanyak RM10,000.00
3	2013	JOKO AVIANTO – THEATRE OF SHIPS	RM210,465.00	Valentine Willie menaja sebanyak RM100,000.00
4	2014	CHAIRS	RM111,218.00	2 "Chairs" ditaja oleh Galeri Nasional Malaysia
5	2016	ROBERT MATTHIEU ORTIS	RM87,808.49	Pameran Selama 1 Bulan

Bil	Tahun	Projek	Kos Projek	Catatan
6	2016	STRANDBEEST – THEO JANSEN	RM182,988.19	Pameran Selama 2 Hujung Minggu
7	2016	SIGHTED – ALVIN TAN	RM60,000.00	Pameran Selama 1 Bulan

Hebahan mengenai *Street Art* pula dibuat oleh Penang Global Tourism dengan menerbit dan mengedar risalah *Marking George Town* untuk menarik lebih ramai pengunjung ke lokasi-lokasi utama *Street Art* di dalam Tapak Warisan Dunia George Town.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Sila senaraikan marina yang membenarkan *yatch parking* di Pulau Pinang dan apakah peratusan penggunaannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Marina yang terdapat di Pulau Pinang hanya berada di Straits Quay yang dimiliki oleh pihak swasta. Straits Quay Marina boleh menampung sebanyak 40 buah kapal layar. Kebanyakan masa, marina tersebut akan digunakan dengan sepenuhnya. Oleh itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk membina satu lagi marina dan menswastakan kepada sesiapa yang berminat melalui tender terbuka.

III. Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Selain menaik taraf Jalan Song Ban Keng, apakah lagi projek-projek pembangunan Kerajaan Negeri yang akan dilaksanakan dalam Seberang Perai Tengah khususnya Bukit Mertajam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Projek-projek pembangunan di seluruh negeri termasuk Seberang Perai Tengah dilaksanakan oleh pelbagai agensi/Jabatan Kerajaan. Perincian projek-projek pembangunan Kerajaan Negeri yang akan dilaksanakan dalam Seberang Perai Tengah, khususnya Bukit Mertajam adalah seperti di LAMPIRAN A

RUJUK LAMPIRAN A BOKF NO. 1 (ID 21)

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu Pejabat Tanah dan Daerah menyelenggara infrastruktur kawasan kampung seperti membaiki longkang dan jalan, mencantas pokok merbahaya dan sebagainya?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri akan memberikan peruntukan tahunan kepada Pejabat Tanah untuk menjalankan tugas ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Dalam menyelenggara infrastruktur kawasan kampung, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan bagi tujuan tersebut. Bagi kerja penyelenggaraan dan menaik taraf jalan kampung untuk tahun semasa 2016 sebanyak RM3.07 juta telah diagihkan kepada pejabat-pejabat daerah. Di samping itu, bagi pelaksanaan projek-projek infrastruktur kecil yang lain seperti membaiki longkang, mencantas pokok merbahaya dan projek kecemasan yang lain, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan khas sebanyak RM100,000 setahun untuk setiap Pejabat Daerah. Peruntukan infrastruktur sebanyak RM180,000 juga diluluskan untuk setiap KADUN setahun di bawah Maksud Pembangunan P16 (02) yang boleh dimanfaatkan untuk pembiayaan projek penyelenggaraan infrastruktur kawasan kampung. Untuk maksud mencantas pokok merbahaya dan tidak termasuk dalam skop perbelanjaan, peruntukan ADUN diharapkan dapat diguna untuk tujuan dan maksud ini.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Terdapat banyak bangunan terbengkalai di Bukit Mertajam seperti bangunan *City Parade*, Utama Plaza, Taikar Plaza dan sebagainya. Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk melaksanakan projek pemulihan bangunan-bangunan terbengkalai seperti yang telah dijalankan di sebelah pulau?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Bangunan *City Parade* dan Utama Plaza di Bukit Mertajam tidak dikategorikan sebagai bangunan terbengkalai kerana ianya telah dikeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki (OC), sebaliknya kedua-dua bangunan tersebut didapati tidak beroperasi atas pelbagai sebab.

Manakala Bangunan Taikar Plaza telah diambil alih oleh pemilik baru iaitu Sanbumi Sawmill Sdn Bhd. Pemilik baru tersebut telah mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk meroboh bangunan lima (5) tingkat sedia ada dan membina semula satu (1) Blok Bangunan 39 tingkat. PKM telah diluluskan oleh Jawatankuasa OSC MPSP pada 3 Februari 2016.

Kerajaan Negeri melalui MPSP telah berusaha untuk meremajakan di Bandar Bukit Mertajam. Ia dilaksanakan dengan kerjasama City of Yokohama, Japan International Cooperation Agency (JICA), Yokohama City University, Universiti Sains Malaysia dan Yokohama-Seberang Perai Urban Development Friendship Committee meliputi kajian untuk mewujudkan garis panduan reka bentuk Bandar Bukit Mertajam. Kajian ini akan merangkumi pembentukan garis panduan reka bentuk bandar termasuk pemuliharaan bangunan bernilai sejarah dan kini dalam peringkat merangka Pelan Konsep Bukit Mertajam. Kajian ini juga mengambil kira penglibatan komuniti tempatan bagi memastikan kajian reka bentuk bandar yang dijalankan dapat dilaksanakan dan dikekalkan bersama-sama komuniti.

IV. Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Merujuk kepada Projek Perumahan SP Chelliah, bagi rumah Kos Sederhana Rendah (KSR) pembeli ditentukan oleh Kerajaan Negeri. Apa kewajaran Kerajaan Negeri beli dan bayar kepada pemaju untuk 320 unit Bumiputera sedangkan Kerajaan Negeri boleh sekadar menetapkan kuota itu saja tanpa membayar wang kepada pemaju atau kontraktor?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Negeri Pulau Pinang yang telah ditubuhkan pada 8 September 2009 bertujuan mengutip dana daripada pemaju-pemaju yang memohon untuk pelepasan kuota Bumiputera di dalam projek perumahan mereka. Setiap unit perumahan Bumiputera yang tidak dapat dijual, pemaju terpaksa membayar satu sumbangan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan satu formula dan sumbangan yang dikutip tersebut akan dimasukkan ke dalam Akaun Amanah ini.

Sehingga 30 September 2016, jumlah kutipan bagi Akaun Amanah tersebut adalah RM99,617,382.71.

Setakat ini, dana di dalam Akaun Amanah tersebut telah digunakan untuk satu (1) projek, iaitu SP Chelliah di mana anggaran konservatif pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang berkenaan kos sebenar pembinaan seunit Rumah Mampu Milik (RMM) 'B' (Kos Sederhana Rendah) adalah RM140,000. Jumlah yang dibayar kepada pemaju adalah RM72,500 dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selaku tuan tanah dibayar RM67,500 untuk satu unit RMM 'B' (KSR).

Melalui pembelian oleh Kerajaan Negeri sejumlah 320 unit RMM 'B' (KSR) melalui kaedah ini, bakal pembeli bumiputera dapat menikmati pembelian seunit RMM 'B' (KSR) bersama sebuah tempat letak kereta (TLK) pada harga RM72,500 dari Kerajaan Negeri, di mana Kerajaan Negeri akan memberi subsidi RM27,500 untuk TLK, di mana pembelian RMM 'B' (KSR) secara biasa daripada pemaju adalah RM100,000 di mana RM72,500 adalah harga unit dan RM27,500 untuk TLK.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Adakah Kerajaan Negeri 'memberi bantuan kewangan' kepada pemaju yang dikhabarkan ada masalah kewangan untuk menyiapkan Projek SP Chelliah?
- (b) Berapakah jumlah kos pembangunan dan jumlah nilai jualan perumahan tersebut?
- (c) Bagaimanakah kaedah pembiayaan projek tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak memberi bantuan kewangan kepada pemaju projek SP Chelliah.
- (b) Kos keseluruhan pembangunan projek adalah sebanyak RM251.8 juta. Manakala nilai jualan perumahan yang dianggarkan adalah sebanyak RM314.7 juta.
- (c) Pembiayaan bagi pemajuan ini ditanggung oleh pihak pemaju melalui kemudahan pinjaman daripada institusi kewangan swasta dan sebanyak 320 unit Rumah Mampu Milik (RMM) 'B' (Kos Sederhana Rendah) dibeli oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang menggunakan Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Harga rumah Kos Sederhana Rendah (KSR) ditetapkan pada RM72,500.00 seunit dan harga itu adalah termasuk harga tanah. Kenapa di SP Chelliah Kerajaan Negeri perlu bayar harga tanah kepada MBPP untuk unit kuota Bumi pada kadar RM67,500 seunit?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kos sebenar pembinaan Rumah Mampu Milik 'B' di projek perumahan mampu milik SP Chelliah adalah sebanyak RM140,000.00 seunit. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM44.8 juta bagi perolehan sebanyak 320 unit yang akan dijual kepada pembeli bumiputera. Meskipun begitu, jumlah yang akan dibayar kepada pemaju adalah sebanyak RM23.2 juta, iaitu berdasarkan kepada harga jualan RM72,500.00 seunit. Manakala baki RM67,500.00 bagi 320 unit rumah yang berjumlah RM21.6 juta akan diberikan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sebagai sumbangan bagi menampung kerugian mereka memberikan tanah tersebut bagi menjayakan projek perumahan ini.

Justifikasi sumbangan ini adalah berdasarkan kepada lokasi tapak pemajuan yang strategik di mana harga tanah dinilai melebihi RM350 sekaki persegi. Secara lazimnya, syarikat pemaju dan pemilik hartanah lebih mengutamakan pembinaan premis-premis komersil atau kediaman mewah berbanding pembinaan perumahan mampu milik untuk dibangunkan di atas tapak bernilai tinggi seperti di SP Chelliah. Oleh yang demikian, sumbangan kepada MBPP ini bertujuan untuk menampung kerugian agensi tersebut yang menyerahkan tanah yang strategik untuk pelaksanaan projek ini.

Melalui usaha ini Kerajaan Negeri akan dapat memastikan kaum bumiputera kekal berada bersama-sama komuniti yang tinggal di tengah bandar dalam sebuah skim perumahan yang terancang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Berapakah unit kuota rumah-rumah Kos Sederhana Rendah dan Kos Rendah dilepaskan dalam 5 tahun yang lepas?
- (b) Berapakah jumlah kos terbabit dan di mana lokasi yang terlibat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Polisi Pembelian Kuota dan Bayaran Sumbangan Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri sejak Januari 2012 bertujuan memberikan fleksibiliti kepada pemaju yang benar-benar mempunyai kekangan dari segi saiz tanah, tiada *landbank* atau dalam keadaan khas dimana pembinaan rumah kos rendah dikenal pasti tidak boleh dilaksanakan. Permohonan pengecualian untuk membina rumah kos rendah dan kos sederhana rendah akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) di mana kuantum sumbangan yang akan dikenakan adalah berdasarkan kepada formula perkiraan berikut:-
- (i) RM120,000 / unit dikenakan kepada pemaju tempatan dan RM150,000 / unit dikenakan kepada pemaju luar Pulau Pinang bagi pemajuan di Bahagian Pulau;
 - (ii) RM72,500 / unit dikenakan bagi pemajuan di Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah (kadar sama untuk pemaju tempatan dan luar); dan
 - (iii) RM50,000 / unit dikenakan ke atas 350 unit pertama dan RM72,500 / unit dikenakan ke atas unit-unit seterusnya bagi pemajuan di Seberang Perai Selatan (kadar sama untuk pemaju tempatan dan luar).

Dalam tempoh lima tahun sehingga Oktober 2016, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 20 permohonan pengecualian pembinaan melibatkan sejumlah 1,484 unit rumah kos rendah dan 510 unit rumah kos sederhana rendah.

- (b) Berdasarkan jumlah bayaran sumbangan yang diterima Kerajaan Negeri dalam tempoh lima tahun sehingga Oktober 2016, kuota pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang dilepaskan melibatkan kos sebanyak RM124,378,500.00 bagi 17 projek di Bahagian Pulau dan tiga (3) projek di Bahagian Seberang Perai. Perincian pemohon, bilangan unit, kos atau bayaran sumbangan dan lokasi berdasarkan daerah pemajuan adalah seperti di Lampiran.

RUJUK LAMPIRAN A BDMFS NO. 4 (ID91)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Jelaskan kedudukan tahunan GDP sejak Kerajaan Negeri mengambilalih pentadbiran negeri.
- (b) Bandingkan dengan negeri-negeri lain mengikut per kapita dan pertumbuhan pendapatan isi rumah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pertumbuhan keluaran dalam negara (KDNK) per kapita Pulau Pinang untuk tempoh 2008 – 2015 adalah sebanyak 33%, selaras dengan peningkatan mutlak sebanyak RM11,153 daripada RM33,694 pada tahun 2008 ke RM44,847 pada tahun 2015.
- (b) Bagi tempoh 2006-2007, pertumbuhan KDNK per kapita Pulau Pinang adalah sebanyak 5.9% iaitu pada kedudukan terakhir di antara semua negeri di Malaysia. Apabila kerajaan pakatan mengambil alih pada tahun 2008, tugas yang besar digalas untuk mengubah ekonomi yang direkodkan pada kadar terendah tersebut.

Kerajaan Pakatan telah berjaya mengatasi cabaran dengan meletakkan Pulau Pinang berada pada tempat ketiga seluruh negara bagi pertumbuhan KDNK perkapita bagi tahun 2012-2013 iaitu dengan pertumbuhan sebanyak 3.9%.

Seterusnya, pada tahun 2014-2015, Pulau Pinang telah melonjak naik pada kedudukan pertama dengan pertumbuhan KDNK per kapita tertinggi iaitu sebanyak 6.4%. Meskipun mengambil masa selama 8 tahun, Kerajaan Pakatan telah berjaya mengubah negeri tercorot dalam negara bagi tahun 2006-2007 menjadi negeri nombor satu dalam pertumbuhan KDNK per kapita bagi tahun 2014-2015.

Perincian KDNK per kapita Pulau Pinang dan negeri-negeri lain di Malaysia bagi tempoh 2005 hingga 2015 adalah seperti di Lampiran A.

Statistik daripada Jabatan Perangkaan juga menunjukkan bahawa pendapatan isi rumah median Pulau Pinang meningkat pada kadar 8.0% setahun daripada RM3,200 pada tahun 2009 kepada RM4,702 pada tahun 2014. Pendapatan isi rumah median Pulau Pinang pada tahun 2014 melangkaui pendapatan isi rumah median pada tahap kebangsaan, iaitu RM4,585.

RUJUK LAMPIRAN A BDMFS NO. 5 (ID 122)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kawasan Balik Pulau seringkali dilanda banjir.
 - (a) Apakah penyelesaian terbaik untuk mengatasi banjir?
 - (b) Berapakah kosnya dan bila akan dilaksanakan?
 - (c) Berapakah jumlah pampasan atau saguhati yang pernah diberikan oleh Kerajaan Negeri mengikut KADUN?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah menjalankan Kajian Pelan Induk Saliran Barat Daya. Hasil kajian tersebut mendapati masalah banjir di kawasan Balik Pulau boleh diatasi dengan melaksanakan projek menaiktaraf sistem saliran di Sungai Burung.
- (b) Anggaran kos bagi projek menaiktaraf sistem saliran di Sungai Burung adalah sebanyak RM 127 juta. Kerajaan Negeri telah memohon peruntukan melalui Rancangan Malaysia ke-11 dari Kerajaan Persekutuan sehingga kini belum dimaklumkan keputusan. Kerajaan Negeri akan mengemukakan permohonan dalam *rolling plan* RMK-11 yang akan datang.
- (c) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir dengan menggunakan Tabung Bantuan Segera (TBS). Sehingga Oktober 2016, sebanyak 31 kes telah dibayar melibatkan peruntukan sebanyak RM 15,300.00. Perincian pembayaran melalui TBS kepada kes yang layak adalah seperti berikut:-

Bil.	Kawasan	Bil. Kes	Kadar Bayaran TBS
1	Bayan Lepas	15	7,500
2	Telok Bahang	2	1,000
3	Pulau Betong	-	-
4	Pantai Jerejak	8	3,800
5	Batu Maung	6	3,000
	JUMLAH	31	15,300

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Sila jelaskan kedudukan kewangan Penang Development Corporation (PDC) bagi 3 tahun kebelakangan ini.
- (b) Untuk tempoh yang sama, perincian pendapatan berbanding perbelanjaan dan berapakah nilai cair kewangannya dan nilai asetnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berdasarkan penyata pendapatan 2013-2015, keuntungan sebelum cukai Penang Development Corporation (PDC) menunjukkan peningkatan dari RM66.14 juta pada tahun 2013 kepada RM102.09 juta pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, pada tahun 2015, keuntungan sebelum cukai menurun kepada RM3.29 juta.

Penyumbang terbesar pendapatan PDC adalah daripada hasil jualan tanah manakala kos berkaitan jualan tanah pula merupakan perbelanjaan terbesar PDC bagi ketiga-tiga tahun tersebut. Nisbah kecairan kewangan PDC adalah RM3.32 juta, RM5.91 juta dan RM3.91 juta masing-masing pada tahun 2013, 2014 dan 2015.

Ringkasan Penyata Pendapatan, Perincian Pendapatan, Perincian Perbelanjaan dan Nilai Kecairan Kewangan dan Nilai Aset PDC adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDMFS NO. 7 (ID340)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Jelaskan kedudukan GDP Pulau Pinang berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.
- (b) Apakah faktor-faktor yang telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi negeri dan bagaimana Kerajaan Negeri menangani isu-isu tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Pulau Pinang telah mencatatkan peratus pertumbuhan GDP per kapita yang tertinggi bagi tempoh 2014 - 2015 iaitu sebanyak 6.45% berbanding negeri-negeri lain. Pulau Pinang telah menyumbang sebanyak 6.5% kepada GDP Nasional pada tahun 2014 dan 6.6% pada tahun 2015 berdasarkan harga malar 2010.
- (b) Antara faktor utama yang menjejaskan pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang adalah kesan daripada kelembapan ekonomi global kerana pada tahun 2015 hampir 45% GDP Pulau Pinang disumbangkan oleh sektor pembuatan. Bagi menangani isu ini, Kerajaan Negeri meneruskan usaha-usaha menggalakkan pelaburan asing dan tempatan di samping akan terus memajukan sektor perkhidmatan. Untuk tujuan tersebut, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri termasuklah membangunkan Taman Perindustrian Batu Kawan seluas 1500 ekar bagi menarik pelaburan asing baharu dan IKS tempatan. Kerajaan Negeri melalui PDC juga telah membangunkan projek *SME Village* Batu Kawan, plot-plot tanah industri serta kilang-kilang jenis teres dan berkembar bagi menggalakkan pertumbuhan industri tempatan yang berperanan sebagai tulang belakang kepada sektor pembuatan di Pulau Pinang.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan ruang pejabat lebih daripada 165,000 kaki persegi di Mayang Mall dan Technocentre untuk menggalakkan industri *Shared Services & Outstanding* (SSO). Bangunan Wisma Yeap Chor Ee yang berkeluasan 40,402 kaki persegi pula dijadikan sebagai pusat bagi industri *Creative Animation Triggers* (CAT) yang bertujuan untuk mempercepatkan penubuhan dan pertumbuhan syarikat-syarikat yang kreatif dan berasaskan teknologi terkini yang mana akan menjadi pemangkin ke arah transformasi Pulau Pinang kepada suatu ekonomi berasaskan pengetahuan.

Bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri, penglibatan sektor swasta melalui projek RFP juga diteruskan termasuk projek Aspen Vision City di Bandar Cassia, Batu Kawan, yang merupakan kombinasi pembangunan pusat membeli-belah yang terkenal iaitu IKEA serta pembangunan bercampur. Selain itu, pembukaan *Outlet Premium* yang pertama di kawasan Utara, iaitu *Design Village* telah dibuka di Bandar Cassia, Batu Kawan akan menjadi destinasi fesyen ikonik yang memenuhi keperluan gaya hidup masyarakat tempatan mahupun luar negara.

Pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang turut diperkukuhkan oleh bidang pelancongan melalui promosi yang berterusan di peringkat domestik dan antarabangsa serta wujudnya hotel, muzium, tempat riadah dan rekreasi, kepelbagaian makanan dan hospital perubatan di Pulau Pinang. Berdasarkan kajian, perbelanjaan penjagaan kesihatan diramalkan akan meningkat sebanyak 9.7% di rantau Asia Pasifik dan Malaysia diramalkan menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.5%. Memandangkan pelancongan kesihatan di Pulau Pinang terus mendapat tempat dari pelancong-pelancong di rantau ini, pelancongan kesihatan akan terus relevan berperanan menyumbangkan peningkatan ekonomi negeri.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Senaraikan sektor pekerjaan yang menjadi pilihan anak-anak Pulau Pinang.
- (b) Adakah ianya seiring dengan perancangan masa depan negeri?
- (c) Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk mencapai matlamat ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Mengikut data yang dibekalkan oleh JobStreet, pengkhususan kerja yang menerima permohonan pekerjaan yang tertinggi bagi tempoh pertengahan tahun pertama 2015 bagi Negeri Pulau Pinang adalah kejuruteraan (elektrik, elektronik, mekanikal dan automotif), kewangan dan perakaunan dan operasi pembuatan/pengeluaran.
- (b) Adalah didapati bahawa pilihan anak-anak Pulau Pinang ini adalah seiring dengan perancangan masa depan negeri yang menuju ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan (*knowledge-based economy*) dan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai bandaraya pintar dan bertaraf antarabangsa.
- (c) Untuk terus mencapai matlamat ini, Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan pelaburan di sektor *Global Business Services* (GBS) di Negeri Pulau Pinang yang memerlukan kemahiran khususnya dalam bidang kewangan dan perakaunan. Pada Julai 2015, usaha sama antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Temasek dan *Economic Development Innovation Singapore* (EDIS) telah menubuhkan *Business Process Outsourcing* (BPO) Prime di *Penang Cyber City 1* yang meliputi sekurang-kurangnya 1.6 juta kaki persegi. Pembinaan projek bermula pada tahun 2016 dan akan disiapkan pada tahun 2019. Inisiatif ini akan menarik syarikat-syarikat *shared services* yang bernilai tinggi dan mewujudkan pekerjaan GBS kepada anak-anak Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, program biasiswa *Penang Future Foundation* adalah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menarik dan mengekalkan pekerja di Negeri Pulau Pinang. Biasiswa ini memberi sokongan kepada rakyat Malaysia untuk meneruskan pengajian ijazah di Institut Pengajian Tinggi Awam dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik dan Perakaunan. Setelah tamat pengajian, penerima biasiswa akan berkhidmat di mana-mana organisasi pilihan di Negeri Pulau Pinang bagi tempoh yang sepadan dengan jumlah yang ditaja dalam tempoh maksimum lima tahun.

Kepentingan latihan vokasional untuk memenuhi keperluan industri juga mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program *German Dual Vocational Training* (GDVT) bersama dengan *Penang Skills Development Centre* (PSDC) dan *Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry* (MGCC). Program ini membekalkan *on-the-job training* di syarikat-syarikat yang terlibat seperti B. Braun, Bosch, Dynacraft Industries, Osram dan kilang-kilang lain yang menyertai program ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Perincian pencapaian Penang Paradigm.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Antara inisiatif-inisiatif yang tertera dalam Penang Paradigm termasuk penubuhan *Accelerator for Creative, Analytics and Technology (@CAT)*, anugerah program biasiswa *Penang Future Foundation* dan program *German Dual Vocational Training (GDVT)*.

@CAT yang ditubuhkan pada Oktober 2015 bertujuan untuk merangsang penubuhan dan pertumbuhan perniagaan berasaskan teknologi dan kreativiti. Di samping program mentorship, @CAT juga menyediakan latihan, perkongian kemudahan (*shared facilities*), bantuan profesional dan perkhidmatan nilai tambahan (*value-added services*) lain. Sehingga Ogos 2016, sebanyak 41 *tech startup* telah dijanakan dan kebanyakannya di dalam bidang IT dan perkhidmatan pemasaran.

Anugerah program biasiswa *Penang Future Foundation* pula adalah satu inisiatif untuk menarik dan mengekalkan pekerja di Negeri Pulau Pinang. Anugerah ini memberi sokongan dalam bentuk kewangan kepada rakyat Malaysia untuk meneruskan pengajian ijazah di Institut Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik dan Perakaunan. Setelah tamat pengajian, pemegang biasiswa akan berkhidmat di mana-mana organisasi pilihan di Negeri Pulau Pinang bagi tempoh yang sepadan dengan jumlah yang ditaja dalam tempoh maksimum lima tahun.

Keperluan latihan vokasional yang memenuhi keperluan tenaga mahir industri juga mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Untuk itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program *German Dual Vocational Training (GDVT)* dengan kerjasama *Penang Skills Development Centre (PSDC)* dan *Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry (MGCC)*. Program ini menyediakan latihan kepada pelatih secara *on-the-job* di syarikat-syarikat yang terlibat termasuk B. Braun, Bosch, Dynacraft Industries, Osram dan sebagainya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Nyatakan perincian tanah-tanah milik Kerajaan Negeri, termasuk di bawah majlis tempatan, Penang Development Corporation (PDC), Unit Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI) dan lain yang telah dijual, nilai hasil jualan dan di mana disimpan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 11 Tanah kerajaan adalah tanah-tanah yang tidak mempunyai hakmilik termasuklah tanah-tanah rizab jalan, rizab sungai, rizab pantai, tanah lapang dan lombong. Tanah-tanah kerajaan ini juga tidak mempunyai lot-lot tertentu untuk disenaraikan. Senarai tanah kerajaan yang dilupuskan kepada pembeli secara pemberimilikan dari tahun 2009 hingga 2016 adalah seperti di LAMPIRAN A dengan jumlah RM777.69 juta yang dimasukkan ke dalam Akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang.

Sementara itu, tanah milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang telah dijual adalah masing-masing adalah seperti di LAMPIRAN B dengan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM61.6 juta akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Majlis.

Senarai tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang telah dipindah milik melalui jualan dan *Request For Proposal* adalah seperti di LAMPIRAN C. Hasil penjualan tanah adalah berjumlah RM1.74 bilion dan telah dimasukkan ke dalam akaun PDC kecuali penjualan tanah Ivory Properties Group Berhad yang dibayar kepada Kerajaan Negeri.

Tiada tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) yang telah dijual. Walau bagaimanapun, tanah milik Perbadanan Ketua Menteri (CMI) yang telah dijual hanyalah 1 lot sahaja, iaitu Lot 10208, Mukim 9, Kampung Matahari Naik, Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya. Ianya dijual pada tahun 2014 kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk

tujuan penstabilan cerun bukit (*hill land slope stabilization*) bagi Pembangunan Perumahan Mampu Milik Teluk Kumbar. Hasil jualan sebanyak RM760,500.00 dimasukkan ke dalam Akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang.

RUJUK LAMPIRAN A, B, DAN C BDMFS NO. 11 (ID344)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Nyatakan lokasi, keluasan, nilai tanah yang telah diterima dari pembeli atau telah dibeli oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan keagamaan sejak 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Berdasarkan rekod dari tahun 2008 hingga 2016, sebanyak 20 pengambilan tanah telah dibuat oleh Kerajaan Negeri dengan kos berjumlah RM33,135,738.40 bagi tujuan Agama Islam seperti di Lampiran A. Kerajaan Negeri turut prihatin terhadap Institusi keagamaan bukan Islam yang memohon tapak rumah agama/ibadat bukan Islam (RIBI) melalui pemberimilikan tanah kerajaan. Sejak 2008 hingga 2016, sebanyak 19 pemberimilikan untuk tujuan tapak RIBI dengan premium berjumlah RM2,793,857.00 seperti di Lampiran B. Manakala Pihak Berkuasa Tempatan secara keseluruhannya menerima 56 penyerahan tanah daripada pemaju secara bayaran nominal untuk tujuan tapak keagamaan melalui Syarat Kebenaran Merancang. Perincian tanah yang telah diserahkan oleh pemaju kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah seperti di Lampiran C & D masing-masing.

RUJUK LAMPIRAN A,B,C, DAN D BDMFS NO. 12 (ID345)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Adakah menutup ruang kaki lima premis perniagaan satu kesalahan?
(b) Dengan merujuk khusus kepada kedai-kedai di Pekan Balik Pulau, mengapa dibiarkan kaki-kaki lima kedai-kedai ditutup oleh pekedai sehingga mengganggu lalu lintas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Tindakan menutup ruang kaki lima premis perniagaan merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 46 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 iaitu mendatangkan halangan di tempat awam. Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak membiarkan kaki-kaki lima kedai di Pekan Balik Pulau ditutupi oleh pekedai hingga mengganggu lalu lintas. Bagi mengelak penutupan ruang kaki lima perniagaan MBPP telah mengambil tindakan seperti berikut:
- (i) Mengeluarkan Pemberitahu Tentang Kesalahan (Kompaun) kepada pengusaha berkenaan bagi setiap kesalahan.
(ii) Mengambil tindakan mengalihkan halangan tersebut dan disimpan di setor penguatkuasa.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Apakah halatuju sektor pertanian, perikanan dan penternakan bagi negeri ini?
(b) Jelaskan pendapatan bagi ketiga-tiga sektor ini sejak tahun 2010.
(c) Apakah insentif dan nilainya yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Halatuju sektor pertanian, perikanan dan penternakan di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Menjadikan industri pertanian di tahap sara diri (self sufficient living – SSL) dan *food security* melalui program-program yang mampu meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil pertanian, mengoptimalkan penggunaan tanah bagi penghasilan output yang tinggi pada keluasan yang terhad dan pengenalan penggunaan teknologi kepada petani dan penternak selari dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3). Pada masa kini, Pulau Pinang telah mencapai SSL bagi ternakan ayam dan khinzir;
 - (ii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan program pinjaman micro kredit yang dinamakan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) sebanyak RM5,000.00 kepada usahawan tani muda dalam sektor ini dengan peruntukan sebanyak RM 250,000.00 setahun dalam usahaha Kerajaan Negeri untuk memberikan galakan kepada para pengusaha terutamanya golongan muda dan belia berumur 40 tahun ke bawah untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan.
 - (iii) Merekayasa sektor pertanian dengan penghasilan subsektor baharu seperti cendawan, kelulut dan herba, kambing tenusu, produk keju, ayam piru serta pendidikan bagi melatih petani pelapis iaitu golongan muda melalui program pembangunan dan Tabung Usahawan Tani Muda;
 - (iv) Meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk keluaran Pulau Pinang melalui penekanan terhadap pengiktirafan melalui Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP), Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic), Pensijilan Halal, Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) dan *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP);
 - (v) Penghasilan produktiviti dengan kaedah mesra alam melalui penekanan kepada MyOrganic, penggunaan baja komposit dan *closed house system*; dan
 - (vi) Mempromosikan produk pertanian Pulau Pinang ke peringkat kebangsaan melalui penyertaan dan penganjuran program promosi di luar Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri juga komited untuk terus memacu ekonomi negara khasnya negeri Pulau Pinang dalam sektor pertanian, perikanan dan penternakan dengan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Juru. TKPM Juru kini menjadi contoh model sektor ini yang berprestasi tinggi dan telah membawa pulangan sebanyak RM 15.932 juta pada tahun 2015. Kerajaan Negeri juga telah menggazetkan sebahagian daripada tanah kerajaan di Penaga untuk dijadikan Zon Industri Akuakultur (ZIA) dalam usaha meningkatkan lagi sumber makanan negeri berkaitan perikanan.

- (b) Bagi tempoh 2010 hingga 2015, hasil pendapatan bagi ketiga-tiga sektor ini adalah sebanyak RM10,552.447 juta seperti berikut:

SEKTOR	2010 (RM juta)	2011 (RM juta)	2012 (RM juta)	2013 (RM juta)	2014 (RM juta)	2015 (RM juta)
Pertanian	511.73	535.58	580.546	628.4	588.78	477.181
Veterinar	759.89	700.3	769.51	750.7	844.1	827.96
Perikanan	322.343	451.587	408.479	449.973	463.131	482.257
Jumlah	1,593.963	1,687.467	1,758.535	1,829.073	1,896.011	1,787.398

- (c) Pada tahun 2015, insentif dan bantuan kerajaan negeri yang diberikan kepada nelayan melalui Bantuan Pukat bagi Nelayan Pesisir Pantai dan Program Tukun Tiruan berjumlah RM1,483,099.15. Manakala bagi sektor pertanian dan penternakan, sejumlah RM3,770,000.00 insentif diberikan kepada petani dan penternak melalui program-program bagi maksud pembangunan seperti di bawah:

TAJUK PROJEK/PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)
Pembangunan Khidmat Pengembangan	280,000.00
Program Perkhidmatan Kejenteraan	200,000.00
Pembangunan Tanaman Padi	550,000.00
Projek Pembangunan Tanaman Buah-buahan	500,000.00
Pembangunan Tanaman Sayur-sayuran	500,000.00
Pembangunan Petani Pelapis	80,000.00
Pembangunan Lain-lain Tanaman Ekonomi	150,000.00
Pembangunan Kawasan Kelapa	100,000.00
Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan	180,000.00
Pembangunan Kelompok Tani	70,000.00
Program Pembangunan Aktiviti Promosi Pertanian	150,000.00
Industri Ruminan	500,000.00
Rancangan Pembangunan Perkhidmatan Sokongan Penternak	100,000.00
Industri Nilai Tinggi	230,000.00
Penternakan Industri Unggas	180,000.00
Jumlah	3,770,000.00

.Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Berapakah jumlah masyarakat Orang Kurang Upaya (OKU) semula jadi (sejak kelahiran) mengikut segmen serta pecahan mengikut umur, bangsa di dalam negeri ini?
- (b) Jelaskan punca kecacatan dan bagaimana mengatasinya.
- (c) Nyatakan perangkaan kelahiran dengan kecacatan bagi anak-anak baru lahir sejak tahun 2010.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab menjalankan pendaftaran Orang Kurang Upaya secara sukarela. Berdasarkan rekod JKM, terdapat seramai 24,179 OKU yang telah berdaftar di bawah tujuh (7) kategori kurang upaya. Pecahan mengikut kategori OKU, umur dan bangsa adalah seperti di Lampiran A. Walau bagaimanapun, JKM tidak mempunyai maklumat OKU sejak kelahiran.
- (b) Punca kecacatan bayi adalah disebabkan pelbagai faktor dalaman ibu bapa dan faktor luaran. Berikut antara faktor yang boleh mengakibatkan kelahiran tidak sempurna:
 - (i) Faktor Genetik iaitu gen dari keturunan juga boleh menyebabkan cacat lahir.
 - (ii) Faktor Kromosom: Kelainan kromosom biasanya terjadi di peringkat persenyawaan antara telur dan sperma. Faktor ini banyak dikaitkan dengan usia ibu semasa hamil. Ibu yang berumur 35 tahun ke atas berisiko untuk mendapat anak Down Syndrome. Ibu yang merancang untuk hamil digalakkan untuk menjalankan pemeriksaan saringan pra kehamilan yang disediakan di klinik kesihatan/klinik kesihatan ibu dan anak.

- (iii) Komplikasi Mutasi Gen dan Kromosom. Kelainan pada gen biasanya terjadi kerana warisan dari bapa atau ibu bayi. Bayi yang dilahirkan dengan masalah ini biasanya mengalami beberapa kecacatan seperti fenilketonuria, kelainan saraf dan pelbagai kelainan kerana mutasi gen. Antara faktor yang dikenal pasti adalah kekurangan asid folik yang menyebabkan spina bifida dan anencephaly. Zat ini diperlukan untuk tumbesaran tiub neural secara normal. Pengambilan suplemen atau makanan yang mengandungi asid folik sebelum mengandung dan seterusnya semasa peringkat awal usia kehamilan boleh membantu mencegah keabnormalan tiub neural.
 - (iv) Faktor pemakanan ibu. Pemakanan ibu sepanjang kehamilan memang sangat penting untuk ibu hamil. Nutrien dari makanan seperti vitamin A, vitamin B, asid folik, zat besi, protein, omega 3 dan berbagai nutrien lain menyumbang peranan penting dalam pembentukan perkembangan janin.
 - (v) Faktor Sosial /Persekitaran. Pengambilan dadah, alkohol, merokok, radiasi dan pendedahan kepada merkuri/plumbum akan meningkatkan kemungkinan kelahiran bayi yang cacat. Ibu yang merancang untuk mengandung dikehendaki tidak merokok, mengelakkan pengambilan alkohol dan sebarang preskripsi ubat perlu mendapat nasihat doktor;
 - (vi) Jangkitan selama proses kehamilan. Jangkitan virus yang sering dihidapi oleh bayi yang baru dilahirkan adalah *cytomegalovirus*. Kebanyakan kes tidak memudaratkan tetapi bagi kes-kes serius, kecacatannya berbentuk terencat akal, pekak dan hilang penglihatan. Penyakit tularan seksual juga boleh mengancam janin. Infeksi herpes dan sifilis boleh mendatangkan kebutaan dan kematian. Salah satu cara untuk mengesan jangkitan adalah dengan menjalankan pemeriksaan saringan jangkitan-jangkitan tersebut.
- (c) Berdasarkan statistik daripada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, terdapat seramai 184 atau 0.15 % kelahiran cacat kongenital sejak tahun 2010 sehingga tahun 2015 iaitu 2010 (20 kes), 2011(18 kes), 2012 (28 kes), 2013 (48 kes), 2014 (31 kes) dan 2015 (39 kes). Jenis kecacatan kongenital tertinggi di bawah umur 1 tahun yang dikenalpasti adalah Down Syndrome (37.8 %) diikuti dengan lewat perkembangan (8.1 %), cerebral palsy (4.9 %) dan cacat fizikal (3.2 %). Statistik keseluruhan jumlah kelahiran cacat di Pulau Pinang termasuk di hospital swasta dan kelahiran tidak berdaftar tidak dipastikan memandangkan rekod OKU hanya boleh didapati bagi kes-kes yang didaftarkan di JKM secara sukarela.

RUJUK LAMPIRAN A BMFMS NO. 15 (ID 348)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Apakah program-program yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan warisan dan tradisi kaum-kaum di negeri ini?
- (b) Bila, di mana dan berapa kos perbelanjaan program mengikut tahun sejak tahun 2010?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program untuk memajukan warisan dan tradisi kaum-kaum di seluruh Pulau Pinang. Sebanyak **49** program telah dianjurkan oleh pelbagai agensi termasuk GTWHI, MBPP, MPSP dan PGT yang menelan belanja **RM5,162,210.54**. Perincian program dan perbelanjaan adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDMFS NO. 16 (ID349)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Mohon Kerajaan Negeri untuk mengemukakan data bilangan pekerjaan yang disediakan sejak 2008 sehingga kini serta bilangan pekerja yang hilang kerja sejak 2008 sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bilangan penduduk yang bekerja di Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 3.1% setahun dari 2008 hingga 2015. Oleh itu bagi tempoh dari tahun 2008 hingga 2015, sebanyak 159,300 pekerjaan baharu telah diwujudkan. Perincian bilangan penduduk bekerja dari tahun 2008 hingga 2015 adalah seperti berikut.

Jadual 1: Bilangan penduduk bekerja di Pulau Pinang dari tahun 2008-2015

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Bilangan penduduk bekerja ('000)	674.9	689.8	742.3	767.1	770.5	784.3	808.8	834.2

Selain itu, Malaysian Investment Development Authority (MIDA), juga menjangkakan sebanyak 18,725 pekerjaan wujud hasil dari pelaburan di Pulau Pinang pada tahun 2015 dan 5,882 pekerjaan baru akan wujud pada setengah tahun pertama 2016.

- (b) Berdasarkan data daripada Jabatan Tenaga Kerja, sejak 2008 hingga September 2016, sejumlah 24,957 pekerja telah diberhentikan dan bilangan pemberhentian mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	Bilangan Pekerja Diberhentikan
2008	4,387
2009	7,081
2010	1,181
2011	1,047
2012	2,582
2013	2,497
2014	1,504
2015	1,609
2016	3,069 (sehingga September 2016)
JUMLAH	24,957

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Mohon Kerajaan Negeri kemukakan jumlah pendapatan dan jumlah perbelanjaan Penang Hill Corporation setiap tahun sejak 2008 hingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) telah ditubuhkan pada 27 Mei 2010 dan mula beroperasi pada 25 April 2011. Sehubungan itu, PBBPP hanya mempunyai data dari tahun 2010 hingga 2016 sahaja. Perincian jumlah pendapatan dan perbelanjaan PBBPP dari tahun 2010 hingga 2016 adalah seperti berikut:

TAHUN	PERKARA	
	PENDAPATAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
2010	192,558.00	145,329.00
2011	14022601	14,147,532.00
2012	17,102,091.00	17,484,275.00
2013	22,251,797.00	11,176,908.00
2014	15,830,008.00	9,424,942.00
2015	19,801,649.00	19,724,724.00
2016 (Sehingga 30 September 2016)	9,401,463.00	7,760,859.00
JUMLAH KESELURUHAN	98,602,167.00	79,864,569.00

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Mohon Kerajaan Negeri untuk mengemukakan sama ada mempunyai perancangan untuk mengazetkan Taman Botani sebagai Warisan UNESCO, jika ada mohon nyatakan tahun jangkaan akan dibuat. Jika tiada, mohon terangkan sebab Kerajaan Negeri tidak mempertimbangkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri dalam perancangan untuk mencalonkan Taman Botani Pulau Pinang sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Sehubungan itu, George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) telah menjalankan kajian awalan bagi mengenal pasti potensi dan nilai-nilai keunggulan sejagat yang terdapat pada Taman Botani Pulau Pinang yang telah disiapkan pada September 2016. Hasil kajian awal merumuskan bahawa Taman Botani Pulau Pinang mempunyai nilai-nilai keunggulan sejagat yang memenuhi kriteria II dan IV seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Warisan Dunia UNESCO.

Walau bagaimanapun, pencalonan Taman Botani Pulau Pinang sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO hanya dapat direalisasikan sekiranya kerja-kerja pemulihan taman, inventori botani dan kajian struktur bersejarah taman (termasuk tapak arkeologi dan trail lama) dilaksanakan terlebih dahulu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Mohon Kerajaan Negeri untuk kemukakan perancangan untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya terutamanya di tapak warisan UNESCO di mana kerap kali pengguna menghadapi masalah daripada penunggang basikal dan beca beroda empat di mana mereka tidak mematuhi peraturan lalu lintas serta menunggang dengan bahaya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri memandang serius akan keselamatan pengguna jalan raya di Pulau Pinang. Ini diterjemahkan dengan pelancaran Strategi Keselamatan Jalan Raya (SKJR) Pulau Pinang pada Mei 2015. Objektif utama SKJR adalah untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Mengenai masalah penunggang basikal dan beca beroda empat di tapak warisan UNESCO, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi menangani isu ini, antaranya:
- (i) Menyediakan lorong khas basikal untuk mengasingkan penunggang basikal dari pengguna jalan raya
 - (ii) Mendirikan papan tanda berlogo basikal di jalan raya bagi lokasi-lokasi di mana terdapat kekangan untuk penyediaan lorong khas basikal berasingan.
 - (iii) Menyediakan garis panduan dan etika ketika berbasikal untuk memberi panduan kepada penunggang basikal agar mematuhi peraturan jalan raya dan menjaga etika ketika berbasikal.
 - (iv) Mendirikan lampu isyarat bagi lintasan basikal di lokasi yang strategik untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya dan penunggang basikal.
 - (v) MBPP turut memberi kerjasama kepada persatuan- persatuan basikal di Pulau Pinang untuk menganjur bersama kempen-kempen dan acara-acara berbasikal bagi meningkatkan kesedaran penunggang basikal terhadap keselamatan penggunaan jalan raya dan berbasikal secara berhemah.
 - (vi) Mencetak dan mengedar risalah kesedaran dan pematuhan peraturan jalan raya.
 - (vii) Menguatkuasakan Seksyen 46, Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974. Tindakan rampasan dikenakan ke atas beca beroda empat yang diletakkan di atas kaki lima dan di dalam petak letak kereta Majlis.
 - (viii) Mengadakan sesi perjumpaan bersama para pengusaha sewaan beca beroda empat untuk memberi khidmat nasihat.
 - (ix) Menjalankan kajian untuk menghadkan penggunaan beca beroda empat ini di pusat bandaraya dan zon warisan sahaja.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Mohon senarai lokasi lot dan keluasan tanah-tanah yang telah ditukar syarat kegunaan.
(b) Berapakah hasil kepada negeri bagi setiap lot tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Sebanyak 105 permohonan tukar syarat kegunaan tanah telah diluluskan sepanjang tahun 2013 hingga 2016 seperti di Lampiran A.
(b) Jumlah keseluruhan hasil negeri daripada kutipan premium adalah RM134.83 juta.

RUJUK LAMPIRAN A BDMFS NO. 21 (ID566)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. PAS bukan lagi dalam Pakatan Harapan. Bagaimanakah kedudukan wakil PAS dalam Kerajaan Negeri dan dalam Sidang Dewan Undangan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Sesebuah Kerajaan dibentuk oleh parti-parti politik yang memperolehi sokongan majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Mengikut Perlembagaan Negeri Pulau Pinang, Perkara 7 (2) memperuntukan Yang Di Pertua Negeri akan melantik Ketua Menteri yang merupakan seorang ADUN yang mendapat kepercayaan di kalangan majoriti ADUN. Semua 30 ADUN Kerajaan Negeri yang menang atas tiket Pakatan Rakyat pada PRU-13 tetap menyokong Kerajaan Negeri Pakatan Harapan dan Y.A.B. Lim Guan Eng sebagai Ketua Menteri. ADUN tersebut telah memilih untuk menyokong Kerajaan Negeri Pakatan Harapan dan manifesto Pakatan Rakyat 2013 kerana mereka dipilih oleh rakyat pada Pilihanraya Umum 2013 berdasarkan manifesto tersebut.

V. Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Masih terdapat kes Kerajaan Negeri menawarkan rumah LMC kepada pemohon Alan tetapi pemaju memaksa pemohon membeli dengan harga lebih RM150 ribu bersama pakej. Ini telah mengakibatkan pemohon tidak mampu membeli. Apakah tindakan yang dapat diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan perkara tersebut berlaku?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri pada dasarnya memberi kelonggaran kepada pihak pemaju untuk menjual unit-unit Rumah Mampu Milik 'B' beserta pakej ubahsuai dan tempat letak kereta kepada pemohon yang telah diluluskan untuk penawaran. Namun begitu, pakej yang melibatkan penambahan kos ini perlulah dipersetujui pembeli dan pemaju atas prinsip *willing seller-willing buyer*. Bagi memastikan tiada unsur paksaan yang dikenakan oleh pemaju, Kerajaan Negeri telah mensyaratkan supaya akuan berkanun ditandatangani oleh pembeli dalam urusan jual beli unit yang ditawarkan.

Kerajaan Negeri sememangnya memandang serius aduan-aduan awam berhubung tindakan segelintir pemaju yang dilaporkan menjual secara paksa unit yang dilengkapi pakej pada harga yang jauh lebih tinggi sehingga mengakibatkan masalah kepada pembeli untuk mendapatkan pembiayaan. Susulan dari itu, Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) telah bertindak memanggil pemaju-pemaju yang terlibat untuk memberikan penjelasan. Pemaju juga telah diarahkan supaya berhubung segera dengan setiap pengadu bagi menyelesaikan masalah yang timbul. Di antara penyelesaian yang dicapai termasuk penjualan pada harga asas Rumah Mampu Milik 'B' RM72,500.00 atau penurunan harga pakej pada tahap yang boleh dipersetujui pembeli.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah rancangan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kelembapan ekonomi yang kurang stabil pada tahun 2017 supaya dapat mengurangkan beban rakyat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri melalui *Penang Development Corporation* (PDC) sebagai agensi pembangunan ekonomi negeri Pulau Pinang sentiasa merancang dan melaksanakan pelbagai program untuk terus memacu ekonomi negeri untuk meminimalkan impak ke atas rakyat ekoran daripada kesan ekonomi yang dijangka kurang stabil pada tahun 2017.

PDC akan meneruskan aktiviti teras PDC iaitu promosi pelaburan dalam sektor perindustrian yang sudah pasti akan dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat. PDC juga akan membuka kawasan-kawasan perindustrian baru seperti Taman Perindustrian Utara *Penang Science Park*, Taman Perindustrian Selatan *Penang Science Park*, dan memperhebatkan program mempersiapkan plot-plot industri di Taman Perindustrian Bandar Cassia, Batu Kawan.

Bagi tahun 2016 (setakat 31 Oktober 2016), PDC telah menjual tanah perindustrian seluas 47.24 ekar kepada 15 buah syarikat. Pengoperasian syarikat ini telah dijangka akan menyediakan 1,930 peluang pekerjaan kepada rakyat Pulau Pinang.

Di samping itu, PDC juga telah melipat gandakan usaha untuk membawa pelabur-pelabur dalam sektor pelancongan dan perkhidmatan yang lain terutamanya ke Bandar Cassia, Batu Kawan. Projek-projek berimpak tinggi seperti IKEA, Hospital Columbia, *Penang Designer Village* dan Kolej University oleh Paramount yang kini dalam proses pembinaan akan membuka banyak peluang-peluang pekerjaan dan mendatangkan kesan gandaan yang tinggi bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri. Dua lagi tawaran akan dibuat pada tahun 2017 kepada *International Golf Resort* dan projek *International Theme Park* untuk membuka operasi mereka di kawasan ini.

Selain itu, usaha Kerajaan Negeri dalam meminimalkan impak masalah ekonomi yang dijangka kurang stabil pada tahun 2017 ke atas rakyat turut dilaksanakan melalui program berikut:-

- (i) Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang adalah program Kerajaan Negeri untuk membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Melalui modal tambahan ini, peniaga-peniaga kecil dapat mengembangkan peniagaan mereka serta secara tidak langsung ianya juga dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan isi rumah mereka. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Pinjaman PTSR ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM1,000.00 hingga maksima RM20,000.00. Tempoh bayaran balik antara 1 hingga 2 tahun. Sehingga bulan Oktober 2016, sebanyak RM10.49 juta telah dimanfaatkan oleh 2,368 orang usahawan. Peluang yang sama boleh dimanfaatkan pada tahun 2017 kelak.
- (ii) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang adalah program untuk memberi dorongan kepada golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM500,000.00 telah disediakan di mana setiap pemohon yang berjaya mendapat pinjaman sebanyak RM5,000.00 dan tempoh pembayaran balik pinjaman adalah 2 tahun tanpa faedah. Sehingga bulan Oktober 2016, sebanyak RM245,000.00 telah dimanfaatkan oleh 49 orang usahawan tani di bawah kemudahan kredit ini.

Melalui *Invest Penang* pula, Kerajaan Negeri berusaha meningkatkan pelaburan yang boleh menyumbang kepada peningkatan dan kestabilan ekonomi di negeri Pulau Pinang. *Invest Penang* menumpukan lebih perhatian kepada strategi untuk menarik pelabur baru dan pada masa yang sama mengekalkan pelabur yang sedia ada. Selain itu, *Invest Penang* turut memberi tumpuan kepada kekuatan Pulau Pinang dalam bidang elektronik dan elektrik serta kebolehan mempelbagaikan aktiviti industri seperti pembuatan peralatan perubatan (*medical devices*), sains kesihatan, aeroangkasa dan avionik dan teknologi LED. Selain daripada itu, tumpuan juga diberikan kepada *Business Process Outsourcing*, *Shared Services Outsourcing*, *Global Business Services*, *Research & Development (R&D)*, *Design & Development (D&D)*, *teknologi maklumat (ICT)*, *perisian* dan perkhidmatan sumber manusia. Aktiviti-aktiviti ini dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang bernilai tinggi.

Dalam memperkasa sektor pelancongan sedia ada, Kerajaan Negeri membuat penambahbaikan dengan membangunkan pelancongan inap desa yang mampu menjana ekonomi negeri. Selain potensi program inap desa, sektor hiliran yang boleh dikembangkan sejajar dengan perkembangan produk pelancongan juga memperoleh tempias ekonomi dari industri tersebut. Walau bagaimanapun, industri ini mempunyai ruang dan potensi untuk dikembangkan memandangkan kurangnya pemain dalam industri inap desa ini.

Pulau Pinang juga merupakan negeri berkebakikan yang tidak mengabaikan masyarakat miskin dan golongan kurang bernasib baik. Sejak 2008, lebih RM400 juta telah diperuntukkan untuk sekolah, pusat dialisis, warga emas, anak emas, ibu tunggal, orang kurang upaya, suri rumah, pemandu teksi, nelayan, penarik beca, serta pelajar sekolah rendah, menengah dan universiti. Pulau Pinang memperuntukkan 12% dari bajet tahunan untuk bantuan secara wang tunai. Malah, demi menjamin pendapatan isi rumah bulanan minimum sebanyak RM790.00, Kerajaan Negeri juga berusaha menambah pendapatan mereka yang kurang daripada RM790.00. Dalam erti kata lain, jika pendapatan isi rumah bulanan adalah RM600.00 sebulan, Kerajaan negeri akan membayar RM190.00 setiap bulan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Adakah Kerajaan Negeri telah memutuskan tempat untuk mendirikan Kampung Pekerja Asing yang telah banyak tahun dicadangkan tapi masih belum ditunaikan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri telah mengenal pasti dan bersetuju untuk membina asrama pekerja warga asing di tiga lokasi seperti berikut:
 - (i) Lot 14750, Mukim 13, Juru Seberang Perai Tengah oleh Tetuan Westlite Dormitory Sdn. Bhd. (Juru);
 - (ii) Lot 9224, Mukim 14, Seberang Perai Selatan oleh Tetuan Westlite Dormitory Sdn. Bhd. (Bukit Tambun); dan
 - (iii) Lot 797, Jalan Permatang Damar Laut, Mukim 12, Batu Maung, Daerah Barat Daya oleh Tetuan Ong Han Meng Construction Sdn. Bhd.

Namun begitu setakat hanya Kebenaran Merancang bagi pembinaan asrama pekerja warga asing di Bukit Tambun telahpun diluluskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 27 April 2016. Sementara Kebenaran Merancang bagi pembinaan asrama pekerja warga asing di Juru dan Batu Maung masing-masing masih dalam pertimbangan MPSP dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Pelan Kebenaran Merancang bagi cadangan mendirikan kuarters pekerja asing di Bukit Tambun mengandungi 183 unit 11 tingkat Blok A, 110 unit 11 tingkat Blok B, 76 unit 11 tingkat Blok C dan 1tingkat Blok Kemudahan. Pelan bangunan bagi projek ini telah diluluskan pada 5 Oktober 2016.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah rancangan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan sukan di Negeri Pulau Pinang dapat dimajukan dan boleh mendapat kejayaan yang lebih bagus pada kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) yang akan datang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) sentiasa melaksanakan dan meneruskan rancangan serta program pembangunan sukan secara komprehensif bagi meningkatkan taraf serta prestasi semasa atlet-atlet negeri untuk persiapan bagi menghadapi kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA). Antara rancangan dan program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-
 - (i) Melaksanakan Pelan Jangkamasa Panjang (BLUEPRINT) dan Pelan Strategik Jangkamasa Pendek bersama Persatuan Sukan Negeri untuk menghadapi Sukan Malaysia pada tahun 2018 dan tahun 2020;
 - (ii) Melaksanakan ujian fizikal dan kecergasan untuk atlet pembangunan negeri dan atlet SUKMA;
 - (iii) Menganjurkan bengkel dan seminar sukan kepada atlet elit dan atlet pembangunan negeri serta bengkel kejurulatihan dan seminar pengukuhan latihan kepada jurulatih-jurulatih sukan negeri;
 - (iv) Mengadakan kem latihan kekuatan mental dan fizikal untuk semua atlet yang terlibat serta mengadakan kem bina semangat untuk atlet/jurulatih/pengurus pasukan/pegawai teknikal serta penyelarassukan bagi memastikan kontinjen Pulau Pinang bersedia menghadapi segala rintangan di gelanggang perlawanan kelak;
 - (v) Menubuhkan Jawatankuasa Kerja (JKK) SUKMA bersama Persatuan Sukan Negeri yang terlibat dan mengadakan mesyuarat secara berjadual bagi menilai prestasi sukan SUKMA;

- (vi) Melaksanakan Bengkel Psikologi Sukan bersama para atlet dan jurulatih sukan negeri; dan
- (vii) Melantik Perunding Sukan yang berpengalaman untuk membantu serta mengukuhkan lagi program pembangunan sukan negeri.

Selain daripada program-program tersebut, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang turut memastikan agar kebajikan serta jalinan kerjasama di antara pihak persatuan diberikan keutamaan dalam memastikan atlet-atlet yang mewakili Negeri Pulau Pinang adalah yang terbaik berteraskan pelaksanaan usaha-usaha seperti berikut:-

- (i) Mengikat kontrak dengan atlet yang berpotensi menyumbang pingat di dalam SUKMA akan datang di mana bagi penyumbang pingat Emas akan diberi pembayaran insentif sebanyak RM500.00 sebulan dan bagi penyumbang Perak dan Gangsa akan dibayar sebanyak RM300.00 sebulan untuk menjalani latihan dan seterusnya mencapai kejayaan di SUKMA;
- (ii) Mendedahkan atlet-atlet ke pertandingan dalam dan luar negara untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atlet serta pihak lawan;
- (iii) Mengadakan latihan suaian fizikal, aktiviti-aktiviti psikologi dan ujian kecergasan fizikal bersama dengan atlet-atlet sukan negeri secara harian mengikut Pelan Latihan Periodisasi;
- (iv) Memberi bantuan peruntukan menyertai pertandingan, bantuan peralatan sukan, serta bantuan makanan tambahan (*food supplement*) kepada persatuan sukan negeri dan atlet-atlet negeri;
- (v) Menyediakan atau membantu persatuan/atlet/jurulatih dari segi peralatan dan kemudahan sukan di peringkat Negeri Pulau Pinang;
- (vi) Memastikan semua jurulatih yang dilantik oleh MSNPP memiliki Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) sama ada di tahap I, II atau III untuk meningkatkan sukan spesifik masing-masing;
- (vii) Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Atlet dalam memastikan penilaian serta pengesahan terhadap setiap atlet yang dikemukakan oleh MSNPP/ Persatuan Sukan Negeri/Jurulatih Sukan berkenaan adalah benar-benar layak untuk diketengahkan ke dalam SUKMA; dan
- (viii) Menyarankan semua atlet daripada semua jenis sukan yang dipertandingkan di Sukan Malaysia untuk menjalani latihan secara berterusan sekurang-kurangnya 5 hari seminggu dengan jangka masa latihan adalah selama 3 hingga 5 jam setiap sesi.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 5. Setelah Kerajaan Negeri memperuntukkan dana yang banyak untuk kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan, bilakah Negeri Pulau Pinang akan dapat bebas daripada masalah banjir?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 5. Kerajaan Negeri sememangnya memberi perhatian yang serius terhadap masalah banjir di negeri ini. Projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti tebatan banjir, mitigasi banjir, naiktaraf sistem saliran dan perparitan adalah bertujuan untuk mencegah banjir atau setidak-tidaknya memastikan impak banjir dapat dikurangkan kepada tahap yang minimum.

Walau bagaimanapun, sekiranya taburan hujan melebihi had reka bentuk sistem saliran, banjir tetap akan berlaku. Kerajaan Negeri memerlukan kerjasama dari semua pihak untuk memastikan sistem saliran tidak tersumbat atau dipenuhi dengan sampah sarap dan tiada sebarang halangan untuk memastikan kelancaran pergerakan air.

Kerajaan Negeri sedar bahawa masalah banjir tidak dapat diselesaikan secara total, tetapi diharapkan dengan usaha yang telah dibuat akan dapat mengurangkan impak banjir terutama kepada rakyat Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sila nyatakan dengan teliti apakah projek pembangunan yang akan dijalankan oleh Think City pada tahun 2017 yang akan datang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Pada tahun 2017, Think City akan memberi tumpuan utama kepada pelaksanaan 5 projek pembangunan fizikal seperti berikut:
- (i) Penaiktarafan Kawasan Pesisir Utara (North Seafront);
 - (ii) Pemuliharaan Rumah Agam Syed Al-Attas dan 126 Lebuh Armenian;
 - (iii) Penaiktarafan Lorong Belakang Lebuh Armenian – Lebuh Aceh;
 - (iv) Penaiktarafan Landskap dan Jalan Gat Lebuh China; dan
 - (v) Pemuliharaan Kota Cornwallis.

Ringkasan projek pembangunan fizikal yang telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh Think City pada tahun 2017 adalah seperti di Lampiran A.

Di samping penumpuan kepada pelaksanaan 5 projek di atas, Think City juga turut merancang pelbagai projek di bahagian George Town dan Butterworth dalam tahun 2017. Senarai projek-projek tersebut adalah seperti di Lampiran B. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek ini, Think City telah menyediakan geran sebanyak RM1,066,080.00 di bawah Yayasan Hasanah.

Selain daripada pembangunan fizikal, Think City dengan kerjasama George Town Conservation & Development Corporation (GT CDC) turut terlibat dalam membangunkan perisian digital iaitu 'Penang Story' sebagai pengkalan data yang memuatkan maklumat mengenai sejarah dan kehidupan komuniti setempat yang tinggal dalam kawasan warisan. Selain penglibatan GT CDC, komuniti setempat juga turut sama dijemput bagi membangunkan perisian ini.

RUJUK LAMPIRAN A DAN B BLKE NO. 6 (ID 63)

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Sila beri satu senarai yang teliti berapakah jumlah unit rumah untuk mangsa kebakaran / mangsa bencana alam dan kecemasan yang masih kosong di Negeri Pulau Pinang?
- (b) Di manakah lokasinya disediakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri menyediakan 10 unit rumah bagi menempatkan mangsa bencana seperti kebakaran, banjir dan lain-lain keperluan kecemasan. Kesemua unit ini disediakan bersama perabot asas seperti tilam, bantal dan kipas angin serta bekalan utiliti asas elektrik dan air. Mangsa bencana diberi tawaran untuk menduduki unit-unit ini selama dua bulan dan tambahan satu bulan lagi akan dipertimbangkan berdasarkan keperluan. Pada masa ini, tiga (3) unit iaitu dua (2) di Pangsapuri Pelangi dan satu (1) di Desa Wawasan sedang diduduki. Manakala baki tujuh (7) unit masih kosong.

Daripada kesemua 10 unit bencana yang disediakan, empat (4) unit terletak di Pangsapuri Pelangi, Daerah Timur Laut, empat (4) di Desa Wawasan, Seberang Perai Tengah dan dua (2) di Rumah Pangsa Jawi III, Seberang Perai Selatan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah status perkembangan atas penubuhan Biro Peronda Sukarela (BPS) yang telah diberi peruntukan berjumlah RM1.2 juta untuk penubuhan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Badan Peronda Sukarela (BPS) merupakan satu badan sukarela yang ditubuhkan di bawah Bendahari dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) untuk menguruskan hal ehwal keselamatan di kelompok komuniti masing-masing bagi mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat dan bersatu padu. Penubuhan BPS ialah bagi menjaga keselamatan komuniti dari anasir-anasir jahat yang cuba merosakkan masyarakat dan negara dengan melaporkan aktiviti-aktiviti mereka kepada pihak berkuasa dan menyusun rondaan demi mencegah berlakunya kesalahan jenayah. Taklimat kepada kesemua JKKK telah selesai dilaksanakan pada 21 dan 28 Ogos 2016 dimana taklimat tersebut merangkumi pembentangan mengenai Manual Gerak Kerja BPS dan peranan serta tanggungjawab ahli-ahli BPS berdasarkan *Standard Operating Procedure* (S.O.P) yang telah diluluskan.

BPS telah dilancarkan pada 12 dan 13 November 2016 di bahagian Pulau dan Seberang. Sehingga kini, terdapat seramai 470 ahli BPS yang telah sah berdaftar dan nama-nama ahli BPS ini akan dihantar kepada pihak PDRM untuk dibuat tapisan keselamatan. Masih terdapat beberapa JKKK yang sedang mengenal pasti dan mencari sukarelawan untuk didaftarkan sebagai ahli.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Pada Bajet Negeri Pulau Pinang Tahun 2016, telah menyatakan bahawa Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah memperuntukkan RM0.9 juta untuk kerja-kerja 'sub soil drainage' di tanah lapang Lebu Macallum.
 - (a) Sila nyatakan dengan teliti perkembangan kerja tersebut kerana sampai hari ini masih belum nampak sebarang kerja menaik taraf di tempat tersebut,

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengadakan lawatan tapak ke tanah lapang Lebu Macallum dan mendapati bahawa masalah air bertakung di padang adalah disebabkan oleh aras laluan pejalan kaki di sekeliling padang tersebut adalah lebih tinggi daripada aras permukaan padang serta permukaan padang sendiri yang didapati berada dalam keadaan yang tidak rata. Oleh yang demikian, MBPP berpandangan bahawa pemasangan *sub-soil pipe* adalah tidak diperlukan untuk menangani masalah ini.

MBPP akan menaiktaraf padang Macallum dengan meninggikan permukaan padang ke aras yang lebih tinggi daripada aras laluan pejalan kaki untuk membolehkan *surface water runoff* dapat diterima oleh *perimeter drain* sedia ada di tanah lapang tersebut. Selain itu, MBPP juga akan membina semula parit tanah sedia ada di tepi padang dengan menggunakan *pre-cast u-drain* dan meratakan padang tersebut.

Panggilan tender bagi projek ini telah diiklankan pada 31 Oktober 2016 dan akan ditutup pada 28 November 2016. Projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan dan dijangka akan dibenteng dalam mesyuarat perolehan MBPP pada bulan Januari 2017 bagi pelantikan kontraktor. Kerja tapak juga dijangka bermula pada Februari 2017.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sila nyatakan dengan teliti apakah projek penyediaan kemudahan untuk Orang Kurang Upaya yang telah diperuntukkan sebanyak RM0.5 juta kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Jumlah keseluruhan daripada peruntukan MBPP yang dikhususkan untuk penyediaan kemudahan OKU adalah sebanyak RM687,941.60. Projek penyediaan kemudahan OKU yang dilaksanakan oleh MBPP adalah seperti berikut:

Projek kemudahan OKU di enam (6) unit rumah PPR tingkat bawah blok A, PPR Jalan Sungai, Pulau Pinang yang mana naik taraf tersebut melibatkan kediaman dengan kelengkapan semua keperluan OKU seperti *railing*, *ramp* dan lain-lain. Harga kontrak untuk projek tersebut adalah RM148,400.00.

Projek menaik taraf bahu jalan/parit MBPP yang akan diintegrasikan bersama elemen mesra OKU. Projek-projek ini menggunakan konkrit tekapan yang menepati reka bentuk sejagat. Jumlah keseluruhan projek naiktaraf bahu jalan adalah sebanyak RM539,541.60. Perincian projek laluan naik taraf laluan pejalan kaki dan parit yang mesra OKU yang dijalankan oleh MBPP pada tahun 2016 adalah seperti di bawah:-

BIL	LOKASI	PANJANG (m)	KOS (RM)
1	Jalan Burma (Dari Jalan Zainal Abidin hingga Jalan Anson)	800	258,014.60
2	Jalan Patani (Dari Sungai Pinang Hingga Jalan Veterinary) Dan Jalan Sungai Pinang (Dari Jalan Trusan Hingga Jalan Haji Hashim Imam)	300	141,510.00
3	Jalan Sungai (Di Hadapan Rumah Pangsa Turnkey)	300	139,990.00
JUMLAH		1,400	539,541.60

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Lif di Pangsapuri Pelangi yang telah dinaik taraf oleh Penang Development Corporation (PDC) namun masih terdapat aduan kerosakan lif. Apakah punca yang menyebabkan perkara ini berlaku dan mengapakah upacara penyerahan masih tidak dilangsungkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melantik syarikat MS Elevator Engineering Sdn Bhd (MS Elevator) untuk menaik taraf serta menjalankan kerja-kerja rutin penyelenggaraan lif di Pangsapuri Pelangi. Lanjutan daripada itu, PDC berusaha memastikan kerja-kerja penyelenggaraan lif dilakukan mengikut jadual. Pada masa yang sama, PDC berusaha memastikan sebarang aduan berkaitan gangguan perkhidmatan lif yang diterima daripada pihak penduduk diberi perhatian dan diambil tindakan segera oleh syarikat penyelenggara.

PDC juga telah membuat semakan ke atas aduan-aduan yang diterima oleh syarikat MS Elevator bagi tempoh enam (6) bulan iaitu dari bulan Mei 2016 hingga Oktober 2016. Terdapat sebanyak dua puluh enam (26) aduan direkodkan bagi 5 blok yang terlibat. 11 daripada aduan kerosakan dikenalpasti berpunca daripada komponen lif yang tidak berfungsi seperti komponen elektronik pada pintu, *sensor* dan *switch breaker* pada sistem lampu dalam lif. Manakala tiga (3) daripada aduan yang diterima adalah berhubung kerosakan lif yang disebabkan oleh vandalisme dan tabiat penggunaan yang negatif. Selain itu, syarikat tersebut turut merekodkan dua belas (12) aduan daripada panggilan palsu yang dibuat oleh orang tidak bertanggungjawab.

Bagi tujuan penyerahan, PDC turut bersedia untuk berkolaborasi dengan pejabat ADUN yang berkenaan sekiranya diperlukan untuk urusan penganjaran majlis.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sila nyatakan dengan teliti apakah status projek pembinaan dan menaik taraf laluan pejalan kaki di Jalan Gurdwara, Lebuhraya Tye Sin hingga Lebuhraya Katz yang telah diperuntukkan pada Tahun 2016?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Status terkini projek pembinaan dan menaik taraf laluan pejalan kaki di Jalan Gurdwara, Lebuhraya Tye Sin hingga Lebuhraya Katz adalah di bawah tanggungjawab MBPP. MBPP kini sedang melakukan Penilaian Sebut Harga yang ditutup pada 19 September 2016. Sebut harga ini telah diiklankan pada 5 September 2016 dan taklimat tapak telah diadakan pada tarikh 13 September 2016. Kerja - kerja dijangka bermula pada awal bulan Disember 2016 dan akan mengambil masa selama sebulan untuk disiapkan. Projek menaiktaraf ini akan menelan belanja sebanyak RM97,000.00 dengan komponen utama yang terlibat adalah pembinaan laluan pejalan kaki mesra OKU dengan menggunakan *concrete imprint*, pemasangan *guiding block* dan pemasangan kerb.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah tindakan dan pandangan terhadap Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air (PBA) yang memberikan insentif sebanyak RM21.34 juta selaku penaja utama kepada Penang FA dan malangnya prestasi Penang FA memang tidak memuaskan dalam kedudukan Liga Super?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Mengikut perancangan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), sasaran yang diketengahkan pada awal tahun 2016 adalah untuk mengekalkan kelayakan pasukan bola sepak Pulau Pinang dalam Liga Super dan menjadi juara dalam jangka masa tiga (3) tahun akan datang (Liga Super atau Piala FA) sasaran seterusnya adalah untuk bertanding di peringkat Asia dalam Piala AFC dan Juara-Juara Kelab Asia. Selain itu, FAP juga meletakkan sasaran untuk menjadi Juara Piala Malaysia yang kali terakhir dimenangi Pulau Pinang ialah pada tahun 1974.

Bagi mencapai sasaran tersebut, FAP perlu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan mantap agar matlamat serta usaha berterusan untuk membangunkan prestasi pasukan bola sepak negeri dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Tambahan, perbelanjaan RM 21.34 juta untuk mengurus sebuah pasukan yang kini sedang beraksi di Liga Super walaupun adalah amat tinggi tetapi diperlukan bagi bersaing dalam pertandingan ini.

Setelah Liga Super 2016 berakhir pada bulan Oktober yang lalu, Pasukan Pulau Pinang telah menepati sasaran awal yang ditetapkan apabila berjaya mengekalkan kedudukan mereka di dalam Liga Super pada musim 2017 walaupun menduduki tangga ke-10 daripada 12 pasukan yang mengambil bahagian. Ini kerana dua pasukan yang berada di tangga terbawah di dalam Liga Super secara automatik akan bersaing dalam Liga Perdana.

Sehingga 28 Oktober 2016, pihak FAP masih lagi mengekalkan 'status quo' yang disasarkan dan adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri agar pasukan bola sepak Pulau Pinang dapat meningkatkan lagi prestasi mereka pada musim hadapan dan seterusnya memperbaiki kedudukan dalam Liga Super yang mendatang dan juga mampu untuk menyertai kejohanan yang lebih tinggi seperti disasarkan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sila nyatakan dengan teliti berapakah Kompleks Sukan atau kerja naik taraf tempat latihan untuk Atlet Sukan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2014 hingga 2016?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Pelbagai kemudahan sukan telah disediakan dan dinaik taraf oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan gaya hidup sihat serta mencapai kecemerlangan dan pengiktirafan dalam bidang sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebanyak 10 kompleks sukan dan tempat latihan untuk atlet telah dinaik taraf dari tahun 2014 hingga 2016 seperti di bawah:-

BIIL.	PROJEK	DUN
1.	Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas, SPU	Bertam
2.	Kompleks Sukan Dan Rekreasi Jalan Betek, Bukit Mertajam, SPT	Padang Lalang
3.	Kompleks Sukan Dan Pusat Latihan Angkat Berat Titi Mukim	Teluk Air Tawar
4.	Kompleks Sukan Balik Pulau	Pulau Betong
5.	Stadium Bandaraya	Dato Keramat
6.	Kompleks Stadium Batu Kawan	Bukit Tambun
7.	Kompleks Kolam Renang/Kemudahan Sukan	Paya Terubong
8.	Pusat Latihan Gimnastik, MSN Pulau Pinang	Batu Uban
9.	Pusat Latihan Tinju, MSN Pulau Pinang.	Batu Uban
10.	Pusat Kegiatan Sukan Air, MSN Pulau Pinang	Tanjung Bungah

Selain itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan projek pembinaan Padang Hoki di Seberang Perai Tengah pada tahun 2017.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Beca merupakan satu keistimewaan di Negeri Pulau Pinang. Apakah tindakan yang dapat diambil oleh Kerajaan supaya beca akan terus kekal sebagai satu warisan Negeri kerana kebanyakan pengayuh beca merupakan warga tua?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan kebajikan semua lapisan masyarakat di negeri Pulau Pinang termasuk pengayuh beca. Atas kesedaran ini Kerajaan Negeri telah memberikan insentif sebanyak RM20 setiap minggu kepada pengayuh beca di Pulau Pinang sejak tahun 2011. Sekiranya pengayuh beca berkenaan hadir empat (4) minggu berturut-turut, sebagai inisiatif tambahan, mereka juga layak untuk menerima bonus sebanyak RM20. Ini bermakna, setiap pengayuh beca akan menerima RM100 sebulan. Untuk tujuan ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM12,000 setiap bulan yang melibatkan 120 pengayuh beca.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut membantu pengayuh beca menaik taraf beca mereka dengan membiayai kos untuk mengecat dan menghias beca sejak tahun 2009. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah membiayai kos mengecat dan memasang lampu *light-emitting diode* (LED) yang melibatkan 19 buah beca dengan kos sebanyak RM11,850.00. Usaha-usaha seperti ini akan diteruskan dalam memastikan industri beca di Pulau Pinang akan meningkat maju dan menjadi tarikan pelancong ke Negeri Pulau Pinang. Inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri telah berjaya menarik golongan muda untuk menceburi bidang ini dan kesannya dapat dilihat apabila semakin banyak golongan muda menjadi pengayuh beca terutama di kawasan-kawasan tumpuan seperti Batu Feringghi dan Padang Kota Lama. Kerajaan Negeri dari masa ke semasa akan mengkaji dan meneliti peluang untuk penambahbaikan supaya beca di Pulau Pinang kekal sebagai satu warisan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Apakah status pemasangan free WiFi di kawasan Pengkalan Kota?
 (b) Di manakah lokasi yang telah dipasang? Sila nyatakan dengan teliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Pemasangan kemudahan Penang Free WiFi di kawasan Pengkalan Kota yang disediakan oleh Kerajaan Negeri telahpun siap sepenuhnya pada tahun 2012.

Sebanyak 63 lokasi *hotspot* bagi kawasan Pengkalan Kota (Access Point - AP) telah dipasang seperti di bawah:

Bil.	Lokasi	Jumlah Hotspot/Access Point (AP)
1	Chulia Street	12
2	Kedah Flat Community Area, Jalan Kedah	1
3	Commass Construction, Jalan Dato Koyah	1
4	VG2 Marketing, Jalan Kuala Kangsar	1
5	Kimberly Street	7
6	Cosmopoint Collage, Jalan Dr. Lim Chwee Leong	1
7	T.C.P. Electrical, Lorong Perangin	1
8	Kedai Ubat Tiong Guan, Lebuhraya Carnavon	1
9	Time Cellular Enterprise, Burma Road	2
10	Burma Road	3
11	China Street	3
12	Jalan Masjid Kapitan Keling	7
13	Church Street	6
14	Sun Power Enterprise, Market Street	2
15	Crown Jewellers, King Street	1
16	Kedah Flat DAP Service Center, Jalan Kedah	1
17	Bishop Street	3
18	Jing Mei Cafe 1,123,Pengkalan Weld,Taman Harbour View	2
19	Pulau Kompleks Mutiara 1, 8C-3-5 Kompleks Pulau Mutiara, Gat lebuhraya Macallum	4
20	MPPP Food Court Cecil Street 1,40-48,Lebuhraya Cecil	3
21	Terminal Ferry Penang,9-24 Pengkalan Weld	1
	JUMLAH	63

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Apakah status permohonan salah satu unit rumah kedai di bawah Flat Lebuhraya Noordin untuk kegunaan Dewan Komuniti Warga Emas yang telah dipohon sebelum ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Berdasarkan semakan dan rekod Bahagian Perumahan didapati tiada permohonan yang diterima daripada Dewan Komuniti Warga Emas untuk mendapatkan satu unit kedai di Rumah Pangsa Lebuhraya Noordin. Pada masa ini juga, kesemua sembilan (9) unit kedai tersebut di bangunan berkenaan telah disewakan kepada mereka yang layak.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Sila nyatakan dengan teliti dari tahun 2013 hingga 2016, berapakah jumlah kes jenayah yang telah berlaku dan berapakah kes yang telah diambil tindakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Jumlah kes jenayah bagi tempoh 2013 hingga 2016 adalah sebanyak 27,366 kes di mana 14,337 daripadanya telah diambil tindakan. Perincian kes jenayah dan tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

Tahun	Kes Jenayah	Telah diambil tindakan	Peratus (%)
2013	7937	4378	55.20%
2014	7485	4384	58.60%
2015	6699	3471	51.80%
2016 (Jan-Oktober)	5245	2104	40.10%
Jumlah	27366	14337	

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Adakah sebarang cadangan atau tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengelakkan sampah-sarap dari tempat lain mengalir ke Klens Jeti?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah melantik kontraktor Aznah Harmony Enterprise untuk melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan pembersihan pantai. Skop perkhidmatan yang ditetapkan kepada kontraktor ini meliputi kerja-kerja pembersihan, pemotongan rumput dan mengangkut sampah di pantai bermula dari gigi air surut hingga ke bahu jalan awam dan sempadan tanah persendirian. Melalui pelaksanaan kajian tersebut, masalah sampah ke kawasan tersebut dapat diatasi.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Adakah Rancangan "No Smoking" di Kawasan Warisan UNESCO berjaya berfungsi?
(b) Apakah tindakan atau bukti kukuh bahawa rancangan tersebut telah berjaya dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Tapak Warisan Dunia George Town (GTWHS) telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok berkuatkuasa 4 Julai 2015. Dari sudut keberkesanan program, kesedaran orang awam terhadap larangan merokok di GTWHS adalah masih lagi rendah. Sejak dari pewartaan GTWHS sebagai kawasan larangan merokok, sebanyak 280 operasi telah diadakan di kawasan GTWHS melibatkan 177 amaran lisan diberikan kepada perokok. Dari jumlah tersebut, sebanyak 23 notis amaran PENBAR dan 27 notis di bawah Seksyen 11(1)(f) dan Seksyen 22, Akta Makanan 1983 iaitu kesalahan merokok di bangunan/kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok telah dikeluarkan.
- (b) Antara tindakan yang diambil untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap pewartaan GTWHS sebagai kawasan larangan merokok adalah seperti berikut:
- (i) Membantu Jabatan Kesihatan Negeri dalam mempromosikan Program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (PENBAR);
 - (ii) Menjalankan kempen bersama Jabatan Kesihatan Negeri dalam mengurangkan kadar kesalahan di bawah Peraturan Kawalan Hasil-hasil Tembakau 2004;

- (iii) Memasang papan tanda kawasan larangan merokok;
- (iv) Meletakkan mesej Pulau Pinang bebas asap rokok pada papan tanda tempat letak kereta Majlis;
- (v) Mengedarkan poster/risalah berkaitan PENBAR kepada premis-premis makanan di kawasan tapak warisan dan juga kepada orang awam; dan
- (vi) Mengadakan sesi perbincangan kumpulan kecil bagi menerangkan larangan merokok dan kempen kesedaran awam bahaya rokok di tempat awam.

Secara keseluruhannya tahap pencapaian cadangan ini masih lagi minima dan dengan usaha-usaha penduduk yang dijalankan adalah diharapkan kempen ini akan terus berjaya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 21. Berikan sebab keadaan jalan-jalan di dalam kawasan Pangsapuri Pelangi agak teruk dan berlubang, walaupun permohonan untuk tar semula jalan tersebut telah dibuat oleh ADUN kawasan akan tetapi masih belum diambil tindakan oleh pihak Penang Development Corporation (PDC). Bilakah masalah tersebut boleh dilaksanakan dan diatasi oleh PDC?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 21. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melantik kontraktor bagi kerja-kerja memperbaiki jalan-jalan yang rosak serta kerja-kerja yang berkaitan di kawasan Pangsapuri Pelangi. Nilai kontrak berharga RM1,982,862.00 dan kerja-kerja di tapak telah dimulakan pada 12 Ogos 2016. Skop kontrak merangkumi pembaikan sistem perparitan, pembaikan paip pembentung, penurapan jalan dan kerja-kerja lain yang berkaitan. Kerja-kerja ini dijadualkan siap pada 11 Mei 2017.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 22. Sila nyatakan dengan teliti berapakah unit Rumah Warisan Category II dari Lebu Magazine sampai Lebu Sandiland yang telah dibeli oleh syarikat luar negara?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 22. Berdasarkan rekod George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), terdapat sebanyak 844 premis Rumah Warisan Kategori II terletak di Lebu Magazine sehingga Lebu Sandiland. Walau bagaimanapun setakat ini tiada rekod untuk menunjukkan pembelian oleh syarikat atau individu luar negara ke atas Rumah Warisan Kategori II di kawasan tersebut.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 23. Flat-flat yang didirikan oleh Penang Development Corporation (PDC) pada tahun 1985 didapati tidak dapat menikmati pengecualian cukai pintu. Apakah status permohonan rayuan atas kes ini kerana flat-flat tersebut dapat menikmati program menukar lif 80/20 maksudnya dalam kategori LMC?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 23. Kerajaan Negeri yang begitu prihatin terhadap permasalahan rakyat telah mengecualikan cukai taksiran bagi kesemua rumah kos rendah dan kos sederhana rendah serta rumah-rumah kampung di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan seperti mana diumumkan oleh YAB Ketua Menteri semasa ucapan bajet 2016 pada 6 November 2015. Bagi tujuan ini, setiap permohonan pengecualian cukai taksiran akan dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berdasarkan kepada status kediaman yang tercatat dalam Kebenaran Merancang (KM) ataupun Sijil Layak Menduduki (OC).

Namun begitu, status kediaman kos rendah dan kos sederhana rendah ini tidak dinyatakan pada Kebenaran Merancang (KM) atau Sijil Kelayakan Menduduki (OC) projek-projek yang dibina pada tahun 1980-an. Manakala, rumah pangsa yang menikmati program menukar lif 80/20 (80% kos ditanggung oleh PDC dan 20% kos ditanggung oleh Perbadanan Pengurusan) pula tidak semestinya daripada kategori perumahan kos rendah atau kos sederhana rendah memandangkan program Tabung Maksima 80 Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut menimbangakan permohonan daripada skim perumahan kos sederhana.

Walau bagaimanapun, flat-flat ini boleh mengemukakan rayuan untuk pertimbangan sewajarnya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Adakah Kerajaan Tempatan berhasrat untuk mengecualikan bayaran tempat letak kereta bagi Hari Sabtu dan Ahad?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) hanya mengecualikan bayaran tempat letak kereta bagi Hari Ahad. Sehingga kini, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak merancang untuk mengecualikan bayaran tempat letak kereta pada hari Sabtu. Berikut adalah maklumat kutipan bayaran tempat letak kenderaan di MBPP dan MPSP.

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	HARI KUTIPAN BAYARAN TEMPAT LETAK KENDERAAN	WAKTU OPERASI (WAKTU KUTIPAN BAYARAN TEMPAT LETAK KENDERAAN)	PENGECEUALIAN BAYARAN TEMPAT LETAK KENDERAAN
MBPP	Isnin hingga Sabtu	8.00 Pagi hingga 6.00 Petang	Hari Ahad
MPSP	Isnin hingga Sabtu	8.00 Pagi hingga 9.00 Malam	Hari Ahad

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Apakah status pelancaran APP Pulau Pinang yang telah dicadangkan oleh ADUN Pengkalan Kota pada awal tahun ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Aplikasi Pintas Penang Intelligent Traffic and Transport System (PiTTs) telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri pada 19 Ogos 2016 yang lalu. Fasa pertama aplikasi ini merangkumi empat (4) komponen utama iaitu :
- (i) *Where My Bus* di mana pengguna dapat mengetahui waktu sebenar bas akan tiba di mana-mana lokasi stesen perhentian bas (pada masa kini hanya untuk bas di bahagian Pulau sahaja). Perancangan bagi pelaksanaan fasa kedua melibatkan kawasan Seberang Perai sedang diuruskan.
 - (ii) Aduan trafik di mana pengguna boleh berkongsi apa sahaja aduan berkaitan trafik, keadaan jalan dan maklumat sistem pengangkutan awam untuk pihak *Administrator* menyalurkan kepada pihak yang berkenaan.
 - (iii) Navigasi berbantu yang menggunakan *platform* Google Map, pengguna boleh menggunakan navigasi ini secara mudah dan cepat.
 - (i) Berita dan Program yang memberi pengumuman dan program rasmi Kerajaan Negeri untuk dikongsi dalam aplikasi ini bagi makluman semua pengguna.

Sehingga Oktober 2016, seramai lebih 1,400 pengguna telah memuat turun aplikasi ini. Kerajaan Negeri bersama pihak Rapid Penang akan terus membuat promosi berkenaan aplikasi ini dari semasa ke semasa.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Apakah rancangan atau tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri supaya dapat menarik lebih ramai pelancong dari negara China kerana pada masa sekarang pelancong memang semakin ramai dan kita masih kalah pada negara Indonesia dan Singapura atas penarikan pelancong negara China?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Selain polisi Visa baharu yang diperkenalkan oleh kerajaan pusat untuk pelancong China, Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini memberi tumpuan dalam usaha menarik pelancong dari negara China dengan menyertai program pameran perdagangan dan ekpo pelancongan di negara China seperti berikut :

- (i) Incentive Travel & Conventions, Meetings (IT&CM) China 2016 di Shanghai, China, Februari 2016;

IT&CM China adalah platform untuk pemain antarabangsa terkemuka dalam industri MICE dalam penerokaan peluang-peluang perniagaan dalam semua bidang termasuk dalam sektor pelancongan.

- (ii) Dunhuang Tour On Silk Road International Tourism Festival 2016 di Gansu, China, Julai 2016;

Pejabat Pelancongan Negeri Pulau Pinang dijemput untuk menghadiri festival pelancongan ini supaya mempromosikan sektor pelancongan di Gansu dan juga Pulau Pinang masing-masing.

- (iii) China (Guangdong) International Tourism Industry EXPO 2016, September 2016; dan

EXPO yang diadakan di Guangzhou, China ini merupakan EXPO yang bersaiz besar di negara China. Pemain-pemain pelancongan tempatan seperti hotel, agensi pelancongan, industri makanan dan hartanah turut menyertai EXPO ini untuk memperkenalkan dan mempromosikan Pulau Pinang kepada penduduk-penduduk di negara China.

- (iv) Chengdu International Tourism Expo 2016, bulan Disember 2016.

Di samping itu, Pejabat Pelancongan Negeri Pulau Pinang juga akan menyertai Chengdu International Tourism Expo 2016 di Chengdu, China pada bulan Disember yang akan datang. Ini merupakan kali pertama kami menyertai EXPO di Chengdu, China.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi fokus untuk menarik pelancong luar negara bagi industri *Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE), di mana pada 18 hingga 20hb November 2016, 8,000 delegasi dari Kumpulan Syarikat MBI dari negara China, Jepun, Taiwan dan Korea akan mengadakan persidangan di Pulau Pinang. Manakala World Tourism Cities Federation (WTCF) Asia-Pacific Tourism Conference yang dijangka dihadiri oleh 400 delegasi dari seluruh dunia juga akan diadakan pada bulan Mei 2017.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak swasta dari masa ke semasa akan menambah baik dan meneroka peluang-peluang baharu bagi memastikan peningkatan kemasukan pelancong antarabangsa termasuk dari Negara China dari masa ke semasa.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Adakah Halal Hub Negeri Pulau Pinang berjaya menarik lebih ramai pelancong dari negara Timur terutama pelancong yang beragama Islam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Antara inisiatif yang telah dilakukan oleh PIHH Development Sdn Bhd atau dikenali sebagai Halal Penang dalam usaha untuk mempromosikan sektor pelancongan Muslim di Pulau Pinang adalah penerbitan buku panduan pelancong Muslim bertajuk "Experience Penang : A Muslim Travel Guide (EP-MTG)". Pada bulan April lepas, Halal Penang telah melancarkan buku EP-MTG edisi ketiga bersempena acara Arabian Travel Market 2016 di Dubai, UAE sejak penerbitannya bermula tahun 2012.

Dengan penerbitan EP-MTG, pelbagai maklumat tentang produk-produk pelancongan Muslim, restoran makanan halal, tempat membeli belah serta maklumat berkaitan amat membantu pelancong luar ke Pulau Pinang. Usaha dan inisiatif Halal Penang dalam membangun dan memperkasakan sektor industri pelancongan khususnya ke arah mesra-Muslim telah berjaya menarik ramai para pelancong dari Timur.

Statistik kedatangan pelancong asing dari negara Timur yang diperolehi dari Jabatan Imigresen Malaysia menunjukkan bahawa kebanyakannya para pelancong negara Timur yang memasuki Pulau Pinang adalah daripada negara China, Jepun dan dari Taiwan. Walau bagaimanapun, statistik yang diperolehi tidak menunjukkan bilangan pelancong Muslim kerana kedatangan yang direkodkan hanya diambil kira melalui kewarganegaraan sahaja. Jadual 1 dan 2 masing-masing menunjukkan statistik kedatangan pelancong asing melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Pelabuhan Swettenham :-

Jadual 1: Statistik kedatangan pelancong asing melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

No.	Negara	2014	2015	Peratus (%)
1.	Jepun	30927	30453	-1.56
2.	China	61095	62215	1.80
3.	Korea Selatan	5445	6856	20.58
4.	Hongkong	251	45	-457.77
5.	Taiwan	20712	22087	6.23

(Sumber : Jabatan Imigresen Malaysia)

Jadual 2: Statistik kedatangan pelancong asing melalui Pelabuhan Swettenham Pulau Pinang.

No.	Negara	2014	2015	Peratus (%)
1.	Jepun	2868	2238	-28.15
2.	China	3924	757	-418.36
3.	Korea Selatan	939	1696	44.63
4.	Hongkong	540	1898	71.55
5.	Taiwan	366	762	51.97

(Sumber : Jabatan Imigresen Malaysia)

Selain itu, usaha agresif pihak Halal Penang bersama agensi lain yang berkaitan untuk mempromosikan pensijilan Halal bagi industri perhotelan meningkatkan bilangan pemegang sijil Halal bagi kategori Hotel iaitu sebanyak 34 buah hotel setakat September 2016 berbanding 4 buah hotel sahaja pada tahun 2008. Peningkatan pemegang sijil Halal bagi premis makanan juga meningkat dari 6 premis pada tahun 2008 kepada 74 premis sehingga September 2016. Ini merupakan peluang untuk menarik kedatangan pelancong Muslim khususnya dari Timur kerana memudahkan para pelancong mencari makanan yang Halal.

Halal Penang juga telah berjaya membantu dua kapal pelayaran mewah bagi mendapatkan pensijilan Halal iaitu Superstar Libra dan Costa Victoria. Ini merupakan titik tolak dalam usaha menarik lebih banyak lagi kapal pelayaran mewah mendapatkan pensijilan Halal sebagai nilai-tambah untuk menarik lebih ramai pelancong khususnya beragama Islam.

Ini dapat disimpulkan bahawa Halal Penang turut memainkan peranan besar dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi pelancongan yang mampu menarik minat para pelancong asing khususnya para pelancong Muslim untuk mengalami suasana serta persekitaran mesra-Muslim.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kewangan Negeri akan sentiasa stabil berikutan keadaan ekonomi yang dijangka akan kurang memuaskan pada tahun depan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kerajaan Negeri telah dan akan meneruskan langkah-langkah berjimat cermat bagi mengawal dan mengurangkan perbelanjaan Kerajaan Negeri, mengelakkan pembaziran dan menekankan perbelanjaan yang memberikan *value for money* supaya dapat mengurangkan kos dan perbelanjaan sektor awam, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang kurang memuaskan masa kini. Tindakan perbelanjaan berhemat telahpun dilaksanakan sejak tahun 2008 dan akan terus dilaksanakan pada tahun 2017 mendatang.

Antara langkah-langkah pengurusan yang telah dilaksanakan selaras dengan perbelanjaan berhemat ialah seperti perbelanjaan bagi menyediakan makanan dan minuman semasa penganjuran persidangan/seminar/pameran/kursus/bengkel dan majlis dibuat secara sederhana dengan kadar kelayakan yang dibenarkan dan mengguna bangunan atau premis kerajaan, program kursus jabatan dianjurkan dalam negeri serta mengguna premis kerajaan dan digalakkan mengguna perjalanan udara tambang murah untuk Penjawat Awam dan Anggota Pentadbiran Negeri. Selain daripada itu, dari segi aktiviti dan program jabatan juga telah disemak semula untuk memastikan tiada pertindihan antara jabatan, di samping meningkatkan akauntabiliti di semua peringkat pentadbiran melalui pemantapan kerangka tadbir urus.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyalurkan bayaran wang OKU sebanyak RM100 terus ke akaun bank penerima untuk mengurangkan beban warga OKU?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Sememangnya Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan pembayaran RM100.00 bagi Program Bantuan OKU secara terus ke dalam akaun penerima melalui kerjasama dengan Bank Simpanan Nasional (BSN). Namun terdapat masalah yang timbul disebabkan akaun penerima yang tidak aktif sehingga berlakunya pengapungan wang di dalam akaun tersebut.

Mulai tahun 2016, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Kebajikan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil langkah proaktif dengan mengenakan syarat kepada penerima untuk memastikan akaun penerima adalah aktif dan wang sumbangan dapat dimasukkan ke dalam akaun penerima. Selain itu, bagi penerima yang mempunyai akaun selain daripada BSN, pembayaran akan dilakukan secara tunai bagi memudahkan pihak JKM mengetahui status penerimaan serta mengelakkan wang terapung di akaun disebabkan akaun tidak aktif.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Sila nyatakan dengan teliti berapakah Pusat Penjaja di Pulau Pinang yang telah dan akan dinaik taraf pada tahun 2014 sehingga 2016, dan tahun 2017 yang akan datang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Sejumlah 13 pusat penjaja yang telah dinaik taraf di Pulau Pinang bagi tahun 2014. Manakala bagi tahun 2015 dan 2016 jumlah pusat penjaja yang dinaik taraf adalah masing-masing 3 dan 10. Bagi tahun 2017, bilangan pusat penjaja yang akan dinaik taraf adalah sebanyak tujuh (7).

Perincian maklumat pusat penjaja mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan tahun adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BLKE NO. 30 (ID286)

VI. Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila berikan maklumat terperinci program pemutihan hotel tanpa lesen sejak program dilaksanakan hingga sekarang.
 - (a) Berapakah permohonan yang telah diterima dan diluluskan? Sila nyatakan butiran terperinci.
 - (b) Sila nyatakan masalah yang dihadapi oleh pemohon semasa membuat permohonan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan program pemutihan hotel tanpa lesen pada Mac 2014 sehingga 31 Oktober 2017 bagi mengawal bilangan hotel yang beroperasi tanpa lesen di Pulau Pinang. Kadar bayaran lesen lebih tinggi iaitu pada kadar 10 kali ganda daripada kadar bayaran lesen asal dikenakan kepada setiap permohonan. Dalam tempoh lanjutan ini pengusaha perlu membuat permohonan Pelan Bangunan dan memastikan kelulusan pelan diperolehi. Selain itu, Kerajaan Negeri sememangnya mengambil langkah proaktif untuk membantu pengusaha-pengusaha rumah tumpangan atau hotel khususnya dalam kawasan warisan, antaranya ialah dengan melancarkan program pemutihan hotel.

Antara usaha yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) Pengecualian dari mengemukakan permohonan merancang bagi tukar guna aktiviti hotel.
 - (ii) Pengecualian mengemukakan Laporan *Heritage Impact Assessment* (HIA) bagi premis yang terletak di kawasan tapak warisan.
 - (iii) Pengecualian penyediaan tempat letak kereta secara fizikal dan menerima tawaran sumbangan tempat letak kereta.
 - (iv) Kelonggaran syarat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
 - (v) Mengurangkan bayaran sumbangan tempat letak kereta (TLK) bagi setiap alamat premis perniagaan hotel bajet dari minima empat (4) TLK ke satu (1) hingga dua (2) TLK mengikut keluasan premis hotel berkenaan.
 - (vi) Pengeluaran lesen sementara dalam tempoh mendapatkan kelulusan yang dilanjutkan sehingga 31 Oktober 2017.
 - (vii) Khidmat nasihat berkaitan pematuhan kehendak Warisan (premis di kawasan tapak warisan) dan Bomba.
- (a) Jumlah permohonan yang telah diterima dan diluluskan adalah seperti berikut:

PBT	Jumlah Permohonan	Lesen Tetap	Lesen Sementara	Tiada Lesen Tetap/Permit Sementara
MBPP	221	12	155	54
MPSP	23	5	18	-

- (b) Antara masalah yang dihadapi oleh pemohon semasa membuat permohonan ialah:
- (i) Kepelbagaian keperluan dan syarat teknikal yang ketat menyukarkan pemohon untuk mendapatkan kelulusan kebenaran merancang bagi tukarguna bangunan kepada kegunaan hotel.

- (ii) Kadar bayaran sumbangan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah tinggi.
- (iii) Kos melantik juru perunding bagi kemukakan pelan yang tinggi.
- (iv) Keperluan mematuhi semua syarat-syarat teknikal pencegah kebakaran dari pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.
- (v) Keperluan menyediakan keperluan tempat letak kenderaan yang mencukupi seperti dalam syarat teknikal Jabatan.
- (vi) Terdapat beberapa premis yang berada di kawasan tidak dibenarkan untuk perniagaan perlu tukar syarat tanah.
- (vii) Keperluan menyediakan ruang kelegaan dua (2) meter dari sempadan lot kepada unjuran bangunan terakhir seperti mana keperluan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986.
- (viii) Terdapat premis yang berada di kawasan yang tidak mendapat kebenaran untuk aktiviti perniagaan dan perlu tukar syarat tanah.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila berikan sebab-sebab kelewatan kerja naiktaraf jejantas Octopus.
 - (a) Bilakah tarikh jangkaan baru untuk kerja naiktaraf dapat disiapkan?
 - (b) Apakah langkah yang boleh diambil oleh MBPP sekiranya penaja tidak dapat menyelesaikan kerja dalam masa yang ditetapkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Antara sebab-sebab kelewatan kerja menaik taraf jejantas Octopus adalah:
 - (i) Pada peringkat permulaan terdapat isu-isu pengalihan kabel utiliti.
 - (ii) Keadaan kawasan pembinaan lif dan tangga bergerak yang sempit menyukarkan perletakan mesin, kren dan pemasangan papan penghadang di tapak.
 - (iii) Masalah kecurian kabel lif yang dipasang di tapak dan beberapa kejadian pergaduhan di tapak binaan. Pihak kontraktor telah membuat sebanyak lima (5) laporan Polis yang melibatkan kecurian dan pergaduhan
 - (iv) Bagi mengatasi masalah kesesakan aliran lalu lintas, kontraktor juga telah melebarkan jalan di simpang Jalan Penang dan Jalan Burma agar dua (2) lorong dapat disediakan untuk melancarkan aliran lalu lintas.
 - (a) Kerja-kerja menaiktaraf jejantas Octopus dijangka akan siap pada bulan Mac 2017.
 - (b) MBPP akan menamatkan kontrak tersebut sekiranya kontraktor tersebut tidak dapat menyelesaikan kerja dalam masa yang ditetapkan. Tindakan denda *Liquidated Accertain Damages* (LAD) tidak dapat diambil oleh pihak MBPP memandangkan projek ini adalah projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Bilangan penduduk di KADUN KOMTAR semakin berkurangan. Adakah Kerajaan Negeri akan memperkenalkan projek perumahan mampu milik yang baru selain daripada projek perumahan di Jalan S.P. Chelliah?

- (a) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk menarik balik orang ramai khususnya penduduk asal untuk menetap di KADUN KOMTAR?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri menyedari telah berlaku perpindahan keluar penduduk asal di KADUN KOMTAR yang kini telah menjadi sebuah *Central Business District* (CBD). Keadaan ini bukan sahaja menyebabkan kawasan ini menjadi sunyi malahan proses *urban decay* ketara terutama selepas waktu pejabat. Penyediaan rumah mampu milik yang secukupnya di kawasan pusat bandar George Town meliputi KADUN KOMTAR, Pengkalan Kota dan Sungai Pinang merupakan antara strategi yang dirancang bagi memastikan George Town berdaya huni. Bagaimanapun faktor kekurangan tanah milik Kerajaan di KADUN KOMTAR mengekang usaha ini. Sementara itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sedang dalam perancangan melaksanakan projek rumah mampu milik di lokasi yang berhampiran dengan KADUN KOMTAR seperti berikut:
- (i) Sandiland Foreshore di KADUN Pengkalan Kota, menyediakan 321 unit Rumah Mampu Milik 'B' dan 482 unit Rumah Mampu Milik 'C';
 - (ii) Projek di Pintasan Cecil di KADUN Pengkalan Kota, 348 unit Rumah Mampu Milik 'B';
 - (iii) Projek di Jalan Perak di KADUN Dato Keramat, 200 Rumah Mampu Milik 'B' dan 2,225 Rumah Mampu Milik 'C'; dan
 - (iv) Projek di Jelutong, KADUN Sg Pinang, 310 Rumah Mampu Milik 'B' dan 444 Rumah Mampu Milik 'C'.

Pertumbuhan banyak kawasan pembangunan baharu di pinggir George Town, selain kadar sewa yang tinggi menyebabkan ramai generasi muda berhijrah dan memilih skim perumahan yang terletak berhampiran dengan kawasan di mana mereka bekerja. Memandangkan DUN KOMTAR merupakan kawasan dimana terletaknya sebilangan besar bangunan warisan Tapak Warisan Dunia George Town, keluasan dan lokasi tapak yang sesuai untuk pembangunan baharu adalah amat terhad buat masa ini. Namun begitu, projek naik taraf untuk 'meremajakan' (*revitalize & rejuvenate*) KOMTAR dijangka dapat mengembalikan daya tarikannya lalu menjadikan ruang komersil di situ lebih berdaya saing. Langkah ini dijangka dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan terutama kepada generasi muda yang berasal dari sekitar kawasan KOMTAR.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. MBPP telah menjalankan pengumpulan pendapat masyarakat terhadap cadangan penyeragaman waktu kawalan kutipan letak kereta MBPP. Sila berikan statistik dan maklumbalas yang telah dikumpul dan apakah keputusan pihak MBPP?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menjalankan pengumpulan pendapat masyarakat terhadap cadangan penyeragaman waktu kawalan kutipan letak kereta selama dua (2) bulan bermula dari 16 Mac 2016 hingga 15 Mei 2016. Kaji selidik tersebut melibatkan seramai 716 orang responden dan perincian kumpulan sasar adalah seperti di Jadual 1 serta maklum balas pemilihan waktu adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 1 - Statistik mengikut jantina dan daerah

JANTINA	DAERAH			JUMLAH KESELURUHAN
	TIMUR LAUT	BARAT DAYA	SEBERANG PERAI	
LELAKI	236	102	23	361
PEREMPUAN	235	106	14	355
JUMLAH	471	208	37	716

Jadual 2 - Maklumbalas pemilihan waktu kawalan

WAKTU KAWALAN DICADANGKAN	BILANGAN RESPONDEN	PERATUSAN (%)
8.00 pagi - 9.00 malam (Isnin-Sabtu, Ahad & Kelepasan Am Percuma)	58	8.10
7.00 pagi -9.00 malam (Isnin-Sabtu , Ahad Percuma)	37	5.17
9.00 pagi - 9.00 malam (Isnin-Sabtu , Ahad Percuma)	81	11.31
9.00 pagi - 6.00 petang (Isnin-Sabtu, Ahad Percuma)	199	27.80
8.00 pagi - 6.00 petang (Isnin –Sabtu , Ahad & Kelepasan Am Percuma)	322	44.97
Waktu Kawalan dikekalkan	19	2.65
JUMLAH	716	100

Berdasarkan hasil dapatan kaji selidik tersebut, pihak MBPP telah memutuskan untuk memilih ketetapan penyeragaman waktu tempat letak kenderaan iaitu dari hari Isnin ke Sabtu bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 6.00 petang (termasuk hari kelepasan Am) dan percuma pada hari Ahad. Ketetapan ini akan dikuatkuasakan pada tarikh pewartaan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 5 Adakah tindakan telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap pemilik rumah kos rendah dan sederhana rendah yang menyewakan unit mereka kepada pihak ketiga?
- (a) Jika tidak, apakah masalah yang dihadapi dan apakah keputusan Kerajaan Negeri?.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pada ketika ini, tiada tindakan penguatkuasaan yang dapat diambil ke atas pemilik Rumah Mampu Milik (RMM) 'A' (kos rendah) dan 'B' (kos sederhana rendah) yang menyewakan unit kediaman mereka kepada pihak ketiga. Ini adalah kerana tindakan penyewaan tersebut tidak digariskan dalam mana-mana peruntukan undang-undang termasuk perjanjian jual beli yang ditandatangani dengan pemaju.

Menyedari masalah ini, Kerajaan Negeri telah menulis surat bertarikh 4 Mac 2016 kepada YB. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan memohon supaya diperkenalkan satu polisi, perundangan dan langkah penguatkuasaan bagi menghalang unit RMM daripada disewakan.

Selain itu juga, berkuatkuasa Ogos 2016 Kerajaan Negeri telah membuat penambahbaikan ke atas syarat permohonan rumah melalui Borang PN1 yang menetapkan supaya pemohon menandatangani Akuan Berkanun (*Statutory Declaration*) sebagai akujanji untuk menduduki unit RMM yang akan ditawarkan kepada mereka.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kenderaan usang terbiar berpotensi menjadi tempat takungan air dan pembiakan nyamuk aedes. Sila nyatakan statistik kenderaan usang yang telah ditarik oleh PBT.
- (a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh PBT untuk mengurus kenderaan usang?
- (b) Adakah tempat penyimpanan kenderaan usang sudah mencecah tahap kemampuannya?
- (c) Bilakah kenderaan-kenderaan usang ini akan dihantar untuk pelupusan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Jumlah kenderaan buruk yang ditarik dari tahun 2014 sehingga bulan Oktober 2016 adalah sebanyak 431 buah. Bilangan kenderaan usang yang ditarik oleh PBT bagi tahun 2014 adalah 47, tahun 2015 adalah 54 dan tahun 2016 (berakhir Oktober 2016) adalah 330 buah.
 - (a). Antara langkah-langkah yang diambil oleh PBT untuk menguruskan kenderaan usang adalah seperti berikut:
 - (i) Mempercepatkan proses pelupusan kereta usang daripada satu tahun untuk dilupuskan kepada enam bulan; dan
 - (ii) Membuat penambahan stor sitaan.
 - (b) Empat (4) tempat penyimpanan kereta usang MPSP telah mencapai kapasiti maksimum. Oleh itu, proses pelupusan sentiasa dijalankan bagi membolehkan kenderaan usang yang baru dapat di tempatkan dalam stor simpanan tersebut.
 - (c) Semua kenderaan usang ini akan dilupuskan dalam tempoh masa enam (6) bulan sebaik sahaja semua prosedur pelupusan selesai.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Adakah Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang berhasrat untuk menaiktaraf Perpustakaan KOMTAR kepada perpustakaan digital yang moden?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) tidak mempunyai perancangan dalam masa terdekat untuk menaiktarafkan Perpustakaan KOMTAR kepada perpustakaan digital memandangkan kemudahan yang disediakan adalah berdasarkan keperluan pengguna setempat. Pengguna Perpustakaan KOMTAR adalah daripada kakitangan kerajaan yang bertugas di bangunan KOMTAR, peniaga dan juga mereka yang datang untuk membeli-belah di bangunan berkenaan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengguna lebih gemar untuk menggunakan bahan bacaan santai seperti novel, majalah dan akhbar harian. Selain itu, PPAPP juga telah menyediakan kemudahan Internet, komputer, 1,800 koleksi *ebook*, akhbar harian atas talian serta jurnal-jurnal atas talian bagi pengguna yang gemar membaca atau membuat rujukan atas talian dengan gajet-gajet pintar.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila berikan statistik terkini tentang pembelian unit persendirian di KOMTAR oleh PDC.
 - (a) Adakah pembelian ini akan diteruskan? Jika tidak, sila berikan sebab.
 - (b) Apakah rancangan terhadap unit yang telah dibeli?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sehingga 30 September 2016, sebanyak 77 unit komersial di Podium, KOMTAR telah dipersetujui untuk dibeli oleh PDC daripada pemilik-pemilik unit tersebut. Pihak PDC telah menjelaskan bayaran sepenuhnya bagi 13 unit dan 10% bagi 40 unit. Manakala baki 24 unit masih lagi belum dibuat sebarang pembayaran.
 - (a) Buat masa kini, pihak PDC hanya akan menguruskan proses pembelian balik untuk 77 unit komersial sedia ada sahaja atas sebab kekangan kewangan.

- (b) Memandangkan pembelian balik melibatkan unit-unit komersial yang kosong dan terbiar, unit-unit yang dibeli balik tersebut akan disewakan semula untuk tujuan perniagaan dan aktiviti yang bersesuaian bagi mengembalikan imej KOMTAR serta menarik kedatangan pelancong dalam dan luar negeri. Projek ini juga memberi peluang dan membantu meningkatkan sumber ekonomi khususnya kepada para peniaga/pengusaha baru.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberi subsidi atau bantuan kewangan kepada pesakit dialisis yang memerlukan rawatan untuk meringankan beban pesakit?
- (a) Sila senaraikan pusat-pusat dialisis CAT dan statistik terperinci pesakit yang menerima rawatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Bagi mengurangkan beban pesakit yang kurang berkemampuan untuk menjalani rawatan dialisis, Kerajaan Negeri telahpun menubuhkan Pusat Dialisis CAT di Balik Pulau pada tahun 2013. Rekod terkini menunjukkan seramai 48 pesakit sedang mendapatkan rawatan dialisis di Pusat Dialisis CAT dan 24 orang daripadanya menerima bantuan subsidi daripada Kerajaan Negeri. Bantuan subsidi kos rawatan dialisis terbahagi kepada dua iaitu:

- (i) Subsidi maksima RM30.00 bagi setiap kali rawatan daripada Kerajaan Negeri. Bermula tahun 2014 sehingga Mei 2016, sebanyak RM303,183.50 telah dibelanjakan Kerajaan Negeri bagi tujuan ini.
- (ii) Bantuan kos rawatan daripada Pertubuhan Komuniti Chest (PCC), sebuah pertubuhan amal di bawah Kerajaan Negeri bagi pesakit yang miskin dan disahkan Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah. Sejak tahun 2015, sebanyak RM29,720.00 telah dibelanjakan oleh PCC bagi membiayai kos rawatan dialisis.
- (a) Selain Pusat Dialisis CAT yang terletak di Balik Pulau, Daerah Barat Daya, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk menubuhkan beberapa lagi Pusat Dialisis CAT yang baharu di Seberang Perai Utara dan Timur Laut. Namun cadangan ini masih diperingkat kajian kesesuaian tapak dan kajian kos.

Kerajaan Negeri pada Jun 2016 juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Pusat Haemodialisis Masjid At-Taqwa, Bertam Indah Seberang Perai Utara dan MAA Medicare Charity Dialysis Centre, Seberang Perai Tengah untuk mengadakan program subsidi rawatan dialisis. Had pesakit yang diluluskan untuk menerima subsidi rawatan dialisis berjumlah RM30.00 setiap sesi di dua (2) pusat dialisis ini adalah seramai 74 orang.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sila kemukakan maklumat terperinci mengenai pelaburan yang telah dijalankan oleh Syarikat OWG di KOMTAR.
- (a) Bilakah semua projek-projek ini akan disiapkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Only World Group (OWG), melalui anak syarikatnya Magnificent Empire Sdn Bhd (MESB), merupakan pihak yang dipilih oleh Kerajaan Negeri dan PDC bagi melaksanakan projek pemulihan KOMTAR di bawah bidaan terbuka untuk *Request for Proposal (RFP) for Revitalisation of KOMTAR Building*. *Setakat ini pelaburan oleh OWG dianggarkan berjumlah RM180 juta - RM200 juta*. Komponen projek yang terlibat adalah seperti berikut :-

- (i) Pembangunan semula Kompleks Makanan di Aras 5 (*Rooftop*), Blok Podium sebagai Dewan Bankuet;

- (ii) Pengubahsuaian premis restoran di Aras 59 & 60, Blok Menara sebagai restoran *sky dining*;
 - (iii) Pemasangan *escalator* di *Grand Staircase* dari KOMTAR Walk ke ruang terbuka, Aras 5, Rooftop, Blok Podium;
 - (iv) Pembinaan *observation lifts* di luar Blok Menara yang menghubungkan Aras 5 ke Aras 59 dan 60, dan seterusnya ke Aras 64 dan 65;
 - (v) Pembangunan restoran *viewing gallery/ outdoor dining/ extreme sky dining* di Aras 64 dan 65 serta cadangan Aras 66, Blok Menara;
 - (vi) Aktiviti komersil (ruang niaga) di ruang terbuka di Aras 5, Rooftop, Blok Podium;
 - (vii) Membangunkan kawasan di luar Dewan Tunku (Geodesic DOME) di Aras 5, KOMTAR sebagai *Planetarium* dan *7D Theatre* serta sebahagian lagi ruang terbuka di Aras 5, Rooftop bagi tujuan *Dinosaur Park* dan *Zodiac Park* dan;
 - (viii) Mengambil alih bangunan tempat meletak kenderaan bertingkat (*KOMTAR Multi Storey Car Park*) sedia ada melalui MESB, mulai 1 Oktober 2015. MESB telah menjalankan kerja-kerja menaik taraf seperti pengecatan semula dinding dan petak letak kenderaan, pemasangan CCTV tambahan serta beberapa mesin *autopay* bagi kemudahan orang awam.
- (a) Komponen projek-projek di atas dijangka siap pada bulan Disember 2016. Bagaimanapun, projek untuk Restoran *sky dining* di Aras 59 & 60 dan Dewan Bankuet di Aras 5, Rooftop telah siap dan dibuka untuk operasi perniagaan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Rancangan untuk menaiktaraf Pasar Lebuh Campbell telah diumumkan beberapa tahun yang lepas. Bilakah kerja ini akan dimulakan setelah berbincang dengan pihak yang terlibat?
- (a) Sila berikan maklumat terperinci tentang projek naiktaraf ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Projek menaik taraf Pasar Lebuh Campbell masih dalam peringkat perancangan. Antara aktiviti pada peringkat perancangan ini adalah melibatkan kajian oleh Penang Women Development Center (PWDC) dan Think City. Paparan awam projek ini dijangka akan diadakan pada bulan Disember 2016 dan seterusnya panggilan tender pada Januari 2017. Kerja-kerja menaik taraf Pasar Lebuh Campbell dijangka bermula pada pertengahan tahun 2017.
- (a) Maklumat terperinci projek menaik taraf ini adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BTLH NO. 11 (ID572)

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sila nyatakan senarai rumah banglo yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, agensi Kerajaan Negeri dan pihak PBT. Adakah diantara rumah banglo ini boleh disewakan kepada orang ramai sebagai *Banglow Stay* seperti banglo di Jalan Brown yang disewakan oleh MBPP pada masa dahulu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memiliki lima (5) unit rumah banglo seperti senarai berikut :-

BIL.	SENARAI RUMAH	LOKASI	PENYEWAAN
1	Banglo VIP	Teluk Bahang	Ahli MMK dan Pegawai kerajaan gred 54 ke atas
2	Banglo Jaksa 1	Tanjung Bungah	Pegawai Kerajaan bermula dari Gred 1 dan ke atas.
3	Banglo Jaksa 2	Tanjung Bungah	Pegawai Kerajaan bermula dari Gred 1 dan ke atas.
4	Banglo Edgecliff	Bukit Bendera	Dipajakkan kepada Perbadanan Bukit Bendera.
5	Banglo Viaduct	Bukit Bendera	Dipajakkan kepada Perbadanan Bukit Bendera.

Manakala senarai rumah banglo yang dimiliki MBPP adalah seperti di bawah:-

Bil	No.	Alamat
1	250-A	Jalan Air Itam
2	250-B	Jalan Air Itam
3	254	Jalan Air Itam
4	256	Jalan Air Itam
5	258	Jalan Air Itam
6	326	Jalan Air Itam
7	42	Jalan Thomas
8	44	Jalan Thomas
9	46	Jalan Thomas
10	48	Jalan Thomas
11	50	Jalan Thomas
12	56	Jalan Thomas
13	15-A	JalanKmapar
14	11	JalanSunagai
15	7	Jalan D. S. Ramanathan
16	2	Lebuhraya Rose
17	6	Lebuhraya Rose
18	8	Lebuhraya Rose
19	10	Lebuhraya Rose
20	10	Jalan Brown
21	12	Jalan Brown
22	120	Jalan Scotland
23	120-A	Jalan Scotland
24	BangloSouthview	Bukit Bendera
25	Banglo Richmond	Bukit Bendera

MBPP tidak berhasrat untuk menyewakan rumah-rumah banglo berkenaan kepada orang ramai sebagai '*banglo stay*'. Hanya 2 unit rumah Banglo MBPP iaitu Banglo Southview yang disewakan kepada Ahli Majlis, pegawai-pegawai MBPP dari Gred 41 ke atas dan Banglo Richmond untuk kakitangan dari Gred 1 hingga Gred 40 yang meliputi keseluruhan kakitangan MBPP.

Majlis Pperbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak mempunyai rumah banglo yang boleh disewakan sebagai *banglo stay*.

Senarai rumah banglo yang dimiliki oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) adalah seperti berikut:

BIL.	SENARAI RUMAH	LOKASI
1	Rumah Rehat PBAPP	No. 335-A Mukim 17, Jalan Batu Ferringhi
2	Banglo Viewpoint	Jalan Ayer Itam, Mk 15

Rumah-rumah rehat tersebut tidak disewakan kepada orang ramai sebagai *Banglo Stay* kerana rumah-rumah rehat tersebut adalah hanya untuk kegunaan Pihak Pengurusan, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan juga Kakitangan PBAPP sahaja.

Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI)

Senarai Banglo Kerajaan Negeri yang diberimilik kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI) adalah seperti di Lampiran A. Banglo Hillside di Bukit Bendera dicadang oleh Perbadanan Bukit Bendera untuk dibaikpulih dan ianya boleh dipertimbangkan untuk disewakan sebagai *Banglo Stay* kepada orang ramai tetapi keutamaan akan diberi kepada kakitangan Kerajaan Negeri.

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang

Pihak Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) hanya mempunyai sebuah banglo di puncak bukit yang dikenali sebagai *Railway Bungalow* atau Banglo KBB. Banglo berkenaan telah dipohon untuk ditukar kegunaan bangunan daripada kediaman kepada restoran.

RUJUK LAMPIRAN A BTLH NO. 12 (ID5726)

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Unit Kedai MBPP yang terdapat di Projek Turnkey Taman Sri Pinang Jalan Patani kurang mendapat sambutan.
- Apakah puncanya?
 - Apakah rancangan MBPP untuk menyelesaikan masalah ini?
 - Sila beri statistik unit yang dimiliki oleh MBPP dan unit yang masih tidak disewa atau dijual.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Antara punca unit kedai Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di Projek Turnkey, Taman Sri Pinang, Jalan Patani kurang mendapat sambutan adalah atas sebab seperti berikut:-
- Lokasi sesetengah unit kedai yang kurang strategik;
 - Keselamatan terancam di kawasan ini akibat tumpuan penagih dadah, tempat perjudian dan terdapat kejadian pecah masuk;
 - Masalah kekurangan tempat letak kereta; dan
 - Aktiviti vandalisme yang berleluasa.
- (b) Berikut merupakan rancangan MBPP dalam menyelesaikan masalah ini:-
- Bekerjasama dengan Penang Women's Development Corporation (PWDC) di bawah program Gender Responsive & Participatory Budgeting (GRPB) yang melibatkan penduduk-penduduk Taman Sri Pinang daripada pelbagai peringkat umur bagi tujuan menghidupkan suasana di kawasan perniagaan Projek Turnkey dan membuat pengumpulan data sebelum melaksanakan kerja-kerja

penambahbaikan/tukar guna unit-unit kedai MBPP agar dapat memberi faedah kepada penduduk, orang ramai dan juga MBPP;

- (ii) Menggalakkan penyewaan kepada mana-mana syarikat yang berminat untuk menyewa beberapa unit kedai sekaligus dengan kadar sewa yang berpatutan; dan
 - (iii) Berkerjasama dengan Perbadanan Pengurusan Taman Sri Pinang dan pihak polis agar pemantauan dibuat secara berkala dan keselamatan dapat ditingkatkan.
- (c) Statistik Unit Kedai Projek Turnkey, Taman Sri Pinang, Jalan Patani, Negeri Pulau Pinang adalah berjumlah 413 unit dengan 207 unit (50.12%) daripadanya belum dijual dan 206 unit (49.88%) telah dijual. Keseluruhan statistik adalah seperti di bawah.

JENIS	UNIT KEDAI YANG BELUM DIJUAL	UNIT KEDAI YANG TELAH DIJUAL	JUMLAH KESELURUHAN UNIT KEDAI
KEDAI (Blok 28)	93	54	147
KEDAI (Blok 1)	114	152	266
JUMLAH	207	206	413

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sila beri maklumat tentang bilangan anggota Penguatkuasa MBPP.
- (a) Bilangan anggota dalam unit trafik dan anggota yang menjalankan kerja mengeluar saman.
 - (b) Bolehkah mereka dijadikan "Duta MBPP" dengan menerima aduan dari orang ramai atau mengesan masalah di kawasan tertentu semasa menjalankan tugas dan melaporkan kepada Biro Perhubungan Awam.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Bilangan anggota dalam Unit Trafik dan anggota yang menjalankan kerja mengeluarkan saman di Majlis Bandaraya Pulau Pinang adalah seramai 68 anggota.
- (b) Anggota Penguatkuasa tidak dapat menerima aduan dari orang ramai atau mengesan masalah di kawasan tertentu semasa menjalankan tugas kerana mereka telah dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas hakiki sedia ada. Aduan kepada Majlis boleh dibuat mengikut saluran-saluran yang telah disediakan iaitu melalui sistem e-Aduan dan talian 'hotline'.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Berapakah lampu jalan LED yang telah dipasang oleh MBPP?
- (a) Sila beri maklumat terhadap projek menukar lampu di jalan biasa kepada LED.
 - (b) Sila nyatakan jumlah kos projek ini dan berapakah kos penjimatan bil elektrik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melalui program *Corporate Social Responsibility (CSR)*, telah bekerjasama dengan lima (5) syarikat serta memasang sebanyak 150 unit lampu jalan CBR. Kawasan-kawasan yang dipasang lampu tersebut di bawah program CSR adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1

BIL.	TAHUN	LOKASI	BIL UNIT
1	2012	Persiaran Gurney	54
2	2014	Jalan Pantai Sinaran	63
3	2014	Lintang Bayan Lepas 8	20
4	2016	Persiaran Karpal Singh	13
JUMLAH			150

- (a) MBPP juga telah menukarkan sebanyak 28 unit lampu LED di Jalan Sungai, Jalan Veterinari dan Jalan Patani melalui projek NKRA Bandar Selamat dengan kos sebanyak RM148,248.00. MBPP bercadang untuk memasang lampu-lampu jenis LED secara berperingkat melalui *Request For Proposal* (RFP) terbuka untuk penukaran 6,217 unit lampu jalan jenis HPSV kepada jenis LED bagi fasa pertama. Panggilan RFP tersebut kini di peringkat penilaian.
- (b) Jumlah kos projek RFP ini adalah berdasarkan cadangan daripada pihak syarikat sendiri di mana sebahagian besar bayaran balik kepada kontraktor adalah melalui penjimatan bil elektrik. MBPP menganggarkan penjimatan bil elektrik adalah sebanyak 50% dengan penggunaan lampu jenis LED.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Sila berikan maklumat pengarah Penang International Convention & Exhibition Bureau (PICEB).
- (b) Apakah rancangan PICEB untuk membantu industri MICE di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Senarai pengarah Penang International Convention & Exhibition Bureau (PICEB) adalah seperti berikut:-

- (a) Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng (Pengerusi)
- (b) YBhg. Dato' Rosli bin Jaafar
- (c) YB. Tony Pua Kiam Wee

PICEB ditubuhkan bagi membangunkan industri *Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE) di Pulau Pinang. Antara strategi yang akan dilaksanakan oleh PICEB adalah seperti berikut:-

- (i) Menggalakkan penglibatan sektor swasta bagi meningkatkan industri MICE di Pulau Pinang dengan gandingan bersama-sama peneraju utama dalam industri. PICEB telah memperkenalkan *Industry Partner Programme (IPP)* bagi memantapkan daya saing serta mewujudkan peluang perniagaan untuk industri MICE dengan membabitkan pihak yang berkepentingan secara aktif dan progresif dalam industri ini. PICEB juga telah melibatkan sektor swasta dalam pengumpulan data/maklumat mengenai perkembangan industri MICE di Pulau Pinang. Laporan ini menjadi asas kepada pelan hala tuju projek MICE di samping dapat membantu mereka yang terlibat dari segi belanjawan, hasil jualan, dan pelan pemasaran.
- (ii) Penglibatan dalam *International Congress & Convention Association (ICCA)* yang merupakan peneraju utama dalam industri MICE. PICEB sebagai ahli tunggal ICCA bagi kawasan utara Malaysia mempunyai pendedahan dan akses kepada sumber dan

pengetahuan yang lengkap dan mendalam mengenai penganjuran program-program di peringkat antarabangsa di mana ia merupakan potensi yang baik bagi Kerajaan Negeri sekaligus Negara Malaysia sebagai peneraju utama dalam industri ini di masa hadapan.

- (iii) Membentuk hubungan kerja dengan Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB) di mana MyCEB telah berjaya mengembangkan segmen MICE di Malaysia dengan jayanya. Sebagai Biro Negeri, PICEB telah mendapat manfaat melalui hubungan kerja dengan MyCEB. Di mana kedua-dua pertubuhan ini bekerjasama rapat dalam membekalkan pengetahuan dan maklumat tambahan mengenai Negeri Pulau Pinang bagi membantu melengkapkan aktiviti semasa MyCEB dalam pelan rangka kerja promosi MICE.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sila senaraikan projek yang akan dijalankan di KADUN KOMTAR dalam Bajet MBPP 2017.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Bilangan projek yang dijangka akan dijalankan di KADUN KOMTAR dalam Bajet MBPP 2017 adalah sebanyak 16 projek. Senarai terperinci projek adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BTLH NO. 17 (ID583)

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Apakah status bagi projek *rejuvenate* Sia Boey?
(b) Antaranya apakah projek yang telah disiapkan dan apakah projek yang akan diteruskan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Projek *rejuvenate* Sia Boey telah ditangguhkan sementara memandangkan tapak tersebut yang telah dikenal pasti sebagai salah satu tapak cadangan *stesen transit interchange* di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang kerana terdapatnya penemuan arkeologi di tapak tersebut.

Setakat ini, projek pengalihan aliran Terusan Prangin telah disiapkan sepenuhnya dan PDC sedang meneruskan dengan perancangan memulihara dan memulihkan Pasar Prangin sedia ada dan mengaktifkan pasar dan kawasan persekitaran pasar tersebut bagi tujuan rekreasi dan pelancongan merangkumi pusat pelawat, outlet kraftangan dan cenderamata dan gerai makanan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Adakah pihak MBPP mempunyai rancangan untuk menaiktaraf Taman Trafik?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa memastikan keselesaan pengguna yang menggunakan Taman Trafik dengan membaiki dan melakukan kerja-kerja penyelenggaraan perabot-perabot landskap serta peralatan senaman luar yang terdapat di taman tersebut. MBPP juga berhasrat untuk menaiktaraf taman ini sebagai taman tema yang berkonsepkan Taman Lalulintas pada tahun 2018. Sehubungan itu, bagi tahun 2017 MBPP telah menyediakan peruntukan sebanyak RM64,872.00 bagi tujuan penyelenggaraan seperti berikut:

- (i) Membaiki stor simpanan kenderaan basikal dan kereta;
(ii) Menyelenggara kenderaan basikal dan kereta;
(iii) Menyelenggara laluan basikal dan kerb;
(iv) Meratakan tapak landskap dengan menanam rumput- rumput;
(v) Membaiki dan mendirikan papan tanda yang berkeadaan lusuh dan rosak; dan
(vi) Kerja-kerja membaikpulih tandas dalam bangunan Taman Trafik.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Dengan adanya landasan berkembar, adakah Kerajaan Negeri akan berbincang dengan KTM untuk membina lebih banyak stesen-stesen kecil di lokasi yang strategik supaya dapat mewujudkan perkhidmatan Komuter di Seberang Perai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam memperkasakan sistem pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang. Pembinaan stesen-stesen kecil tidak berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walaubagai manapun, Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan dengan pihak KTM bagi perkhidmatan bas *feeder* ke stesen-stesen yang telah disediakan oleh pihak KTM. Ini bagi memastikan servis dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan kelangsungan *connectivity* dan mobiliti perkhidmatan pengangkutan awam.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. River Cruise di Sungai Melaka dan Bandaraya Kuching merupakan aset pelancongan Negeri Melaka dan Sarawak. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk mentransformasikan muara Sungai Pinang kepada tarikan eko pelancongan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menjadikan muara Sungai Pinang sebagai salah satu kawasan tarikan eko pelancongan selagi pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang belum dilaksanakan sepenuhnya kerana masih menunggu kelulusan peruntukan dari Kerajaan Persekutuan. Adalah didapati, kedua-dua inisiatif River Cruise di Sungai Melaka dan Bandaraya Kuching dilaksanakan selepas projek RTB disiapkan. Oleh itu Kerajaan Negeri berpandangan selepas terlaksananya projek RTB Sg Pinang, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan untuk menjadikan muara Sungai Pinang sebagai kawasan eko pelancongan. Untuk makluman YB, peruntukan bagi pelaksanaan Fasa 3 RTB Sg Pinang telah diluluskan dalam Bajet 2017 dan akan disusuli pelaksanaan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Perniagaan berkonsepkan Kereta Bergerak mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan juga disokong oleh agensi kerajaan seperti MATRADE. Adakah Kerajaan Tempatan telah mengenalpasti garis panduan dan lokasi khusus untuk menjalankan perniagaan ini di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menyediakan draf Garis Panduan Dan Pelaksanaan Pengeluaran Lesen Bagi Aktiviti *food truck*/kereta bergerak pada 29 Ogos 2016. Garis panduan yang masih di peringkat perbincangan ini memerlukan input dan pandangan dari para peniaga *food truck*/kereta bergerak sebelum dimuktamadkan. MBPP bercadang untuk melesenkan peniaga *food truck* di lokasi-lokasi yang tertentu yang telah dikenal pasti. Namun begitu hasrat ini masih tidak dapat dilaksanakan memandangkan syarat utama bagi mengawal aktiviti ini ialah para peniaga telah diminta untuk menubuhkan satu Persatuan Peniaga *food truck* Pulau Pinang agar semua peniaga *food truck*/kereta bergerak berdaftar di bawah satu persatuan dan seterusnya aktiviti ini dapat dikawal oleh pihak persatuan selaku penganjur bagi aktiviti *food truck* di lokasi-lokasi yang telah diluluskan. MBPP secara permulaan telah mengenal pasti tiga (3) lokasi yang sesuai untuk diberikan kebenaran menjalankan aktiviti berkenaan iaitu di Jalan Servis Bayan Baru, Jalan Padang Kota Lama (terhad pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad) dan Lebuhraya Gereja (pagi hingga tengahari).

Manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula, telah melesenkan *food truck*/kereta bergerak sebagai peniaga bergerak. Garis panduan yang digunakan adalah Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih dan syarat-syarat bagi permohonan *food truck*/kereta bergerak dibahagi kepada tiga (3) kategori mengikut kriteria seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN BTLH NO. 22. (ID589)

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menguatkuasakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca di seluruh negeri Pulau Pinang sejak 1hb Jun 2016.
- (a) Adakah dasar ini berjaya mengurangkan sisa sampah yang dihantar ke tapak pelupusan sampah Pulau Burung?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Dasar Pengasingan Sisa Di Punca telah dilaksanakan di seluruh negeri Pulau Pinang mulai 1 Jun 2016. Daripada statistik yang diperolehi, jumlah sampah yang dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung berjaya dikurangkan. Jumlah sampah yang dihantar oleh MBPP dan MPSP ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung bagi tempoh Januari hingga September 2015 adalah 488,641.70 tan. Manakala bagi tempoh yang sama pada tahun 2016, jumlah adalah 479,500.87 tan. Terdapat penurunan jumlah sampah sebanyak 9,140.83 tan atau 1.87%.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kadar penolakan bagi permohonan pinjaman perumahan mampu milik adalah tinggi.
- (a) Apakah langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi isu ini selain mendapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan?
- (b) Adakah kerajaan akan menubuhkan dana pinjaman untuk membantu pembeli rumah dalam kategori ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Penolakan Permohonan Pinjaman

Kerajaan Negeri sememangnya sedar bahawa terdapat pemohon Rumah Mampu Milik 'A' (Kos Rendah), 'B' (Kos Sederhana Rendah) dan lain-lain kategori yang menghadapi masalah mendapatkan pembiayaan daripada bank selepas tawaran rumah diterima. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah menjalin kerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) dengan mengadakan beberapa siri perbincangan sejak November 2015. Antara fakta yang perlu diberi perhatian dalam membincangkan isu ini adalah kadar keberhutangan yang tinggi di kalangan rakyat berpendapatan RM1,500.00 ke bawah (kadar 13 kali ganda purata harga rumah berbanding purata pendapatan), RM3,500.00 ke bawah (7 kali ganda) dan RM5,000.00 ke bawah (4 kali ganda).

Lanjutan daripada ini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama BNM dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah menganjurkan program 'Merealisasikan Impian Memiliki Rumah' pada 16 dan 30 Januari 2016. Objektif program ini adalah untuk menyuntik kesedaran pengurusan kredit yang sihat, strategi tadbir urus kewangan isi rumah serta langkah persediaan yang perlu diambil sebelum mendapatkan pinjaman perumahan. Peserta program terdiri daripada pemohon-pemohon dalam kategori senarai menunggu yang dijangka akan menerima tawaran dalam tempoh terdekat.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri telah mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada pihak pemain-pemain industri khususnya Persatuan Perbankan dan Pemaju melalui sesi perbincangan meja bulat yang diadakan pada 29 Februari 2016. Dalam sesi tersebut telah dipersetujui beberapa langkah penambahbaikan ke atas proses permohonan dan penawaran yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri. Antaranya termasuk syarat menyertakan laporan CCRIS bersama permohonan bagi membolehkan penilaian kelayakan dan keupayaan pemohon dibuat di peringkat lebih awal.

Pada 4 April 2016, satu perbincangan susulan bersama BNM dan ahli-ahli Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM) Cawangan Pulau Pinang telah diadakan bagi menyelaraskan kaedah penambahbaikan proses saringan dan penawaran pemohon bagi mengurangkan jurang kadar penolakan permohonan pinjaman daripada institusi perbankan.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama BNM turut menyediakan perkhidmatan semakan CCRIS semasa sesi pengundian unit-unit kediaman yang ditawarkan di bawah Skim Sewa-Beli Taman Seruling Emas dan Taman Sungai Duri Permai pada 10 dan 11 Ogos 2016 dan terkini pada 11 Oktober 2016. Program ini telah membantu pemohon membuat semakan keupayaan kewangan masing-masing serta menjadi mekanisme tambahan kepada Kerajaan Negeri untuk membuat semakan silang kepada rekod pinjaman hartanah pemohon sekiranya ada.

- (b) Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menubuhkan dana pinjaman bagi membantu pembeli-pembeli Rumah Mampu Milik, kerana ianya melibatkan peruntukan yang besar dan keperluan mendapat lesen untuk tujuan tersebut dari Bank Negara.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Adakah Kerajaan Negeri menyediakan bajet untuk memasang dan menukar lampu hiasan perayaan di kawasan tertentu semasa menyambut perayaan utama?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sememangnya menyediakan peruntukan khas untuk memasang lampu hiasan perayaan di kawasan tertentu semasa menyambut perayaan utama seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Kemerdekaan dan Sambutan Tahun Baru. Jumlah peruntukan MBPP setiap tahun adalah seperti berikut :

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN SETAHUN
2012	RM153,000.00
2013	RM270,000.00
2014	RM243,000.00
2015	RM250,000.00
2016	RM382,500.00

Sebaliknya, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak lagi menyediakan bajet untuk memasang dan menukar lampu hiasan perayaan sejak tahun 2006 setelah mengalami kekurangan peruntukan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Catuan air berlaku semasa kerja-kerja pembaikan dijalankan oleh PBAPP, namun orang awam yang terjejas seringkali mengadu tidak mendapat notis awal atau jadual masa lori tangki air akan tiba.

- (a) Apakah SOP PBAPP terhadap masalah ini?
 (b) Apakah langkah yang lebih berkesan dapat dilakukan untuk mengatasi kelemahan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Cadangan supaya tidak menyediakan tong sampah memerlukan penelitian lanjut selaras dengan peruntukan perundangan dan penguatkuasaan yang lebih tegas dari aspek penalti dan hukuman. Buat masa sekarang Kerajaan Negeri tidak merancang untuk mengurangkan atau tidak menyediakan tong sampah di kawasan awam. Hasil pemantauan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga mendapati amalan masyarakat setempat masih belum mencapai tahap kemajuan dari aspek kebersihan seperti di negara Taiwan dan Jepun. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca diseluruh negeri mulai 1 Jun 2016 dengan tujuan mengurangkan janaan sisa dan juga jumlah sampah untuk dilupuskan. Cadangan tidak menyediakan tong sampah di kawasan awam boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan di masa depan selepas kajian kesesuaian mengenai perkara ini.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Catuan air berlaku semasa kerja-kerja pembaikan dijalankan oleh PBAPP, namun orang awam yang terjejas seringkali mengadu tidak mendapat notis awal atau jadual masa lori tangki air akan tiba.
- (a) Apakah SOP PBAPP terhadap masalah ini?
 - (b) Apakah langkah yang lebih berkesan dapat dilakukan untuk mengatasi kelemahan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) sentiasa memastikan supaya 'tiada catuan air' di Pulau Pinang. Oleh itu Kerajaan negeri bersama PBAPP akan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan bekalan air bersih sentiasa mencukupi.

Sehingga kini, tiada catuan air dilaksanakan di Pulau Pinang. Bekalan air terputus disebabkan oleh pembaikan paip pecah dan diklasifikasikan sebagai gangguan bekalan air tidak berjadual, oleh itu tiada notis awal dikeluarkan.

- (a) SOP PBAPP terhadap perkara ini adalah seperti berikut :
 - (i) Lori tangki air hanya digerakkan apabila gangguan bekalan air melebihi tempoh 24 jam. Operasi lori tangki difokuskan kepada bekalan air domestik dan/atau perkhidmatan penting seperti hospital, pusat dialisis, dan lain-lain ketika tempoh krisis.
 - (ii) Untuk pembaikan tidak berjadual/kecemasan, pemberitahuan kepada pengguna akan dikemaskini di dalam laman web syarikat dan media sosial. Pengguna-pengguna juga boleh mendapatkan maklumat melalui Pusat Panggilan 24-Jam PBAPP.
- (b) Langkah-langkah yang lebih berkesan telah diambil oleh PBAPP bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut :
 - (i) Merangka Pelan Tindakan Kecemasan (*Emergency Response Plan*) bagi menangani krisis bekalan air kecemasan. Pelan ini akan diaktifkan ketika gangguan dan/atau krisis bekalan air yang besar yang membabitkan lebih 10,000 akaun pengguna.
 - (ii) Mewujudkan "*Customer Engagement Team (CET)*" untuk mengendali komunikasi dan aduan ketika tempoh krisis terutamanya yang melibatkan pengguna-pengguna utama (*prime consumers*) seperti kilang-kilang, lapangan terbang, pelabuhan serta perkhidmatan penting lain.
 - (iii) Menaik taraf sistem Pusat Panggilan 24-jam PBAPP sedia ada bagi meningkatkan kecekapan pengurusan aduan melalui telefon termasuk sistem rakaman IVR (*Interactive Voice Recording*) bagi tujuan penyaluran maklumat-maklumat penting. Selain dari itu, PBAPP juga menyediakan saluran-saluran komunikasi lain seperti emel korporat PBAPP (customer@pba.com.my), laman web rasmi PBAPP di www.pba.com.my dan juga media sosial (Facebook dan Twitter).
 - (iv) Meningkatkan lagi perkhidmatan kepada pengguna di Pulau Pinang melalui (pembangunan aplikasi mobile (*myPBA*)). Aplikasi mobile ini akan dilancarkan tidak lama lagi bagi membolehkan pengguna membuat aduan, pembayaran bil secara *online* dan juga perkongsian maklumat-maklumat berkaitan.
 - (v) Mewujudkan kerjasama dua hala dengan MBPP, MPSP dan BOMBA dengan mendapatkan khidmat lori tangki air daripada jabatan-jabatan tersebut ketika situasi krisis yang melibatkan gangguan bekalan air yang berpanjangan.
 - (vi) Menetapkan sasaran Prestasi Petunjuk Utama (*Key Performance Indicators*) seperti berikut:-

No	Jenis Komunikasi	Tempoh masa tindakan
1	Media Social (Facebook & Twitter)	Di dalam tempoh 3 jam dari masa kejadian
2	Laman Web Rasmi PBAPP	Di dalam tempoh 3 jam dari masa kejadian
3	Kenyataan Media	Selepas 12 jam yang pertama
4	<i>Customer Engagement Team</i>	Di dalam tempoh 3 jam dari masa kejadian

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. George Town merupakan Tapak Warisan Dunia yang telah diwartakan sebagai kawasan dilarang merokok. Sila nyatakan sehingga kini berapa saman telah dikeluarkan kepada individu yang melanggar peraturan ini.
- (a) Apakah langkah yang boleh diambil oleh PBT untuk membanteras kes merokok di kawasan awam selain tindakan penguatkuasaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Tapak Warisan Dunia George Town (GTWHS) telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok berkuatkuasa 4 Julai 2015. Sejak dari pewartaan GTWHS sebagai kawasan larangan merokok, sebanyak 280 operasi telah diadakan di kawasan GTWHS. Sejumlah 177 amaran lisan telah diberikan kepada perokok, dengan 23 notis amaran Program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (PENBAR) dan 27 notis di bawah Seksyen 11(1)(f) dan Seksyen 22, Akta Makanan 1983 iaitu kesalahan merokok di bangunan/kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok telah dikeluarkan.
- (a) Antara usaha yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi menguatkuasakan PENBAR adalah seperti berikut:
- (i) Membantu Jabatan Kesihatan Negeri dalam mempromosikan Program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (PENBAR);
 - (ii) Menjalankan kempen bersama Jabatan Kesihatan Negeri dalam mengurangkan kadar kesalahan di bawah Peraturan Kawalan Hasil-hasil Tembakau 2004;
 - (iii) Memasang papan tanda kawasan larangan merokok;
 - (iv) Meletakkan mesej Pulau Pinang bebas asap rokok pada papan tanda tempat letak kereta Majlis; dan
 - (v) Mengedarkan poster/risalah berkaitan PENBAR kepada premis-premis makanan di kawasan tapak warisan dan juga kepada orang awam.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Pada musim hujan yang lepas terdapat banyak kes pokok tumbang. Orang ramai telah mengadu bahawa PBT tidak mengambil tindakan setelah menerima aduan, adakah kenyataan ini benar?
- (a) Adakah PBT memantau pertumbuhan dan kestabilan pokok-pokok mengikut jadual?
- (b) Apakah langkah yang boleh diambil oleh PBT untuk mengelakkan berlakunya peristiwa ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Kenyataan orang ramai bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak mengambil tindakan segera dalam isu kes pokok tumbang adalah tidak benar. Ini kerana, PBT telah mengambil tindakan dengan serta merta ke atas kes aduan pokok tumbang terutamanya pada musim hujan. Tindakan oleh PBT melalui Skuad Khas atau *Respon Team* akan sentiasa bersedia untuk melaksanakan kerja-kerja kecemasan ini dalam tempoh 24 jam setelah aduan diterima.
- (a) PBT sentiasa memantau kestabilan pokok-pokok dengan melaksanakan penyelenggaraan secara berkala terhadap pokok-pokok yang dikenal pasti berisiko mengikut jadual yang ditetapkan.
 - (b) Langkah-langkah yang diambil oleh PBT bagi memastikan isu kes pokok tumbang dan kestabilan pokok-pokok diatasi adalah:
 - (i) Skuad Khas atau *Respon Team* akan sentiasa bersedia untuk melaksanakan kerja-kerja kecemasan ini dalam tempoh 24 jam dan kerja-kerja pemangkas pokok dilaksanakan dalam tempoh dua (2) minggu setelah aduan diterima.
 - (ii) Memastikan jadual penyelenggaraan berkala pokok-pokok sentiasa dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.
 - (iii) Mensyaratkan pemilihan pokok-pokok adalah dari jenis yang sesuai dengan persekitaran tapak dan memastikan kaedah penanaman pokok dengan cara yang betul melalui Kelulusan Pelan Landskap.
 - (iv) Menghasilkan satu sistem inventori pokok yang komprehensif merangkumi pengumpulan data penilaian risiko dan penilaian ekonomi pokok. Data-data ini mengandungi maklumat seperti jenis, bilangan, lokasi, kedudukan, saiz, status kesihatan semasa dan keperluan penyelenggaraan untuk pokok-pokok yang telah direkodkan. Sistem ini akan memudahkan PBT merancang, mengurus dan menyelenggara pokok-pokok terutamanya yang berisiko tinggi bagi menjamin keselamatan penduduk dan pengguna jalan raya amnya.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Adakah Kerajaan Negeri telah berjaya mengenalpasti tapak yang sesuai bagi membina rumah transit untuk menempatkan pengemis dan kutu rayau?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa tapak bagi cadangan membina rumah transit untuk menetapkan pengemis dan kutu rayau. Tapak-tapak berkenaan pada ketika ini sedang dinilai dan diselidiki kesesuaiannya bagi cadangan tersebut. Atas kepentingan untuk segera melaksanakan cadangan tersebut, Kerajaan Negeri telah meminta UPEN untuk mengkajinya secara terperinci.

VII. Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Huraikan kepentingan dan kebaikan sistem *Ombudsman* sebagai satu alat urus tadbir baik. Mengapa Kerajaan Negeri yang selalu amalkan CAT tidak mempertunaikan penubuhannya? Senaraikan semua Jawatankuasa yang sedia ada yang dijangka berfungsi sedemikian dengan ahli jawatankuasa dan fungsi masing-masing.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sistem *Ombudsman* berperanan sebagai badan atau individu yang berkecuali dan dipertanggungjawab untuk menyiasat penyalahgunaan kuasa termasuk mengemukakan cadangan penambahbaikan. Sehingga kini, pelbagai saluran telah disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada orang awam bagi mengemukakan sebarang masalah, aduan serta cadangan

penambahbaikan berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan. Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan sebarang aduan atau keluhan yang diterima daripada orang awam.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri telah mewujudkan beberapa Jawatankuasa yang mempunyai peranan dan fungsi yang sama dengan sistem *Ombudsman* ini. Senarai jawatankuasa secara terperinci adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BTYC NO. 1 (ID55)

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Penambakan laut di kawasan Tanjung Tokong STP2 adalah merisaukan bagi kehidupan harian nelayan-nelayan. Mereka amat risau akan masa hadapan mereka.
 - (a) Huraikan rancangan khas Kerajaan Negeri untuk memastikan nelayan-nelayan ini tidak tertindas atau reformasikan cara penangkapan ikan mereka termasuk zon sangkar?
 - (b) Apakah penyelesaian yang dibuat antara pemaju, Kerajaan Negeri, agensi PBT dan nelayan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Bagi memastikan projek Sri Tanjung Pinang fasa 2(STP2) berjalan tanpa menjejaskan kehidupan nelayan, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:
 - (i) Pemberian ex-gratia berjumlah RM15,000 kepada tekong dan RM2,000 kepada awak-awak di kawasan yang terlibat dengan penambakan. Pembayaran ini telah dibuat pada 3 Julai 2015 dan 31 Oktober 2015 melibatkan 155 nelayan dan 71 awak-awak. Pemberian ex-gratia ini bagi membolehkan nelayan terlibat untuk menaik taraf peralatan yang lebih sesuai;
 - (ii) Pihak pemaju juga memberi komitmen untuk membina kemudahan seperti pemecah ombak, jeti dan menambah baik bangsal nelayan tertakluk kepada kesan dan keperluan nelayan; dan
 - (iii) Pemaju bersetuju mengadakan perjumpaan dan perbincangan secara berkala dengan komuniti nelayan untuk mendapat input.
- (b) Mensyaratkan penyediaan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar Terperinci (DEIA) dan memastikan langkah-langkah kontigensi diambil sekiranya memberi impak negatif besar kepada nelayan;
 - (i) Perbincangan dan perjumpaan pemaju secara berkala dengan komuniti nelayan untuk mendapat input berkaitan perikanan; dan
 - (ii) Kerajaan Negeri mulai tahun 2013 telah melancarkan Program Pemberian Pukat kepada nelayan pesisir pantai sebanyak dua (2) kali setahun. Program ini turut merangkumi nelayan berdaftar dan aktif di kawasan projek STP2.

Antara penyelesaian yang dicapai bersama pemaju bagi membela nasib nelayan yang dijangka terkesan dengan projek STP2 adalah seperti berikut:

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Huraikan mengapa isu keselamatan seperti kes ragut /pecah rumah adalah berleluasa kebelakangan ini. Pihak polis sudah buat yang terbaik tetapi komuniti kita memerlukan pasukan keselamatan sukarela sebagai "back up". Huraikan status terkini mengenai pasukan keselamatan ini dan senaraikan sama ada mereka adalah daripada NGO, Kerajaan Negeri atau PDRM?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Mengikut maklumat Polis Diraja Malaysia (PDRM), dalam tempoh 1 Januari hingga Oktober 2016, indeks jenayah telah menunjukkan penurunan sebanyak 13% berbanding tahun 2015 dan kes jenayah kekerasan dan jenayah harta benda telah menurun sebanyak 5% dalam tempoh yang

sama. Selain itu, jenayah jalanan juga mencatatkan penurunan sebanyak 18% bagi tempoh 1 Januari hingga 20 Oktober 2016 berbanding tahun 2015. Oleh yang demikian, adalah tidak benar kes-kes berkenaan berleluasa.

Status terkini mengenai pasukan keselamatan sukarela adalah seperti berikut:

- (i) Pasukan Keselamatan Sukarela di atas adalah merujuk kepada Badan Peronda Sukarela (BPS).
- (ii) Badan Peronda Sukarela (BPS) merupakan satu badan sukarela yang ditubuhkan di bawah tanggungjawab Bendahari dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) untuk menguruskan hal ehwal keselamatan di kelompok komuniti masing-masing bagi mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat dan bersatu padu.
- (iii) Penubuhan BPS ialah bagi menjaga keselamatan komuniti dari anasir-anasir jahat yang cuba merosakkan masyarakat dan negara dengan melaporkan aktiviti-aktiviti mereka kepada pihak berkuasa dan menyusun rondaan demi mencegah berlakunya kesalahan jenayah.
- (iv) Selain itu, BPS juga akan membantu pihak berkuasa yang bertanggungjawab ke atas keselamatan dan ketenteraman awam seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menangani kegiatan jenayah dan gejala sosial negatif di sesuatu kawasan. BPS dapat memainkan peranan melalui rondaan keselamatan dan penyaluran maklumat kepada PDRM bagi tujuan mencegah kegiatan jenayah. Ini akan memantapkan lagi usaha Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kadar jenayah di Pulau Pinang.
- (v) BPS akan dilancarkan pada 12 dan 13 November 2016 termasuk di bahagian Pulau dan Seberang. Sehingga kini, terdapat seramai 470 ahli BPS yang telah sah berdaftar dan nama-nama ahli BPS ini akan dihantar kepada pihak PDRM untuk dibuat tapisan keselamatan. Masih terdapat beberapa JKKK yang sedang mengenal pasti dan mencari sukarelawan untuk didaftarkan sebagai ahli.
- (vi) Ahli-ahli BPS adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang kerana BPS ini lebih berkonsepkan sukarelawan. Namun demikian, salah satu syarat perantikan ahli BPS ialah bukan ahli mana-mana JKKK.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Huraikan dengan terperinci kerajaan di dalam menjayakan polisi pengasingan sisa pepejal dari punca, jangka pendek dan panjang, termasuk MRF untuk barangan kitar semula dan pusat memproses sisa makanan/bahan hijau.
- (b) Senaraikan jumlah lesen yang diluluskan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk pengutipan bahan kitar semula.
- (c) Berapakah jumlah pusat kitar semula berlesen yang terdapat di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca adalah seperti berikut:
 - (a) Jangka pendek
 - (i) Melaksanakan projek perintis Dasar Pengasingan Sisa di Punca bagi kategori-kategori yang telah dikenalpasti iaitu kampung, taman perumahan, Projek Perumahan Rakyat (PPR), kediaman bertingkat, kilang/industri, kompleks membeli-belah, restoran/hotel.
 - (ii) Menstruktur mekanisma pelaksanaan pengasingan sisa yang menggariskan garis panduan yang mempunyai komponen-komponen asas bagi setiap kategori.

- (iii) Undang-Undang Kecil Pengasingan Sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah yang boleh dikitar semula (Majlis Bandaraya Pulau Pinang/Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016 telah dilaksanakan mulai 1 Jun 2016.
 - (iv) Mewajibkan pengasingan sisa yang dijana di punca penghasilan sisa kepada dua (2) aliran iaitu sisa baki dan sisa yang boleh dikitar semula mulai 1 Jun 2016.
 - (v) Melaksanakan pemeriksaan tong sampah dan mengeluarkan notis peringatan kepada penghuni premis yang gagal melaksanakan pengasingan sisa di punca sebagai pendidikan dan amaran.
 - (vi) Melaksanakan program pendidikan menerusi taklimat kepada komuniti dan pihak industri bagi menyampaikan maklumat mengenai polisi ini.
 - (vii) Menggiatkan aktiviti publisiti melalui edaran risalah, pemasangan *billboard*, banner dan lain-lain medium.
 - (viii) Melesenkan pemungut barangan kitar semula mulai Januari 2017.
 - (ix) Penguatkuasaan melalui tindakan kompaun kepada pihak yang gagal mematuhi Undang-Undang Kecil Pengasingan Sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah yang boleh dikitar semula (Majlis Bandaraya Pulau Pinang/Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016 dirancang bermula pada Jun 2017.
- (b) Jangka Panjang
- (i) Pengasingan sisa kepada lebih banyak aliran berbanding kepada dua (2) aliran sahaja pada masa hadapan apabila pengasingan sisa yang asas telah menjadi amalan kebiasaan warga Pulau Pinang.
 - (ii) Pendidikan berterusan agar dasar ini diamalkan dan dibudayakan.
 - (iii) Menambahbaik Undang-undang Kecil sedia ada mengikut kesesuaian dari semasa ke semasa untuk memastikan dasar mencapai kejayaan.

Pelaksanaan MRF telah disyaratkan kepada PLB Terang Sdn Bhd bagi pembangunan Tapak Pelupusan Pulau Burung Fasa III di mana sampah yang telah dihantar ke Tapak Pelupusan Pulau Burung perlu diasingkan melalui kaedah ini sebelum dilupuskan. Melalui kaedah ini, dijangka 20% - 30% sampah yang dihantar ke Tapak Pelupusan Pulau Burung masih boleh dikitar semula manakala bakinya akan dilupuskan.

Pusat Memproses Sisa Makanan/Bahan Hijau

Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah meletakkan kemudahan pemprosesan sisa makanan di pasar-pasar awam milik PBT yang terpilih sebagai salah satu inisiatif bagi mengurangkan sisa makanan yang dilupuskan di tapak pelupusan. Pusat memproses sisa makanan dan bahan hijau juga akan disediakan di tapak Stesen Pemindahan Sampah Batu Maung yang dijangka beroperasi pada bulan April 2018. Penyediaan kemudahan ini juga akan disyaratkan kepada hotel dan *establishment* makanan pada masa hadapan.

Satu daripada peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil Pengasingan Sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah yang boleh dikitar semula (Majlis Bandaraya Pulau Pinang/Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016 ialah pelesenan pemungut barangan kitar semula. Kini, kedua-dua PBT sedang memuktamadkan syarat-syarat pelesenan pemungut barangan kitar semula untuk dilaksanakan mulai bulan Januari 2017.

Terdapat 403 pusat kitar semula berlesen di negeri Pulau Pinang - 48 pusat kitar semula berlesen dalam kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 355 pusat kitar semula berlesen dalam kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Huraikan Undang-Undang Kecil sedia ada MBPP dan MPSP sama ada cukup sempurna menandatangani polisi pengasingan sisa pepejal dari punca (*segregation at source*) dari segi penguatkuasaan terhadap semua pihak terlibat.
- (b) Huraikan dengan draf Undang-Undang Kecil tersebut, jika ada, hasrat kerajaan mewartakannya dan jangkaan bila berkuatkuasa untuk memastikan polisi tersebut dan kitar semula tercapai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Undang-Undang Kecil Pengasingan Sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah yang boleh dikitar semula (Majlis Bandaraya Pulau Pinang/Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016 telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 1 Jun 2016. Bagi memastikan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca, antara tanggungjawab dan kuasa yang diperuntukkan di bawah Undang-undang tersebut adalah seperti berikut:
 - (a) Tanggungjawab untuk pengasingan sampah - pemunya atau penghuni perlu mengasingkan sisa di punca.
 - (b) Fungsi dan kewajipan badan pengurusan bersama (JMB) - JMB perlu menyediakan kemudahan/tempat untuk pengasingan sisa di punca dan memastikan ia berada dalam keadaan yang bersih.
 - (c) Pelesenan pemungut barangan kitar semula - semua pemungut barangan kitar semula perlu mendapatkan lesen.
 - (d) Penguatkuasaan - bagi memastikan penguatkuasaan di bawah Undang-Undang Kecil tersebut, antara kuasa yang diperuntukkan di bawah Undang-undang tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) Kuasa untuk menjalankan penyiasatan pelakuan sesuatu kesalahan.

Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini atau syarat atau sekatan lesen adalah melakukan sesuatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.
 - (ii) PBT boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Undang-undang Kecil ini.

Fokus pelaksanaan dasar ini adalah lebih menjurus kepada pendidikan dan kesedaran kepada rakyat. Sehubungan itu, tindakan kompaun hanya akan dikuatkuasakan setelah dasar dilaksanakan dalam tempoh setahun. Sebanyak 16 projek perintis telah dilaksanakan untuk mengkaji kebolehlaksanaan dasar tersebut dengan berkesan. Selain itu, undang-undang kecil lain yang berkait rapat dengan dasar ini juga sedang disemak semula oleh PBT agar tidak berlaku sebarang keciciran mahupun pertindihan kuasa.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Huraikan dengan Undang-Undang Kecil sedia ada oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), kelemahan dan kekuatan penguatkuasaan dan organisasi jabatan dari segi semua aspek.
- (b) Apakah rancangan (latihan, kelayakan dan naik taraf peralatan dll) dan gubalan atau pindaan Undang-Undang Kecil berkenaan untuk memastikan keadilan dan keharmonian sosial terpelihara dan tercapai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan organisasi yang mengawal dan menguatkuasakan undang-undang kerajaan tempatan sentiasa prihatin terhadap isu-isu melibatkan kepentingan awam. Secara dasarnya, terdapat banyak peruntukan undang-undang kecil yang memelihara serta mengawal isu-isu berkaitan melalui Akta-akta berikut :-

- (i) Akta Kerajaan Tempatan 1976
- ii) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
- iii) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976

Undang-Undang Kecil sedia ada yang dikuatkuasakan oleh kedua-dua PBT setakat ini adalah mencukupi untuk sebarang tindakan penguatkuasaan. Walau bagaimanapun, penambahbaikan akan dibuat dari semasa ke semasa apabila didapati perlu untuk memastikan penguatkuasaan yang berkesan. Semakan semula Undang-undang Kecil akan dibuat oleh PBT dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Bagi memastikan keadilan dan keharmonian sosial terpelihara dan tercapai pula, PBT menggunakan peruntukan di bawah Seksyen 22(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, dalam menguruskan sesuatu permohonan untuk Kebenaran Merancang akan memberi pertimbangan kepada apa-apa perkara yang pada pendapatnya adalah suai manfaat atau perlu untuk merancang dengan wajar. PBT akan mengenakan kepada pemaju syarat-syarat antara lain, mengemukakan Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment Report*), Kajian Impak Lalulintas (*Traffic Impact Assessment Report*), Laporan Geoteknikal (*Geotechnical Report*), bantahan-bantahan lot berjiran jika ada dan perkara lain yang difikirkan perlu.

Dalam memantapkan tindakan penguatkuasaan, latihan berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang menjalankan penguatkuasaan bagi membolehkan kakitangan meningkatkan kemahiran dan mempunyai pengetahuan mencukupi. Latihan-latihan berhubung pemahaman dan cara-cara pelaksanaan penguatkuasaan akan dipertingkatkan bagi memastikan setiap kakitangan yang menjalankan penguatkuasaan memahami dengan jelas tindakan-tindakan yang perlu diambil berdasarkan undang-undang yang digunapakai. Selain itu, PBT juga menaik taraf peralatan yang digunakan dalam tindakan penguatkuasaan. Tindakan penguatkuasaan secara berhemah sedang dan akan terus dilaksanakan untuk memastikan keadilan dan keharmonian sosial terpelihara dan tercapai.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Huraikan dengan terperinci bilangan unit kediaman semua jenis pembangunan di Bandar Tanjung Bunga yang telah melebihi 2500 unit dan memerlukan pemaju untuk menyediakan sebidang tanah sekurang-kurangnya 7 hingga 10 ekar untuk Sekolah Menengah mengikut Garis Panduan penyeliaan tapak sekolah.
- (b) Tapak tersebut mesti dikekalkan untuk cawangan SMK demi penduduk yang makin bertambah. Apakah hasrat Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), tiada Permohonan Kebenaran Merancang diluluskan di Bandar Tanjung Bunga yang melibatkan kepadatan melebihi 2500 unit rumah.

Hanya satu projek pembangunan bercampur di Bandar Tanjung Bunga diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.17/2014 pada 12 Disember 2014 dan disahkan pada 26 Januari 2015. Kelulusan ini melibatkan permohonan Pelan Susunatur Induk Cadangan Pembangunan Perumahan & Perdagangan Tanjung Tokong Di Atas Lot 341, 860, 2031, 2040, P.T. 4 & P.T. 5, Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang (Pindaan 1 Kepada Parcel 2A) oleh UDA Land (North) Sdn. Bhd. (melalui I Platinum Sdn. Bhd.) dan dikecualikan daripada menyediakan tapak sekolah.

Permohonan tersebut merupakan pindaan dan tambahan kepada pelan Induk yang telah diluluskan pada 11 November 2003. Cadangan pindaan yang dikemukakan oleh pemaju UDA Land (North) Sdn. Bhd. ini melibatkan Parcel 2A bagi tapak rumah teres digantikan dengan cadangan rumah mampu milik 2,155 unit dengan keluasan 850 kaki persegi. Rayuan pengecualian tapak sekolah oleh pemaju telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri kerana kesediaan dua tapak sekolah yang terletak di atas Lot 3271 (2.69 ekar) dan Lot 714 (6.72 ekar) dalam pelan susunatur induk dan kedua-dua lot ini terletak hanya dalam lingkungan 200 meter dari tapak cadangan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Senaraikan:
- (i). Semua projek LMC (nama /lokasi/pemaju/unit dll) yang telah diluluskan tetapi masih belum mula kerja binaan.
 - (ii). Projek LMC yang telah diluluskan dan dipinda kepada projek RMM.
- (b) Huraikan rekabentuk dan kualiti, kepadatan, kemudahan asas, kehijauan kejiranan, keluasan dan had ketinggian LMC perlu dikaji semula untuk menjamin keselesaan dan keharmonian pemilik kelas pertengahan baru dan LMC patut diutamakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) (i) Kerajaan Negeri melalui Dasar Pembinaan Kos Rendah/Kos Sederhana Rendah menetapkan bahawa pemaju swasta perlu menyumbangkan sekurang-kurangnya 30% rumah kos rendah (Rumah Mampu Milik A) untuk setiap pemajuan di kawasan pembangunan melebihi 150 unit atau di kawasan luar pembangunan jika melebihi 100 unit. Selain itu bermula 21 Disember 2011, pemajuan yang menggunakan Garis Panduan Peningkatan Ketumpatan dan Nisbah Plot Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) perlu menyediakan 30% rumah kos rendah bagi Daerah Timur Laut. Manakala bagi Daerah Barat Daya samada 30% rumah kos rendah atau gabungan 15% rumah kos rendah dan 15% rumah kos sederhana rendah (Rumah Mampu Milik B).

Berdasarkan rekod dari kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terdapat lapan (8) projek yang telah diluluskan pelan bangunan tetapi masih belum memulakan kerja pembinaan melibatkan penyediaan 2,007 unit rumah kos sederhana rendah. Senarai projek tersebut adalah seperti di Lampiran.

- (ii) Setakat ini hanya satu projek rumah kos sederhana rendah yang diluluskan dengan 15% daripada bilangan unit dinaik taraf kepada Rumah Mampu Milik 'C1' dengan harga maksima RM150,000 dan berkeluasan 750 kaki persegi. Projek tersebut, iaitu Iconic Sky di Daerah Barat Daya kini masih di peringkat perancangan.
- (b) Setiap cadangan pembangunan rumah kos sederhana rendah perlu mematuhi Garis Panduan Rumah Mampu Milik dan mematuhi Standard Perumahan Kebangsaan Bagi Perumahan Kos Rendah Satu dan Dua Tingkat (CIS 1:1998) dan Standard Perumahan Kebangsaan Bagi Perumahan Kos Rendah Rumah Pangsa (CIS 2: 1998). Standard ini menggariskan antara lain keperluan keluasan lantai minima 645 kaki persegi, ketinggian tidak kurang 2.5 meter, 3 bilik tidur, satu ruang tamu/makan, satu ruang dapur dan sebuah bilik mandi/tandas yang dibuat berasingan. Keluasan disyaratkan di Negeri Pulau Pinang pula adalah minima 650 kaki persegi bagi Rumah Mampu Milik 'A' dan 700 kaki persegi bagi Rumah Mampu Milik 'B'. Selain itu, bagi memastikan penghuni kedua-dua jenis rumah mampu milik ini menikmati keselesaan sepatutnya, setiap pemajuan juga perlu mematuhi semua syarat Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986.

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah mereka dan bina konsep perumahan Rumah Mampu Milik 'B' di Bandar Cassia yang lebih selesa dengan keluasan 800 kaki persegi dilengkapi fasiliti rekreasi dan riadah. Spesifikasi dan kemudahan

bagi pemajuan rumah mampu milik akan sentiasa dikaji dari semasa ke semasa untuk memastikan setiap warga Pulau Pinang berhak menikmati kediaman yang selesa.

RUJUK LAMPIRAN BTYC NO. 8 (ID 112)

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Huraikan penyelesaian dan kemaskinikan isu pindah berperintah dan pelan penempatan semula penduduk Kampung Mutiara dan kampung berjiranan di Batu Feringghi oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dan pihak berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Bagi kes-kes yang melibatkan perpindahan keluar penduduk dari sesuatu tapak pembangunan, Kerajaan Negeri mempunyai Garis Panduan Bayaran Pampasan mengenai penempatan semula setingga ke tapak baru. Walau bagaimanapun, Garis Panduan ini hanya terpakai untuk pembangunan yang melibatkan Tanah Kerajaan Negeri sahaja. Manakala untuk pembangunan ke atas tanah persendirian yang melibatkan perpindahan setingga, Kerajaan Negeri mengenakan syarat supaya pemaju mengambilkira pemberian pampasan kepada setingga atau program penempatan setingga. Syarat yang dikenakan ini akan dimasukkan semasa permohonan kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (KM) di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dalam hal ini pihak pemaju diminta memberikan akujanji bahawa mereka akan menyelesaikan isu setingga mengikut kaedah mereka sendiri dan tanpa menyelesaikan isu setingga, kelulusan pelan KM tidak akan dipertimbangkan. Namun begitu bagi Kampung Mutiara setakat ini Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang permohonan kebenaran merancang dari pemilik tanah tersebut.

Mengenai isu penempatan, perpindahan dan bayaran pampasan bagi Kampung Mutiara di Batu Feringghi, Kerajaan Negeri telah mengambil usaha berbincang dengan UDA supaya UDA membeli tanah tersebut daripada pemilik tanah. Setakat ini pihak UDA bersetuju dengan cadangan berkenaan dan perundingan masih berjalan antara pemilik tanah dan UDA.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Huraikan betapa seriusnya isu *aging group* dan gelandangan di Pulau Pinang dari semua aspek dengan data-data kajian terperinci, polisi kerajaan menangani isu tersebut dari segi *software* (skim insurans perubatan, pendidikan, latihan kemahiran) dan *hardware* (bangunan tetap, pusat tinggal sementara, perkhidmatan kounsel dan penempatan, pusat sehenti).

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Golongan warga emas atau Aging Group ini telah ditakrifkan sebagai mana-mana individu yang berusia 60 tahun dan ke atas. Kajian Penang Medical College menunjukkan bahawa Negeri Pulau Pinang merupakan salah satu negeri yang mempunyai peningkatan kadar penuaan di dalam negara. Berdasarkan kajian pada bulan Mei tahun 2013, peratusan warga emas yang tinggal di Pulau Pinang yang berumur di antara 60 hingga 69 tahun adalah sebanyak 62.3%, manakala yang berumur 70-79 tahun adalah sebanyak 30.5% dan peratusan bagi yang berumur 80 tahun ke atas adalah sebanyak 7.2%. Menurut Jabatan statistik Negara, Malaysia dijangka menjadi negara tua pada tahun 2030.

Antara isu berkaitan warga emas adalah kewangan, kesihatan, emosi, keluarga dan pengangkutan. Pada usia 60 tahun, kebanyakan warga emas beranggapan bahawa mereka lebih sesuai untuk berehat dan meluangkan masa di rumah dan tiada keperluan untuk terus menyumbang ke arah pembangunan diri dan masyarakat sekeliling. Tanggapan sebegini perlu diubah kepada sudut yang lebih positif. Walaupun sudah berusia, golongan ini sepatutnya bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti agar dapat menabur bakti ke arah pembangunan negara dan bangsa. Ramai warga emas yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing yang boleh diperturunkan ilmu kepada generasi muda. Justeru itu, mereka yang masih sihat dan aktif digalakkan untuk kekal aktif dalam menyumbang kepada pembangunan negara terutamanya dari aspek pembangunan modal insan.

- (b) Isu gelandangan walaupun telah banyak operasi dijalankan, tetap tidak dapat diselesaikan sepenuhnya. Salah satu faktor utama adalah disebabkan Negeri Pulau Pinang yang terkenal sebagai negeri pelancongan telah menarik minat gelandangan untuk mengemis di negeri ini. Faktor pemberian daripada orang ramai juga menyumbang kepada peningkatan jumlah gelandangan. Sikap gelandangan juga antara faktor golongan ini masih berada dalam masyarakat. Terdapat segelintir gelandangan yang diselamatkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang dan telah dijamin oleh keluarga namun mereka tetap kembali ke jalan atas kehendak mereka sendiri.

Kajian lapangan yang diadakan pada 29 Disember 2015 terhadap 10 orang gelandangan mendapati mereka mengemis disebabkan faktor keluarga, kemiskinan, diabaikan oleh keluarga, kekangan kenaikan kos sara diri dan kesulitan dalam mencari pekerjaan kerana baru dibebaskan dari penjara, gaji yang tidak setimpal, memilih pekerjaan, masalah kesihatan, kemurahan hati pihak NGO menyediakan makanan percuma serta sikap tidak ingin maju dalam hidup.

Bagi menangani isu aging group dan gelandangan ini, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:-

- (i) Mewujudkan suatu ekosistem perumahan yang tidak membebankan rakyat, sebaliknya mampu dimiliki. Warga emas yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 dan mempunyai kes-kes kronik akan diberi keutamaan oleh Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC) untuk menyewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR);
- (ii) Melaksanakan program “Jom Hidup Sihat” yang disasarkan kepada rakyat di negeri Pulau Pinang untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat khususnya di kalangan warga emas. Kerajaan Negeri menggalakkan setiap KADUN untuk mewujudkan pusat komuniti supaya aktiviti-aktiviti komuniti seperti latihan Tai Chi, Qi Gong, Line Dance dan Aerobik dapat dijalankan dan peralatan “outdoor gym” juga dapat disediakan. Program ini juga dapat menjadikan kawasan perumahan sebagai pusat aktiviti dan riadah seharian kepada warga emas untuk bersama-sama memupuk kepentingan penjagaan kesihatan dan membina ikatan silaturrahim yang baik serta dapat menanam sikap kejiwaan dan prihatin di kalangan komuniti;
- (iii) Menubuhkan Pusat Dialisis C.A.T. di kawasan Balik Pulau Daerah, Barat Daya. Subsidi sebanyak RM30.00 diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pesakit yang terpilih bagi setiap sesi rawatan dialisis termasuk warga emas. Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk menubuhkan lebih banyak Pusat Dialisis C.A.T. Selain itu, Kerajaan negeri juga telah melancarkan program mammogram percuma pada awal 2015 yang memfokuskan kepada golongan kurang berkemampuan berusia 35 tahun ke atas yang turut merangkumi warga emas;
- (iv) Memberikan bantuan kewangan bulanan secara *topup* melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) kepada golongan miskin termasuk warga emas dan gelandangan yang berpendapatan perkapita RM220.00;
- (v) Bantuan Kewangan RM100.00 setahun bagi Program Penghargaan Warga Emas yang bertujuan untuk menghargai jasa dan budi warga emas yang telah berbakti untuk Negeri Pulau Pinang;
- (vi) Bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Bantuan Am, Bantuan Orang Tua, dan Bantuan Pesakit Telantar. Bantuan ini diberikan untuk saraan hidup kepada warga emas yang memerlukan bantuan;
- (vii) Melakukan operasi-operasi menyelamat gelandangan secara bersepadu, berkala dan melalui aduan orang awam atau media. Operasi bersepadu turut melibatkan beberapa agensi yang berkaitan seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang atau Majlis Perbandaran Seberang Perai, Polis, Imigresen, RELA, Agensi Anti Dadah

Kebangsaan, Pejabat Kesihatan, Jabatan Pendaftaran Negara dan lain-lain agensi. Operasi berkala atau berjadual dilakukan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah setiap 2 minggu sekali di setiap daerah; dan

- (viii) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Kebajikan dan JKM telah melaksanakan *Program Empowering The Street Citizen* yang bertujuan untuk membantu dan mendayaupayakan golongan gelandangan di Pulau Pinang. Program ini adalah bersifat *Tri-Partite Venture* yang menggabungkan sektor kerajaan, swasta dan pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi menjayakan program ini. Di bawah program ini, gelandangan akan ditempatkan di sebuah rumah atau bangunan yang akan dibekalkan dengan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selesa sebagai permulaan. Selepas tempoh program ini, gelandangan ini diharapkan dapat berdikari dan berintegrasi dengan masyarakat. Pengurusan penempatan gelandangan ini dicadangkan dibuat oleh pihak Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang dikenalpasti oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Huraikan polisi kesaksamaan gender dan gender responsif kerajaan berdasarkan ekspresi seks orientasi dan gender identifikasi dan apakah pelan tindakan dan rancangan mencapai visi dan misi tersebut melalui Jawatankuasa Transgender Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada dalam jangka masa pendek dan panjang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Setakat ini belum ada lagi satu dasar atau polisi kesaksamaan gender dan gender responsif yang telah diterimapai secara rasmi oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) mengambil inisiatif mempromosikan konsep kesaksamaan substantif (*substantive equality*) dalam program-program yang dianjurkan oleh PWDC. Kesaksamaan substantif menitikberatkan kesaksamaan dalam masyarakat yang harus berlaku dari pelbagai sudut termasuk akses kepada sumber, peluang dan hasil atau manfaat.

Program-program PWDC pada amnya terbuka kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan transgender. Malah, program kepimpinan wanita yang dianjurkan oleh PWDC pernah dihadiri oleh peserta *transgender* (*transwoman*). Malahan program TEDxWeldQuayWomen yang dianjurkan pada tahun 2015 telah menampilkan seorang *transwoman* dalam barisan pembentang.

PWDC memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat yang menyokong mesej kesaksamaan *gender* dan keadilan sosial untuk menyertai program yang dianjurkan oleh PWDC tanpa kira berorientasi seks dan identifikasi *gender* mereka.

Jawatankuasa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab untuk mengumpul maklumat serta mengemukakan syor untuk menyokong golongan *transgender* dari segi hak asasi manusia. Rancangan atau pelan tindakan yang boleh dilaksanakan oleh Jawatankuasa ini adalah bekerjasama dengan NGO-NGO lain untuk memberi bantuan kepada golongan *transgender* dan juga meningkatkan kesedaran orang awam, mengenai diskriminasi yang dialami oleh golongan *transgender* supaya mereka tidak akan didiskriminasi oleh golongan awam dan juga sebagai platform untuk menerangkan isu HIV/AIDS kepada *transgender*.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Huraikan polisi Kerajaan Negeri agar pelesenan PBT (MBPP/MPSP) meluluskan dan mendaftarkan semua jenis pengusaha bisnes kecil persendirian, termasuk penjaja di tepi jalan, guesthouse/rest house, dll yang tidak berlesen yang makin bertambah untuk memerangi ekonomi yang makin merosot disebabkan banyak faktor.
- (b) Apakah zon khas diperlingkungkan untuk penempatan aktiviti tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan beberapa polisi dan inisiatif untuk memudah cara pendaftaran pelbagai jenis pengusaha bisnis kecil persendirian, termasuk penjaja di tepi jalan, *guesthouse/rest house* dan lain-lain yang tidak berlesen seperti berikut:
- (i) Pelaksanaan Polisi Pemutihan Hotel.
 - (ii) Pelaksanaan Polisi Penempatan Penjaja melalui program naik taraf dan pembinaan kompleks pasar dan makanan baharu.
 - (iii) Pelaksanaan moratorium bagi tempoh setahun kepada pengusaha premis perniagaan yang telah mengemukakan permohonan lesen namun gagal mematuhi kehendak teknikal perancangan bandar.
 - (iv) Memberi keutamaan kepada ibu tunggal yang ingin menyewa ruang niaga.
 - (v) Menetapkan dan mematuhi Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih.
 - (vi) Dasar Kelulusan Secara Bertempoh dengan memberikan kelonggaran kepada pemohon lesen untuk mendapatkan lesen bagi tempoh tiga (3) tahun dengan pembaharuan dibuat setiap tahun serta mendapat kelulusan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan dalam tempoh tersebut.
- (b) Bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Zon Khas diperlingkungkan untuk penempatan aktiviti perniagaan am dan Zon Pelancongan selaras dengan Garis Panduan Pelan Dasar Perancangan Pembangunan MPPP 1996. Manakala bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Zon Khas diperlingkungkan melalui Zon Pembangunan sedia ada yang terletak di dalam Koridor Pembangunan Utama berdasarkan Gambar Rajah Utama (*zoning*) Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 yang tertakluk kepada Garis Panduan Perniagaan yang diguna pakai

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Huraikan polisi kerajaan dan perlunya satu Undang-Undang Kecil " Kawalan Sewaan" untuk mempertahankan:
- (a) Golongan yang tidak mampu memilik rumah sendiri dari segi penyewaan;
 - (b) Usahawan kecil/tradisional yang tidak mampu menampung peningkatan sewaan keseluruhannya, memandangkan meningkatnya kos kehidupan atas faktor GST, inflasi, forex dan pastikan ekonomi tempatan terjamin.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri sedar tentang peningkatan yang signifikan bagi kadar sewa khasnya di zon Tapak Warisan Dunia UNESCO Georgetown. Sekiranya masalah ini berlarutan, ia boleh menyebabkan penduduk asal dan golongan peniaga akan berpindah keluar dari kawasan tersebut. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pengenal Semula Akta Penyelarasan Sewa Tapak Warisan Dunia George Town di mana George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) telah dilantik selaku urus setia.

Kerajaan Negeri sedang berusaha melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan beberapa agensi termasuk George Town World Heritage Incorporated, Penang Institute dan agensi lain untuk mengkaji kemungkinan bagi menyediakan Enakmen Penyelarasan Sewa (*Rent Regulation Enactment*) di Tapak Warisan Dunia George Town. Kajian ini membolehkan Kerajaan Negeri mengumpul maklumat terkini, antaranya berkenaan taburan pemilikan hartanah warisan pra-perang mengikut warganegara. Hasil kajian ini dijangka akan dapat membantu Kerajaan Negeri menganalisa keadaan terkini pembelian hartanah di tapak warisan dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang paling berkesan dan bersesuaian.

Cadangan penggubalan enakmen ini telah diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri telah menugaskan YB. Pengerusi Jawatankuasa MMK Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan dan YB. Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir untuk masing-masing meneliti aspek perundangan dan mengadakan perbincangan bersama dengan pihak berkepentingan (*stakeholders*) yang berkenaan.

Dari segi aspek perundangan, penggubalan enakmen tersebut sememangnya boleh diteruskan dan keputusan akan dibuat sama ada penggubalan enakmen tersebut perlu atau tidak selepas kajian kemungkinan penyediaan Enakmen Penyelarasan Sewa disiapkan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Huraikan hasrat dan polisi Kerajaan Negeri dalam mempertahankan kampung tradisional dan kemaskinikan pembangunan Kampong Tanjung Tokong oleh UDA.
- (b) Kemukakan pelan yang diluluskan Kerajaan Negeri tentang perjanjian UDA untuk mengekalkan kampung tradisional dan warisan Kampong Tanjung Tokong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Polisi Kerajaan Negeri mengenai Kampung Tradisional telah digariskan di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 di bawah Dasar Sektor Perumahan dan Kemudahan Masyarakat iaitu DS33 : Perkampungan Tradisional Dan Perkampungan Dalam Bandar Akan Dikekal Dan Prasarana Dinaik Taraf. Antara langkah-langkah yang dinyatakan dalam dasar tersebut adalah :
 - (i) Mengenalpasti perkampungan-perkampungan sedia ada yang akan dikekalkan sebagai perkampungan tradisional;
 - (ii) Mengekalkan dan menaik taraf kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam kampung-kampung tradisional dari semasa ke semasa;
 - (iii) Mengekalkan ciri-ciri tradisi dan budaya setempat kampung di dalam program-program menaik taraf jalan, pengindahan dan landskap;
 - (iv) Membangunkan perkampungan dalam bandar secara bersepadu dan meningkatkan kualiti prasarana tanpa menjejaskan penduduk asal; dan
 - (v) Menyediakan garis panduan bagi pemajuan dan penyusunan semula kampung-kampung tradisional dan kampung-kampung dalam bandar.

Sehingga kini mengenai pembangunan Kampung Tanjung Tokong pula, semua penduduk seramai 306 keluarga telah berpindah. Pihak UDA sedang menyelesaikan isu Pemegang Kuasa bagi membolehkan tawaran rumah gantian ditawarkan kepada bekas pemegang TOL yang telah meninggal dunia.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah meluluskan Kebenaran Merancang kepada UDA bagi pemajuan di kawasan Tanjung Tokong pada 20 Oktober 2015. Cadangan pemajuan adalah mendirikan skim perumahan gantian parcel 4A melibatkan 2 blok kediaman (A dan B). Kerja-kerja bagi pembinaan kedua-dua blok tersebut telah dimulakan pada 24 Oktober 2015 dengan tempoh siap selama 4 tahun. Prestasi kemajuan projek sehingga Oktober 2016 adalah 31.83% bagi Blok A dan 0.55% bagi Blok B.

Pihak UDA telah mengambil kira isu Zon Warisan Kampong Tanjung Tokong di dalam cadangan pembangunan keseluruhan di mana ianya akan disediakan di dalam cadangan Pembangunan Warisan Tanjung Parcel 4B setelah urusan penempatan penduduk diselesaikan. Cadangan Zon Warisan ini telah dibentangkan dan dipersetujui di dalam Mesyuarat Exco Negeri pada 8 Februari 2012.

Cadangan Zon Warisan akan dibangunkan di atas tapak seluas 2.6 ekar dalam bentuk Kompleks Bazar yang terdiri daripada 101 unit gerai dengan 14 unit Rumah Warisan.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Huraikan dengan terperinci kelemahan / langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam menangani isu tentang penggondolan haram tanah bukit atas 250 kaki tingginya dengan kes-kes dakwaan (termasuk kes rujukan, mahkamah tinggi dan mahkamah rayuan) kerajaan ke atas pesalah (tuan tanah/pemaju), termasuk kes Mahkamah Tinggi Sivil suit no. 22NCVC-63-04/2014, juga dari segi Peruntukan/Undang-Undang Kecil sedia ada dan bajetnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri menghadapi kesukaran dalam menangani isu penggondolan tanah bukit melebihi aras 250 kaki secara haram atas sebab-sebab seperti berikut:-
- (a) Tiada peruntukan undang-undang bagi mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti pertanian walaupun terdapat kerja penggondolan tanah bukit secara haram terutamanya di tanah milik persendirian yang mempunyai Syarat Nyata *First Grade* ataupun *Condition A & B*;
 - (b) Bentuk muka bumi yang tinggi dan terlindung serta keadaan geografi tanah yang sukar dimasuki kenderaan biasa menyukarkan kerja-kerja pemantauan;
 - (c) Kekurangan tenaga kerja bagi menjalankan pemantauan;
 - (d) Maklumat awal yang diperolehi kadangkala tidak jelas yang menyebabkan proses siasatan dan tindakan lambat dibuat;
 - (e) Kurang pemantauan semasa hari cuti sedangkan kerja-kerja penggondolan tanah bukit secara haram sering dilakukan pada hari tersebut;
 - (f) Pemantauan tidak dibuat secara bersepadu oleh agensi penguatkuasa dalam menguatkuasakan undang-undang terhadap kerja penggondolan haram tanah bukit;
 - (g) Kesukaran menentukan sempadan tanah yang melambatkan proses pengesahan tanah yang terlibat secara tepat.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani isu penggondolan haram tanah bukit adalah seperti berikut :-

- (a) Meningkatkan tenaga kerja (*work force*) yang terbabit dengan pemantauan kerja-kerja tanah khususnya kawasan berbukit;
- (b) Menambah tempoh masa pemantauan (*monitoring time*) pada hari minggu dan cuti umum;
- (c) Menyelaraskan tindakan penguatkuasaan dengan semua agensi yang berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM), *Jabatan Perhutanan Negeri dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO)*;
- (d) Meningkatkan pemantauan dengan menggunakan *drone di kawasan berbukit*;
- (e) Membuat pemasangan CCTV di 22 lokasi bagi meningkatkan pemantauan secara terus. Projek ini dijangka siap pada bulan Februari 2017;
- (f) Mengeluarkan notis arahan berhenti kerja di bawah Sek. 70(A), Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 (Akta 133) bagi semua kerja-kerja penggondolan tanah bukit secara haram yang dirujuk terlebih dahulu kepada Penasihat Undang-Undang untuk tindakan mahkamah;
- (g) Memindahkan peralatan, mesin, jentera, kenderaan dan lain-lain bagi memastikan kerja tanah diberhentikan;
- (h) Pemantauan dan rondaan bermotosikal secara berkala oleh Pejabat Tanah di kawasan *hotspot* bagi melihat sendiri aktiviti di kawasan tersebut. Sekiranya terdapat

pencerobohan melibatkan Tanah Kerajaan, maka notis pencerobohan akan dikeluarkan serta merta kepada pihak berkenaan. Ia akan disusuli dengan tindakan penguatkuasaan sekiranya gagal dipatuhi. Sekiranya terdapat kerja-kerja tanah atau pembinaan struktur di atas tanah milik persendirian, maka tindakan pelaporan kepada Pihak Berkuasa Tempatan akan dibuat untuk tindakan selanjutnya;

- (i) Tindakan pendakwaan oleh PBT di Mahkamah kerana menjalankan kerja-kerja tanah tanpa kebenaran. Pihak berkenaan telah dijatuhkan hukuman denda serta perlu menjalankan kerja-kerja mitigasi untuk memulihkan tanah tersebut;
- (j) Penubuhan Jawatankuasa Kerja Tanah Bukit oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG). Jawatankuasa ini ditubuhkan pada April 2016 bertujuan untuk memantau aktiviti penerokaan tanah tinggi termasuk tanah bukit sama ada secara sah atau tidak sah. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang dan dianggotai oleh wakil Jabatan Teknikal berkaitan. Antara syor pertama jawatankuasa ini ialah mengadakan kajian berkaitan aktiviti pertanian di kawasan tanah bukit;
- (k) Melantik juruperunding bagi membuat kajian dan menyediakan pelan pembangunan ke atas aktiviti pertanian di lereng-lereng bukit bagi mengelak masalah seperti banjir dan tanah runtuh dengan memberikan tumpuan kepada kawasan *hotspot*. Antara lima (5) lokasi panas yang telah dikenalpasti ialah :-
 - (i) Lot 508, Mukim 2, Daerah Barat Daya seluas 79,375.6 meter persegi;
 - (ii) Lot 48, 49, 51, 391, 392, 393, 355 dan 356, Mukim 14, Daerah Timur Laut seluas 293,033.3 meter persegi;
 - (iii) Lot 860 dan 861, Mukim 14, Daerah Timur Laut seluas 190,586.3 meter persegi;
 - (iv) Lot 3440, 6381 dan 2301, Mukim 13, Daerah Timur Laut seluas 1,984,482.1 meter persegi; dan
 - (v) Lot 329, Mukim 10, Daerah Barat Daya seluas 135,553.3 meter persegi

Pendakwaan hanya boleh dilakukan oleh pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke atas pemilik tanah persendirian. Terdapat sepuluh (10) kes pendakwaan oleh PBT dengan lapan (8) kes didakwa oleh MBPP dan dua (2) kes lagi didakwa oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) seperti di Lampiran A.

Bagi kes Mahkamah Tinggi Sivil Suit 22NCVC-63-04/2014, Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat lanjut berkaitan perkembangan kes ini.

Peruntukan/Undang-undang Kecil sedia ada berkaitan penggondolan haram tanah bukit yang melibatkan korekan, pemotongan tanah dan penggondolan merangkumi semua kedudukan tanah bukan sahaja yang berketinggian melebihi aras 250 kaki, PBT akan menyiasat, mengeluarkan notis serta mengambil tindakan pendakwaan yang sewajarnya sama ada di bawah Seksyen 70(A) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 atau di bawah Seksyen 19(1) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 terhadap pemilik tanah berdaftar atau mana-mana pihak yang berkaitan. Dalam masa yang sama, PBT juga mempunyai Undang-undang Kecil (Kerja Tanah) Pulau Pinang 1975 yang telah digubal bagi tujuan mengawal prosedur pengemukaan pelan-pelan kerja tanah oleh pemaju, peruntukan-peruntukan khas berhubung dengan kerja tanah asas, kerja tanah am, praktis terbaik dan langkah-langkah kejuruteraan dalam menangani keselamatan awam yang boleh dikawalselia oleh PBT melalui pelan kerja tanah yang telah diluluskan.

RUJUK LAMPIRAN A BTYC NO. 15 (ID 191

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 16. (a) Huraikan bajet dan perbelanjaan peruntukan dari tahun 2008 hingga 2016 untuk peningkatan ekonomi pelancongan Negeri Pulau Pinang dengan terperinci data-data yang berkenaan.
- (b) Juga huraikan betapa pentingnya sektor pelancongan dibandingkan dengan sektor perindustrian, pertanian, pembangunan dan perlombongan (*mining*) dari segi ekonomi, sosial, alam sekitar dan pendidikan impak.
- (c) Apakah rancangan kerajaan mengatasi semua kelemahan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Bagi tempoh dalam tahun 2008 sehingga Oktober 2016 sejumlah RM65.58 juta telah diperuntukkan bagi program pelancongan di Pulau Pinang dan sejumlah RM56.8 juta telah dibelanjakan. Maklumat peruntukan dan perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
2008	1,886,558.00	194,228.52
2009	6,373,074.70	4,557,628.62
2010	5,192,091.00	3,366,418.56
2011	6,898,033.00	6,433,719.00
2012	8,010,314.00	7,648,420.00
2013	7,861,894.00	7,766,610.44
2014	8,705,283.00	8,302,805.78
2015	10,019,200.00	9,973,129.03
2016	10,630,000.00	8,537,212.00 (sehingga Oktober)
JUMLAH	65,576,447.70	56,780,171.95

Kepentingan sektor pelancongan kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang boleh dilihat melalui sumbangan sektor ini kepada Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Pulau Pinang. Data KDNK yang dikeluarkan tidak mengkategorikan sektor pelancongan secara khusus. Namun penelitian kepentingan industri boleh diterjemahkan melalui sumbangan sektor perkhidmatan yang berkait rapat dalam pelancongan iaitu utiliti, pengangkutan, komunikasi, perdagangan barang dan runcit, penginapan dan restoran dan lain-lain perkhidmatan yang merupakan penyumbang utama bagi KDNK Negeri Pulau Pinang. Perincian sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK Negeri Pulau Pinang dari tahun 2010 sehingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

TAHUN	KDNK	
	(RM BILLION)	PERATUS (%)
2010	25.57	48.3
2011	27.31	48.9
2012	28.96	49.6
2013	30.78	50.2
2014e*	32.77	49.5
2015p*	34.3	49.1

1. e (estimation) - anggaran bagi tahun sebelum, semasa atau selepas dan ia digunakan bagi tempoh kiraan KDNK yang pendek (ie: 1-3 tahun).
2. p (preliminary) - pendahuluan, ia digunakan bagi menyatakan KDNK bagi satu tempoh sukuan tahun semasa atau tempoh yang lebih pendek (ie: suku tahun).

Industri pelancongan memainkan peranan yang mustahak kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang sejak George Town diiktirafkan sebagai UNESCO World Heritage Site pada tahun 2008. Oleh sebab KDNK negeri tidak diagihkan kepada sektor pelancongan, kepentingan industri ini juga boleh diteliti dari perspektif tenaga buruh, bilangan hotel dan jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Pulau Pinang.

Mengikuti Kajian Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penduduk bekerja dalam industri 'penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman' telah menunjukkan peningkatan yang amat ketara dari 2010 hingga 2014, iaitu sebanyak 26,400 orang atau 42.4%. Pada tahun 2015 pula, sebanyak 73,200 orang bekerja dalam bidang tersebut iaitu sebanyak 8.8% daripada 834,200 tenaga kerja di Pulau Pinang. Ini menunjukkan bahawa pembangunan industri pelancongan membekalkan banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat.

Berdasarkan maklumat dalam Pusat Sistem Maklumat Geografi Pulau Pinang (PEGIS), jumlah bilangan hotel meningkat sebanyak 30.6% kepada 307 buah hotel pada tahun 2015 berbanding 235 buah hotel pada tahun 2014. 59.6% daripada jumlah ini merupakan hotel bajet dengan kadar pertumbuhan sebanyak 31.7% berbanding dengan tahun 2014. Peningkatan bilangan hotel ini menggambarkan perkembangan industri pelancongan di Negeri Pulau Pinang di mana pelbagai jenis penginapan yang kreatif dan moden boleh didapati di kawasan George Town.

Dalam usaha memperkukuhkan dan memperbaiki kelemahan dalam sektor pelancongan, Kerajaan Negeri melalui Penang Institute telah menggariskan 3 strategi di dalam Paradigma Pulau Pinang seperti berikut:

- (a) Mempertingkatkan infrastruktur dan promosi pelancongan melalui inisiatif yang akan dilaksanakan sehingga tahun 2023 adalah seperti berikut :
 - (i) Bekerjasama dengan agensi-agensi Persekutuan untuk membangunkan kawasan-kawasan pesisiran pantai di George Town dan Butterworth dan meningkatkan keadaan Terminal Kapal Persiaran Swettenham;
 - (ii) Menggalakkan pembangunan kemudahan marina oleh sektor swasta;
 - (iii) Penyelarasan yang lebih baik dengan Tourism Malaysia dan Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia, dan
 - (iv) Bekerjasama dengan syarikat penerbangan untuk menambah penerbangan langsung ke destinasi utama. Kerajaan Negeri telah berjaya mendapatkan penerbangan langsung dari 3 destinasi iaitu Yangon, Bandung dan Seoul dengan kerjasama syarikat penerbangan AirAsia dan Malindo Air dan akan berusaha untuk menambah bilangan penerbangan langsung.
- (b) Memberi tumpuan kepada bidang perkembangan pelancongan utama melalui inisiatif berikut:
 - (i) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi warisan dan eko-pelancongan bagi pelancong berpendapatan tinggi dan sederhana;
 - (ii) Memasarkan warisan budaya, agama dan masakan Pulau Pinang yang kaya sebagai faktor tarikan yang unik;
 - (iii) Membangunkan pelancongan Meetings, Incentives, Conventions, Exhibitions (MICE) dengan tempat persidangan dan pameran baru; dan
 - (iv) Melengkapkan lapangan terbang dengan kemudahan perkhidmatan yang bersesuaian untuk menerima pelancong perubatan.
- (c) Menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pendidikan serantau melalui pelaksanaan inisiatif berikut:
 - (i) Menarik universiti asing untuk mendirikan kampus di Pulau Pinang;
 - (ii) Mempromosikan pendidikan melalui ekspo pendidikan serantau dan pejabat dagangan dan pelaburan di Sumatra Utara, Selatan Thailand dan selatan Myanmar; dan

- (ii) Bekerjasama dengan agensi Persekutuan untuk mengemaskini kriteria dan tatacara meluluskan penubuhan institusi pendidikan yang baru serta menambah baik proses pemberian visa kepada pelajar asing yang ingin belajar di Malaysia.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 17. (a) Huraikan sebab-sebab kelemahan dan kekuatan dengan terperinci GDP Negeri Pulau Pinang semenjak tahun 2008.
- (b) Apakah polisi dan strategi kerajaan untuk mencapai sasaran 2017 dan juga dalam jangka masa lima (5) tahun lagi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 17. Pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang amatlah dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran seperti pemulihan ekonomi Amerika Syarikat, kelembapan ekonomi China dan penyusutan nilai mata wang Malaysia. Keadaan seperti ini akan merangsang permintaan eksport serta meningkatkanimbangan perdagangan. Kelemahan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Pulau Pinang juga berkait rapat dengan faktor-faktor luaran yang disebut di atas.

Kekuatan pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang sejak tahun 2008 pula dirangsang oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan. Sektor pembuatan disokong oleh kewujudan syarikat multinasional dan ekosistem yang mantap. Sektor perkhidmatan pula penyaksikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi dalam sektor awam dan swasta dengan adanya kakitangan yang terlatih. Bidang pendidikan juga turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dengan adanya institusi pengajian tinggi berkualiti tinggi dan bertaraf antarabangsa. Pulau Pinang juga telah menjadi sebuah destinasi pelancongan yang popular dan potensinya diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan kewujudan Tapak Warisan Dunia UNESCO, alam semulajadi, industri hospitaliti yang mantap serta destinasi pelancongan kesihatan yang ternama sama ada di dalam negara mahupun di rantau ini.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa merancang dan melaksanakan pelbagai program untuk terus memacu ekonomi negeri untuk meminimakan impak ke atas rakyat ekoran daripada kesan ekonomi yang dijangka kurang stabil pada tahun 2017. Salah satu polisi yang telah dilaksanakan adalah melalui pelaburan dalam sektor *Global Business Services* (GBS) yang memerlukan kemahiran khususnya dalam bidang kewangan dan perakaunan. Pada Julai 2015, telah membuat usahasama dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Temasek dan *Economic Development Innovation Singapore* (EDIS) untuk menubuhkan Business Process Outsourcing (BPO) Prime di *Penang Cyber City 1* yang meliputi keluasan sekurang-kurangnya 1.6 juta kaki persegi. Pembinaan projek yang bermula pada tahun 2016 dijangka siap pada tahun 2019. Inisiatif ini akan menarik syarikat-syarikat *shared services* yang bernilai tinggi dan mewujudkan pekerjaan GBS kepada anak-anak Negeri Pulau Pinang.

Melalui investPenang, Kerajaan Negeri berusaha meningkatkan pelaburan yang boleh menyumbang kepada peningkatan dan kestabilan ekonomi di Negeri Pulau Pinang. InvestPenang menumpukan lebih perhatian kepada strategi untuk menarik pelabur baru dan pada masa yang sama mengekalkan pelabur yang sedia ada. Selain itu, investPenang turut memberi tumpuan kepada kekuatan Pulau Pinang dalam bidang Elektronik dan Elektrikal serta kebolehan mempelbagaikan aktiviti industri seperti pembuatan peralatan perubatan (*medical devices*), sains kesihatan, aeroangkasa dan avionik dan teknologi LED. Selain daripada itu, tumpuan juga diberikan kepada sektor *Business Process Outsourcing*, *Shared Services Outsourcing*, *Global Business Services*, *Research&Development (R&D)*, *Design&Development (D&D)*, *teknologi maklumat (ICT)*, *perisian* dan perkhidmatan sumber manusia. Aktiviti-aktiviti ini dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang bernilai tinggi.

Kerajaan Negeri juga turut melipatgandakan usaha untuk membawa masuk pelabur-pelabur dalam sektor pelancongan dan perkhidmatan yang lain ke Pulau Pinang. Projek-projek berimpak tinggi di Bandar Cassia, Batu Kawan seperti IKEA, Hospital Columbia, Penang Designer Village dan Kolej University oleh Paramount yang kini dalam proses pembinaan akan membuka banyak peluang pekerjaan dan mendatangkan kesan gandaan yang tinggi bagi memacu pertumbuhan

ekonomi negeri. Dua lagi tawaran akan dibuat pada tahun 2017 kepada International Golf Resort dan projek International Theme Park untuk membuka operasi mereka di kawasan ini.

Selain itu, Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang menjayakan program Kerajaan Negeri bersama PDC untuk membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Melalui modal tambahan ini, peniaga-peniaga kecil dapat mengembangkan peniagaan mereka serta secara tidak langsung ianya juga dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan isi rumah mereka.

Selain itu, program Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang pula diwujudkan untuk memberi dorongan kepada golongan belia menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya yang berpotensi menjana pendapatan yang lumayan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Huraikan polisi Kerajaan Negeri bagi mengelakkan, menstabilkan dan mempertingkatkan kemerosotan (penutupan kilang dan pemindahan foreign investment) dan kelemahan terhadap sektor perindustrian yang merupakan satu kekuatan (pillar) ekonomi penting negeri Pulau Pinang.
- (b) Senaraikan:
- (i). Kilang yang ditutup, pindah ke negara lain, kurangkan pelaburan dan pekerja (*retrenchment*); dan
 - (ii). Sebaliknya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan polisi yang bertujuan untuk mengukuhkan sektor perindustrian berikutan ketidakpastian ekonomi global. Antara usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah:
- (i) Melaksanakan strategi untuk menarik pelabur baru dan pada masa sama mengekalkan pelabur sedia ada seperti melancarkan 'Information Technology Business Process Outsourcing (IT-BPO) Hub' di Bayan Lepas untuk menarik pemain global dalam industri *Shared Services Outsourcing* melabur di Pulau Pinang;
 - (ii) Bekerjasama dengan agensi kerajaan pusat seperti MIDA bagi perkara berkaitan dengan penawaran insentif negara kepada pelabur yang kompetitif berasaskan *benchmark* antarabangsa dan TalentCorp untuk menarik "diaspora" Malaysia di luar negara;
 - (iii) Menambahbaik infrastruktur secara berterusan bagi taman-taman perindustrian dan teknologi yang bertaraf antarabangsa termasuk membangunkan perkampungan *Small Medium Industry* yang lengkap dengan semua kemudahan utama juga dibangunkan di kawasan yang sama;
 - (iv) Menyediakan fasilitasi kepada pelabur supaya membantu dalam "ease of doing business" dan juga bekerjasama dengan semua pihak-pihak berkepentingan dalam memastikan kos untuk menjalankan perniagaan "*cost of doing business*" di negeri ini kekal kompetitif;
 - (v) Memberikan tumpuan kepada kekuatan Pulau Pinang dalam bidang Elektronik dan Elektrikal serta kebolehan mempelbagaikan aktiviti industri seperti pembuatan peralatan perubatan, sains kesihatan, aeroangkasa dan avionik dan teknologi LED; dan
 - (vi) Menggalakkan pembangunan usahawan tempatan melalui program perintis pemula niaga yang dinamakan "Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology (@CAT)".

Walaupun sektor perindustrian telah melonjakkan Pulau Pinang sebagai ' *The Silicon Valley of the East* ' namun berlaku beberapa perkembangan di luar kawalan seperti penutupan kilang dan perpindahan pelaburan. Sejak tahun 2015 sehingga September 2016 sebanyak 5 syarikat

multinasional telah menutup operasi di Pulau Pinang yang melibatkan perkhidmatan pekerja seramai 2,491 orang. Perincian syarikat multinasional yang telah menghentikan operasi sehingga September 2016 adalah seperti berikut:

No.	Syarikat	Tarikh Tamat	Jangkaan Bil. Pekerja Tempatan	Butir-butir
1.	Fairchild	September 2015	1,350	Penutupan kilang kerana pemberhentian <i>productline</i>
2.	Amphenol	Oktober 2015	150	Menutup salah satu kilang dan mengalihkan operasi tersebut ke negeri China
3.	HGST Technologies Malaysia Sdn Bhd	Jun 2016	350	Penutupan kilang kerana pemberhentian <i>productline</i> . Perniagaan HGST diambil alih oleh WD.
4.	Western Digital	Julai 2016	400	Kilang tidak ditutup; hanya operasi Slider dihentikan dan kembalikan ke Thailand
5.	TS Solartech	September 2016	241	Pembuangan pekerja baru akibat ramalan perniagaan yang tidak ditepati
Jumlah :			2,491	

Walau bagaimanapun, hasil usaha gigih kerajaan ke arah itu, terdapat perkembangan yang membanggakan. Sebanyak 9 pelaburan baru dengan 7,020 peluang pekerjaan telah diwujudkan di negeri ini seperti berikut :

No.	Syarikat	Aktiviti	Bil. Pekerjaan baru
1	Broadcom Ltd	Hab rangkaian global / "Global supply chain hub"	120
2	Boston Scientific	Pembuatan peralatan perubatan	400
3	Toshiba Medical	Pembuatan sistem pengimejan diagnostik	200
4	Paramit	Pembuatan peralatan perubatan dan "instrument"	800
5	KLS Martin	Pembuatan instrument pembedahan	500
6	HP	Pengurusan rangkaian bekalan dakwat pengguna di seluruh dunia	1,000
7	Jinko Solar	"solar cells" & "solar modules"	1,200
8	JA Solar	"solar cells"	300
9	Jabil	Pembuatan peralatan perubatan dan aerospace	2,500
Jumlah :			7,020

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Setelah BUCG ditamatkan perkhidmatan di gabungan Zenith-BUCG, adakah *paired road* ataupun sebarang projek yang berkaitan dengan Zenith-BUCG telah mengalami sebarang perubahan? Huraikan kos *land swap*, RM305 juta *per-detailed design* untuk FS dan kajian terperinci kepada Syarikat Zenith-BUCG berdasarkan fee 5.5% dari total kos projek RM6.3 bilion tidak merugikan kerajaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Penarikan diri BUCG dari projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut di Pulau Pinang tidak menyebabkan sebarang perubahan terhadap projek ini.
- (b) Pembayaran 5.5% daripada kos pembinaan projek sebagai fi Kajian Kebolehlaksanaan dan Reka Bentuk Terperinci yang berjumlah RM305 juta adalah didapati berpatutan dan tidak merugikan Kerajaan Negeri, jika dibandingkan dengan fi-fi yang ditetapkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia, Pertubuhan Akitik Malaysia, Lembaga Jurukur Malaysia, Perbendaharaan Malaysia serta pertubuhan-pertubuhan professional lain dalam negeri dan antarabangsa. Kajian yang dijalankan juga meliputi pelbagai skop yang terdiri daripada pengurusan, kejuruteraan, lalu lintas, alam sekitar, sosial, hidrologi, geoteknikal serta kepakaran khusus dalam bidang terowong dan kerja kejuruteraan di bawah dasar laut dan pantai. Justifikasi terperinci adalah seperti di Lampiran A. Kos 5.5% juga adalah termasuk kos imbuhan balik (*reimbursables*) di mana kos perjalanan, kos penginapan, kos mesyuarat, kos cetakan dan lain-lain kos berkaitan tidak akan dibayar kepada Konsortium Zenith-BUCG.

RUJUK LAMPIRAN A BTYC NO. 19 (ID244)

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Huraikan dengan Undang-Undang Kecil atau garis panduan sedia ada kelemahan Jawatankuasa RIBI bagi memastikan tapak RIBI yang cukup untuk keperluannya dan untuk memastikan kebebasan agama dipertahankan.
- (b) Senaraikan tapak RIBI yang telah diagihkan dengan terperinci (nama Persatuan, lokasi, keluasan, nombor lot, tuan tanah) di semua daerah dan PBT.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Kerajaan Negeri mengambil perhatian yang serius terhadap langkah-langkah memastikan kebebasan beragama di negeri ini terutama penyediaan tapak-tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Ianya telah digariskan di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 dibawah Dasar Sektor 42 – Penyediaan Kemudahan Keagamaan Yang Terancang Dan Mencukupi Akan Disediakan Selaras Dengan Peningkatan Penduduk Dan Keperluan Piawai Perancangan. Penyediaan tapak RIBI adalah berdasarkan 0.1mp ruang tanah bagi setiap penduduk iaitu bersamaan 250mp luas tanah setiap 500 orang penduduk.

Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mensyaratkan penyediaan tapak RIBI di dalam permohonan Pelan Kebenaran Merancang oleh pemaju. Sekiranya tapak RIBI tidak dapat disediakan dengan memuaskan dan tidak boleh diterima, pemaju boleh menawarkan sumbangan kewangan sebagai ganti mengikut kadar dan zon di dalam garis panduan induk. Tawaran sumbangan sebagai ganti tapak RIBI secara fizikal akan dimasukkan ke dalam Tabung Amanah RIBI.

Kerajaan Negeri tidak menafikan masih terdapat ruang-ruang penambahbaikan kepada garis panduan berkaitan RIBI. Antara cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan tapak RIBI yang mencukupi adalah seperti berikut:

- (i) Kelulusan Kebenaran Merancang sebelum tarikh 31 Julai 2009 tidak mensyaratkan pemaju untuk menyediakan tapak RIBI. Oleh itu, adalah satu cabaran kepada Kerajaan Negeri untuk menyediakan tapak RIBI yang mencukupi di dalam Skim Pembangunan yang sama;
 - (ii) Wujudnya RIBI di kawasan kediaman yang bukan penduduk kaum yang majoriti;
 - (iii) Sesetengah tokong atau kuil tidak dapat disatukan kerana fahaman atau penganut yang berbeza;
 - (iv) Tidak dapat menjalankan tindakan penguatkuasaan kerana campurtangan banyak pihak kerana isu RIBI adalah isu sensitif;
 - (v) Kekurangan tanah kerajaan yang sesuai untuk tujuan pembangunan RIBI; dan
 - (vi) Bergantung kepada kesediaan pemaju menyediakan tapak RIBI dalam cadangan projek-projek perumahan.
- (b) Senarai terperinci tapak-tapak RIBI di Pulau Pinang adalah seperti di Lampiran A

RUJUK LAMPIRAN A BTYC NO. 20 (ID252)

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Huraikan polisi pembangunan tanah bukit tinggi 250 kaki ke atas dengan terperinci termasuk Undang-Undang Kecil atau Akta yang dirujuk (termasuk jenis pembangunan yang dihadkan atau dibenarkan dan lain-lain).
- (b) Huraikan definisi dengan terperinci jenis *special project* yang disyaratkan dalam polisi tersebut. Senaraikan semua lot-lot (dan tuan tanah) yang diluluskan untuk perlingkungan semula atas *special project*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 21 (a) Polisi Pembangunan Tanah Bukit yang mempunyai ketinggian 250 kaki ke atas dinyatakan secara spesifik dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP 2020) di bawah Dasar Khusus 3 seperti berikut:

'Aktiviti Pematangan Tanah Bukit akan dikawal melalui Penguatkuasaan Garis Panduan Kawasan Berisiko'

Langkah-langkah yang diambil bagi mencapai hasrat ini adalah:

Langkah 1 : *Mengekalkan kawasan yang berada di aras 76m (250 kaki) dan ke atas sebagai kawasan berbukit/ kawasan alam semulajadi, termasuk tanah – tanah yang diwartakan di dalam Akta Pemeliharaan Tanah, 1960 (Warta Tanah Bukit).*

Langkah 2 : *Sebarang pembangunan perbandaran yang meliputi pembangunan perumahan, perhotelan, resort, perdagangan dan perindustrian; serta aktiviti pertanian tidak dibenarkan bagi :-*

- *Kawasan tanah tinggi yang diwartakan di bawah Akta Pemeliharaan Tanah 1960; atau*
- *Sebarang tanah yang berada aras melebihi 76m (250kaki); dan*
- *Berkecerunan melebihi 25*

Langkah 3 : *Mensyaratkan tanah – tanah yang telah diberikan kelulusan oleh pihak berkuasa bagi tujuan pengeluaran tanah dari Warta Tanah Bukit untuk tertakluk kepada kehendak – kehendak perancangan dan garis panduan Kawasan Berisiko yang digunapakai oleh Negeri.*

- Langkah 4** : *Pembangunan secara terhad bagi projek istimewa di kawasan aras tanah ketinggian 76m (250 kaki) atau lebih memerlukan kawalan ketat dengan mematuhi garis panduan pembangunan kawasan tanah tinggi dan mana-mana garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan; dan mendapat kelulusan EIA serta mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri.*
- Langkah 5** : *Mensyaratkan semua pembangunan di kawasan yang kecerunan tanahnya melebihi 25° sama ada tertakluk kepada Warta Tanah Bukit atau berada pada aras 76m(250kaki) atau kurang masih tertakluk kepada kehendak – kehendak perancangan dan garis panduan Kawasan Berisiko yang digunapakai Negeri.*
- Langkah 6** : *Mewartakan semua kawasan bukit yang sensitif dari segi ekologi dan alam sekitar sebagai tanah bukit/kawasan alam semulajadi.*
- Langkah 7** : *Meningkatkan usaha penguatkuasaan bagi mencegah dan menghentikan pertanian dan pembangunan tanpa lesen di kawasan berbukit dan mengehadkan pertanian di kawasan tanah tinggi melebihi 100 kaki kepada tanaman kekal sahaja selaras dengan peruntukan Akta Pemeliharaan Tanah 1960.*
- Langkah 8** : *Meningkatkan pemantauan terhadap tahap keselamatan kawasan pembangunan tepi bukit sedia ada.*
- Langkah 9** : *Melaksanakan dengan lebih tegas peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1995.*

Akta yang dirujuk semasa memproses permohonan pembangunan yang melibatkan kawasan bukit ialah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172, Akta Pemeliharaan Tanah 1960 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1995. Undang- undang Kecil (Kerja Tanah) MPPP 1975, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 serta Akta Perancangan Bandar & Desa 1976 tidak menggariskan peruntukan untuk pembangunan tanah tinggi secara terperinci. Oleh itu, semua Pelan Kerja Tanah yang dipertimbangkan untuk kelulusan Majlis adalah berpandukan kepada Pelan Kebenaran Merancang yang telah diberi kelulusan sama ada berstatus *special project* atau sebagainya. Semua cadangan dalam Pelan Kerja Tanah mestilah selaras dengan apa yang ditunjukkan di dalam Pelan Kebenaran Merancang yang telah diberi kelulusan.

- (b) Definisi *special project* atau 'projek istimewa' yang dinyatakan di dalam RSNPP 2020 adalah merujuk kepada Dasar Khusus 3 di bawah Langkah 4 seperti berikut:

Pembangunan secara terhad bagi 'projek istimewa' di kawasan aras tanah ketinggian 76m (250 kaki) atau lebih memerlukan kawalan ketat dengan mematuhi garis panduan pembangunan kawasan tanah tinggi dan mana-mana garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan; dan mendapat kelulusan EIA serta mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri.

Definisi lanjut mengenai 'projek istimewa' yang dinyatakan dalam RSNPP 2020 di bawah perkara Dasar Khusus 3 Langkah 4 ditaksirkan mengikut kategori pembangunan seperti yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 21 & 26 Mei 2009 seperti berikut:-

Kategori 1

- (i) Projek-projek infrastruktur utama berkepentingan Kerajaan, untuk kegunaan awam yang melibatkan pembangunan di tanah tinggi yang melebihi aras 76 meter (250 kaki) dan/ atau tanah yang melebihi cerun 25° dan/atau melibatkan tanah-tanah yang diwartakan di bawah Akta Pemeliharaan Tanah 1960 (yang dikenali juga sebagai Warta Tanah Bukit).

- (ii) Projek-projek istimewa yang dimaksudkan adalah meliputi projek kereta kabel, projek keretapi bukit, pembinaan jalanraya-jalanraya atau laluan-laluan utama yang penting, pembinaan empangan/ tangki air, jambatan / jejantas/ jambatan gantung, Helipad dan apa-apa projek infrastruktur lain berkepentingan Kerajaan dan untuk kegunaan awam yang tidak dapat dielakkan untuk tidak dibina di kawasan yang dimaksudkan.

Kategori 2

- (i) Pembangunan perumahan terdahulu di mana permohonan tukar syarat tapak kawasan berkenaan telah diluluskan di bawah perundangan Negeri bagi tujuan perumahan dan kelulusan tersebut telah disahkan sebelum kelulusan dan penerima pakai RSNPP 2020.
- (ii) Antaranya termasuk projek pembangunan yang pernah mendapat kelulusan kebenaran merancang atau;
- (iii) Tapak yang ditunjukkan sebagai kawasan perumahan mengikut Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan MPPP (sehingga RT diwartakan).
- (c) Senarai perlingkungan semula yang melibatkan Projek Istimewa adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BTCY NO. 21. (ID320)

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 22. Huraikan polisi dan rancangan kerajaan dengan terperinci untuk memperkukuhkan dan mempertingkatkan sektor pertanian , agar "food bank" terkawal, dan bagaimana "repacking/rebranding" dan gabungkan dengan aktiviti pelancongan supaya Argo-Pelancongan diteroka sebagai aktiviti ekonomi komuniti baru.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 22. Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan pertanian sentiasa berusaha mempertingkatkan sektor pertanian bagi menjamin kelestarian *food bank* dan Tahap Sara Diri (*Self sufficient living - SSL*) menjelang 2020. Antara aspek yang diberikan penekanan adalah mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan. Di antara program-program yang dilaksanakan melalui agensi yang terlibat ke arah mencapai SSL adalah seperti berikut:

- (i) **Program Khidmat Pengembangan.**

Program ini memberikan penekanan terhadap pembangunan modal insan (Latihan, kursus, gotong-royong, lawatan) serta kepentingan pengetahuan dan kemahiran petani yang amat penting dalam pembangunan projek pertanian. Para petani yang merupakan golongan sasar utama Jabatan Pertanian adalah aset negara yang perlu diuruskan dengan cekap agar mereka dapat terus menyumbang terhadap kesinambungan kesejahteraan negara dan meningkatkan produktiviti hasil tanaman.

- (ii) **Program Perkhidmatan Kejenteraan Pertanian.**

Program ini diwujudkan sebagai satu usaha untuk menggalakkan mekanisasi sepenuhnya di dalam operasi ladang selain sebagai satu kaedah pengembangan penyaluran teknologi kepada kumpulan sasaran.

- (iii) **Program Pembangunan Industri Tanaman Padi.**

Program ini diwujudkan bagi membangunkan tanaman padi yang merupakan teras industri pertanian negara. Di bawah program ini, beberapa projek yang berkaitan dengan pembangunan industri tanaman padi disediakan sebagai usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi kualiti dan kuantiti pengeluaran makanan negeri dengan pengamalan teknologi terkini dan peningkatan infrastruktur ladang.

(iv) **Pembangunan Industri Tanaman Buah- buahan.**

Program ini memberi fokus kepada usaha dan pengenalan teknologi tinggi kepada petani agar keluasan kawasan yang kecil dapat mengeluarkan hasil buah-buahan yang lebih produktif dan berkualiti setanding dengan negeri-negeri lain yang mengusahakan industri tanaman pada skala yang lebih besar.

(v) **Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur- sayuran.**

Program ini memberi fokus kepada usaha pengenalan teknologi tinggi kepada petani bagi meningkatkan produktiviti sesuatu kawasan tanaman sayur-sayuran agar setanding dengan negeri-negeri lain yang mengusahakan industri tanaman pada skala yang lebih besar.

(vi) **Pembangunan Lain–Lain Tanaman Ekonomi.**

Program ini diwujudkan bagi membolehkan Jabatan membantu petani dan usahawantani dalam mengenalpasti dan membangunkan lain-lain tanaman atau komoditi yang berpotensi sebagai sumber alternatif yang mampu menjana pendapatan dalam bidang pertanian. Antara tanaman yang dilihat mempunyai potensi yang baik ialah bunga-bunga, rempah ratus, herba dan cendawan.

(vii) **Perkebunan Komuniti.**

Program Perkebunan Komuniti (*Community Farming*) adalah program sosio-ekonomi yang dirancang khusus untuk memenuhi keperluan bahan makanan dan mengurangkan kos sara hidup masyarakat di Negeri Pulau Pinang. Program ini juga mampu mendidik rakyat memahami tentang kepentingan pertanian dalam kehidupan harian.

(viii) **Pembangunan Ternakan.**

Memberi penumpuan kepada komoditi utama iaitu daging lembu, daging kambing, daging ayam itik, daging khinzir, telur ayam itik dan susu lembu. Pelan yang dirangka adalah merupakan perancangan untuk mengurangkan defisit perdagangan agro-makanan negara melalui peningkatan pengeluaran komoditi yang boleh dihasilkan dalam negeri.

(ix) **Usahawan Tani Muda**

Skim Mikro Kredit Tabung Usahawan Tani Muda merupakan satu program pinjaman tanpa faedah yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri kepada usahawan tani muda yang berusia bawah 40 tahun dan ke bawah. Skim ini bertujuan bagi menambah minat dan bilangan golongan belia sebagai pelapis bagi memastikan kelestarian bidang pertanian dan industri asas tani.

Bagi mencipta sumber pendapatan baru, konsep *Agrotourism* amat digalakkan kepada petani dan penternak terutamanya produk-produk ikon Pulau Pinang seperti durian, jeruk, kambing tenusu dan ayam piru. Beberapa pengusaha telah mengambil inisiatif mewujudkan produk *agrotourism* baharu seperti Rumah Batu di Balik Pulau yang memfokuskan kepada *Agrotourism* durian Pulau Pinang dan Saanen *Dairy Goat Farm*, Balik Pulau yang menjadikan penternakan kambing tenusu dan kepelbagaian produk berasaskan susu kambing sebagai tarikan utama selain persekitaran penternakan di kawasan dusun buah-buahan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Huraikan polisi dan rancangan kerajaan dengan terperinci untuk memperkukuhkan dan mempertingkatkan sektor pertanian , agar "food bank" terkawal, dan bagaimana "repacking/rebranding" dan gabungkan dengan aktiviti pelancongan supaya Argo-Pelancongan diteroka sebagai aktiviti ekonomi komuniti baru.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Pusat Agropelancongan Relau adalah inisiatif Kerajaan Negeri dalam penjenamaan semula Pusat Pertanian Relau sebagai tarikan pelancongan agro dan kepelbagaian fungsi. Antara perancangan Kerajaan Negeri bagi memajukan pusat tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Menjadikan Pusat Agropelancongan Relau sebagai hub pendidikan pertanian bandar, pusat latihan pengembangan teknologi pertanian dan inkubator usahawan bimbingan pertanian;
 - (ii) Pusat khidmat nasihat kepada usahawan dan petani bimbingan untuk mendapatkan pensijilan kualiti seperti Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP), Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic), Pensijilan Halal dan Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI); dan
 - (iii) Menjadikan Pusat Agropelancongan Relau sebagai pusat rekreasi dan aktiviti riadah terbuka kepada orang awam.
- (b) Pusat Pertanian Relau ditukar nama kepada Pusat Agropelancongan Relau sebagai satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam penjenamaan semula pusat tersebut selari dengan kepelbagaian fungsi lokasi. Antara usaha yang dijalankan bagi meningkatkan pelancongan agro di Pusat Agropelancongan Relau adalah seperti berikut:
- (i) Membuka kepada orang awam dan sewaan bagi kegunaan riadah, penganjuran program serta bagi tujuan rekreasi
 - (ii) Menjadi hub teknologi pertanian dan pelancongan agro melalui kemudahan yang disediakan termasuklah model farming, petak pemerhati, inkubator usahawan pertanian dan pusat pemprosesan makanan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Pusat Agro Pelancongan Relau adalah tapak strategik untuk dijadikan pusat pendidikan semula jadi, pembangunan komuniti dan juga selidikan pertanian.
- (a) Huraikan apakah pelan perancangan Kerajaan Negeri bagi memajukan pusat tersebut?
 - (b) Mengapakah Pusat Agro Pelancongan Relau ditukar nama pada tahun 2012?
 - (c) Huraikan usaha yang telah diambil untuk menjadikannya lokasi pelancongan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Jabatan Pertanian Pulau Pinang sedang dalam proses membuat penilaian penyewaan sebelum diangkat untuk pertimbangan pengurusan tertinggi untuk ditawarkan kontrak penyewaan baru. Antara kriteria yang dinilai adalah rekod nilai hasil pengeluaran penyewa, rekod pembayaran sewa bulanan dan komitmen penyewa itu sendiri dengan pihak Jabatan. Penyewa yang melepasi tapisan tersebut akan ditawarkan kontrak penyewaan baru pada Disember 2016.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Tempoh kontrak penyewa di Pusat Agro Pelancongan Relau sebelum ini adalah 2 tahun, tetapi penyewa yang sudah tamat tempoh belum dapat pembaharuan kontrak. Malahan, pihak jabatan belum memberi sebarang penjelasan mengenainya. Keadaan yang tidak menentu amat membimbangkan para penyewa. Apakah sebabnya kontrak tidak dapat diperbaharui?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Operasi pentadbiran Kerajaan Negeri di bangunan KOMTAR telah menjangkau lebih 30 tahun. Usia bangunan dan reka bentuk bangunan, ketinggian bangunan dan lain-lain merupakan antara

aspek kelemahan yang dikenal pasti. Kelemahan-kelemahan ini telah menyebabkan kesukaran kerja-kerja penyelenggaraan, kesukaran untuk kekerapan membuat pemeriksaan pendawaian dan kurang mesra kepada penjawat awam/orang ramai termasuk orang kurang upaya (OKU) dan wanita mengandung.

Namun demikian, sebagai langkah keselamatan Kerajaan Negeri sememangnya mengutamakan keselamatan bangunan kerajaan khususnya di KOMTAR dan antara langkah-langkah keselamatan yang diambil ialah:

- (i) Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK) secara berkala iaitu setahun sekali yang dijadualkan oleh pihak Bomba bagi memastikan sistem kebakaran yang dipasang pada bangunan KOMTAR seperti *sprinkler system*, *wet riser system*, *break glass* dan sistem bantu mula (*hose reel*) berada dalam keadaan baik dan boleh berfungsi ketika kecemasan.
- (ii) Mengadakan latihan Simulasi Kebakaran dan Gempa Bumi bagi meningkatkan tahap keselamatan kebakaran. Antara penekanan utama di dalam latihan *fire drill* ini adalah mengajar warga kerja di bangunan KOMTAR tentang jalan keluar yang paling selamat, tempat berkumpul, cara-cara menggunakan sistem keselamatan kebakaran seperti alat pemadam api mudah alih serta tindakan yang patut diambil sekiranya berlaku sesuatu kecemasan.
- (iii) Melantik pegawai keselamatan tingkat bagi setiap tingkat di KOMTAR untuk bertindak sebagai pegawai yang menyalurkan maklumat kepada anggota di Pentadbiran masing-masing.
- (iv) Menghantar Pegawai Keselamatan Tingkat menghadiri latihan mencegah kebakaran mengenai alat-alat memadam api serta cara-cara hendak memadamkan api dengan betul. Latihan ini dijalankan dengan kerjasama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan
- (v) Memasang Kamera Litar Tertutup (CCTV) di lokasi-lokasi strategik di KOMTAR bagi tujuan pemantauan keselamatan bangunan oleh PDC Setia Urus Sdn. Bhd. Dan Pejabat Setiausaha Pejabat (PSUK) sebarang pergerakan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengancam keselamatan warga kerja dan pejabat di KOMTAR.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Huraikan kelemahan dan usangnya bangunan KOMTAR (lebih daripada 30 tahun) terutamanya bangunan 65 tingkat, yang mengancam keselamatan orang awam semasa berlakunya kebakaran (seperti pada 15 Oktober 2016 dan pada tahun 1983 iaitu kebakaran berlaku di tingkat 43 semasa dalam pembinaan), gempa bumi atau letupan dan lain-lain, serta langkah-langkah kerajaan agar keselamatan awam terjamin.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kerajaan Negeri mendapati bahawa tiada kelemahan nyata di peringkat jabatan kerajaan dalam penyimpanan data. Ini adalah kerana setiap jabatan/agensi kerajaan mempunyai prosedur sokongan (*backup*) dan pemulihan (*restore*) data bagi menjamin semua data elektronik samada *big data* ataupun pangkalan data bagi sistem ICT jabatan.

Di samping itu, bagi jabatan/agensi negeri utama seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Kewangan Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah diwajibkan mempunyai Pelan Kesenambungan Perkhidmatan (PKP) bagi menjamin kesinambungan perkhidmatan teras dan kritikal jabatan apabila berlakunya sebarang bencana seperti kebakaran. PKP ini mengandungi 3 pelan utama iaitu Pelan Komunikasi Krisis, Pelan Tindak Balas Kecemasan dan Pelan Pemulihan Bencana ICT (*Disaster Recovery Plan/DRP*). Antara pendekatan utama yang dilaksanakan khususnya bagi menyokong kejayaan pelaksanaan DRP adalah prosedur sistem *backup*, replikasi data kritikal ke Pusat Pemulihan Bencana (DRC), simulasi *restore* dan simulasi DRP secara berjadual.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Huraikan kelemahan, ketidaksesuaian dan strategik letaknya kebanyakan jabatan, PBT dan agensi-agensi di KOMTAR yang mempunyai 65 tingkat dari aspek keselamatan (termasuk serbuan penganasan, gempa bumi dan terutamanya kebakaran dan lain-lain) dan logistik. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menangani faktor keselamatan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Bangunan KOMTAR sebenarnya adalah strategik untuk penempatan jabatan dan agensi Kerajaan kerana kedudukannya yang terletak di tengah-tengah pusat bandar serta terdapat kemudahan pengangkutan awam dan gedung perniagaan. Lokasinya adalah memudahkan kepada orang ramai termasuk dari Seberang Perai untuk hadir bagi berurusan.

Operasi pentadbiran Kerajaan Negeri di bangunan KOMTAR telah menjangkau lebih 30 tahun. Oleh itu, reka bentuk bangunan ini adalah merupakan rekaan bangunan yang lama (30 tahun) dan merupakan binaan yang tinggi. Reka bentuk sedemikian mempunyai beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti seperti kesukaran kerja-kerja penyelenggaraan, keperluan kekerapan membuat pemeriksaan pendawaian serta kurang mesra kepada penjawat awam/orang ramai yang kurang upaya (OKU) dan wanita mengandung terutamanya ketika menggunakan tangga/laluan kecemasan apabila berlaku sesuatu kecemasan.

Namun demikian, sebagai langkah keselamatan, Kerajaan Negeri sememangnya mengutamakan keselamatan bangunan kerajaan khususnya di KOMTAR dan antara langkah-langkah keselamatan yang diambil ialah :

- (i) Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK) secara berkala iaitu setahun sekali yang dijadualkan oleh pihak Bomba bagi memastikan sistem kebakaran yang dipasang pada bangunan KOMTAR seperti *sprinkler system*, *wet riser system*, *break glass* dan sistem bantu mula (hose reel) berada dalam keadaan baik dan boleh berfungsi ketika kecemasan.
- (ii) Mengadakan latihan Simulasi Kebakaran dan Gempa Bumi bagi meningkatkan tahap keselamatan kebakaran. Antara penekanan utama di dalam latihan fire drill ini adalah mengajar warga kerja di bangunan KOMTAR tentang jalan keluar yang paling selamat, tempat berkumpul, cara-cara menggunakan sistem keselamatan kebakaran seperti alat pemadam api mudah alih serta tindakan yang patut diambil sekiranya berlaku sesuatu kecemasan.
- (iii) Melantik pegawai keselamatan tingkat bagi setiap tingkat di KOMTAR untuk bertindak sebagai pegawai yang menyalurkan maklumat kepada anggota di Pentadbiran masing-masing.
- (iv) Menghantar Pegawai Keselamatan Tingkat menghadiri latihan mencegah kebakaran mengenai alat-alat memadam api serta cara-cara hendak memadamkan api dengan betul. Latihan ini dijalankan dengan kerjasama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan
- (v) Memasang Kamera Litar Tertutup (CCTV) di lokasi-lokasi strategik di KOMTAR bagi tujuan pemantauan keselamatan bangunan oleh PDC Setia Urus Sdn Bhd dan PSUK dari sebarang pergerakan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengancam keselamatan warga kerja dan pejabat di KOMTAR.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Huraikan kelemahan, ketidaksesuaian dan strategik terletaknya kebanyakan jabatan PBT/agensi di KOMTAR bertingkat yang melebihi 30 tahun dari aspek keselamatan (serbuan penganasan, gempa bumi, terutamanya kebakaran dan lain-lain) ,pentadbiran akan terjejas. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi isu tersebut atau para jabatan diasingkan bersendirian di pusat Bangunan Kerajaan Negeri yang baru?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Bangunan KOMTAR sebenarnya adalah strategik untuk penempatan jabatan dan agensi Kerajaan kerana kedudukannya yang terletak di tengah-tengah pusat bandar serta terdapat kemudahan pengangkutan awam untuk ke sini. Ia juga dihubungkan dengan sistem lalu lintas yang baik dan dapat memudahkan orang ramai termasuk dari Seberang Perai untuk hadir bagi berurusan .

Operasi pentadbiran Kerajaan Negeri di bangunan KOMTAR telah menjangkau lebih 30 tahun. Oleh itu, reka bentuk bangunan ini adalah merupakan rekaan bangunan yang lama (30 tahun) dan merupakan binaan yang tinggi. Reka bentuk sedemikian mempunyai beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti seperti kesukaran kerja-kerja penyelenggaraan, keperluan kekerapan membuat pemeriksaan pendawaian serta kurang mesra kepada penjawat awam/orang ramai yang kurang upaya (OKU) dan wanita mengandung terutamanya ketika menggunakan tangga/laluan kecemasan apabila berlaku sesuatu kecemasan.

Namun demikian, sebagai langkah keselamatan, Kerajaan Negeri sememangnya mengutamakan keselamatan bangunan kerajaan khususnya di KOMTAR dan antara langkah-langkah keselamatan yang diambil ialah :

- (i) Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK) secara berkala iaitu setahun sekali yang dijadualkan oleh pihak Bomba bagi memastikan sistem kebakaran yang dipasang pada bangunan KOMTAR seperti *sprinkler system*, *wet riser system*, *break glass* dan sistem bantu mula (*hose reel*) berada dalam keadaan baik dan boleh berfungsi ketika kecemasan;
- (ii) Mengadakan latihan Simulasi Kebakaran dan Gempa Bumi bagi meningkatkan tahap keselamatan kebakaran. Antara penekanan utama di dalam latihan *fire drill* ini adalah mengajar warga kerja di bangunan KOMTAR tentang jalan keluar yang paling selamat, tempat berkumpul, cara-cara menggunakan sistem keselamatan kebakaran seperti alat pemadam api mudah alih serta tindakan yang patut diambil sekiranya berlaku sesuatu kecemasan;
- (iii) Melantik pegawai keselamatan tingkat bagi setiap tingkat di KOMTAR untuk bertindak sebagai pegawai yang menyalurkan maklumat kepada anggota di Pentadbiran masing-masing;
- (iv) Menghantar Pegawai Keselamatan Tingkat menghadiri latihan mencegah kebakaran mengenai alat-alat memadam api serta cara-cara hendak memadamkan api dengan betul/ Latihan ini dijalankan dengan kerjasama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan
- (v) Memasang Kamera Litar Tertutup (CCTV) di lokasi-lokasi strategik di KOMTAR bagi tujuan pemantauan keselamatan bangunan oleh PDC Setia Urus Sdn Bhd dan PSUK sebarang pergerakan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengancam keselamatan warga kerja dan pejabat di KOMTAR.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Huraikan dengan terperinci (termasuk NGO-NGO yang terlibat dan mengambil bahagian) pelan-pelan dan usaha tindakan PBT (MBPP/MPSP dll) untuk menangani isu anjing liar, denggi dan zika, tibi (huraikan jenisnya), banteraskan jenayah, serbuan pengganas dan virus kencing tikus.
- (b) Huraikan puncanya atau sebabnya berlaku setiap isu tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (i) Isu anjing liar
- Agensi-agensi yang terlibat bagi mengawal anjing liar ialah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengawal anjing liar adalah seperti berikut:
- (a) Mengadakan operasi tangkapan harian ke atas anjing terbiar serta anjing bertuan yang dibiarkan merayau di taman perumahan dan lain-lain dengan mengguna pakai *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah diwujudkan.
 - (b) Mengeluarkan notis dan kompaun kepada pemilik anjing yang membiarkan anjing mereka berkeliaran di tempat awam tanpa pengawasan.
 - (c) Terdapat tujuh *Non-Governmental Organization* (NGO) yang aktif di Pulau Pinang dan pemantauan ke atas operasi NGO ini mengikut Akta Kebajikan Haiwan dan Akta Doktor Veterinar.
 - (d) Kebanyakan NGO ini menyediakan tempat perlindungan haiwan terbiar terutamanya anjing dan juga menjalankan aktiviti pemandulan dan rawatan ke atas haiwan tersebut. JPV Pulau Pinang bekerjasama dengan PBT dalam kes siasatan yang melibatkan gigitan anjing liar. JPV akan membuat persampelan otak untuk diagnosa penyakit Rabies.
 - (e) JPV menyasat kes yang melibatkan gigitan anjing liar dan akan membuat persampelan otak untuk diagnosa penyakit Rabies.
 - (f) Kempen kesedaran kepada penduduk taman perumahan dilaksanakan melalui edaran risalah serta penerangan tentang kepentingan kaedah pemandulan anjing dijalankan dalam usaha mengawal populasi anjing terbiar serta menghindarkan tabiat membuang anjing dan anak-anak anjing peliharaan yang tidak diingini.
 - (g) Program pemandulan anjing yang mensasar dan memfokuskan pemandulan anjing-anjing di bawah seliaan NGO.
 - (h) Membina tempat perlindungan haiwan dan mewujudkan *feeding kennel*.
 - (i) MBPP menjalankan tindakan menerusi Pelan Tindakan Program Sifar Anjing Liar dan Terbiar 2015-2019 manakala MPSP juga telah merangka Pelan Strategi Anjing Terbiar Sifar 2015-2018.
- (ii) Isu Aedes dan Zika
- Aedes dan Zika disebarkan oleh nyamuk Aedes. Agensi-agensi yang terlibat bagi menangani isu Aedes dan Zika ialah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), MBPP dan MPSP. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan bagi mengawal pembiakan nyamuk Aedes yang membawa penyakit demam Denggi dan Zika adalah seperti berikut:-
- (a) Mengerakkan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Negeri bagi mengukuhkan kerjasama antara agensi-agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pencegahan pembiakan aedes. Salah satu strategi penting dalam jawatankuasa ini adalah untuk memperkasa dan memobilisasi komuniti dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pencegahan.
 - (b) Pencegahan
 - Menjalankan gotong royong memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes.
 - Kawalan semak samun yang menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes di taman perumahan.
 - Menjalankan operasi pemeriksaan tapak-tapak binaan dan premis-premis berpotensi yang lain bagi meningkatkan penguatkuasaan ke atas mana-mana premis yang membiakkan nyamuk Aedes sebagai langkah-langkah mencegah penularan penyakit demam Denggi, Chikungunya dan Zika.

- (c) Tindakan mengawal wabak
 - Menjalankan kajian Aedes di lokasi wabak dan meningkatkan kegiatan-kegiatan cari dan musnah tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes.
 - Menjalankan aktiviti fogging di lokasi wabak.
- (d) Promosi
 - Kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri setiap minggu bertujuan untuk memberi maklumat terkini denggi kepada orang ramai dan mengingatkan masyarakat supaya terus mengambil langkah pencegahan bagi menghentikan penularan demam denggi. Langkah-langkah pencegahan yang boleh diamalkan oleh orang ramai adalah melakukan pemeriksaan dalam rumah dan kawasan sekitar masing-masing bagi mengenal pasti dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes setiap minggu.
 - Meningkatkan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan seperti ceramah, hebahan awam dan nasihat individu di lokaliti-lokaliti kes dan wabak. Aktiviti pendidikan kesihatan juga dijalankan di tempat-tempat tumpuan awam seperti di pasar raya dan di pasar malam.

(iii) Tibi

Tibi merupakan sejenis penyakit berjangkit merbahaya yang boleh membawa maut sekiranya tidak mendapatkan rawatan yang sempurna. Penyakit ini disebabkan oleh kuman Tibi (*Mycobacterium tuberculosis*) yang biasanya menjangkiti paru-paru dan juga boleh menyerang bahagian-bahagian lain badan. Jenis Tibi termasuklah:

- (a) Tibi Paru-paru Sapuan Terus Kahak Positif
- (b) Tibi Paru-paru Sapuan Terus Kahak Negatif
- (c) Tibi Ekstrapulmonari (Contoh: tibi tulang, tibi kelenjar dan lain-lain)

Kuman Tibi disebarkan melalui udara. Pesakit Tibi akan mengeluarkan kuman Tibi ke udara apabila batuk atau bersin. Setiap individu yang menyedut udara tercemar ini terdedah kepada jangkitan kuman Tibi.

Kesemua aktiviti di bawah Program Kawalan & Pencegahan Tibi Kebangsaan adalah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui pejabat kesihatan daerah, hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan. Di antara aktiviti-aktiviti utama ialah:

- (a) Pengesanan kes Tibi baru dan berulang- melalui aktiviti saringan di kalangan golongan berisiko tinggi Tibi dan pesakit bersimptomatik di Jabatan Pesakit Luar.
- (b) Memastikan semua pesakit yang didiagnos Tibi dimulakan rawatan dan dibuat secara pengawasan terus, *Directly Observed Treatment (DOT)*.
- (c) Aktiviti pencegahan melalui pemberian suntikan BCG kepada bayi yang baru lahir dan kanak-kanak berumur enam (6) tahun dan ke bawah sekiranya tiada parut di lengan.
- (d) Promosi kesihatan berkaitan penyakit tibi - hebahan tentang penyakit tibi kepada pelbagai peringkat komuniti iaitu masyarakat umum, pelajar-pelajar sekolah serta pelbagai agensi kerajaan & bukan kerajaan.

Malaysian Association for the Prevention of Tuberculosis (MAPTB) merupakan *Non-Government Organization* (NGO) yang memainkan peranan menyalurkan bantuan kewangan (dari peruntukan KKM) kepada pesakit-pesakit tibi yang memerlukan iaitu Skim Elaun Rawatan dan Elaun Gantian Tambang. Selain itu, mereka juga menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan berkaitan penyakit Tibi kepada komuniti setempat.

(iv) Membanteras jenayah

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membanteras jenayah adalah seperti berikut:-

- (a) Pemasangan kamera CCTV di kawasan hot-spot jenayah. Lokasi-lokasi untuk pemasangan kamera CCTV dikenal pasti mengikut statistik kekerapan berlakunya jenayah. Tujuan projek ini dijalankan demi kepentingan awam bagi meningkatkan tahap keselamatan, mengurangkan insiden jenayah, mengawal lalu lintas serta penguatkuasaan.
- (b) Melaksanakan Program Bandar Selamat iaitu pemasangan tempat letak motosikal berkunci, membina laluan pejalan kaki dan railing serta pemasangan kotak kunci elektrik.

Hasil kajian yang telah dijalankan bagi kawasan Balai Polis Tanjung Tokong khususnya Tanjung Bungah bagi tempoh Januari 2016 hingga Oktober 2016 berbanding dengan tempoh yang sama bagi tahun 2015 telah menunjukkan penurunan yang sangat ketara. Jumlah keseluruhan jenayah kekerasan dan jenayah harta benda bagi tahun 2015 untuk kawasan Tanjung Bungah/Tanjung Tokong adalah 63 kes, berbanding tahun 2016 sehingga Oktober sebanyak 10 kes sahaja, penurunan sebanyak 53 kes. Manakala aktiviti pencegahan jenayah yang telah dijalankan bagi tahun 2015 iaitu Operasi Bersepadu, *High Profile Policing*, Ronda bersama Community Policing dan Rukun Tetangga dan juga Ronda cegah jenayah bersama Simpanan Sukarelawan Polis Diraja Malaysia (SSPDRM) sebanyak 118 kali, manakala untuk tahun 2016 sebanyak 102 kali.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula terutamanya di kawasan Tanjung Bungah adalah seperti berikut:-

- (a) Tindakan pencegahan jenayah yang agresif serta berterusan oleh pihak Polis Daerah Timur Laut di kawasan berkenaan.
- (b) Operasi cegah jenayah yang berterusan dan operasi hujung minggu yang dipantau oleh pihak ibu pejabat Kontinjen Pulau Pinang serta pelaksanaan operasi mengesan jenayah yang dikehendaki dibuat secara menyeluruh.
- (c) Rodaan Cegah Jenayah yang sistematik melibatkan kereta peronda polis (MPV) dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) di kawasan-kawasan hot-spot yang dikenal pasti terdapat peningkatan jenayah.
- (d) Pelaksanaan *Community Policing* melibatkan 'High Profile Policing' di mana pihak PDRM Pulau Pinang turun ke padang untuk mendekati masyarakat dalam sesi dialog dan perjumpaan bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi dan menerima maklumat. Pelbagai program cegah jenayah bersama komuniti melibatkan pihak NGO dan swasta.
- (e) Pelaksanaan Kawalan Rukun Tetangga (KRT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) melibatkan persatuan penduduk dibantu oleh pihak Balai Polis Tanjung Tokong dan Pengkalan Polis Pelancong Tanjung Bungah, berkesan dalam mengawal perlakuan jenayah di kawasan tersebut.

(v) Serbuan pengganas

Pelan dan usaha tindakan menangani serbuan pengganas digerak atur oleh Bahagian Intelligen Anti Keganasan & Counter Terrosism [E8] Cawangan Khas, Bukit Aman.

(vi) Kencing tikus (Leptospirosis).

Leptospirosis adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh Patogen Genus *Leptospira*. Leptospirosis boleh menjangkiti manusia secara langsung mahupun tidak langsung melalui pendedahan kepada air kencing haiwan pembawa tersebut. Bakteria Genus *Leptospira* ini boleh memasuki saluran darah melalui luka, kulit yang meleceh dan melalui membran bermukus seperti mata, hidung dan mulut.

Leptospirosis turut disebarkan melalui air mani haiwan yang dijangkiti. Pekerja rumah penyembelihan boleh dijangkiti melalui sentuhan dengan cecair badan dan darah.

Jangkitan juga boleh berlaku melalui pendedahan kepada air, makanan atau tanah yang dicemari kencing haiwan yang dijangkiti bakteria ini. Langkah kawalan leptospirosis dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti promosi, pendidikan dan hebahan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Huraikan prestasi dan kelemahan dan bajet untuk mempertingkatkan prestasi PYDC dan PWDC, polisi-polisi dan cadangan-cadangan yang dibentangkan oleh mereka.
- (b) Huraikan perlunya untuk ditubuhkan "Penang Aging Group Corporation (PAGDC)" untuk membentangkan polisi dan menangani isu pengetuaan (aging).
- (c) Huraikan kepentingan dan kaitan antara PYDC, PWDC dan PAGDC untuk menjanakan masyarakat Middle Class.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Penang Women Development Corporation (PWDC) ditubuhkan pada November 2011 bagi mengarusperdanakan gender ke dalam dasar dan program bagi semua sektor untuk mencapai keadilan gender dan sosial di Pulau Pinang. Prestasi PWDC dapat dinilai melalui program-program yang dilaksanakan seperti berikut:

(i) Program *Gender Responsive Participatory Budgeting (GRPB)*

Program GRPB adalah salah satu program teras PWDC dan yang telah dijalankan secara aktif bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sejak 2012. Pihak PBT telah menerimapakai GRPB sebagai mekanisme transformasi berlandaskan prinsip kesaksamaan substantif dan partisipasi komuniti dalam tadbir urus tempatan. Melalui Program GRPB, Program Pembersihan di komuniti PPR Jalan Sungai dan Ampangan telah dimulakan sebagai sebahagian daripada projek perintis antara tahun 2012 dan 2014 dan berjaya membawa perubahan ketara dari segi tahap kebersihan di PPR tersebut. Selain itu, pemilihan Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk dirombak semula dengan memasukkan klausa keseimbangan gender dalam pucuk kepimpinan dan pembuatan keputusan. Pada tahun 2015, pendekatan GRPB dikembangkan kepada projek membaikpulih dan menaiktaraf Pasar Lebu Campbell, membina Taman Kejiranan di Taman Sri Kenari Sungai Ara, dan menaiktaraf Taman Rekreasi di Taman Tunku Seberang Jaya. PWDC telah melancarkan sebuah buku berjudul *Gender Responsive & Participatory Budgeting : Imperatives for Equitable Public Expenditure* yang merupakan buku pertama di dunia berkaitan Model GRPB yang mengintegrasikan pendekatan *gender responsive* dan *participatory*.

(ii) Program *Pemeriksaan dan Kepimpinan Wanita (Women's Empowerment and Leadership* atau *WEL*)

Program ini memberi penekanan kepada peningkatan wanita dalam kepimpinan politik dan pembuatan keputusan. Melalui Program WEL, PWDC telah membawa mesej kesaksamaan gender kepada lebih daripada 5,900 orang peserta wanita dan lelaki dari pelbagai sektor di seluruh Pulau Pinang. Briged Wanita Pulau Pinang ditugaskan untuk membantu mendaftarkan wanita setempat untuk program-program bantuan Kerajaan Negeri. Selain itu, penerimapaikriteria minimum 30% penyertaan wanita dalam Anugerah JKKK Terbaik Peringkat Daerah dan Negeri, serta kriteria minimum 30% penyertaan wanita dalam program-program pembangunan desa dalam deraf Dasar Pembangunan Desa juga sebahagian daripada agenda kepada program WEL. Melalui Latihan Kepimpinan Wanita Dalam Tadbir Urus Tempatan di bawah Program WEL sejak 2013, seramai 87 orang wanita telahpun dilatih sehingga kini dan 6 daripada mereka telah dilantik sebagai Ahli Majlis PBT di mana peratusan perwakilan wanita sebagai Ahli Majlis telah meningkat sebanyak 8% pada awal tahun ini. Pada Ogos 2016, satu Persidangan Kebangsaan Gender dan Pembaharuan Sistem Pilihanraya telah dianjurkan dan salah satu resolusi persidangan adalah meningkatkan penyertaan dan perwakilan wanita dalam kepimpinan politik di peringkat Parlimen dan DUN di seluruh Malaysia.

- (iii) Program Sokongan Pemerkasaan Wanita (*Women's Empowerment Support* atau *WES*)

Pada tahun 2013, Pulau Pinang menjadi Kerajaan Negeri pertama yang menerimapakai Dasar dan Pelan Tindakan Penjagaan Kanak-Kanak. Antara pencapaian utama di bawah inisiatif ini adalah pembinaan Taska D'Komtar, taska pertama untuk kakitangan kerajaan di KOMTAR, sebagai tambahan kepada dua buah Pusat Jagaan Kanak-Kanak yang dibiayai atau diberi subsidi oleh Kerajaan Negeri di Daerah Timur Laut dan Seberang Perai Tengah.

- (iv) Kempen Kesedaran Awam

Pada tahun 2014, PWDC telah melancarkan sebuah kempen anti-keganasan terhadap wanita yang dikenali sebagai *Penang Goes Orange*. Kempen ini diadakan sempena memperingati kempen global *16 Days Against Violence Against Women*. Selain itu, sejak tahun 2012, PWDC telah memulakan kempen dan sambutan Hari Wanita Sedunia di mana pelbagai program diadakan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang kesaksamaan gender dan isu-isu yang berkaitan. Kempen-kempen dan program-program awam ini menyumbang ke arah meningkatkan visibiliti Pulau Pinang sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang prihatin dan progresif.

Penang Youth Development Council (PYDC) pula telah mula beroperasi pada Januari 2014 bagi menyediakan platform dan memberi khidmat nasihat kepada golongan belia dalam negeri ini. Prestasi PYDC dalam pembangunan belia dapat dinilai melalui pelan tindakan dan program-program yang dianjurkan seperti berikut:-

- (i) Pelan Tindakan Belia Pulau Pinang

PYDC dengan kerjasama Penang Institute dalam proses menyiapkan Pelan Tindakan Belia Pulau Pinang. Pelan ini bertujuan untuk memastikan pemerkasaan belia sebagai kuasa yang akan menggalakkan kemajuan sosio-ekonomi dan pertumbuhan politik bagi Negeri Pulau Pinang. Selain itu, pelan ini juga akan mengenal pasti isu utama belia di Pulau Pinang dari aspek sosio-ekonomi dan politik, dan menggubal program yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

- (ii) Program Sidang Muda Negeri Pulau Pinang

Program ini bertujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan penyertaan belia dalam urus tadbir awam di Pulau Pinang dari aspek kepimpinan dan perkongsian minda. Keberkesanan program ini bagi orang muda dapat dilihat dari segi politik, ekonomi dan sosial dengan peningkatan kefahaman berkenaan fungsi dan organisasi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan, kesedaran politik dan penglibatan belia dalam masyarakat, pemahaman hal ehwal pentadbiran awam dan pengwujudan jaringan belia dalam komuniti setempat untuk peningkatan ekonomi dan sosial mereka. Keberkesanan program ini telah berjaya mengekalkan sokongan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan dan Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) untuk terus melaksanakan program Sidang Muda Negeri Pulau Pinang pada tahun 2016.

Selain itu, antara program-program lain yang dianjurkan oleh PYDC adalah :

- (a) Majlis Anugerah Cemerlang Pelajar Malaysia Di Indonesia Cawangan Aceh;
- (b) Seminar Pengenaln Jati Diri Remaja - *Who Am I?*;
- (c) *Genxyoung Fiesta 2.0*;
- (d) *17th Literary Competition for All Tamil School*;

- (e) *Primary School Motivational Camp 2016; dan*
- (f) *Hop A Bus Campaign: Smart Photography Contest.*

Bagi PWDC, tumpuan kepada pembangunan sosio-ekonomi wanita dilihat dapat diperkembangkan pada masa akan datang manakala bagi PYDC, program-program yang dilaksanakan akan lebih memberi fokus dalam bidang pendidikan, ekonomi dan sosial.

Peruntukan tahunan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada PWDC adalah sebanyak RM1,500,000.00 manakala bagi PYDC adalah sebanyak RM520,000.00.

PWDC telah menerimapakai Dasar dan Pelan Tindakan Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang di mana Pelan Tindakan ini memberi fokus kepada keperluan untuk melindungi hak kanak-kanak. Selain itu, penerimapakaian kriteria minimum 30% penyertaan wanita dalam Anugerah JKKK Terbaik Peringkat Daerah dan Negeri serta kriteria minimum 30% penyertaan wanita dalam program-program pembangunan desa merupakan dasar baru yang diaplikasikan oleh PWDC. Manakala bagi PYDC, Kerajaan Negeri akan terus memfokuskan usaha untuk melengkapkan Pelan Tindakan Belia Pulau Pinang yang akan menumpukan kepada keperluan dan usaha untuk membangun dan memperkasa kepentingan dan peranan belia dalam masyarakat.

- (b) Kerajaan Negeri amat prihatin dan komited terhadap kebajikan serta kesejahteraan rakyat termasuk warga emas. Pelaksanaan pelbagai program kebajikan bagi membantu golongan warga emas akan dapat membantu Kerajaan Negeri menangani isu 'aging population' di negeri ini. Antara program yang dilaksanakan termasuklah:
 - (i) Mewujudkan suatu ekosistem perumahan yang tidak membebankan rakyat dan mampu dimiliki. Warga emas yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 dan mempunyai kes-kes kronik akan diberi keutamaan oleh Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC) untuk menyewa unit Projek Perumahan Rakyat (PPR);
 - (ii) Menubuhkan Pusat Dialisis C.A.T. di kawasan Balik Pulau Daerah, Barat Daya dengan subsidi sebanyak RM30.00 kepada pesakit yang terpilih bagi setiap sesi rawatan dialisis termasuk warga emas. Selain itu, Kerajaan negeri juga telah melancarkan program mammogram percuma pada awal 2015 yang tumpu kepada golongan kurang berkemampuan berusia 35 tahun ke atas yang turut merangkumi warga *emas*;
 - (iii) Memberikan bantuan kewangan kepada golongan warga emas yang kurang berkemampuan dan miskin melalui Program Penghargaan Warga Emas sebagai menghargai jasa dan budi warga emas yang telah berbakti untuk Negeri Pulau Pinang dan juga bantuan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Bantuan Am, Bantuan Orang Tua, dan Bantuan Pesakit Telantar; dan
 - (iv) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di mana terdapat 2 buah PAWE di Pulau Pinang, iaitu di Balik Pulau dan Pongsu Seribu, Kepala Batas.

Berdasarkan kepada program-program yang dilaksanakan bagi menangani isu pengetuaan, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menubuhkan Penang Aging Group Corporation buat masa kini.

- (c) Program-program yang dilaksanakan oleh PWDC dan PYDC adalah ke arah kesejahteraan rakyat dan kebajikan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri keusahawanan dan kebajikan.

VIII. Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Mohon dikeluarkan statistik bagi jumlah sekolah pondok atau pusat pengajian agama Islam seperti pusat tahfiz dan sebagainya yang wujud di Pulau Pinang.
 - (a) Syarat-syarat yang dikenakan untuk membuka sekolah jenis ini.
 - (b) Apakah langkah-langkah pengawalan penubuhan sekolah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Terdapat sejumlah 178 buah sekolah agama di Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada :-
 - (i) 7 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR);
 - (ii) 11 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK);
 - (iii) 7 buah Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR);
 - (iv) 27 buah Maahad Tahfiz;
 - (v) 106 buah KAFA Intergrasi;
 - (vi) 14 buah Tadika Islam (TADIS); dan
 - (vii) 6 buah Sekolah Agama Pondok.
 - (a) Syarat untuk membuka Sekolah Agama Islam di Negeri Pulau Pinang diperuntukkan di bawah Seksyen 14 Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Pulau Pinang) 1989 seperti berikut:
 - (i) Kesesuaian bangunan bagi memenuhi keperluan keselamatan dan kesihatan ;
 - (ii) Kemampuan ahli jemaah / jawatankuasa yang mentadbir sekolah ;
 - (iii) Kemampuan sumber kewangan untuk menjalankan sekolah ;
 - (iv) Keperluan mengikut permintaan sesuatu tempat/ kawasan;
 - (v) Guru yang mengajar Tahfiz perlulah menghafaz Al-Quran ;
 - (vi) Melantik mudir/pengetua dari lepasan Tahfiz Al-Quran bagi pendaftaran Tahfiz ; dan
 - (vii) Syarat-syarat lain seperti kurikulum, tenaga pengajar, kemudahan tambahan dan lain-lain yang menyumbang kepada kejayaan sesebuah sekolah.
 - (b) Langkah-langkah bagi mengawal penubuhan sekolah agama Islam adalah seperti berikut:-
 - (i) Memastikan sekolah mematuhi syarat pendaftaran yang dikenakan;
 - (ii) Membuat naziran di sekolah-sekolah supaya syarat-syarat dipatuhi dan proses pembelajaran berjalan lancar;
 - (iii) Mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap sekolah-sekolah yang ditubuhkan tanpa kebenaran;
 - (iv) Mengadakan lawatan pemantauan;
 - (v) Mengadakan sesi perjumpaan dengan pengusaha sekolah;

- (vi) Membuat hebahan di masjid-masjid bagi mengenal pasti sekolah-sekolah yang ditubuhkan tanpa kebenaran; dan
- (vii) Memastikan perjalanan kokurikulum menepati kokurikulum yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan tiada unsur-unsur yang bertentangan dengan peraturan yang disyaratkan.

Sekiranya terdapat sekolah agama yang tidak berdaftar, surat amaran dan arahan untuk didaftarkan akan dikeluarkan terhadap sekolah berkenaan. Setakat ini, 3 buah sekolah, iaitu, Maahad Dakwah Padang Menora, Madrasah At-Tahtib Teluk Kumbar, dan Tahfiz Baiti Al-Quran Kampung Selamat telah diberi amaran dan arahan untuk mendaftarkan penubuhannya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Mohon dinyatakan jumlah tanah yang dikhaskan untuk sekolah (bagi perumahan yang dimajukan oleh pihak swasta) dan sama ada tanah tersebut telah dibangunkan sekolah atau sebaliknya. Mohon juga dinyatakan tempat dan lokasi tanah-tanah tersebut?
 - (a) Pernahkah Kerajaan Negeri mengubah status-status tanah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berdasarkan kepada Permohonan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sehingga tahun 2016, terdapat dua belas (12) tapak yang dikhaskan untuk sekolah oleh pemaju perumahan dan telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Perincian tapak tersebut adalah seperti di Lampiran A.
 - (a) Kerajaan Negeri tidak pernah mengubah status tanah-tanah tersebut dan terus dkekalkan sebagai tapak sekolah. Malah, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancangan Negeri (JPN) pada 20 Ogos 2009 telah memutuskan berkenaan tapak sekolah dengan menetapkan pembinaan sekolah bagi kawasan perumahan berdasarkan saiz kawasan yang dimajukan oleh pihak swasta (pemaju). Semua pemaju adalah terikat dengan Garis Panduan Untuk Penyediaan Kemudahan Masyarakat Di Kawasan Pemajuan Perumahan Baru yang diluluskan semenjak tahun 2009 serta beberapa garis panduan dan dasar lain, tertakluk kepada jenis perumahan yang akan didirikan. Garis Panduan tersebut menekankan keperluan pemaju untuk menyediakan satu (1) tapak sekolah dan menyerahkannya kepada Kerajaan Negeri sekiranya unit rumah yang disediakan adalah sebanyak 1,250 unit dan ke atas dengan syarat pembinaan sekolah tersebut berkeluasan minima 4 ekar (1.6187 hektar). Malah, penyediaan tapak sekolah ini disyaratkan dalam permohonan Kebenaran Merancang yang perlu dikemukakan oleh pemaju kepada Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBT) untuk kelulusan. Manakala pengecualian penyediaan tapak sekolah dalam keadaan tertentu diputuskan di peringkat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dengan syarat-syarat yang JPN akan tentukan.

RUJUK LAMPIRAN A BDOAH NO. 2 (ID74)

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3.
 - (a) Mohon penjelasan berkaitan penarikan balik peruntukan oleh Kerajaan Negeri ke atas sekolah agama milik PAS.
 - (b) Jika benar ini berlaku mohon dinyatakan jumlah peruntukan yang telah ditarik balik?
 - (c) Jika tidak benar, berapakah peruntukan setakat sekarang serta berapa jumlah yang disalurkan dan dari punca mana?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Peruntukan Kerajaan Negeri bagi membantu sekolah agama, tahfiz dan pondok akan terus disalurkan kepada semua sekolah-sekolah berdasarkan antara lain kepada kemampuan kewangan Kerajaan Negeri sedia ada dan keperluansekolah-sekolah tersebut tanpa mengira kecenderungan politik sesuatu sekolah tersebut.

Jumlah peruntukan yang disalurkan daripada sumber kewangan Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah agama sehingga Oktober 2016 adalah berjumlah RM1.75 juta.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Mohon penjelasan berkaitan pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang menyaman penjaja waktu pagi sahaja di tepi jalan Pasar Awam Tasek Gelugor, sedangkan 2 buah kedai runcit di tempat yang sama menjalankan perniagaan hingga ke gigi jalan tetapi tidak diambil tindakan.
- (b) Jika ambil tindakan, kenapa dibiarkan ia meneruskan perniagaan seperti tidak melakukan sebarang kesalahan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengambil tindakan menyaman penjaja tersebut berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam di tepi jalan Pasar Awam Tasek Gelugor. Perkara yang sama telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bersih Indah Seberang Perai Utara (SPU) dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah SPU di mana MPSP diminta mengambil tindakan terhadap penjaja tanpa lesen ini bagi tujuan menjaga kepentingan penyewa gerai Pasar Awam Tasek Gelugor. Selain itu, tindakan penguatkuasaan diambil kerana penjaja waktu pagi menjaja di tempat yang tidak sah dan tidak menggunakan petak yang disediakan di perkarangan Pasar Awam MPSP. Sehubungan itu, MPSP telah mengambil tindakan proaktif dengan mewujudkan petak tambahan di dalam perkarangan pasar awam sebanyak 24 petak bagi memberi peluang kepada penjaja-penjaja ini berniaga secara sah. Hasil pemantauan terkini mendapati masih terdapat penjaja yang berdegil dan masih menjalankan perniagaan dilokasi yang tidak dibenarkan.

MPSP juga mengambil tindakan saman terhadap dua (2) buah kedai runcit tersebut atas kesalahan meletakkan alatan niaga di tempat awam (kaki lima). Kedua-dua kedai runcit ini mempunyai lesen yang sah dengan MPSP.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Mohon dinyatakan secara terperinci berkaitan *Foreign Direct Investment* yang dikatakan semakin bertambah, tetapi apa yang dapat dilihat adalah semakin banyak kilang-kilang ditutup operasinya dan berpindah ke negara lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pemindahan dan penutupan kilang atau sebahagian kilang adalah disebabkan pelbagai faktor, terutamanya faktor ekonomi dan pasaran global yang kurang memberangsangkan. Syarikat multinasional (MNC) yang terlibat akan bertindak balas melalui aktiviti penstrukturan semula operasi, penggabungan dan pengalihan (M&A) di peringkat ibu pejabat masing-masing. Pulau Pinang, sebagai sebuah destinasi pelaburan asing (FDI) terkemuka dan menjadi lokasi pilihan kepada lebih 300 syarikat MNC tidak terkecuali daripada terkena tempias daripada aktiviti-aktiviti M&A ini. Berikut adalah MNC yang telah menghentikan operasi di Pulau Pinang pada tahun 2015 sehingga September 2016.

No.	Syarikat	Tarikh Tamat	Jangkaan Bil. Pekerja Tempatan	Sebab-sebab henti operasi
1.	Fairchild	September 2015	1,350	Penutupan kilang kerana pemberhentian <i>productline</i>
2.	Amphenol	Oktober 2015	150	Menutup salah satu kilang dan mengalihkan operasi tersebut ke Negara China
3.	HGST Technologies Sdn Bhd	Jun 2016	350	Penutupan kilang kerana pemberhentian <i>productline</i> . Perniagaan HGST diambil alih oleh WD.
4.	Western Digital	Julai 2016	400	Kilang tidak ditutup; hanya operasi Slider dihentikan dan kembalikan ke Thailand
5.	TS Solartech	September 2016	241	Pembuangan pekerja baru akibat ramalan perniagaan yang tidak ditepati
Jumlah			2,491	

Walaupun terdapat penutupan kilang dan pemindahan operasi di Pulau Pinang, masih banyak syarikat-syarikat baru yang memilih Pulau Pinang sebagai lokasi untuk pelaburan mereka. Perincian pelaburan-pelaburan baru dan penambahan peluang pekerjaan yang dicipta di Pulau Pinang adalah seperti berikut :

No.	Syarikat	Aktiviti	Bil. Pekerjaan baru
1	Broadcom Ltd	Hab rangkaian global / "Global supply chain hub"	120
2	Boston Scientific	Pembuatan peralatan perubatan	400
3	Toshiba Medical	Pembuatan sistem pengimejan diagnostik	200
4	Paramit	Pembuatan peralatan perubatan dan "instrument"	800
5	KLS Martin	Pembuatan instrument pembedahan	500
6	HP	Pengurusan rangkaian bekalan dakwat pengguna di seluruh dunia	1,000
7	Jinko Solar	"Solar cells" & "solar modules"	1,200
8	JA Solar	"Solar cells"	300
9	Jabil	Pembuatan peralatan perubatan dan aerospace	2,500
Jumlah			7,020

Melalui data-data tersebut, dapat dirumuskan bahawa bilangan kemasukan pelaburan baru beserta peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan mengatasi bilangan penutupan operasi MNC dan pemberhentian pekerja di Pulau Pinang. Perkara ini disokong dengan kadar pengangguran di

Negeri Pulau Pinang pada tahun 2016 yang terendah di Malaysia iaitu 1.6 peratus berbanding kadar pengangguran nasional sebanyak 3.1 peratus.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Jika *Foreign Direct Investment* (FDI) bertambah sepatutnya pendapatan Kerajaan Negeri juga secara langsung dan tidak langsung akan bertambah. Oleh itu, pohon diberikan kadar pertambahan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Hasil Kerajaan Negeri tahun 2016 sehingga bulan Oktober adalah berjumlah RM0.69 billion iaitu pertambahan 68% berbanding hasil pada tahun 2010. Sebaliknya pelaburan asing di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2016 adalah RM2.84 billion iaitu penurunan sebanyak 72.8% berbanding data tahun 2010 berjumlah RM10.45 billion. Perincian pelaburan asing dan hasil negeri dari tahun 2010 hingga 2016 adalah seperti berikut:

Tahun	Pelaburan Asing (Perkilangan) (RM Billion)	Hasil Negeri (RM Billion)
2010	10.45	0.41
2011	7.10	0.60
2012	1.13	0.65
2013	1.79	0.83
2014	5.11	0.80
2015	4.49	0.90
2016	2.84 (Ogos)	0.69 (Oktober)

Berdasarkan data tersebut, hubung kait antara pelaburan asing dengan Hasil Negeri adalah tidak konsisten seperti contoh pada tahun 2013, pelaburan asing bertambah kepada RM1.79 billion dan Hasil Negeri turut meningkat kepada RM0.83 billion berbanding tahun 2012. Walau bagaimanapun, pada tahun 2014 apabila pelaburan asing masih menunjukkan peningkatan, Hasil Negeri telah berkurangan. Begitu juga sebaliknya pada tahun 2015, di mana pelaburan asing berkurangan tetapi terdapat peningkatan kepada Hasil Negeri.

Walaupun demikian, Kerajaan Negeri percaya bahawa pelaburan asing membawa kesan secara tidak langsung terhadap pertumbuhan ekonomi negeri dan juga negara. Pelaburan asing dapat mewujudkan peluang pekerjaan tidak hanya kepada rakyat tetapi juga peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana tempatan. Ini seterusnya menambah nilai kepada ekonomi dan meningkatkan sosio-ekonomi negeri dan negara.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Mohon dinyatakan jumlah pengusaha industri desa yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri atau yang di bawah kawal selia agensi Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berdasarkan rekod, seramai 568 orang pengusaha industri desa telah berdaftar di bawah seliaan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Selain daripada kursus-kursus yang dianjurkan untuk usahawan industri desa, apakah terdapat lain-lain peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Selain daripada penganjuran kursus-kursus, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan beberapa bentuk bantuan kepada usahawan industri desa termasuklah:
- (i) Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang yang dilaksanakan Kerajaan Negeri bersama dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Sebanyak RM11.0 juta telah diperuntukan untuk PTSR dan sehingga Oktober 2016 sejumlah RM10.49 juta telah diagihkan kepada 2,368 usahawan;
 - (ii) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang adalah program untuk memberi dorongan kepada golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM500,000.00 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada PDC untuk mengurus pinjaman mikro kredit tanpa faedah sebanyak RM5,000 seorang dengan tempoh pembayaran balik selama 2 tahun. Setakat Oktober 2016 seramai 49 usahawan tani telah menikmati kemudahan ini. TUTM menyasarkan usahawan tani muda yang berusia 40 tahun dan ke bawah dengan tujuan untuk merangsang minat dan seterusnya menambah bilangan golongan belia sebagai pelapis dalam memastikan kelestarian bidang pertanian dan industri asas tani;
 - (iii) Bantuan Peningkatan Dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) di bawah Projek Khas Ekonomi menyediakan bantuan peralatan kepada usahawan yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya bagi tempoh setahun. Bantuan ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan produktiviti pengeluaran. Peruntukan sebanyak RM250,000.00 telah disediakan untuk tahun 2016;
 - (iv) Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sejumlah RM610,000.00 kepada Jabatan Pertanian Negeri pada tahun 2016, untuk pelaksanaan aktiviti Pembangunan Khidmat Pengembangan, Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan dan Pembangunan Aktiviti Promosi Pertanian bagi membantu para usahawan; dan
 - (v) Sejumlah RM50,000.00 peruntukan Pembangunan Industri Asas Tani di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar pada tahun 2016 untuk membantu usahawan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Bolehkah sawah yang aktif ditambak dan longkang ditimbus tanpa sebarang kelulusan?
- (a) Jika tidak, apa tindakan kepada mereka yang telah menimbus sawah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sawah yang aktif atau tanah yang bertujuan untuk pertanian dan longkang tidak boleh ditimbus tanpa kelulusan perlingkungan semula atau tukar syarat.
- (a) Antara kuasa perundangan yang boleh diambil kepada pemilik yang melakukan kesalahan ini adalah seperti berikut:

- (i) Seksyen 18 – 20 Akta Perancang Bandar dan Desa iaitu kesalahan menjalankan pembangunan tanpa kebenaran. Antara tindakan adalah arahan untuk memulihkan tanah kepada keadaan sebelum. Sekiranya gagal, penceroboh boleh dikenakan denda atau penjara atau kedua-duanya; dan
- (ii) Seksyen 70a Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 merujuk kepada kesalahan menjalankan kerja tanah tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan. Antara tindakan adalah arahan untuk memulihkan tanah kepada keadaan sebelum. Sekiranya gagal, penceroboh boleh dikenakan denda atau penjara atau kedua-duanya; dan
- (iii) Seksyen 125 – 129 Kanun Tanah Negara yang melibatkan tukar guna/ syarat tanah tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri yang boleh membawa kepada pelucutan hak bagi tukar syarat tanpa kebenaran.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 10. Mohon Kerajaan Negeri nyatakan dalam bentuk statistik tentang kejayaan CAT, contohnya jika terdapat apa-apa pengurangan perbelanjaan semenjak CAT dilaksanakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 10. Sejak Kerajaan Negeri mengambil alih tampuk pemerintahan pada tahun 2008, pelbagai usaha dilakukan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa dan pintar. Kepimpinan berteraskan CAT iaitu Cepak, Akauntabiliti dan Telus terus dipraktikkan dalam usaha membangunkan Pulau Pinang agar menjadi sebuah negeri keusahawanan dan berkebakikan.

Antara statistik kejayaan CAT sejak ianya dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2008 adalah seperti berikut :-

- (i) Berjaya meningkatkan lebih belanjawan yang terkumpul sebanyak RM574 juta dalam tempoh lapan (8) tahun (2008-2015) berbanding dengan lebih RM373 juta sepanjang 50 tahun (1957-2007);
- (ii) Penurunan hutang negeri sebanyak 90% menjadi RM69 juta menjelang 2015 iaitu jumlah hutang terendah dalam negara berbanding dengan RM16.8 billion yang dihutang oleh semua Kerajaan Negeri di Malaysia;
- (iii) Pertambahan nilai aset rizab negeri hampir dua kali ganda iaitu daripada RM860 juta pada 2008 kepada RM1.6 billion pada tahun 2015. Malahan prestasi ini turut mendapat pujian bukan sahaja daripada Laporan Ketua Audit Negara tetapi juga Transparency International;
- (iv) Jumlah pelaburan juga turut meningkat sebanyak RM87% dalam tempoh 2008-2015 sebanyak RM54.9 billion berbanding RM29.4 billion untuk tempoh dari tahun 2000-2007 dengan mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 128,317 berbanding 106,583 iaitu peningkatan sebanyak 20.4%;
- (v) Prestasi kukuh ekonomi juga telah membolehkan Pulau Pinang mencatatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita ketiga tertinggi berdasarkan harga semasa dalam negara iaitu RM44,847 berbanding KDNK per kapita RM37,104 pada 2015;
- (vi) Kadar kitar semula negeri Pulau Pinang yang kini pada 32% adalah tertinggi di Malaysia dan adalah 3 kali ganda kadar kitar semula kebangsaan yang kini pada 10.5% dan hanya disasarkan mencapai 22% menjelang tahun 2020. Kerajaan Negeri yakin kadar kitar semula Pulau Pinang akan meningkat lagi dan akan setanding dengan kadar kitar semula negara maju yang melebihi 40% menjelang 2020;

- (vii) Pelaksanaan dasar Pengasingan Sisa Dipunca yang mula diperkenalkan pada 1 Jun 2016 akan mengurangkan jumlah sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan di Pulau Burung. Langkah ini membolehkan Kerajaan Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk menjimatkan wang dalam pengurusan sisa pepejal dari segi kos kutipan sampah, kos pengangkutan sampah dari stesen pemindahan sampah ke tapak pelupusan sampah serta kos tipping fi yang dikenakan bagi sampah yang dilupuskan di Pulau Burong; dan
- (viii) Bidang pertanian juga mencatatkan peningkatan sebanyak RM48 juta bagi hasil keseluruhan berjumlah RM477 juta pada 2015 berbanding RM429 juta pada tahun 2014. Manakala nilai hasil penangkapan ikan yang dicatatkan pada 2015 adalah RM484 juta dengan 49,782 tan metrik iaitu peningkatan sebanyak RM21 juta berbanding tahun sebelumnya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sila nyatakan secara terperinci jumlah kutipan levi katil yang telah diperkenal oleh Kerajaan Negeri dan kemana ianya dibelanjakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berkuatkuasa 1 Julai 2014, Fi Kerajaan Tempatan telah dikenakan kepada setiap penginap pada kadar RM3.00/bilik/malam bagi hotel empat dan lima bintang dan RM2.00/bilik/malam bagi hotel tiga bintang dan ke bawah termasuk dormitori, hotel bajet, hostel dan rumah tumpangan. Jumlah kutipan dari 2014 sehingga September 2016 bagi kedua – dua Pihak Berkuasa Tempatan adalah sebanyak RM19,764,972.00 dan perincian adalah seperti berikut :

KUTIPAN FI KERAJAAN TEMPATAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA SEPTEMBER 2016

TAHUN	HASIL KUTIPAN MBPP (RM)	HASIL KUTIPAN MPSP (RM)
2014	3,285,085.00	401,225.00
2015	7,574,067.00	1,016,922.00
JAN-SEPT 2016	6,591,961.00	895,712.00
JUMLAH	17,451,113.00	2,313,859.00
JUMLAH BESAR	19,764,972.00	

Sehingga September 2016, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Fi Kerajaan Tempatan telah meluluskan perbelanjaan sebanyak **RM9,019,556.13** bagi pembiayaan program - program berikut:

BIL	PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)
1	<i>Asean Tourism Forum (ATF) 2016, Manila</i>	185,313.53
2	<i>World Travel Mart (WTM) Connect Asia Pulau Pinang</i>	464,242.60
3	<i>International Tourism Exchange (ITB) Asia Singapore 2015</i>	415,000.00

BIL	PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)
4	<i>Penang Networking Session ITB Asia Singapore 2016</i>	35,000.00
5	PICEB Sdn. Bhd. - Pembiayaan kos pengurusan dalam mempromosi dan pemasaran	1,000,000.00
6	Penang Global Tourism Sdn. Bhd. - Pembiayaan kos promosi dan pemasaran/aktiviti pelancongan bagi pasaran China	2,000,000.00
7	Acara V-Malaysia 2016 : <i>Evolve, Enrich, Empower</i> di Pulau Pinang	100,000.00
8	Acara Seberang Perai <i>Fiesta – Food Mega Festival</i>	320,000.00
9	<i>Asia-Pacific Masters Games 2018</i>	4,500,000.00
	JUMLAH	9019556.13

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Mohon Kerajaan Negeri jelaskan jumlah kutipan bagi beg plastik yang telah dimulakan sejak awal pemerintahan sehingga hari ini dan kemana ianya dibelanjakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Jumlah kutipan bagi beg plastik sejak polisi ini diperkenalkan dari tahun 2009 sehingga Oktober 2016 adalah sebanyak RM5,504,203.21 . Jumlah kutipan mengikut tahun, adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
2009	28,495.95
2010	268,035.57
2011	738,252.65
2012	1,206,035.33
2013	959,826.03
2014	926,457.11
2015	719,005.68
2016 (SEHINGGA OKTOBER)	658,094.89
JUMLAH KESELURUHAN	5,504,203.21

Semua kutipan akan dimasukkan ke dalam Akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang dan hanya digunakan untuk program Agenda Ekonomi Saksama (AES) dalam bentuk bantuan kewangan bulanan kepada golongan miskin di samping meningkatkan taraf hidup rakyat dan membasmi kemiskinan di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berapa banyakkah jumlah kutipan levi bagi hartanah yang dilupuskan kurang daripada 3 tahun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri mengenakan fi 2% bagi hartanah yang dijual dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pembelian. Fi tersebut berkuatkuasa mulai 15 April 2014 sebagaimana Arahan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2014. Bayaran fi ini terpakai ke atas semua urusan pindah milik tanah yang melibatkan warganegara Malaysia dan warganegara asing. Tujuan utama pelaksanaan dasar ini adalah bagi mengawal kegiatan spekulatif ke atas tanah dalam kategori harga jualan melebihi RM400,000.00 di kawasan Pulau dan RM250,000.00 di kawasan Seberang Perai.

Jumlah kutipan bayaran fi berjumlah 2% bagi hartanah yang dilupuskan kurang dari 3 tahun adalah sebanyak RM351,952.50 bagi tahun 2015 dan RM525,483.00 sehingga tempoh 31 Oktober 2016.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah indeks rasuah di Pulau Pinang menurun sejak CAT dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Semenjak pelaksanaan CAT, belum ada pengiraan khusus indeks rasuah untuk sesebuah negeri. Kajian yang digunakan oleh kebanyakan negara di dunia pada masa kini adalah Indeks Persepsi Rasuah atau Corruption Perception Index (CPI) yang dikeluarkan oleh *Transparency International* (TI), sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berpangkalan di Berlin, Jerman sejak tahun 1995. Indeks ini hanya mengkhususkan kepada isu persepsi tahap rasuah sesebuah negara yang disenaraikan mengikut skor yang diperolehi berdasarkan pengumpulan kajian-kajian oleh pelbagai pihak dan mungkin bukan keadaan sebenar tahap rasuah di negara terbabit.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memaklumkan sejak tahun 2008 hingga Oktober 2016, bilangan aduan rasuah yang telah diselesaikan ialah 39 aduan terhadap pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang berkaitan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009. Daripada 39 aduan yang disiasat, hanya 12 kes yang telah dituduh di mahkamah.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah penambahbaikan perkhidmatan yang boleh dinikmati oleh rakyat Negeri Pulau Pinang sejak CAT dilaksanakan atau sekadar slogan yang ditampal di dinding pejabat Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Sejak Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengamalkan urus tadbir berteraskan prinsip Cekap, Akauntabel, Telus (CAT), kepelbagaian pencapaian yang tidak pernah tercapai berjaya diukir dan berjaya mencatat sejarahnya yang tersendiri. Antaranya, statistik ekonomi membuktikan bahawa dari tahun 2007-2015:
- (i) Pulau Pinang mencatat bajet lebihan dengan jumlah lebihan sebanyak RM574 juta bagi tempoh 8 tahun dari 2008-2015, lebih daripada jumlah lebihan di bawah BN sepanjang 50 tahun pentadbiran dari 1957-2007, iaitu RM373 juta. Dalam erti kata lain, Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini mengambil masa hanya 8 tahun untuk mengatasi prestasi BN selama 50 tahun;
 - (ii) Aset Pulau Pinang hampir digandakan dalam tempoh 8 tahun dari RM850 juta kepada RM1.6 bilion, sekali lagi mencatat prestasi hebat dalam 8 tahun berbanding BN selama 50 tahun;

- (iii) Jika tempoh 8 tahun 2008-2015 dibandingkan dengan 2000-2007, pelaburan pembuatan di Pulau Pinang telah meningkat 87% kepada RM54.9 bilion berbanding RM24.9 bilion, dengan kenaikan bilangan peluang pekerjaan sebanyak 20% kepada 128,317 berbanding 106,583. Kadar pengangguran pula hanya 1.6% dan kini terdapat kekurangan pekerja seramai 20,000;
 - (iv) Produktiviti penternakan ikan di laut juga meningkat secara mendadak, daripada hanya 2,714.60 tan metrik pada tahun 2007 kepada 28,964.95 tan metrik pada tahun 2015, iaitu peningkatan 10 kali ganda;
 - (v) Pekala Gini (*Gini coefficient*) bagi mengukur tahap kesenangan pendapatan telah berkurang daripada 0.419 pada tahun 2009 kepada 0.364 pada tahun 2014, iaitu satu penambahbaikan sebanyak 13% dalam tempoh masa 5 tahun, berbanding dengan purata kebangsaan 0.401. Sebagai bandingan, Perak mempunyai pekala Gini yang lebih rendah iaitu 0.419 pada tahun 2009, tetapi masih mencatat angka yang lebih tinggi berbanding Pulau Pinang, iaitu 0.366 pada tahun 2014;
 - (vi) Hutang Negeri Pulau Pinang telah menurun 90% sejak tahun 2008 dan berada pada tahap paling rendah dalam negara, iaitu RM69 juta pada akhir 2015. Hutang RM69 juta ini sangat kecil berbanding jumlah hutang kesemua 13 negeri yang mencecah RM16.8 bilion, dengan hutang Pahang sebanyak RM2.9 bilion, diikuti oleh Sabah RM2.6 bilion, Sarawak RM2.5 bilion, Kedah RM2.3 bilion dan Kelantan RM1.3 bilion;
 - (vii) Pada tahun 2007, Pulau Pinang mempunyai kadar pertumbuhan KDNK per kapita yang paling tercorot. Pada tahun 2015, selepas 8 tahun, Pulau Pinang akhirnya berjaya merubah keadaan dan menjadi juara kebangsaan dengan kadar pertumbuhan KDNK per kapita yang paling tinggi.
- (b) Prestasi ekonomi Pulau Pinang yang hebat ini boleh dilihat melalui transformasi negeri yang dahulunya diiktiraf sebagai negeri yang paling kotor di Malaysia kepada antara negeri paling bersih yang juga hijau, selamat dan sihat.
 - (c) Jalan baru telah dibina di Seberang Perai dan buat kali pertama dalam 20 tahun, dalam kawasan tengah bandar Pulau Pinang iaitu Jalan Ahmad Nor, serta Jalan Raja Uda di Butterworth dan Jalan Song Ban Keng di Bukit Mertajam.
 - (d) Sebagai tambahan, kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini bukan sekadar statistik, tetapi adalah perkara zahir yang boleh dilihat dalam tempoh 8 tahun, seperti projek rumah terbiar yang kini dihidupkan kembali, tapak pelancongan yang kini dicergaskan kembali seperti bangunan KOMTAR, Bukit Bendera, George Town, Penang International Sports Arena (PISA) serta penubuhan dewan baru di Seberang Jaya (Seberang Perai Arena).
 - (e) Lebih penting lagi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga melabur dalam pendidikan bagi membina modal insan. Selain daripada geran langsung sebanyak RM12.5 juta setahun kepada sekolah-sekolah vernakular dan agama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menumpukan kepada pembelajaran STEM, iaitu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik. Untuk menjadi pusat kecemerlangan bagi sains dan teknologi, kita telah menubuhkan:
 - (i) *Penang Science Cafe* yang bernilai sebanyak RM20 juta untuk memberi kelas percuma kepada kanak-kanak dalam bidang sains amali dan robotik;
 - (ii) *Tech-Dome* Pulau Pinang yang bernilai RM28 juta bagi menghidupkan kembali minat dalam sains dan teknologi;
 - (iii) Skim Latihan Dwi-Vokasional Jerman sebanyak RM6 juta yang menawarkan kursus *advanced* diploma selama 42 bulan yang diiktiraf oleh Jerman, di mana pelajar dapat belajar sambil bekerja di kilang-kilang.

- (iv) Pusat Pembelajaran Karpal Singh yang bernilai RM6 juta bagi pengajaran STEM dan *coding*; dan
- (v) Perpustakaan Digital Pulau Pinang yang bernilai RM3 juta – perpustakaan digital pertama di Malaysia.

Dalam pada itu, 1.6 juta rakyat Pulau Pinang juga telah mendapat manfaat melalui bantuan kewangan RM400 juta yang diagihkan sejak tahun 2008, seperti bayaran RM100 kepada warga emas, ibu tunggal, suri rumah, OKU dan murid sekolah serta bayaran *one-off* RM1,000 sebagai khairiat kematian, RM200 untuk anak baru lahir, pukut percuma kepada nelayan, RM1,000 kepada pelajar IPTA tahun pertama, bayaran tahunan RM600 kepada pemandu teksi dan bas sekolah, dan RM1,200 setahun kepada penarik beca.

Bayaran cukai GST untuk perkhidmatan kerajaan tempatan juga dibayar penuh oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), berserta pengecualian penuh cukai pintu bagi rumah kos rendah, sederhana rendah dan rumah kampung.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 16. Berkaitan pembangunan rumah kos rendah oleh pemaju, terdapat beberapa insiden di mana pemaju dikehendaki menyerahkan sejumlah unit rumah kos rendah kepada Kerajaan Negeri secara percuma. Oleh itu, mohon nyatakan adakah syarat ini merupakan satu polisi baru Kerajaan Negeri dan bagaimanakah pembahagian rumah ini dibuat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 16. Kerajaan Negeri tidak membuat sebarang ketetapan dasar untuk pemaju menyerahkan sejumlah unit rumah kos rendah kepada Kerajaan Negeri secara percuma bagi kelulusan permohonan Kebenaran Merancang. Semakan ke atas rekod kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri mendapati syarat tersebut hanya dikenakan secara berasingan ke atas satu permohonan sahaja.

Permohonan Kebenaran Merancang untuk Meroboh Bangunan-bangunan Sedia Ada (11 Unit) dan Cadangan Membina 1 Blok Hotel 13 Tingkat (160 Bilik), 1 Blok Pangsapuri Mewah 39 Tingkat (80 Unit), 1 Blok Pangsapuri Mewah 37 Tingkat (65 Unit), 1 Blok Pangsapuri Mewah 30 Tingkat (68 Unit), Dan 1 Blok Pangsapuri Kos Rendah 10 Tingkat (100 Unit), di atas Lot P.T 105 (Lot Lama 15), Mukim 2, Daerah Barat Daya, Jalan Telok Bahang, Pulau Pinang telah dikemukakan oleh Tetuan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) pada asalnya telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 7 Jun 2011. Walau bagaimanapun, pemohon telah mengemukakan perlanjutan pertama dari 6 Jun 2012 hingga 7 Jun 2013 setelah projek tidak dapat dimulakan dalam tempoh sah laku kelulusan awal tersebut. Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 6/2012 pada 25 Julai 2012 telah mengambil ketetapan untuk menolak permohonan perlanjutan ini namun boleh dipertimbangkan untuk kelulusan dengan syarat cadangan pemajuan adalah untuk perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah dengan harga tidak melebihi RM 72,500 seunit.

Selanjutnya pemohon melalui surat bertarikh 4 Februari 2013 telah memohon pertimbangan bagi mengekalkan cadangan asal dengan mengambilkira alasan-alasan berikut:-

- (i) densiti maksima adalah 15 unit/ekar sahaja;
- (ii) pemaju menyediakan rumah kos rendah melebihi 30% daripada yang diperlukan;
- (iii) cadangan pemajuan hotel yang dicadangkan adalah bertujuan memberi galakan penyertaan bumiputera di dalam sektor pelancongan; dan
- (iv) cadangan pemajuan adalah selaras dengan syarat nyata seperti di dalam geran iaitu "tanah ini hendaklah digunakan untuk tujuan komersial, hotel, kediaman dan rumah kelab sahaja (mengikut Pelan tatasusunan yang hendak diluluskan oleh Majlis)"

Berdasarkan maklum balas MBPP, Tetuan Gayarena Sdn. Bhd. melalui surat bertarikh 14 Oktober 2013 telah menjelaskan bahawa syarikat tersebut bekerjasama dengan PERDA untuk projek pembangunan ini dan bersetuju untuk menyumbang 50 buah unit rumah kos rendah kepada pihak Kerajaan Negeri daripada 100 buah unit rumah kos rendah yang akan dibina.

Memandangkan terdapat 11 unit setinggan sedia ada di atas tapak dan bilangan asal unit rumah kos rendah yang dicadangkan oleh pihak PERDA adalah sebanyak 64 unit, Jawatankuasa Perancang Negeri telah bersetuju untuk memperakukan permohonan kebenaran merancang ini dengan syarat pihak PERDA perlu menyediakan 100 unit rumah kos rendah dimana 60 unit rumah kos rendah hendaklah diserahkan secara percuma kepada Kerajaan Negeri. Manakala baki 40 unit rumah kos rendah lagi hendaklah dijual mengikut senarai nama pembeli yang akan dibekalkan oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Baru-baru ini terdapat isu berkaitan rumah kos rendah ditawarkan kepada pihak yang tidak sepatutnya. Oleh itu apakah tindakan segera oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan perkara ini tidak berulang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan Negeri Pulau Pinang senantiasa memastikan bahawasanya cuma mereka yang betul-betul layak akan ditawarkan Rumah Mampu Milik 'A' (Kos Rendah) dan 'B' (Kos Sederhana Rendah). Berkenaan ini, pada Ogos 2013, Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (JPPPPP / *Selection Process Enhancement Committee-SPEC*) telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Y.B. Pengerusi Jawatankuasa MMK Perumahan dan dianggotai oleh 9 wakil rakyat iaitu YB Tuan Phee Boon Poh, YB Dato' Abdul Malik bin Abul Kassim, YB Dr. Afif bin Bahardin, YB Tuan Ong Chin Wen, YB Tuan Jeff Ooi Chuan Aun, YB Tuan Ng Wei Aik, YB Tuan Sim Tze Tzin dan YB Tuan Teh Lai Heng. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menapis setiap permohonan yang dibuat untuk memastikan mereka yang benar layak sahaja ditawarkan perumahan mampu milik.

Selain daripada itu, untuk menambah baik prosedur permohonan, JPPPPP juga telah memperkenalkan beberapa kaedah yang baru dan berkuatkuasa Ogos 2016, Kerajaan Negeri telah menetapkan syarat supaya permohonan melalui Borang PN1 disertakan dengan Akuan Berkanun (Statutory Declaration) sebagai akujanji bahawa pemohon tidak mempunyai rumah lain dan akan menduduki unit RMM yang ditawarkan kepada mereka. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas pemohon sekiranya terdapat bukti yang jelas menunjukkan pemohon tidak mematuhi akujanji yang ditandatangani.

Selain itu, pemohon perlu mengemukakan salinan laporan *Central Credit Reference Information System* (CCRIS) yang mana akan turut menyenaraikan lain-lain pembiayaan hartanah yang sedang ditanggung oleh pemohon sekiranya ada. Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Bank Negara Malaysia telah menyediakan perkhidmatan semakan CCRIS semasa sesi pengundian unit-unit kediaman yang ditawarkan di bawah Skim Sewa-Beli Taman Seruling Emas dan Taman Sungai Duri Permai pada 10 dan 11 Ogos 2016 dan terkini pada 11 Oktober 2016. Secara tidak langsung, perkhidmatan ini turut membantu pemohon membuat semakan keupayaan kewangan masing-masing untuk menampung bayaran sewa yang akan dikenakan sebelum proses menandatangani perjanjian diteruskan.

Selain daripada kedua-dua langkah penambahbaikan ini, penguatkuasaan syarat-syarat lain bagi mengemukakan permohonan adalah seperti berikut:-

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh permohonan;
- (iii) Anak kelahiran Pulau Pinang ATAU bermastautin di Pulau Pinang;
- (iv) Pengundi berdaftar di Pulau Pinang;

- (v) Bekerja di Pulau Pinang;
- (vi) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM2,500 untuk RMM 'A' harga maksimum RM42,000;
- (vii) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM3,500 untuk RMM 'B' harga maksimum RM72,500;
- (viii) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM6,000 untuk RMM 'C1' harga maksimum RM150,000;
- (ix) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM8,000 untuk RMM 'C2' harga maksimum RM200,000;
- (x) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM10,000 untuk RMM 'C3' harga maksimum RM300,000.

Memandangkan syarat utama penawaran Rumah Mampu Milik adalah kepada pembeli rumah pertama, Kerajaan Negeri juga telah memperkukuhkan jaringan perkongsian maklumat antara sistem permohonan rumah dengan pangkalan data yang digunakan oleh pentadbir-pentadbir tanah untuk mengenal pasti sekiranya pemohon memiliki rumah atau hartanah lain.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tahu bahawa terdapat 10 buah premis perjudian yang mengendalikan mesin simulator dan beroperasi di dalam DUN Permatang Berangan?
- (a) Benarkah MPSP yang mengeluarkan lesen tersebut?
 - (b) Apakah langkah proaktif untuk mengelak gejala sosial akibat ketagihan permainan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Hasil pemantauan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) didapati hanya empat (4) premis menjalankan aktiviti mesin simulator tanpa kebenaran di dalam kawasan KADUN Permatang Berangan. Premis-premis tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Batman Video Game Centre, Gelugor Indah;
 - (ii) BC Sdn Bhd, Pokok Machang
 - (iii) Batman Video Game Centre, Pokok Sena
 - (iv) Batman Video Game Centre, Taman Saga
- (a) Keempat-empat premis tersebut pada masa kini, telah diambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan notis kompaun oleh MPSP.
- (b) Tindakan proaktif yang telah di ambil oleh MPSP untuk mengelak gejala sosial ini ialah dengan mengemaskini syarat-syarat pengeluaran lesen hiburan terutamanya berkaitan dengan mesin simulator. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:
- (i) Membekukan permohonan baru bagi kategori hiburan jenis simulator bagi mengurangkan pertambahan premis-premis hiburan berbentuk simulator.
 - (ii) Tidak membenarkan mana-mana individu berumur 18 tahun ke bawah memasuki premis hiburan simulator ini.
 - (iii) Penggunaan cermin gelap pada premis simulator tidak dibenarkan bagi memudahkan proses pemantauan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kelewatan ini menyebabkan pemaju gagal mendapatkan kelulusan pelan kebenaran merancang dan pelan bangunan. Apakah ini dasar CAT?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Pelan permohonan Kebenaran Merancang yang dikemukakan kepada Pusat Setempat MBPP (OSC) akan diproses mengikut prosedur *standard* dan pemprosesan pelan adalah dalam tempoh 108 hari seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Manakala proses Pelan Bangunan adalah mengikut tempoh dan prosedur yang ditetapkan iaitu dalam 37 hari daripada tarikh permohonan diterima.

Kelewatan pihak pemaju untuk mendapatkan kelulusan pelan Kebenaran Merancang boleh disebabkan oleh perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Permohonan pemaju perlu dirujuk dahulu kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri untuk keputusan perancangan asas.
- (ii) Permohonan pemaju terlibat dengan kes mahkamah yang perlu diselesaikan dahulu.
- (iii) Pemaju tidak mengikut syarat-syarat teknikal yang ditetapkan.
- (iv) Pemaju gagal mengembalikan pelan tunai syarat dalam tempoh yang ditetapkan.
- (v) Permohonan pemaju perlu melalui proses pemberian notis kepada pemilik-pemilik lot berjiran mengikut peruntukan di bawah Seksyen 21(6) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dan proses pendengaran bantahan yang melibatkan bantahan-bantahan yang dikemukakan oleh pemilik-pemilik lot berjiran.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Dewan JKKK, dewan banjir dan dewan orang ramai yang dulunya dibina oleh Kerajaan Persekutuan di tanah kerajaan diambil alih oleh Kerajaan Negeri tanpa sebarang penyelenggaraan dan terbiar usang. Bekalan elektrik dan air dipotong. Apakah langkah susulan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memandang serius keperluan penyelenggaraan semua dewan orang ramai, dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan dewan banjir. Semua dewan-dewan tersebut adalah terletak dibawah tanggungjawab JKKK kawasan yang berkenaan sebagai wakil dalam menyelia dan mengurus premis tersebut. Bagi dewan yang telah diserahkan kepada pihak JKKK, penyelenggaraan adalah dibawah pihak berkenaan kecuali yang melibatkan kos tinggi.

Sekiranya terdapat keperluan untuk penyelenggaraan bagi premis-premis tersebut, pihak JKKK perlu memaklumkan kepada pejabat daerah berkenaan bagi tindakan siasatan dan penyediaan anggaran kos. Permohonan peruntukan akan dikemukakan kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dan sekiranya diluluskan proses pembaikan akan dilaksanakan pada tahun yang sama.

Sekiranya tiada peruntukan, pembaikan akan ditangguh ke tahun yang akan datang. Ia adalah tertakluk juga sekiranya premis berkenaan yang ada masih lagi sesuai untuk dibaiki dengan melihat status kerosakan.

Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri bagi memastikan premis tersebut sentiasa bersedia untuk digunakan ketika bencana banjir.

Sehingga kini, tiada sebarang isu berbangkit yang dilaporkan berhubung dewan JKKK dan dewan orang ramai yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan dan telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri, yang dibiarkan usang. Semua dewan yang diuruskan masih berkeadaan baik, digunakan secara

aktif dan penyelenggaraan dilakukan secara berkala yang tidak melibatkan potongan bekalan elektrik mahupun bekalan air.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah konsep CAT ini hanya digunapakai di dalam amalan-amalan tertentu sahaja contohnya hanya untuk kontraktor-kontraktor kecil dan projek-projek kelas F sahaja seperti yang berlaku di pejabat-pejabat daerah iaitu undian secara telus sedangkan bagi projek-projek mega CAT ini tidak diaplikasikan contohnya penambakan laut, pemberian tanah Kerajaan Negeri dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Adalah tidak benar sekali sistem tender terbuka tidak terpakai ke atas projek yang bernilai besar termasuk Request For Proposal (RFP), tender terbuka memang menjadi amalan pentadbiran ini.

Konsep CAT adalah berteraskan cekap, akauntabiliti dan telus yang diamalkan dan digunapakai dalam semua amalan pentadbiran Kerajaan Negeri. Ini kerana kesemua proses perolehan dibuat dengan telus dan mengikut ketetapan proses perolehan seperti tender terbuka. Melalui proses ini, Lembaga Perolehan bertanggungjawab untuk meneliti dan menilai tawaran yang dikemukakan secara telus bagi menjamin tender di tawar kepada kontraktor/pembekal yang benar-benar layak serta mampu menyempurnakan tawaran berkenaan.

Melalui proses ini, semua petender mendapat peluang yang sama rata bagi menyertai sesuatu tawaran tender mengikut kelayakan masing-masing. Kesemua petender dinilai secara adil dan telus bagi menentukan kelayakan masing-masing oleh jawatankuasa penilaian serta berdasarkan dokumen-dokumen yang dikemukakan. Beberapa peringkat tapisan akan dibuat bagi memilih petender yang paling layak di antara semua petender dan akhirnya akan dibawa ke Lembaga Perolehan bagi mendapatkan persetujuan Lembaga Perolehan memilih kontraktor yang berjaya.

Perolehan secara tender terbuka mengikut kaedah RFP juga bertujuan bagi mencari penyelesaian yang paling tepat mengikut keperluan sesuatu projek terutamanya projek utama atau mega. Semasa melaksanakan RFP, Kerajaan Negeri telah jelas tentang matlamat, visi dan fungsi projek yang hendak dilaksanakan dan pihak syarikat diminta menyediakan cadangan tawarannya. Kesemua cadangan-cadangan melalui RFP akan dinilai oleh satu jawatankuasa penilaian yang mahir tentang projek berkenaan untuk memperakukan bagi pertimbangan Lembaga Perolehan. Melalui panggilan RFP ianya akan membolehkan kerajaan melantik syarikat yang mengemukakan cadangan RFP yang terbaik dari segi rekabentuk, idea serta kos.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Mohon penjelasan berkaitan penarikan diri atau penamatan Zenith samada penamatan oleh Kerajaan Negeri atau penarikan diri secara sukarela. Jika kedua-dua ini berlaku, apakah terdapat ganti rugi yang dijanjikan kepada syarikat terbabit?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Syarikat yang menarik diri daripada Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut di Pulau Pinang adalah Syarikat BUCG (M) Sdn. Bhd. ("BUCG"), dan bukannya Konsortium Zenith BUCG Sdn. Bhd.. Penarikan diri dibuat secara sukarela. Susulan penarikan diri BUCG daripada projek ini dan penarikan diri sebagai pemegang saham syarikat Konsortium Zenith BUCG Sdn. Bhd., pihak Konsortium telah mengemukakan permohonan penukaran nama syarikat kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), bagi mengeluarkan BUCG daripada nama Konsortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. Tiada sebarang ganti rugi dijanjikan kepada syarikat terbabit.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Mohon Kerajaan Negeri kemukakan data yang terperinci berkenaan pampasan yang dibayar kepada setiap perobohan rumah setinggan serta rumah kampung sejak 2008 hingga kini mengikut daerah dan mukim.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Secara dasarnya setinggan yang menduduki Tanah Kerajaan secara tidak sah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) dan tindakan boleh diambil terhadap mereka di bawah Akta yang sama. Tindakan penguatkuasaan diambil secara berterusan bagi mengawal aktiviti pencerobohan dan pendudukan secara tidak sah.

Selaku Kerajaan Negeri yang prihatin, pada tahun 2014 Kerajaan Negeri telah meluluskan Garis Panduan Bayaran Pampasan/Wang Ehsan Kepada Penduduk/Setinggan Yang Terlibat Dengan Projek Kerajaan bagi penentuan bayaran ex-gratia bagi setinggan yang terlibat dengan projek kerajaan. Jumlah pampasan yang diberikan adalah berbeza tertakluk kepada antara lain mengambil kira saiz atau keluasan rumah dan jenis rumah samada rumah setinggan atau persendirian dan lain-lain.

Perincian jumlah pampasan yang telah dibayar oleh Kerajaan Negeri mengikut daerah sejak tahun 2008 sehingga kini adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	JUMLAH (RM)
1.	Timur Laut	2,767,389.99
2.	Barat Daya	-
3.	Seberang Perai Utara	1,279,000.00
4.	Seberang Perai Selatan	640,611.00
5.	Seberang Perai Tengah	-
JUMLAH KESELURUHAN		4,687,000.99

Bagi projek yang dilaksanakan oleh pihak swasta di atas tanah persendirian pembayaran pampasan adalah terpulang kepada syarikat berkenaan untuk memberikan pampasan dan penduduk boleh merujuk kepada mahkamah jika tidak berpuas hati dengan pampasan yang diterima. Kerajaan Negeri tiada hak untuk campur tangan melainkan ketika permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan, Kerajaan Negeri akan mensyaratkan supaya isu setinggan di selesaikan terlebih dahulu.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Mohon Kerajaan Negeri untuk kemukakan data berkenaan jumlah kelulusan pembangunan rumah (semua jenis) yang berharga RM 200 ribu dan ke bawah yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pihak swasta mengikut tahun sejak 2008 sehingga kini dan di mana?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Memandangkan harga rumah tidak dinyatakan semasa permohonan Kebenaran Merancang, Kerajaan Negeri tiada sebarang kajian atau maklumat berkenaan jumlah kelulusan pembangunan rumah yang berharga RM200,000.00 ke bawah.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga Oktober 2016 telah meluluskan sejumlah 110 projek pemajuan melibatkan cadangan penyediaan sebanyak 16,401 unit rumah kos rendah pada harga maksima RM42,000.00 dan 12,820 unit rumah kos sederhana rendah pada harga maksima RM72,500.00. Senarai permohonan Kebenaran Merancang daripada kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di Lampiran.

Selain dari itu, terdapat juga sejumlah 12 projek yang diluluskan melibatkan penyediaan 1,220 Rumah Mampu Milik (RMM) C2, 375 Unit Kawalan Harga (UKH) dan 50 unit *Small Office Home Office* (SOHO) bernilai RM200,000 ke bawah serta telah diluluskan harga jualan.

RUJUK LAMPIRAN BDOAH NO. 24 (ID516)

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Mohon senaraikan secara terperinci jumlah anak syarikat di bawah Penang Development Corporation (PDC) yang ditubuhkan dan ditutup setiap tahun sejak 2008 hingga kini dan nyatakan sebab-sebabnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Sehingga tahun 2016, sejumlah 6 anak syarikat PDC telah ditubuhkan dan hanya 4 anak syarikat PDC telah dibubarkan. Senarai terperinci jumlah anak syarikat di bawah PDC dan sebab-sebab penubuhan dan pembubaran sejak 2008 hingga 2016 adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDOAH NO.25 (ID518)

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Mohon Kerajaan Negeri kemukakan perbelanjaan dan pendapatan PDC setiap tahun sejak 2006 hingga 2016.
- (a). Perbelanjaan itu untuk apa?
- (b) Pendapatan itu dari sumber mana?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kedudukan kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi tahun 2006 sehingga tahun 2015 berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit adalah seperti di Lampiran A. Pendapatan keseluruhan dari tahun 2006-2015 adalah berjumlah RM3,441.16 Juta, manakala perbelanjaan adalah berjumlah RM2,911.1 Juta. Maklumat bagi penyata kewangan tahun 2016 hanya dapat dibekalkan apabila tahun kewangan telah berakhir dan penyata kewangan di audit.
- (a) Perbelanjaan PDC dari tahun 2006 hingga 2015, terdapat sebahagian besarnya adalah dari untuk membiayai kos berkaitan jualan tanah, perbelanjaan pentadbiran, kos berkaitan jualan hartanah, serta pengurusan pelaburan hartanah. Perbelanjaan lain meliputi kos peruntukan rosot nilai pelaburan, lain-lain kos kendalian, sumbangan kepada Kerajaan Negeri, perbelanjaan kewangan dan perbelanjaan pelbagai. Perincian perbelanjaan adalah seperti di Lampiran B.
- (b) Penyumbang terbesar dalam pendapatan PDC dari tahun 2006 sehingga 2015 adalah dari penjualan tanah. Pendapatan lain adalah daripada penjualan rumah, sewa, dividen, bayaran perkhidmatan, untung atas jualan pelaburan, faedah diterima dan pemuliharaan peruntukan rosot nilai pelaburan. Selain itu, geran kerajaan, peruntukan hutang lapuk dipulihkan dan pelbagai pendapatan lain juga merupakan sumber pendapatan PDC. Perincian pendapatan adalah seperti di Lampiran C.

RUJUK LAMPIRAN A, B DAN C BDOAH NO. 26 (ID512)

IX. Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Mohon Kerajaan Negeri kemukakan statistik rumah-rumah setinggan serta rumah-rumah kampung yang diroboh oleh pihak Kerajaan Tempatan sejak 2008 sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Operasi penguatkuasaan/perobohan telah dijalankan oleh Pejabat Daerah dan Tanah dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan di mana sejumlah 24 rumah-rumah setinggan telah

dirobohkan di seluruh Pulau Pinang sejak 2008 sehingga kini. Tiada rumah kampung yang dirobohkan setakat ini melainkan jika tanah tersebut diambil balik oleh Kerajaan Negeri. Perincian mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	BILANGAN TERLIBAT
1.	Timur Laut	5
2.	Barat Daya	1
3.	Seberang Perai Utara	7
4.	Seberang Perai Selatan	5
5.	Seberang Perai Tengah	6
JUMLAH KESELURUHAN		24

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- Mohon Kerajaan Negeri untuk kemukakan data berkenaan jumlah kelulusan pembangunan rumah (semua jenis) yang berharga RM200 ribu dan ke atas yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pihak swasta mengikut tahun sejak 2008 sehingga kini dan juga namakan nama-nama pihak pemaju swasta tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- Memandangkan harga rumah tidak dinyatakan semasa permohonan Kebenaran Merancang, Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkenaan jumlah kelulusan pembangunan rumah yang berharga RM200,000.00 ke atas.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sejak Mac 2008 telah meluluskan sejumlah 160 permohonan Kebenaran Merancang untuk melaksanakan projek perumahan melibatkan perancangan penyediaan sejumlah 21,005 unit pangsapuri mewah termasuk kondominium dan 32,825 unit pangsapuri kos sederhana. Sejumlah besar cadangan pemajuan tertumpu di Daerah Timur Laut iaitu sebanyak 57 permohonan, diikuti 36 permohonan di Daerah Barat Daya, 47 permohonan di Seberang Perai Tengah, 19 permohonan di Seberang Perai Utara dan hanya satu (1) permohonan di Seberang Perai Selatan.

Senarai lengkap projek, bilangan unit, lokasi, tarikh kelulusan dan nama pemaju yang mengemukakan permohonan adalah seperti di Lampiran.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- Mohon Kerajaan Negeri kemukakan jumlah hartanah (semua jenis) yang dibina (oleh swasta dan kerajaan) dan jumlah hartanah (semua jenis) yang dijual sejak 2008 sehingga kini mengikut kategori hartanah, daerah, harga dan tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- Berdasarkan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan sejak 2008, jumlah hartanah (semua jenis) yang dibina dan dijual oleh swasta adalah sebanyak 49,453. Manakala, jumlah hartanah (semua jenis) yang dibina oleh kerajaan adalah sebanyak 1,277. Perincian jumlah hartanah (semua jenis) yang dibina dan dijual sejak 2008 sehingga kini mengikut kategori hartanah, daerah, harga dan tahun adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDJH NO. 3 (ID104)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Mohon Kerajaan Negeri maklumkan berapa pejabat Penang Institute yang ditubuhkan dan beroperasi di luar Pulau Pinang dan juga kos perbelanjaan setiap tahun sejak penubuhan sehingga kini dan jelaskan rasional dan sebab penubuhan pejabat Penang Institute di luar Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Hanya sebuah pejabat, Penang Institute yang ditubuh dan beroperasi di luar Pulau Pinang iaitu bertempat di Kuala Lumpur. Pejabat ini ditubuhkan sejak tahun 2014 dengan segala perbelanjaan menggunakan dana sedia ada Penang Institute serta tidak melibatkan kos tambahan kepada Kerajaan Negeri. Jumlah perbelanjaan dari tahun 2014 hingga Oktober 2016 adalah sebanyak RM649,447.00, masing-masing RM117,658.00 bagi tahun 2014, RM306,844.00 bagi tahun 2015 dan RM224,945.00 bagi tahun 2016 (sehingga Oktober).

Pejabat Penang Institute di Kuala Lumpur ditubuhkan dengan tujuan untuk memberi tumpuan kepada penyelidikan di peringkat kebangsaan. Pejabat di Kuala Lumpur amat penting agar Penang Institute dapat terlibat dalam pembentangan dan perkembangan dasar negara oleh kerajaan pusat yang akan memberi impak secara langsung kepada negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Mohon Kerajaan Negeri untuk memperjelaskan jumlah pampasan atau penalti yang dibayar oleh pemaju sebagai ganti kepada Kerajaan Negeri untuk pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah mengikut daerah dan tahun sejak 2008 sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Polisi Pembelian Kuota dan Bayaran Sumbangan Rumah Mampu Milik 'A' dan 'B' (dahulunya kos rendah dan kos sederhana rendah) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri sejak Januari 2012 bertujuan memberikan fleksibiliti untuk pemaju yang benar-benar mempunyai kekangan dari segi saiz tanah, tiada *land bank* atau dalam keadaan khas di mana pembinaan Rumah Mampu Milik 'A' (kos rendah) dikenal pasti tidak boleh dilaksanakan.

Setiap permohonan pengecualian untuk membina Rumah Mampu Milik 'A' dan 'B' akan ditentukan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) di mana kuantum sumbangan yang akan dikenakan adalah seperti berikut:-

- (a) RM120,000 / unit dikenakan kepada pemaju tempatan dan RM150,000 / unit dikenakan kepada pemaju luar Pulau Pinang bagi pemajuan di Bahagian Pulau;
- (b) RM72,500 / unit dikenakan bagi pemajuan di Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah (kadar sama untuk pemaju tempatan dan luar); dan
- (c) RM50,000 / unit dikenakan ke atas 350 unit pertama dan RM72,500 / unit dikenakan ke atas unit-unit seterusnya bagi pemajuan di Seberang Perai Selatan (kadar sama untuk pemaju tempatan dan luar).

Jumlah bayaran sumbangan yang diterima oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2012 sehingga Oktober 2016 adalah sebanyak RM124,378,500.00 melibatkan 17 buah projek di Bahagian Pulau dan tiga (3) projek di Bahagian Seberang Perai. Perincian jumlah bayaran sumbangan yang diterima mengikut daerah dan tahun adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDJH NO. 5 (ID 106)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Mohon Kerajaan Negeri memperjelaskan skop dan tujuan Akta Kawalan Sewa yang ingin diperkenalkan hanya melibatkan kawalan sewa rumah-rumah di zon warisan atau semua jenis rumah di Pulau Pinang serta apakah perbezaan Akta tersebut dengan Akta yang terdahulu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperkenalkan semula Enakmen Penyelarasan Sewa Pulau Pinang (EPSPP) yang bertujuan untuk memelihara dan memulihara warisan-warisan tidak ketara yang terdapat di dalam Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT). Ketika ini, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan kajian kemungkinan berhubung cadangan tersebut untuk membolehkan Kerajaan Negeri mengumpul maklumat terkini, termasuk taburan pemilikan hartanah warisan pra-perang mengikut warganegara. Hasil kajian ini dijangka akan dapat membantu Kerajaan Negeri menganalisis keadaan terkini pembelian hartanah di tapak warisan dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang paling berkesan dan bersesuaian untuk memelihara warisan yang ada.

Perbezaan utama enakmen yang dicadangkan ini dengan akta yang telah dimansuhkan adalah dari segi tujuannya. Enakmen baru bertujuan untuk menyelaraskan kadar kenaikan sewa sedangkan enakmen lama menekankan kadar sewa. Selain itu, skop EPSPP hanya merangkumi bangunan dan rumah-rumah kedai yang mempunyai taraf warisan di dalam Zon Teras dan Zon Penampun TWDGT.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Terdapat dua buah bangunan kekal berkembar yang sedang dibina di Pantai Bersih, Bagan Ajam.
 - (a) Adakah pembinaan tersebut telah mendapat kelulusan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan tapak itu dapat kelulusan dari Pejabat Tanah/Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7.
 - (a) Tapak dua (2) buah bangunan kekal berkembar yang sedang dibina di Pantai Bersih, Bagan Ajam adalah tapak yang diberi kebenaran khas sementara selama sembilan (9) bulan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada tahun 2001 kepada 89 nelayan yang terlibat dalam penempatan semula kesan daripada projek *Butterworth Outer Ring Road* (BORR). Persetujuan perjanjian telah dibuat di antara Kerajaan Negeri dengan pihak nelayan terlibat ketika itu, dimana kebenaran khas sementara tapak tersebut diberikan sehingga pembinaan jeti dan bangsal nelayan kekal siap dibina di Kuala Bekah. Walau bagaimanapun, jeti kekal tersebut masih belum dibina dan nelayan-nelayan masih menetap di tapak kebenaran khas sementara sehingga kini.
 - (b) Di samping itu, struktur binaan itu tidak mendapat kelulusan/kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melalui Pelan Kebenaran Merancang atau Pelan Bangunan. Oleh itu, MPSP telah mengeluarkan Notis Binaan Tanpa Kebenaran, Berhenti Kerja dan Notis Meruntuh Bangunan pada bangunan tersebut.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8.
 - (a) Kenapakah PDC Properties Sdn Bhd telah ditutup?
 - (b) Badan manakah yang mengambil alih tugas pembangunan kawasan-kawasan industri, perumahan dan lain-lain pembangunan hartanah untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Penutupan PDC Properties Sdn Bhd adalah lanjutan dari perubahan struktur organisasi dan skop kerja yang melibatkan Bahagian Teknikal PDC dan dua anak syarikat PDC iaitu PDC Properties Sdn Bhd dan PDC Consultancy Sdn Bhd. Ketiga-tiga entiti tersebut terlibat di dalam pelaksanaan dan pemantauan projek-projek fizikal PDC seperti projek infrastruktur, kerja tanah dan pembinaan bangunan-bangunan perumahan, bangunan industri mahupun bangunan komersial. Penstrukturan semula ini bertujuan untuk mengurangkan pertindihan skop kerja di antara Bahagian Teknikal PDC dan kedua-dua anak syarikat tersebut dalam usaha PDC untuk meningkatkan mutu dan penyampaian hasil kerja PDC.

Susulan dari penstrukturan tersebut, enam (6) Seksyen teknikal yang baru telah ditubuhkan di bawah PDC berdasarkan skop kerja teknikal tertentu iaitu Seksyen Pengurusan Projek Bangunan dan Projek Strategik, Seksyen Pengurusan Projek Infrastruktur, Seksyen Pengurusan Projek Perumahan Mampu Milik, Seksyen Rekabentuk dan Pembangunan, Seksyen Ukur Bahan dan Seksyen Pengurusan Kualiti. Kakitangan dari Bahagian Teknikal PDC dan kedua-dua anak syarikat PDC tersebut telah ditempatkan semula di seksyen-seksyen yang baru ditubuh berdasarkan kepakaran dan pengalaman kakitangan yang terlibat.

- (b) Tugas bagi pembangunan kawasan-kawasan industri, perumahan dan lain-lain pembangunan hartanah di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih lagi di bawah tanggungjawab PDC dan diurus oleh Seksyen Pengurusan Bangunan dan Projek-projek Strategik dan Seksyen Pengurusan Rumah Mampu Milik yang baru ditubuhkan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memantau dan membanteras penerokaan tanah haram di kawasan bukit dan pembinaan bangunan di dalam kawasan rezab hutan?
- (b) Kenapakah setelah dibuat laporan masih tidak ada tindakan sewajarnya diambil oleh pihak bertanggungjawab.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Pemantauan secara berkala sentiasa dilakukan bagi membanteras penerokaan dan pencerobohan tanah haram di samping lawat periksa yang dilakukan secara bersepadu dengan Jabatan dan Agensi Teknikal yang berkaitan seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perhutanan Negeri (JPN), Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memantau dan membanteras penerokaan tanah haram di kawasan bukit dan pembinaan bangunan di dalam kawasan rizab hutan adalah seperti di LAMPIRAN A.
- (b) Tindakan sememangnya diambil selepas laporan dibuat. Antara tindakan yang dilakukan ialah melawat periksa dan siasatan ke atas tanah yang dimaksudkan secara bersepadu melibatkan Jabatan dan Agensi teknikal berkaitan. Siasatan melalui sesi temubual juga dilakukan bersama dengan pengusaha/ peneroka tanah-tanah berkenaan dan selanjutnya, notis di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 dikeluarkan kepada semua pengusaha dan peneroka tanah berkenaan oleh Pentadbir Tanah Daerah.

RUJUK LAMPIRAN A BDJH NO. 9 (ID 110)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kadar pencen untuk bekas ADUN Pulau Pinang belum berubah walaupun elaun-elaun wakil rakyat dan EXCO telah disemak dan dinaikkan sesuai dengan kadar inflasi. Perkara ini telah saya bangkitkan di sidang DUN lepas.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi sebarang pertimbangan tentang perkara ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Pencen kepada pesara bagi bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada ketika ini dibayar setengah (1/2) daripada gaji mengikut Enakmen Bil. 2 Tahun 1980 Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980.

Mengikut Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980/Pindaan 2015 Enakmen A18), pencen hendaklah dikira semula kepada maksimum sebanyak tiga perlima (3/5) daripada gaji mulai 1 Januari 2016. Di samping itu, setiap pesara juga menerima kenaikan gaji 2% setiap tahun. Ini bermakna perkiraan kenaikan 3/5 daripada gaji adalah berdasarkan RM6,000.00 sebulan iaitu kenaikan mulai 1.6.2013 dan bukannya RM11,250.00 sebulan iaitu kenaikan mulai 1.1.2016.

Bayaran pencen atas gaji semasa iaitu RM11,250.00 sebulan tidak dilaksanakan kerana Ahli Dewan Rakyat yang telah bersara juga dibayar bayaran pencen berdasarkan gaji lama.

Bayaran pencen berdasarkan perkiraan 3/5 sedang dikira dan dijangka selesai bayaran sebelum akhir tahun ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Bilakah Negeri Pulau Pinang akan membenteng enakmen membanteras/menyekat penyebaran ajaran untuk menyesatkan umat Islam di negeri ini seperti yg telah dilaksanakan di beberapa negeri lain?
- (b) Kalau tidak ada hasrat itu, kenapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mewujudkan dan membentangkan secara khusus enakmen berkaitan penyebaran ajaran yang menyesatkan orang Islam di Negeri Pulau Pinang . Kegiatan penyebaran ajaran yang menyesatkan orang Islam adalah merupakan suatu kesalahan jenayah syariah yang telah diperuntukan di bawah undang-undang sedia ada, iaitu Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) Tahun 1996 (di bawah Seksyen 3, 4, 5, 6, 12 dan 13). Pemakaian peruntukan sedia ada di bawah enakmen ini didapati memadai untuk menangani sebarang kegiatan jenayah yang berkaitan dengan penyebaran ajaran yang menyesatkan orang Islam.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Berapakah jumlah wang Tawakuf yang terkumpul oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) setakat ini?
- (b) Bagaimanakah wang tersebut dibelanjakan sejak 2013?
- (c) Adakah sebarang dasar digariskan tentang perkara itu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Sehingga kini Wang Tawakuf yang terkumpul adalah berjumlah RM38 juta. Wang tawakuf ini akan disalurkan semula ke tahun berikutnya untuk dibelanjakan mengikut asnaf.
- (b) Wang Tawakuf dibelanjakan bagi menampung keperluan semasa asnaf-asnaf zakat seperti yang telah diputuskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Jawatankuasa Fatwa mengikut hukum syarak yang telah ditetapkan. Perbelanjaan wang tawakuf setakat ini masing-masing berjumlah RM4,768,165.46 bagi tahun 2013; RM1,426,025.01 bagi tahun 2014; RM13,088,496.7 bagi tahun 2015; dan RM9,621,083.26 bagi tahun 2016 (sehingga 28 Oktober).
- (c) Dasar yang digariskan oleh MAINPP adalah sekurang-kurangnya 10% daripada lebihan dalam setahun perlu diagihkan pada tahun berikutnya mengikut keperluan asnaf-asnaf zakat. Terdapat juga fatwa yang membolehkan Wang tawakuf dibelanjakan untuk pembelian aset untuk faedah asnaf.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Mohon Kerajaan menjelaskan jumlah rumah kos sederhana rendah, kos rendah yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri dan PDC serta mana-mana agensi atau GLC Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- (b) Mohon kemukakan data mengikut daerah, badan pembina (Kerajaan Negeri, PDC, Agensi dll) untuk setiap tahun sejak 2008 sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang konsisten dalam usaha memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah sentiasa terpelihara. Bagi merealisasikan objektif ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai dasar perumahan yang bertujuan menggalakkan pembinaan Rumah Mampu Milik kategori 'A' (Kos Rendah), 'B' (Kos Sederhana Rendah) dan lain-lain kategori. Susulan daripada dasar-dasar perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008, sejumlah 11,487 unit Rumah Mampu Milik 'A' dan 9,400 unit Rumah Mampu Milik 'B' telah siap dibina.

Daripada jumlah ini, sebanyak lima (5) pemajuan melibatkan penyediaan sejumlah 2,043 unit rumah terdiri daripada 1,193 Rumah Mampu Milik 'A' dan 850 Rumah Mampu Milik 'B' telah dilaksanakan sendiri oleh Kerajaan Negeri.

- (b) Rumah Mampu Milik 'A' dan 'B' yang telah sempurna dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri terdiri daripada projek di Taman Chempedak dan Taman Sri Desa di Seberang Perai Utara dan Taman Serina di Daerah Timur Laut, kesemuanya siap pada tahun 2008. Manakala melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Kerajaan Negeri telah menyiapkan projek Halaman Kenanga di Daerah Timur Laut dan Halaman Seroja di Seberang Perai Selatan, kedua-duanya siap pada tahun 2012. Maklumat bilangan dan harga unit projek-projek ini diperincikan di Lampiran A.

Pada masa ini juga, Kerajaan Negeri sedang merancang 14 lagi projek melibatkan pembinaan sejumlah 9,175 unit Rumah Mampu Milik 'A' dan 'B' melalui PDC sebagai agensi pelaksana atau tender melalui kaedah *Request for Proposal* (RFP). Senarai lengkap projek, lokasi dan bilangan unit adalah seperti di Lampiran B.

RUJUK LAMPIRAN A DAN B BDJH NO. 13 (ID178)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Mohon Kerajaan Negeri kemukakan setiap pemberian dana oleh *Think City* secara terperinci termasuk nama pemohon (individu termasuk nombor kad pengenalan atau syarikat), alamat bangunan yang terlibat, jumlah dana yang diluluskan dan sebab setiap permohonan yang diberi kelulusan sejak penubuhan *Think City* sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sepanjang pelaksanaan *George Town Grants Programme* sejak dari tahun 2010, pihak *Think City* telah menerima peruntukan berjumlah hampir RM20 juta dari Khazanah Nasional Berhad dan telah mengagihkan geran sebanyak RM16,372,744.30 kepada individu / syarikat yang berkecualan. Maklumat tersebut boleh diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Mohon Kerajaan Negeri untuk kemukakan data atas bilangan hartanah (semua jenis) yang telah dijual kepada warga dan syarikat asing sejak 2008 sehingga kini di dalam Zon Warisan mengikut tahun, zon dan kategori pemilikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Berdasarkan rekod, sebanyak 42 hartanah di dalam Tapak Warisan Dunia George Town telah dijual dan dimiliki oleh warga asing atau syarikat asing sejak tahun 2008 sehingga kini. Daripada sejumlah 42 hartanah tersebut hanya 1 lot yang didaftarkan atas nama syarikat asing melibatkan Lot 116 Seksyen 20 Daerah Timur Laut. Perincian mengikut tahun, zon dan kategori pemilikan adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDJH NO. 15 (ID180)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Berapakah kampung-kampung yang terdapat dalam daftar di setiap daerah di Pulau Pinang?
(b) Berapa pula di antara kampung yang disenaraikan ini yang ditakrifkan sebagai kampung tradisional dan atas dasar apa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Sehingga Ogos 2016 terdapat 631 buah kampung yang berdaftar di dalam Negeri Pulau Pinang. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut :

Daerah	Kampung
Timur Laut	84
Barat Daya	67
Seberang Perai Utara	225
Seberang Perai Tengah	140
Seberang Perai Selatan	115
JUMLAH	631

- (b) Daripada 631 buah kampung yang didaftarkan, sebanyak 48 buah perkampungan seperti di Lampiran A telah dikenalpasti dan disenaraikan sebagai Kampung Warisan dalam Dasar Sektor 33 L1, Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP) yang diwartakan pada Julai 2007.

48 kampung ini ditakrifkan sebagai kampung tradisional atas dasar ianya telah wujud secara sekian lama/ semulajadi dan kewujudan kampung ini berlaku secara tidak terancang pertumbuhan dan perkembangannya. Sehingga November 2016, tiada keputusan muktamad yang diambil oleh Kumpulan Kerja Bagi Penyelarasan Sempadan Kampung yang diurus setiakan oleh Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MACGDI), Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar untuk menjadi takrifan kampung tradisional dan kajian ini masih diteruskan bagi memberi definisi jelas berkaitan komponen dan ciri-ciri bagi kampung tradisional. Dasar, penjelasan terperinci dan definisi bagi kategori kampung tradisional ini terus menjadi perbincangan utama di dalam penyediaan RSNPP 2030. Fokus bagi merungkai definisi dan kategori kampung tradisional akan diperjelaskan di dalam RSNPP 2030 yang sedang dalam kajian.

RUJUK LAMPIRAN A BDJH NO. 16 (ID181)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Apakah dasar dan perancangan Negeri Pulau Pinang tentang kampung-kampung tradisional dalam rangka perancangan pelan struktur Negeri ?
- (b) Bagaimanakah ianya di senaraikan dengan rancangan pembangunan jangka panjang Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Kerajaan Negeri telah menggariskan dasar dan perancangan Kampung Tradisional di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 di bawah Dasar Sektor 33: Perkampungan Tradisional Dan Perkampungan Dalam Bandar Akan Dikekalkan Dan Prasarana Dinaik Taraf. Antara langkah-langkah yang dinyatakan di dalam dasar tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Mengenal pasti perkampungan-perkampungan sedia ada yang akan dikekalkan sebagai perkampungan tradisional;
 - (ii) Mengekalkan dan menaik taraf kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam kampung-kampung tradisional sedia ada dari semasa ke semasa;
 - (iii) Mengekalkan ciri-ciri tradisi dan budaya setempat kampung di dalam usaha dan program menaik taraf jalan, pengindahan dan landskap; dan
 - (iv) Menyediakan garis panduan bagi pemajuan dan penyusunan semula kampung-kampung tradisional dan kampung-kampung dalam bandar.
- (b) Selaras dengan dasar tersebut di atas iaitu untuk mengenal pasti perkampungan sedia ada dengan mengekalkan sebagai kampung tradisional, sebanyak 48 buah kampung telah disenaraikan sebagai kampung tradisional di dalam RSNPP 2020. Penyenaraian kampung-kampung lain sebagai kampung tradisional akan dikenal pasti di peringkat Rancangan Tempatan Daerah dan Rancangan Kawasan Khas. Tambahan dari itu, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia sedang menjalankan kajian kampung-kampung tradisional di Pulau Pinang melalui Kajian Dasar Fizikal Desa Negara.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Sila nyatakan nilai tangkapan ikan dan lain-lain hasil laut untuk Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 hingga 2016.
- (b) Berapakah jumlah nelayan pantai, nelayan laut dalam dan penternak ikan dalam sangkar yang terlibat dalam industri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Tangkapan hasil laut di negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 sehingga September 2016 adalah sebanyak 429,012 tan metrik dengan nilai RM3.458 bilion. Berikut merupakan pecahan pendaratan ikan dan nilai (RM) mengikut tahun:

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016 (sehingga Sept)
Berat (Tan Metrik)	38,737	35,966	43,627	63,859	52,485	58,200	45,880	49,783	40,475
Nilai (RM juta)	218.4	237.861	322.343	451.587	408.479	449.973	463.131	482.257	424.071

- (b) Berdasarkan rekod Jabatan Perikanan Pulau Pinang, jumlah nelayan pesisir pantai adalah seramai 5,084 orang, di mana 3,191 orang adalah pemilik *vesse/* dan 1,893 orang lagi adalah awak-awak. Bagi nelayan laut dalam, terdapat 15 buah *vesse/* dengan 75 orang pekerja (tekong dan awak-awak). Manakala bagi pengusaha ikan sangkar, terdapat seramai 309 orang pengusaha di seluruh Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Berapakah jumlah permohonan perlingkungan semula tanah yang dibuat sejak 2008 hingga 2016?
- (b) Sila nyatakan keluasan, tujuan, daerah dan jumlah permohonan yang telah diluluskan serta jumlah premium yang dikenakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Berdasarkan rekod, Jawatankuasa Perancang Negeri telah menerima sebanyak 383 permohonan perlingkungan semula tanah dari tahun 2008 hingga 2016.
- (b) Bagi permohonan perlingkungan semula tanah, proses ini tidak melibatkan pembayaran premium dan hanya dikenakan bayaran Caj Perlingkungan yang dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan semasa permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan. Perincian dan jumlah permohonan yang diluluskan bagi tahun 2008 hingga 2016 seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDJH NO. 19 (ID184)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Berapakah jumlah yang dikutip oleh Kerajaan Negeri yang dibayar oleh pemaju yang mendapat pengecualian daripada pembinaan rumah kos rendah?
- (b) Sila nyatakan nama pemaju, projek dan jumlah pelepasan dan bayaran yang dikenakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Polisi Pembelian Kuota dan Bayaran Sumbangan Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri sejak Januari 2012 bertujuan memberikan fleksibiliti kepada pemaju yang benar-benar mempunyai kekangan dari segi saiz tanah, tiada *land bank* atau dalam keadaan khas di mana pembinaan rumah kos rendah dikenal pasti tidak boleh dilaksanakan. Permohonan pengecualian untuk membina rumah kos rendah akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) di mana kuantum sumbangan yang akan dikenakan adalah berdasarkan kepada formula perkiraan berikut:-
- (i) RM120,000/unit dikenakan kepada pemaju tempatan dan RM150,000/unit dikenakan kepada pemaju luar Pulau Pinang bagi pemajuan di Bahagian Pulau;
 - (ii) RM72,500/unit dikenakan bagi pemajuan di Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah (kadar sama untuk pemaju tempatan dan luar); dan
 - (iii) RM50,000/unit dikenakan ke atas 350 unit pertama dan RM72,500/unit dikenakan ke atas unit-unit seterusnya bagi pemajuan di Seberang Perai Selatan (kadar sama untuk pemaju tempatan dan luar).

Jumlah kutipan sumbangan oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh lima tahun sehingga Oktober 2016 adalah RM88,210,500.00 yang melibatkan pembinaan 1,484 unit rumah kos rendah.

- (b) Dalam tempoh lima tahun sehingga Oktober 2016, Kerajaan Negeri telah meluluskan pengecualian pembinaan kuota rumah kos rendah bagi 15 pemajuan (menerima bayaran sumbangan sebanyak RM88,210,500.00). Perincian nama pemaju, bilangan unit, bayaran sumbangan dan lokasi berdasarkan daerah pemajuan adalah seperti di Lampiran.

RUJUK LAMPIRAN BDJH NO. 20 (ID185)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Berapakah jumlah JKKN yang terdapat di Pulau Pinang mengikut daerah.
- (b) Sila beri senarai JKKN untuk DUN Teluk Air Tawar serta nama pengerusi-pengerusi.
- (c) Berapakah jumlah elaun dan peruntukan untuk aktiviti yang diberi setiap tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Jumlah keseluruhan JKKN di Pulau Pinang adalah sebanyak 299. Taburan JKKN mengikut daerah adalah seperti di jadual:

Bil	Daerah	Jumlah
1	Daerah Timur Laut	81
2	Daerah Barat Daya	49
3	Daerah Seberang Perai Utara	58
4	Daerah Seberang Perai Tengah	68
5	Daerah Seberang Perai Selatan	43
	Jumlah JKKN	299

(b) Bagi DUN Teluk Ayer Tawar terdapat sebanyak 6 JKKK seperti jadual berikut:

Bil	Nama JKKK	Nama Pengerusi
1	JKKK Bagan Ajam	Ismail bin Jemani
2	JKKK Pekan Darat	Mohd Yusup bin Hashim
3	JKKK Permtg Binjai	Zulkifli bin Mahamud
4	JKKK Permtg Kuching	Mohd Ulul Azmi bin Idris
5	JKKK Taman Perkasa	Kee Leng Hong
6	JKKK Taman Wira	Abdul Rahman bin Saad

(c) Kadar elaun tetap bulanan yang dibayar kepada ahli JKKK adalah seperti berikut :

Bil	Jawatan	Kadar Elaun Tetap Sebulan
1	Pengerusi	RM650.00
2	Setiausaha	RM550.00
3	Ahli (13 org)	RM40.00 (Elaun hadir mesyuarat)

Kos Pentadbiran JKKK dibayar mengikut keperluan tidak melebihi RM1,000.00 setahun. Kos pentadbiran ini adalah termasuk bayaran utiliti, bayaran makan minum mesyuarat dan peralatan mesyuarat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Berapakah jumlah Brigade Wanita yang terdapat di Pulau Pinang mengikut daerah.
- (b) Sila beri senarai Brigade Wanita untuk DUN Teluk Air Tawar serta nama pengerusi-pengerusi.
- (c) Berapakah jumlah elaun dan peruntukan untuk aktiviti yang diberi setiap tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Terdapat sejumlah 196 pasukan Briged Wanita di Pulau Pinang dengan keahlian seramai 2,975. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Bilangan Pasukan	Bilangan Ahli
Timur Laut	66	1100
Barat Daya	21	382
Seberang Perai Utara	30	426
Seberang Perai Tengah	58	745
Seberang Perai Selatan	21	322
JUMLAH	196	2,975

- (b) Terdapat sebanyak tujuh (7) pasukan Briged Wanita dengan jumlah keahlian seramai 81 orang di DUN Teluk Air Tawar yang merangkumi JKKK seperti berikut:
- i. JKKK Taman Senangan
 - ii. JKKK Taman Wira
 - iii. JKKK Permatang Kucing
 - iv. JKKK Bagan Ajam
 - v. JKKK Pekan Darat
 - vi. JKKK Permatang Binjai
 - vii. JKKK Taman Perkasa
- (c) Tiada elaun khas yang diperuntukkan kepada ahli-ahli Briged Wanita. Peruntukan untuk aktiviti Briged Wanita bagi kawasan di bawah Ahli Dewan Undangan Negeri Kerajaan adalah sebanyak RM30,000 setahun manakala peruntukan bagi kawasan di bawah Pegawai Penyelaras KADUN pula adalah sebanyak RM10,000 setahun.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Berapakah jumlah sungai di Pulau Pinang yang diklasifikasikan oleh Jabatan Alam Sekitar sebagai tercemar.
- (b) Sila berikan kadar pencemaran sungai-sungai berkenaan (Indeks Kualiti Air).
- (c) Apakah pelan tindakan yang dirancang dan diambil bagi mengurangkan pencemaran dan memulihara sungai-sungai berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Terdapat enam (6) sungai di Pulau Pinang seperti di Jadual 1 yang diklasifikasikan sebagai tercemar oleh Jabatan Alam Sekitar.
- (b) Kadar pencemaran enam (6) sungai tersebut berdasarkan Indeks Kualiti Air (IKA) adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1 :

Indeks Kualiti Air (IKA) Lembangan Sungai Yang Tercemar Di Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2015

Bil.	Nama Sungai	Lembangan Sungai	Indeks Kualiti Air	Kelas
1	Sungai Jawi	Jawi	57	III
2	Sungai Jelutong	Pinang	57	III
3	Sungai Pinang	Pinang	58	III
4	Sungai Rambai	Juru	56	III
5	Sungai Kereh	Perai	59	III
6	Sungai Pertama	Perai	53	III

Nota:

Bacaan Tahap Pencemaran:

Bersih (IKA: 81 – 100)

Sederhana Tercemar (IKA: 61 – 80)

Tercemar (IKA : 1 – 60)

Bacaan Kelas Sungai:

Kelas Satu (I) (IKA: > 92.7)

Kelas Dua (II) (IKA: 76.5 - 92.7)

Kelas Tiga (III) (IKA: 51.9 - 76.5)

Kelas Empat (IV) (IKA: 31.0 - 51.9)

Kelas Lima (V) (IKA: < 31.0)

Bacaan Indeks Kualiti Air adalah tertakluk kepada keadaan cuaca dan kuantiti aliran air sungai semasa ujian dijalankan.

- (c) Pelan tindakan yang dirancang dan diambil bagi mengurangkan pencemaran dan memulihara sungai-sungai adalah seperti berikut:-
- (i) Menubuhkan pasukan Task Force bagi mengatasi isu-isu pencemaran laut, sungai dan pantai yang dipengerusikan oleh Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir.
 - (ii) Memastikan permohonan kemajuan berkaitan sungai mematuhi garis panduan-garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran seperti berikut :-
 - Manual Saliran Mesra Alam;
 - Erosion dan Sediment Control Plan; dan
 - Garis panduan pembangunan berhadapan sungai.
 - (iii) Melaksanakan kerja-kerja pemulihan dan pencegahan menggunakan teknologi terkini di punca-punca pencemaran seperti berikut:-
 - Penggunaan Effective Micro-organism;
 - Pemasangan Gross Pollution Trap (GPT) / Log Boom;
 - Pemasangan dan penguatkuasaan Fat, Oil and Grease Trap (FOG) di gerai-gerai, kantin, dan premis-premis perniagaan; dan
 - Pembersihan sungai menggunakan Infinitesimal Quantum Persistent Reflection Technology (IQPR)
 - (iv) Memastikan setiap permohonan pembangunan yang diterima mengikut garispanduan dan undang-undang yang tertakluk di bawah Jabatan Alam Sekitar; dan
 - (v) Bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar melalui :-
 - pemeriksaan dan penguatkuasaan secara berkala ke atas premis perindustrian dan loji rawatan kumbahan yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling.
 - melaksanakan penguatkuasaan melalui kaedah Guided Self Regulation (GSR) kepada semua pihak industri bermula pada tahun 2016.
 - penguatkuasaan terhadap keperluan melantik orang berwibawa (competent person) bagi memastikan operasi sistem pengolahan efluen/kumbahan sentiasa dipantau dan diselenggara melalui kaedah GSR.
 - mengawal pencemaran air yang berpunca daripada pelaksanaan projek-projek pembangunan melalui penguatkuasaan secara berkala.

- menjalankan aktiviti berbentuk pendidikan dan kesedaran awam kepada pihak industri dan orang ramai bagi memastikan masyarakat turut bersama menjaga kualiti air sungai dan memulihara alam sekitar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Berapakah jumlah ladang-ladang ternakan ayam yang beroperasi di Pulau Pinang mengikut daerah.
- (b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang pelan tindakan untuk menggalakkan ladang-ladang berkenaan untuk dinaiktaraf menggunakan teknologi terkini yang lebih memelihara alam sekitar dan mengatasi pencemaran bau dan lalat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Terdapat sebanyak 386 ladang ternakan ayam yang beroperasi di Pulau Pinang dan berikut adalah pecahan mengikut daerah:

Daerah	Bilangan Ladang
Seberang Perai Utara	55
Seberang Perai Tengah	118
Seberang Perai Selatan	177
Timur Laut	15
Barat Daya	21
Jumlah	386

- (b) Bagi memastikan ladang-ladang sedia ada dan permohonan ladang baharu lebih mesra alam dan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk sekitar, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa pelan tindakan seperti berikut:
- Menggubal Garis Panduan (GP) untuk menggalakkan ladang-ladang ternakan ayam konvensional dinaik taraf ke Sistem Reban Tertutup (*Closed House Farming*). Bagi ladang di kawasan seliaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), garis panduan ini akan disediakan pada tahun 2017;
 - Memberikan khidmat nasihat secara percuma kepada penternak ayam untuk pengkomposan najis ayam;
 - Menyediakan khidmat nasihat secara percuma berkenaan penggunaan *Effective Microbes* (EM) bagi mengurangkan pencemaran bau dan lalat;
 - Memperkenalkan produk inovasi perangkap lalat *Effective Silent Trap* (EST) untuk memerangkap lalat di kawasan ladang ternakan bagi mengurangkan populasi lalat; dan
 - Kerajaan Negeri juga menjalinkan kerjasama dengan pihak Universiti Sains Malaysia (USM) untuk melaksanakan program kawalan lalat (Program Parasitoid) di ladang-ladang ayam.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Berapakah homestay/inap desa yang berdaftar di Pulau Pinang?
- (b) Berapa banyakkah yang tidak berdaftar.
- (c) Apakah tindakan yang diambil untuk membantu mereka mendaftar dan apakah kaedah yang diambil untuk memastikan semua khidmat yang diberi memenuhi piawaian dan menjaga imej Pulau Pinang sebagai negeri pelancongan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Jumlah *homestay* yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) sehingga Oktober 2016 adalah sebanyak 11 kluster yang melibatkan 189 pengusaha.
- (b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai rekod jumlah pengusaha yang tidak berdaftar di negeri ini kerana syarat melayakkan pendaftaran satu kluster *homestay* adalah minimum 10 buah rumah dan pihak kementerian tidak akan mendaftarkan permohonan secara individu.
- (c) Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan penglibatan masyarakat dalam usaha meningkatkan lagi bilangan kluster *homestay*. Namun begitu, pengusaha perlu membentuk satu kluster (minima 10 pengusaha) untuk membolehkan pendaftaran oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dilaksanakan. Setiap permohonan mestilah dikemukakan dengan sokongan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Kerajaan Negeri membantu pihak bakal pengusaha *homestay* melalui perkara berikut :-
- (i) melakukan hebahan melalui aktiviti Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan Negeri untuk mendaftar pengusaha *homestay* sedia ada.
 - (ii) mempromosikan produk-produk *homestay* seperti mengadakan karnival *homestay*, mencetak risalah *homestay* untuk pengusaha *homestay* sedia ada.
 - (iii) menganjurkan bengkel pembangunan *homestay*.
 - (iv) mengadakan pertandingan *homestay* dengan kerjasama MOTAC.
 - (v) membantu dalam mempromosikan industri *homestay* di kampung-kampung dengan menyediakan papan-papan iklan oleh MPSP.
 - (vi) pengusaha yang menyertai program *homestay* akan diberi kursus dan latihan dari semasa ke semasa.
 - (vii) pemeriksaan berkala juga dilakukan ke setiap rumah.
 - (viii) pengusaha *homestay* juga dibawa melawati *homestay-homestay* yang berjaya di dalam negara.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. (a) Apakah rancangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bersama Think City dalam rangka untuk membangunkan kawasan persisiran pantai di Butterworth.
- (b) Berapakah peruntukan yang disediakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Think City mempunyai perancangan bagi membangunkan kawasan pesisir pantai di Butterworth di bawah rangka penyediaan Intervention 3: *Bagan Ajam Waterfront Regeneration Plan*. Intervensi ini adalah salah satu intervensi Pelan Butterworth Baharu, dengan Komponen seperti berikut:-
- (i) Cadangan Naik Taraf Kemudahan Awam di sekitar Flat Pantai Bersih
 - (ii) Mewujudkan Hub Aktiviti Komuniti di Pesisir Pantai Bersih
 - (iii) Cadangan Naik Taraf Deretan Kedai Makanan dan Minuman
 - (iv) Cadangan Naik Taraf *Public Spaces* di sekitar Jeti Pantai Bersih
 - (v) Cadangan Mewujudkan *Connectivity* di Kawasan Sekitar R&R Bagan Ajam

Pelan pertumbuhan semula yang sedang disediakan ini menggariskan pelbagai cadangan untuk memulihkan semula kawasan persisiran pantai di Bagan Ajam, Butterworth iaitu dengan menumpukan kepada naik taraf kemudahan persekitaran berdasarkan keperluan penduduk setempat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Adakah sebarang perancangan untuk menambah kemudahan riadah dan sukan di kawasan Pantai Robina?
- (b) Jika ya, sila nyatakan pelan pelaksanaannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan Negeri melalui pejabat Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (SPU) dalam perancangan untuk membina sebuah gelanggang futsal di kawasan Pantai Robina. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri (MSNPP) juga bercadang untuk menambah bilangan peralatan cabaran berhalangan yang terkini dan lebih mencabar kepada pengguna di Pusat Bina Diri Pantai Robina. Projek ini akan dilaksanakan pada tahun 2017 tertakluk kepada kelulusan peruntukan.

Selain itu, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf landskap kejur di Taman Rekreasi Pantai Robina. Antara komponen-komponen yang dinaiktaraf adalah:-

- (i) Menaiktaraf dataran kejut;
- (ii) Memasang bollard keselamatan;
- (iii) Menyediakan laluan selenggara;
- (iv) Menaiktaraf wakaf sediada;
- (v) Mengecat perabot taman;
- (vi) Penyelenggaraan pokok sediada;
- (vii) Menaiktaraf tandas awam

Kerja-kerja naiktaraf ini dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap pada hujung November 2016.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Apakah usaha yang dibuat oleh Pulau Pinang untuk mengembalikan kegemilangan prestasi sukan SUKMA serta sukan bola sepak?
- (b) Adakah sebarang rancangan untuk meningkatkan aktiviti bersukan di kalangan rakyat pelbagai peringkat di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) sentiasa berusaha untuk membantu persatuan-persatuan sukan bagi memastikan segala urusan berkaitan dengan pembangunan sukan berjalan lancar dan memperolehi kejayaan dalam setiap acara sukan yang dipertandingkan. Menjelang keberlangsungan temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XIX Perak 2018, MSNPP akan meneruskan perancangan dan mencadangkan Latihan Atlet Elit dan Atlet Sukan Malaysia berteraskan Pelan Strategik Jangka Pendek dan Jangka Panjang dengan memastikan jalinan kerjasama strategik dengan Persatuan-Persatuan Sukan Negeri seperti berikut :-
- (i) Membantu dan bersama-sama melaksanakan program yang dirancang oleh Persatuan Sukan Negeri;

- (ii) Merancang dan melaksanakan program latihan khas kepada atlet yang berpotensi di peringkat kebangsaan;
- (iii) Merancang dan memantau penyertaan atlet negeri di kejohanan peringkat tempatan, kebangsaan dan juga antarabangsa;
- (iv) Merancang, mengenal pasti dan menyelaras pengambilan jurulatih asing dan pakar-pakar asing serta memantau dan menilai prestasi mereka;
- (v) Merancang, melaksanakan dan menilai Program Latihan Atlet Elit dan Sukan Malaysia;
- (vi) Menyediakan Pelan Periodisasi Latihan Atlet Dalam Latihan;
- (vii) Membuat pemantauan prestasi melalui Jawatankuasa Kerja bersama dengan Persatuan Sukan Negeri;
- (viii) Merancang dan melaksanakan Kem Latihan Semangat Atlet bagi menghadapi pertandingan dengan penekanan terhadap aspek ketahanan mental dikalangan atlet, jurulatih dan pegawai sukan;
- (ix) Mengumpul dan menyelaras bank-bank maklumat serta keputusan pertandingan yang disertai oleh atlet-atlet untuk dijadikan sebagai panduan dalam penyediaan sasaran; dan
- (x) Mengkaji, menganalisa dan merumuskan pendekatan strategi perancangan program jangka pendek dan jangka panjang bagi sukan temasya dan sukan individu.

Secara dasarnya, sasaran utama Kontinjen Negeri Pulau Pinang di SUKMA XIX Perak 2018 adalah untuk mengatasi sasaran pungutan pingat emas yang dicapai semasa SUKMA XVIII Sarawak 2016 iaitu melebihi pungutan 26 pingat Emas. MSNPP juga akan meneruskan pelaksanaan pengukuhan atlet yang meliputi konteks berikut:-

- (i) Memastikan setiap atlet negeri menjalani latihan sekurang-kurangnya 16 hari sebulan atau sekurang-kurangnya 32 jam dalam tempoh satu bulan dengan purata waktu latihan selama 3 hingga 5 jam setiap sesi;
- (ii) Melaksanakan Kem Latihan Mingguan Atlet bagi menggandakan sesi latihan atlet-atlet negeri di bawah pengurusan pegawai sukan MSNPP, pegawai sukan Pusat Satelit Institut Sukan Negara Pulau Pinang dan Jurulatih Sukan Negeri;
- (iii) Merangka program psikologi dan pemantapan mental atlet-atlet negeri;
- (iv) Melaksanakan Kem Motivasi Bina Semangat dan Kekuatan Mental untuk semua atlet-atlet negeri, para jurulatih dan pegawai-pegawai sukan bagi memastikan Kontinjen Negeri Pulau Pinang adalah gagah dan cekal dalam menghadapi segala cabaran di gelanggang perlawanan kelak;
- (v) Melaksanakan program latihan suaian fizikal, aktiviti psikologi dan pelaksanaan ujian kecergasan fizikal terhadap atlet-atlet sukan negeri secara berkala bagi memastikan persediaan atlet negeri dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi;
- (vi) Memperuntukkan bantuan subsidi kewangan kepada persatuan-persatuan sukan negeri untuk penyertaan pertandingan peringkat kebangsaan bagi memberi pendedahan sebenar kepada atlet-atlet negeri;
- (vii) Memperuntukkan bantuan kewangan kepada persatuan sukan negeri untuk pelaksanaan program pembangunan sukan di setiap lapisan atlet bermula dari peringkat pelapis sehinggalah ke peringkat atlet elit dengan jumlah RM500.00 ke RM5,000.00 bergantung pada bilangan atlet yang mengambil bahagian dan jenis kejohanan yang disertai;
- (viii) Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja bersama dengan wakil persatuan sukan negeri dan jurulatih sukan negeri pada setiap bulan untuk mengukuhkan program penyediaan atlet-atlet negeri sebelum berlangsungnya SUKMA;
- (ix) Memberikan penekanan utama menambah baik serta menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan dan peralatan-peralatan sukan sedia ada bagi memastikan

atlet dapat berlatih secara optimum dan maksimum;

- (x) Menggerakkan proses pemantauan sukan secara berkala terhadap latihan sukan yang dijalani oleh para atlet negeri;
- (xi) Merancang, membangun, mengendali, memantau dan menilai program suaiannya fizikal bagi pembangunan fizikal atlet negeri berdasarkan perancangan tahunan (*Yearly-Periodized Plans*);
- (xii) Menyelia dan melaksanakan ujian fisiologikal yang saintifik dan spesifik serta memberi penilaian fisiologi secara berterusan di samping memantau tahap kecergasan atlet bagi mengelakkan kecederaan dan meningkatkan prestasi;
- (xiii) Membentuk serta melaksanakan program pemakanan seimbang dan bernutrisi kepada atlet-atlet negeri dengan memberi penekanan terhadap tabiat pemakanan sihat; dan
- (xiv) Memantau berat badan dan komposisi atlet dan '*Body Composition*' melalui program pengurusan berat badan dan penilaian secara berterusan.

Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang merupakan pasukan yang berada di bawah urus tadbir Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP). FAP pula berada di bawah naungan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan juga Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP). Dalam usaha untuk membantu mengembalikan kegemilangan pasukan bola sepak negeri, Kerajaan Negeri melalui MSNPP sentiasa membantu FAP dan pasukan bolasepak Pulau Pinang melalui kaedah-kaedah seperti berikut:-

- (i) Menyelaras bantuan untuk memberikan khidmat kepakaran jurulatih kecergasan MSNPP dan Institut Sukan Negara Pulau Pinang (ISNPP) khususnya melalui perkhidmatan sains sukan dalam usaha berterusan untuk meningkatkan daya tahan serta prestasi fizikal pemain-pemain;
 - (ii) Menggalakkan jurulatih-jurulatih lantikan FAP untuk mengikuti kursus Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) Tahap 1, 2 dan 3 yang dikendalikan oleh MSNPP melalui kerjasama dengan Majlis Sukan Negara Malaysia dalam usaha untuk meningkatkan tahap kualiti bidang kejurulatihan dari segi sains sukan selaras dengan kehendak serta hala tuju pembangunan sukan negara yang dipelopori oleh Majlis Sukan Negara Malaysia dan Institut Sukan Negara;
 - (iii) Menyediakan skuad pelapis awal yang diketengahkan ke Pasukan Piala Belia, Pasukan Piala Presiden (U-20) dan juga Pasukan SUKMA yang menjadi penyumbang kepada pemain-pemain untuk Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang untuk bermain di Liga FAM, Liga Perdana atau ke Liga Super; dan
 - (iv) Membantu pihak FAP melalui pemberian elaun latihan kepada Skuad SUKMA dan membayar elaun jurulatih yang dilantik untuk membimbing pasukan bola sepak SUKMA.
- (b) Menyedari kepentingan dan sumbangan sukan ke arah meningkatkan kesejahteraan masyarakat Pulau Pinang, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menggalakkan pelaksanaan berterusan program-program sukan berprestasi tinggi dan sukan massa di Pulau Pinang. Pelbagai aktiviti di bawah program sukan massa terus dilaksanakan melalui kerjasama diantara MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Pejabat Daerah dan Tanah dan Persatuan Sukan Negeri serta lain-lain pertubuhan bukan kerajaan yang aktif dalam bidang sukan berk komuniti. Dalam memastikan maklumat berkaitan penganjuran acara sukan sampai ke seluruh masyarakat di Pulau Pinang, MMK Belia dan Sukan telah menggunakan Buletin Mutiara keluaran Kerajaan Negeri sebagai media utama penyaluran maklumat berkaitan keberlangsungan program dan acara sukan di Negeri Pulau Pinang. Bagi tahun 2016, penekanan serta hala tuju program sukan berbentuk komuniti adalah seperti berikut:-
- (i) Memberi penekanan terhadap peningkatan penyertaan masyarakat dalam aktiviti sukan riadah dan rekreasi sihat;
 - (ii) Mewujudkan platform yang sesuai bagi memperbanyakkan penganjuran sukan-sukan berk komuniti riadah serta rekreasi di negeri Pulau Pinang; dan

- (iii) Menerapkan konsep sukan berkebajikan (Sports For Charity) dalam meningkatkan kesejahteraan golongan komuniti kelainan upaya.
- (iv) Sepanjang tahun 2016 juga, MSNPP melalui kerjasama MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan program-program sukan berk komuniti seperti di Lampiran A.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan platform aplikasi mobile "AKTIF PENANG" yang bertujuan untuk mempromosikan Pulau Pinang ke arah lebih baik dan sihat dengan menyatukan semua orang untuk bersama-sama mencapai jarak larian, berbasikal atau berjalan secara kumulatif sejauh 1,000,000km. Pihak penaja tempatan akan menyumbang nilai sebanyak RM0.10 bagi setiap kilometer yang dicapai dengan sasaran maksimum kutipan dana sebanyak RM100,000.00. Dana yang diterima dari pihak penaja ini akan seterusnya didermakan kepada badan-badan kebajikan di Negeri Pulau Pinang.

RUJUK LAMPIRAN A BDJH NO. 28 (ID455)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 29. (a) Berapa ramai bayi-bayi yang ibu bapa tidak membenarkan diberi imunisasi di Negeri Pulau Pinang?
- (b) Adakah kempen penerangan kepentingan imunisasi diberi di klinik-klinik ibu mengandung dan di tabika-tabika?
- (c) Apakah kesan jangka masa panjang kepada kanak-kanak berkenaan dan kepada tahap kesihatan rakyat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 29. (a) Bilangan kes penolakan vaksin pada tahun 2015 ialah 89 kes dan pada tahun 2016 sehingga September, bilangan kes ialah 123.
- (b) Sehingga kini, belum ada kempen penerangan kepentingan imunisasi diberikan secara khusus di klinik-klinik ibu mengandung dan tabika-tabika di Pulau Pinang. Namun demikian, kempen penerangan dan kesedaran giat diberikan kepada masyarakat umum. Antara kempen yang sedang dan telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi meningkatkan kesedaran berkenaan vaksin dan kepentingan imunisasi adalah seperti berikut:
 - (i) Bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk mengadakan seminar kepada orang ramai di beberapa buah negeri termasuk Pulau Pinang pada tahun 2014. Objektif utama ialah untuk memberi kesedaran dan kefahaman mengenai keperluan pengambilan vaksin dan menangkis persepsi salah di kalangan masyarakat. Ini adalah selaras dengan keputusan Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Kali Ke-24 pada 5 dan 6 Jun 1989 yang mengharuskan pengambilan vaksin demi mencegah penyakit berjangkit seperti campak, tibi, batuk kokol, dipteria, tetanus dan polio;
 - (ii) Menganjurkan aktiviti pendidikan kesihatan di peringkat daerah termasuk promosi kepentingan imunisasi. Sehingga kini, lebih daripada 21 sesi telah dianjurkan di peringkat daerah melibatkan 926 orang;
 - (iii) Menganjurkan seminar "*training of trainers*" berkaitan isu imunisasi dan vaksin peringkat kebangsaan pada 11 Jun 2016 anjuran Persatuan Pakar Perubatan Keluarga Malaysia dan Jabatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah dihadiri seramai 14 pakar perubatan keluarga dari Pulau Pinang;

- (iv) Penganjuran seminar berkaitan imunisasi di peringkat negeri pada 19 Oktober 2016 yang dihadiri oleh 300 orang pelajar sekolah, IPTA dan IPTS dan pada 20 Oktober 2016 kepada 160 anggota kerajaan dan bukan kerajaan dari pelbagai agensi; dan
- (v) Memberi kaunseling kepada ibu bapa yang enggan mengambil vaksin.
- (c) Kanak-kanak yang tidak menerima imunisasi berisiko mendapat penyakit berjangkit sekiranya berlaku wabak dan penyakit cegahan vaksin mempunyai kadar komplikasi dan kematian yang tinggi. Untuk jangka panjang, situasi ini akan menyebabkan imuniti kelompok sesuatu kawasan terjejas dan akan mengakibatkan golongan yang rentan lebih terdedah kepada jangkitan penyakit serta wabak yang sukar dikawal.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 30. (a) Berapakah kutipan hasil cukai pintu yang diperolehi oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengikut kategori premis dan daerah selama 5 tahun ini.
- (b) Berapakah tunggakan yang terkumpul bagi kategori dan daerah tersebut?
- (c) Apakah tindakan yang dijalankan untuk menangani masalah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 30. Purata setahun kutipan hasil cukai taksiran yang diperolehi oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi lima (5) tahun ini ialah diantara RM125 juta hingga RM132 juta manakala Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) ialah diantara RM153 juta hingga RM173 juta. Bagi purata tunggakan cukai taksiran di MPSP ialah diantara RM15 juta hingga RM27 juta manakala MBPP adalah diantara RM54 juta hingga RM 68 juta. Butiran kutipan hasil cukai taksiran dan tunggakan mengikut kategori dan daerah selama lima (5) tahun yang diperolehi oleh MBPP adalah seperti di Lampiran A manakala MPSP tidak mempunyai maklumat kutipan hasil taksiran dan tunggakan terperinci mengikut daerah tetapi mempunyai jumlah keseluruhan setiap tahun seperti di Lampiran B.

Tindakan yang telah dan akan diambil oleh MBPP dan MPSP untuk mengurangkan tunggakan cukai pintu mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 adalah seperti berikut :-

- (i) Membuat semakan alamat terkini pemilik premis.
- (ii) Mengambil langkah yang lebih proaktif dengan menyemak tunggakan ke atas setiap kemasukan pelan merancang atau pelan bangunan. Ini bermakna pemaju diminta menjelaskan tunggakan masing masing sebelum meneruskan dengan sesuatu pemajuan.
- (iii) Menjemput pemilik premis ke Jabatan Perbendaharaan untuk berbincang bagi mengenal pasti punca tunggakan dan memberikan nasihat untuk mengatasi masalah tunggakan tersebut.
- (iv) Menggalakkan komunikasi dua hala agar pemilik tidak hanya menunggu sehingga Majlis mengambil tindakan. Sekiranya pada peringkat awal tunggakan telah dapat dikenal pasti, pegawai Majlis akan dapat memberikan nasihat sewajarnya untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi.
- (v) Majlis sentiasa berusaha serta memberi ruang kepada pemunya untuk bersemuka dan mendapatkan gambaran sebenar mengenai situasi yang dihadapi oleh pemunya serta kesanggupan menjelaskan tunggakan cukai taksiran.
- (vi) Membuat lawatan ke rumah atau premis pemilik untuk mendapatkan maklum balas dari penyewa atau pemilik. Melalui kaedah ini secara tidak langsung Majlis mendapat persefahaman tentang kedudukan pemilikan ke atas premis tersebut samada telah dijual, disewa dan lain lain.

- (vii) Membenarkan pemunya membuat bayaran ansurans tunggakan cukai taksiran. Dengan cara ini pemunya akan rasa selesa serta mengurangkan beban untuk menjelaskan bayaran tunggakan. Bayaran ansura akan menjadi lebih berkesan jika ia dipantau dari masa ke semasa agar memastikan pemunya membuat bayaran mengikut jadual bayaran yang telah ditetapkan.
- (viii) Melaksanakan *Garnishment of Rental* dengan mengambil sebahagian bayaran sewa penyewa kepada Majlis bagitujuan mendapatkan tunggakan cukai semasa operasi dijalankan ke atas premis-premis yang mempunyai tunggakan cukai.
- (ix) Melantik agen kutipan hutang untuk mengadakan lawatan ke premis yang mempunyai tunggakan dan membuat rundingan supaya pembayar cukai menjelaskan tunggakan.
- (x) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan waran iaitu Borang G untuk menahan sebarang harta alih seperti inventori yang dimiliki oleh pemunya atau Borang H yang ditampal di luar premis yang didapati kosong semasa operasi dijalankan dengan tujuan untuk memaklumkan pemunya mengenai tunggakan cukai.
- (xi) Melaksanakan rampasan harta mudah alih yang terdapat didalam premis berkaitan.
- (xii) Melaksanakan tindakan kaveat melalui peruntukan KanunTanah Negara. Melalui tindakan ini, MBPP dan MPSP telah mengistiharkan kepentingan Majlis ke atas tanah atau bangunan dalam usaha mendapatkan semula tunggakan cukai taksiran.

RUJUK LAMPIRAN A DAN B BDJH NO. 30 (ID 427)

X. Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Program Ibu Emas di dalam DUN Bertam:
 - (a) Berapakah jumlah bilangan penerima di dalam DUN Bertam? Sila senaraikan mengikut nama dan alamat.
 - (b) Berapakah jumlah insentif yang diterima bagi seorang pemohon dan nyatakan jumlah insentif mengikut daerah.
 - (c) Huraikan implikasi kewangan Kerajaan Negeri dari tahun 2012 hingga 2016 bagi pogram ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- (a) Jumlah keseluruhan penerima Program Ibu Emas di DUN Bertam adalah sebanyak 1,218 orang termasuk penerima fasa kedua yang menerima bayaran pada 14 November 2016. Senarai penerima Program Ibu Emas di DUN Bertam tidak dapat dibekalkan demi untuk menjaga identiti penerima.
- (b) Jumlah insentif yang diterima bagi setiap permohonan adalah sebanyak RM100.00 setiap tahun dan jumlah keseluruhan insentif pada tahun 2016 bagi fasa pertama pembayaran adalah sebanyak RM5,154,200.00. Jumlah insentif mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:-

DAERAH	JUMLAH INSENTIF
SPU	1,382,800.00
SPT	1,351,800.00
SPS	822,900.00
DTL	1,043,400.00
DBD	553,300.00
JUMLAH KESELURUHAN	RM5,154,200.00

- (c) Jumlah implikasi kewangan Kerajaan Negeri bagi Program Ibu Emas dari tahun 2014 sehingga 2016 adalah sebanyak RM14,156,500.00 . Pecahan implikasi kewangan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH
2014	3,877,000.00
2015	5,125,300.00
2016 (Sehingga Oktober)	5,154,200.00
JUMLAH KESELURUHAN	14,156,500.00

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Penambahbaikan Pengindahan Pokok di Hadapan Masjid Al-Jamiul Badawi, Kepala Batas:
- Adakah pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) ada menerima surat permohonan atau aduan berkenaan pengindahan ini?
 - Jika ada, apakah tindakan susulan yang telah dan akan dilaksanakan?
 - Adakah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak mampu menampung kos pengindahan seperti penanaman semula pokok? Nyatakan kos.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) MPSP telah menerima aduan daripada pihak Masjid Al-Jamiul Badawi, Kepala Batas melalui surat bertarikh 3 September 2016 dan juga panggilan telefon dari pihak masjid pada bulan Ogos dan Oktober 2016.
- (b) Tindakan susulan yang telah dilaksanakan oleh MPSP di sekitar Masjid Al-Jamiul Badawi, Kepala Batas adalah kerja-kerja penyelenggaraan pokok seperti berikut:-

Bil.	Tindakan	Tarikh
1	Pemangkasan dan pembersihan pokok Jawi	13 Mei 2016
2	Pemangkasan dan pemberishan pokok khaya	13 Ogos 2016
3	Siasatan dijalankan dan mendapati pokok berada di dalam keadaan baik	21 Oktober 2016

Pokok-pokok berkenaan merupakan pokok persendirian yang ditanam oleh pihak Masjid Al-Jamiul Badawi, Kepala Batas dan bukan pokok teduhan landskap di bawah selenggaraan pihak MPSP.

- (c) Kerja-kerja pengindahan/penanaman pokok dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan menggunakan peruntukan tahunan MPSP. Bagi tahun 2016, kos bagi program pengindahan/penanaman pokok adalah sebanyak RM2,688,000.00.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pemulihan Dalam Komuniti (PDK):
- Adakah Kerajaan Negeri sedar akan kebajikan Penyelia dan Guru-guru PDK memerlukan penambahan elaun?

- (b) Adakah ada cadangan pemberian insentif untuk pelaksanaan program dan aktiviti PDK sepanjang tahun?
- (c) Nyatakan jumlah peruntukan tahunan Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk pembangunan PDK seluruh Pulau Pinang? Huraikan mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) adalah satu strategi pembangunan komuniti bagi pemulihan, latihan, pendidikan, kesaksamaan peluang dan integrasi sosial golongan orang kurang upaya (OKU). Setiap PDK akan dikendalikan oleh penyelia dan petugas, dimana pelantikan penyelia dan petugas adalah atas dasar sukarelawan kontrak. Program ini adalah satu projek Kerajaan Persekutuan yang disempurnakan oleh agensi Kerajaan Persekutuan. Salah satu ahli Jawatankuasa yang terlibat adalah Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang berperanan sebagai penasihat PDK. Selain itu, pelantikan penyelia dan petugas adalah tertakluk kepada Garis Panduan PDK dan bukan sebagai pekerja di bawah Akta Kerja 1955. Oleh yang demikian, penyelia dan petugas hanya mendapat bayaran berbentuk elaun bagi perkhidmatan mereka. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri bersedia untuk meneliti mengenai kadar elaun penyelia dan petugas PDK sepertimana yang dilakukan terhadap elaun guru-guru KAFA.
- (b) Kerajaan Negeri belum mempunyai cadangan untuk pemberian insentif untuk pelaksanaan program dan aktiviti PDK sepanjang tahun. Namun Kerajaan Negeri sedia memberikan kerjasama sekiranya dijemput untuk membincangkan masalah yang dihadapi oleh PDK khususnya dari segi insentif dan pelaksanaan program.
- (c) Secara keseluruhannya, peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan PDK seluruh Pulau Pinang adalah berjumlah RM5,209,500.00 yang melibatkan 22 PDK dan 1,197 orang OKU. Peruntukan mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:-

DAERAH	JUMLAH PDK	JUMLAH OKU TERLIBAT	JUMLAH PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)
SEBERANG PERAI UTARA	8	415	1,796,352.00
SEBERANG PERAI TENGAH	5	246	1,125,072.00
SEBERANG PERAI SELATAN	3	216	954,288.00
TIMUR LAUT	1	38	1,139,580.00
BARAT DAYA	5	282	194,208.00
JUMLAH	22	1,197	5,209,500.00

Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang permohonan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk tujuan peruntukan bagi tujuan pembangunan PDK seluruh Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Tapak Pasar Malam Kepala Batas:
- (a) Adakah pihak berkenaan bercadang untuk menurap semula tapak ini yang rosak dan berlopak?
 - (b) Jika ada, bila ianya akan dilaksanakan? Sila nyatakan kos dan sumber peruntukan.
 - (c) Pihak manakah yang menyelia tapak berkenaan dan berapakah caj sewaan yang dikenakan bagi setiap peniaga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) MPSP sebagai agensi yang bertanggungjawab kini dalam perancangan menurap semula tapak pasar malam yang rosak dan berlopak.
- (b) Anggaran kos bagi menurap semula tapak pasar malam tersebut adalah RM150,000.00 dan dijadualkan untuk pelaksanaan pada tahun 2017 dengan menggunakan sumber kewangan MPSP.
- (c) Pasar malam Kepala Batas diuruskan oleh JKKK Kepala Batas. Pengurusan ini melibatkan aspek kebersihan, sewaan tapak, lalu lintas dan apa-apa perkara berkaitan pasar malam tersebut. Caj bayaran yang dikenakan kepada penganjur pasar malam adalah seperti berikut:
 - (i) Permit penganjuran: RM240.00; dan
 - (ii) Lesen Penjaja :RM15.00 setiap penjaja, (setelah diberi pengecualian 50% daripada kadar asal RM30.00)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sumbangan Khas Bencana Alam dan Kebakaran:
 - (a) Sila senaraikan jumlah penerima sumbangan khas bencana alam seperti Banjir atau Ribut serta kebakaran dalam DUN Bertam sepanjang 2015-2016.
 - (b) Berapakah jumlah sumbangan yang diterima setiap mangsa? Apakah bentuk sumbangan?
 - (c) Agensi manakah yang melaksanakan pemberian sumbangan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Kerajaan Negeri telah berjaya mencapai miskin tegar sifar sejak tahun 2009 melalui program bantuan kewangan secara "top up". Pada masa kini, Negeri Pulau Pinang hanya mempunyai penduduk dengan status miskin yang ditafsirkan sebagai isi rumah yang pendapatan perkapita tidak melebihi RM220.00 yang merangkumi miskin bandar dan miskin luar bandar. Kerajaan Negeri mengambil inisiatif membasmi kemiskinan ini melalui pelaksanaan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) dengan memberikan bantuan kewangan bulanan secara "top up" kepada golongan miskin di Negeri Pulau Pinang agar dapat meringankan beban seharian serta meningkatkan taraf hidup rakyat. Sehingga Oktober 2016, sebanyak 1,278 keluarga yang sedang menerima bantuan ini dan jumlah penerima mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:-

DAERAH	JUMLAH
SPU	661
SPT	206
SPS	158
DBD	149
DTL	104
JUMLAH	1278

- (b) Jumlah penerima bantuan AES di DUN Bertam adalah seramai 67 orang. Senarai penerima AES di DUN Bertam beserta maklumat nama dan alamat adalah seperti di Lampiran A.
- (c) Kerajaan Negeri telah memenuhi slogan *Penang Leads* dengan menjadi negeri pertama di Malaysia yang berjaya mencapai status miskin tegar sifar sejak tahun 2009 melalui Program Agenda Ekonomi Saksama.

RUJUK LAMPIRAN A BSAO NO. 5 (ID128)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 6. Miskin Tegar di Pulau Pinang:
 - (a) Adakah Pulau Pinang masih mempunyai penduduk yang dikategorikan Miskin Tegar? Senaraikan jumlah mengikut daerah.
 - (b) Berapakah jumlah di dalam DUN Bertam, sila kemukakan senarai penuh lengkap Nama, Alamat dan No. Telefon.
 - (c) Jika masih ada Miskin Tegar, apakah perancangan untuk menjadikan ianya sifar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 6. (a) Kerajaan Negeri telah berjaya mencapai miskin tegar sifar sejak tahun 2009 melalui program bantuan kewangan secara "top up". Pada masa kini, Negeri Pulau Pinang hanya mempunyai penduduk dengan status miskin yang ditafsirkan sebagai isi rumah yang pendapatan perkapita tidak melebihi RM220.00 yang merangkumi miskin bandar dan miskin luar bandar. Kerajaan Negeri mengambil inisiatif membasmi kemiskinan ini melalui pelaksanaan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) dengan memberikan bantuan kewangan bulanan secara "top up" kepada golongan miskin di Negeri Pulau Pinang agar dapat meringankan beban seharian serta meningkatkan taraf hidup rakyat. Sehingga Oktober 2016, sebanyak 1,278 keluarga yang sedang menerima bantuan ini dan jumlah penerima mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:-

DAERAH	JUMLAH
SPU	661
SPT	206
SPS	158
DBD	149
DTL	104
JUMLAH	1278

- (b) Jumlah penerima bantuan AES di DUN Bertam adalah seramai 67 orang. Senarai penerima AES di DUN Bertam beserta maklumat nama dan alamat adalah seperti di Lampiran A.
- (c) Kerajaan Negeri telah memenuhi slogan *Penang Leads* dengan menjadi negeri pertama di Malaysia yang berjaya mencapai status miskin tegar sifar sejak tahun 2009 melalui Program Agenda Ekonomi Saksama.

RUJUK LAMPIRAN A BSAO NO. 6 (ID128)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 7. Penganugerahan Masjid Terbaik:
 - (a) Sila senaraikan masjid yang mendapat anugerah 3, 4 dan 5 bintang mengikut daerah dan tahun penerimaan.

- (b) Apakah kriteria yang ditetapkan bagi melayakkan masjid mendapat anugerah 3, 4 dan 5 bintang?
- (c) Adakah masjid yang pernah mendapat 4 bintang tidak layak bertanding pada tahun berikutnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Dalam tahun 2015, sebanyak 63 buah masjid seluruh negeri Pulau Pinang telah diaudit untuk penarafan bintang. Dari jumlah tersebut hanya sebuah masjid iaitu masjid At-Taqwa, Taman Bertam Indah telah diberikan penarafan 5 bintang, 4 buah masjid diberi penarafan 4 bintang dan 18 buah masjid diberikan penarafan 3 bintang. Sementara itu dalam tahun 2016, hanya 48 buah masjid yang terlibat dalam auditan untuk tujuan penarafan bintang. Dari jumlah tersebut, 5 buah masjid telah diberi penarafan 4 bintang dan 8 lagi diberikan penarafan 3 bintang. Perincian senarai masjid yang mendapat anugerah penarafan 3, 4 dan 5 bintang mengikut daerah dan tahun penerimaan adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Kriteria yang melayakkan masjid mendapat anugerah 3,4 dan 5 bintang adalah berdasarkan Piawaian Penarafan Masjid Kariah Negeri Pulau Pinang Tahun 2015 yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP). Skop auditan bagi tujuan penarafan bintang ini merangkumi 4 skop berikut:-
- (i) Pengurusan dan pentadbiran;
 - (ii) Pengurusan kewangan;
 - (iii) Pengurusan pengimarahannya; dan
 - (iv) Pengurusan kebersihan bilik air dan tempat wuduk.
- (c) Program Penarafan Masjid Kariah bukanlah berbentuk pertandingan. Auditannya dilaksanakan oleh JHEAIPP bagi menilai pencapaian prestasi perkhidmatan masjid berdasarkan 4 skop penilaian di atas. Auditannya bagi sesebuah masjid dijadualkan 3 tahun sekali. Selain itu, pada tahun 2014 Kerajaan Negeri juga telah menjalankan penarafan surau meliputi surau hotel, restoran, pusat membeli belah, stesyen minyak dan surau awam.

RUJUK LAMPIRAN A BSAO NO. 7 (ID129)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Pengwujudan Pusat *Cyber Cafe* dan Permainan Video di Kepala Batas:
- (a) Berapakah jumlah pusat-pusat berkenaan dalam Kepala Batas, senaraikan nama premis dan alamat.
 - (b) Adakah pusat-pusat tersebut diberikan lesen?
 - (c) Adakah ada pemantauan di setiap premis memandangkan ramai pelajar sekolah sering ponteng dan berada di premis berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Hasil pemantauan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) didapati sebanyak tujuh (7) pusat *cyber cafe* dan permainan video beroperasi di Kepala Batas dan sekiranya perincian nama dan alamat premis adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Premis	Alamat
1.	Skyfire Computer Centre	13, Tingkat Bawah, Persiaran Seksyen 4/3, Bandar Putera Bertam, 13200 Kepala Batas
2.	Blitz Tech Dot Com	45, Lorong Bertam Indah 1, Taman Bertam Indah, 13200 Kepala Batas
3.	C World Enterprise	2072, Jalan Dua, Jalan Datuk Hj. Ahmad Badawi, 13200 Kepala Batas
4.	G Two World	7 Persiaran 4/5 Bandar Bertam Putra Perdana, 13200 Kepala Batas
5.	Freedom Zone Enterprise	62 Jalan Dagangan 2, Bertam Perdana 3, 13200 Kepala Batas
6.	Cexex Seven Enterprise	61, Jalan Shahbandar 2, Bertam Perdana 3, 13200 Kepala Batas
7.	Plan B	1727 Jalan Lahar Bubu, 13200 Kepala Batas

- (b) Sebanyak tiga (3) daripada tujuh (7) pusat *cyber cafe* dan permainan video yang beroperasi di Kepala Batas memiliki lesen. Bagi premis yang tidak memiliki lesen, MPSP telah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan kompaun. Senarai tiga (3) premis yang berlesen adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Premis	Alamat
1.	Skyfire Computer Centre	13, Tingkat Bawah, Persiaran Seksyen 4/3, Bandar Putera Bertam, 13200 Kepala Batas
2.	Blitz Tech Dot Com	45, Lorong Bertam Indah 1, Taman Bertam Indah, 13200 Kepala Batas
3.	C World Enterprise	2072, Jalan Dua, Jalan Datuk Hj. Ahmad Badawi, 13200 Kepala Batas

- (c) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menjalankan tindakan pemantauan terhadap aktiviti pusat *cyber cafe* bagi memastikan syarat-syarat pelesenan dipatuhi oleh pengusaha *cyber cafe*. Antara tindakan diambil terhadap pengusaha yang melanggar syarat-syarat adalah seperti berikut:-
- (i) Pengeluaran surat tunjuk sebab kepada pengusaha perniagaan.
 - (ii) Pengeluaran kompaun kerana tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan.
 - (iii) Pembatalan lesen, jika berlesen.
 - (iv) Memastikan setiap premis-premis ini beroperasi tidak melebihi masa yang telah ditetapkan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Zakat Pulau Pinang:
- (a) Berapakah jenis bantuan zakat yang diberikan oleh Zakat Pulau Pinang? Senaraikan beserta jumlah peruntukan bagi tahun 2015 hingga 2016.
 - (b) Senaraikan nama penerima beserta jenis bantuan dan jumlah peruntukan dalam DUN Bertam.
 - (c) Berapakah tempoh kelulusan bagi setiap permohonan dan kaedah penyaluran kepada penerima.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Terdapat 23 jenis skim bantuan utama di bawah Zakat Pulau Pinang (ZPP) yang diagihkan kepada asnaf zakat di seluruh negeri Pulau Pinang.
- (b) Senarai 23 jenis skim bantuan utama Zakat Pulau Pinang beserta jumlah yang diagihkan bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut :-

Bil	Jenis Bantuan	Jumlah Agihan Tahun 2015 (RM)	Jumlah Agihan Tahun 2016 sehingga Oktober(RM)
1	Saguhati hari raya	6,020,000.00	4,000,000.00
2	Pendidikan - persekolahan	4,650,000.00	3,120,000.00
3	Sarahidup-kewangan bulanan	12,720,000.00	13,080,000.00
4	Sarahidup-makanan bulanan	2,556,000.00	2,287,200.00
5	Sarahidup-kewangan sekaligus	5,800,000.00	5,200,000.00
6	Kesihatan - bantuan perubatan ringan	2,100,000.00	2,100,000.00
7	Bantuan rawatan / pembedahan	2,000,000.00	1,500,000.00
8	Bantuan rumah-baikpulih rumah	3,000,000.00	1,700,000.00
9	Bantuan rumah-bina rumah	1,800,000.00	1,800,000.00
10	Peningkatan taraf hidup - bencana alam	380,000.00	485,000.00
11	Peningkatan taraf hidup - modal perniagaan	900,000.00	610,000.00
12	Biasiswa kecil Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR)	300,000.00	318,000.00
13	Sumbangan permulaan ke IPT (dalam negeri)	4,550,000.00	5,600,000.00
14	Bantuan permulaan ke IPT (luar negara)	400,000.00	400,000.00

Bil	Jenis Bantuan	Jumlah Agihan Tahun 2015 (RM)	Jumlah Agihan Tahun 2016 sehingga Oktober(RM)
15	Tajaan siswa-siswi ke IPT	3,935,000.00	3,580,000.00
16	Bantuan kecemasan	150,000.00	150,000.00
17	Bantuan kepada orang yang kesusahan berat	400,000.00	300,000.00
18	Musafir putus belanja	30,000.00	30,000.00
19	Saguhati guru-guru agama sukarela	420,000.00	420,000.00
20	Saguhati guru quran sukarela	1,320,000.00	1,200,000.00
21	Saguhati jawatan kuasa kariah	451,000.00	451,000.00
22	Sumbangan kepada aktiviti keagamaan	550,000.00	550,000.00
23	Peralatan dan buku ibadat untuk surau / masjid / sekolah	300,000.00	300,000.00
	Jumlah (RM)	54,732,000.00	49181200

- (c) Peruntukan Zakat Pulau Pinang adalah mengikut asnaf dan jenis bantuan yang telah diputuskan oleh MAINPP. Pihak Zakat Pulau Pinang tidak menetapkan jumlah peruntukan mengikut kawasan DUN. Pada tahun 2016, terdapat seramai 1,843 orang penerima zakat dengan jumlah agihan sebanyak RM2,646,750.00 di kawasan DUN Bertam. Berikut adalah jumlah penerima dan amaun yang diagihkan mengikut jenis bantuan yang telah diagihkan kepada asnaf di DUN Bertam sehingga Oktober 2016;

Jenis Bantuan	Jumlah Agihan Tahun 2015 (RM)	Jumlah Agihan Tahun 2016 sehingga Oktober(RM)
Saguhati hari raya	6,020,000.00	4,000,000.00
Pendidikan - persekolahan	4,650,000.00	3,120,000.00
Sarahidup-kewangan bulanan	12,720,000.00	13,080,000.00
Sarahidup-makanan bulanan	2,556,000.00	2,287,200.00
Sarahidup-kewangan sekaligus	5,800,000.00	5,200,000.00
Kesihatan - bantuan perubatan ringan	2,100,000.00	2,100,000.00
Bantuan rawatan / pembedahan	2,000,000.00	1,500,000.00
Bantuan rumah-baikpulih rumah	3,000,000.00	1,700,000.00
Bantuan rumah-bina rumah	1,800,000.00	1,800,000.00
Peningkatan taraf hidup - bencana alam	380,000.00	485,000.00
Peningkatan taraf hidup - modal perniagaan	900,000.00	610,000.00

Jenis Bantuan	Jumlah Agihan Tahun 2015 (RM)	Jumlah Agihan Tahun 2016 sehingga Oktober(RM)
Biasiswa kecil Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR)	300,000.00	318,000.00
Sumbangan permulaan ke IPT (dalam negeri)	4,550,000.00	5,600,000.00
Bantuan permulaan ke IPT (luar negara)	400,000.00	400,000.00
Tajaan siswa-siswi ke IPT	3,935,000.00	3,580,000.00
Bantuan kecemasan	150,000.00	150,000.00
Bantuan kepada orang yang kesusahan berat	400,000.00	300,000.00
Musafir putus belanja	30,000.00	30,000.00
Saguhati guru-guru agama sukarela	420,000.00	420,000.00
Saguhati guru quran sukarela	1,320,000.00	1,200,000.00
Saguhati jawatan kuasa kariah	451,000.00	451,000.00
Sumbangan kepada aktiviti keagamaan	550,000.00	550,000.00
Peralatan dan buku ibadat untuk surau / masjid / sekolah	300,000.00	300,000.00
Jumlah (RM)	54,732,000.00	49181200

- (d) Secara umumnya tempoh proses kelulusan bagi setiap permohonan zakat adalah 14 hari bekerja bagi permohonan yang lengkap dan permohonan yang tidak memerlukan siasatan. Namun bagi kes-kes yang kritikal dan serius, kelulusan boleh diproses dalam masa satu hari bergantung kepada jenis bantuan yang dipohon. Kaedah penyaluran bantuan Zakat Pulau Pinang kepada penerima adalah melalui kaedah pindahan wang/ cek atau dalam bentuk barangan bergantung kepada jenis bantuan yang telah diluluskan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP):
- Senaraikan nama Ahli-ahli MAINPP yang terkini beserta latar belakang pendidikan.
 - Adakah setiap Ahli MAINPP diberikan elaun bulanan atau kehadiran mesyuarat? Jika ada, senaraikan jumlah elaun yang diterima.
 - Apakah kriteria pemilihan Ahli MAINPP dan nyatakan tempoh memegang jawatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Keahlian Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) adalah seramai 15 orang ahli termasuk Yang di-Pertua Majlis. Senarai nama Ahli-ahli MAINPP beserta latar belakang pendidikan mereka adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Elaun tetap bulanan hanya dibayar kepada Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua MAINPP. Manakala ahli-ahli MAINPP termasuk Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua MAINPP dibayar elaun kehadiran bagi mesyuarat penuh MAINPP dan kehadiran

mesyuarat Jawatankuasa MAINPP. Kadar bayaran elaun ahli MAINPP adalah sama sebagaimana dibayar kepada Ahli Majlis di bawah kerajaan dahulu. Rujuk Lampiran B.

- (c) Kriteria pemilihan Ahli MAINPP adalah tertakluk kepada Seksyen 11 (1) dan 11 (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) Tahun 2004 di mana Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli MAINPP dan Ahli Ex-Officio dilantik dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi tempoh selama 2 tahun. Ahli-ahli dipilih berdasarkan kepada pengetahuan ahli dalam bidang yang berkaitan seperti ilmu syariah dan lain-lain bidang profesional seperti perundangan, perniagaan, perubatan, pentadbiran hal ehwal agama Islam dan sebagainya yang boleh memberi sumbangan kepada MAINPP dan pembangunan umat Islam umumnya.

RUJUK LAMPIRAN A DAN B BSAO NO. 10 (ID132)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kadar Bayaran Pelbagai Urusan Agensi Kerajaan Negeri:
- (a) Senaraikan secara terperinci kadar bayaran terkini yang dikenakan bagi pelbagai urusan melibatkan MPSP, MBPP, Pejabat Daerah dan Jabatan Kerajaan Negeri.
- (b) Berapakah jumlah kutipan bayaran berkenaan bagi tahun 2015-2016? Huraikan mengikut daerah.
- (c) Adakah ada cadangan pengurangan kadar bayaran terbabit?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Kadar bayaran terkini yang dikenakan bagi pelbagai urusan melibatkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Pejabat Tanah & Galian, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Kewangan Negeri serta Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang boleh diperolehi daripada laman web rasmi jabatan-jabatan berkenaan.
- (b) Jumlah kutipan bayaran yang diterima bagi pelbagai urusan daripada jabatan-jabatan berkenaan bagi tahun 2015 dan 2016 adalah sebanyak RM500,805,530.48. Maklumat terperinci adalah seperti jadual berikut :-

JABATAN	JUMLAH KUTIPAN (RM) TAHUN 2015	JUMLAH KUTIPAN (RM) TAHUN 2016	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
MPSP	35,685,453.30	29,274,747.95	64,960,201.25
MBPP	181,903,393.90	74,015,886.60	255,919,280.50
PTG	64,279,376.61	47,164,696.98	111,444,073.59
PDTSPS	9,986,845.36	4,263,177.88	14,250,023.24
PDTSPT	24,435,655.14	7,501,018.60	31,936,673.74
PDTSPU	3,009,553.75	3,098,338.00	6,107,891.75
PDTDBD	5,170,673.61	3,159,090.00	8,329,763.61
PDTDTL	3,110,028.90	2,141,133.90	5,251,162.80
JKN	750,702.00	700,136.00	1,450,838.00
JHEAIPP	612,965.00	542,657.00	1,155,622.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)	328,944,647.57	171,860,882.91	500,805,530.48

- (c) Pada masa kini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk mengurangkan kadar bayaran berkenaan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Projek Naiktaraf Sekolah Rendah dan Menengah:
- (a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk projek naiktaraf sekolah? Jika ada bagaimana cara permohonan.
 - (b) Senaraikan sekolah yang telah mendapat manfaat ini dalam DUN Bertam dari tahun 2013-2015 beserta kos.
 - (c) Berapa had siling bagi satu-satu projek naiktaraf? Nyatakan kaedah lantikan kontraktor.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Kerja-karya penyelenggaraan dan menaik taraf Sekolah Rendah dan Menengah adalah di bawah tanggungjawab langsung Kerajaan Persekutuan dan bukan Kerajaan Negeri. Peruntukan pembangunan yang disediakan bagi tujuan terlibat adalah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sejak tahun 2009 telah menyediakan peruntukan tahunan di bawah Program Bantuan Pendidikan kepada Sekolah-sekolah Bantuan Modal termasuk Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Sekolah Persendirian Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Tamil dan Sekolah Mubaligh. Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan kewangan bagi meringankan beban yang perlu ditanggung oleh Lembaga Pengurus sekolah-sekolah terlibat supaya dapat menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan kondusif. Bermula dari tahun 2011 sehingga kini, peruntukan tahunan yang disediakan untuk Program Bantuan Pendidikan kepada Sekolah-sekolah Bantuan Modal telahpun dinaikkan kepada RM12.0 juta dengan agihan sebanyak RM8.5 juta kepada Sekolah Cina/Sekolah Persendirian Cina/Sekolah Mubaligh dan RM1.75 juta masing-masing untuk Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Tamil. Peruntukan tahunan sebanyak RM1.75 juta untuk Sekolah Agama Rakyat adalah tambahan daripada RM45 juta yang dikenakan dibawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang sejak 2008. Sekiranya diambil kira pembelian tanah untuk Sekolah Agama Rakyat, maka kena tambah lagi puluhan juta ringgit.

- (b) Terdapat sebanyak 10 buah Sekolah Bantuan Modal yang mendapat peruntukan di bawah Program Bantuan Pendidikan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bertam iaitu 5 SAR, 3 SJK Cina dan 2 SJK Tamil. Senarai sekolah-sekolah tersebut adalah seperti di Lampiran A.
- (c) Penetapan had siling bagi projek naik taraf dan lantikan kontraktor bagi sekolah rendah dan menengah adalah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

RUJUK LAMPIRAN A BSAO NO. 12 (ID134)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Pembangunan Rumah Ibadat Kaum India dan Cina:
- (a) Berapakah jumlah Rumah Ibadat Kaum India dan Cina dalam DUN Bertam?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri pernah menyalurkan bantuan kewangan atau pembaikan, jika ada huraikan nama, tarikh dan jumlah kos dan pembiayaan.
 - (c) Jabatan manakah yang mengawal selia rumah-rumah ibadat seluruh Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Jumlah Rumah Ibadat Kaum India dan Cina dalam DUN Bertam (N2) adalah berjumlah 12 unit, dimana empat (4) bagi kaum India dan lapan (8) bagi kaum Cina.
- (b) Sehingga kini tidak ada sebarang bantuan kewangan disalurkan kepada Rumah Ibadat kaum India dan Cina secara khusus di KADUN Bertam. Namun demikian, RIBI di kawasan tersebut boleh memohon untuk bantuan kewangan dari Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan baru-baru ini.
- (c) Tiada jabatan yang dipertanggungjawabkan secara khusus atau langsung bagi mengawalselia rumah-rumah ibadat bukan Islam di negeri Pulau Pinang. Namun begitu, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang bertindak sebagai urusetia Jawatankuasa Penyelarasan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dan dipengerusikan oleh MMK Perancang Bandar & Desa dan Perumahan. Jawatankuasa ini berperanan menyelesaikan isu berkaitan permohonan tapak RIBI oleh persatuan / penganut bukan Islam, aduan binaan RIBI tanpa kebenaran dan penguatkuasaan binaan RIBI tanpa kebenaran. Keahlian Jawatankuasa ini terdiri daripada YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh - Pengerusi YB. Prof. Dr. P. Ramasamy, YB. Tuan Chow Kon Yeow, YB. Tuan Phee Boon Poh, YB. Dato' Abdul Malik bin Abul Kassim, YB. Tuan Teh Yee Cheu dan YB. Tuan Ong Chin Wen serta jabatan-jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya dan PBT.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Pelancongan di Kepala Batas:
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mengenalpasti beberapa lokasi berpotensi sebagai pusat pelancongan di Kepala Batas, Jika ada, senaraikan.
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan sektor pelancongan di Kepala Batas selain menjadi hab modal insan?
- (c) Agensi manakah yang bertanggungjawab mengadakan kaji selidik pusat pelancongan baru?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa lokasi yang dilihat mampu menjadi lokasi berpotensi sebagai daya tarikan pelancongan di kawasan Kepala Batas seperti berikut :
- (i) Homestay Kota Aur;
- (ii) Perusahaan Air Nira Kampung 20;
- (iii) Pasar Bisik Kuala Muda;
- (iv) Penang Golf Resort ;
- (v) Vision Park;
- (vi) Masjid Abdullah Fahim;
- (vii) Rumah Kelahiran Mantan Perdana Menteri Malaysia Ke-4, Tun Abdullah Ahmad Badawi;
- (viii) Pantai Kamloon; dan
- (ix) Pembuat Kasut/capal – JAGO.

- (b) Dalam meningkatkan kemajuan pelancongan di seluruh Seberang Perai termasuk Kepala Batas, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Penang Global Tourism (PGT) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membangunkan produk–produk pelancongan seperti berikut:
- (i) Menubuhkan Unit Warisan di bawah Jabatan Bangunan MPSP bagi merancang, membangun dan memantau tapak-tapak pelancongan dan warisan serta memelihara bangunan-bangunan peninggalan sejarah lama seperti Bangunan Kolonial, Rumah Tradisional, Artifak dan tapak-tapak monumen;
 - (ii) Mempromosi bangunan-bangunan warisan dunia yang bakal diwartakan dengan membukukan “Kisah Seberang Perai”, mengadakan pameran serta promosi melalui media cetak;
 - (iii) Menubuhkan Jawatankuasa Pelancongan dan Unit Warisan untuk merancang, membangun dan memantau tapak-tapak pelancongan dan warisan serta menambah baik kawasan/bangunan yang dikenal pasti;
 - (iv) Menerbitkan *Seberang Perai Tourist Map*, *Seberang Perai Heritage Map* dan *Seberang Perai Coffee Table Book* untuk diedarkan kepada Pejabat Pelancongan dan Kebudayaan, hotel dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang;
 - (v) Mengedarkan *Penang Tourist Map* dan cakera padat (CD) promosi yang mengandungi tempat-tempat menarik kepada peserta-peserta seminar antarabangsa yang dihadiri oleh YBhg. Dato' Yang Dipertua, Tuan Setiausaha Perbandaran dan pegawai-pegawai MPSP yang menyertai program tersebut;
 - (vi) Memuatnaikkan *Seberang Perai Tourist Map*, *Seberang Perai Heritage Map* dan *Seberang Perai Coffee Table Book* ke laman web MPSP dan My Penang melalui Penang Global Tourism Sdn. Bhd. (PGT) sebagai rujukan dan maklumat untuk orang ramai;
 - (vii) Menganjurkan *Butterworth Fringe Festival* bagi memperkenalkan Seberang Perai kepada orang ramai;
 - (viii) Menyediakan pakej pelancongan yang menyeluruh merangkumi kedua-dua bahagian Pulau dan Seberang Perai di mana para pelancong akan dibawa dari George Town melalui Jambatan Kedua Pulau Pinang (Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah) ke Auto City, Juru untuk makan malam dan balik ke George Town melalui feri;
 - (ix) Menganjur *Seberang Perai International Conference On Ecotourism And Conservations Efforts 2016 (SPICEC 2016)* yang memberi tumpuan kepada usaha eko-pelancongan dengan tema '*Mainstreaming Nature Conservation Through Ecotourism*';
 - (x) Menganjurkan *Seberang Perai Fiesta* bagi memperkenalkan kepelbagaian sektor agro pelancongan melalui pertanian, penternakan dan sektor–sektor berkaitan; dan
 - (xi) Meneroka peluang eko pelancongan melalui aktiviti *bird watching* di kawasan Seberang Perai yang dilihat mempunyai potensi yang besar memandangkan terdapat kawasan yang dijadikan tempat persinggahan pelbagai spesis burung hijrah dan tempatan yang unik.

Bagi kawasan Kepala Batas secara khususnya, Karnival Homestay Kota Aur akan diadakan pada bulan Disember 2016 untuk mempromosikan tempat tersebut dan menarik lebih ramai pelancong ke *homestay*. Selain itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama beberapa agensi negeri dan persekutuan telah menganjurkan bengkel *bird watching* yang dihadiri oleh penduduk–penduduk sekitar, pengusaha *homestay*, persatuan pemandu pelancong dan orang perseorangan. Di mana para peserta yang telah menghadiri bengkel tersebut akan disenaraikan di laman sesawang Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang untuk melayakkan mereka mengendalikan aktiviti *bird watching* secara profesional.

- (c) Kerajaan Negeri melalui MPSP bersama dengan PGT kini sedang meneroka tempat-tempat pelancongan baru yang dilihat mampu menarik dan meningkatkan kedatangan pelancong ke Seberang Perai.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Pertubuhan Belia dalam DUN Bertam:

- (a) Senaraikan Pertubuhan Belia dalam DUN Bertam beserta Alamat dan Nombor Telefon.
- (b) Berapakah peruntukan tahunan Kerajaan Persekutuan dan Negeri kepada Pertubuhan Belia berkenaan?
- (c) Senaraikan Pertubuhan Belia yang aktif dan tidak aktif dari tahun 2015-2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 15. (a) Terdapat sejumlah 14 Pertubuhan Belia dalam DUN Bertam. Perincian Pertubuhan Belia beserta alamat dan nombor telefon adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Tiada peruntukan khas yang diberikan secara tahunan daripada Kerajaan Persekutuan kepada semua Pertubuhan Belia yang berdaftar. Namun, Persatuan tersebut boleh mengemukakan permohonan peruntukan bagi aktiviti bantuan kepada pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang bagi permohonan bawah RM10,000.00. Manakala permohonan yang melebihi RM10,000.00 perlu dikemukakan terus kepada Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Kerajaan Negeri akan menyalurkan peruntukan kepada Pertubuhan Belia melalui Penang Youth Development Centre (PYDC) atau MMK Belia dan Sukan sekiranya terdapat permohonan untuk melaksanakan sesuatu program. Bagi tahun 2015 dan 2016 (sehingga Oktober) tiada peruntukan yang disalurkan kepada Pertubuhan Belia dalam DUN Bertam.
- (c) Daripada 14 Pertubuhan Belia di DUN Bertam, hanya empat (4) yang aktif dari tahun 2015 hingga 2016 seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BSAO NO. 15 (ID139)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Pembangunan Infrastruktur Jalan Kampung dan Longkang dalam DUN Bertam:

- (a) Senaraikan projek jalan kampung dan longkang yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri dalam DUN Bertam dari tahun 2014-2016 beserta kos.
- (b) Berapakah peruntukan yang ditetapkan bagi setiap DUN?
- (c) Apakah kaedah permohonan dan jabatan manakah yang mengawalselia serta meluluskan permohonan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 16. (a) Senarai projek jalan kampung dan longkang dalam DUN Bertam yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri disalurkan melalui Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (MPSP) di DUN Bertam dari tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Kerajaan Negeri tidak menetapkan peruntukan secara khusus bagi setiap DUN. Ia bergantung kepada permohonan yang dikemukakan kepada Pejabat Daerah selaku agensi pelaksana. Selain itu, MPSP turut menyediakan bajet pembangunan infrastruktur dan longkang untuk seluruh Seberang Perai berjumlah RM50,000.00 (tahun 2016 – vot 33206) dan juga di bawah peruntukan Ahli Majlis MPSP sebanyak RM504,000.00. Manakala bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang melalui Ahli Majlis pula sebanyak RM15,000.00 bagi setiap Ahli Majlis bagi projek jalan kampung dan longkang.

- (c) Terdapat 2 kaedah permohonan bagi kerja – kerja menaik taraf jalan kampung dan longkang. Pertama, permohonan boleh dibuat melalui Pejabat Daerah selaku agensi pelaksana untuk tujuan siasatan dan anggaran kos projek sebelum dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Jabatan Kewangan Negeri. Kedua, permohonan juga boleh dibuat melalui MPSP dan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan bagi bajet di bawah peruntukan MPSP dan Ahli Majlis MPSP.

RUJUK LAMPIRAN A BSAO NO. 16 (ID140)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang:

- (a) Berapakah jumlah perpustakaan awam di seluruh Pulau Pinang, senaraikan mengikut daerah.
- (b) Berapa ramaikan pengunjung Perpustakaan Awam di Jalan Bertam, Kepala Batas? Pecahkan mengikut umur dan jantina dari tahun 2014-2016.
- (c) Apakah ada usaha mempromosi kepada penduduk tempatan agar cintai buku dan bacaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang mempunyai 105 buah pusat perkhidmatan yang merangkumi sebuah Perpustakaan Pusat di Seberang Jaya, 6 buah Perpustakaan Cawangan/Kanak-kanak, 2 buah Perpustakaan Pekan, 1 Perpustakaan Digital, 3 buah Perpustakaan di Pusat Membeli Belah (KOMTAR, Bayan Baru dan Kompleks AEON Alma), 47 buah Perpustakaan Desa/ Komuniti Siber Ilmu, 33 Perpustakaan Desa Perpustakaan Negara Malaysia dan 12 buah Perpustakaan Bergerak (2 buah Perpustakaan bergerak khusus untuk Orang Kelainan Upaya dan sebuah E-Pustaka) yang memberi perkhidmatan di 238 lokasi di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Pecahan bilangan perpustakaan mengikut daerah adalah seperti berikut :-

JENIS PERKHIDMATAN	SPU	SPT	SPS	DTL	DBD	JUMLAH
Perpustakaan Pusat		1				1
Perpustakaan Cawangan	1	1	1	1	1	5
Perpustakaan Kanak-kanak				1		1
Perpustakaan Digital	1					1
Perpustakaan Pekan	1		1			2
Perpustakaan Desa	1					1
Perpustakaan Desa Perpustakaan Negara Malaysia	14	6	6	3	3	32
Perpustakaan Desa Siber Ilmu	12	10	10		5	37
Perpustakaan Komuniti Siber Ilmu		3		5	2	10
Perpustakaan Beli Belah		1			2	3
Perpustakaan Bergerak	3	2	2	3	1	11
Perpustakaan Bergerak E-Pustaka (hentian di SPU, SPT dan SPS)						1
JUMLAH	33	24	20	13	14	105

Senarai terperinci pusat perkhidmatan adalah seperti di Lampiran A.

- (b) Jumlah pengunjung Perpustakaan Awam di Jalan Bertam, Kepala Batas bagi tempoh 2014 hingga 2016 adalah 157,722 orang yang terdiri daripada 76,914 orang lelaki dan 80,808 orang wanita. Pecahan terperinci mengikut umur dan jantina adalah seperti di Lampiran B.
- (c) Pelbagai usaha yang telah dijalankan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) dalam usaha mempromosi dan menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Antaranya adalah dengan mengadakan program-program "road show" untuk menyampaikan kepentingan membaca dan kelebihan menjadi ahli perpustakaan. PPAPP juga menjalankan program "out reach" di mana kemudahan perpustakaan disediakan sehingga depan pintu rumah pengguna (*Door to door*).

Terdapat kempen-kempen kesedaran juga dilaksanakan seperti 'Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit' bertujuan untuk menyemai dan menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia di samping memperingati sambutan Hari Buku Dan Hak Cipta Sedunia. Selain itu, ia juga bertujuan memartabatkan kedudukan buku sebagai sumber pengetahuan utama walaupun teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) berkembang dengan pesat.

Selain itu, PPAPP juga telah menyediakan kemudahan 1,800 e-book, akhbar atas talian dan jurnal elektronik untuk pengguna membaca pada bila-bila masa dan di mana juga mereka berada dengan gajet pintar masing-masing.

PPAPP juga menyediakan kemudahan Pinjaman Berkelompok untuk sekolah-sekolah yang ingin meminjam koleksi secara pukal (200-300 naskhah) untuk menggalakkan pelajar membaca di perpustakaan sekolah masing-masing.

Aktiviti galakan membaca juga dijalankan pada setiap minggu di semua pusat perkhidmatan PPAPP. Aktiviti ini sebagai tarikan kepada masyarakat untuk berkunjung dan menggunakan kemudahan perpustakaan.

Dalam usaha menyemai budaya membaca dalam masyarakat, PPAPP juga mengadakan kelas tuisyen secara percuma kepada pelajar sekolah dengan menggunakan bahan perpustakaan sebagai rujukan mereka di Perpustakaan Desa.

RUJUK LAMPIRAN A DAN B BSAO NO. 17 (ID141)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Lampu Isyarat di DUN Bertam:

- (a) Senaraikan jumlah lampu isyarat beserta tempat di seluruh DUN Bertam dan tarikh akhir penyelenggaraan.
- (b) Agensi manakah yang memantau dan menyelia lampu-lampu isyarat atau ada syarikat yang dilantik, senaraikan.
- (c) Adakah masih ada cadangan lampu isyarat baru di sekitar DUN Bertam? Senaraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Terdapat 19 lokasi lampu isyarat di seluruh DUN Bertam. Senarai lokasi serta tarikh akhir penyelenggaraan lampu isyarat tersebut adalah seperti di Lampiran A.
- (b) MPSP melalui kontraktor panel yang dilantik iaitu Syarikat Cemara Binajaya(M) Sdn Bhd bertanggungjawab memantau dan menyelia lampu-lampu isyarat di DUN Bertam.
- (c) Cadangan lokasi lampu isyarat baru yang dikenalpasti oleh MPSP di sekitar DUN Bertam adalah di Persimpangan Jalan Taman Sri Serdang / Jalan Tiga.

RUJUK LAMPIRAN A BSAO NO. 18 (ID142)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. CCTV di sekitar DUN Bertam:

- (a) Sila senaraikan jumlah CCTV yang telah dipasang di DUN Bertam beserta lokasi.
- (b) Apakah keberkesanan pemasangan CCTV kepada pihak keselamatan dan orang awam?
- (c) Berapakah kos yang dibelanjakan bagi pemasangan CCTV di setiap lokasi di atas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Jumlah CCTV yang dipasang di DUN Bertam adalah sebanyak enam (6) unit dan kos pemasangan CCTV di setiap lokasi adalah RM186,357.00 dengan tempoh sewaan selama lima (5) tahun setiap unit. Perincian lokasi CCTV beserta kos yang terlibat adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Penggunaan CCTV di MPSP adalah berkesan bagi memantau kesalahan-kesalahan yang melibatkan bidangkuasa MPSP seperti yang disenaraikan di bawah termasuk mengawal lalulintas dan pendidikan awam:
- i. Kesalahan tempat letak kereta.
 - ii. Halangan tempat awam.
 - iii. Pembuangan sampah haram.
 - iv. Penjaja haram.
 - v. Banner tanpa kebenaran.
 - vi. Anjing liar.

Pada tahun 2016 (berakhir bulan September) MPSP telah berjaya mengesan 1670 kes melalui CCTV. Peratusan kes CCTV yang telah diambil tindakan oleh MPSP secara purata adalah sebanyak 40%. Perincian mengikut bulanan adalah seperti di Lampiran B. Di samping itu, MPSP juga bekerjasama dengan PDRM bagi mengambil tindakan pemantauan bersepadu dengan mengadakan Mesyuarat Bandar Selamat setiap bulan terutamanya bagi kawasan hotspot. MPSP juga akan terus memaklumkan pihak PDRM mengenai kesesakan lalu lintas dan masalah jenayah jika dikesan melalui CCTV.

RUJUK LAMPIRAN A DAN B BSAO NO. 19 (ID144)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Perhentian Bas Awam di Kepala Batas:

- (a) Nyatakan kos penyelenggaraan dan tarikh siap kerja Perhentian Bas Awam di Lahar Tabut dan SK Permatang Bertam?
- (b) Jabatan manakah yang memantau secara berkala setiap Perhentian Bas Awam?
- (c) Adakah pihak berkenaan menerima aduan kerosakan Perhentian Bas Awam di hadapan IPD SPU.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Jumlah kos penyelenggaraan kedua-dua perhentian bas awam di Lahar Tabut dan SK Permatang Bertam adalah sebanyak RM4,522.88 dan tarikh siap kerja adalah 23 Ogos 2016.
- (b) Bahagian Kejuruteraan MPSP adalah Jabatan yang bertanggungjawab ke atas pemantauan perhentian bas awam di kawasan Seberang Perai.

- (c) Pihak MPSP telah menerima aduan kerosakan Perhentian Bas Awam di hadapan IPD SPU menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah SPU pada 29 Ogos 2016. Oleh itu, pihak MPSP telah mengambil tindakan pembaikan sementara bagi bahagian yang rosak pada 18 September 2016. Pembaikan dan penyelenggaraan sepenuhnya bagi perhentian bas awam di hadapan IPD SPU akan dilaksanakan pada bulan Februari 2017, di mana tender telah diiklankan pada 20 Oktober 2016 dan akan ditutup pada 21 November 2016.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Perkhidmatan WIFI percuma:
- (a) Nyatakan lokasi yang menawarkan Perkhidmatan WIFI percuma di Pulau Pinang, senaraikan mengikut daerah.
 - (b) Adakah kawasan DUN Bertam mendapat Perkhidmatan WIFI percuma? Jika tiada, bagaimana pemilihan kawasan dibuat?
 - (c) Jika ada perancangan perkhidmatan ini di kawasan DUN Bertam, bila akan dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Sebanyak 1,560 *hotspot* (Access Point – AP) perkhidmatan wifi percuma di bawah program Penang Free Wifi telah disediakan oleh Kerajaan Negeri. Senarai lokasi mengikut daerah adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Kawasan DUN Bertam juga telah mendapat perkhidmatan Penang Free WiFi melalui 10 *hotspot* yang telah disediakan.
- (c) Perkhidmatan Penang Free WiFi di kawasan DUN Bertam telah dilaksanakan pada tahun 2012.

RUJUK LAMPIRAN A BSAO NO. 21 (ID149)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Jeti Nelayan di Padang Benggali, DUN Bertam:
- (a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan semula jeti nelayan di Padang Benggali supaya lebih selesa?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri pernah mengadakan lawatan bagi meninjau jeti berkenaan? Jika ada, nyatakan tarikh dan isu berbangkit.
 - (c) Pernahkah bantuan diberikan di jeti berkenaan? Senaraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Jeti Unit Nelayan Telok Ayer Tawar yang terletak di Sungai Abdul, Padang Benggali menempatkan hampir 44 buah sampan. Jeti ini dimiliki oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan dikawal selia oleh Unit Nelayan Telok Ayer Tawar dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Seberang Perai. Unit Nelayan telah membuat permohonan kepada PNK Seberang Perai untuk menaik taraf jeti ini merangkumi komponen *slip way*, *chain lock* dan menaik taraf sumber elektrik. Anggaran kos yang terlibat adalah RM50,000.00 dan permohonan masih di peringkat pertimbangan LKIM.
- (b) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani tidak mengadakan sebarang lawatan dalam tempoh terdekat. Tiada sebarang maklumat dan perkara berkaitan jeti ini dibangkitkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani yang turut dianggotai oleh LKIM dan Jabatan Perikanan.

- (c) Jeti Telok Ayer Tawar yang bersifat sementara adalah milik LKIM dan sebarang cadangan penambahbaikan adalah di bawah peruntukan Persekutuan tertakluk kepada persetujuan selaku pemilik tapak tersebut. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah membantu 44 orang ahli (pemilik vessel) unit Telok Ayer Tawar dalam Program Pemberian Pukat Nelayan Pesisir Pantai.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Guru KAFA dan Sekolah Agama Rakyat:

- (a) Berapakah jumlah elaun tetap bulanan Guru KAFA? Pecahkan sumbangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
- (b) Adakah wujud cadangan agar elaun dinaikkan setaraf gaji minima iaitu RM900.00?
- (c) Senaraikan jumlah Guru KAFA dalam DUN Bertam mengikut senarai Sekolah Agama Rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Secara umumnya, elaun bulanan guru Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA) yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan di seluruh Malaysia adalah sebanyak RM800.00 sebulan. Walau bagaimanapun, bagi guru-guru KAFA di Pulau Pinang selain dari bayaran Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri telah membayar elaun tambahan sebanyak RM50.00 menjadikan jumlah keseluruhan elaun guru KAFA di Pulau Pinang berjumlah RM850.00 sebulan.
- (b) Cadangan menaikkan elaun bulanan guru KAFA telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan baru-baru ini melalui Bajet 2017. Elaun bulanan guru KAFA akan dinaikkan daripada RM800.00 kepada RM900.00. Ini bermakna, guru KAFA di Pulau Pinang akan menerima elaun bulanan berjumlah RM950.00 mulai tahun 2017.
- (c) Keseluruhannya terdapat seramai 54 orang guru KAFA yang bertugas di 11 lokasi kelas KAFA yang beroperasi di kawasan DUN Bertam. Dari jumlah tersebut seramai 26 guru KAFA ditempatkan di 5 buah sekolah agama rakyat. Senarai jumlah guru KAFA termasuk yang bertugas di sekolah agama rakyat adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BSAO NO. 23 (ID 151)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Komuniti Sihat Permata Negara (KOSPEN):

- (a) Senaraikan jumlah KOSPEN di seluruh Pulau Pinang mengikut daerah.
- (b) Adakah Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan tahunan kepada setiap KOSPEN untuk pelaksanaan program dan aktiviti?
- (c) Sila nyatakan bantuan Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk KOSPEN dari tahun 2015-2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Komuniti Sihat Permata Negara (KOSPEN) telah dimulakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bermula Julai 2013 bertujuan untuk memperkasakan masyarakat dengan amalan gaya hidup sihat sendiri bagi menurunkan kadar penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia.
- (a) Bermula pada Julai 2013 sehingga Oktober 2016, terdapat sebanyak 182 KOSPEN yang telah didaftarkan di seluruh negeri Pulau Pinang seperti pecahan berikut:

Daerah	Bilangan KOSPEN
Daerah Timur Laut	19
Daerah Barat Daya	37
Daerah Seberang Perai Utara	53
Daerah Seberang Perai Tengah	48
Daerah Seberang Perai Selatan	25
Jumlah	182

- (b) KOSPEN dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri dengan kerjasama agensi-agensi Persekutuan yang lain termasuk Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Sehingga tahun 2016 terdapat 182 KOSPEN di Pulau Pinang. Sebanyak 122 lokaliti KOSPEN dijalankan dengan kerjasama Jabatan KEMAS dan 60 lokaliti dengan kerjasama JPNIN.
- (c) Bantuan yang disalurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia kepada KOSPEN dibuat melalui Pejabat Kesihatan Daerah dalam bentuk berikut:
- (i) Membekalkan peralatan saringan iaitu alat penimbang dan tinggi, BP set dan Glukometer untuk semua lokaliti KOSPEN;
 - (ii) Menyalurkan peruntukan berjumlah RM3000 bagi setiap lokaliti melalui Pejabat Kesihatan Daerah yang akan digunakan untuk menyediakan prasarana KOSPEN (seperti papan tanda, bahan promosi dan trek 10,000 langkah) dan perbelanjaan untuk aktiviti saringan, intervensi dan kempen kesedaran gaya hidup sihat;
 - (iii) Menyalurkan peruntukan untuk program latihan GSiM (Gerak Sihat Malaysia) dan program Pengurusan Berat Badan di kalangan ahli masyarakat berisiko;
 - (iv) Menyediakan pasukan INCD (Intervention for Non-communicable Disease) yang terdiri daripada anggota kesihatan daerah yang akan memberikan input teknikal dan membimbing sukarelawan untuk menjadi agen pengubah masyarakat kepada amalan gaya hidup sihat; dan
 - (v) Menyediakan perisian MOVEs (Mysihat Online Evaluation System) yang di bantu oleh Mysihat untuk pemantauan data saringan KOSPEN secara berterusan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Status Tanah Pertanian:

- (a) Senaraikan Tanah Pertanian di DUN Bertam yang telah ditukar syarat oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2013-2016.
- (b) Adakah Kerajaan Negeri mengenakan syarat yang ketat untuk penukaran status. Jika ada nyatakan.
- (c) Adakah kelulusan hanya di peringkat PBT atau perlu dikemukakan kepada MMK? Nyatakan kaedahnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Bagi tempoh 2013 hingga 2016, terdapat hanya satu (1) permohonan tukar syarat tanah di DUN Bertam yang diluluskan daripada pertanian kepada pembangunan yang melibatkan lot 1848, Mukim 8, SPU.
- (b) Pemilik tanah yang hendak menukar kegunaan tanah perlu mengemukakan permohonan tukar syarat tanah melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan permohonan perlingkungan semula (rezoning) kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD). Selaras dengan seksyen 124 Kanun Tanah Negara 1965, cadangan untuk tukar syarat

tanah mestilah mendapat kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri. Permohonan adalah dibuat melalui PDT dan kemudian kertas pertimbangan diangkat kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (JKTN) beserta ulasan teknikal daripada JPBD, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Bagi permohonan perlingkungan semula ianya perlu dibuat sekiranya zoning guna tanah adalah berlainan dari yang ditetapkan dalam Rancangan Pemajuan yang telah diwartakan. Permohonan akan dibuat kepada Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri sebelum diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Perancang Negeri.

- (c) Permohonan tukar syarat perlu dibuat melalui PDT yang menyediakan dan mengangkat kertas pertimbangan kepada Majlis Jawatankuasa Tanah Negeri (JKTN). Manakala permohonan perlinkungan semula (rezoning) perlu dibuat melalui JPBD sebelum kertas pertimbangan diangkat untuk kelulusan Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri dan Jawatankuasa Perancang Negeri.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Pengindahan Hijau di sekitar Jalan Bertam:

- (a) Adakah pihak berkenaan berhasrat untuk menanam semula pokok yang rosak di Jalan Bertam?
- (b) Agensi manakah yang bertanggungjawab mencerikannya sepanjang jalan dari Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara sehingga Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Utara?
- (c) Berapa kali pemantauan dibuat dan berapakah kos yang diperlukan setahun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 26. (a) Penanaman semula pokok yang rosak di Jalan Bertam akan ditanam semula pada penghujung tahun 2016 dengan menggantikan pokok-pokok renek di dalam kotak penanaman sedia ada di sepanjang Jalan Bertam.
- (b) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah agensi yang bertanggungjawab bagi mencerikan sepanjang jalan dari Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (SPU) sehingga Pejabat Pendidikan Daerah SPU yang merangkumi penyelenggaraan pokok teduhan dan pokok renek.
- (c) Kekerapan kerja-kerja penyelenggaraan pokok renek dan pokok teduhan adalah sebanyak sekali sebulan yang meliputi lokasi Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir, Jalan Bertam 1, Jalan Bertam 2, Jalan Bertam Indah 1 dan Taman Sepakat. Kerja-kerja penyelenggaraan pokok-pokok tersebut dilaksanakan sendiri oleh MPSP dan kos penyelenggaraannya dianggarkan sebanyak RM30,000.00 setahun.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Naiktaraf Jalan dari Permatang Kuala ke Lahar Tabut, DUN Bertam:

- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk melebarkan jalan tersebut?
- (b) Jika ada, bilakah akan dilaksanakan dan kos yang diperuntukan?
- (c) Jika tiada, nyatakan sebab tidak dilaksanakan memandangkan jalan tersebut merupakan jalan utama dan sibuk.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf Jalan dari Permatang Kuala ke Lahar Tabut, DUN Bertam. Anggaran kos peruntukan bagi tujuan tersebut adalah sebanyak RM7,000,000.00 dan telah dimasukkan dalam perancangan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Namun begitu, permohonan tersebut sehingga kini masih belum diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Mitigasi dan restorasi Bukit Relau (Bukit Botak):
- (a) Berapa peratuskah proses mitigasi di bukit berkenaan? Huraikan secara terperinci dari awal hingga terkini.
 - (b) Adakah proses restorasi sudah mula dilaksanakan? Jika ya, syarikat manakah yang dilantik?
 - (c) Nyatakan butiran perbelanjaan terperinci proses ini. Pecahkan antara Mitigasi dan Restorasi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Peratusan kerja-kerja mitigasi yang sudah disiapkan sehingga kini di Bukit Relau (Bukit Botak - di atas Lot 34, Lot 303 dan Lot 11396) adalah ditunjukkan seperti jadual di bawah :-

No Lot	Pecahan Peratusan Mitigasi %	Peratus Siap %	Catatan
34	30	30	Kerja mitigasi siap sepenuhnya. Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah penyelenggaraan ke atas kerja mitigasi yang dilaksanakan (kolam enapan, parit & menstabilkan cerun)
303	30	30	Kerja mitigasi siap sepenuhnya. Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah penyelenggaraan ke atas kerja mitigasi yang dilaksanakan (kolam enapan, parit & menstabilkan cerun)
11396	40	0	Tiada aktiviti dijalankan. Hanya kerja <i>rock blasting</i> dibuat.
Jumlah	100	60	

Skop kerja-kerja yang telah disiapkan bagi Lot 34 & 303 adalah seperti berikut:

- i. Kerja membina dan menyelenggara kolam enapan.
 - ii. Menstabilkan cerun dengan kaedah *hydro-seeding*, *erosion control mat*, *spot turfing* dan *closed turfing*.
 - iii. Kerja-kerja membina parit bagi mengawal air larian permukaan.
 - iv. Melindungi permukaan cerun dengan memasang & menyelenggara "*geotextile / taupauline*"
- (b) Kerja restorasi masih belum lagi dilaksanakan di Bukit Relau. (Difahami bahawa General Accomplishment Sdn Bhd (GASB) dalam proses memohon untuk mendapatkan bekalan air bagi tujuan kerja restorasi.)

- (c) Setakat maklumat yang ada, kerja-kerja mitigasi di tapak dilaksanakan oleh pihak General Accomplishment Sdn. Bhd. (GASB) sendiri. MBPP tiada maklumat berkaitan butiran perbelanjaan kos kerja-kerja yang dilaksanakan.

XI. Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah benar lot-lot tanah projek perumahan penempatan semula mangsa Tsunami di Kuala Muda telah dibeli oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) daripada MPSP dan diletak hak kepada Kerajaan Negeri? Jika tidak benar:
- (a) Nyatakan nama pemilik asal dan pembiaya/pembeli.
- (b) Nyatakan lot no dan keluasan tanah yang belum dimajukan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Tapak projek pembangunan perumahan penempatan semula mangsa Tsunami melibatkan 13 lot iaitu Lot 793, 794, 796, 877, 881, 884, 1065, 1067, 1129, 1705, 1706, 2440 dan 2441, Mukim 1, Kuala Muda, Seberang Perai Utara (SPU) (lot asal sebelum dipecah bahagi) berkeluasan 69.02 ekar. Tanah tersebut pada awalnya adalah milik Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang kemudiannya diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri setelah MPSP menerima bayaran berjumlah RM9.4 juta yang merangkumi kos pembelian dan kerja-kerja tanah telah dibayar secara terus kepada MPSP oleh Kementerian Kewangan. Tanah ini kemudiannya telah diberi milik kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI).
- (b) Dari keseluruhan lot berkenaan hanya Lot PT1175, Mukim 1, Kuala Muda, SPU, dengan keluasan 0.5 ekar, iaitu tapak bagi cadangan untuk Sekolah Agama Rakyat belum dimajukan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila jelaskan kenapa pihak Kerajaan Negeri masih lagi belum memulangkan Borang Pindahmilik 14A yang telah disediakan dan dihantar oleh Peguamcara Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) berhubung dengan urusan pindahmilik rumah-rumah projek perumahan untuk mangsa tsunami di Kuala Muda.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Mesyuarat Penyelarasan Projek Penempatan Semula Mangsa Tsunami Di Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian (Pengurusan Bencana), Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri pada 18 Ogos 2014 telah mengambil maklum bahawa tiga (3) peguamcara telah dilantik bagi mengendalikan urusan pindah milik 461 unit rumah di penempatan semula tsunami Kuala Muda, Seberang Perai Utara. Tiga peguamcara berkenaan adalah Tetuan Noryuslinda Yunus & Fariza Ismail, Tetuan Tawfeek Badjenid & Partners dan Tetuan Nizam Haswira & Partners.

Mesyuarat tersebut juga turut bersetuju supaya urusan pindah milik hartanah tersebut dilaksanakan secara kes demi kes dengan memberi keutamaan kepada penama asal yang masih hidup dan seterusnya kepada kes yang bermasalah seperti penama asal telah meninggal dunia dan hartanah telah dijual kepada pihak ketiga.

Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI) selaku tuan tanah telah menerima Borang Pindah Milik 14A (Seksyen 215, 217, 218) secara berperingkat daripada syarikat panel peguam yang dilantik oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk ditandatangani. SSI telah memohon kepada pihak SPNB supaya menyerahkan dokumen untuk kes-kes yang tidak bermasalah secara serentak. Namun, ianya dikemukakan secara berperingkat dan dokumen tersebut perlu disemak terlebih dahulu dan mengambil masa. Kelewatan pengembalian Borang 14A tersebut juga adalah disebabkan ketiadaan dokumen *blanket consent* bagi tujuan pindah milik tersebut. Dokumen tersebut akan dikemukakan bersama-sama dengan Borang 14A

berkenaan. Proses semakan yang telah dilakukan oleh Bahagian Perumahan dan SSI didapati bahawa tiada rekod *blanket consent* yang pernah dipohon untuk kedua-dua projek perumahan tsunami Kuala Muda, Seberang Perai Utara (SPU) dan Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut (DTL) sebelum ini. Perkara tersebut telah dimaklumkan secara lisan kepada pihak peguam yang terlibat untuk tindakan selanjutnya (mengemukakan permohonan *blanket consent* kepada pihak Pejabat Tanah dan Galian).

Setakat ini kesemua Borang 14A yang diterima telah pun diserahkan (secara serahan tangan) kepada pihak SPNB pada 5 September 2014. Bagi tujuan proses pindah milik tersebut juga, SSI telahpun menyerahkan keseluruhan Geran Hakmilik Individu bagi unit rumah tsunami Kuala Muda secara serahan tangan kepada panel peguam yang dilantik SPNB (Tetuan Nizam Haswira & Partners) pada 26 Disember 2014.

Terkini, SSI telah menerima sebanyak 13 set Borang 14A daripada pihak peguamcara pada 31 Oktober 2016. Ke semua Borang 14A yang diterima telah ditandatangani dan dikembalikan kepada pihak peguam terlibat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Fenomena air pasang besar di Kuala Muda telah menyebabkan kerosakan kepada rem (tempat pendaratan bot nelayan ke Pasar Bisik) dan peninggalan bekas tiang konkrit/kayu titi lama di persisiran pantai boleh mendatangkan kerosakan kepada bot nelayan yang mendarat disitu. Apakah tindakan yang diambil Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi nelayan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia selaku pemilik jeti telah mengadakan lawatan pada 17 dan 18 Oktober 2016 untuk meninjau keadaan dan kerosakan yang berlaku kepada Jeti Kuala Muda dan fasiliti di sekeliling. Kerja-kerja baik pulih yang diperlukan merangkumi pembaikan jeti, kompleks pasar bisik dan *slip way* (jeti pendaratan) telah disediakan dengan anggaran kos RM80,000.00.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Para nelayan Pulau Pinang sedang menghadapi masalah kurang tangkapan ikan di perairan Negeri Pulau Pinang sehingga terpaksa pergi ke perairan Negeri Perak dan Kedah. Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri untuk membantu para nelayan ketika ini?.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Berdasarkan rekod yang dibekalkan agensi berkaitan perikanan, rekod pendaratan ikan setiap tahun menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2014. Kerajaan Negeri juga turut membantu nelayan sebagai usaha untuk meningkatkan lagi hasil perikanan di Pulau Pinang. Antara inisiatif yang diambil adalah seperti berikut:
 - (i) Pemberian bantuan pukot dan peralatan menangkap ikan kepada nelayan pesisir pantai yang majoritinya adalah nelayan tradisional sebanyak dua (2) kali setahun bermula tahun 2013;
 - (ii) Pembinaan tukun tiruan bagi mewujudkan pusat pembiakan ikan yang baru di kawasan Pulau Kendi dan Pulau Aman;
 - (iii) Pemberian Lesen Pendudukan Sementara (TOL) kepada pengusaha-pengusaha sangkar bagi meningkatkan pengeluaran hasil perikanan; dan
 - (iv) Pengwujudan Zon Perikanan di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Juru dan Kerajaan Negeri dalam usaha mewujudkan TKPM Pesisir pantai di Zon Industri Akuakultur (ZIA) Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Terdapat pokok-pokok besar dan lama di tepi jalan raya utama (Jalan Negeri) dalam KADUN Penaga yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna jalanraya khususnya semasa berlakunya angin ribut. Sila nyatakan nama Jabatan/Agensi yang bertanggungjawab untuk memotong pokok-pokok tersebut?.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Jabatan Kerja Raya (JKR) bertanggungjawab memotong pokok - pokok liar (bukan ditanam) yang besar dan berbahaya yang berada di atas rezab jalan JKR (Jalan Negeri) tetapi tidak termasuk pokok di atas tanah persendirian. Manakala MPSP pula bertanggungjawab untuk menyelenggara kerja-kerja pangkasan atau penebangan pokok-pokok yang berada di atas rezab Jalan Negeri. Kerja-kerja pemotongan pokok oleh JKR dan MPSP dilakukan secara berjadual atau berdasarkan keperluan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Jika seorang penjawat awam di dakwa di mahkamah beliau akan dikenakan tindakan gantung kerja serta merta sehingga didapati tidak bersalah. Bagaimana kedudukan seorang Ketua Menteri atau Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari segi undang-undang?.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kedudukan Y.A.B. Ketua Menteri dan YB. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri adalah seperti ditetapkan dalam Perlembagaan Negeri manakala Penjawat Awam adalah ditentukan oleh Perintah Am dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila senaraikan dengan terperinci nama pemilik dan lot-lot tanah yang masih belum dibangunkan/dimajukan dalam KADUN Penaga yang dimiliki oleh persendirian dan Kerajaan Negeri/Persekutuan, Agensi-agensi Kerajaan Negeri/ Persekutuan khususnya di kawasan Kuala Muda.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Tiada maklumat berkaitan lot-lot tanah yang masih belum dibangunkan atau dimajukan oleh pemilik tanah. Maklumat mengenai pembangunan tanah diperolehi apabila pemilik tanah mengemukakan cadangan pemajuan tanah melalui permohonan Pelan Kebenaran Merancang kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila senaraikan dengan terperinci nama-nama syarikat Multinasional dan jenis perniagaan yang beroperasi di Pulau Pinang yang telah berhenti beroperasi sejak 2008 sehingga 2016 dan nyatakan sebab-sebabnya.
 - (a) Berapa jumlah pekerja yang diberhentikan.
 - (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu mereka.
 - (c) Adakah ia berjaya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Sejak tahun 2008 sehingga kini, sebanyak 5 buah syarikat multinasional (MNC) telah memberhentikan operasi mereka di Pulau Pinang yang melibatkan jumlah pekerja yang diberhentikan seramai 2,491 orang.
- (b) Walaupun terdapat penutupan kilang dan pemindahan operasi di Pulau Pinang, masih banyak syarikat-syarikat baru yang memilih Pulau Pinang sebagai lokasi untuk pelaburan mereka. Perincian pelaburan-pelaburan baru dan penambahan peluang pekerjaan yang dicipta di Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

No.	Syarikat	Tarikh Tamat	Pekerja Tempatan Terlibat	Sebab-sebab Henti Operasi
1.	Fairchild	September 2015	1,350	Penutupan kilang kerana pemberhentian perkhidmatan.
2.	Amphenol	Oktober 2015	150	Menutup salah satu daripada tiga kilang dan mengalihkan operasi tersebut ke China.
3.	HGST Technologies Malaysia Sdn Bhd	Jun 2016	350	Penutupan kilang kerana pemberhentian perkhidmatan Perniagaan HGST diambil alih oleh WD.
4.	Western Digital	Julai 2016	400	Kilang tidak ditutup; hanya operasi Slider dihentikan dan mengalihkan operasi ke Thailand.
5.	TS Solartech	September 2016	241	Pembuangan pekerja baru akibat ramalan perniagaan yang tidak tepat.
Jumlah			2,491	

- (c) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pekerja-pekerja tersebut adalah seperti berikut:
- (i) menjalankan pepadanan jawatan melalui Pusat CAT (Penang Career Assistance and Talent Centre) menjalankan pepadanan jawatan kepada semua golongan pencari kerja samada pekerja yang diberhentikan kerja atau pekerja baru dengan yang ditawarkan oleh industri. Sejak penubuhan Pusat CAT pada Mac 2009 sehingga October 2016, seramai 9,027 orang telah berdaftar sebagai pemohon pekerjaan di mana sebanyak 5,970 pepadanan jawatan telah dijalankan. Dari senarai nama yang dibekalkan oleh Pusat CAT, majikan akan menghubungi mana-mana calon yang diminati dan menguruskan aktiviti seterusnya secara langsung;
 - (ii) meningkatkan peluang pekerjaan melalui peningkatan pelaburan. Pihak Invest Penang bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Penang International Halal Hub, Penang Global Tourism dan sebagainya untuk mempromosi/menarik pelaburan asing ke negeri Pulau Pinang dan meluaskan pelaburan tempatan. Selain dari sektor pembuatan, pengajian, pelancongan dan perubatan, kebelakangan ini pelabur-pelabur dari sektor Perkhidmatan Perniagaan Global (*Global Business Services*) turut meningkat justeru mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang kewangan, teknologi maklumat (IT) dan sumber manusia;
 - (iii) melaksanakan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang yang merupakan program pinjaman mikrokredit kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan tempatan, penganggur dan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan. PTSR merupakan satu usaha untuk membasmi kemiskinan dan pengangguran;
 - (iv) memperkenalkan program baru iaitu "Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology (@CAT)" bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai perintis pemula niaga (*entrepreneur*). Program ini bertujuan untuk membantu usahawan kecil yang terlibat di dalam bidang kreatif animasi, analisis dan teknologi ataupun yang terlibat di dalam sektor "Internet of Things" (IOT); dan

- (v) memperkenalkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang sebagai dorongan kepada golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya yang berpotensi menjana punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM500,000 telah diperuntukan, di mana setiap pemohon yang berjaya mendapat kemudahan pinjaman sebanyak RM5,000 dengan tempoh pembayaran balik pinjaman selama 2 tahun tanpa faedah. Sehingga bulan Oktober 2016, sebanyak RM245,000 telah diagihkan kepada 49 orang usahawan tani.
- (d) Kadar pengangguran di Pulau Pinang pada tahun 2014 dan 2015 adalah sebanyak 1.6 peratus dan terendah di Malaysia, berbanding kadar pengangguran nasional yang meningkat dari 2.9 peratus pada tahun 2014 kepada 3.1 peratus pada tahun 2015. Ini secara tidak langsung, menunjukkan kejayaan usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam menangani isu pemberhentian pekerja oleh syarikat multinasional.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 9. Terdapat juga kawasan dalam perumahan Penang Golf Resort, Bertam, Kepala Batas yang tidak ada lampu jalan (*street light*). Adakah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bercadang untuk mengkaji semula keperluan pemasangan lampu jalan di jalan-jalan tersebut demi keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan tersebut dan penduduk taman perumahan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 9. Berdasarkan lawatan tapak ke kawasan Perumahan Penang Golf Resort oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 25 Oktober 2016, semua jalan dalam kawasan Perumahan Penang Golf Resort, Bertam, Kepala Batas telah mempunyai lampu jalan. Namun begitu, berdasarkan lawatan tapak tersebut juga, MPSP merancang untuk menambah pemasangan tiga (3) unit lampu jalan di tiang sedia ada di Persiaran Bertam 3, 5 dan 6, Penang Golf Resort, Bertam, Kepala Batas demi keselamatan dan kesejahteraan pengguna kawasan tersebut.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 10. Baru-baru ini berlaku banjir kilat di beberapa jalan dalam Taman Perumahan Penang Golf Resort, Bertam, Kepala Batas, di antara sebabnya kedudukan jalan tersebut rendah dan air hujan bertakung di situ. Selain daripada itu ia juga mungkin disebabkan oleh masalah perparitan/saliran. Apakah tindakan yang diambil oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk mengatasi masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 10. Banjir kilat yang berlaku di Taman Perumahan Penang Golf Resort, Bertam, Kepala Batas pada 10 Oktober 2016 adalah berpunca daripada kerosakan longkang yang menyebabkan aliran air tidak lancar.

MPSP telah mengambil tindakan berikut untuk mengatasi masalah ini :-

- (i) Membersihkan sampah yang tersumbat dalam longkang; dan
- (ii) Menjalankan kerja-kerja membaiki kerosakan longkang yang dijangka siap pada 14 November 2016.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 11. Jalan Lahar Kepar merupakan di antara jalan utama ke kampung-kampung dan taman perumahan dalam KADUN Penaga. Khususnya di waktu malam dan sering berlaku kemalangan jalanraya. Adakah pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bercadang untuk

memasang lampu-lampu jalan di tempat-tempat yang gelap dan masih belum dipasang lampu-lampu jalan untuk keselamatan dan kesejahteraan rakyat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Bagi sesetengah lokasi di Jalan Lahar Kepar yang masih tiada lampu jalan, MPSP bercadang untuk memasang lampu jalan di kawasan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat Dasar Permohonan Lampu Jalan Awam MPSP setelah mendapat persetujuan YB ADUN kawasan untuk membiayai kos atau caj pemasangan tiang dan kabel lampu jalan yang dipohon.

Maklumat Tambahan: MPSP telah memasang 35 unit lampu jalan di sepanjang Jalan Lahar Kepar, Penaga berdasarkan lokasi yang bersesuaian.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Terdapat sebuah bangunan berdekatan bengkel kereta (workshop) di Jalan Lahar Kepar berdekatan Kampung Tembusu menjadi tanda tanya kegunaannya oleh penduduk-penduduk dalam KADUN Penaga. Sila nyatakan:-
- (a) Jenis Bangunan.
 - (b) Nama pemilik dan lot tanah.
 - (c) Jenis kegunaan bangunan dan status kelulusan dan tindakan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)/Pejabat Tanah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Jenis Bangunan yang dimaksudkan adalah Bangunan Sesebuah Setingkat (pejabat dan bangsal terbuka/bengkel). Kedudukan tapak tersebut terletak di atas lot 5316 dan lot 5328, Mukim 5, Seberang Perai Utara.
- (b) Jenis kegunaan bangunan tersebut adalah bagi pejabat dan bengkel. Walau bagaimanapun, didapati pejabat dan bengkel tersebut tidak beroperasi sehingga kini.
- (c) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mendapati bangunan tersebut tidak mempunyai kelulusan dan MPSP telah mengeluarkan notis Binaan & Tanpa Kebenaran telah dikeluarkan pada 24 September 2014. Notis Binaan Tanpa Kebenaran & Meruntuh yang kedua dikeluarkan pada 27 Oktober 2016. Notis susulan iaitu Notis Mengosong dikeluarkan pada 28 Oktober 2016.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Ketua Menteri (KM) telah didakwa di mahkamah atas kesalahan dua kes rasuah dan kes menghina Mahkamah dan masih belum meletakkan jawatan. Adakah tindakan tersebut:-
- (a) Melanggari mana-mana undang-undang ataupun salah dari segi moral/etika?
 - (b) Berlawanan dengan slogan CAT Kerajaan Pakatan Harapan dan pendapat Pemimpin Bersih.
 - (c) Menjejaskan proses keadilan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kedudukan Y.A.B. Ketua Menteri dan YB. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri adalah seperti ditetapkan dalam Perlembagaan Negeri manakala Penjawat Awam adalah ditentukan oleh Perintah Am dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sila nyatakan jumlah kes virus zika dan denggi yang didaftarkan di Negeri Pulau Pinang sehingga ke hari ini:
- (a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengawal virus zika dan denggi tersebut.
 - (b) Adakah ia berkesan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Bagi tahun 2016, sehingga 23 Oktober 2016, sebanyak 2,291 kes denggi telah direkodkan di Pulau Pinang. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 48% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2015 (4,408 kes). Tiada kes zika dilaporkan setakat ini di Pulau Pinang.
- (a) Bagi mengawal virus zika dan denggi, langkah-langkah yang telah dan akan terus diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:
 - (i) Menggerakkan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Negeri bagi mengukuhkan kerjasama antara agensi-agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pencegahan pembiakan aedes. Salah satu strategi penting dalam jawatankuasa ini adalah memperkasa dan memobilisasi komuniti dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pencegahan;
 - (ii) Program Gotong-royong Penang Sihat yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Kesihatan Negeri setiap tahun merupakan sebahagian daripada usaha bagi membendung pembiakan aedes. Pada tahun ini Program Gotong-royong Penang Sihat telah dilaksanakan pada 13 Mac 2016 melibatkan 24 lokaliti bermasalah denggi di seluruh negeri Pulau Pinang. Pada 20 November 2016, Program Gotong-royong Mega ini akan diadakan sekali lagi;
 - (iii) Menjalankan operasi pemeriksaan di tapak binaan dan premis berpotensi yang lain bagi meningkatkan penguatkuasaan ke atas mana-mana premis yang menjadi pusat pembiakan nyamuk;
 - (iv) Meningkatkan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan seperti ceramah, hebahan awam dan nasihat individu di lokaliti-lokaliti kes dan wabak. Aktiviti pendidikan kesihatan juga dijalankan di tempat-tempat tumpuan awam seperti di pasaraya dan di pasar malam;
 - (v) Kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri setiap minggu bertujuan untuk memberi maklumat terkini denggi terkini kepada orang ramai dan mengingatkan masyarakat supaya terus mengambil langkah pencegahan bagi menghentikan penularan demam denggi;
 - (vi) Sumbangan sebanyak 10 unit mesin semburan kabus kepada Jabatan Kesihatan Negeri bagi meningkatkan kapasiti bagi aktiviti semburan kabus ULV;
 - (vii) Menjalankan program perintis Mosquito Autocidal Trap (MyMAT) di tiga (3) lokaliti iaitu Lokaliti Tuna di Seberang Jaya, Taman Seri Damai di Georgetown dan Taman Seri Delima di Batu Lanchang. Program perintis ini bertujuan mengkaji keberkesanan perangkap jenis ovitrap bagi menghapus pusat pembiakan nyamuk aedes;
 - (viii) Melancarkan program penggredan kampung dengan mengklasifikasikan kawasan rumah berdasarkan tahap kebersihan sekeliling. Sebanyak 13 JKKK diseluruh Pulau Pinang telah menjalankan program ini bagi meningkatkan kesedaran aspek kebersihan di sekeliling rumah; dan

- (ix) Memberi peruntukan khas RM100,000.00 bagi mengaktifkan dan memperkasakan aktiviti berkaitan *Communication for Behavioral Impact* (COMBI) di seluruh Pulau Pinang.
- (b) Statistik yang menunjukkan penurunan kes demam denggi yang direkodkan membuktikan keberkesanan program. Sehingga 23 Oktober 2016, sebanyak 2,291 kes denggi telah direkodkan iaitu penurunan 48% bagi tempoh yang sama tahun 2015 (4,408 kes). Namun jika diukur dari sudut kesedaran dari penduduk, ianya masih rendah terutamanya penglibatan dalam program/ aktiviti pencegahan denggi di kawasan pendudukan masing-masing.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sila nyatakan status pembinaan Galeri Arkeologi Guar Kepah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk melindungi hasil peninggalan pra-sejarah Zaman Neolitik yang berusia hampir 5,000 tahun yang terdapat di Guar Kepah, Daerah Seberang Perai Utara (SPU). Bagi tujuan tersebut Kerajaan Negeri telah meluluskan Projek Pembangunan Galeri Arkeologi Guar Kepah di PT 23, Mukim 2, Guar Kepah, SPU yang meliputi kawasan seluas 2.39 ekar. Sebagai permulaan peruntukan berjumlah RM826,994.50 telah diluluskan di mana RM300,000.00 diperuntukkan bagi Pembinaan Galeri Arkeologi Guar Kepah, RM476,994.50 bagi tujuan pembinaan akses/laluan masuk ke tapak Arkeologi dan RM50,000.00 bagi tujuan penyediaan lampu di sekeliling kawasan galeri.

Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melaksanakan proses perolehan bagi melantik kontraktor untuk pembangunan galeri tersebut dan tender telah ditutup pada 13 Oktober 2016. Dokumen tender tersebut sedang di peringkat penilaian oleh Urusetia JKR sebelum dibentangkan kepada Lembaga Perolehan Negeri untuk keputusan yang dijangkakan akan diperolehi pada penghujung tahun ini. Mengikut carta perbatuan yang disediakan oleh pihak JKR, pembinaan galeri ini dijangka akan disiapkan pada pertengahan bulan Februari 2018.

Pembinaan galeri ini agak terlewat sedikit daripada jadual asal kerana terdapat perubahan dari segi reka bentuk galeri memandangkan lokasi tapak yang agak rendah dari jalan besar dan sedikit bercerun serta mengambil kira keperluan fasiliti untuk orang kelainan upaya (OKU).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Sila nyatakan status projek ZIA Penaga. Adakah laporan DEIA telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar?

(b) Jika ia sudah dikeluarkan sila berikan laporan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Projek Zon Industri Akuakultur (ZIA) Penaga merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan Pesisir Pantai. Projek ini masih di peringkat penyediaan terma rujukan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar Terperinci (DEIA). Pada sesi pembentangan terma rujukan DEIA kepada jawatankuasa di peringkat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) pada 22 Januari 2016, pihak jawatankuasa telah memohon agar perunding yang dilantik melihat aspek-aspek yang perlu ditambah baik dan penyediaan semula laporan.

(b) Kerajaan Negeri melalui perunding yang dilantik masih di peringkat pengemaskinian terma rujukan DEIA sebelum diangkat semula untuk pertimbangan NRE.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Berkaitan dengan Skim Bantuan Pukat kepada para nelayan di Pulau Pinang oleh Kerajaan Negeri, sila nyatakan dengan terperinci penerima pada tahun 2015 dan 2016:-
- (a) Jumlah keseluruhan penerima mengikut KADUN.
 - (b) Untuk KADUN Penaga nyatakan dengan terperinci nama penerima serta unit nelayan, nilai pukat dan berapa kali setahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Program Bantuan Pukat Kepada Nelayan Pesisir Pantai di Negeri Pulau Pinang telah dimulakan pada pertengahan kedua tahun 2013 yang akan diberikan dua kali setahun bagi meringankan beban sara hidup nelayan. Tahun 2015 merupakan pelaksanaan bagi siri ke-4 melibatkan 3,186 orang nelayan dan siri ke-5 melibatkan 3,121 orang nelayan. Perbezaan bilangan penerima adalah berdasarkan banciaan terkini nelayan berlesen yang aktif iaitu berdasarkan penerima Elaun Sara Hidup nelayan dan subsidi minyak yang dikeluarkan. Bagi siri ke-6 yang dilaksanakan pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah membuat banciaan secara terus kepada pemilik vesse/ jenis pukat yang dipohon. Daripada 3,191 responden, hanya 1,664 orang nelayan yang telah mengembalikan borang banciaan untuk dipertimbangkan bantuan pukat.
- (a) Memandangkan pendaftaran pemilik vesse/ dibuat berdasarkan kepada persatuan dan unit nelayan kawasan, maka data penerima mengikut KADUN tidak dapat disediakan. Jumlah penerima mengikut unit nelayan adalah seperti di Lampiran A.
 - (b) Bantuan pukat diberikan dua (2) kali setahun dengan purata nilai RM180.00 peralatan bagi setiap siri. Jumlah penerima bagi siri ke-5 yang telah diadakan pada bulan November 2015 di sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri Penaga seramai 431 orang telah mendapat manfaat dan pecahan mengikut unit nelayan adalah seperti berikut:

Unit Nelayan	Bilangan Penerima
Kuala Muda	190
Telok Ayer Tawar	44
Penaga	55
Sungai Tembus	63
Pengkalan Sena	22
Bakau Tua	57
Jumlah	431

Senarai nama nelayan adalah seperti di Lampiran B.

RUJUK LAMPIRAN A DAN B BDMZA NO. 17 (ID 427)

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Huraikan dengan terperinci kaedah agihan bantuan pukat kepada nelayan pantai oleh kerajaan negeri pada tahun 2015 khususnya di KADUN Penaga.
- (b) Nyatakan dengan terperinci mengikut KADUN samada Kerajaan Negeri telah memberi apa-apa sumbangan berbentuk wang tunai atau lain-lain jenis sumbangan kepada para petani dan penternak sejak 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Program Bantuan Pukat Kepada Nelayan Pesisir Pantai di Negeri Pulau Pinang telah dimulakan pada pertengahan kedua tahun 2013 dengan sasaran memberikan bantuan pukat dua kali setahun. Tahun 2015 merupakan pelaksanaan bagi siri-4 dan siri-5 melibatkan 3,121 nelayan berlesen dan aktif di seluruh Pulau Pinang. Bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri Penaga, agihan pukat pada tahun 2015 dilaksanakan oleh Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Seberang Perai dan dibantu oleh unit nelayan Kuala Muda, Sungai Tembus, Bakau Tua, Penaga dan Telok Ayer Tawar melibatkan 431 orang penerima.
- (b) Kerajaan Negeri tidak memberikan bantuan dalam bentuk wang tunai kepada petani dan penternak. Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk pembangunan modal insan iaitu melalui program-program di bawah peruntukan pembangunan jabatan dan bantuan peralatan serta menaiktaraf fasiliti. Antara program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:
- (i) Program Khidmat Pengembangan. Tumpuan terhadap pembangunan modal insan (Latihan, kursus, bimbingan terus, gotong-royong, lawatan) serta pengetahuan dan kemahiran petani amat penting dalam pembangunan projek pertanian. Para petani yang merupakan golongan sasaran utama Jabatan Pertanian merupakan aset negara yang perlu diuruskan dengan cekap agar mereka dapat terus menyumbang terhadap kesinambungan kesejahteraan Negara dan meningkatkan produktiviti hasil tanaman.
 - (ii) Program Perkhidmatan Kejenteraan Pertanian di mana penggunaan jentera pertanian di dalam pelaksanaan projek-projek pertanian telah menjadi satu kemestian bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti bahan makanan yang dikeluarkan. Program ini diwujudkan sebagai satu usaha untuk menggalakkan mekanisasi sepenuhnya di dalam operasi ladang selain sebagai satu kaedah pengembangan dalam menyalurkan teknologi kepada kumpulan sasaran.
 - (iii) Program Pembangunan Industri Tanaman Padi. Program ini diwujudkan bagi membangunkan teras industri pertanian negara iaitu tanaman padi. Di bawah program ini, beberapa projek yang berkaitan dengan pembangunan industri tanaman padi disediakan sebagai usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi kualiti dan kuantiti pengeluaran makanan negeri dengan pengamalan teknologi terkini dan peningkatan infrastruktur ladang.
 - (iv) Program Pembangunan Industri Tanaman Buah-buahan. Program ini memfokuskan kepada usaha dan pengenalan teknologi tinggi kepada petani agar keluasan kawasan yang kecil dapat mengeluarkan hasil yang lebih produktif dan berkualiti setanding dengan negeri-negeri lain yang mengusahakan industri tanaman pada skalanya yang lebih besar.
 - (v) Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran. Program ini memfokuskan kepada usaha pengenalan teknologi tinggi kepada petani bagi keluasan kawasan yang kecil ini akan mampu mengeluarkan hasil yang lebih produktif dan berkualiti setanding dengan negeri-negeri lain yang mengusahakan industri tanaman pada skala yang lebih besar.
 - (vi) Program Pembangunan Lain-Lain Tanaman Ekonomi. Program ini diwujudkan bagi membolehkan Jabatan membantu petani dan usahawantani dalam mengenalpasti dan membangunkan lain-lain tanaman atau komoditi yang berpotensi sebagai sumber alternatif yang mampu menjana pendapatan dalam bidang pertanian. Antara tanaman yang dilihat mempunyai potensi yang baik ialah bunga-bunga, rempah ratus, herba dan cendawan.
 - (vii) Program Pembangunan Ternakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar memberi penumpuan kepada komoditi utama iaitu daging lembu, daging kambing, daging ayam itik, daging khinzir, telur ayam itik dan susu lembu. Pelan yang dirangka

adalah merupakan perancangan untuk mengurangkan defisit perdagangan agromakanan negara melalui peningkatan pengeluaran komoditi yang boleh dihasilkan dalam negeri. Bagi tahun 2016, fokus Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah kepada kambing tenusu dan penternakan ayam pirus.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sebelum sebarang kelulusan diberikan kepada pemaju perumahan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) atau Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP):
 - (a) Adakah MPSP atau MBPP perlu memaklumkan kepada ADUN kawasan dan minta pandangan.
 - (b) Jika Kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan apa-apa projek dalam KADUN, adakah menjadi amalan Kerajaan Negeri memaklumkan serta meminta pandangan daripada ADUN kawasan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Tiada peruntukan di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang mengkehendaki pertimbangan terhadap Permohonan Kebenaran Merancang perlu mengambil kira ulasan ADUN dan JKKK kawasan.

Mesyuarat Jawatankuasa OSC Pihak Berkuasa Tempatan dalam mempertimbangkan sesuatu permohonan adalah bersandarkan perakuan dan ulasan teknikal dari jabatan teknikal dalaman dan luaran. Jabatan teknikal ini dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa OSC bagi mengulas sesuatu permohonan. Ini adalah selaras dengan Pekeliling Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bilangan 6 Tahun 2008 Bagi Penambahan Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) bertarikh 2 September 2008. Pekeliling yang sama turut menyatakan dengan jelas bahawa prosedur dan proses pelaksanaan OSC yang telah digariskan dalam Buku Panduan OSC hendaklah dilaksanakan dan dipatuhi secara keseluruhan oleh semua PBT.

Sebarang pindaan terhadap prosedur OSC sedia ada adalah tertakluk di bawah kuasa Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) selepas sesuatu pindaan/penambahbaikan diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang dihadiri oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri akan melibatkan keseluruhan PBT di Malaysia.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Huraikan sejarah bermulanya industri ternakan ikan dalam sangkar di Pulau Pinang. Nyatakan dengan terperinci:
 - (a) Nama syarikat atau pertubuhan yang terlibat.
 - (b) Jumlah hasil ternakan dan sumbangan kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang.
 - (c) Bentuk bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pengusaha-pengusaha tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Pembangunan ternakan ikan dalam sangkar laut di negeri Pulau Pinang bermula sejak tahun 1960-an. Pembangunan secara komersil telah dilaksanakan secara meluas dengan kejayaan teknologi pembenihan ikan marin.
 - (a) Senarai nama syarikat yang terlibat dengan penternakan ikan sangkar secara terperinci adalah seperti di Lampiran A.

- (b) Pada tahun 2015, sejumlah 309 orang penternak di negeri ini menjalankan ternakan ikan laut dalam sangkar dan menghasilkan pengeluaran mencecah 28,965 tan dengan nilai RM601 juta.
- (c) Kerajaan Negeri membantu usahawan-usahawan ikan sangkar melalui beberapa kaedah iaitu:
 - (i) Pewartaan lima (5) kawasan sebagai zon akuakultur di dalam Rancangan Struktur Negeri 2020 iaitu di Zon Industri Akuakultur (ZIA) Penaga, Pulau Aman, Sungai Udang, Pulau Rimau dan Pulau Kendi;
 - (ii) Pemberian Lesen Pendudukan Sementara kepada pengusaha yang memohon untuk mengusahakan penternakan ikan sangkar di kawasan yang diwartakan dengan kadar sewaan RM300 bagi 1000 meter persegi bagi kolam dan RM450 bagi 1000 meter persegi bagi sangkar di laut; dan
 - (iii) Pengwujudan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Juru yang menyediakan seluas 70.391 ekar sebagai zon perikanan. Kerajaan Negeri juga dalam usaha menubuhkan TKPM Pesisir Pantai di ZIA Penaga seluas 479.12 ekar.

RUJUK LAMPIRAN A BDMZA NO. 20 (ID658)

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 21. (a) Nyatakan status terkini berhubung dengan penambahbaikan ampang jajar di Rantau Panjang, Penaga.
- (b) Adakah kajian telah dibuat dan bila ia akan dilaksanakan?
- (c) Adakah kajian dibuat untuk mengetahui jumlah kerugian yang telah dialami oleh para petani yang mengalami gangguan bekalan air ke sawah mereka akibat fenomena Super El Nino sekitar awal tahun ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 21. (a) Baraj Ampang Jajar di Rantau Panjang, Seberang Perai Utara adalah dimiliki oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan dipajak kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd ("PBAPP"). Penambahbaikan baraj ini boleh dibuat dengan meninggikan paras limpah Ampang Jajar, dan memerlukan satu kajian kejuruteraan yang komprehensif dan menyeluruh dijalankan di sepanjang Sungai Muda oleh Jabatan Pengairan Saliran, Bahagian Pengurusan Sumber Air Dan Hidrologi, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan memaklumkan kepada Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar agar pam pengambilan air di muka sauk Loji Rawatan Air Syarikat Air Darul Aman (SADA) dan Loji Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di sepanjang Sungai Muda direndahkan untuk mengurangkan pembaziran air mentah dari sumber air Sungai Muda.
- (b) Selain itu, pihak PBAPP telah menurunkan paras muka sauk di Rumah Pam Lahar Tiang kepada 1.5 meter sejak tahun 2006 lagi. Sebaliknya, pihak SADA dan JPS Kedah masih mengekalkannya pada aras 1.7 meter. Cadangan merendahkan pam pengambilan air di muka sauk merupakan cadangan jangka pendek yang terbaik, lebih mudah, lebih cepat dan lebih selamat pada masa ini bagi memastikan air dapat diambil dari sungai muda pada musim kemarau yang akan datang dan mengurangkan pelepasan air dari Empangan Beris dan Empangan Muda di Kedah.

Butir-butir kajian adalah seperti berikut:

Tajuk Kajian	Program Pembangunan Water Balance Bagi Pengurusan Sumber Air Negara (Fasa 1) - National Water Balance Management System (NAWABS) Bagi Lembangan Sungai Muda.
Tempoh	1 September 2016 hingga 30 Ogos 2018
Nama Perunding	Jurutera Perunding Zaaba Sdn. Bhd.
Kos Keseluruhan Kajian	RM3.5 juta (tidak termasuk GST)

- (c) Kajian ini juga mengambil kira keperluan air untuk semua sektor termasuk domestik dan pertanian. Selain itu, pihak perunding yang dilantik turut diminta untuk membangunkan satu sistem pengkalan data bagi menguruskan sumber air Sungai Muda secara holistik. Fenomena El-nino yang berlaku diawal tahun tidak menjejaskan aktiviti penanaman padi di negeri ini berikutan pengurusan yang cekap dari pelbagai agensi. Tindakan menstruktur semula jadual air mengikut kapasiti bekalan serta mengerakkan mekanisasi pengairan seperti pam-pam air telah mampu menghadapi keadaan yang getir ini. Hasil usaha ini penanam padi dapat menanam padi dengan jayanya.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Senaraikan dengan terperinci nama projek, lokasi serta jumlah peruntukan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam KADUN Penaga bagi tahun 2015 dan 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Sebanyak 71 projek dengan peruntukan berjumlah RM3,457,645.45 telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi Kerajaan di Kadun Penaga bagi tahun 2015 dan 2016. Perincian projek mengikut lokasi dan jumlah peruntukan adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDMZA NO. 22 (ID 660)

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Senaraikan jumlah pelancong asing dan domestik yang melawat Negeri Pulau Pinang pada tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016. Dari jumlah tersebut sila beri:
- Pecahan mengikut negara.
 - Bilangan pelancong yang datang untuk menerima rawatan (*Medical Tourism*).
 - Jumlah pendapatan kepada Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia, jumlah pelancong yang datang ke Pulau Pinang berdasarkan penginapan bilik hotel adalah seperti berikut:

Kategori pelancong	2013	2014	2015	Suku Pertama 2016
Tempatan	2,639,182	3,617,170	3,467,719	748,482
Antarabangsa	2,062,917	3,230,399	2,879,899	691,495
Jumlah	4,702,099	6,847,569	6,347,618	1,439,977

- (a) Pecahan pelancong mengikut 10 negara tertinggi yang mengunjungi Pulau Pinang berdasarkan statistik daripada Jabatan Imigresen adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Berdasarkan sumber yang dikeluarkan oleh Penang Center of Medical Tourism dari tahun 2013 sehingga Julai 2016 adalah seramai 1,195,453 pelancong perubatan dan perincian adalah seperti berikut :

TAHUN	BILANGAN PELANCONG PERUBATAN
2013	356,381
2014	335,845
2015	302,430
2016 (sehingga Julai)	200,797

*sumber dari Penang Center of Medical Tourism

- (c) Berdasarkan Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri Pulau Pinang, jenis aktiviti ekonomi tidak dikategorikan kepada sektor pelancongan secara khusus, namun penelitian kepentingan industri boleh diterjemahkan dari sektor perkhidmatan yang merupakan salah satu penyumbang utama KDNK negeri Pulau Pinang. Sektor perkhidmatan ini terdiri daripada sektor utiliti, pengangkutan, komunikasi, perdagangan barang dan runcit, penginapan dan restoran dan lain – lain perkhidmatan. Data KDNK yang diperolehi melalui Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) adalah seperti berikut:

TAHUN	KDNK (RM BILLION)
2013	30.78
2014e*	32.77
2015p*	34.3

- i. e (estimation) - anggaran bagi tahun sebelum, semasa atau selepas dan ia digunakan bagi tempoh kiraan KDNK yang pendek (ie: 1-3 tahun)
- ii. p (Preliminary) - pendahuluan, ia digunakan bagi menyatakan KDNK bagi satu tempoh sukuan tahun semasa atau tempoh yang lebih pendek (ie: suku tahun)

RUJUK LAMPIRAN A BMZA NO. 23 (ID 661)

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Terdapat 24 orang anak qariah Masjid Tok Labu, Penaga telah dikeluarkan dari senarai dan dipindahkan ke senarai anak qariah Masjid Sungai Kedak, Penaga sebelum mesyuarat agung masjid-masjid dalam Negeri Pulau Pinang walaupun mereka telah lama menjadi anak qariah Masjid Tok Labu. Sila nyatakan sebab-sebabnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Isu 24 orang anak kariah Masjid Tok Labu, Penaga dipindahkan ke senarai anak kariah Masjid Sungai Kedak, Penaga, adalah berikutan penetapan kawasan sempadan kariah berdasarkan kepada sistem maklumat geografi yang dikeluarkan oleh Pusat Sistem Maklumat Geografi Pulau Pinang (PEGIS) pada tahun 2014. Semua Jawatankuasa Kariah telah dimaklumkan mengenai pemakaian penetapan sempadan sesebuah kariah sepertimana yang dikeluarkan oleh PEGIS. Oleh yang demikian, dalam Mesyuarat Agung Pemilihan Kariah bagi sesi 2016-2019 yang lalu, berlaku keadaan di mana status ahli kariah bagi sesebuah kariah dipindahkan ke kariah lain berdasarkan alamat tempat tinggalnya dan pindaan sempadan baru yang telah ditetapkan oleh PEGIS.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Sila jelaskan status terkini pembangunan Ibu Pejabat Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang di Jalan Scotland:
- (a) Berapakah peruntukan keseluruhan untuk kos pembinaan mahkamah tersebut dan jumlah sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Pembinaan Ibu Pejabat Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang di Jalan Scotland telah siap sepenuhnya dan telah diserahkan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada 8 September 2016 .

Kos pembinaan sebenar mahkamah tersebut adalah berjumlah RM 31,497,621.84 daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan. Sumbangan dari Kerajaan Negeri pula adalah dalam bentuk menyediakan tapak tanah dengan keluasan 3.49 ekar yang dianggarkan bernilai RM92 juta berdasarkan penilaian semasa Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Sila jelaskan status terkini pembinaan Masjid Penaga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Projek menaik taraf dan membina bangunan tambahan Masjid Penaga, Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) dikendalikan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang. Kos keseluruhan projek tersebut berjumlah RM3,869,000.05 dan telah ditawarkan pada 4 Januari 2016 dengan tempoh pelaksanaan 22 bulan. Perbelanjaan bagi projek tersebut adalah berdasarkan kaedah perkongsian antara Kerajaan Persekutuan yang menyumbang peruntukan berjumlah RM2.71 juta dan Kerajaan Negeri berjumlah RM1.16 juta. Sehingga 31 Oktober 2016, kemajuan projek adalah 40% sebagaimana yang dijadualkan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Sila jelaskan status terkini projek-projek Kerajaan Negeri seperti berikut:
- (a) Projek Terowong Dasar Laut (Link Ketiga) yang menghubungkan Persiaran Gurney dengan Bagan Ajam.
- (b) Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) termasuk LRT/Monorel.
- (c) Pembinaan/tambakan 3 buah Pulau di Selatan Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Sehingga 31 Oktober 2016, status terkini kajian bagi projek terowong bawah laut adalah pada tahap 87% siap. Kajian ini dijangka dapat disiapkan pada bulan Disember 2016. Manakala kajian bagi reka bentuk terperinci, telah ditangguhkan buat sementara waktu. Oleh kerana ia masih di peringkat kajian, tiada kerja-kerja fizikal dijalankan.
- (b) Bagi pelaksanaan projek Bayan Lepas *Light Rail Transit* (LRT), Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan Skim Rel (*Rail Scheme*) Bayan Lepas LRT kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 29 Mac 2016 yang lalu. Laporan *Detailed Environmental Impact Assessment* (DEIA) bagi pelaksanaan LRT ini kini peringkat akhir dan akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) selewat-lewatnya pada penghujung bulan November 2016.

- (c) Bagi cadangan penambakan tiga (3) buah pulau di kawasan Selatan Bahagian Pulau, Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri sedang memuktamadkan laporan DEIA yang kini di peringkat akhir. Laporan ini akan dikemukakan selewat-lewatnya pada bulan Disember 2016 kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk pertimbangan dan kelulusan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk membina rumah kos rendah dan kos sederhana rendah di kawasan Penaga.
- (b) Jika ada nyatakan jumlah unit rumah kos rendah dan sederhana rendah tersebut serta no lot tanah dan lokasi tanah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Sehingga kini, terdapat 172 unit Rumah Mampu Milik (RMM) 'A' (Kos Rendah) telah siap dibina di kawasan DUN Penaga, iaitu hasil daripada komponen pematuhan syarat pembinaan RMM 'A' (Kos Rendah) / 'B' (Kos Sederhana Rendah) terhadap pemaju.
- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang senantiasa mempertimbangkan dan membincangkan agar turut mengenalpasti bidang-bidang tanah yang sesuai untuk projek perumahan RMM 'A' (KR) dan 'B' (KSR) dibina di kesemua lima (5) daerah di Negeri Pulau Pinang termasuk kawasan DUN Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Kerajaan Negeri telah mewujudkan Tabung Usahawan Tani Muda, iaitu Skim Mikro kredit tanpa faedah pada tahun 2014 untuk membantu usahawan pertanian sebanyak RM 5,000.00 seorang:
- (a) Senaraikan dengan terperinci nama, alamat, usahawan pertanian serta jumlah yang diterima bagi KADUN Penaga, Pinang Tunggal dan Bertam.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Skim Mikro Kredit Tabung Usahawan Tani Muda merupakan satu program pinjaman tanpa faedah yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri kepada usahawan tani muda yang berusia 40 tahun ke bawah. Skim ini bertujuan bagi menambah minat dan bilangan golongan belia sebagai pelapis bagi memastikan kelestarian bidang pertanian dan industri asas tani. Sehingga kini, seramai 49 orang peminjam telah menyertai program ini dan 8 orang daripadanya adalah dari Parlimen Kepala Batas. Berikut merupakan senarai nama peminjam mengikut KADUN di Parlimen Kepala Batas.

XII. Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Memandangkan Pulau Pinang tidak ada Kem Pelarian, pelarian Rohingya tinggal bersama masyarakat tetapi menghadapi masalah kesihatan, vaksinasi, kemiskinan, pendidikan, pekerjaan, pendaftaran kahwin/cerai/mati/kubur, jenayah:
- (a) Bolehkah EXCO/MAINPP menubuhkan Jawatankuasa Kemanusiaan pelbagai agensi ZPP, JAINPP, Jabatan Kesihatan, PDRM, UNHCR, Jabatan Pendidikan.
- (b) Bolehkah ZPP mencontohi MAIS dengan mengkategorikan pelarian Rohingya/Islam sebagai asnaf penerima zakat dan zakat pendidikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Kerajaan Negeri telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi mengendalikan masalah pelarian Rohingya, yang disertai pelbagai agensi Kerajaan Negeri dan persekutuan. Buat masa ini Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah mengambil inisiatif untuk membantu golongan Rohingya dari segi bantuan makanan, perubatan dan bantuan pendidikan, khususnya kelas pengajian agama.
- (b) ZPP sememangnya telah memperuntukkan sebanyak RM120,000.00 setahun bagi membantu masyarakat Rohingya di Pulau Pinang mulai tahun 2008 sehingga sekarang. Peruntukan ini bertujuan membantu perkembangan pendidikan dan suguhati tenaga pengajar di madrasah-madrasah Rohingya di Pulau Pinang yang disalurkan melalui Future Global Network Foundation.

Selain itu, ZPP juga turut memberi bantuan makanan serta ubat-ubatan semasa pendaratan Rohingya pada tahun 2014 dan 2015 di Balik Pulau yang diusahakan melalui NGO yang berkaitan dengan *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR).

ZPP juga memberi bantuan perubatan kepada masyarakat Rohingya mengikut kes-kes keutamaan yang dirujuk oleh pihak hospital kerajaan melalui Unit Kerja Sosial dan NGO yang berkaitan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Saya telah mengemukakan permohonan menaiktaraf padang bola serta membina sebuah dewan serbaguna di Mengkuang Titi bertarikh 5/8/16 ke Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah:
 - (a) Apakah status terkini permohonan tersebut?
 - (b) Berapakah peruntukan yang akan diluluskan bagi membina dewan dan menaiktaraf padang bola itu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Cadangan projek menaik taraf padang bola dan membina sebuah dewan di Mengkuang Titi telah dipohon peruntukan pembangunan di dalam bajet 2017 yang akan dibentangkan pada sidang DUN kali ini. Anggaran kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM1,200,000.00 iaitu RM800,000.00 untuk pembinaan sebuah dewan dan RM400,000.00 untuk pembaikan padang bola.
- (b) Pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan peruntukan pembangunan berkenaan bagi tahun 2017 yang akan di bentangkan pada sidang DUN kali ini.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Perbadanan Bekalan Air (PBA) mengenakan denda dari asal RM200 ke RM400 terhadap rumah yang berkongsi meter yang terlewat menjelaskan bil:
 - (a) Mengapakah Perbadanan Bekalan Air (PBA) tidak mengadakan kempen “1 rumah 1 meter” dengan harga promosi kepada penduduk kampung khususnya yang berpendapatan rendah selain daripada terus mengenakan caj yang mahal terhadap mereka yang menggunakan meter yang sama.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) tidak pernah mengenakan sebarang denda kepada rumah yang berkongsi meter yang terlewat membayar bil. PBAPP akan mengenakan Tarif Perniagaan Khas (Tarif 3) bagi penggunaan meter secara berkongsi dan ini mengakibatkan bil yang tinggi. Bagi mengelakkan bil yang tinggi, pengguna yang berkongsi meter hendaklah memohon meter mereka sendiri dan akan dikenakan Tarif Domestik.

Sehubungan dengan itu, PBAPP sentiasa memberi penerangan dan maklumat supaya penduduk tidak berkongsi meter dan menggunakan meter sendiri.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Pada 26/9/16, saya telah kemukakan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Tebatan Banjir mengenai permohonan menaik taraf jambatan yang merentangi Sungai Kubang Semang (ban busuk) yang menyebabkan aliran air sungai tersekat dan menyebabkan banjir di kawasan sekitar parit Ustaz Bakar:
 - (a) Bilakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan kerja naik taraf seperti di Sungai Ara Tanah Liat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Kerajaan Negeri sedang menjalankan kerja-kerja penyiataan tapak bagi Reka bentuk Terperinci di Kawasan Tanah Liat. Kerja-kerja menaik taraf dijangka akan dimulakan pada Mei 2017 dan siap pada Oktober 2018.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak RM2.3juta bagi membina dewan serbaguna di Taman Guar Perahu namun kerja-kerja masih belum bermula:
 - (a) Apakah status terkini dewan tersebut.
 - (b) Sekiranya kerja-kerja dijalankan tahun ini, adakah sempat disiapkan pada 2016 juga.
 - (c) Jika tidak adakah peruntukan tersebut akan dibawa ke 2017?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Status terkini cadangan pembinaan Dewan Taman Guar Perahu adalah dalam proses perolehan secara tender di mana ia telah diiklan pada 17 Oktober 2016 dan tawaran tender tersebut akan ditutup pada 15 November 2016 untuk dinilai.
 - (b) Berdasarkan jadual perancangan oleh Jabatan Kerja Raya, projek ini akan dimulakan pada tahun 2017 dengan tempoh siap adalah selama 52 minggu.
 - (c) Projek ini telah disenaraikan sebagai projek sambungan di tahun 2017.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kilang haram yang beroperasi 10 tahun membakar habuk kayu dijadikan activated carbon di ladang kelapa sawit perkampungan Sg Lembu:
 - (a) Adakah OSC/MPSP bercadang meluluskan permohonan pelan merancang walaupun mendapat bantahan JKKK/ADUN dan kilang GBH(BM) telah mengugut JKKK dengan tindakan saman, bertarikh 7.10.16?
 - (b) Jika tidak diluluskan, bilakah Direktorat/MPSP akan merobohkan kilang haram ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) bagi cadangan membina bangsal terbuka setingkat (Agro Kayu Arang) di atas Lot 894, Mukim 19, Seberang Perai Tengah berkeluasan 4.275 ekar daripada Tetuan GBH (BM) Sdn Bhd pada 11 Ogos 2016. Walau bagaimanapun, permohonan ini masih belum dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC. Sementara itu, bantahan daripada pemunya lot-lot berjiran telah diterima oleh MPSP dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bantahan pada 10 Oktober 2016. Sekiranya permohonan ini

memenuhi syarat-syarat teknikal, Jawatankuasa OSC boleh mempertimbangkan kelulusan PKM secara bersyarat dengan mengambil kira cadangan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Bantahan atau sebaliknya.

(b) Pada masa kini, MPSP telah mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kilang tersebut seperti berikut:

- (i) Mengeluarkan Notis Binaan Tanpa Kebenaran dan Meruntuh dikeluarkan bertarikh 13 Mei 2015 (tempoh 14 hari).
- (ii) Mengeluarkan Notis Mengosongkan Bangunan bertarikh 9 Jun 2015 (tempoh 30 hari).
- (iii) Mengeluarkan Notis Menghendaki Perniagaan Dihentikan telah dikeluarkan pada 24 Jun 2016 dan 18 Oktober 2016.
- (iv) Dalam proses mengambil tindakan mahkamah

Tindakan permohonan akan diambil setelah tindakan-tindakan di atas diselesaikan dan jika PKM terus tidak diluluskan

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Lambakan warga asing di Prai, Bagan, Jalan Baru, Taman Permata, Alma telah mewujudkan pelbagai masalah sosial dan kes jenayah meningkat di kawasan tersebut:

(a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi menangani isu ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Data yang diperolehi daripada pihak Imigresen menunjukkan jumlah aduan dan operasi yang telah dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang di Daerah Seberang Prai Tengah bagi bulan Januari sehingga Oktober 2016 adalah seperti berikut:

Kategori	Jumlah
Aduan	255
Operasi	216

(b) Dalam usaha untuk mengurangkan kadar jenayah di Negeri Pulau Pinang terutama kes-kes yang melibatkan warga negara asing, pihak polis bersama agensi-agensi kerajaan negeri yang lain telah mengambil beberapa langkah agar masalah sosial dan kes jenayah tidak terus meningkat. Tindakan penguatkuasaan juga menjamin keselamatan dan keselesaan orang ramai terus terpelihara. Di antara tindakan Kerajaan Negeri dengan kerjasama PDRM bagi menangani isu ini adalah seperti berikut:

- (i) Semua Ketua Polis Daerah telah diarah untuk mempertingkatkan pencegahan jenayah dengan menambahkan anggota polis beruniform, membuat rondaan bit jalan kaki dan unit rondaan bermotosikal (URB), rondaan kereta peronda dan operasi-operasi berkala seperti Ops Lusu, Ops Rentap, Ops Lejang, Ops Cegah Jenayah dan Ops Utama Perdana (NKRA). Kesemua penugasan ini ditumpukan ke atas sasaran-sasaran yang menghadapi peningkatan jenayah.
- (ii) Tindakan proaktif juga diambil bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan NGO-NGO bagi menerangkan dan menghebahkan maklumat dari segi menjaga harta benda dan nyawa. Ini termasuklah mengadakan kempen, ceramah dan penubuhan Rakan Cops untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengawal harta benda dan nyawa sendiri.

- (iii) Jenayah-jenayah yang menjadi penyumbang utama kes misalnya samun, curi motosikal, pecah rumah dan ragut akan ditangani secara lebih berkesan dengan pewujudan *Task Force* khususnya di peringkat daerah dalam usaha menangani jenayah tersebut.
- (iv) Meningkatkan penguasaan undang-undang berhubung pekerja-pekerja asing dengan melipatgandakan operasi mengesan, menahan dan menghantar semula pekerja tanpa izin.
- (v) Meningkatkan kawalan dan pengawasan di sepanjang persisiran dan perairan pantai.
- (vi) Sentiasa mengawasi dalang dan sindiket yang menguruskan kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. Akaun Amanah Tabung T.Y.T. Negeri bertujuan meringankan penderitaan mangsa-mangsa bencana. Bencana ditakrifkan sebagai kemarau, banjir, ribut taufan, tanah runtuh, gempa bumi, tsunami, kebakaran dan lain-lain:
 - (a) Kenapakah Jawatankuasa Bencana Peringkat Daerah hanya mensyaratkan Tabung TYT untuk bencana kebakaran dan ribut sahaja?
 - (b) Kenapakah ADUN/wakil ADUN tidak dijemput ke Mesyuarat JK Bencana Peringkat Daerah sebagaimana Mesyuarat JK Kemiskinan sejak 27.4.2016 atas permohonan ADUN Penanti kepada MMK Pembangunan Desa semasa Bengkel Pelan Tindakan Daerah di Cameron Highlands?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. (a) Jawatankuasa Pengurusan Tabung TYT Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab untuk mengurus, menyelaras dan menyalurkan bantuan serta-merta kepada mangsa kejadian bencana di peringkat daerah. Jawatankuasa ini tertakluk kepada Akta Tatacara Kewangan 1957 Akaun Amanah Tabung TYT Negeri Pulau Pinang, Perkara 5 dengan menakrifkan bencana sebagai semua jenis kejadian bencana iaitu kemarau, banjir, ribut taufan, tanah runtuh, gempa bumi, tsunami, kebakaran dan termasuk apa-apa jua kejadian lain yang mendatangkan penderitaan kepada mangsa-mangsa yang terlibat secara persendirian walaupun secara berkumpulan. Berdasarkan takrifan dalam fungsi Jawatankuasa Kecil TYT Negeri Pulau Pinang, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dapat menyalurkan peruntukan bagi tujuan perlaksanaan fungsi jawatankuasa tersebut yang digariskan di bawah Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara (MKN 20).
- (b) Dibawah Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara (MKN 20) Perkara 16: Mekanisme Tindak Balas menetapkan tatacara pengurusan tindakan balas bencana di setiap peringkat pentadbiran Kerajaan bagi mengurus sesuatu kejadian bencana mengikut tahap-tahap yang disebut di bawah Perkara 15, Pengurusan Bencana Tahap I (Peringkat Daerah) telah menetapkan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dengan keahlian Jawatankuasa seperti berikut:-

Pengerusi	:	Pegawai Daerah		
Ahli-ahli	:	Ketua Polis Daerah		
		Pegawai Bomba dan Penyelamat Daerah		
		Pegawai Kesihatan Daerah		
		Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah		
		Pegawai Jabatan Alam Sekitar Daerah		
		Wakil Angkatan Tentera Malaysia		
		Ketua Penguatkuasa Maritim	Daerah/Wakil	Agensi
		Penguatkuasaan Maritim Malaysia		
		Setiausaha Majlis Perbandaran/Daerah		
		Pegawai Pertahanan Awam Daerah		

Wakil Jabatan Meteorologi Malaysia
 Pegawai Penerangan Daerah
 Pegawai Pelajaran Daerah
 Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya
 Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran
 Pegawai RELA Daerah
 Wakil Jabatan Mineral dan Geosains Negeri
 Pengurus Telekom Malaysia Daerah
 Pengurus Tenaga Nasional Berhad Daerah/Wakil Pengurus
 Syarikat Bekalan Elektrik Negeri
 Wakil Pengarah/Pengurus Jabatan/Syarikat Bekalan Air Negeri
 Wakil Pengurus Jabatan Penerbangan Awam Negeri/Daerah
 Pengarah Kementerian Pelancongan Negeri/Pejabat Tourism
 Malaysia Negeri
 Penghulu/Penggawa Mukim

Turut Hadir : Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
 Setiausaha : Setiausaha Keselamatan Daerah ,Majlis Keselamatan Negara
 (MKN) Daerah,

Berdasarkan ketetapan senarai keahlian Jawatankuasa tersebut, ADUN adalah tidak termasuk dalam yang disenaraikan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Selainewartakan George Town sebagai tapak warisan, adakah Kerajaan bercadang memanfaatkan Undang-Undang Negeri Pulau Pinang Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 Peraturan-Peraturan Warisan Negeri Pulau Pinang 2016 Warta Kerajaan Jil.60 No.17 Tambahan No.9 Perundangan bertarikh 25.08.2016 Bahagian II. Kriteria bagi Pengisytiharan Tapak Warisan 3(a)(d) dan Kriteria bagi Pengisytiharan Warisan Kebudayaan tidak ketara 4(g) untuk mengekalkan warisan kampung di:
 - (a) Kg.Terus, Guar Perahu dan sebahagian 30 kampung dalam KADUN Penanti?
 - (b) 600 kampung dan 29 kampung tradisi di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri memberi perhatian yang serius berkaitan isu warisan / kampung tradisional di Pulau Pinang seperti yang telah disenaraikan di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020. Penguatkuasaan Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang (EWNPP) 2011 dan Peraturan-peraturan Warisan Negeri Pulau Pinang (PWNPP) 2016 pada 1 September 2016 membuktikan komitmen Kerajaan Negeri dalam mengekalkan kawasan perkampungan sedia ada sebagai kampung tradisional. Pewartaan kedua-dua undang-undang ini bertujuan untuk :
 - (i) Memelihara dan mengekalkan bangunan-bangunan warisan di seluruh Negeri Pulau Pinang yang telah diisytiharkan sebagai bangunan warisan mahupun sedang dalam proses pewartaan sebagai bangunan warisan supaya terpelihara demi generasi akan datang; dan
 - (ii) Merealisasikan inisiatif dan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengisytihar sesuatu tapak atau kebudayaan tidak ketara yang memenuhi kriteria sebagai tapak warisan atau warisan kebudayaan tidak ketara.

Berpandukan kepada PWNPP 2016, **Bahagian II (3) kriteria bagi perisytiharan tapak warisan dan (4) kriteria bagi perisytiharan warisan kebudayaan tidak ketara**, Kerajaan Negeri melalui George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) telah menjalankan kajian inventori bagi mengenal pasti tapak, bangunan dan monumen yang mempunyai kepentingan dan nilai-nilai warisan di Pulau Pinang. Hasil kajian mendapati sebanyak 122 kampung telah dikenal pasti berpotensi untuk diwartakan sebagai kampung tradisi termasuk di Kampung Terus dan sebahagian 30 kampung di dalam Kadun Penanti. Walau bagaimanapun, ia masih belum diwartakan kerana proses pewartaan tapak selain daripada tuan tanah juga perlu melibatkan

penyertaan penduduk setempat yang lebih memahami warisan kebudayaan tidak ketara yang ingin dipelihara.

RUJUK LAMPIRAN A BDNA NO. 9 (ID 174)

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Banjir 0.5-4 kaki yang memasuki 23 rumah/94 penduduk di Kampung Kubang Semang Mk 20 telah dibangkitkan sejak 2013, berpunca dari air ke Sungai Kubang Semang/Sungai Perai dari ladang sawit di Berapit dan bukit perkuburan Cina lama di Kampung Mengkuang. "Parallel drain" yang siap 2015 telah mengurangkan sedikit volum air dari Berapit:
 - (a) Berapakah Bajet 2017 untuk pembesaran culvert/"arch-bridge" dan pengalihan paip utiliti yang menyekat pengaliran air sungai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. *Culvert crossing* berkenaan adalah melalui jalan utama dan oleh itu terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Kerja Raya.

Bagi memastikan pengaliran air Sungai Kubang Semang berjalan lancar, Jabatan Pengairan dan Saliran juga telah memohon peruntukan tahunan sebanyak RM100,000 untuk tujuan penyelenggaraan sungai tersebut.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kajian reka bentuk Projek Impak Tinggi Sg Permatang Rawa Tanah Liat Mk 9 hampir siap. Dalam Bajet 2017:
 - (a) Berapakah peruntukan untuk memulakan pelaksanaan kerja-kerja melebarkan atau mendalamkan sungai, bina kolam takungan, *Collector Drain*, rumah Pam atau lain-lain komponen kerja dalam DUN Penanti?
 - (b) Bilakah setiap komponen pelaksanaan kerja akan bermula dan berakhir?
 - (c) Dimanakah kerja-kerja prioriti akan dimulakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kajian reka bentuk Projek Impak Tinggi Sungai Permatang Rawa Tanah Liat MK 9 berada di peringkat Laporan Konsep dengan kemajuan 50% siap dan dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2017.
 - (a) Anggaran kos pelaksanaan kerja-kerja melebarkan atau mendalamkan sungai, membina kolam takungan atau lain-lain komponen kerja di dalam DUN Penanti hanya dapat diperolehi selepas pembentangan oleh pihak perunding.
 - (b) Memandangkan laporan kajian tersebut belum disiapkan dan dibentangkan oleh juru perunding, Kerajaan Negeri belum memuktamadkan jenis kerja yang akan dilaksanakan. Berikutan itu, tarikh mula dan akhir pelaksanaan kerja juga belum dapat ditentukan.
 - (c) Kerajaan Negeri akan sentiasa melaksanakan projek mengikut keutamaan berpandukan tahap yang paling berisiko. Dalam konteks ini, keputusan akan dibuat berdasarkan hasil kajian dan pembentangan oleh juru perunding.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Berikut adalah proses permohonan tiang/lampu jalan. Permohonan dari Penduduk/Pejabat ADUN -(MPSP, TNB, MPSP, ADUN, PDT, TNB, lampu dipasang):
 - (a) Berapa lamakah proses kelulusan yang diambil di setiap agensi di atas?
 - (b) Mengapakah banyak permohonan dari DUN Penanti masih belum selesai?

- (c) Di bahagian proses manakah yang menjadi kelewatan (bottleneck) bagi keseluruhan proses permohonan di atas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Tempoh masa proses kelulusan permohonan tiang/lampu jalan adalah selama tiga (3) bulan secara purata bergantung kepada peruntukkan. Perincian tempoh masa yang diambil mengikut agensi adalah seperti Jadual 1.

Bil	Proses Permohonan	Agensi Terlibat	Tempoh
1	Terima dan rekod permohonan	MPSP	15 hari
2	Lawatan Tapak		
3	Kemuka surat kepada TNB untuk pemasangan/minta anggaran kos bagi yang tidak ada kabel dan tiang lampu.		
4	Terima anggaran kos daripada TNB	TNB	1 bulan hingga 5 bulan
5	Kemuka kos pemasangan kepada YB/Ahli Majlis/Pemohon	MPSP	7 hari
6	Urusan bayaran oleh Pejabat Daerah (melibatkan peruntukan ADUN Kerajaan Negeri)/Ahli Majlis MPSP	Pejabat Daerah	1 bulan
		MPSP	7 hari
7	Pemasangan dan makluman siap pemasangan	TNB	7 hari

- (b) MPSP telah menerima sebanyak 15 permohonan pemasangan lampu jalan awam bagi DUN Penanti berakhir bulan Oktober 2016. Kesemua permohonan tersebut masih dalam peringkat pemprosesan kerana MPSP belum mendapat anggaran kos pemasangan daripada pihak TNB.
- (c) Kelewatan berlaku kerana MPSP perlu memohon kepada pihak TNB bagi mendapatkan anggaran kos pemasangan lampu jalan di lokasi yang tiada kabel lampu mahupun tiang lampu.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. JKKN dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri untuk memantau kawasan masing-masing dan membantu penduduk fakir miskin dapatkan bantuan JKM, ZPP, AES, baiki rumah, rumah baru, peralatan perniagaan dan bantu semasa bencana banjir, ribut, kebakaran.
- (a) Bilakah Kerajaan Negeri akan menyediakan insurans berkelompok kepada JKKN sebagai langkah perlindungan?
- (b) Seajar dengan kenaikan elaun JKKN dalam Bajet 2017 ke RM900, adakah elaun JKKN juga akan dinaikkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Setakat ini sebanyak 299 JKKN telah diwujudkan di Pulau Pinang dengan jumlah keahlian seramai 3771 orang. Sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak membiayai atau menyediakan insurans berkelompok mengambil kira risiko JKKN ini adalah terlalu rendah kerana tugas mereka hanya melibatkan dalam kawasan yang mereka sendiri diami. Namun begitu Kerajaan Negeri bersedia untuk meneliti semula keperluan ini terutama jika terdapat insiden-insiden yang memerlukan perlindungan insurans.

- (b) Setakat ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menaikkan elaun JKKK yang telah dibuat pada Januari 2014. Kenaikan terdahulu didapati selaras dengan beban tugas yang dipikul. Kadar elaun JKKK yang diterima semasa adalah seperti berikut :
- (i) Pengerusi - RM 650.00 sebulan (elaun tetap)
 - (ii) Setiausaha - RM 550.00 sebulan (elaun tetap)
 - (iii) Ahli JKKK - RM 40.00 seorang sebagai elaun kehadiran mesyuarat

Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan mempertingkatkan kebajikan ahli JKKK supaya dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk untuk membangunkan kawasan JKKK tersebut.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Mengapa Jabatan Agama Islam tidak memberi sebarang maklumbalas kepada pihak ADUN mengenai permohonan membaiki dan menaiktaraf masjid, surau dan kafa yang dimohon melalui Adun kawasan atau terus dari pemohon sendiri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) sentiasa menerima permohonan baik pulih atau naik taraf masjid, surau dan sekolah agama rakyat daripada pihak-pihak yang berkepentingan termasuk daripada ADUN kawasan, pihak pengurusan masjid, surau, sekolah agama dan pihak kariah dari seluruh Negeri Pulau Pinang.

Bagi ke semua permohonan yang diterima JHEAIPP akan berurusan terus dengan institusi terlibat bagi membincangkan perincian permohonan dan juga pelaksanaan kerja tertakluk kepada kelulusan peruntukan. Namun begitu, sekurangnya terdapat pihak berkepentingan lain termasuk ADUN kawasan yang ingin mendapat maklum balas bagi permohonan tersebut, pihak JHEAIPP sentiasa bersedia dan tiada halangan untuk memberikannya. Dalam hubungan ini, isu JHEAIPP tidak memberikan maklum balas kepada ADUN kawasan Penanti tidak membangkit memandangkan tiada permohonan maklum balas seumpamanya diterima daripada ADUN Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Memandangkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) meluluskan permohonan Pemaju JKP tidak perlu membina parit dari projek Akasia ke Sungai Mengkuang tetapi sekadar membina *crossing culvert*/parit ke Maahad Tahfiz, JD JKRSPT mensyaratkan dibina tambahan *crossing culvert*/parit di hadapan Tabika KEMAS. Setelah projek Akasia siap, rumah-rumah ditepi jalanraya Kampung Mengkuang Titi dilanda banjir dua kali sebulan:
- (a) Adakah MPSP mensyaratkan pemaju JKP seperti disyorkan Jurutera Daerah, JKR?
 - (b) Adakah MPSP, MMK, JKR beri peruntukan sekiranya pemaju JKP tidak melaksanakannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Jalan dan Parit yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mensyaratkan pemaju untuk membina parit tepi jalan dari Taman Seri Akasia sehingga ke Sungai Mengkuang. Perkara ini selaras dengan syor daripada Jurutera Daerah JKR, Seberang Perai Tengah.
- (b) Sekiranya pemaju tidak melaksanakan syarat yang ditetapkan, MPSP tidak akan mengeluarkan sokongan kepada permohonan *Certificate of Completion and Compliance*, CCC bagi fasa-fasa yang akan datang dan tiada peruntukkan disediakan oleh MPSP, JKR dan Jawatankuasa MMK Tebatan banjir bagi tujuan tersebut.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Semasa mesyuarat MMK Pembangunan Wanita pada 7/10/16, UPEN telah mencadangkan untuk mencari satu *economic & sustainable model* untuk semua Pusat Jagaan Kanak-Kanak (PJKK):
- (a) Apakah perancangan serta-merta/jangka pendek untuk PJKK?
 - (b) Berapakah peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada semua PJKK di Pulau Pinang?
 - (c) Nyatakan *profile* ibu bapa dari segi pendapatan dan kaum untuk PJKK Taman Serumpun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Perancangan serta merta atau jangka pendek Kerajaan Negeri untuk memastikan kemampuan (*sustainable*) Pusat Jagaan Kanak-Kanak (PJKK) adalah dengan memaksimumkan bilangan kanak-kanak di setiap PJKK. Melalui perancangan ini, segala penggunaan sumber seperti kos, tempat dan juga sumber manusia dapat dioptimumkan. Di samping itu, promosi juga sedang giat dilaksanakan oleh penyelia PJKK untuk menyebarkan maklumat tentang kewujudan PJKK melalui *flyers* dan *banner*.
- (b) Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM250,000 setahun untuk pembiayaan dan subsidi dua Pusat Jagaan Kanak-Kanak (PJKK) iaitu PJKK Daerah Timur Laut and PJKK Daerah Seberang Perai Tengah dan juga untuk Taska D'Komtar.
- (c) Jumlah kanak-kanak di PJKK Taman Serumpun adalah seramai 30 orang dan melibatkan seramai 22 orang ibubapa/penjaga. Data menunjukkan bahawa majoriti ibubapa/penjaga di PJKK tersebut adalah berbangsa Melayu dan berpendapatan di bawah RM5,000.00. Perincian maklumat ibubapa/penjaga dari segi komposisi kaum dan pendapatan untuk PJKK Taman Serumpun adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDNA NO. 16 (ID 464)

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Taman-taman permainan (*playground*) yang rosak telah dimanfaatkan oleh anak-anak muda untuk berlatih sukan baru contohnya *street workout* ala-jimnastik yang sedang popular dalam negara dan antarabangsa. Untuk menyokong minat mereka, bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh menyokong secara konkrit sukan *streetworkout* dengan memberi peruntukan untuk:
- (a) Pembelian peralatan *workout* untuk padang-padang/dewan-dewan sedia ada dalam DUN Penanti?
 - (b) Pertandingan *street workout* antara pasukan-pasukan dalam dan antara negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Bagi menyokong sukan *streetworkout*, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam perancangan untuk pemasangan peralatan *workout* bermula tahun hadapan memandangkan sukan ini masih baru di kalangan masyarakat setempat. Berdasarkan keperluan semasa, MPSP telah mengambil inisiatif memasang peralatan *outdoor gym* dan *parcourse* di seluruh Seberang Perai.
- (b) Kerajaan Negeri tiada halangan untuk menyalurkan peruntukan dan bekerjasama dengan penganjur pertandingan *streetworkout* memandangkan Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) dalam melaksanakan program-program sukan di negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Tabung Usahawan Tani Muda merupakan inisiatif kerajaan sebagai dorongan kepada belia untuk memajukan perniagaan dalam sektor asas tani.
- (a) Bolehkah syarat umur 40 tahun dibuka kepada semua tanpa mengira had umur?
 - (b) Berapa permohonan yang telah diluluskan mengikut jantina, umur, produk/industri?
 - (c) Berapa lamakah proses kelulusan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) diwujudkan bertujuan bagi menambah minat dan bilangan golongan belia sebagai pelapis bagi memastikan kelestarian bidang pertanian dan Industri Asas Tani (IAT). Selari dengan Dasar Pembangunan Belia Negara 1977, golongan belia ditakrifkan sebagai mereka yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun sahaja. Sehubungan dengan itu, buat masa kini, TUTM akan hanya memfokuskan bantuan menggalakkan perniagaan *agrobese* dan pertanian kepada golongan muda berusia 40 tahun dan ke bawah.
- (b) Sehingga Oktober 2016, seramai 49 orang peminjam telah menyertai program ini. Berikut adalah pecahan mengikut jantina, umur dan industri:

Pecahan Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan
Lelaki	44
Perempuan	5

Pecahan Mengikut Umur

Julat Umur	Bilangan
20-25	9
26-30	11
31-35	17
36-40	12

Pecahan Mengikut Industri

Industri	Bilangan
Pertanian dan Industri Asas Tani	28
Penternakan	19
Perikanan	2

- (c) Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan Tabung Usahawan Tani Muda yang dipengerusikan oleh YB. Pengerusi Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani dan turut disertai agensi teknikal iaitu Jabatan Pertanian Pulau Pinang, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang, Jabatan Perikanan Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Setiap permohonan baru akan ditapis dan dikaji oleh agensi teknikal di lapangan dalam tempoh dua (2) minggu selepas penerimaan permohonan lengkap sebelum diangkat kepada jawatankuasa ini yang akan bersidang mengikut keperluan (bilangan permohonan). Kelulusan yang dibuat jawatankuasa ini adalah serta merta dan cek pinjaman disampaikan setiap suku tahun.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sistem I-sejahtera bagi program anak emas telah dinaik taraf dan pemohon diminta untuk melampirkan penyata bank/buku bank sebagai dokumen sokongan.
- (a) Bagaimanakah pembayaran program anak emas dilakukan?
 - (b) Mengapakah pertukaran secara auto bagi program ibu emas & ibu tunggal kepada program warga emas masih belum dilaksanakan memandangkan masih terdapat data yang belum dikemaskini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Pada awal pelaksanaan Program Anak Emas, pembayaran sebanyak RM200.00 adalah dibuat secara tunai. Pemberian ini merupakan bantuan *one-off* dan bayaran adalah melalui Pejabat Daerah berkenaan. Bagi kemudahan penerima program ini pada masa hadapan, Kerajaan Negeri kini sedang berusaha untuk melakukan pembayaran secara online. Untuk langkah awal, kini penerima program ini akan diminta untuk melampirkan penyata bank/buku bank sebagai dokumen sokongan bagi memudahkan pembayaran secara online pada masa akan datang.
- (b) Kerajaan Negeri sememangnya telah melaksanakan pertukaran secara auto bagi Program Ibu Emas dan Ibu Tunggal kepada Program Penghargaan Warga Emas melalui sistem I-sejahtera sejak bulan Oktober tahun 2016.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Berikutan lawatan tapak pada 18 Ogos 2016 ADUN Penanti/JPS SPU/SPT/PPAD ke ternakan babi di Kg. Selamat mendapati air buangan kandang babi hitam pekat telah mencemar parit yang mengalir ke Sungai Prai. Mesyuarat ADUN Penanti bersama Exco/Jab.Haiwan/MPSP/persatuan-persatuan penternak babi pada 19 Ogos 2016 dan desakan dari Dialog Penduduk/Nelayan Kampung Terus pada 21 Ogos 2016.
- (a) Apakah tindakan susulan Kerajaan Negeri untuk membenteng/menguatkuasakan Enakmen Ternakan Babi baru seperti Kerajaan Persekutuan?
 - (b) Apakah tindakan konkrit dalam Enakmen baru?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Enakmen Penternakan Babi 2016 dijadual akan dibenteng pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri ke-13 pada November ini.
- (b) Enakmen tersebut antara lain merangkumi langkah-langkah kawalan ternakan babi. Di dalam Seksyen 18, Enakmen Penternakan Babi 2016 menyatakan seseorang pemegang lesen yang gagal untuk mengambil langkah mencegah pembuangan atau pelepasan sisa babi dari ladang babinya adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan akan didenda tidak melebihi RM30,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya. Seksyen 19 pula menyatakan seseorang pemegang lesen yang gagal mencegah pelepasan atau pengeluaran bau atau asap yang busuk atau tidak enak daripada ladang babinya telah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan akan didenda tidak melebihi RM30,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Memandangkan harga rumah dan barang semakin meningkat, kos pembinaan sebuah rumah dari Zakat Pulau Pinang (ZPP) / Agenda Ekonomi Saksama (AES) adalah masih harga sama iaitu RM40,000.
- (a) Bolehkah ZPP/AES menaikkan peruntukkan sebuah rumah mengikut harga pasaran?
 - (b) Bolehkah ZPP/AES menanggung kos pembiayaan untuk pemasangan meter air & elektrik?
 - (c) Adakah ZPP/AES membuka tender kepada kontraktor untuk pembinaan rumah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Kos pelaksanaan Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin (Bina baru) dengan had siling RM40,000.00 yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri adalah mengikut kadar piawai yang ditetapkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan terpakai di seluruh negara.
- (b) Kos pemasangan meter air dan elektrik Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin (Bina baru) telah diambilkira dan dimasukkan ke dalam had siling RM40,000.00. Namun begitu, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga mempunyai Skim Bantuan dengan memberikan pengecualian terhadap kos pemasangan meter. Insentif yang sama juga di sediakan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) bagi tujuan bekalan air tertakluk kepada kelayakan.
- (c) Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin (Bina baru / Baiki) dilaksanakan oleh Pejabat Daerah melalui pelawaan sebut harga terbuka. Walau bagaimanapun, sekiranya kelulusan pelaksanaan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin (Bina baru) adalah menjelang akhir tahun, maka pertimbangan sebut harga secara terhad di kalangan kontraktor-kontraktor berwibawa dilakukan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Setiap tahun ADUN Penanti membelanjakan 20% dari peruntukan P16(02) untuk pemotongan pokok-pokok merbahaya seperti pokok kekabu (RM8,500) dan pokok buku lima (RM10,140) di 30 buah kampung dan tepi jalan raya di mana ketinggian Skylift MPSP tidak mencukupi.
- (a) Bolehkah Kerajaan Negeri memperuntukkan dari sumbangan pendapatan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTST) iaitu sebanyak RM175,078,985.35 mengikut Laporan Bajet 2016, untuk keperluan asas kritikal/keselamatan penduduk seperti pemotongan pokok-pokok merbahaya, pemasangan pili bomba, pemasangan tiang/lampu jalan dalam kampung?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Segala pendapatan/hasil yang diperolehi dan dikutip melalui Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah dan Pusat-pusat Tanggungjawab yang lain akan diperakaunkan ke dalam Akaun Hasil Negeri Disatukan. Peruntukan ke Pejabat Daerah dan Tanah SPT akan diagihkan berdasarkan Bajet Tahunan yang diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri.

Bagi pelaksanaan kerja-kerja pemotongan pokok-pokok merbahaya, pemasangan pili bomba dan pemasangan tiang/lampu jalan dalam kampung, setiap Pejabat Daerah disediakan peruntukan khas oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM100,000. Selain itu, setiap YB ADUN turut diperuntukkan sebanyak RM180,000 untuk penyelenggaraan/pembinaan infrastruktur secara tahunan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Merujuk kepada perbincangan dengan 20 pengusaha/persatuan tentang status garis panduan tukar guna bangunan pusat penjagaan kanak-kanak/tadika/taska pada 8 September 2016 di Pejabat Timbalan Ketua Menteri 1 dan mesyuarat MMK Wanita pada 7 Oktober 2016 memohon PBT mengiktiraf/takrifkan taska/tadika sebagai khidmat sosial, bukannya status komersial, untuk mengurangkan cukai sebagaimana di Kedah, apakah keputusan PBT/EXCO mengenai:
- (a) Pengiktirafan status sebagai khidmat sosial?
 - (b) Membenarkan pembinaan 'awning' untuk budak-budak berhimpun/riadah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Setakat ini tiada pengiktirafan status sebagai khidmat sosial bagi Tadika dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA). Walaubagaimanapun, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil kira aspek sosial di dalam penyediaan garis panduan tukarguna kediaman kepada Tadika, TASKA dan Pusat Jagaan. Berdasarkan kepada Garis Panduan Pengawalan Tukarguna Bangunan Kediaman Kepada Tadika, TASKA dan Pusat Jagaan, pengecualian bayaran-bayaran seperti bayaran pemajuan infrastruktur, bayaran sumbangan tempat letak kereta, penanaman pokok dan pemandangan daratan boleh diberi kepada pengusaha/badan yang tidak berlandaskan keuntungan (*Non-profit Organizations*) tertakluk kepada syarat pengesahan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri.
- (b) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tiada halangan dengan pembinaan bumbung terbuka (awning) pada Tadika atau TASKA dengan syarat pemilik mematuhi kehendak dan keperluan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 serta mendapatkan kebenaran bertulis (kelulusan Pelan Bangunan) daripada PBT terlebih dahulu.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Terdapat projek-projek komersial yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tanpa mendapat ulasan dari ADUN kawasan (mengikut syarat OSC) seperti yang dilakukan oleh Jabatan Perancangan Bandar Desa (JPBD) /Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PTDSPT). Setelah siap, projek membawa masalah di kawasan setempat iaitu di Columbarium Mengkuang.
- (a) Bolehkah MPSP meminda syarat OSC untuk mengambil kira ulasan ADUN dan JKKK kawasan?
 - (b) Kelulusan OSC adakah mengambil kira Pelan Induk Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir dan Sistem Saliran Mesra Alam Bagi Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang yang telah disediakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Mesyuarat Jawatankuasa OSC Majlis Perbandaran Seberang Perai mempertimbang sesuatu permohonan bersandarkan perakuan dan ulasan teknikal melibatkan Jabatan Teknikal dalaman dan luaran yang dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa OSC bagi mengulas sesuatu permohonan. Ini selaras dengan Pekeliling Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bilangan 6 Tahun 2008 Bagi Penambahan Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) bertarikh 2 September 2008. Pekeliling yang sama turut menyatakan dengan jelas bahawa prosedur dan proses pelaksanaan OSC yang telah digariskan dalam Buku Panduan OSC hendaklah dilaksanakan dan dipatuhi secara keseluruhan oleh semua PBT. Sebarang pindaan terhadap prosedur OSC sedia ada adalah tertakluk di bawah kuasa Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) selepas sesuatu pindaan/penambahbaikan diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang juga dihadiri oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri. Di samping tiada peruntukan di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang mengkehendaki pertimbangan

terhadap Permohonan Kebenaran Merancang perlu mengambil kira ulasan ADUN dan JKKK kawasan.

- (b) Pematuhan kepada Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir dan Sistem Saliran Mesra Alam (MASMA) dalam sesuatu permohonan bagi kawasan Seberang Perai Tengah (SPT) akan disemak dan disahkan oleh Jabatan Kejuruteraan MPSP dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) SPT. Ini meliputi saiz rizab sungai, sistem saliran, kiraan hidrolik, kolam takungan, rumah pam, parameter parit, titik buangan terakhir dan sebagainya di atas Pelan Kebenaran Merancang dan akan diperincikan di peringkat Pelan Jalan dan Parit. Kelulusan setiap permohonan kebenaran merancang di seluruh daerah Seberang Perai Tengah akan mengambil kira Pelan Induk Tebatan Banjir Dan Sistem Saliran Mesra Alam bagi Daerah SPT Pulau Pinang yang telah disediakan oleh JPS Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Penanti mempunyai empat dewan JKKK (Kg. Tun Sardon, Kg Guar Perahu, Kuala Mengkuang dan Kg Sungai Lembu) yang sering digunakan oleh JKKK untuk program-program kemasyarakatan. Namun kondisi dewan JKKK tersebut sangat uzur.

- (a) Bolehkah Kerajaan Negeri memperuntukkan sebahagian dari sumbangan pendapatan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah iaitu sebanyak RM175,078,985.35 untuk memperbaiki semula dewan-dewan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Segala hasil yang dikutip oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTST) dan pusat-pusat tanggungjawab yang lain akan diperakaukan ke Akaun Hasil Negeri Disatukan dan akan dibelanjakan berdasarkan bajet tahunan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Bagi pembiayaan projek penyelenggaraan dan menaik taraf dewan, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM500,000.00 setahun untuk setiap daerah dan pada tahun 2016, PDTST telahpun melaksanakan kerja penyelenggaraan dan menaik taraf 12 buah projek dewan yang dikenal pasti. PDTST akan berusaha untuk menggunakan peruntukan 2017 yang diluluskan bagi memperbaiki dewan tersebut kelak.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Saya ADUN Penanti telah memohon Kerajaan Negeri dan SPAD Lesen Bas Mini Desa sebagai *Feeder Shuttle Van* yang boleh memasuki jalan-jalan di 30 kampung serta 8 taman perumahan dan *Express Shuttle Van* ke *Penang Sentral* untuk 29,800 penduduk pada 27 Februari 2016 dan peruntukkan perkhidmatan *feeder shuttle* percuma kepada MMK Lalu lintas 3 Mac 2016.

- (a) Adakah permohonan EXCO Lalu Lintas kepada Pengerusi SPAD diluluskan?
- (b) Jika lesen bas mini desa menggunakan van sedia ada tidak diluluskan, apakah penyelesaian Kerajaan Negeri untuk pengangkutan awam di Penanti?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. (a) Beberapa siri perbincangan bersama pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan MPSP berkenaan cadangan ini telah diadakan setelah menerima cadangan dikemukakan oleh YB Penanti. Kerajaan Negeri juga telah mengemukakan permohonan secara rasmi kepada pihak Ibu Pejabat SPAD untuk semakan dan pertimbangan pada 8 November 2016.
- (b) Sebarang tindakan susulan untuk menyelesaikan isu bas mini desa ini hanya dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri setelah mendapat keputusan daripada pihak SPAD.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Penanti mempunyai beberapa gerai yang dibawah kelolaan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTST) dan juga Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Namun sebahagian daripada gerai tersebut tidak beroperasi walaupun mempunyai tuan (dijadikan stor).
- (a) Bolehkah pihak PDTST dan MPSP memberi sewa gerai-gerai tersebut kepada mereka yang benar-benar ingin berniaga?
 - (b) Bolehkah gerai-gerai yang di bawah PDTST diberikan kepada JKKK kawasan untuk dikendalikan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Terdapat sejumlah 57 buah gerai di dalam KADUN Penanti iaitu 34 gerai di bawah seliaan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTST) dan 23 gerai lagi di bawah seliaan MPSP.
- (a) Tujuan pemberian gerai tersebut adalah bagi membolehkan mereka melakukan perniagaan masing-masing dengan segala kemudahan yang lebih selesa. Namun begitu, sekiranya terdapat salah guna kemudahan gerai tersebut termasuk menjadikan ia sebagai stor, PDTST dan MPSP akan mengambil tindakan menamatkan kontrak perjanjian dengan serta merta dan gerai-gerai tersebut akan diiklankan dari semasa ke semasa kepada pemohon yang berminat untuk berniaga. Peniaga yang berminat boleh mengemukakan permohonan berdasarkan iklan yang dibuka dan perlu melalui proses temuduga.
 - (b) Gerai-gerai tersebut setakat ini tidak boleh diberikan kepada JKKK kerana ia adalah aset Kerajaan Negeri dan perlu ditadbir oleh Pejabat Daerah. Hasil sewaan yang dikutip Pejabat Daerah akan dikreditkan ke akaun Jabatan Kewangan Negeri sebagai hasil Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kerajaan Negeri telah membuat program perumahan sewa beli seperti di S.P Chelliah George Town.
- (a) Berapakah unit rumah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dalam program tersebut untuk KADUN Penanti dan Parlimen Permatang Pauh?
 - (b) Dimana dan bilakah lokasi projek tersebut akan dijalankan?
 - (c) Nyatakan secara terperinci perancangan perumahan tersebut berdasarkan kategori perumahan KRT/Sederhana Rendah/mampu milik?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Program Perumahan Mampu Milik (RMM) di SP Chelliah merangkumi RMM 'B' (Kos Sederhana Rendah) (RM72,500) dan RMM 'C' (dalam lingkungan harga RM200,000 sehingga RM400,000) dan tiada perumahan di projek tersebut yang adalah di bawah program sewa beli.
- (b) Program sewa beli telah diperkenalkan semula di dalam projek perintis di Taman Seruling Emas dan Taman Sungai Duri Permai di Daerah Seberang Perai Selatan dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Memandangkan itu, walaupun di peringkat ini tiada program perumahan sewa beli akan dilaksanakan di KADUN Penanti ataupun Parlimen Permatang Pauh.
- (c) Kerajaan Negeri sememangnya di dalam proses mengenal pasti tapak yang sesuai di kesemua lima (5) daerah di negeri Pulau Pinang termasuk KADUN Penanti dan Parlimen Permatang Pauh untuk dilaksanakan program perumahan sewa beli.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Untuk melindungi wanita sekiranya berlaku penceraian, kematian suami atau ditinggalkan suami, bolehkah 30% kuota pemilikan rumah Kos rendah/Kos Sederhana Rendah/mampu milik diberi kepada wanita sebagai rumah pertama?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) sentiasa memberi keutamaan giliran kepada pemohon rumah pertama dari kalangan ibu tunggal dalam proses penawaran Rumah Mampu Milik. Namun begitu, Kerajaan Negeri pada masa ini belum berhasrat untuk menetapkan dasar 30% kuota pemilikan untuk dikhaskan kepada pemohon daripada kategori tersebut.

Tawaran yang telah dibuat untuk golongan yang terlibat dari tahun 2008 sehingga kini adalah seperti di bawah:

Kategori	Jumlah Tawaran
RMM 'A' (Kos Rendah)	1,923
RMM 'B' (Kos Sederhana Rendah)	1,430
RMM 'C' (RM200,000)	14
RMM 'C' (RM300,000)	76
RMM 'C' (RM400,000)	19
JUMLAH BESAR	3,462

XIII. Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) membuat sebarang penyelidikan untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Pusat Bandaraya George Town?
- (a) Jika ada, sila huraikan.
- (b) Adakah MBPP akan mempertimbangkan kaedah menghadkan laluan ke Pusat Bandaraya George Town ke atas kenderaan dengan pemandu sahaja?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sering menjalankan kajian untuk mengatasi masalah lalu lintas di Pusat Bandaraya George Town.

Di samping kajian pengangkutan menyeluruh yang dijalankan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang disiapkan pada April 2014, MBPP menjalankan kajian-kajian lalu lintas secara khusus di kawasan-kawasan tertentu dalam Pusat Bandaraya George Town. Kajian-kajian lain di kawasan George Town secara amnya juga membantu secara langsung atau tidak langsung untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan pusat bandaraya. Kajian-kajian yang telah dan sedang dijalankan serta tujuannya adalah seperti berikut :-

- (i) Kawasan Warisan George Town

Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town telah disediakan yang turut melibatkan kajian untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas. Penambahbaikan pengangkutan awam serta pembinaan laluan dan lintasan pejalan kaki telah dicadangkan. Tindakan-tindakan ini sedang diambil secara berperingkat sejak beberapa tahun dahulu.

(ii) Kawasan KOMTAR

Kajian ini melibatkan cara-cara melegakan kesesakan lalu lintas di kawasan KOMTAR dan bahagian pusat bandaraya yang bersambung ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. Kajian ini telah disiapkan pada 2015 yang melibatkan :-

- Pembinaan tanjakan berarah (*directional ramp*) untuk pembelokan ke kanan dari Gat Jalan Magazine ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu;
- Pusingan 'U' bertingkat di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu;
- Menyusun semula aliran lalu lintas di kawasan KOMTAR;
- Membina dan menaik taraf laluan pejalan kaki; dan
- Menambahbaik pengangkutan awam dan kemudahan berkaitan.
- Perunding telah dilantik untuk menyediakan rekabentuk terperinci untuk pembinaan tanjakan berarah (*directional ramp*) dan pusingan 'U' bertingkat. *Heritage Impact Assessment* (HIA) perlu disediakan sebelum keputusan lanjut dibuat.

(iii) Kawasan Jalan Masjid Negeri

Perakuan kajian ini telah dilaksanakan secara berfasa sejak 2011 dan berada pada fasa terakhir sekarang. Kerja-kerja yang terlibat adalah pelebaran jalan serta menaik taraf laluan pejalan kaki, saliran dan pencahayaan. Kerja-kerja bagi fasa terakhir (Fasa 5B) iaitu menaik taraf Jalan Masjid Negeri di antara persimpangan Lorong Batu Lancang/Jalan Hamilton dan persimpangan Jalan Ayer Itam/Jalan Scotland sedang dijalankan dan dijangka disiapkan pada pertengahan tahun 2017.

(iv) Kawasan Mount Erskine dan Tanjong Tokong

Kajian telah disiapkan pada 2016 dan perakuan merangkumi:-

- Pembinaan sebuah jalan bawah dari Jalan Mount Erskine ke Jalan Burma;
- Pembinaan sebuah lagi jalan bawah dari Jalan Kelawai ke Jalan Tanjong Tokong;
- Pelebaran Jalan Brown dan persimpangan Jalan Brown/Jalan Utama; dan
- Menaik taraf laluan pejalan kaki.

Sebuah firma perunding telah dilantik untuk menyediakan reka bentuk terperinci dan kerja-kerja pembinaan jalan bawah dari Jalan Mount Erskine ke Jalan Burma dijangka bermula pada hujung tahun 2017.

(v) Kawasan Jelutong, Jalan Perak dan Sungai Pinang

Kajian ini telah dijalankan pada tahun 2013 dan melibatkan pelaksanaan sistem jalan sehala secara berperingkat di Jalan Jelutong dan Jalan Perak. Sistem jalan sehala di sebahagian Jalan Jelutong dan Jalan Perak dari persimpangan Jalan Ahmad Nor/Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim ke Jalan Lenggong telah dilaksanakan pada tahun 2014. Fasa-fasa jalan sehala lain akan dilaksanakan dengan penyiapan pembangunan-pembangunan baru di kawasan terlibat.

(vi) Kawasan Ayer Itam

Kajian awal telah disiapkan untuk Kawasan Ayer Itam pada 2016 dan perunding sedang dilantik untuk menjalankan kajian terperinci dan menyediakan reka bentuk. Kajian awal memperakukan seperti berikut :-

- Pembinaan tanjakan berarah (*directional ramp*) untuk pembelokan ke kanan dari Jalan Thean Tek ke Jalan Ayer Itam;
- Pembinaan tanjakan berarah (*directional ramp*) untuk pembelokan ke kanan dari Lorong Batu Lancang ke Lebuhraya Thean Tek; dan

- Menghubungkan Jalan Kampung Pisang ke Jalan Thean Tek dan seterusnya ke Lebuhraya Thean Tek.

Selain itu, MBPP telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjalankan kajian pembinaan jalan-jalan utama dan persimpangan bertingkat di George Town yang merangkumi cadangan-cadangan berikut :-

- Pembinaan by-pass dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam (Ayer Itam *By-pass*) di mana kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada suku kedua tahun 2017 dan disiapkan pada 2020.
- Pembinaan by-pass dari Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. Kerja-kerja pembinaan untuk *by-pass* ini dijangka bermula pada tahun 2018 dan disiapkan pada 2021.

MBPP juga telah mensyaratkan penyediaan laporan kajian impak lalu lintas ke atas pemajuan-pemajuan tertentu di mana kerja-kerja menaik taraf jalan dan persimpangan seperti berikut telah ditetapkan :-

- Pembinaan Jalan Berkembar Persiaran Gurney dari Tanjong Tokong ke persimpangan Jalan Pangkor/Persiaran Gurney yang dijangka akan dibina pada 2018 dan disiapkan pada 2020.
 - Pembinaan tanjakan berarah untuk pembelokan ke kanan dari Jalan Scotland ke Jalan Batu Gantung yang dijangka bermula pada 2018 dan disiapkan pada 2021.
 - Seiring dengan ini, MBPP melaksanakan kajian-kajian setempat (*localized*) di mana sistem jalan sehalu diwujudkan, lampu isyarat dipasang, larangan pembelokan ke kanan diadakan serta larangan meletak kenderaan/menunggu dikuatkuasakan untuk pengurusan aliran lalu lintas dan mengurangkan kesesakan lalu lintas. MBPP juga memberi tumpuan kepada penyediaan dan penambahbaikan laluan pejalan kaki dengan reka bentuk sejagat yang mesra kepada orang kelainan upaya dan warga berusia
- (b) MBPP akan mempertimbangkan kaedah menghadkan laluan ke Pusat Bandaraya George Town ke atas kenderaan dengan pemandu sahaja. Kaedah ini akan dijalankan dengan penambahbaikan dalam sistem pengangkutan awam dan akan dilaksanakan secara berperingkat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Penambahan bilangan kenderaan di Pulau Pinang serta kunjungan kenderaan dari luar negeri adalah faktor utama kesesakan lalulintas di Pusat Bandaraya Pulau Pinang terutamanya pada hujung minggu atau sempena perayaan. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menstrukturkan semula aliran masuk-keluar kenderaan di kawasan Pusat Bandaraya? Sila huraikan dengan terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pada masa kini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk melaksanakan penstrukturkan aliran keluar dan masuk lalulintas di Pusat Bandar Georgetown. Kerajaan Negeri kini memberi fokus untuk menaik taraf sistem pengangkutan awam secara menyeluruh yang merangkumi cadangan pembinaan LRT (komponen utama dalam pelaksanaan Pelan Induk Penangkutan Pulau Pinang) dan juga sistem bas *feeder*.

Buat masa ini Kerajaan Negeri melalui MBPP sentiasa membuat persediaan dan mengambil langkah berjaga-jaga untuk menghadapi kesesakan lalulintas pada musim perayaan dan cuti yang melibatkan tindakan-tindakan berikut :-

- (i) Mesyuarat diadakan oleh MBPP bersama jabatan-jabatan dalaman serta pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk menyelaraskan tindakan-tindakan sepanjang musim perayaan dan cuti.
- (ii) Kerja-kerja korekan jalan dan bahu jalan adalah dilarang kecuali kerja-kerja kecemasan dalam tempoh satu minggu sebelum dan selepas sesuatu perayaan.
- (iii) Operator dan juruteknik akan ditempatkan di Bilik Kawalan CCTV dan Lalulintas dari pukul 7.00 pagi hingga 8.00 malam sepanjang musim perayaan dan cuti.
- (iv) Pasukan *standby* MBPP termasuk kenderaan diadakan untuk kerja-kerja jalan, parit, bahu jalan dan lalulintas sekiranya berlaku sesuatu kecemasan.
- (v) Had kelajuan diturunkan sebanyak 10 km/j di jalan-jalan utama sepanjang tempoh perayaan mengikut kehendak Kementerian Kerja Raya.
- (vi) Anggota Penguatkuasa MBPP akan bekerja sepanjang musim cuti. Pasukan *standby* penguatkuasa juga akan diadakan. Anggota penguatkuasa juga boleh dihubungi 24 jam setiap hari.
- (vii) Anggota Penguatkuasa akan ditempatkan secara tetap di beberapa lokasi yang mengalami kesesakan lalulintas seperti di George Town, Pulau Tikus, Persiaran Gurney, Tanjung Tokong, Batu Ferringgi dan Jalan Masjid Negeri. Rondaan akan dibuat di kawasan-kawasan lain yang meliputi Ayer Itam, Bukit Jambul, Queensbay dan Bayan Baru.
- (viii) Tindakan tundaan dan mengapit roda kenderaan akan diambil sekiranya aliran lalulintas diganggu atau dihalang oleh kenderaan.
- (ix) Penggunaan kenderaan disekat atau dihadkan di jalan-jalan di mana bilangan pejalan kaki adalah tinggi.
- (x) Perkhidmatan bas *shuttle* disediakan oleh Rapid Penang dengan kerjasama MBPP sekiranya permintaan untuk menuju ke satu destinasi tertentu adalah tinggi seperti Kebun Bunga untuk Perayaan Thaipusam dan Sungai Nibong untuk Pesta Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 3. Senaraikan jumlah perbelanjaan yang telah diperuntukkan dan digunapakai untuk penyeliaan jalan-jalan yang BUKAN di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, misalnya Jabatan Kerja Raya dan MARRIS bagi tahun 2015, 2016 dan 2017?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 3. Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM83,788,844.29 dan peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (MARRIS) untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan pada tahun 2015 dan 2016. Pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan jalan tersebut dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Perincian peruntukan tersebut mengikut daerah adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BLSK NO. 3 (ID 188)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 4. (a) Sila senaraikan dengan terperinci jumlah perbelanjaan untuk projek penaiktarafan semua pasar dan kompleks makanan di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang dari 2008 hingga 2016.
- (b) Apakah rancangan untuk menaiktaraf pasar awam Medan Tengku dan Jalan Patani serta kompleks makanan Taman Sri Pinang memandangkan keadaan tempat tersebut adalah kurang menarik dan kurang memuaskan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Jumlah perbelanjaan untuk 26 projek menaik taraf pasar dan kompleks makanan di MBPP dari 2008 hingga 2016 adalah berjumlah RM38,959,923.82. Perincian projek mengikut tahun dan perbelanjaan adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Bagi Pasar Awam Medan Tengku dan Jalan Patani serta Kompleks Makanan Taman Sri Pinang, satu kajian sedang dijalankan mengenai jenis dan spesifikasi kerja bagi tujuan naik taraf. Kajian ini adalah untuk menilai konsep yang sesuai agar kerja-kerja naik taraf dapat meningkatkan daya tarikan kompleks berkenaan. Bagi Pasar Jalan Patani, kerja-kerja pendawaian semula sedang dilaksanakan bagi mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik di kawasan berkenaan.

RUJUK LAMPIRAN A BLSK NO. 4 (ID189)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pelaksanaan pengasingan sisa di punca bertujuan mengurangkan beban penggunaan tanah untuk pelupusan sampah dan juga menggalakkan kaedah kitar semula untuk jangka masa panjang.
 - (a) Apakah tahap pencapaian setakat ini? Sila jelaskan.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperluaskan lagi pelupusan sisa sampah dari segi penjanaan kuasa elektrik dan gas ?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Pihak Berkuasa Tempatan belum membuat kajian berhubung kejayaan program pengasingan sisa pepejal di punca. Adalah terlalu awal untuk menilai dasar ini yang baru dilaksanakan 5 bulan yang lepas iaitu pada 1 Jun 2016. Dua indikator kejayaan dasar ini yang dalam pemantauan dan penelitian Kerajaan Negeri ialah kadar penjanaan sisa dan kadar kitar semula selaras dengan sasaran Kerajaan Negeri untuk mencapai 40% kadar kitar semula menjelang tahun 2020. Satu kajian komprehensif akan dilakukan setahun selepas pelaksanaan dasar ini. Hasil kajian nanti boleh digunakan untuk menilai pencapaian dasar serta mengenal pasti sebarang kelemahan untuk diambil tindakan penambahbaikan.

Berdasarkan rekod sampah yang dilupuskan oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Tapak Pelupusan Pulau Burung bagi tempoh Januari hingga September 2016 menunjukkan penurunan sebanyak 9,140.83 tan (1.87%) berbanding tempoh yang sama pada tahun 2015. Semenjak pelaksanaan dasar ini mulai bulan Jun 2016, sebanyak 195.56 tan jumlah bahan kitar semula telah berjaya dikutip oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi harta bertanah (taman).

- (b) Pihak Kerajaan Negeri berminat untuk memperluaskan lagi pelupusan sisa sampah bagi penjanaan kuasa elektrik dan gas. Namun, pihak Kerajaan Negeri sedang mengkaji kekangan teknikal yang wujud di tapak pelupusan sedia ada dari segi jenis sampah yang dilupuskan dan keadaan semasa di tapak pelupusan. Perkara ini memerlukan penelitian kebolehlaksanaan agar projek yang dilaksanakan tidak mendatangkan impak negatif kepada alam sekitar dan penduduk setempat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Nyatakan statistik golongan belia (18-30 tahun) yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri dari tahun 2011-2016.
 - (a) Apakah tindakan yang akan diambil untuk menarik minat para belia supaya berkhidmat dengan Kerajaan Negeri?

- (b) Adakah pelajar-pelajar kecemerlangan dari kolej swasta atau universiti tempatan diberi keutamaan untuk berkhidmat dengan Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Statistik golongan belia yang berumur 18-30 tahun yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 berjumlah 3,770 orang. Jumlah ini merangkumi semua Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri. Jumlah ini juga merangkumi mereka yang berkhidmat secara kontrak (*Contract of Service dan Contract for Service*). Walau bagaimanapun, statistik bagi tahun 2011 sehingga 2015 tidak dapat diperolehi. Pecahan butiran statistik golongan belia (18-30 tahun) bagi tahun 2016 adalah seperti berikut: Pentadbiran Kerajaan Negeri (termasuk semua Jabatan Negeri) 642 orang (Tetap), 196 orang (Kontrak), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) 1,093 orang, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) 1,751 orang dan di semua Badan Berkanun Negeri 88 orang.

- (a) Peluang pekerjaan dan pengambilan bagi mengisi kekosongan jawatan di sektor awam adalah ditadbir dan dilaksanakan sepenuhnya oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Pihak SPA ada menyediakan sistem pengisian jawatan kosong di atas talian di Portal SPA bagi menarik minat para belia untuk mengisi jawatan kosong yang ada. Sistem pengisian jawatan kosong SPA ini adalah di mana pemohon terutama dari golongan belia boleh memohon sepanjang masa dengan pihak SPA.

Tindakan yang diambil oleh agensi-agensi seperti Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC), MBPP dan MPSP untuk menarik minat para belia supaya berkhidmat dengan Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

- (i) Menghebahkan iklan-iklan jawatan kosong ke IPTA/IPTS terutama sekali bagi menarik minat pelajar-pelajar di tahun akhir pengajian dan bakal-bakal graduan untuk memohon jawatan-jawatan kosong berkenaan;
- (ii) Menghebahkan iklan-iklan jawatan kosong melalui media sosial bagi menarik minat para belia untuk mengisi jawatan kosong ini;
- (iii) Di MBPP ada menawarkan insentif berupa elaun bulanan kepada calon-calon bagi jawatan Pembantu Awam Gred H11 yang terlibat dengan tugas-tugas pembersihan perparitan dan longkang-longkang serta calon-calon bagi jawatan Pembantu Penguatkuasa Gred KP19 yang terlibat dengan tugas-tugas penguatkuasaan;
- (iv) Penglibatan dan penyertaan dalam konvensyen contohnya "*Career Fair*" yang dianjurkan. Selain dari itu, agensi-agensi Kerajaan Negeri turut menyertai *Penang Career & Post Graduate Expo* yang bakal diadakan pada 26-27 November 2016 di SPICE Arena; dan
- (v) Hebahan dari masa ke semasa juga sentiasa diadakan bagi golongan belia ini untuk mendaftar bagi mengisi kekosongan di atas talian melalui sistem e2PSM iaitu Sistem Pengisian Jawatan Kosong Secara Kontrak di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri dan di dalam Sistem Pengisian Jawatan Kosong di Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi mengisi jawatan-jawatan kosong secara tetap.
- (b) Selain dari memenuhi syarat kelayakan minima seperti mana yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan, pemilihan calon turut mengambil kira pencapaian dalam kecemerlangan akademik bagi jawatan tertentu. Sebagai contoh, di MBPP, golongan belia yang menjadi calon mesti memperoleh CGPA 3.0 dan ke atas supaya jawatan tersebut dapat diisi oleh calon-calon yang kompeten serta berkebolehan. Keutamaan juga diberikan kepada calon-calon berdasarkan merit dan tidak tertumpu kepada kecemerlangan akademik dan secara kesimpulannya peluang diberikan secara sama rata kepada semua calon yang berminat serta mempunyai kelayakan untuk berkhidmat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat kawalan harga terhadap harga penjualan tempat letak kereta ataupun harga pakej pengubahsuaian untuk unit-unit perumahan kos rendah dan perumahan kos sederhana rendah? Sila jelaskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri pada dasarnya memberi kelonggaran kepada pihak pemaju untuk menjual unit-unit Rumah Mampu Milik 'B' beserta pakej ubahsuaian dan tempat letak kereta (TLK) kepada pemohon yang telah diluluskan untuk penawaran. Namun begitu, pakej yang melibatkan penambahan kos ini perlulah dipersetujui pembeli dan pemaju atas prinsip "willing seller-willing buyer". Bagi memastikan tiada unsur paksaan yang dikenakan oleh pemaju, Kerajaan Negeri telah mensyaratkan supaya akuan berkanun ditandatangani oleh pembeli dalam urusan jual beli unit yang ditawarkan.

Beberapa sesi perbincangan bersama kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan telah diadakan sebagai usaha menambah baik dan menyeragamkan Garis Panduan Tempat Letak Kenderaan.

Pada masa ini Garis Panduan Tempat Letak Kenderaan yang diguna pakai di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mensyaratkan pemaju Rumah Mampu Milik 'A' dan 'B' menyediakan 1 unit TLK : 1 unit kediaman dan penambahan 10% untuk pelawat (berdasarkan pada jumlah keseluruhan bilangan cadangan unit kediaman). Peraturan ini mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2014.

Terma yang sama diguna pakai oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang mana mensyaratkan pemaju Rumah Mampu Milik A dan B menyediakan 1 unit TLK : 1 unit kediaman dan penambahan 10% untuk pelawat. Peraturan ini mula dikuatkuasakan pada 29 September 2015. Sebagai tambahan, garis panduan MPSP membuat ketetapan yang jelas bahawa TLK 1:1 yang disediakan tidak boleh dijadikan aksesori dan dijual kepada pemilik kediaman. Jualan hanya dibenarkan bagi 50% daripada TLK yang diperuntukkan kepada pelawat bagi jenis-jenis kediaman pangsapuri, kondominium dan rumah pangsa kos sederhana. Manakala, TLK bagi perumahan Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah tidak boleh dijadikan sebagai aksesori dan dijual kepada pemilik kediaman.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8.
 - (a) Sila nyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan unit perumahan mampu milik dalam bentuk jenis sewa beli.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat projek perumahan jenis sewa beli di kawasan Daerah Timur Laut seperti di kawasan Jelutong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8.
 - (a) Kerajaan Negeri pada tahun ini telah memperkenalkan semula Skim Perumahan Sewa Beli bagi memberi lebih kemudahan pembiayaan kepada pemohon-pemohon Rumah Mampu Milik 'A' berpendapatan isi rumah kurang daripada RM2,500.00. Usaha ini melibatkan penyediaan sejumlah 51 unit kediaman jenis strata di Taman Seruling Emas dan 104 unit kediaman jenis *townhouse* di Taman Sungai Duri Permai, kedua-duanya di Daerah Seberang Perai Selatan. Kadar sewaan bulanan yang dikenakan adalah serendah RM100.00 untuk tempoh 15 tahun bagi Taman Seruling Emas dan RM150.00 untuk tempoh 23 tahun bagi Taman Sungai Duri Permai. Manakala caj penyelenggaraan bulanan yang dikenakan kepada kedua-dua skim perumahan ini pula adalah pada kadar RM20.00 sebulan.
 - (b) Buat masa ini, walaupun tiada sebarang perancangan untuk menyediakan kediaman skim perumahan sewa-beli bagi Daerah Timur Laut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang senantiasa berusaha mengenalpasti tapak tanah yang sesuai di kelima-lima daerah di Pulau Pinang untuk tujuan membangunkan skim-skim perumahan yang termasuk jenis sewa beli.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Selain daripada menggalakkan rakyat jelata menggunakan pengangkutan awam, laluan pejalan kaki yang selamat dan selesa seharusnya diberi keutamaan. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam perkara ini dan berapakah yang telah diperuntukkan dan telah dibelanjakan untuk membina laluan pejalan kaki di dalam kawasan Bandaraya George Town?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri komited dalam menyediakan kemudahan laluan pejalan kaki dalam kawasan bandaraya sebagai usaha untuk mengurangkan kesesakan lalulintas selain mempromosikan Pulau Pinang sebagai *Low Carbon City*.

Kerajaan Negeri melalui MBPP pada setiap tahun menyediakan peruntukan bagi membina atau menaik taraf laluan pejalan kaki di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti supaya dapat memberi keselesaan dan menjamin keselamatan pengguna laluan pejalan kaki di lokasi-lokasi tersebut. Selain itu, elemen mesra OKU juga diterapkan di dalam pembinaan dan kerja naik taraf di semua projek laluan pejalan kaki tersebut supaya ia memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat.

Jumlah kos keseluruhan yang telah dibelanjakan untuk menaik taraf dan membina laluan pejalan kaki dalam kawasan Bandaraya George Town sejak tahun 2012 sehingga bulan Oktober 2016 adalah berjumlah RM8,276,586.45. Senarai projek dan kos yang telah dibelanjakan untuk membina dan menaik taraf laluan pejalan kaki di sekitar kawasan Bandaraya George Town dari tahun 2012 hingga tahun 2016 adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BLSK NO. 9 (ID 400)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Jalan Tun Sardon, Balik Pulau sering dialami bencana batu/tanah runtuh dan pokok tumbang yang membahayakan nyawa pengguna jalan bukit ini.
- (a) Huraikan kes bencana yang telah berlaku dan usaha yang diambil.
- (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menaiktarafkan jalan ini agar ia selamat digunakan, khususnya pada hari hujan atau waktu malam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Jalan Tun Sardon (laluan P14) merupakan jalan negeri yang menghubungkan Jalan Paya Terubong dan Balik Pulau dengan kapasiti penggunaan (*traffic volume*) yang tinggi terutamanya ketika waktu puncak. Jalan ini terletak di '*boulder zone*' yang dipenuhi dengan batu-batu yang telah berusia. Pada tahun 2016, telah berlaku beberapa siri runtuh batu (*boulders*) serta runtuh tanah di jalan ini. Antaranya ialah di KM 4.6 dan KM 5.2 serta beberapa runtuh kecil di KM 2.7 dan KM 6. Runtuh ini telah dibersihkan oleh pihak JKR dengan segera untuk membolehkan pergerakan trafik agar berjalan lancar dan tidak menyebabkan kesesakan. Langkah pengawalan lalu lintas dengan menugaskan pengawal bendera juga turut dilaksanakan. Kontraktor juga telah dilantik oleh pihak JKR untuk menjalankan kerja kecemasan bagi pembaikan segera melalui kelulusan khas daripada Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang. Antara kerja-kerja yang dilakukan ialah pembaikan serta pembinaan tembok penahan '*gabion wall*', '*rubble wall*', serta penanaman '*cowgrass*' ataupun '*turfing*' di beberapa lokasi runtuh yang tidak serius. Pembaikan longkang yang pecah juga dilakukan untuk mengelakkan air larian hujan daripada masuk ke dalam struktur tanah yang runtuh yang boleh menyebabkan runtuh menjadi lebih serius. Bermula bulan September, kawasan utara Semenanjung Malaysia mencatatkan penerimaan hujan yang tinggi berbanding dengan kawasan lain dan telah menyebabkan beberapa kejadian pokok tumbang serta tanah runtuh di jalan ini. Bagi menangani kejadian pokok tumbang, pihak JKR telah melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja rutin pemangkasan pokok. Sekiranya berlaku insiden pokok tumbang, pihak JKR akan melakukan sendiri kerja-kerja

pembersihan tersebut atau oleh kontraktor yang dilantik, di samping kerja-kerja rutin pemangkasan pokok yang berjalan sepanjang tahun.

- (b) Langkah-langkah penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui pihak JKR adalah untuk jangka masa pendek sahaja dan bersifat sementara. Pihak Kerajaan Negeri sedang meneliti cadangan pihak JKR supaya satu kajian secara menyeluruh dan terperinci dilaksanakan di Jalan Tun Sardon oleh konsultan yang berpengalaman bagi mencadangkan langkah penyelesaian jangka masa panjang seperti pembinaan '*rockfall fencing*', '*rockfall netting*' dan '*concrete buttress wall*' di kawasan-kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi berlakunya runtuhannya agar jalan ini dapat dilalui oleh pengguna jalan raya dengan selesa dan selamat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sila nyatakan sama ada Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang akan menerima peruntukan daripada persekutuan susulan daripada pengumuman daripada Bajet 2017 Kerajaan Persekutuan?
- (a) Jika ada, berapakah jumlah amaun yang telah dan akan diperuntukkan?
- (b) Jika tidak, apakah sebabnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Peruntukan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang bagi Fasa 3 telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dalam *Rolling Plan 2* Rancangan Malaysia Ke-11 dengan kos projek sebanyak Rm 150 juta. Kelulusan tersebut memerlukan pihak JPS untuk melakukan kerja-kerja reka bentuk dan pelaksanaan projek berkenaan .
- (b) Tidak berkaitan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Persiaran Karpal Singh semakin terkenal sebagai tempat riadah dan dikunjungi ramai. Muara Sungai Pinang yang berdekatan berpotensi dijadikan tempat pelancongan baru.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memajukan muara Sungai Pinang sebagai satu produk pelancongan misalnya *river tour*?
- (b) Nyatakan sejauh mana usaha pembersihan Muara Sungai Pinang telah dilakukan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menjadikan muara Sungai Pinang sebagai salah satu kawasan tarikan eko pelancongan selagi pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang belum dilaksanakan. Untuk makluman, di bawah *Rolling Plan Kedua (RP2)* Rancangan Malaysia Ke11, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM150juta bagi projek RTB fasa 3. Hanya selepas terlaksananya projek RTB Sungai Pinang sepenuhnya, Kerajaan Negeri akan mengusahakan cadangan untuk memelihara muara Sungai Pinang untuk dijadikan sebagai kawasan eko pelancongan.
- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membelanjakan sebanyak RM600,000.00 setiap tahun bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembangunan koridor dan muara Sungai Pinang. Kerja-kerja ini merangkumi menyelia dan menyelenggara rizab Sungai Pinang dan kerja mitigasi banjir iaitu pengorekan dan pengukuhan tebing di sepanjang Sungai Pinang. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif di dalam memulihkan kualiti air di Sungai Pinang dari Kelas IV kepada Kelas II bermula tahun 2014 sehingga 2017 dengan memperuntukkan sebanyak RM5,800,000.00 bagi penggunaan kaedah *Infinitesimal Quantum Persistent Reflection* (iQPR)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sila nyatakan jumlah kes permohonan yang telah diluluskan oleh Tabung RIBI.
- (a) Mengikut jenis agama dan daerah.
 - (b) Berapakah baki peruntukan Tabung Amanah RIBI pada setakat ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Sejumlah 26 permohonan Tabung Amanah RIBI telah didaftarkan bagi tempoh Januari hingga 30 September 2016. Dari jumlah tersebut, sebanyak 11 permohonan telah diluluskan.

Pecahan kelulusan mengikut agama dan daerah adalah seperti berikut:

Agama	Bilangan Lulus
Buddha	1
Kristian	3
Hindu	1
Taoist	5
Gurdwara	1
JUMLAH	11

Daerah	Bilangan Lulus
Timur Laut	5
Barat Daya	2
Seberang Perai Utara	-
Seberang Perai Tengah	1
Seberang Perai Selatan	3
JUMLAH	11

- (b) Baki Peruntukan Tabung Amanah RIBI sehingga 30 September 2016 adalah berjumlah RM5,924,361.60

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk melabur dalam bidang perfileman? Pelaburan dalam bidang perfileman bukan sahaja dapat mencungkil dan memperkenalkan bakat daripada Pulau Pinang kepada seluruh dunia malah juga mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada semua lapisan masyarakat seperti persolekan, pakaian, pelancongan, perwatakan dan sebagainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk menjadikan bidang perfileman sebagai salah satu sektor yang menyumbang kepada ekonomi negeri. Untuk itu, Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism (PGT) telah menubuhkan satu Unit Pelancongan Perfileman Pulau Pinang pada tahun ini. Peranan Unit Pelancongan Perfileman Pulau Pinang adalah untuk :

- (i) Menghubungkan syarikat-syarikat perfileman kepada pihak berkuasa dan pemilik-pemilik tempat tarikan pelancong;
- (ii) Memudahkan proses syarikat-syarikat perfileman mendapatkan permit penggambaran dengan menghubungkan syarikat-syarikat tersebut kepada pihak-pihak berkuasa yang tepat;
- (iii) Memperkenalkan tempat-tempat menarik di Pulau Pinang sebagai lokasi penggambaran untuk mempromosikan keindahan Pulau Pinang; dan
- (iv) Menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat perfileman untuk membuat penggambaran di Pulau Pinang.

Pada tahun 2016 (sehingga Julai 2016), sebanyak 18 penggambaran telah di jalankan di Pulau Pinang meliputi jenis– jenis seperti berikut :

Filem	6	Rancangan Realiti	1
Drama Televisyen	4	Liputan Majalah	1
Dokumentari	2	Klip Video	1
Telefilem	1	Filem Pendek	1
Iklan	1		

Antara produksi popular yang memilih Pulau Pinang sebagai lokasi penggambaran termasuklah *Operation Mekong*, *The Wedding Diary*, *The Beggar Hero*, program realiti AXN *Amazing Race Asia* dan drama popular TVB iaitu *Outbound Love*.

Di samping itu, perbelanjaan produksi oleh syarikat-syarikat filem di Pulau Pinang bagi tahun 2016 telah mencecah RM11.28 juta yang meliputi kos pengangkutan, penginapan, makanan dan sumber bakat tempatan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kaum wanita memainkan peranan penting dalam masyarakat setempat.
- (a) Senaraikan bilangan dan peratusan wanita dalam JKKK dan jawatan yang dipegang?
 - (b) Apakah usaha dan tindakan yang diambil untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam JKKK?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Darpada jumlah 3120 ahli Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Komuniti (JKKK), seramai 651 (21%) adalah wanita. Bilangan ahli JKKK lelaki dan perempuan mengikut daerah adalah seperti berikut :

Daerah	Jantina		Peratus (%)
	Lelaki	Perempuan	
DTL	758	225	29.60
DBD	505	92	18.20
SPU	676	115	17.00
SPT	777	146	18.80
SPS	404	73	18.00
JUMLAH	3120	651	20.90

- (b) Kerajaan Negeri telah menetapkan 30% kuota untuk keanggotaan kaum wanita sebagai AJK di setiap JKJK. Walau bagaimanapun, peratusan ini masih belum tercapai buat masa ini kerana tiada calon yang sesuai untuk mengisi kuota yang ditetapkan.

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat bagi meningkatkan jumlah pemimpin tempatan di kalangan wanita. Namun demikian, mekanisma bagi meningkatkan jumlah keanggotaan wanita sebagai ahli jawatankuasa di setiap JKJK perlulah bermula di peringkat komuniti setempat dengan mengenal pasti calon dan memberi peluang kepada individu/calon wanita tersebut bagi membuktikan bahawa potensi individu/calon terbabit boleh memikul tanggungjawab yang diamanahkan dan seterusnya menjadi '*role model*' kepada yang berminat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Adakah sebarang analisis yang mengambil kira tentang masalah kemudahan rawatan bagi golongan wanita dilakukan seperti kemudahan wad bersalin di Hospital Balik Pulau dan kemudahan lain di hospital-hospital dan klinik kerajaan di Negeri Pulau Pinang? Apakah syor yang telah dikemukakan kepada Jabatan Kesihatan tentang perkara ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Di Negeri Pulau Pinang, terdapat enam (6) buah hospital kerajaan di mana empat (4) daripadanya merupakan hospital pakar iaitu Hospital Pulau Pinang, Hospital Seberang Jaya, Hospital Bukit Mertajam dan Hospital Kepala Batas manakala Hospital Sungai Bakap dan Hospital Balik Pulau merupakan hospital tanpa pakar yang menyediakan kemudahan rawatan kepada semua golongan termasuk golongan wanita.

Analisis data sentiasa dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri bagi memantau perkhidmatan di semua hospital dan klinik kerajaan di Pulau Pinang. Analisis yang dijalankan termasuklah perkhidmatan bagi golongan wanita secara berjadual dan tindakan penambahbaikan akan diambil sekiranya sasaran perkhidmatan tidak tercapai. Analisis yang dijalankan di Hospital Balik Pulau sepanjang tahun 2015 menunjukkan bahawa kadar penggunaan katil di wad bersalin adalah 28.22% manakala sehingga Jun 2016 adalah 22.10%. Data ini menunjukkan bahawa kemudahan wad bersalin di Hospital Balik Pulau adalah mencukupi dan tiada masalah kemudahan yang timbul di Hospital Balik Pulau mahupun di hospital-hospital dan klinik kerajaan di Pulau Pinang.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, Hospital Pulau Pinang telah diluluskan bagi pembinaan sebuah Blok Wanita dan Kanak-Kanak bagi menggantikan Hospital Bersalin yang lama. Kerja-kerja pembinaan Blok Wanita dan Kanak-kanak, Hospital Pulau Pinang dijangka akan dimulakan pada Ogos 2017 dan mula beroperasi pada penghujung tahun 2020. Selain itu, konsep Hospital Kluster Seberang Perai yang melibatkan Hospital Seberang Jaya, Hospital Bukit Mertajam, Hospital Kepala Batas dan Hospital Sungai Bakap sebagai satu entiti juga akan dilaksanakan. Melalui konsep ini semua sumber sediaada seperti perkhidmatan kepakaran, peralatan, sumber

manusia serta kemahiran akan dapat digemblengkan untuk semua hospital yang terdapat dalam kluster ini. Oleh itu, pelancaran konsep ini akan dapat melancarkan lagi penyediaan perkhidmatan termasuklah kepakaran bagi golongan wanita di semua hospital dengan lebih berkesan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Untuk menggalakkan penambahan bilangan tenaga pekerja wanita, apakah usaha yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan sistem sokongan untuk pekerja wanita seperti kemudahan bilik menyusu dan taska di tempat kerja?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sememangnya prihatin tentang kepentingan sistem sokongan untuk pekerja wanita bagi memastikan penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan juga demi kesejahteraan keluarga dan komuniti. Usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan sistem sokongan untuk pekerja wanita adalah seperti berikut:-
- (i) Pengwujudan Taska D'KOMTAR yang memberikan perkhidmatan jagaan kanak-kanak bersubsidi untuk anggota kerajaan yang bertugas di KOMTAR;
 - (ii) Penerusan pembiayaan dan penyeliaan operasi dua Pusat Jagaan Kanak-Kanak (PJKK) di Daerah Timur Laut dan Daerah Seberang Perai Tengah untuk kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah; dan
 - (iii) Penyediaan Bilik Penyusuan Ibu di Tingkat 47, KOMTAR untuk kegunaan anggota kerajaan.

Kerajaan Negeri sedang mengkaji kesesuaian dan keperluan untuk memperluaskan usaha ini pada masa akan datang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Sejauh manakah Pihak Berkuasa Tempatan dalam usaha menguatkuasakan kemudahan sokongan wanita dan bayi misalnya bilik menyusu dan sebagainya di tempat awam dan bangunan komersial seperti di pasaraya, taman rekreasi dan lain-lain? Sila huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Dalam usaha memberikan sokongan kepada golongan wanita dan bayi, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mensyaratkan penyediaan bilik penyusuan dan persalinan bayi bagi bangunan-bangunan awam (kerajaan / swasta) dan kawasan tumpuan yang sesuai mulai 15 Oktober 2016 selaras dengan Reka Bentuk Sejagat MS1184 dan MS1183 Garis Panduan Penyediaan Bilik Penyusuan Dan Persalinan Bayi seperti di Lampiran A. MBPP dan MPSP mengklasifikasikan penyediaan bilik penyusuan dan persalinan ini mengikut kategori seperti berikut:
- (i) Kompleks beli-belah / Hypermarket
 - (ii) Terminal pengangkutan awam
 - (iii) Tempat rekreasi / Taman Tema
 - (iv) Hospital
 - (v) Pusat Konvensyen

RUJUK LAMPIRAN A BLSK NO. 18 (ID 451)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Selain daripada keganasan domestik, fenomena *cyber violence* kian menjadi terutama di kalangan kanak-kanak, remaja dan dewasa muda.
- (a) Senaraikan statistik kejadian *cyber violence* yang dilaporkan.

- (b) Apakah peranan dan usaha Kerajaan Negeri atau PDRM dalam *cyber violence* ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Statistik kes-kes jenayah siber yang disiasat oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersil PDRM bagi tempoh 01/01/2016 hingga 02/11/2016 adalah sebanyak (47) kes.
- (b) Peranan dan usaha Kerajaan Negeri, PDRM dalam *Cyber Violence* ini adalah:
- (i) Mengadakan kempen-kempen mengenai kesalahan jenayah siber atau *Cyber Violence*. dengan adanya ceramah sebegini, pencegahan dapat dilakukan dari usia muda lagi.
 - (ii) Mengadakan Kempen Pencegahan Jenayah (*Crime Awareness*) di setiap peringkat umur;
 - (iii) Mewujudkan portal komuniti Facebook : *Cyber Crime Alert* bagi menyebarkan maklumat-maklumat jenayah siber;
 - (iv) Menambah peralatan-peralatan siber (*hardware & software*) untuk bersaing dengan teknologi-teknologi sedia ada;
 - (v) Meningkatkan kemahiran di kalangan pegawai penyiasat dan pegawai teknikal dengan kursus berprofil tinggi;
 - (vi) Bekerjasama dengan agensi-agensi luar seperti Cyber Security, SKMM, Universiti dan NGO-NGO;
 - (vii) Mengkaji undang-undang sedia ada dan membuat penambahbaikan bagi membantu pegawai penyiasat dalam menjalankan pertuduhan dan penyiasatan;
 - (viii) Membantu dalam pembinaan dasar ICT Negara bagi mewujudkan persekitaran Cyber selamat; dan
 - (ix) Menjalankan penyelidikan ke atas kegiatan jenayah siber yang kian meningkat saban hari.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Aktiviti di tapak pelupusan sampah Jelutong mengakibatkan timbulnya berbagai masalah yang membawa ancaman risiko keselamatan dan kesihatan kepada penduduk setempat dan pengguna jalanraya terutamanya penunggang motosikal di Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu.
- (a) Apakah tindakan oleh Kerajaan Negeri untuk menangani isu-isu tertimbul?
 - (b) Huraikan dengan terperinci masalah tertimbul dan langkah penyelesaian. PDC.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Tapak Pelupusan Sampah Jelutong (TPSJ) telah melebihi kapasiti beberapa tahun yang lepas dan kini terdapat masalah *leachate* dan pembebasan gas metana di tapak tersebut. Sehubungan itu, bagi memulihara tapak berkenaan, Kerajaan Negeri telah memanggil RFP projek pemuliharaan dan pembangunan semula TPSJ agar tapak berkenaan dapat dibangunkan.
- (b) Selain *leachate* dan gas metana, masalah lain yang timbul adalah jalan-jalan berhampiran Tapak Pelupusan Sampah Jelutong (TPSJ) menjadi kotor yang disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Masalah Melebihi Kapasiti TPSJ
TPSJ telah lama melebihi kapasiti tetapi masih perlu menampung kemasukan lori sebanyak 500-1000 trip sehari. *Traffic volume* yang tinggi ini juga menyebabkan pasir dan lumpur cepat bertakung dalam kolam pencuci tayar. Keadaan tanah di TPSJ menjadi lembut dan berlumpur pada musim hujan yang secara tidak langsung menjejaskan kolam pencuci tayar sedia ada.
- (ii) *Marine Clay* dari kawasan pemajuan pembangunan
Kekurangan ruang selepas 24 tahun beroperasi. *Marine clay* sukar dikeringkan setelah masuk ke TPSJ dan akan menyebabkan keadaan tapak menjadi lembut dan berlumpur. Lumpur yang lekat pada lori lumpur yang terselit di antara celah tayar (terutamanya lori 10 tayar) sukar dicucikan melalui kolam pencuci tayar dan sukar juga dicapai secara manual.

Sehubungan itu, diantara jalan penyelesaian yang sedang diambil oleh MBPP adalah seperti berikut :

- (i) TPSJ mempunyai dua (2) buah kolam pencuci tayar. Pembersihan kolam telah dikerapkan kepada 2 kali sehari. Penambahbaikan kepada kedua-dua kolam adalah telah dilaksanakan seperti berikut:
 - Kolam Pencuci No. 1 - Pam air baru dengan tekanan air tinggi (*high water pressure*) telah dipasang di Kolam Pencuci No 1. Pam air baru ini telah mula digunakan di TPSJ dan didapati telah meningkatkan efisiensi kerja pencucian tayar. Pengubahsuaian tangki air telah dibuat di mana sebanyak 2 tangki air berkapasiti tinggi telah diubahsuai untuk memastikan bekalan air untuk kerja pencucian lori adalah berterusan.
 - Kolam Pencuci No. 2 - Kerja menaiktaraf paip bekalan air ke Kolam Pencuci No. 2 telah dilakukan untuk meningkatkan kuantiti penyaluran air ke kolam ini.
- (ii) Dua (2) pembantu awam telah ditugaskan untuk menyelia keluar masuk lori dari pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Dengan mengambilkira keperluan kerja pembersihan dan keperluan operasi tapak, pembantu awam tambahan akan dikerahkan untuk menjalankan kerja pembersihan di jalan-jalan berhampiran di mana jentera pembersih tambahan juga akan disediakan untuk kerja-kerja pembersihan dari semasa ke semasa.
- (iii) Proses pembekalan *crusher run* sedang diuruskan untuk digunakan bagi tujuan penyelenggaraan laluan akses di dalam TPSJ. Laluan keluar masuk juga akan diperkuatkan lagi bagi menampung banyak kenderaan yang menggunakannya.

Kolam Pencuci No. 1 akan diubahsuai dan ditambahbaik bagi mempertingkatkan efisiensi kerja pencucian tayar. Kerja-kerja ini akan dimulakan awal bulan November 2016 di mana kerja tersebut dijangka akan mengambil tempoh masa selama dua (2) bulan untuk disiapkan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 21. (a) Sejauh manakah pembangunan sosio ekonomi golongan wanita di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Keusahawanan khususnya bagi ibu tunggal dan golongan wanita di Projek Perumahan Rakyat (PPR Flats)?
- (b) Sila nyatakan sama ada terdapat peluang kerjaya fleksibel untuk golongan ibu di dalam karnival kerjaya anjuran Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 21. (a) Pada keseluruhannya, program-program Kerajaan Negeri untuk pembangunan wanita mengambil pendekatan mampan dan memperkasakan rakyat dengan pengetahuan, kesedaran, maklumat, kemahiran dan struktur sokongan supaya mereka dapat menikmati hak yang saksama secara berdikari dan sempurna.

Bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pembangunan wanita (termasuk wanita di kawasan desa dan kampung) merupakan konsep yang merangkumi pelbagai dimensi termasuk ekonomi, sosiobudaya, kekeluargaan/interpersonal, perundangan, politik, psikologi dan sebagainya. Oleh itu, pembangunan wanita haruslah dilihat dalam konteks pembangunan mampan yang lebih luas. Ia tidak terhad kepada bantuan dalam bentuk dana atau peningkatan peluang pekerjaan dan pendapatan semata-mata.

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menyediakan kemudahan pinjaman di bawah Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang bagi membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan penjaja dan peniaga kecil. Pemberian kemudahan pinjaman mikro ini meliputi semua golongan peniaga berdasarkan perniagaan masing-masing. Sehingga Oktober 2016 sejumlah 2,368 peniaga kecil telah menerima pinjaman berjumlah RM10.49 juta termasuk golongan wanita dan ibu tunggal.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mewujudkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) untuk memberi dorongan kepada golongan muda dan belia sama ada lelaki atau wanita untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya yang berpotensi menjana pendapatan yang lumayan. PDC telah bertindak sebagai ejen Kerajaan Negeri sebagai pemberi pinjaman, pengutip dan pentadbir tabung ini. Peruntukan sebanyak RM500,000.00 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada PDC untuk menyalurkan pinjaman mikro kredit tanpa faedah sebanyak RM5,000.00 seorang dengan tempoh pembayaran balik selama 2 tahun. Setakat Oktober 2016 seramai 47 usahawan tani bumiputera telah menikmati kemudahan ini.

Sungguhpun PTSR dibuka kepada pemohon lelaki dan wanita, tumpuan khas untuk akses usahawan wanita kepada skim ini dipertingkatkan melalui penglibatan Briged Wanita Pulau Pinang (BWPP), sebuah badan sukarela di bawah Kerajaan Negeri (iaitu di bawah JKKK) yang ditugaskan, antara lain, untuk mendaftarkan wanita yang layak untuk PTSR di peringkat kawasan setempat. Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) juga menyalurkan maklumat berkaitan program-program sokongan keusahawanan PTSR kepada ahli-ahli BWPP di seluruh negeri melalui Pusat-Pusat Khidmat ADUN dan Penyelaras KADUN.

Selain itu, program-program sosio-ekonomi wanita yang pernah dianjurkan oleh PWDC atau disokong melalui kerjasama strategik dengan agensi-agensi dan pertubuhan lain sejak tahun 2013 termasuk Fiesta Keusahawanan Wanita Seberang Jaya yang bertemakan "Wanita Pemangkin Ekonomi", latihan bersubsidi Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak Di Rumah, Karnival Usahawan Wanita, dan baru-baru ini, aktiviti keusahawanan wanita *Women Entrepreneurs Showcase W.E.R.O.C.K.*

Melalui Program *Gender Responsive Participatory Budgeting* (GRPB) PWDC, pendekatan kreatif dalam menangani isu kebersihan di PPR telah diwujudkan dengan menganugerahkan kontrak pembersihan kepada komuniti di Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah pengurusan Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai (PKPJS). Pendekatan yang julung kalinya di Pulau Pinang dan juga di Malaysia ini ternyata membawa perubahan yang positif dan isu kebersihan dapat di atasi dengan sempurna. Di samping itu juga, ia mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk PPR di tempat itu sendiri di mana 3 dari 6 orang pekerja kontrak kebersihan adalah wanita.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Perumahan pada masa ini menjalin kerjasama dengan PWDC dalam cadangan pelaksanaan GRPB di PPR Desa Wawasan. Objektif utama program ini adalah untuk mengarusperdanakan gender dan keadilan sosial dalam polisi, program dan amalan kerja melalui penglibatan komuniti setempat. Kajian tempatan sedang giat dijalankan oleh PWDC sebelum program ini dijadualkan bermula pada awal tahun 2017. Selain dari itu, tiada sebarang perancangan khusus bagi pelaksanaan program pembangunan sosio-ekonomi untuk golongan wanita/ibu tunggal yang tinggal di PPR.

- (b) Peluang kerjaya adalah fleksibel atau sama rata untuk golongan ibu dan wanita di dalam karnival kerjaya anjuran Kerajaan Negeri melalui konsep kesaksamaan gender.

Bilangan pengambilan pekerja melalui Program Karnival Kerjaya yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja Pulau Pinang dari tahun 2012 hingga Oktober 2016 adalah berjumlah 16,473 orang. Daripada jumlah ini tidak dapat ditentukan berapakah jumlah

bilangan pekerja wanita. Pecahan pengambilan mengikut tahun adalah seperti jadual di bawah :

Tahun	Pengambilan Pekerja Melalui Program Karnival Pekerjaan
2012	2,387
2013	800
2014	2,571
2015	4,498
2016	6,217

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Industri dan Perdagangan Antarabangsa juga telah menganjurkan karnival kerjaya seperti berikut:

- i. *Industry Looking For Talents* Suku Pertama 2016 pada 10 April 2016 di Hotel Vistana; dan
- ii. *Industry Looking For Talents* Suku Kedua 2016 pada 23 Julai 2016 di Hotel Vistana.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Penggunaan teknologi IQPR yang bermula pada Mei 2014 telah melebihi dua (2) tahun.
 - (a) Nyatakan samada sasaran yang dijangkakan ke atas rawatan pemulihan air di Sungai Pinang telah tercapai dan apakah keputusan kualiti air?
 - (b) Apakah keberkesanan tindakan oleh pasukan *Task Force* yang ditubuhkan untuk mengatasi isu-isu pencemaran sungai dan sebagainya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Kerja Penyelenggaraan dan Pembersihan Sungai Pinang melalui Teknologi iQPR telah bermula pada bulan Mei tahun 2015 dan akan berakhir pada bulan Mei tahun 2017. Hasil analisis sampel air terkini pada bulan September 2016 menunjukkan purata kualiti air di Sungai Pinang berada dalam Kelas II. Pencapaian sasaran keseluruhan projek ini hanya akan diketahui setelah projek siap pada Mei 2017.
- (b) Sehingga kini, pasukan *Taskforce* telah melaksanakan penguatkuasaan secara bersepadu ke atas premis makanan seperti restoran, kedai makan, premis rumah tumpangan yang mempunyai restoran/cafe, dan gerai. Premis yang tidak mempunyai perangkap minyak dan sisa makanannya disalurkan terus ke dalam longkang, parit awam dan sungai telah dikenakan tindakan iaitu kompaun di bawah Seksyen 2, Undang-Undang Kecil Kebersihan dan Keselamatan Awam MPPP 1980 di atas kesalahan membuang sampah, sisa makanan dan air basuhan terus ke dalam parit longkang dan parit awam. Selain itu, pasukan *Taskforce* juga mengambil tindakan perobohan gerai tidak berlesen di Sungai Mas dan Bayu Senja, Batu Ferringhi. Tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh pasukan *Taskforce* didapati dapat mengurangkan pencemaran di sungai.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Untuk singgah ke Pusat Jelutong, penduduk di Bandar Sri Pinang terutamanya warga tua yang kurang berkemampuan terpaksa berjalan kaki sejauh lebih 1km untuk menaiki Bas Rapid ke Pusat Jelutong. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah lagi satu liputan perjalanan bas dari Bandar Sri Pinang ke pusat Jelutong? Jika ya, bila?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Pihak Rapid Bus (Rapid Penang) tidak bercadang untuk memanjangkan laluan semasa (Route 12) sehingga ke dalam Bandar Seri Pinang dan pusat bandar Jelutong kerana ia melibatkan kira-kira 50% tambahan kos operasi seperti kos bahan bakar, penyelenggaraan, penggajian, pengurusan, *re-route* laluan bas dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri akan meneliti isu tersebut sebelum mengadakan perbincangan dengan Rapid Penang bagi merancang perkhidmatan bas.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Berapakah buah pusat asuhan dan Taska didirikan dibawah Kerajaan Persekutuan?
- (b) Adakah bantuan atau peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri untuk membantu mengurangkan beban keluarga yang perlu bergantung kepada perkhidmatan pusat asuhan atau Taska? Sila jelaskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Terdapat dua (2) buah Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di Pulau Pinang yang didirikan di bawah Kerajaan Persekutuan, iaitu:
- (i) Taska 1Malaysia di Daerah Seberang Perai Utara; dan
- (ii) Taska 1Malaysia Mutiara Kasih di Daerah Barat Daya.
- (b) Bantuan Subsidi Yuran Pengasuhan Kanak-kanak sebanyak RM180.00 sebulan bagi seorang kanak-kanak disalurkan terus ke TASKA 1Malaysia oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu ibu bapa yang berpendapatan di bawah RM2,000.00 bagi bandar dan RM1,200.00 bagi luar bandar. Oleh itu tiada bantuan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kes keruntuhan jalan di Jalan Lembah Permai/Vale Of Tempe tidak berlaku lagi?
- (b) Adakah *barrier* ketinggian akan dipasang walaupun telah ditolak sebelum itu memandangkan kawasan ini di bawah Jabatan Kerja Raya atas alasan bomba mungkin meghadapi masalah untuk mengakses jalan raya tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang menjalankan kajian penyiasatan tanah di Jalan Lembah Permai/ *Vale Of Tempe* bagi tujuan penyediaan reka bentuk kerja pembaikan cerun oleh Ibu Pejabat JKR. Sementara itu, pemantauan kawasan terbabit sentiasa dijalankan oleh pihak JKR dari masa ke semasa. Bagi memastikan kejadian keruntuhan jalan tidak berlaku, beberapa kawasan lain yang dikenalpasti berpotensi berlaku kegagalan cerun turut dikaji dan akan dilaporkan kepada Ibu Pejabat JKR kelak.
- (b) Memandangkan Jabatan Bomba dan Penyelamat mensyaratkan ketinggian penghadang perlu melebihi 5 meter bagi membolehkan kenderaan bomba melaluinya semasa kecemasan, pihak JKR tidak melaksanakan pemasangan penghadang tersebut. Ini kerana ketinggian penghadang yang melebihi 5 meter tidak menghalang kenderaan berat daripada melalui jalan berkenaan. Sekiranya perkara ini perlu dilaksanakan, ianya perlulah dibawa kepada pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu, mengambilkira pandangan Penasihat Undang-Undang Negeri bagi mengelakkan dicabar pada masa hadapan, di mana sebarang keputusan untuk pemasangan apa-apa halangan hendaklah selaras dengan kehendak seksyen 70, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) iaitu kuasa menyekat penggunaan kenderaan pada jalan tertentu. Walau bagaimanapun, sebagai langkah alternatif buat masa ini, pihak JKR telah meletakkan

papan tanda larangan kenderaan berat daripada memasuki jalan tersebut serta papan tanda had berat kenderaan 11 tan ke bawah.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Selain daripada program saringan Mammogram percuma untuk wanita berumur 35 tahun ke atas, apakah usaha yang diambil oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Kesihatan untuk meningkatkan kesedaran kesihatan bagi golongan wanita? Sila huraikan dengan terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Program Saringan Mammogram Percuma (Mammo-Penang) yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri pada Februari 2015 adalah bertujuan untuk memberikan saringan awal mammogram secara percuma kepada penduduk atau pengundi di Pulau Pinang berusia 35 tahun ke atas atau wanita yang mempunyai sejarah keluarga menghidap kanser payudara. Ini adalah sebahagian usaha pengesanan dan pencegahan awal kanser payudara. Selain daripada saringan dan pemeriksaan, program juga menerapkan pengetahuan berkenaan Pemeriksaan Sendiri Payudara (Breast Self Examine-BSE).

Kerajaan Negeri juga telah menganjurkan kempen kesedaran terhadap kanser melalui penganjuran Pink October. Pada tahun 2016, program telah berlangsung di dua (2) lokasi iaitu di Padang Kota Lama dan Gurney Paragon melibatkan hampir 2,000 penyertaan.

Selain daripada program-program khusus untuk wanita, Kerajaan Negeri juga telah menganjurkan kempen kesedaran umum yang boleh dimanfaatkan bersama oleh wanita seperti berikut:

- (i) Program Siswa Sihat (PROSIS) merupakan satu inisiatif untuk memperkasakan siswa siswi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam mengamalkan cara hidup sihat. Objektif program adalah untuk membudayakan amalan cara hidup sihat dalam kalangan siswa siswi IPT yang meliputi makan secara sihat, lakukan aktiviti fizikal, tidak merokok, pupuk minda sihat dan sihat tanpa alkohol;
- (ii) Kem Kesihatan/Karnival Sihat Sepanjang Hayat/Kem I Want Sihat termasuklah Trek 10,000 Langkah, Makan Secara Sihat, Tangani Stres, Tak Nak Merokok dan Jauhi Alkohol;
- (iii) Siri jelajah Seminar Kesihatan dari Perspektif Syariah merangkumi isu imunisasi dan pengguguran; dan
- (iv) Promosi hari-hari khas termasuklah Hari Tibi Sedunia, Hari Kesihatan Sedunia, Kempen Cara Hidup Sihat, Minggu Tanpa Tembakau, Hari Kesihatan Mental Sedunia dan Hari AIDS Sedunia.

Program Penang Sihat juga telah dianjurkan dikawasan JKKK dengan fokus kepada pemeriksaan kesihatan, zumba dan senaman bersama penduduk.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Banyak projek perumahan mahupun perumahan swasta atau perumahan awam masih tidak berjaya menubuhkan JMB/MC. Masalah seperti JMB telah ditubuhkan tetapi tidak aktif atau sebagainya. Keadaan sedemikian telah mengakibatkan timbulnya masalah serius penyelenggaraan projek perumahan tersebut. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam proses penubuhan ini? Sila jelaskan dengan teliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Kurang kesedaran terhadap kepentingan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) merupakan punca utama kepada masalah penubuhan kedua-dua badan ini. Jika ditubuhkan sekalipun JMB dan MC gagal untuk berfungsi secara aktif. Sikap sebilangan penduduk yang enggan menjelaskan bayaran caj penyelenggaraan menjadikan perkara ini semakin sukar untuk diselesaikan.

Menyedari keadaan ini, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) daripada kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedang giat menjalankan promosi bagi menyuntik kesedaran terhadap kepentingan JMB dan MC di kalangan penduduk. Di antara program yang dijalankan adalah:-

- (i) Mengadakan taklimat tentang kepentingan membayar caj penyenggaraan dan kepentingan penubuhan JMB/MC;
- (ii) Memberikan pemahaman berkaitan fungsi, kewajipan dan kuasa JMB/MC kepada skim-skim yang bermasalah;
- (iii) Mengadakan seminar dan kursus induksi kepada pemilik-pemilik pemajuan berstrata;
- (iv) Pemantauan penubuhan JMB/MC melalui sistem Jabatan COB;
- (v) Mengadakan Program Anak Angkat bagi skim-skim yang dipilih; Mengadakan Majlis Anugerah Pengurusan JMB/MC Terbaik dengan kerjasama Kerajaan Negeri bagi menggalakkan JMB/MC memberikan perkhidmatan terbaik sekaligus menjadi *role model* kepada skim-kim yang tiada JMB/MC; dan
- (vi) Memastikan kawasan pemajuan yang baru menubuhkan JMB/MC mematuhi Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Nyatakan statistik kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak (pedofilia) dan wanita di Pulau Pinang dalam lingkungan tahun 2011-2016.
 - (a) Adakah jumlah kes jenayah seksual telah berkurangan atau semakin serius?
 - (b) Adakah hukuman pengasian kimia ke atas pesalah seks akan dilaksanakan?
 - (c) Senaraikan usaha untuk menangani masalah di atas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Bagi kes kes rogol dan cabul melibatkan mangsa pedofilia pada tahun 2014 sebanyak 20 kes direkodkan, 25 kes direkodkan pada tahun 2015 manakala bagi tahun 2016 setakat September adalah berjumlah 11 kes direkodkan. Bagi kes rogol dan cabul yang melibatkan wanita, jumlah kes pada tahun 2014 adalah sebanyak 194, 162 kes pada tahun 2015 manakala bagi tahun 2016 hingga September adalah sebanyak 53 kes. Statistik terperinci kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak (pedofilia) dan wanita di Pulau Pinang dalam lingkungan tahun 2011-2016 adalah seperti yang diperolehi oleh PDRM berikut.

STATISTIK KES ROGOL DAN CABUL MELIBATKAN MANGSA BAWAH 12 TAHUN (PEDOFILIA)

TAHUN	2011	2012	2013	2014	2015	2016 (JAN-SEPT)
ROGOL BAWAH 12 THN	5	1	6	3	3	5
CABUL BAWAH 12 THN	27	22	21	17	22	6
JUMLAH	32	23	27	20	25	11

STATISTIK KES ROGOL DAN CABUL(MELIBATKAN WANITA) DARI TAHUN 2011 HINGGA 2016 (JAN-SEPT)

TAHUN	2011	2012	2013	2014	2015	2016 (JAN-SEPT)
ROGOL	142	121	118	98	75	47
CABUL	146	112	90	96	87	6
JUMLAH	288	233	208	194	162	53

- (a) Jumlah kes jenayah seksual telah menunjukkan pengurangan berdasarkan statistik tahun 2011 hingga 2016 (Jan-September).
- (b) Setakat ini tiada undang-undang di Malaysia yang menyatakan hukuman pengasian kimia atas pesalah seksual.
- (c) Antara usaha-usaha yang telah dijalankan oleh PDRM untuk menangani masalah di atas adalah:
 - (i) program “manisnya menjadi gadis” yang telah dijalankan di 29 buah sekolah menengah di sekitar Pulau Pinang. Program ini adalah untuk mendidik remaja wanita supaya menjaga maruah dan penghormatan serta sayangi diri sebagai seorang wanita. Remaja juga diberi kesedaran supaya tidak terjebak dalam kancah jenayah seksual dan terlibat di dalam masalah pergaulan bebas.
 - (ii) program keselamatan kanak-kanak juga telah dijalankan di 9 buah sekolah rendah sekitar pulau pinang. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mendidik kanak-kanak dalam melindungi diri serta menjaga keselamatan diri dari menjadi mangsa kejadian jenayah seperti kes culik. di dalam program ini juga kanak-kanak di dedahkan mengenai sentuhan-sentuhan yang sering dikaitkan dengan kes phedophilia.
 - (iii) PDRM juga bekerjasama dengan jabatan dan agensi luar juga (NGO) dalam mengadakan program berkaitan kesedaran dan menyediakan perkhidmatan kaunseling dan rundingcara yang dijalankan oleh vco (victim care officer) bagi mangsa yang terlibat dengan kes jenayah seksual dan keganasan rumahtangga.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Perumahan Taman Sri Pinang menghadapi berbagai masalah seperti masalah penyelenggaraan, unit-unit terbiar, vandalisme, tiada sambutan baik dan sebagainya.
 - (a) Apakah usaha/langkah-langkah penambahbaikan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mentransformasikan unit terbiar kepada jenis Studio atau bekerjasama dengan pihak swasta melalui program CSR demi kebajikan masyarakat setempat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Kerajaan Negeri, melalui kerjasama Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) sedang merangka dan melaksanakan pelbagai usaha bagi menambah baik keadaan sosial dan persekitaran di Taman Sri Pinang. Penduduk daripada pelbagai lapisan umur dan latar belakang telah dilibatkan dalam perancangan kerja naik taraf dan tukar guna unit-unit kedai milik MBPP melalui pendekatan *Gender Responsive Participatory Budgetting* (GRP) yang diperkenalkan oleh PWDC. Sasaran utama program ini adalah untuk menghidupkan suasana kawasan perniagaan di Taman Sri Pinang. Aspek keselamatan turut diberi perhatian melalui kerjasama erat yang dijalankan

di antara Perbadanan Pengurusan Taman Sri Pinang dengan pihak Polis DiRaja Malaysia.

- (b) Pada masa ini, PWDC sedang menjalankan kajian kesesuaian untuk melaksanakan transformasi dan cadangan tukar guna unit-unit kedai terbiar di Taman Sri Pinang supaya dapat memberi lebih manfaat kepada kedua-dua pihak penduduk dan MBPP. Hasil kajian akan dibentangkan kepada MBPP untuk pertimbangan sebelum meneruskan kerjasama dengan pihak-pihak swasta melalui program *Corporate Social Responsibility (CSR)*.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesedaran awam dan permintaan untuk produk hijau supaya negeri Pulau Pinang menjadi negeri hijau?
- (b) Dari segi *trend Going Green* dan sehingga 2016, berapakah keusahawan telah melabur dalam perindustrian produk hijau di Pulau Pinang?
- (c) Senaraikan jenis industri dan jenis produk.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai usaha dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan produk hijau. Antara usaha Kerajaan Negeri dalam menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri hijau ialah melalui program-program yang dijalankan seperti:-
- (i) Kempen Larangan Penggunaan Bekas Minuman dan Makanan Polisterin;
 - (ii) Program No Free Plastic Bag;
 - (iii) Penganjuran Sesi Dialog atau Seminar Hijau; dan
 - (iv) Membangunkan dan memperluaskan model mekanisme pengurangan sisa pepejal berasaskan kepada budaya pengasingan sisa di punca berteraskan prinsip 5R (Reduce, Reuse, Recycle, Rethink & Reinvent).
- Program-program tersebut juga telah membuka peluang kepada pasaran untuk memperkenalkan produk hijau sebagai barang pengganti kepada produk sedia ada yang mencemarkan alam sekitar seperti polisterin, bag plastik dan sebagainya.
- (b) Adalah didapati bahawa trend Going Green sudah semestinya membuka pasaran keusahawanan baharu bagi usahawan di Negeri Pulau Pinang. Pada masa ini, usahawan yang melabur dalam perindustrian produk hijau perlu berdaftar dengan program MyHijau yang dibangunkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bagi mendapat pengiktirafan sebagai pengeluar produk hijau yang sah.
- (c) Kerajaan Negeri pada masa ini tidak mempunyai data terperinci mengenai bilangan usahawan mengikut jenis industri dan produk yang telah melabur dalam perindustrian produk hijau di Pulau Pinang.

XIV. Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mengambil apa-apa langkah untuk memantau dan mengawal selia aktiviti-aktiviti pelancongan di sepanjang pantai di Pulau Pinang terutamanya aktiviti riadah *parasailing* dimana seringkali berlakunya kemalangan yang mengakibatkan kecederaan serius kepada pelancong-pelancong terutamanya pelancong asing?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sejak tahun 2009, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah melaksanakan beberapa inisiatif dan langkah-langkah keselamatan bagi memantau dan mengawal selia aktiviti-aktiviti pelancongan di sepanjang pantai Pulau Pinang terutamanya aktiviti riadah *parasailing* seperti berikut:

- (i) Mewajibkan para pelancong untuk mengisi borang *indemnity* dan *checklist* bagi membantu mereka memahami risiko yang dihadapi dan langkah-langkah yang betul untuk menjalankan sesuatu aktiviti terutamanya aktiviti *parasailing* dan *jet ski*.
- (ii) Mengenalpasti lapan (8) zon untuk menempatkan semua pengusaha-pengusaha aktiviti pantai dan air di jajaran Batu Ferringgi sejauh 2.4 km dan menempatkan dua puluh (20) orang anggota penguatkuasa di lapan (8) zon berkenaan.
- (iii) Menempatkan kawasan khas untuk aktiviti renang, *jetski* dan *parasailing*.
- (iv) *Boyce* dipasang bagi memisahkan kawasan renang dan kawasan aktiviti *jetski*. Manakala untuk aktiviti *parasailing*, pengusaha diwajibkan menempatkan kon-kon keselamatan semasa menaikkan dan menurunkan *parasailing*.
- (v) Pemasangan *CCTV* di kawasan pantai bagi merakam semua aktiviti yang dijalankan dan mengesan sebarang pelanggaran peraturan.
- (vi) Menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyiasatan atau *Board of Inquiry* yang terdiri daripada PDRM, Pasukan Marin Polis, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Persatuan Pengusaha Lancang Air Pulau Pinang, Persatuan Perhotelan Malaysia, Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut, Jabatan Laut Wilayah Utara, Jabatan Imigresen Negeri dan wakil-wakil dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang bagi tujuan menjalankan siasatan ke atas setiap kemalangan aktiviti pantai dan air di sepanjang pantai Batu Ferringgi.
- (vii) Mengenakan *demerit* dan membatalkan permit atau lesen kepada pengusaha yang didapati bersalah dan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan jika berlakunya kemalangan yang serius ke atas pengguna.
- (viii) Mensyaratkan semua pengusaha untuk mengambil skim Insuran Liabiliti Awam.
- (ix) Mewajibkan penggunaan *winch boat* mulai tahun 2017 kepada semua pengusaha yang menjalankan aktiviti *parasailing* di jajaran Pantai Batu Ferringgi dan Tanjung Bunga. Penggunaan *winch boat* untuk aktiviti *parasailing* dapat mengelak daripada pengguna tersangkut di pokok-pokok persisiran pantai dan sebagainya. Masalah berlakunya kecederaan pada pengunjung semasa mendarat di pantai juga dapat dielakkan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk campur tangan dalam urusan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang selalu bocor dan dilanda banjir semasa hujan lebat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) terletak di bawah bidang kuasa dan jagaan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam urusan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan LTAPP. Walaupun begitu, kerajaan negeri berhak untuk menyuarakan kelemahan-kelemahan infrastruktur atau kelengkapan yang ada di LTAPP. Bagi tujuan mengatasi masalah banjir kilat yang agak kerap berlaku, pihak MAHB telah membina kolam takungan setempat serta menaik taraf sistem saliran parit dan pam bagi mengatasi masalah banjir ini. Pihak MAHB bertanggungjawab memastikan kolam takungan, sistem saliran parit serta pam sentiasa diselenggara dan berfungsi dengan baik agar mampu mengatasi masalah banjir kilat di LTAPP.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berapakah projek perumahan pangsapuri mewah dan kos sederhana yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sejak Mac 2008?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sejak Mac 2008, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah 160 permohonan Kebenaran Merancang untuk melaksanakan projek perumahan melibatkan perancangan penyediaan sejumlah 21,005 unit pangsapuri mewah termasuk kondominium dan 32,825 unit pangsapuri kos sederhana. Sejumlah besar cadangan pemajuan tertumpu di Daerah Timur Laut iaitu dengan 57 permohonan, diikuti 36 permohonan di Daerah Barat Daya, 47 permohonan di Seberang Perai Tengah, 19 permohonan di Seberang Perai Utara dan hanya satu (1) permohonan di Seberang Perai Selatan.

Ringkasan jenis rumah dan bilangan unit mengikut daerah adalah seperti di jadual berikut:-

Bil.	Daerah	Bil. Projek	Bil. Unit Kos Sederhana	Bil. Unit Rumah Mewah
1.	Timur Laut	57	8,471	8,381
2.	Barat Daya	36	11,369	8,501
3.	Seberang Perai Tengah	47	9,591	2,499
4.	Seberang Perai Utara	19	3,394	342
5.	Seberang Perai Selatan	1	-	1,282
	JUMLAH	160	32,825	21,005

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang senantiasa memantau tahap keselamatan feri-feri yang digunakan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sekarang untuk memastikan keselamatan pengguna-pengguna feri sentiasa terjamin ?BPEN(l). Berapakah kos perbelanjaan naik taraf Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sekarang sejak Mac 2008?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Mulai 1 Januari 1994, urusan perkhidmatan feri bukan lagi di bawah Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dan telah diswastakan kepada pengendali berlesen iaitu Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB). Walau bagaimanapun, pihak SPPP bertanggungjawab memantau prestasi perkhidmatan feri oleh Penang Port Sdn. Bhd. bagi memastikan tahap perkhidmatan feri mematuhi piawai yang ditetapkan. Keselamatan para penumpang adalah diutamakan dalam setiap operasi harian feri di mana perkara-perkara seperti berikut adalah dititikberatkan:

(i) Proses Pembaikan dan Penyelenggaraan Feri

Aspek pembaikan dan penyelenggaraan (R&M) setiap feri adalah sentiasa dititikberatkan bagi menjamin keselamatan penumpang di samping memastikan setiap feri beroperasi dalam keadaan optimum. Kerja-kerja R&M dipantau dan dikawal selia oleh Jabatan Laut Malaysia dan badan klasifikasi luar iaitu *Lloyd's Register*.

Kesemua unit feri diwajibkan untuk menjalani kerja-kerja dok tahunan di Limbungan Bagan Dalam (LBD) yang merangkumi pemeriksaan bahagian enjin, *propeller*, mekanikal, elektrik dan peralatan keselamatan di atas feri. Kerja-kerja ini mengambil masa lebih kurang 45 hingga 60 hari bagi satu-satu feri. Kerja-kerja dok tahunan ini akan diperiksa dan disahkan oleh pemeriksa kapal dari Jabatan Laut Malaysia dan *Lloyd's Register*. Sijil kelulusan pemeriksaan akan dikeluarkan setelah kesemua rekod penyelenggaraan berkaitan dikemukakan kepada kedua-dua pihak.

(ii) Krew yang Bertugas di Atas Feri

Semua krew yang bertugas di atas feri adalah terlatih dan dipersijilkan oleh Jabatan Laut Malaysia mengikut standard piawaian maritim yang telah ditetapkan. Krew-krew feri perlu menjalani beberapa kursus mandatori mengikut bidang tugas masing-masing sebelum sijil perakuan kompetensi diperolehi. Bilangan krew yang bertugas di atas feri juga adalah mengikut ketetapan Jabatan Laut Malaysia.

(iii) Latihan Kecemasan

Sebagai langkah persediaan menghadapi sebarang bentuk kecemasan di atas feri, Latihan Kecemasan Tahunan diadakan melibatkan unit-unit dalaman Penang Port, termasuklah Bomba Pelabuhan, Polis Pelabuhan, Unit Perubatan, Unit Operasi Marin dan juga agensi-agensi luar seperti SPPP, Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Latihan yang diadakan merangkumi beberapa modul seperti latihan memadam kebakaran, latihan menyelamatkan orang yang jatuh ke dalam laut, latihan tatacara penggunaan alatan keselamatan di atas feri dan lain-lain lagi.

(iv) Pelan Tindakan Kecemasan

Sebagai persediaan menghadapi sebarang jenis kecemasan di tengah laut yang melibatkan operasi feri, pihak *Penang Port* juga mempunyai Pelan Tindakan Kecemasan Laut (MARCO Plan) mengikut standard maritim antarabangsa dan kesesuaian kawasan pelabuhan. Latihan Kecemasan Tahunan di atas feri yang diadakan turut mengikut spesifikasi MARCO Plan yang telah diluluskan dan diiktiraf oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berapakah kos perbelanjaan naik taraf Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sekarang sejak Mac 2008 ?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Jumlah kos bagi kerja-kerja menaik taraf Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sejak Mac 2008 sehingga sekarang adalah berjumlah RM3,825,903.90. Pecahan kos perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

TAHUN	KOS
2008	RM498,638.50
2009	RM208,619.45
2010	RM265,037.42
2011	RM72,156.60
2012	RM403,597.40
2013	RM333,266.28
2014	RM733,074.42
2015	RM1,137,673.83
2016	RM173,840.00
JUMLAH	RM3,825,903.90

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan semula atau menubuhkan semula pasukan sukarelawan seperti Pasukan Peronda Sukarela (PPS) untuk membantu Kerajaan Negeri dalam kerja-kerja menyelamatkan dan kebajikan semasa waktu kecemasan dan bencana alam seperti banjir dan kebakaran?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Pasukan Peronda Sukarela telah diklasifikasikan sebagai pertubuhan yang tidak berdaftar oleh Pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS). Segala aktiviti PPS telah dibekukan sementara kes ini diputuskan oleh mahkamah.

Selain memberi penekanan terhadap pembangunan yang mampan dan seimbang dari segi fizikal, ekonomi dan sosial, Kerajaan Negeri turut menekankan kesejahteraan dan keselamatan rakyat negeri ini. Oleh yang demikian, dalam usaha mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat dan bersatu padu, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan satu badan baharu yang dikenali sebagai Badan Peronda Sukarela (BPS) yang diletak di bawah portfolio di bawah Bendahari dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) untuk menguruskan hal ehwal keselamatan di kelompok komuniti masing-masing.

Penubuhan BPS ini bertujuan untuk menjaga keselamatan komuniti dari anasir-anasir jahat yang cuba merosakkan masyarakat dan negara dengan melaporkan aktiviti-aktiviti mereka kepada pihak berkuasa dan menyusun rondaan demi mencegah berlakunya kesalahan jenayah.

Selain itu, BPS juga akan membantu pihak berkuasa yang bertanggungjawab ke atas keselamatan dan ketenteraman awam seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menangani kegiatan jenayah dan gejala sosial di sesuatu kawasan. BPS dapat memainkan peranan melalui rondaan keselamatan dan penyaluran maklumat kepada PDRM bagi tujuan mencegah kegiatan jenayah. Ini akan memantapkan lagi usaha Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kadar jenayah di Pulau Pinang.

BPS juga akan dapat menghulurkan bantuan segera apabila berlakunya sesuatu kecemasan seperti banjir dan kebakaran berdasarkan keputusan Jawatankuasa BPS Peringkat Negeri dan tertakluk kepada Arahan MKN 20.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Adakah Kerajaan Persekutuan menjalankan apa-apa rundingan dengan Kerajaan Negeri untuk memberi suaka politik kepada mangsa-mangsa peperangan di Syria yang telah dibawa masuk ke Malaysia?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menerima mana-mana kumpulan dari Syria ini dan memberikan mereka penempatan semula di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Tiada rundingan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri berkenaan isu tersebut.
- (b) Perkara ini tidak timbul kerana masih tiada rundingan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mencegah merebaknya wabak zika?

- (b) Adakah langkah-langkah pencegahan ini termasuk langkah pendidikan awal di sekolah-sekolah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Walaupun masih belum terdapat kes Zika di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri telah mengambil langkah proaktif bagi mengelak berlakunya kemasukan virus Zika ke Pulau Pinang. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:
- (i) Saringan pintu masuk bagi pelancong atau pelawat dari negara asing yang dilanda wabak Zika. Mana-mana pelancong atau pelawat daripada negara yang mengalami wabak Zika dan mengalami simptom zika diminta untuk melaporkan diri ke kaunter saringan kesihatan di lapangan terbang. Saringan menggunakan 'thermal scanner' bagi mengesan pelawat yang mengalami demam juga dijalankan.
 - (ii) Semua kes-kes yang disyaki mengalami simptom Zika perlu dilaporkan ke Pejabat Kesihatan Daerah terdekat supaya tindakan pencegahan iaitu aktiviti cari dan musnah pembiakan Aedes dan semburan kabus dapat dijalankan;
 - (iii) Meningkatkan aktiviti pemusnahan pembiakan Aedes di kawasan-kawasan sensitif melalui aktiviti *larviciding* dan semburan kabus Ultra Low Volume (ULV). Kerajaan Negeri telah menyumbangkan 10 unit mesin semburan kabus bagi meningkatkan keupayaan Jabatan kesihatan Negeri dalam memerangi nyamuk Aedes;
 - (iv) Melaksanakan Program Gotong-royong Penang Sihat pada 13 Mac 2016 melibatkan 24 lokaliti sensitif pembiakan Aedes. Gotong-royong besar-besaran akan diadakan pada 20 Nov 2016; dan
 - (v) Menjalankan program perintis Mosquito Autocidal Trap (MyMAT) di tiga (3) lokaliti iaitu lokaliti Tuna di Seberang Jaya, Taman Seri Damai di Georgetown dan Taman Seri Delima, Daerah Barat Daya. Program perintis ini bertujuan mengkaji keberkesanan perangkap jenis *ovitrap* bagi menghapus pusat pembiakan nyamuk Aedes.
- (b) Di peringkat sekolah, didikan awal diberikan bagi menimbulkan kesedaran di kalangan pelajar tentang bahaya denggi dan Zika. Antara program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:
- (i) Menganjurkan ceramah, pameran serta edaran risalah mengenai Zika;
 - (ii) Menjalankan sesi penerangan tentang penyakit Zika dan Program Gotong-royong Perdana dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri. Pelancaran di peringkat negeri telah diadakan pada 22 Oktober 2016 di SMK Bukit Jambul; dan
 - (iii) Melancarkan Program Bebas Denggi yang dilaksanakan oleh setiap sekolah yang menasarkankan persekitaran bebas Aedes.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah yang akan berlaku kepada bangunan Dewan Undangan Negeri yang lama apabila bangunan Dewan Undangan Negeri baru siap dibina nanti?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Setakat ini, Kerajaan Negeri masih lagi dalam perancangan untuk mendirikan bangunan Dewan Undangan Negeri yang baru. Oleh itu, Kerajaan Negeri masih belum mempunyai sebarang

perancangan terhadap bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang lama. Bangunan DUN yang lama merupakan bangunan warisan bersejarah. Bangunan DUN yang lama mungkin sesuai untuk dijadikan sebuah muzium agar bangunan warisan ini terus dihargai dan dikunjungi oleh rakyat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Berapakah jumlah dana yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan perkhidmatan bas awam percuma untuk rakyat Pulau Pinang sejak tahun 2008?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Jumlah keseluruhan dana yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan semua perkhidmatan bas awam percuma untuk rakyat Pulau Pinang sejak tahun 2008 sehingga bulan September 2016 ialah berjumlah RM17,967,094.27 dengan pecahan seperti berikut:
 - (i) Perkhidmatan Bas Bridge Express Shuttle Transit (BEST) FIZ Bayan Lepas berjumlah RM10,249,034.28 (Mac 2011 hingga sekarang)
 - (ii) Perkhidmatan Bas Bridge Express Shuttle Transit (BEST) KOMTAR berjumlah RM1,656,393.40 (Disember 2012 hingga sekarang)
 - (iii) Perkhidmatan Bas Central Area Transit (CAT) Free Shuttle berjumlah RM6,061,666.59 (mulai Januari 2009).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Benarkah Stadium Bola Sepak Batu Kawan telah menjadi satu "gajah putih" atau *white elephant* sejak dibina kerana jarang digunakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Dakwaan bahawa Stadium Bola sepak Batu Kawan telah menjadi projek 'gajah putih' kerana jarang digunakan adalah tidak benar sama sekali. Sejak pembinaannya pada awal tahun 2000, stadium berkapasiti 40,000 orang ini telah digunakan untuk pelbagai aktiviti. Stadium ini merupakan stadium utama untuk upacara perasmian dan penutupan SUKMA VIII Tahun 2000 dan sebagai arena untuk pertandingan olahraga dan padang.

Selain dari itu, stadium ini juga digunakan untuk permainan bola sepak dan acara sukan balapan oleh sekolah-sekolah di daerah Seberang Perai. Lain-lain acara yang menggunakan stadium ini adalah seperti berikut:-

- i) Karnival Astro Ceria 2011;
- ii) Karnival Jom Heboh 2010, 2011;
- iii) Pesta Makanan & Buah-Buahan 2011;
- iv) Pertandingan Bola Sepak Negeri & Kebangsaan melibatkan Liga Premier dan Liga Perdana;
- v) Majlis-Majlis Keraian seperti Jamuan Deepavali Ahli Parlimen Batu Kawan;
- vi) Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Pulau Pinang Peringkat Daerah / Negeri;
- vii) Kejuaraan Petronas AAM Malaysian Cup Prix 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014;
- viii) Karnival Astro Gempak 2013 & 2014;
- ix) Pertandingan Drift & Lumba Drag Motosikal 2011;
- x) Hari Belia Peringkat Negeri 2011;
- xi) Pertandingan Kereta Kawalan Jauh Peringkat Antarabangsa 2011; dan

xii) Program Berbasikal Jambatan Kedua Pulau Pinang pada tahun 2014.

Berdasarkan penganjuran aktiviti-aktiviti seperti yang dinyatakan di atas, sememangnya pembinaan Stadium Batu Kawan memberikan manfaat kepada pelbagai pihak. Malah bagi Liga Bolasepak FAM 2017, Stadium Batu Kawan dirancang untuk dijadikan venue pertandingan yang melibatkan pasukan Pulau Pinang.

XV. Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Senaraikan kerja-kerja menaik taraf pasar dan Kompleks Makanan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dari tahun 2009 hingga September 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Jumlah keseluruhan kerja-kerja menaik taraf pasar dan kompleks makanan yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dari tahun 2009 hingga September 2016 adalah sebanyak 52 projek. Namun begitu tidak ada sebarang kerja-kerja menaik taraf pasar dan kompleks makanan pada tahun 2009 dan 2010. Senarai kerja-kerja menaik taraf pasar dan kompleks makanan mengikut tahun adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDRS NO. 1 (ID 207)

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Senaraikan kemudahan *broadband*, wifi dan kemudahan telekomunikasi di Kawasan Parlimen Kepala Batas dari tahun 2010 hingga September 2016. Berikan pecahan mengikut KADUN.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Senarai kemudahan wifi percuma melalui program Penang Free WiFi (PFW) yang disediakan oleh Kerajaan Negeri di kawasan Parlimen Kepala Batas sejak tahun 2012 hingga September 2016 mengikut KADUN adalah seperti di Lampiran A. Keseluruhan sebanyak 18 lokasi dengan pemasangan 28 buah Access Point (AP)/*hotspot* disediakan di kawasan Parlimen Kepala Batas. Jumlah lokasi dan AP/*hotspot* kemudahan PFW mengikut KADUN adalah seperti berikut:

KADUN PENAGA -- 5 lokasi dengan 10 AP

KADUN BERTAM -- 9 lokasi dengan 10 AP

KADUN PINANG TUNGGAL -- 4 lokasi dengan 8 AP

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Bagi Projek di bawah RMKe-11, adakah projek di Kawasan Parlimen Kepala Batas dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan. Jika ada, mohon senaraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri telah mengemukakan 18 buah projek di bawah RMKe-11 yang melibatkan kawasan Parlimen Kepala Batas dengan permohonan peruntukan berjumlah RM656,630,600.00. Senarai lengkap projek adalah seperti di Lampiran A. Dari jumlah tersebut, hanya 2 projek telah diluluskan, iaitu Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Di Kawasan Kampung Selamat (RM17.0 juta) dan Projek Membina Jalan 2 Lorong Ke 4 Lorong Dari Jambatan Tuanku Abdul Rahman Butterworth hingga Jambatan Merdeka Seberang Perai Utara, Pulau Pinang (RM340.5 juta).

Selain itu, terdapat juga projek-projek RMKe-11 yang dipohon terus oleh agensi/jabatan di daerah Seberang Perai Utara dan sebanyak 16 projek telah diluluskan dengan nilai kos projek sebanyak RM497,050,000.00 (termasuk dua projek di atas) seperti di Lampiran B.

RUJUK LAMPIAN A DAN B BDRS NO. 3 (ID 209)

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah status terkini Pelan Induk Pengangkutan di Seberang Perai, terutamanya di Kawasan Parlimen Kepala Batas? Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Pelan Induk Pengangkutan (PIP) di kawasan Seberang Perai akan dilaksanakan pada fasa kedua dan ketiga pelaksanaan PIP. Fasa kedua pelaksanaan PIP ini dijangka bermula pada tahun 2024 bergantung kepada pelaksanaan fasa pertama.

Antara perancangan di kawasan Seberang Perai khususnya di kawasan Parlimen Kepala Batas adalah menambah laluan bas henti-henti, pelaksanaan sistem bas feeder, pengukuhan perkhidmatan teksi dan cadangan penyambungan laluan transit Raja Uda - Bukit Mertajam ke Kepala Batas.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk membina Rumah Kos Rendah dan Rumah Kos Sederhana Rendah di Kawasan Parlimen Kepala Batas dari tahun 2016 hingga 2020? Jika ada, senaraikan mengikut ADUN, No.Lot, Mukim dan tarikh pembinaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sehingga kini, terdapat 1,079 unit Rumah Mampu Milik (RMM) 'A' (Kos Rendah) telah siap dibina di kawasan Parlimen Kepala Batas, iaitu 172 unit RMM 'A' (KR) di DUN Penaga dan 907 unit RMM 'A' (KR) di DUN Pinang Tunggal, iaitu hasil daripada komponen pematuhan syarat pembinaan RMM 'A' (Kos Rendah) / 'B' (Kos Sederhana Rendah) terhadap pematuan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang senantiasa mempertimbangkan dan membincangkan agar turut mengenalpasti bidang-bidang tanah yang sesuai untuk projek perumahan RMM 'A' (KR) dan 'B' (KSR) dibina di kesemua lima (5) daerah di Negeri Pulau Pinang termasuk di kawasan Parlimen Kepala Batas.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Senaraikan Projek Tebatan Banjir yang telah dan akan dilaksanakan di Parlimen Kepala Batas. Senaraikan mengikut KADUN dan jumlah peruntukan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Projek Tebatan Banjir utama yang telah dilaksanakan di Parlimen Kepala Batas ialah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bertam-Kepala Batas - DUN Bertam dengan jumlah peruntukan sebanyak RM152,248,930.00 pada tahun 2009. Kerajaan Negeri juga sedang menaik taraf Sistem SCADA RTB Bertam-Kepala Batas bagi meningkatkan keupayaan sistem tebatan banjir Sungai Lahar Endin dengan peruntukan sebanyak RM77,800.00.

Di samping RTB Bertam-Kepala Batas, RTB Sungai Muda juga telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Kedah di KADUN Pinang Tunggal dengan jumlah peruntukan keseluruhan adalah sebanyak RM1,300,000,000.00.

Selain itu, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga memainkan peranan yang penting dalam usaha mitigasi banjir. Sebanyak 25 projek mitigasi banjir telah dilaksanakan oleh MPSP yang melibatkan kos sebanyak RM18,924,576.14. Perincian projek-projek tebatan banjir yang dijalankan oleh MPSP adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDRS NO. 6 (ID 212)

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kenapakah prestasi Pasukan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang semakin merosot? Adakah disebabkan sikap pemain, kurang sambutan daripada penonton, faktor jurulatih, faktor gaji pemain, faktor tajaan atau sumbangan wang kurang daripada Kerajaan Negeri? Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Pasukan Bola sepak Pulau Pinang telah melaksanakan tugasnya dengan sebaik mungkin tetapi prestasinya masih dapat dikatakan tidak memuaskan. Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang telah menamatkan saingan Liga Super 2016 dengan mencatatkan keputusan 5 kemenangan, 7 seri dan tewas 10 kali bagi menduduki tangga ke-10 daripada 12 pasukan yang bertanding.

Secara keseluruhannya, prestasi pasukan berada pada tahap yang tidak konsisten walaupun telah memulakan rentak permainan yang baik pada awal persaingan liga. Kemerosotan ini mungkin berpunca daripada ketidakserasian pemain terhadap strategi permainan dan juga pemain-pemain muda yang kurang berpengalaman.

Walau bagaimanapun, kemasukan perubahan kecil pengurusan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), penukaran Ketua Jurulatih dan pengambilan dua (2) orang pemain import di antara 18 Jun hingga 20 Julai 2016 ternyata mengubah prestasi pasukan negeri apabila berjaya memperbaiki rekod perlawanan dengan 4 kemenangan, 3 seri dan 3 kekalahan. Malah Kerajaan Negeri juga sedang bersama-sama FAP untuk merancang dan membuat beberapa rombakan dalam persatuan dan pasukan bagi menjamin prestasi yang lebih baik pada tahun 2017.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memajukan tanah wakaf yang terdapat di Seberang Perai dengan Projek Perumahan Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah? Huraikan.
- (b) Mengenai tanah-tanah wakaf yang terdapat di Seberang Perai. Senarai mengikut KADUN, Daerah, No. Lot, Mukim, Keluasan dan Status Tanah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Kerajaan Negeri melalui MAINPP sememangnya telah, dan mempunyai perancangan untuk memajukan tanah wakaf dengan membangunkan projek perumahan termasuk kos rendah dan kos sederhana di kawasan Seberang Perai dan juga di bahagian pulau. Senarai tanah wakaf yang terlibat dalam perancangan pembangunan di kawasan Seberang Perai samada yang telah siap dibangunkan, sedang dalam pembinaan dan dalam perancangan adalah seperti Jadual di Lampiran A.
- (b) Secara keseluruhan, terdapat 843 Lot dengan jumlah keluasan 950.37 ekar tanah wakaf yang terdapat di kawasan Seberang Perai. Perinciannya adalah seperti di Lampiran B.

RUJUK LAMPIRAN A DAN B BDRS NO. 8 (ID 214)

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menaik taraf jalan-jalan raya iaitu menurap (tar) semula di KADUN Pinang Tunggal? Jika ada, senaraikan nama jalan, kos dan tahun pelaksanaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri melalui MPSP dan JKR sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf jalan-jalan raya dengan mengetar semula (Membaru Muka Jalan) di KADUN Pinang Tunggal

yang melibatkan 10 buah projek dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM2.75 juta. Senarai projek dan perinciannya adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDRS NO. 9 (ID 215)

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menaik taraf parit-parit di tepi jalan di KADUN Pinang Tunggal?. Jika ada, senaraikan nama jalan, kos dan tahun pelaksanaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) mempunyai cadangan untuk menaik taraf parit-parit di tepi jalan di KADUN Pinang Tunggal. Anggaran kos pelaksanaan cadangan tersebut di Jalan Kampung Baru adalah RM200,000.00 bagi tahun 2017 dan RM200,000.00 lagi bagi tahun 2018 untuk Jalan Tingkat Selamat 12.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai dasar untuk mengekalkan kawasan sawah padi di Parlimen Kepala Batas kepada kawasan pertanian serta tidak akan meluluskan ditukar syarat kepada pembangunan begitu juga dengan tanah sawah berstatus *first grade*?
- (b) Berapakah keluasan tanah sawah di seluruh Parlimen Kepala Batas? Bahagikan mengikut KADUN, Mukim, jumlah lot, serta keluasan tanah mengikut *first grade*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap kawasan jelapang padi ialah mengekalkannya melalui pewartaan dalam Warta Tali Air dan pengezonan kawasan sebagai kawasan pertanian dalam Rancangan Struktur Negeri 2020. Pengekalan ini penting ke arah hasrat Kerajaan Negeri untuk mencapai tahap sara diri (*Self Sufficient Living – SSL*) menjelang 2020. Di samping itu, Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah menyediakan peruntukan yang besar bagi penyediaan tali air untuk tujuan pengairan sawah padi. Oleh yang demikian, kawasan jelapang padi perlu dipelihara dan dilindungi. Hanya di dalam keadaan tertentu sahaja, kawasan padi diluluskan tukar syarat dengan jumlah yang kecil. Ini termasuk bagi kawasan padi yang tidak lagi dilaksanakan dan lain-lain.
- (b) Berdasarkan rekod, terdapat seluas 4,791 hektar sawah padi di Parlimen Kepala Batas melibatkan 7,427 lot. Pecahan mengikut KADUN adalah seperti berikut:

KADUN	Keluasan Tanah Sawah (Hektar)	Jumlah Lot
PENAGA	3,127	4,763
BERTAM	1,327	2,087
PINANG TUNGGAL	337	577

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Di Parlimen Kepala Batas, jumlah masjid yang telah mengadakan Mesyuarat Agung Khariah dan jumlah Khariah yang diarah untuk mengadakan mesyuarat semula dan kenapa diarah mesyuarat?. Senaraikan nama Masjid mengikut KADUN dan kenapa diarah mesyuarat semula?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Terdapat 43 masjid dalam Parlimen Kepala Batas dan kesemuanya telah mengadakan Mesyuarat Agung masing-masing dengan jayanya. Ahli-ahli Jawatankuasa bagi sesi 2016 - 2019 bagi kesemua 43 kariah masjid tersebut telahpun dilantik. Oleh itu, tiada satu pun kariah masjid dalam Parlimen Kepala Batas yang diarah oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk mengadakan semula Mesyuarat Agung.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Adakah Kerajaan Negeri akan menambah pemasangan lampu-lampu jalan di kampung-kampung di KADUN Pinang Tunggal? Jika ada, senaraikan nama jalan dan kampung-kampung berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam perancangan untuk menambah pemasangan lampu-lampu jalan di tiga tempat dalam KADUN Pinang Tunggal seperti berikut:
 - (i) Madrasah Tahfiz Al-Falah, Jalan Paya Keladi, Kepala Batas;
 - (ii) Lorong Shahbandar 16, Bertam Perdana 3, Taman Bertam Perdana, Kepala Batas; dan
 - (iii) Kampung Lahar Tiang, Jalan Pinang Tunggal, Kepala Batas.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Mengenai Tabung Biasiswa *Penang Future Fund Foundation*. Berapakah jumlah yang terkumpul sehingga kini dan nama penyumbang terbesar kepada tabung ini? Senaraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Baki terkumpul bagi Akaun Amanah *Penang Future Foundation* adalah berjumlah RM19,633,913.59 sehingga 31 Oktober 2016. Jumlah perbelanjaan bagi tempoh tersebut adalah RM1,614,489.65 yang telah dibelanjakan untuk membiayai pendidikan pelajar-pelajar di institusi pendidikan sama ada di dalam atau di luar negara. Penyumbang terbesar ke tabung ini adalah Kelab Lumba Kuda Pulau Pinang yang akan menderma RM40 juta di mana separuh sudahpun dibayar.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Mengenai pembersihan parit dan pemotongan rumput ditepi jalan serta parit/ban di sawah padi. Senaraikan jadual pembersihan parit dan pemotongan rumput ditepi jalan serta parit/ban di sawah padi pada setiap bulan di KADUN Pinang Tunggal.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerja-kerja pembersihan parit dan pemotongan rumput di tepi jalan dilaksanakan oleh beberapa agensi yang berbeza.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bertanggungjawab untuk menjalankan kerja pemotongan rumput dan pembersihan parit / longkang konkrit di tepi jalan negeri dan dalam kawasan taman sahaja. Ke kerapannya kerja-kerja pemotongan rumput di tepi jalan negeri adalah sekali bagi setiap 21 hari manakala pembersihan longkang/parit pula dibuat sebulan sekali. Sementara pembersihan dan pemotongan rumput di tepi parit monsun di KADUN Pinang Tunggal oleh MPSP dibuat sebanyak 6 kali setahun seperti berikut:-

Bil	Lokasi	Jadual Pembersihan					
1	Taman Bertam Perdana	11/11/15 - 23/12/15	01/03/16 - 12/04/16	03/05/16- 15/06/16	01/07/16- 16/08/16	01/09/16- 16/10/16	01/11/16- 13/12/16
2	Taman Bertam Permai	11/11/15 - 23/12/15	01/03/16 - 12/04/16	03/05/16- 15/06/16	01/07/16- 16/08/16	01/09/16- 16/10/16	01/11/16- 13/12/16
3	Penang Golf Resort	11/11/15 - 23/12/15	01/03/16 - 12/04/16	03/05/16- 15/06/16	01/07/16- 16/08/16	01/09/16- 16/10/16	01/11/16- 13/12/16
4	Taman Bertam Indah	11/11/15 - 23/12/15	01/03/16 - 12/04/16	03/05/16- 15/06/16	01/07/16- 16/08/16	01/09/16- 16/10/16	01/11/16- 13/12/16
5	Taman Putra Bertam	11/11/15 - 23/12/15	01/03/16 - 12/04/16	03/05/16- 15/06/16	01/07/16- 16/08/16	01/09/16- 16/10/16	01/11/16- 13/12/16

Tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR) pula adalah bagi pembersihan parit tanah dan pemotongan rumput di tepi jalan JKR yang dilaksanakan sebanyak dua kali setahun dan secara serta merta sekiranya terdapat kecemasan.

Sementara itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula bertanggungjawab bagi kerja-kerja penyelenggaraan skim pengairan Pinang Tunggal bagi kawasan pengairan Daerah Seberang Perai Utara di mana kerja-kerja pembersihan akan dibuat sebanyak 4 pusingan dalam setahun seperti jadual berikut:-

PUSINGAN KERJA	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT
Pusingan Pertama	1 Feb 2016	31 Mac 2016
Pusingan Kedua	1 Mei 2016	31 Jun 2016
Pusingan Ketiga	1 Ogos 2016	30 September 2016
Pusingan Keempat	1 November 2016	10 Disember 2016

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Senaraikan jumlah pusat hiburan yang berlesen dan tidak berlesen yang terdapat di Kawasan Parlimen Kepala Batas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Jumlah keseluruhan pusat hiburan di dalam Parlimen Kepala Batas adalah 10. Dari bilangan tersebut, sejumlah sembilan (9) pusat memiliki lesen dan satu (1) beroperasi tanpa lesen iaitu Sayang Karaoke Sekeluarga Sdn. Bhd di alamat Jalan Dagangan 9, Pusat Bertam Perdana, Kepala Batas. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga telah mengambil tindakan ke atas premis tersebut dengan mengeluarkan kompaun sebanyak lima (5) kali iaitu pada 17 November 2015, 27 Januari 2016, 28 Mac 2016, 6 April 2016 dan 26 September 2016.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Mengenai tanah-tanah milik Kerajaan Negeri yang terdapat di Kawasan Parlimen Kepala Batas. Senaraikan mengikut KADUN, No. Lot, keluasan, status (TOL dan lain-lain) dan nama pemilik (jika ada).

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Tanah kerajaan adalah tanah-tanah yang tidak mempunyai hakmilik termasuklah tanah-tanah rizab jalan, rizab sungai, rizab pantai, tanah lapang dan lombong. Tanah-tanah kerajaan ini juga tidak mempunyai lot-lot tertentu dan menyebabkan tanah-tanah kerajaan tidak dapat dikenal pasti dengan tepat keluasannya. Walau bagaimanapun, terdapat tanah kerajaan yang telah diluluskan Lesen Pendudukan Sementara bagi Parlimen Kepala Batas mengikut tahun dari tahun 2014 hingga 2015 seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDRS NO. 17 (ID 223)

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaik taraf Dewan Orang Ramai serta membina Dewan Orang Ramai yang baru di KADUN Pinang Tunggal? Jika ada, senaraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Di bawah peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 telah diperuntukan sebanyak RM4 juta bagi kerja-kerja menyelenggara dan menaik taraf dewan orang ramai bagi seluruh Pulau Pinang. Terdapat tujuh (7) dewan orang ramai di KADUN Pinang Tunggal yang diselia oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara. Sejumlah RM500,000.00 telah disalurkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara bagi kerja-kerja menyelenggara dan menaik taraf dewan-dewan di seluruh Seberang Perai Utara. Pejabat Daerah Seberang Perai Utara pada tahun ini tiada keperluan untuk menaik taraf atau membina baharu dewan orang ramai di KADUN Pinang Tunggal berbanding dengan KADUN lain di Seberang Perai Utara yang keadaan dewan orang ramai adalah lebih mendesak.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Mengenai ternakan khinzir di DUN Pinang Tunggal.
 - (a) Apakah usaha yang telah di ambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan tahap bau busuk dapat dikawal terutamanya di kawasan berhampiran sekolah serta memastikan najis tidak tercemar dalam parit atau sungai?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memindah atau menempatkan ladang tersebut ke tempat lain atau menyediakan ladang ternakan seperti yang terdapat di Singapura?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Antara usaha-usaha yang sedang dan telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kawalan terhadap ternakan khinzir dan pelepasan sisa kumbahan ternakan adalah seperti berikut:
 - (i) Pengenalan Enakmen Penternakan Babi 2016 yang menggariskan langkah-langkah pengawalan pencemaran akan dibentang di dalam Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri ke-13 pada November ini. Seksyen 18, Enakmen Penternakan Babi 2016 menyatakan seseorang pemegang lesen yang gagal untuk mengambil langkah mencegah pembuangan atau pelepasan sisa babi dari ladang babinya adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan akan didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya. Seksyen 19 pula menyatakan seseorang pemegang lesen yang gagal mencegah pelepasan atau pengeluaran bau atau asap yang busuk atau tidak enak daripada ladang babinya telah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan akan didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya;

- (ii) Pemeriksaan berkala oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang terhadap Permintaan Oksigen Biokimia (BOD) ladang untuk memastikan sisa air kumbahan yang dilepaskan adalah pada tahap yang dibenarkan. Jika tahap BOD sisa air kumbahan melebihi 50ppm (parts per million), permit pemindahan ternakan babi akan digantung sehingga tahap BOD mencapai tahap yang dibenarkan; dan
 - (iii) Menyediakan khidmat nasihat secara percuma berkenaan penggunaan 'Effective Microbes' (EM) bagi mengurangkan pencemaran bau dan lalat.
 - (iv) Kerajaan Negeri telah menjemput sebuah syarikat swasta untuk mengadakan satu kajian "feasibility study" bagi menyelesaikan masalah ini.
- (b) Kerajaan Negeri tidak ada cadangan untuk memindahkan ladang-ladang babi di Pinang Tunggal, tetapi langkah-langkah untuk pengawalan pencemaran dijalankan dengan mewujudkan Enakmen Penternakan Babi 2016.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Senaraikan laluan pengangkutan awam iaitu bas di KADUN Pinang Tunggal. Nyatakan berapa buah bas yang telah disediakan dan jadual perjalanan bas di setiap kampung di KADUN Pinang Tunggal?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Berdasarkan pengesahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD), tiada rekod operator bas yang berdaftar dengan pihak SPAD bagi kelas lesen bas henti - henti di kawasan KADUN Pinang Tunggal. Walau bagaimanapun, terdapat bas khas (601A) daripada operator Syarikat Rapid Bus Sdn.Bhd. (Rapid Penang) yang beroperasi melalui KADUN Pinang Tunggal pada hari Isnin hingga Jumaat dari jam 6.50 pagi hingga 3.40 petang khas untuk keperluan murid-murid sekolah.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan pembuangan pekerja di sektor perkilangan? Sila nyatakan program dan usaha Kerajaan Negeri yang sedang dan akan dilaksanakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Sejak tahun 2015 hingga Oktober 2016, hanya 5 syarikat multinasional (MNC) yang menutup operasi daripada lebih 300 syarikat di Pulau Pinang melibatkan pemberhentian pekerja seramai 2,491 orang. Walaupun statistik tersebut kecil, Kerajaan Negeri tetap berusaha untuk memastikan MNC sedia ada kekal beroperasi di Pulau Pinang selain menarik pelaburan baru melalui strategi-strategi berikut:
- (i) Melancarkan operasi *Information Technology Business Process Outsourcing* (IT-BPO) Hub di Bayan Lepas untuk menarik pemain global dalam industri *Shared Services Outsourcing* melabur di Pulau Pinang;
 - (ii) Bekerjasama dengan agensi Kerajaan Pusat seperti MIDA bagi perkara berkaitan dengan penawaran insentif negara kepada pelabur yang kompetitif berasaskan *benchmark* antarabangsa dan TalentCorp untuk menarik "diaspora" Malaysia di luar negara;
 - (iii) Menambah baik infrastruktur secara berterusan bagi taman-taman perindustrian dan teknologi yang bertaraf antarabangsa termasuk membangunkan perkampungan *Small Medium Industry* yang lengkap dengan semua kemudahan utama juga dibangunkan di kawasan yang sama;

- (iv) Menyediakan fasilitasi kepada pelabur supaya membantu dalam *ease of doing business* dan juga bekerjasama dengan semua pihak-pihak berkepentingan dalam memastikan kos untuk menjalankan perniagaan *cost of doing business* di negeri ini kekal kompetitif;
- (v) Memberikan tumpuan kepada kekuatan Pulau Pinang dalam bidang Elektronik dan Elektrikal serta kebolehan mempelbagaikan aktiviti industri seperti pembuatan peralatan perubatan, sains kesihatan, aeroangkasa dan avionik dan teknologi LED; dan
- (vi) Menggalakkan pembangunan usahawan tempatan melalui program perintis pemula niaga yang dinamakan *Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology (@CAT)*, Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) dan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai program untuk menggalakkan usahawan-usahawan membuka perniagaan? Huraikan bagaimana proses permohonan dan apakah kriteria untuk menyertai program tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri melalui PDC menyediakan beberapa program bagi menggalakkan usahawan-usahawan membuka perniagaan. Antara program yang diadakan adalah seperti berikut:-
- (i) Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang merupakan program Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Peruntukan sebanyak RM11.0 juta telah disediakan. Sehingga Oktober 2016 sejumlah RM10.49 juta telah diagihkan kepada 2,368 usahawan;
 - (ii) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) adalah program bagi memberi dorongan kepada golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM500,000.00 telah disalurkan yang akan diagihkan dalam bentuk pinjaman mikro kredit sebanyak RM5,000 seorang dengan tempoh pembayaran balik pinjaman selama 2 tahun tanpa faedah. Setakat Oktober 2016 seramai 49 usahawan tani telah menikmati kemudahan ini;
 - (iii) Melaksanakan program keusahawanan melalui program seperti bengkel, seminar dan kursus pembudayaan serta motivasi bagi memperkasakan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kefahaman usahawan dalam bidang pengurusan perniagaan supaya menjadi usahawan yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan. Sejak 2008 hingga Oktober 2016 terdapat 95 program keusahawanan telah diadakan dengan penyertaan seramai 3,189 orang usahawan;
 - (iv) Menyelaras penyertaan usahawan-usahawan yang berpotensi dalam program-program jaringan perdagangan dan padanan perniagaan bagi memberi peluang usahawan membina jaringan di peringkat tempatan dan Asean Utara melalui kerjasama Wilayah IMT-GT (Indonesia, Malaysia and Thailand Growth Triangle), Dewan-Dewan Perniagaan, Persatuan Perdagangan dan Industri serta agensi-agensi Kerajaan Pusat; dan
 - (v) Menyediakan premis-premis perniagaan seperti projek komersil dan gerai makan untuk membolehkan peniaga-peniaga kecil menjalankan perniagaan yang berpotensi.

Proses permohonan dan kriteria untuk penyertaan program tersebut adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDRS NO. 22 (ID 230)

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Sila berikan jumlah cukai pintu Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang mempunyai tunggakan sehingga Jun 2016. Huraikan mengikut Daerah, Mk/PB dan jumlah tunggakan.
- (b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan atau mengurangkan tunggakan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Purata tunggakan cukai taksiran setahun di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah berjumlah RM15.35 juta manakala Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pula adalah berjumlah RM61.6 juta. Butiran kutipan hasil cukai taksiran dan tunggakan mengikut kategori dan daerah selama lima (5) tahun bagi MBPP dan MPSP masing-masing adalah seperti di Lampiran A. MPSP tidak mempunyai maklumat kutipan hasil cukai dan tunggakan terperinci mengikut daerah.
- (b) Tindakan yang telah dan akan diambil oleh MBPP dan MPSP untuk mengurangkan tunggakan cukai pintu mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 adalah seperti berikut :-
- (i) Membuat semakan alamat terkini pemilik premis
 - (ii) Majlis juga telah mengambil langkah yang lebih proaktif dengan menyemak tunggakan ke atas setiap kemasukan pelan merancang atau pelan bangunan. Ini bermakna pemaju diminta menjelaskan tunggakan masing-masing sebelum meneruskan dengan sesuatu pemajuan.
 - (iii) Menjemput pemilik premis ke Jabatan Perbendaharaan untuk berbincang bagi mengenal pasti punca tunggakan dan memberikan nasihat untuk mengatasi masalah tunggakan tersebut.
 - (iv) Menggalakkan komunikasi dua hala agar pemilik tidak hanya menunggu sehingga Majlis mengambil tindakan. Sekiranya pada peringkat awal tunggakan telah dapat dikenal pasti, pegawai Majlis akan dapat memberikan nasihat sewajarnya untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi.
 - (v) Majlis sentiasa berusaha serta memberi ruang kepada pemunya untuk bersemuka dan mendapatkan gambaran sebenar mengenai situasi yang dihadapi oleh pemunya serta kesanggupan menjelaskan tunggakan cukai taksiran.
 - (vi) Membuat lawatan ke rumah atau premis pemilik untuk mendapatkan maklum balas dari penyewa atau pemilik. Melalui kaedah ini secara tidak langsung Majlis mendapat persefahaman tentang kedudukan pemilikan ke atas premis tersebut samada telah dijual, disewa dan lain lain.
 - (vii) Membenarkan pemunya membuat bayaran ansuran tunggakan cukai taksiran. Dengan cara ini pemunya akan rasa selesa serta mengurangkan beban untuk menjelaskan bayaran tunggakan. Bayaran ansuran akan menjadi lebih berkesan jika ia dipantau dari masa ke semasa agar memastikan pemunya membuat bayaran mengikut jadual bayaran yang telah ditetapkan.
 - (viii) Melaksanakan '*Garnishment of Rental*' dengan mengambil sebahagian bayaran sewa penyewa kepada Majlis bagi tujuan mendapatkan tunggakan cukai semasa operasi dijalankan ke atas premis-premis yang mempunyai tunggakan cukai.
 - (ix) Melantik agen kutipan hutang untuk mengadakan lawatan ke premis yang mempunyai tunggakan dan membuat rundingan supaya pembayar cukai menjelaskan tunggakan.

- (x) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan waran iaitu Borang G untuk menahan sebarang harta alih seperti inventori yang dimiliki oleh pemunya atau Borang H yang ditampal di luar premis yang didapati kosong semasa operasi dijalankan dengan tujuan untuk memaklumkan pemunya mengenai tunggakan cukai.
- (xi) Melaksanakan rampasan harta mudah alih yang terdapat di dalam premis berkaitan.
- (xii) Melaksanakan tindakan kaveat melalui peruntukan Kanun Tanah Negara. Melalui tindakan ini, MBPP dan MPSP telah mengisytiharkan kepentingan Majlis ke atas tanah atau bangunan dalam usaha mendapatkan semula tunggakan cukai taksiran.

RUJUK LAMPIRAN A BDRS NO. 23 (ID 231)

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengkaji semula kadar cukai pintu dan cukai tanah iaitu mengurangkan kadar tersebut bagi mengurangkan beban rakyat? Jika ada, hurai. Jika tiada, kenapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Seksyen 101, Kanun Tanah Negara, 1965 telah memperuntukkan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menyemak dan melaksanakan kadar cukai tanah baru pada setiap sepuluh (10) tahun sekali. Pindaan terakhir cukai tanah bagi Negeri Pulau Pinang adalah pada tahun 1994 yang telah diwartakan melalui Pg.P.U 18 bertarikh 28.4.1994. Pelaksanaan cukai baru bermula pada 1.1.1996 dan terpakai sehingga kini.

Satu cadangan semakan cukai tanah telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (MJKTN) pada 24 Jun 2016 untuk dilaksanakan pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, cadangan semakan ini masih dalam peringkat kajian dan sedang diperhalusi sebelum dikemukakan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Kerajaan Negeri juga mengambil kira kenaikan kos hidup sebelum membuat keputusan tentang cukai taksiran.

Bagi meringankan beban rakyat, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan, iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah memberi pelepasan cukai taksiran kepada kesemua rumah kediaman kampung, rumah kediaman Kos Rendah dan rumah kediaman Kos Sederhana Rendah. Pelepasan cukai pintu bagi ketiga-tiga kategori di atas telah diberikan bermula dari tahun 2016 dan dilanjutkan ke tahun 2017. Cukai taksiran bagi kategori pegangan lain kekal tanpa sebarang peningkatan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Berapakah jumlah pelaburan asing dan tempatan yang telah melabur di Pulau Pinang bagi tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015.?
- (b) Berapakah jumlah pekerjaan yang berjaya diwujudkan mengikut tahun?
- (c) Adakah jumlah pelaburan dari tahun 2010 hingga sekarang menurun atau tidak? Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Jumlah keseluruhan pelaburan asing dan tempatan bagi projek pembuatan yang diluluskan oleh MIDA di Pulau Pinang bagi tempoh mulai tahun 2010 sehingga tahun 2015 adalah sebanyak RM10,366.6 juta. Pecahan pelaburan mengikut tahun adalah seperti di Lampiran A.

- (b) Jumlah pekerjaan yang berjaya diwujudkan bagi tahun 2010 sehingga tahun 2015 adalah sebanyak 97,406. Pecahan pekerjaan yang berjaya diwujudkan mengikut tahun adalah seperti di Lampiran A.
- (c) Jumlah pelaburan keseluruhan dari tahun 2010 hingga 2015 telah menunjukkan penurunan dari RM12,238.0 juta kepada RM6,724.3 juta, iaitu penurunan sebanyak 45.05 % bagi Negeri Pulau Pinang. Krisis kewangan global telah membawa kepada penguncupan ekonomi global secara mendadak pada tahun 2009, turut memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang pada tahun-tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, jumlah pelaburan kumulatif bagi tempoh lapan tahun dari 2008-2015 adalah RM54.9 bilion, menunjukkan peningkatan sebanyak 87%, jika dibandingkan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM29.4 bilion bagi tempoh lapan tahun sebelum itu iaitu, dari 2000-2007.

RUJUK LAMPIRAN A BDRS NO. 25. (ID 233)

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 26. Berapakah peruntukan dari Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk KADUN Pinang Tunggal pada tahun 2015 dan 2016? Senaraikan projek-projek yang telah dan akan dijalankan serta nilai projek.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 26. Projek yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi tahun 2015 adalah Pemasangan Lampu Jalan Awam di KADUN Pinang Tunggal yang bernilai RM9,615.20. Manakala, bagi tahun 2016, MPSP telah memperuntukkan sebanyak RM713,000.00 untuk projek Cadangan Pembinaan Depo Operasi Pembersihan MPSP di kawasan Paya Keladi, Kepala Batas, Seberang Perai Utara. Di samping itu, pihak MPSP juga telah membelanjakan sebanyak RM1,100.00 melalui peruntukan Ahli Majlis MPSP untuk membina tempat letak tong sampah di Kampung Lembah Raja KADUN Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 27. Berapa banyakkah peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2015 dan 2016? Senarai mengikut pecahan peruntukan dan dimana dibelanjakan. Adakah KADUN Pinang Tunggal mendapat peruntukkan tersebut? Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 27. Kerajaan Negeri menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM211,128,634.00 bagi tahun 2015 dan berjumlah RM174,528,823.00 bagi tahun 2016 (sehingga 31 Oktober 2016). Pecahan peruntukan mengikut jenis pemberian adalah seperti di jadual di Lampiran A.

Peruntukan yang diterima dan disediakan untuk KADUN Pinang Tunggal adalah berjumlah RM243,000.00 bagi tahun 2015 dan RM45,500.00 bagi tahun 2016 bagi pelaksanaan projek-projek seperti di Lampiran B.

RUJUK LAMPIRAN A DAN B BDRS NO. 27 (ID 235)

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 28. Berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan Ahli MMK pada tahun 2014, 2015 dan 2016? Huraikan dengan terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Jumlah peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek kemasyarakatan dan bekalan di bawah Maksud Pembangunan P16 KADUN kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan Y.B. Ahli MMK dari tahun 2014 - 2016 adalah seperti di bawah:

PERUNTUKAN	P16 (RM)					
	02	03	02	03	02	03
	2014		2015		2016	
Y.A.B. Ketua Menteri	400,000	600,000	400,000	600,000	400,000	600,000
Y.B. TKM I/II	200,000	360,000	200,000	360,000	200,000	360,000
Y.B. Ahli MMK	180,000	220,000	180,000	220,000	180,000	220,000

Peruntukan P16(02) adalah untuk tujuan infrastruktur manakala P16(03) adalah bagi maksud bekalan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Adakah benar bahawa sesetengah dokumen sulit Kerajaan telah dibocorkan? Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Warga Kerja Pentadbiran Kerajaan Negeri sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan dokumen-dokumen rasmi yang dinyatakan di dalam sumber rujukan seperti berikut:
- (i) Panduan Keselamatan Pejabat;
 - (ii) Arahan Perkhidmatan Bab 3, Surat Menyurat Para 11 dan Bab 4, Fail-memfail Para 4(1) dan (b);
 - (iii) Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1987, Peraturan Pengurusan Rahsia Rasmi; dan
 - (iv) Akta Rahsia Rasmi 1972, Pindaan 1987

Untuk makluman, sehingga kini Kerajaan Negeri tidak menerima apa-apa laporan mengenai kebocoran dokumen sulit Kerajaan. Selari dengan perkembangan ICT dalam urusan Pentadbiran Kerajaan Negeri, keselamatan maklumat dan peralatan ICT sentiasa dilindungi, dipelihara serta terjamin dari segi integriti, kerahsian dan kesahihannya. Keselamatan ICT juga diberi perhatian meliputi keselamatan fizikal dan maklumat terutama yang melibatkan peralatan mudah alih selari dengan Pekeliling Am Bil.1 Tahun 2000 - Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan serta Garis Panduan mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan.

Pentadbiran Kerajaan Negeri telah menetapkan peraturan yang melibatkan Teknologi Maklumat sebagai panduan kepada warga kerjanya. Antara ciri -ciri keselamatan bagi pengurusan maklumat secara elektronik adalah seperti berikut:

- (i) Menggunakan akaun atau alamat e-mail yang diperuntukkan oleh jabatan;
- (ii) Memaklumkan kepada pentadbir sistem ICT dengan segera sekiranya mengesyaki akaun telah disalahgunakan;
- (iii) menggunakan kata laluan yang baik dengan ciri-ciri keselamatan yang bersesuaian;
- (iv) Rahsiakan kata laluan dari pengetahuan orang lain;
- (v) Sekiranya kata laluan telah dikompromi atau disyaki dikompromi, ianya dilaporkan kepada pentadbir sistem ICT dan kata laluan sedia ada diubah dengan serta merta.
- (vi) Ciri Keselamatan emel dengan upload dokumen dalam bentuk PDF supaya tiada pindaan

dilakukan oleh pihak ketiga dan *encryption password* digunakan bagi emel yang mengandungi maklumat sulit.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Apakah program kemasyarakatan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga sekarang? Senaraikan mengikut KADUN, tahun, tempat dan kos perbelanjaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Senarai program-program kemasyarakatan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga sekarang mengikut KADUN, tahun, tempat dan kos perbelanjaan adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	KADUN / TEMPAT	JUMLAH PROGRAM	KOS (RM)
1	2008	Teluk Bahang	9	24,000.00
2		Batu Maung	3	6,500.00
3	2009	Batu Maung	4	18,200.00
4	2010	Batu Maung	15	47,100.00
6		Pantai Jerejak	13	36,800.00
7		Teluk Bahang	2	7,000.00
8		Pulau Betong	2	6,000.00
9	2011	Batu Maung	10	42,800.00
10		Bayan Baru	9	32,250.00
11		Semua KADUN	1	50,000.00
12		Pinang Tunggal	1	8,985.00
13		Penanti	1	20,000.00
14		Sungai Acheh	1	8,000.00
15	2012	Batu Maung	8	45,500.00
16		Bayan Baru	8	37,150.00
17		Balik Pulau	31	78,200.00
18		Pantai Jerejak	16	32,500.00
19		Teluk Bahang	29	60,200.00
20		Bayan Lepas	26	74,100.00
21		Sungai Dua	1	20,000.00
22		Penanti	1	20,000.00
23		Sungai Bakap	1	5,000.00
24	2013	Balik Pulau	7	62,000.00
25		Batu Maung	14	65,500.00
26		Pantai Jerejak	19	56,000.00
27		Teluk Bahang	18	44,800.00
28		Bayan Lepas	4	18,000.00
29		Pulau Betong	6	15,500.00
30		Semua KADUN	1	19,960.00
31		Seberang Jaya	3	40,000.00

32		Jawi	3	42,335.00
33		Bayan Baru	26	50,925.00
34		Batu Maung	21	123,459.00
35		Pantai Jerejak	31	139,974.00
36		Teluk Bahang	7	21,500.00
37		Bayan Lepas	7	24,500.00
38		Pulau Betong	22	51,500.00
39	2014	Seri Delima	1	22,100.00
40		KOMTAR	1	19,900.00
41		Pulau Tikus	1	10,000.00
42		Semua KADUN	9	82,402.00
43		Machang Bubuk	1	40,000.00
44		Jawi	6	99,723.00
45	2015	Bayan Baru	22	44,940.00
46		Batu Maung	14	103,904.00
47		Teluk Bahang	15	34,300.00
48		Pantai Jerejak	29	139,870.00
49		Bayan Lepas	7	18,220.00
50		Pulau Betong	1	5,000.00
51		KOMTAR	1	12,440.00
52		Tanjong Bunga	1	10,000.00
53		Batu Uban	1	20,000.00
54		Semua KADUN	4	108,441.26
55		Bagan Dalam	10	2,760.00
56		Machang Bubuk	1	10,000.00
57		Penanti	2	27,300.00
58	Jawi	5	52,570.00	
59	Sungai Acheh	1	6,230.00	
60	2016	Bayan Baru	1	1,500.00
61		Batu Maung	7	46,820.00
62		Teluk Bahang	11	40,100.00
63		Pantai Jerejak	22	126,690.00
64		Pulau Betong	7	29,550.00
65		Paya Terubong	1	10,000.00
66		Permatang Berangan	1	5,000.00
67		Sungai Pinang	1	5,000.00
68		Batu Uban	1	12,000.00
69		Padang Kota	1	8,000.00
70		Bayan Baru	1	20,000.00
71		Semua KADUN	1	17,999.00
72		Permatang Pasir	1	25,000.00
73		Jawi	1	4,540.00

74		Sungai Bakap	1	18,580.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			572	2,697,117.26

XVI. Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah pemasangan tiang lampu jalan di kampung di bawah Pembangunan Desa?
 - (a) Berapakah peruntukan yang disalurkan oleh Exco Pembangunan Desa untuk kawasan Seberang Perai Selatan bagi tahun 2016 untuk kerja-kerja pembinaan jalan mini tar, parit konkrit, pemasangan tiang lampu dan kerja-kerja penyelenggaraan di kampung?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pemasangan tiang lampu jalan kampung adalah di bawah peruntukan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan. Pihak Berkuasa Tempatan hanya bertanggungjawab dalam menjelaskan bil elektrik bagi lampu di kawasan kampung. (Amalan di setiap kawasan adalah digunakan peruntukan ADUN dan Ahli Majlis bagi tujuan ini.)
 - (a) Peruntukan pembangunan bagi maksud pembinaan jalan mini tar, parit dan penyelenggaraan dewan orang ramai adalah di bawah peruntukan pembangunan yang diuruskan oleh Jabatan Kewangan Negeri. Bagi tahun 2016, jumlah peruntukan yang telah disediakan bagi maksud ini bagi daerah Seberang Perai Selatan adalah berjumlah RM1,846,014.00 iaitu RM500,000.00 untuk penyelenggaraan dewan orang ramai dan RM1,346,014.00 lagi untuk penyelenggaraan jalan serta parit kampung.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berapakah peruntukan yang disalurkan untuk Pembangunan Desa kepada 5 daerah setiap tahun dari tahun 2013 hingga kini?
 - (a) Sila nyatakan projek yang telah dilaksanakan di bawah peruntukan pembangunan desa bagi tahun 2016 di setiap daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Kerajaan Negeri telah memperuntukan sejumlah RM33,510,096 bagi maksud pembangunan desa dari tahun 2013 sehingga 2016. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	JUMLAH (RM)
Seberang Perai Utara	716,588	1,817,792	2,514,036	2,021,112	7,069,528
Seberang Perai Tengah	1,112,105	1,939,599	2,917,933	3,247,156	9,216,793
Seberang Perai Selatan	784,622	2,178,472	2,213,267	2,910,176	8,086,537
Timur laut	390,015	1,166,020	1,132,298	1,383,312	4,071,645
Barat Daya	621,178	1,423,413	1,611,435	1,409,567	5,065,593
JUMLAH	3,624,508	8,525,296	10,388,969	10,971,323	33,510,096

- (b) Di antara projek-projek pembangunan desa yang dijalankan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 adalah Projek Khas Ekonomi dan peruntukan pembangunan Jabatan Kewangan Negeri. Berikut merupakan pecahan mengikut daerah bagi tahun 2016.

PROJEK	SPU	SPT	SPS	DTL	DBD	JUMLAH
Bina Baru Rumah	381,600	120,000	127,200	212,000	84,800	925,600
Baik Pulih Rumah	97,520	373,120	459,086	45,686	38,196	1,013,608
Bantuan Peralatan	63,560	32,000	103,750	21,588	54,031	274,929
Baikpulih gerai	76,550	405,000	283,000	166,447	252,150	1,183,147
Jalan dan parit	637,824	1,600,568	1,346,014	433,626	642,896	4,660,928
Dewan orang ramai	600,500	500,000	500,000	450,000	220,000	2,270,500
JUMLAH	1,857,554	3,030,688	2,819,050	1,329,347	1,292,073	10,328,712

Manakala projek-projek pembangunan desa yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BSLC NO. 2 (ID 246)

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri telah memasang berapa papan tanda jalan yang berbilang bahasa sehingga sekarang?
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menambah papan tanda jalan berbilang bahasa di kawasan lain?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Keputusan Kerajaan Negeri untuk memasang papan tanda nama jalan pelbagai bahasa melibatkan kawasan pelancongan sahaja dan mengekalkan satu (1) bahasa di kawasan lain. Pada masa kini, sebanyak 216 unit papan tanda nama jalan pelbagai bahasa telah ditempatkan di sekitar Tapak Warisan Dunia George Town dan jumlah ini akan ditambah mengikut keperluan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Berapa tunggakan cukai tanah yang masih belum dijelaskan oleh pemilik tanah?
 - (b) Sila nyatakan 20 tunggakan yang paling tinggi.
 - (c) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri ke atas pemilik dengan tunggakan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Jumlah keseluruhan tunggakan cukai tanah yang masih belum dijelaskan oleh pemilik tanah sehingga September 2016 adalah berjumlah RM63,637,757.14. Perincian tunggakan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM)
1	Seberang Perai Selatan	8,331,661.57
2	Seberang Perai Tengah	19,959,849.07
3	Seberang Perai Utara	10,900,403.32

4	Barat Daya	1,600,249.47
5	Timur Laut	22,845,593.71
Jumlah Keseluruhan		63,637,757.14

BIL	DAERAH	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM)
1	Seberang Perai Selatan	8,331,661.57
2	Seberang Perai Tengah	19,959,849.07
3	Seberang Perai Utara	10,900,403.32
4	Barat Daya	1,600,249.47
5	Timur Laut	22,845,593.71
Jumlah Keseluruhan		63,637,757.14

(b) 20 tunggakan yang paling tinggi adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	LOT MK/SEK.	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
1	Seberang Perai Tengah	1230	925,089.00
2	Seberang Perai Tengah	85	720,959.00
3	Seberang Perai Tengah	46	619,564.00
4	Seberang Perai Tengah	33	480,641.00
5	Seberang Perai Tengah	1215	433,466.00
6	Seberang Perai Tengah	3397	254,146.15
7	Seberang Perai Tengah	2043	241,551.00
8	Seberang Perai Tengah	77	240,322.00
9	Timur Laut	2207	237,383.02
10	Seberang Perai Utara	711	217,348.76
11	Seberang Perai Tengah	1390	205,365.00
12	Seberang Perai Tengah	394	193,528.00
13	Timur Laut	2816	178,455.00

BIL	DAERAH	LOT MK/SEK.	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
14	Seberang Perai Tengah	2888	174,292.00
15	Seberang Perai Utara	221	174,292.00
16	Timur Laut	9829	156,354.00
17	Seberang Perai Selatan	680	156,319.00
18	Seberang Perai Tengah	728	154,996.42
19	Seberang Perai Utara	3611	148,572.00
20	Seberang Perai Tengah	2872	145,405.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			6,049,733.35

- (c) Setiap Pejabat Daerah dan Tanah, secara pentadbiran telah mengambil langkah untuk menghantar surat/notis peringatan kepada pemilik-pemilik yang mempunyai tunggakan cukai tanah selepas 31 Mei setiap tahun. Sekiranya, pemilik tanah masih enggan membayar tunggakan cukai tanah tersebut, Pentadbir Tanah akan mengeluarkan Notis Tuntutan Tunggakan Sewa (Borang 6A), selaras dengan peruntukan di bawah **Seksyen 97, Kanun Tanah Negara, 1965** dimana pemilik tanah diberi tempoh tiga (3) bulan dari tarikh notis tersebut disampaikan untuk menjelaskan kesemua jumlah tunggakan cukai tanah. Sekiranya pemilik tanah membuat bayaran tersebut maka Notis Tuntutan Tunggakan Sewa (Borang 6A) tersebut perlu dibatalkan dan ia selaras dengan **Seksyen 99, Kanun Tanah Negara, 1965**. Manakala bagi pemilik tanah yang gagal menjelaskan kesemua tunggakan cukai tanah tersebut, Pentadbir Tanah perlu mengeluarkan perintah bahawa tanah itu terlucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Notis Per Kembalian Tanah Kepada Kerajaan (Borang 8A) **berdasarkan Seksyen 100, Kanun Tanah Negara, 1965**.

Ahli KawasanJawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Berapa tunggakan sewa ,penyelenggaraan dan berapa penyewa bagi unit rumah Projek Perumahan Rakyat yang masih belum dijelaskan?
- (b) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri atau bahagian perumahan terhadap mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Sehingga 30 September 2016, jumlah tunggakan sewa dan penyelenggaraan unit-unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) adalah berjumlah RM6,911,010.00 melibatkan seramai 2,082 orang penyewa.
- (b) Pada peringkat awal, tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah secara serahan Notis Amaran dan Notis Tarik Balik kepada penyewa yang gagal mematuhi jadual pembayaran. Selanjutnya Arahan Pengosongan Unit akan dikeluarkan sekiranya penyewa masih ingkar untuk menjelaskan tunggakan. Tindakan terakhir bagi pengosongan unit akan dijalankan dengan bantuan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Kerajaan Negeri juga akan membuat tuntutan ke atas nilai tunggakan dan kes akan difailkan ke mahkamah melalui Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang bagi tindakan penghakiman.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membina pusat penjagaan untuk orang yang terencat akal?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri belum mempunyai cadangan untuk membina pusat jagaan untuk orang yang terencat akal. Namun begitu sejumlah 12 Pusat Jagaan OKU, termasuk mereka yang terencat akal telah beroperasi di Negeri Pulau Pinang dan dikendalikan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Kerajaan Negeri juga menjalinkan hubungan dengan rakan strategik seperti Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang memberi perkhidmatan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) dalam komuniti termasuklah untuk mereka yang terencat akal. PSK ini digalakkan untuk membuat program kebajikan kepada OKU dengan galakan, sokongan dan bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri.
Selain itu, Kerajaan Negeri juga berhasrat supaya OKU terus kekal dalam komuniti agar dapat mewujudkan budaya masyarakat penyayang.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Adakah di setiap daerah Kerajaan Negeri atau Bahagian Perumahan telah menyediakan rumah untuk mangsa bencana seperti kebakaran/banjir yang kehilangan tempat tinggal?
 - (a) Sila nyatakan tempat dan bilangan unit rumah yang telah disediakan oleh Bahagian Perumahan/Kerajaan Negeri di setiap daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7.
 - (a) Kerajaan Negeri menyediakan 10 unit rumah bagi menempatkan mangsa bencana seperti kebakaran, banjir dan lain-lain keperluan kecemasan. Kesemua unit ini berada di Daerah Timur Laut, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan. Walau bagaimanapun, kemudahan ini boleh juga digunakan oleh mangsa-mangsa bencana daripada Daerah Barat Daya dan Seberang Perai Utara.
 - (b) Daripada kesemua 10 unit bencana yang disediakan, empat (4) unit terletak di Pangsapuri Pelangi, Daerah Timur Laut, empat (4) di Desa Wawasan, Seberang Perai Tengah dan dua (2) di Rumah Pangsa Jawi III, Seberang Perai Selatan. Tiga (3) unit iaitu dua (2) di Pangsapuri Pelangi dan satu (1) di Desa Wawasan pada masa ini sedang diduduki. Manakala baki tujuh (7) unit masih kosong.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membeli balik unit-unit rumah pangsa yang telah dikosongkan lama?
 - (b) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri/Bahagian Perumahan supaya dapat memperbaiki rumah-rumah pangsa yang telah lama dikosongkan dan mengelakkan rumah-rumah tersebut daripada terus dijadikan tempat pembuangan sampah dan vandalisme?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8.
 - (a) Walaupun Kerajaan Negeri di peringkat ini tidak membuat keputusan untuk membeli balik unit-unit yang dikosongkan, isu unit-unit perumahan yang kosong dan dibiarkan lama atau pun di dalam proses lelongan sememangnya diambil kira oleh Kerajaan Negeri sebagai satu cara untuk mendapatkan milikan stok perumahan terutamanya Rumah Mampu Milik (RMM) 'A' dan 'B' (Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah) untuk dijual kepada pemohon RMM 'A' dan 'B' di dalam senarai menunggu yang begitu panjang. Cadangan juga dibuat untuk dipertimbangkan unit-unit yang bakal dimiliki melalui kaedah ini dijual kepada bakal pemohon melalui kaedah sewa beli yang baru-baru ini mendapat sambutan yang begitu menggalakkan.

Dalam pada ini, beberapa siri mesyuarat dan perbincangan telah diadakan untuk terlebih dahulu melihat ke dalam aspek perundangan yang terbabit.

- (b) Seksyen 74, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] menggariskan bahawa kebersihan rumah, bangunan atau tanah adalah di bawah tanggungjawab pemunya, penduduk atau penyewa. Kegagalan melaksanakan tanggungjawab ini apabila disabitkan boleh menyebabkan pemunya, penduduk atau penyewa tersebut didenda tidak melebihi satu ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan, atau kedua-duanya sekali, dan didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan. Pihak Berkuasa Tempatan di bawah peruntukan Seksyen 80 Akta tersebut juga diberi kuasa untuk memberhentikan, memusnahkan dan menghapuskan segala kacau ganggu pada premis awam atau swasta yang dikenal pasti dijadikan sebagai tempat pembuangan sampah. Tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap unit-unit rumah yang telah rosak disebabkan vandalisme ialah dengan menutup atau mepalangi dengan kayu unit-unit rumah berkenaan bagi mengelakkan ianya diceroboh.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Apakah status tanah untuk Kampung Victoria di KADUN Jawi setelah pengumuman dibuat pada tahun 2014 oleh Timbalan Ketua Menteri Kedua untuk membaikpulih atau membangun balik rumah-rumah kampung yang lama?
- (b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri atau bahagian perumahan dalam membantu penduduk-penduduk di Ladang Victoria berkaitan dengan isu pembaikan/pembangunan rumah mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Pemilik asal Ladang Victoria adalah Syarikat Eden Gourmet yang bercadang untuk memajukan tapak yang diduduki oleh penduduk di kawasan tersebut. Sebagai ganti, Syarikat Eden Gourmet telah bersetuju dan berjanji untuk membina rumah ganti kepada semua keluarga terlibat di tapak lain yang berhampiran. Syarikat tersebut telah melantik Prai Construction Sdn. Bhd. untuk membina rumah-rumah tersebut. Walau bagaimanapun, projek perumahan yang dijalankan telah terbelang setelah Syarikat Eden Gourmet diisytiharkan muflis dan tidak dapat membuat bayaran kepada Syarikat Prai Construction Sdn. Bhd. Syarikat Eden Gourmet telah menyerahkan tanah tersebut sebagai ganti pembayaran kepada Syarikat Prai Construction Sdn. Bhd. dan memutuskan supaya penduduk terlibat dikekalkan di tapak lama.
- (b) Kerajaan Negeri berusaha untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk Ladang Victoria ini. Oleh itu, Kerajaan Negeri meminta Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk membuat penilaian dan merancang pembangunan semula tanah Ladang Victoria bersekali dengan tanah di Ladang Kaledonia.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Terdapat berapa kedai internet yang ada mesin perjudi yang telah dibuka di setiap daerah?
- (b) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Tempatan atau pihak polis terhadap mereka yang masih beroperasi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Berdasarkan data maklumat yang diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), tidak ada lesen mesin judi yang diberi kepada kedai internet. Pemberian lesen mesin judi adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia.

- (b) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan bersama PDRM menjalankan operasi terhadap operasi mesin judi jika didapati terdapat mesin sedemikian.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Berapa lesen hiburan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Tempatan di setiap daerah?
 (b) Terdapat berapa kedai hiburan yang beroperasi tanpa lesen?
 (c) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Tempatan dan pihak polis ke atas kedai hiburan yang beroperasi tanpa lesen ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Jumlah lesen hiburan yang telah dikeluarkan oleh MBPP dan MPSP sehingga kini adalah sebanyak 686. Perincian bilangan lesen hiburan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

BIL	DAERAH	JUMLAH
1	SPU	75
2	SPT	110
3	SPS	148
4	DTL	272
5	DBD	81
JUMLAH		686

- (a) Bilangan premis hiburan yang beroperasi tanpa lesen di Pulau Pinang adalah sebanyak 203.
 (c) Antara tindakan yang telah diambil ke atas premis-premis yang tidak memiliki lesen adalah seperti berikut:
 i. Mengeluarkan tawaran kompaun di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998.
 ii. Mengambil tindakan proaktif bersama pihak polis dengan merampas mesin-mesin simulator yang didapati tidak mempunyai lesen.
 iii. Mengeluarkan Notis Menghendaki Perniagaan Dihentikan dalam tempoh sama ada 24 jam, tiga (3) hari, tujuh (7) hari dan 14 hari.
 iv. Mendakwa pengusaha perniagaan di mahkamah kerana menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Di kawasan Seberang Perai terdapat berapa kuari yang berlesen dan tidak berlesen? Sila nyatakan ikut tempat dan daerah.

- (a) Apakah tindakan yang diambil ke atas kuari yang tidak berlesen?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Jumlah keseluruhan kuari yang beroperasi di kawasan Seberang Perai adalah sebanyak 24 kuari iaitu 10 kuari di Daerah Seberang Perai Selatan, 13 kuari di Daerah Seberang Perai Tengah dan 1 kuari di Daerah Seberang Perai Utara.

Sebanyak 12 kuari yang berlesen iaitu dikeluarkan Permit 4B (tanah Kerajaan) dan Permit 4C (tanah persendirian). Manakala terdapat 12 kuari lain yang tidak dikeluarkan lesen disebabkan oleh kuari-kuari tersebut adalah berstatus tanah "First Grade", "Condition A" dan "B". 12 kuari ini hanya tertakluk kepada kelulusan Pelan Kerja Tanah dan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan serta tidak memerlukan Permit 4B dan 4C. Perincian kuari-kuari tersebut mengikut daerah adalah seperti di Lampiran A.

- (a) Sekiranya terdapat kuari-kuari yang beroperasi di atas tanah Kerajaan tanpa permit, tindakan penguatkuasaan akan diambil di bawah Seksyen 426, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Jika disabitkan kesalahan, individu yang terlibat boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM50,000.00 atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya sekali.

RUJUK LAMPIRAN A BSLC NO. 12 (ID 257)

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Terdapat kuari-kuari yang beroperasi pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum termasuk lepas waktu kerja terutama di kawasan Seberang Perai Selatan.
- (a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Tempatan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Waktu operasi bagi kuari seperti yang disyaratkan dalam kelulusan Pelan Kerja Tanah adalah seperti berikut :-
- (i) Hari Isnin – Jumaat mulai 8.00 pagi hingga 6.00 petang
 - (ii) Hari Sabtu mulai 8.00 pagi hingga 1.00 petang
 - (iii) Hari Ahad dan Cuti Umum Tiada kerja dijalankan

Walau bagaimanapun, terdapat empat (4) kuari yang diluluskan dibawah program pemutihan bagi Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) tidak disyaratkan had waktu operasi dalam pelan kerja tanah.

- (a) Tindakan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) ke atas pengusaha-pengusaha kuari yang melanggar had masa operasi di kawasan Seberang Perai Selatan adalah seperti berikut :-
- (i) Mengeluarkan notis arahan berhenti kerja kepada mana- mana kuari yang melanggar syarat yang telah ditetapkan; dan
 - (ii) Mengeluarkan tawaran mengkompaun kesalahan jika terdapat pelanggaran syarat pelan kerja tanah berlulus di bawah Undang-Undang Kecil Kerja Tanah MPSP 1992.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Sila nyatakan bilangan pekerja-pekerja asing yang datang bekerja di Negeri Pulau Pinang mengikut industri dan jenis kerja.
- (b) Adakah Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan telah ambil tindakan ke atas penjaja yang mengambil pekerja asing untuk memasak bagi pihak penjaja?
- (c) Berapa penjaja telah diambil tindakan dalam isu ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Berdasarkan perangkaan daripada Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang, bilangan pekerja asing yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang adalah seramai 16,311 orang.

Statistik mengikut sektor bagi tempoh Januari hingga September 2016 adalah seperti berikut :

Sektor	Bilangan
Pembantu Rumah	1,311
Pembinaan	1,243
Perkhidmatan	2,155
Perkilangan	11,218
Perladangan	29
Pertanian	355
JUMLAH	16,311

- (b) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil tindakan mengeluarkan kompaun dan surat amaran ke atas penjaja yang mengambil pekerja asing untuk memasak bagi pihak penjaja dalam kompleks makanan yang diuruskan oleh pihak Majlis. Dasar pekerja tukang masak warga asing sehingga kini hanya dikuatkuasakan di bahagian pulau di bawah pentadbiran MBPP.

Walau bagaimanapun, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) turut mengambil tindakan terhadap warga asing dengan menyelaras operasi bersepadu bersama Jabatan Imigresen dan telah mewujudkan pelan tindakan bagi mengatasi isu ini. Tiga (3) kawasan *hot spot* penjaja warga asing telah dikenalpasti iaitu kawasan Pekan Bukit Mertajam, Taman Pelangi dan Nagasari.

- (c) Bagi tahun 2016, sejumlah 45 peniaga telah dikeluarkan kompaun dan surat amaran oleh MBPP agar penjaja tidak mengambil pekerja asing untuk memasak masakan tempatan manakala bagi MPSP sebanyak 31 penjaja warga asing telah diambil tindakan termasuk tindakan rampasan dan tangkapan kerana tidak memiliki dokumen perjalanan atau permit kerja yang sah.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Apakah tindakan yang diambil oleh pihak polis terhadap aktiviti "mat rempit" dan pelumba motosikal haram yang sentiasa dijalankan di atas jalan raya dan lebuh raya?
- (b) Berapa saman dikeluarkan atau lesen yang digantung ke atas orang yang terlibat dalam aktiviti tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Tindakan yang diambil oleh pihak PDRM terhadap aktiviti mat rempit dan pelumba motosikal haram adalah:
- (i) Polis trafik telah melancarkan operasi di setiap daerah bagi menangkap mereka yang terlibat dalam kegiatan ini.
- (ii) Mat rempit mungkin akan dikenakan hukuman lebih berat iaitu hukuman penjara mandatori setelah Seksyen 42 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dipinda. Ini berikutan hukuman yang sedia ada ke atas samseng jalan raya yang disabitkan kesalahan iaitu denda minimum RM5,000 atau penjara tidak lebih daripada lima tahun tidak mampu menyedarkan mereka.
- (b) Mengenakan tindakan yang sama terhadap ibu bapa atau pemilik motosikal kerana mereka membenarkan penggunaan motosikal tersebut.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Berapa unit rumah yang telah disewa dan diduduki oleh pekerja-pekerja asing di kawasan taman perumahan setiap daerah di Seberang Perai?
- (b) Apakah tindakan yang diambil ke atas mereka yang membuat bising dan membawa gangguan kepada penduduk tempatan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Berdasarkan kepada operasi penguatkuasaan yang dijalankan, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengenalpasti sejumlah 410 unit kediaman yang diduduki oleh warga asing. Daripada jumlah ini, sebanyak 64 unit rumah dikesan di Seberang Perai Utara, 208 unit di Seberang Perai Tengah dan 138 unit di Seberang Perai Selatan.
- (b) Di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, tindakan yang boleh diambil ke atas mereka yang membuat bising dan membawa gangguan kepada penduduk tempatan ialah dengan mengeluarkan Notis Mengkehendaki Kacau Ganggu Dihapuskan kepada tuan punya premis / majikan yang bertanggungjawab terhadap pekerja asing.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Adakah bajet Kerajaan Negeri diagih mengikut daerah dan pembangunan mengikut sektor industri, ekonomi, keusahawan, kesihatan, pendidikan, kebajikan dan pembangunan desa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Bajet Kerajaan Negeri sememangnya diagihkan mengikut dasar dan strategi pembangunan sosio ekonomi yang diberi penekanan dengan matlamat memenuhi keperluan dan kehendak rakyat dan ianya merentasi sempadan daerah. Agihan bajet Kerajaan Negeri mencukupi semua sektor industri, ekonomi, keusahawanan, kesihatan, pendidikan, kebajikan dan pembangunan desa seiring dengan portfolio-portfolio Jawatankuasa MMK, sama-sama bertanggungjawab dalam memastikan bajet yang disediakan selari dengan keperluan untuk mencapai *outcome* dan keberhasilan setiap sektor terlibat.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Terdapat berapa buahkah CCTV yang telah dipasang di setiap daerah?
- (a) Sila nyatakan keberkesanan penggunaan CCTV untuk mengawal kes jenayah, kesesakan lalu lintas dan kesalahan pengguna jalan raya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Sebanyak 658 unit CCTV telah dipasang di Negeri Pulau Pinang oleh kedua-dua PBT iaitu 55 unit di Daerah Seberang Perai Utara, 47 unit di Daerah Seberang Perai Tengah, 28 unit di Daerah Seberang Perai Selatan, 455 unit Daerah Timur Laut dan 73 unit Daerah Barat Daya.
- (a) Keberkesanan penggunaan CCTV dapat dilihat dalam pelbagai aspek pentadbiran yang merangkumi isu-isu trafik, kes jenayah, kemalangan atau insiden, pembuangan sampah, kerosakan peralatan awam, kerja-kerja pembinaan, halangan di tempat awam dan sebagainya. Contohnya, sistem CCTV amat berguna dalam pemantauan dan pengawasan lalu lintas. Tindakan segera dapat diambil sekiranya berlaku halangan atau gangguan kepada aliran lalu lintas. Jika terdapat kejadian kesalahan lalu lintas, pegawai-pegawai penguatkuasa akan dihantar ke tapak untuk mengambil tindakan penguatkuasaan. Pemandu kenderaan juga dapat dinasihat melalui *horn speaker* untuk mengalihkan kenderaan yang mengganggu aliran lalu lintas.

Malah, sebagai langkah membasmi pembuangan sampah secara haram di Pulau Pinang, kamera CCTV mudah alih juga telah dipasang untuk memantau pembuangan sampah secara haram. Sistem CCTV juga telah membantu dalam pengurangan kes-kes jenayah. Mengikut statistik PDRM, kadar jenayah di kawasan-kawasan di mana kamera CCTV dipasang telah berkurangan. Pada tahun 2015, Indeks Jenayah di Pulau Pinang telah menurun sebanyak 11.3% (119 kes) atau 7,154 kes berbanding 8,064 kes pada tahun 2014.

Sistem CCTV ini juga membantu dalam mengenal pasti kes-kes tertentu apabila sesuatu insiden atau kemalangan berlaku yang direkod melalui kamera CCTV. Dalam beberapa kes kemalangan jalan raya, laporan berlainan telah dibuat oleh pihak-pihak yang terlibat dalam kemalangan. Walau bagaimanapun, pihak Polis telah dapat menentukan keadaan sebenar yang berlaku di tapak dengan memainkan semula rakaman CCTV. Malah, pihak yang membuat laporan palsu juga dapat dikenal pasti.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Selain daripada projek SRS Consortium, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai cara penyelesaian alternatif yang dapat dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri sedar bahawa Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang merupakan langkah jangka panjang bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan beberapa projek jangka pendek seperti berikut :
- (i) Menjalankan kajian *Concept Plans for Immediate Measures To Alleviate Traffic Congestion Within George Town and its Vicinity* dan melaksanakan cadangan menambah baik aliran lalu lintas di Jalan Masjid Negeri dan kawasan sekitarnya dengan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Jalan Masjid Negeri, Lorong Batu Lancang, Persimpangan Jalan Masjid Negeri/Jalan Ayer Itam/Jalan Scotland, Jalan Gottlieb, Jalan Bagan Jermal dan Jalan Mount Erskine;
 - (ii) Membina jalan-jalan baru seperti pembinaan jalan berkembar Jalan Paya Terubong, penyambungan Jalan Zoo dan juga perancangan menaik taraf persimpangan Jalan Thean Tek/Jalan Ayer Itam dan persimpangan Lebuhraya Thean Tek/Lorong Batu Lancang dengan membina tanjakan berarah (*directional ramp*) untuk pembelokan kanan;
 - (iii) Membuat pelebaran jalan, melarang pembelokan ke kanan dan pelaksanaan jalan sehalu di kawasan-kawasan yang berlaku kesesakan, telah dilaksanakan dan akan diteruskan;
 - (iv) Memasang CCTV di kawasan pulau, Pulau Pinang. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan;
 - (v) Melaksanakan Perkhidmatan Bas Central Area Transit (CAT) dalam kawasan pusat bandar George Town bagi mewujudkan sistem pengangkutan yang efisien dan mengalakkan penggunaan pengangkutan awam;
 - (vi) Membuat penyelarasan sistem lampu isyarat bagi mewujudkan *green wave*;
 - (vii) Tindakan penguatkuasaan seperti saman, kapit dan tunda kenderaan oleh Jabatan Penguatkuasa dan bekerjasama dengan pihak Polis untuk mengawal lalu lintas di persimpangan-persimpangan jalan yang mengalami kesesakan; dan
 - (viii) Bekerjasama dengan Rapid Penang untuk menambah baik perkhidmatan bas awam di Pulau Pinang. Pada masa sekarang, Rapid Penang mempunyai 320 buah bas yang beroperasi di Pulau Pinang. Bilangan bas akan ditambah secara berperingkat mengikut keperluan untuk penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti yang dapat meliputi laluan-laluan sosial.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Adakah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk membantu melebarkan atau memperluaskan Lapangan Terbang Antarabangsa Negeri Pulau Pinang supaya penerbangan terus dari atau ke Pulau Pinang dapat ditambah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Persekutuan mempunyai cadangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). Permohonan peruntukan bagi cadangan tersebut telah dikemukakan oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui *Rolling Plan 2*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Permohonan ini sedang dipertimbangkan oleh pihak EPU. Antara skop – skop kerja yang dicadangkan termasuklah:
- (i) Pengambilan balik tanah seluas 126 ekar di LTAPP;
 - (ii) Pembesaran bangunan terminal bagi menampung 11.5 juta penumpang setahun (kapasiti dijangka dicapai pada tahun 2027);
 - (iii) Pembesaran kawasan pemakiran pesawat berserta menaik taraf infrastruktur dan kemudahan yang berkaitan; dan
 - (iv) Pembangunan kompleks kargo di Batu Maung.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Berapa kos penyelenggaraan yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri setiap tahun untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan lapangan kapal terbang antarabangsa negeri Pulau Pinang?
- (a) Apakah sebab setiap kali hujan lebat akan mengakibatkan lapangan kapal terbang Pulau Pinang banjir?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kos penyelenggaraan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) adalah di bawah tanggungan pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Bagi tahun 2015, MAHB telah membelanjakan sejumlah RM13,504,690.04 untuk kerja-kerja penyelenggaraan LTAPP.
- (a) Kejadian banjir kilat yang berlaku di LTAPP adalah disebabkan oleh jumlah air larian hujan yang tinggi berbanding kemampuan sistem peparitan kawasan luar yang masuk ke dalam kawasan lapangan terbang semasa hujan lebat. Kedudukan geografi LTAPP yang terletak di titik (*point*) yang rendah di Kawasan Bayan Lepas juga menyumbang kepada berlakunya banjir kilat di dalam kawasan lapangan terbang ini. Pihak MAHB telah mengambil inisiatif bagi mengatasi masalah banjir kilat di LTAPP dengan membina beberapa Kolam Takungan Setempat/*On Site Detention pond* (OSD), saluran parit dan pam yang mampu mengawal air lebihan semasa hujan. Pihak MAHB bertanggungjawab memastikan OSD, saluran parit dan pam sentiasa diselenggara dan berfungsi agar mampu mengatasi masalah banjir kilat di LTAPP.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Berapa banyak pertambahan pelabur-pelabur di negeri Pulau Pinang sepanjang 8 tahun ini iaitu sejak 2008 hingga 2016?
- (a) Sila nyatakan pertambahan pelabur-pelabur di negeri Pulau Pinang dari tahun 2000 hingga 2007.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Mengikut rekod, jumlah pelaburan di Negeri Pulau Pinang sepanjang 8 tahun iaitu sejak 2008 sehingga Ogos 2016 adalah berjumlah RM58.7 billion.
- (a) Jumlah pelaburan di Negeri Pulau Pinang sejak 2000 sehingga 2007 pula adalah berjumlah RM29.4 billion. Oleh itu adalah jelas bahawa jumlah pelaburan untuk tempoh lapan tahun berikutnya, iaitu bagi tempoh 2008-2015 yang berjumlah RM54.9 bilion, telah menunjukkan peningkatan pelaburan sebanyak 87%.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Apakah pencapaian dari segi pertumbuhan ekonomi dari tahun 2008 hingga 2016 di negeri Pulau Pinang? Sila nyatakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Peratusan pertumbuhan ekonomi negeri Pulau Pinang berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia dari tahun 2008 hingga 2015 adalah seperti Jadual 1 di bawah. Data bagi tahun 2016 masih belum diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jadual 1: Perubahan peratusan KDNK tahunan bagi negeri Pulau Pinang, 2008-2015

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
KDNK	5.5	-10.5	10.4	5.4	4.5	5.1	8.0	5.5

Statistik di atas menunjukkan bahawa krisis kewangan global telah membawa kepada penguncupan ekonomi global secara mendadak pada tahun 2009. Kemerosotan ekonomi dicatatkan di beberapa negara seperti Amerika Syarikat, kawasan Euro, Jepun, Singapura, termasuk Malaysia. Penyusutan tertinggi KDNK pada tahun 2009 yang direkodkan oleh Pulau Pinang iaitu -10.5 peratus adalah kerana kesan kejatuhan mendadak sektor Pembuatan (-20.2 peratus). Subsektor yang menyumbang kepada penurunan ini ialah Pembuatan Kelengkapan Pejabat, Perakaunan & Komputer dan Pembuatan Peralatan dan Kelengkapan Radio, Televisyen & Komunikasi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Sila nyatakan negara asal pelabur-pelabur di negeri Pulau Pinang.
- (a) Adakah dari tahun 2015 pelabur-pelabur menarik diri daripada pelaburan di negeri Pulau Pinang? Jika ada, sila nyatakan sebab-sebabnya.
- (b) Apakah tindakan kerajaan negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Secara umum, pelabur-pelabur di Negeri Pulau Pinang berasal dari Amerika Syarikat, China, Netherlands, Jerman, Taiwan dan Singapura.
- (a) Sejak tahun 2015, terdapat hanya 5 syarikat yang telah menarik pelaburan mereka keluar dari Pulau Pinang dengan alasan masing-masing. Kelima-lima syarikat tersebut berasal dari Amerika Syarikat. Perincian syarikat dan sebab penarikan adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Antara usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk mengekalkan pelaburan di Pulau Pinang, adalah seperti berikut:
- (i) Kos untuk menjalankan perniagaan kekal berdaya saing;
- (ii) Kemudahan untuk menjalankan perniagaan adalah bertahap global;
- (iii) Kewujudan bakat dan pekerja mahir;
- (iv) Eko-sistem sokongan yang kuat dan berdaya saing;
- (v) Kerajaan yang pro-perniagaan dan dasar terbuka yang membantu para pelabur untuk menyelesaikan isu-isu yang dihadapi; dan
- (vi) Bekerjasama dengan agensi-agensi persekutuan dan agensi-agensi yang berkaitan untuk menyediakan insentif yang dapat mengekalkan pekerjaan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Adakah projek-projek pengambilan tanah oleh PDC di kawasan Byram dan Changkat untuk membina industri ringan telah siap?
- (a) Bilakah projek untuk membina industri ringan di kawasan Byram dan Changkat akan bermula?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Projek-projek pengambilan tanah oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di kawasan Byram dan Changkat untuk pembangunan industri dan pembangunan bercampur masih belum selesai sepenuhnya. Hanya pengambilan balik bagi Fasa I di Changkat di bawah Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 yang melibatkan keluasan 782.73 ekar telah diselesaikan. Pengambilan balik bagi Fasa II, masih dalam proses pewartaan di bawah seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960.
- (a) Projek pembangunan di kawasan Byram dan Changkat dijangka akan mula dilaksanakan pada tahun 2020. Pembangunan ini ditangguhkan bagi menyelesaikan isu penempatan semula penduduk ladang Sekolah Tamil yang terlibat dengan 'buffer zone' projek tapak pelupusan sampah di Pulau Burong. PDC pada masa ini memberi tumpuan kepada pembangunan tanah dan infrastruktur di kawasan lain seperti Utara *Penang Science Park*, Selatan *Penang Science Park*, Timur Batu Kawan dan Batu Kawan Industrial Park yang sedia ada bagi mengelakkan persaingan di antara tanah PDC.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Berapa sekolah menengah dan rendah di negeri Pulau Pinang yang masih menghadapi masalah kekurangan guru dan juga guru besar? Sila nyatakan.
- (a) Apakah tindakan Kementerian Pendidikan dalam mengatasi masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Menurut Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, sebanyak 21 buah sekolah rendah dan 14 buah sekolah menengah di Pulau Pinang masih menghadapi masalah kekurangan guru. Sementara itu, masih terdapat kekurangan guru besar di 8 buah sekolah rendah disebabkan calon tidak mendapat persetujuan Ahli Lembaga Pengurus Sekolah manakala jawatan pengetua di 7 buah sekolah menengah masih belum diisi kerana calon yang dicadangkan oleh Lembaga Pengurus Sekolah belum layak untuk dipertimbangkan.
- (a) Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan sedang dalam proses membuat pertukaran guru masuk ke Pulau Pinang, menerima penempatan guru dan melantik guru ganti tertakluk kepada peruntukan kewangan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Berapa peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah di negeri Pulau Pinang setiap tahun dari tahun 2010 hingga 2016?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan Negeri tidak mendapat maklum balas dari Jabatan Pendidikan Negeri. Oleh itu soalan ini tidak dapat diperjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan KPKT dalam membantu penternak-penternak untuk menjalankan penternakan secara tertutup (close house system) supaya dapat menyelesaikan masalah pencemaran udara dan air?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kerajaan Negeri sememangnya amat menggalakkan penternak agar menaik taraf reban dan ladang terbuka sedia ada kepada *closed house farming* agar lebih mesra alam dan tidak menimbulkan kacau ganggu. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh agensi berkaitan dan pihak berkuasa tempatan adalah seperti berikut:
- (i) Menganjurkan program kesedaran tentang penternakan ladang tertutup yang telah diadakan pada 26 April 2016 dan 8 September 2016. Program merangkumi sesi penerangan oleh syarikat-syarikat swasta kepada penternak mengenai sistem perladangan moden dan lawatan ke ladang penternakan moden;
 - (ii) Pengenalan kepada Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Enakmen Perladangan Unggas akan diwujudkan dengan mewajibkan *closed house system* secara berperingkat;
 - (iii) Menggubal Garis Panduan (GP) untuk menggalakkan pemunya ternakan ayam konvensional menaik taraf ke *Closed House Farming*. Bagi ladang di kawasan seliaan MPSP, garis panduan ini akan disiapkan pada tahun 2017;
 - (iv) Memberikan khidmat nasihat secara percuma kepada penternak ayam untuk pengkomposan najis ayam; dan
 - (v) Menyediakan khidmat nasihat secara percuma berkenaan penggunaan *Effective Microbes* (EM) bagi mengurangkan pencemaran bau dan pembiakan lalat.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Adakah Kementerian Kesihatan berhasrat untuk menambah doktor dan pakar serta kemudahan lain di Hospital Sungai Bakap di SPS?
- (a) Sila nyatakan lima tahun terkini Kementerian Kesihatan memberi peruntukan kepada Hospital Sungai Bakap untuk naiktaraf dan penambahan peralatan-peralatan baru.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Pulau Pinang mempunyai enam (6) buah hospital kerajaan di mana empat (4) daripadanya diklasifikasikan sebagai hospital pakar manakala dua (2) lagi hospital iaitu Hospital Sungai Bakap dan Hospital Balik Pulau pula diklasifikasikan sebagai hospital tanpa pakar. Pada masa ini jumlah perjawatan pegawai perubatan adalah 29 jawatan di Hospital Sungai Bakap dan ianya diisi sepenuhnya. Kementerian tiada cadangan untuk menambah perjawatan pegawai perubatan di Hospital Sungai Bakap kerana jumlah ini adalah mencukupi memandangkan Kadar Penggunaan Katil pada tahun 2015 hanya 48.70% dan 50.13% sehingga Jun 2016. Kerajaan juga telah bercadang untuk menempatkan pakar secara berkala kerana hospital ini menerima perkhidmatan lawatan pakar dalam bidang kepakaran tertentu iaitu Perubatan, Pembedahan, Pediatrik, Obstetrik & Ginekologi, Ortopedik, Perubatan Kecemasan, Psikiatri, Ortorinologi, Oftalmologi dan juga Dermatologi. Selain daripada itu, konsep Hospital Kluster Seberang Perai yang melibatkan empat (4) hospital utama di Seberang Perai termasuk Hospital Sungai Bakap akan dilancarkan mulai awal Disember 2016. Melalui konsep ini semua sumber sedia ada seperti perkhidmatan kepakaran, peralatan, sumber manusia serta kemahiran akan dapat digemblengkan untuk semua hospital dalam kluster ini bagi melancarkan lagi penyediaan perkhidmatan khususnya kepakaran di Hospital Sungai Bakap.
- (a) Bagi tahun 2011 sehingga 2016, sejumlah RM2.3 juta telah diperuntukkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tujuan kerja-kerja naik taraf dan perolehan aset perubatan di Hospital Sungai Bakap.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Bilakah projek penambahan wad dan pembangunan bangunan baru untuk Hospital Seberang Jaya akan dijalankan?
- (a) Adakah projek itu masih berkuatkuasa dan akan dijalankan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Projek pembangunan bangunan baharu Hospital Seberang Jaya (*Multistorey Building*) bagi penambahan wad adalah merupakan Projek Peruntukan Rolling Plan Kedua Rancangan Malaysia Ke-11. Kos projek ini adalah sebanyak RM400 juta dan blok bertingkat yang akan dibina ini akan mempunyai 9 tingkat dengan penambahan 316 buah katil.

Apabila siap kelak, blok bangunan baru ini akan dapat menyediakan perkhidmatan dalam bidang Perubatan, Pembedahan, Ortorinologi, Ortopedik, Perubatan Kecemasan, Kardiologi Pediatrik, Pembedahan Kardiorasik Pediatrik dan Perubatan Rehabilitasi.

Projek ini telahpun dimulakan dan tempoh pembinaan adalah dari 16 Mei 2016 sehingga 15 November 2019. Sehingga kini, kemajuan projek adalah 2% dan mengikut jadual pembinaan.

XVII. Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sejauh manakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kesihatan melalui Program COMBI dapat mengatasi masalah Wabak Denggi di setiap daerah-daerah dalam Pulau Pinang sehingga Oktober 2016?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Beberapa usaha telah dilaksanakan Kerajaan Negeri bagi mengaktif dan memperkasakan peranan COMBI dalam memerangi denggi di Pulau Pinang. Antara usaha tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Melaksanakan Program Gotong-royong Projek Kebersihan Komuniti melibatkan 22 COMBI di seluruh Pulau Pinang;
 - (ii) Menganjurkan kursus/taklimat/latihan kepada semua lokaliti COMBI dalam mengukuhkan COMBI di lokaliti sedia ada. Sebanyak 16 kursus telah diadakan pada tahun 2016;
 - (iii) Memperkenalkan Program Penggredan Kampung iaitu mengklasifikasikan kawasan rumah berdasarkan tahap kebersihan sekeliling. Sebanyak 13 COMBI telah memulakan program ini iaitu COMBI Titi Teras [Barat Daya], COMBI Taman Puteri Gunung dan COMBI Taman Merak [Seberang Perai Selatan], COMBI Taman Bertam Indah, COMBI Permatang Sintok dan COMBI Bagan Lebai Tahir [Seberang Perai Utara], COMBI Taman Sri Janggus, COMBI Taman Alma Jaya, COMBI Kg. Machang Bubuk, COMBI Taman Seri Sejahtera, COMBI JKKK Tenggiri, COMBI Kg. Janggus & COMBI Taman Inderawasih [Seberang Perai Tengah];
 - (iv) Penglibatan Sukarelawan COMBI dalam Konvensyen COMBI Peringkat Negeri pada 24 Julai 2016, Program Kesedaran Denggi pada 20 Ogos 2016 yang melibatkan 110 orang sukarelawan COMBI dan Konvensyen COMBI Peringkat Kebangsaan di Johor pada 23-24 September 2016 telah membuka ruang kepada sukarelawan COMBI untuk saling bertukar dan berkongsi pengalaman dalam mencegah pembiakan aedes; dan
 - (v) Kerajaan Negeri juga telah memberikan peruntukan khas berjumlah RM100,000.00 pada tahun 2016 sebagai usaha untuk menyokong dan memperkasakan aktiviti COMBI dalam memerangi denggi.

Demam denggi yang direkodkan menunjukkan penurunan dan ini menunjukkan keberkesanan program COMBI yang telah dijalankan. Sehingga 23 Oktober 2016, terdapat sebanyak 2,291 kes denggi telah direkodkan iaitu penurunan sebanyak 48% bagi tempoh yang sama tahun 2015 (4,408 kes). Namun begitu kesedaran penduduk masih rendah terutamanya penglibatan dalam program/aktiviti pencegahan denggi di kawasan persekitaran masing-masing.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Di dalam mewujudkan komuniti bebas Denggi melalui program COMBI, sila senaraikan JKKN, JKKKP, KRT dan agensi-agensi kerja yang terlibat dalam program tersebut khususnya di Daerah Seberang Perai Tengah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. *Communication for Behavioural Impact* atau COMBI merupakan satu pendekatan dinamik yang menggunakan strategi mobilisasi sosial dan komunikasi untuk mempengaruhi perubahan tingkah laku dalam kalangan individu, keluarga dan komuniti kearah tingkah laku yang sihat. Bagi melaksanakan program COMBI, lima (5) prinsip asas yang menggunakan strategi komunikasi secara bersepadu hendaklah diamalkan iaitu;

- (i) Kerahan Pentadbiran / Perhubungan Awam dan Advokasi;
- (ii) (Administrative Mobilization / Public Relation / Advocacy);
- (iii) Kerahan Masyarakat (Community Mobilization);
- (iv) Pengiklanan (Advertising);
- (v) Penyampaian Peribadi/ Komunikasi Interpersonal;
- (vi) (Personal Selling / Interpersonal Communication); dan
- (vii) Promosi di Pusat Perkhidmatan (Point-of-Service Promotion)

Di Daerah Seberang Perai Tengah, terdapat 34 COMBI yang berdaftar dengan Jabatan Kesihatan Negeri di mana hanya 21 COMBI yang masih aktif sehingga kini. Antara agensi yang turut serta dalam menyokong dan sama-sama menubuhkan COMBI di Pulau Pinang adalah Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Pendidikan Pulau Pinang, Pejabat Perpaduan dan Integrasi Nasional, Pusat Latihan Khidmat Negara, Tenaga Nasional Berhad dan Universiti Utara Malaysia. Senarai COMBI di daerah Seberang Perai Tengah adalah seperti di Lampiran A.

SENARAI LOKALITI COMBI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH SEHINGGA OKT 2016

COMBI SEDIA ADA (2006 – 2015/ 2016)				2016
KADUN	BIL	LOKALITI	STATUS	LOKALITI DALAM FASA PENUBUHAN
MACHANG BUBOK	1	JKKK(N)TAMAN ALMA JAYA	AKTIF	KRT TAMAN JAMBU (21.08.2016)
	2	PLKN KEM SYRUZ	TIDAK AKTIF	JKKKP DESA MCG BUBUK(21.08.2016)
	3	KOMUNITI 1 MALAYSIA MACHANG BUBOK	TIDAK AKTIF	JKKKP KG MCG BUBUK(21.08.2016)
	4	JKKK(N)TAMAN SRI JANGGUS	AKTIF	KRT TAMAN BIDARA(21.08.2016)
	5	KRT KAMPUNG JANGGUS	AKTIF	-
	6	JKKK(N) CHEROK TOK KUN ATAS	AKTIF	-
	7	KRT TAMAN SERI IMPIAN	AKTIF(2016)	-
	8	KRT TAMAN SERI SEJAHTERA	AKTIF(2016)	-
	9	JKKK(N) KG JALAN GAJAH MATI	AKTIF(2016)	-
	10	KRT TAMAN SUKUN	AKTIF(2016)	
	11	JKKK PERKAMPUNGAN MACHANG BUBUK	AKTIF(2016)	

COMBI SEDIA ADA (2006 – 2015/ 2016)				2016
	12	JKKK KG PERMATANG TINGGI	AKTIF(2016)	
	8	KRT TAMAN SERI SEJAHTERA	AKTIF(2016)	-
	9	JKKK(N) KG JALAN GAJAH MATI	AKTIF(2016)	-
	10	KRT TAMAN SUKUN	AKTIF(2016)	
	11	JKKK PERKAMPUNGAN MACHANG BUBUK	AKTIF(2016)	
	12	JKKK KG PERMATANG TINGGI	AKTIF(2016)	

COMBI SEDIA ADA (2006 – 2015/ 2016)				2016
KADUN	BIL	LOKALITI	STATUS	LOKALITI DALAM FASA PENUBUHAN
SEBERANG JAYA	13	PERSATUAN PENDUDUK TAMAN HJ MOHD AMIN	TIDAK AKTIF	-
	14	JKKK(N) FLAT SERI PAUH	TIDAK AKTIF	-
	15	PERSATUAN PENDUDUK BLOK D APT. PERMATA,PERDA	TIDAK AKTIF	-
	16	PERSATUAN PENDUDUK BLOK H APT. PERMATA,PERDA	TIDAK AKTIF	-
	17	PERSATUAN PENDUDUK BLOK G APT. PERMATA,PERDA	TIDAK AKTIF	-
	18	TAMAN SIAKAP	AKTIF	-
	19	JALAN TENGGIRI	AKTIF	-
	20	TAMAN SEMBILANG	AKTIF	-
COMBI SEDIA ADA (2006 – 2015/ 2016)				2016
KADUN	BIL	LOKALITI	STATUS	LOKALITI DALAM FASA PENUBUHAN
PERAI	21	FLAT TAMAN INDERAWASIH	TIDAK AKTIF	KG MANIS (10.07.2016)
	22	KAMPUNG MANIS	TIDAK AKTIF	-
	23	APARTMENT KELISA EMAS	TIDAK AKTIF	-
	24	TAMAN PERAI UTAMA	AKTIF	-
	25	KUARTERS TNB PERAI	AKTIF	-
	26	TAMAN INDERAWASIH	AKTIF	-
	27	TAMAN CHAI LENG	AKTIF	-
	28	SMK INDERAWASIH	TIDAK AKTIF	-

PENANTI	29	INSTITUT PERGURUAN TENGKU BAINUN	AKTIF	JKKKN TANAH LIAT/ SIMPANG 3 BERAPIT(14.2.16)
PERMATANG PASIR	30	JKKK MK 5 KUBANG SEMANG	TIDAK AKTIF	
	31	KRT TAMAN ARA INDAH	AKTIF (2016)	
BERAPIT	31	KAMPUNG BARU, BUKIT MERTAJAM	AKTIF	-
	33	PERSATUAN PENDUDUK TAMAN PERMATA	TIDAK AKTIF	-
PADANG LALANG		-	-	-
BUKIT TENGAH	34	KG PERMATANG TOK SUBUH	AKTIF(2016)	-

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Penyakit wabak jangkitan Rotavirus telah melanda Pulau Pinang baru-baru ini. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri melalui Exco Kesihatan dan Pejabat Kesihatan dalam mengatasi masalah ini sebelum ianya merebak lebih parah lagi?
- (a) Sila nyatakan punca-punca berlakunya wabak virus Rotavirus.
- (b) Jumlah rakyat Pulau Pinang yang dijangkiti wabak ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi mengawal jangkitan Rotavirus yang dihadapi oleh 11 kes/orang adalah seperti berikut:
- (i) Merawat pesakit yang datang rujuk kepada Klinik Kesihatan/Hospital. Memandangkan kes adalah bersifat *self-limiting*, tiada jangkitan atau penularan wabak dilaporkan selepas seminggu kes dilaporkan; dan
- (ii) Menghubungi semua ahli keluarga pesakit yang dijangkiti bagi memastikan mereka mendapatkan rawatan sekiranya menunjukkan simptom dijangkiti Rotavirus.
- (a) Rotavirus adalah sejenis virus yang mudah dijangkiti melalui sentuhan biasa dan boleh kekal beberapa jam di atas kulit manusia serta mampu bertahan dalam jangka masa yang lama di atas permukaan yang keras malah virus ini boleh kekal hidup dalam jangka masa yang agak lama di dalam najis individu yang telah dijangkiti. Ia juga adalah sejenis virus yang menyebabkan gangguan di bahagian sistem penghadaman manusia. Simptom dijangkiti rotavirus ialah cirit-birit, muntah dan demam.
- (ii) Bagi wabak rotavirus yang berlaku di Taman Tema Air Bukit Merah pada 24 Ogos 2016, sebanyak 11 kes telah dicatatkan dikalangan penduduk Pulau Pinang dan mereka yang dijangkiti telah sembuh sepenuhnya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Virus Zika telah melanda Singapura dan Thailand tidak terkecuali juga Negara Malaysia.
 - (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengatasi masalah ini?
 - (b) Adakah perancangan dan langkah proaktif telah digerakkan bagi menyedarkan rakyat Pulau Pinang tentang bahayanya penyakit ini?
 - (c) Adakah mekanisme atau alatan yang khusus bagi mengukur jangkitan Zika terutamanya para pelancong yang memasuki Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Setakat ini Pulau Pinang, tidak mencatatkan sebarang kes zika. Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri telah mengambil langkah proaktif bagi mengelak berlakunya kemasukan virus ke Pulau Pinang. Antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:
 - (i) Saringan pintu masuk bagi pelancong atau pelawat dari negara asing yang dilanda wabak zika. Mana-mana pelancong atau pelawat daripada negara yang mengalami wabak zika dan mengalami simptom zika diminta untuk melaporkan diri ke kaunter saringan kesihatan. Saringan menggunakan 'thermal scanner' bagi mengesan pelawat yang mengalami demam juga dijalankan;
 - (ii) Semua kes-kes yang disyaki mengalami simptom zika perlu dilaporkan ke Pejabat Kesihatan Daerah terdekat supaya tindakan pencegahan iaitu aktiviti cari dan musnah pembiakan aedes dan semburan kabus dapat dijalankan;
 - (ii) Meningkatkan aktiviti pemusnahan pembiakan aedes di kawasan-kawasan sensitif melalui aktiviti larviciding dan semburan kabus ULV. Kerajaan Negeri telah menyumbangkan 10 unit mesin semburan kabus bagi meningkatkan keupayaan Jabatan kesihatan Negeri dalam memerangi nyamuk aedes;
 - (iii) Melaksanakan Program Gotong-royong Penang Sihat pada 13 Mac 2016 melibatkan 24 lokaliti sensitif pembiakan aedes. Gotong-royong besar-besaran akan diadakan pada 20 Nov 2016; dan
 - (iv) Menjalankan program perintis Mosquito Autocidal Trap (MyMAT) di tiga (3) lokaliti iaitu Lokaliti Tuna di Seberang Jaya, Taman Seri Damai di Georgetown dan Taman Seri Delima, Daerah Barat Daya. Program perintis ini bertujuan mengkaji keberkesanan perangkap jenis ovitrap bagi menghapus pusat pembiakan nyamuk aedes.
- (b) Tiga (3) langkah utama bagi meningkatkan kesedaran rakyat terhadap bahaya denggi dan zika seperti berikut:
 - (i) Meningkatkan aktiviti pendidikan kesihatan untuk pembasmian tempat pembiakan Aedes kepada masyarakat;
 - (ii) Taklimat Khas Ancaman Denggi dan Zika telah dilaksanakan kepada YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pada 26 Februari bagi mendapatkan kerjasama YB ADUN untuk menjalankan aktiviti pembersihan di kawasan masing-masing; dan
 - (iii) Jabatan Kesihatan juga telah mempergiatkan aktiviti promosi kesihatan mengenai zika di semua daerah melalui Kempen Jom Belasah Aedes, Cegah Zika dan Denggi.

- (c) Mekanisme dan alatan yang digunakan Jabatan Kesihatan Pulau Pinang Bagi pengawalan virus import terutamanya yang di bawa masuk pelancong asing ke Malaysia adalah seperti berikut:
- (i) Memasang *thermal scanner* bagi mengesan pelawat yang menunjukkan simptom demam/zika terutamanya pelawat yang datang dari negara-negara yang *endemic* wabak zika;
 - (ii) Pelawat yang menunjukkan simptom zika akan dihantar ke hospital untuk menjalani rawatan dan kajian virus zika; dan
 - (iii) Sekiranya ujian mendapati pesakit positif zika, ujian lanjutan akan diadakan kepada pesakit, ahli keluarga dan juga lokasi-lokasi penginapan bagi mengesan pusat pembiakan nyamuk pembawa virus zika.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Adakah Kerajaan Negeri memantau kehadiran pekerja-pekerja warga asing khususnya di sektor perhubungan di Negeri Pulau Pinang bagi memastikan pekerja tempatan tidak di anak tirikan oleh para majikan sama ada dari sudut pengambilan pekerja, kenaikan pangkat serta bonus dan apakah tindakan proaktif Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Pulau Pinang (JIMPP) sentiasa mengadakan operasi di semua daerah di Negeri Pulau Pinang bagi memantau isu kehadiran pekerja-pekerja warga asing. Operasi yang dijalankan adalah berdasarkan aduan yang telah dilaporkan dan penguatkuasaan secara bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPAM) dan lain-lain.

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk membantu pekerja tempatan dan supaya mereka tidak dianak tirikan oleh para majikan. Antaranya ialah melalui pembangunan Bandar Cassia yang melibatkan penyertaan pelabur-pelabur dalam dan luar negara yang dijangka mewujudkan 30,000 pekerjaan berpendapatan tinggi (*high paying job*) selain daripada peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh *Business Process Outsourcing (BPO) Prime* di Bayan Baru, pembangunan *International Golf Resort*, IKEA dan Taman Tema.

Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (CAT). Pusat CAT diuruskan oleh Invest Penang dengan sokongan padu daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) dan syarikat-syarikat swasta. Pusat CAT bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan:-

- (i) peluang-peluang pekerjaan yang wujud di syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang berdaftar dengan Pusat CAT;
- (ii) mengenal pasti program-program latihan yang bersesuaian; dan
- (iii) bekerjasama dengan ahli-ahli Pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Penubuhan Pusat CAT memastikan rakyat Pulau Pinang mempunyai peluang-peluang pekerjaan yang mencukupi di samping untuk menarik dan mengekalkan bakat di negeri ini.

Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum sebanyak RM1,000.00 sebulan yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016 juga akan mengurangkan kebergantungan majikan kepada pekerja asing yang kurang mahir. Kerajaan Negeri sentiasa menasihati pihak swasta agar mempertimbangkan gaji yang sewajarnya kepada golongan pekerja tempatan berdasarkan pengalaman dan kelayakan mereka. Bagi tindakan menyekat pekerja asing daripada bekerja secara haram, Kerajaan Negeri sentiasa berbincang dengan pihak Imigresen agar penguatkuasaan terhadap pekerja asing dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa berbincang dengan majikan supaya pekerja tempatan diberikan insentif dan juga melaporkan kes-kes kemasukan pekerja asing secara haram kepada pihak Imigresen.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berapakah jumlah cukai tanah yang masih tidak di bayar untuk kegunaan tapak kilang di seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga kini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Semakan mendapati jumlah cukai tanah yang masih tidak di bayar bagi kegunaan tapak kilang di Negeri Pulau Pinang sehingga kini adalah berjumlah RM13,158,121.71. Perincian adalah seperti berikut:

BIL	HAKMILIK	BILANGAN LOT	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM)
1	PTG / Pendaftar	576	12,552,694.01
2	PDTSPS	27	124,397.70
3	PDTSPU	14	77,637.00
4	PDTSPT	128	388,756.00
5	PDTDBD	4	4,852.00
6	PDTDTL	7	9,785.00
JUMLAH KESELURUHAN		756	13,158,121.71

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berapakah bilangan kilang-kilang haram yang masih beroperasi di Negeri Pulau Pinang mengikut daerah-daerah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Bilangan kilang haram yang masih beroperasi di Negeri Pulau Pinang sehingga September 2016 adalah sebanyak 466 buah kilang. Bilangan kilang haram mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Bil.	Daerah	Bilangan Kilang Haram
1	Seberang Perai Utara	183 buah
2	Seberang Perai Tengah	136 buah
3	Seberang Perai Selatan	71 buah
4	Timur Laut	31 buah
5	Barat Daya	45 buah
JUMLAH		466 buah

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Nyatakan berapa bilangan tanah-tanah kerajaan yang telah dikenakan TOL di Pulau Pinang ini untuk tujuan perumahan dan tanaman mengikut daerah-daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sejak dari tahun 2013 hingga Oktober 2016, bilangan tanah kerajaan yang telah diluluskan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) untuk tujuan perumahan dan tanaman, masing-masing adalah berjumlah 377 dan 97. Perincian bilangan TOL untuk perumahan dan tanaman mengikut tahun dan daerah adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDMSM NO. 8 (ID 306)

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berapakah jumlah sumber pendapatan yang diperolehi Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang setiap bulan, dan dari manakah sumber pendapatan tersebut diperolehi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh Pihak Berkuasa Tempatan sehingga September 2016 adalah berjumlah RM471,447,488 iaitu masing-masing RM285,463,116 dan RM185,984,372 bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Sumber pendapatan tersebut diperolehi daripada hasil cukai (lesen dan permit, perkhidmatan dan bayaran, sewaan, denda dan hukuman, faedah dan perolehan pelaburan, jualan barang) dan hasil bukan cukai (pulangan balik perbelanjaan, terimaan dari agensi kerajaan). Perincian sumber pendapatan setiap bulan yang diperolehi MBPP dan MPSP masing-masing adalah seperti di Lampiran A dan Lampiran B.

RUJUK LAMPIRAN A DAN B BDMSM NO. 9 (ID 307)

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Nyatakan bilangan tanah kerajaan yang dicerobohi di seluruh Pulau Pinang mengikut daerah dan apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasinya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sehingga Oktober 2016, sebanyak **698** kes pencerobohan tanah kerajaan berlaku di seluruh negeri Pulau Pinang. Maklumat pencerobohan ini adalah berdasarkan kepada pengeluaran notis di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965. Perincian tanah-tanah yang telah diceroboh mengikut daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut :

Bil	Daerah	Kes Pencerobohan
1	Timur Laut	297
2	Barat Daya	114
3	Seberang Perai Utara	64
4	Seberang Perai Tengah	114
5	Seberang Perai Selatan	96
6	MBPP	9
7	MPSP	4
JUMLAH KESELURUHAN		698

Tindakan-tindakan yang dilakukan bagi mengatasi pencerobohan tanah kerajaan adalah seperti berikut :

- i. Memagar tanah kerajaan mengikut kesesuaian.
- ii. Tindakan segera meroboh struktur yang baru dibina tanpa kelulusan;
- iii. Meletakkan papan tanda (dilarang menceroboh tanah kerajaan);
- iv. Bekerjasama dengan Jabatan/Agensi lain yang berkaitan dalam melaporkan pencerobohan ke atas tanah kerajaan;
- v. Melakukan pemantauan berkala mengikut mukim; dan
- vi. Mengadakan perbincangan supaya mereka yang terlibat memohon Lesen Pendudukan Sementara.

Mengeluarkan Notis 425 Kanun Tanah Negara 1965.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sila nyatakan jumlah rumah kediaman yang ditukar syarat kegunaan daripada kediaman kepada perniagaan di Pulau Pinang mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Jumlah rumah kediaman yang diluluskan tukar syarat kegunaan oleh PBT daripada kediaman kepada perniagaan di Pulau Pinang ialah sebanyak 1179. Pecahan kelulusan ini mengikut daerah adalah 357 di daerah Seberang Perai Utara, 743 di daerah Seberang Perai Tengah, 36 di daerah Seberang Perai Selatan, 41 di Daerah Timur Laut dan 2 buah di Daerah Barat Daya. Butiran terperinci rumah kediaman di kawasan MPSP dan MBPP masing-masing adalah seperti di Lampiran A dan B.

RUJUK LAMPIRAN A DAN B BDMSM NO 11 (ID 309)

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Nyatakan bilangan kelab malam/kelab hiburan yang terdapat di Pulau Pinang mengikut Daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Terdapat sejumlah 291 kelab malam/kelab hiburan di Pulau Pinang iaitu 14 di Daerah Seberang Perai Utara, 76 di Seberang Perai Tengah, 7 di Seberang Perai Selatan, 157 di Daerah Timur Laut dan 37 di Daerah Barat Daya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sila nyatakan jumlah projek pembinaan perumahan yang masih terbengkalai di Pulau Pinang mengikut daerah dan jika ada apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasinya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Pada masa ini masih terdapat sebuah projek perumahan yang terbengkalai dan sedang menjalani proses pemulihan iaitu Mengkuang Heights, Daerah Seberang Perai Tengah. Pada dasarnya tanggungjawab mengesahkan status projek terbengkalai, menyelaraskan dan memantau usaha-usaha pemulihan merupakan bidang kuasa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Meskipun begitu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetap memainkan peranan bagi perkara tersebut. Antara peranan yang dimainkan adalah sebagai pemudah cara dalam usaha-usaha yang dijalankan melalui kaedah perbincangan dengan pihak pemaju, pihak bank, penduduk dan lain-lain pihak berkepentingan dalam mencari penyelesaian.

Kerajaan Negeri turut memanfaatkan sesi-sesi mesyuarat penyelarasan sebagai *platform* rundingan di antara pemaju atau syarikat penyelamat (*white knight*) bersama agensi-agensy teknikal berkaitan bagi mempercepatkan proses pemulihan sesuatu projek dan menyegerakan proses kelulusan untuk mendapatkan Sijil Layak Menduduki (O.C).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah langkah-langkah tegas yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan agar makanan laut seperti kerang, kepah dan lokan yang ada di perairan Pulau Pinang agar tidak tercemar dan selamat dimakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Bagi memastikan makanan laut di Pulau Pinang seperti kerang, kepah dan lokan tidak tercemar dan selamat untuk dimakan, beberapa langkah bersiap-siaga sentiasa diambil Kerajaan Negeri seperti berikut:
- (i) Menubuhkan pasukan *Task Force* bagi mengatasi isu-isu pencemaran laut, sungai dan pantai yang turut dianggotai agensi pakar dalam perlindungan alam sekitar;
 - (ii) Memastikan permohonan kemajuan berkaitan sungai dan pantai mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran seperti Manual Saliran Mesra Alam, Erosion dan Sediment Control Plan (ESCP) dan garis panduan pembangunan berhadapan sungai;
 - (iii) Melaksanakan kerja-kerja pemulihan dan pencegahan dengan menggunakan teknologi terkini di punca-punca pencemaran seperti Penggunaan *Effective Micro-organism*, Pemasangan *Gross Pollution Trap (GPT) / Log Boom*, pemasangan dan penguatkuasaan *Fat, Oil and Grease Trap (FOG)* di gerai-gerai, kantin, dan premis-premis perniagaan dan pembersihan sungai menggunakan *Infinitesimal Quantum Persistent Reflection Technology (IQPR)*;
 - (iv) Memastikan setiap permohonan pembangunan yang diterima mengikut garis panduan dan undang-undang yang tertakluk di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran;
 - (v) Mengadakan pemeriksaan dan penguatkuasaan secara berkala ke atas premis perindustrian dan loji rawatan kumbahan yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 bagi memastikan pelepasan dari premis tersebut mematuhi had-had yang ditetapkan dalam peraturan. Premis-premis yang gagal mematuhi had pelepasan yang ditetapkan akan dikenakan tindakan perundangan termasuk kompaun dan tindakan mahkamah di samping akan diberi notis supaya meningkatkan kecekapan sistem pengolahan efluen/kumbahan masing-masing supaya dapat mengolah efluen dengan mematuhi had-had yang ditetapkan di bawah akta dan peraturan-peraturan di bawahnya;
 - (vi) Penguatkuasaan terhadap keperluan melantik orang berwibawa (*competent person*) bagi memastikan operasi sistem pengolahan efluen/kumbahan sentiasa dipantau dan diselenggara melalui kaedah *self regulation* di samping pelaporan kualiti efluen yang dilepaskan ke perairan daratan secara atas talian (*online*) kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS);
 - (vii) Mengawal pencemaran air yang berpunca daripada pelaksanaan projek-projek pembangunan dengan menjalankan penguatkuasaan secara berkala ke atas projek-projek pembangunan yang diluluskan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Bagi projek-projek yang tidak tertakluk di bawah AKAS 1974, JAS telah mengeluarkan ulasan dan syor-syor pelaksanaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan agar aspek kawalan hakisan dan kelodakan disyaratkan dalam kelulusan Kebenaran Merancang;

- (viii) Pemantauan kualiti air sungai dan pantai secara berkala oleh JAS bagi memastikan tindakan segera dapat diambil ke atas punca-punca pencemaran jika bacaan parameter kualiti air yang dikesan melebihi piawai yang ditetapkan; dan
- (ix) Menjalankan aktiviti berbentuk pendidikan dan kesedaran awam kepada pihak industri dan orang ramai bagi memastikan masyarakat turut bersama menjaga kualiti air sungai dan pantai.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 15. (a) Sila nyatakan jumlah pengusaha atau penjual VCD lucah yang berjaya ditangkap oleh pihak penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Pulau Pinang mengikut daerah dari Januari 2016 sehingga kini.
- (b) Apakah bentuk tindakan yang telah dikenakan terhadap mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 15. Kegiatan berhubung dengan penjualan dan pengedaran DVD atau VCD filem lucah boleh diambil tindakan di bawah Akta 620, Akta Penapisan Filem 2002. Akta ini dikuatkuasakan oleh Kementerian Dalam Negeri Bahagian Penapisan Filem dan Penguatkuasaan serta Polis Diraja Malaysia.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) secara khususnya tidak mengambil tindakan berkaitan penjualan VCD atau DVD filem lucah. Tindakan oleh KPDNKK berhubung dengan penjualan VCD/DVD adalah di bawah Perintah Perihal Dagangan (Label Cakera Optik) 2010 iaitu undang-undang subsidiari di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Hakcipta 1987. Lazimnya kesalahan adalah kerana tidak melekatkan label cakera optik atau menjual cakera optik cetak rompak. Dari Januari hingga Oktober tahun 2016, sebanyak 14 kes cakera optik membabitkan rampasan sejumlah 22,917 keping VCD/ DVD direkodkan bagi kesalahan berkaitan di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Manakala di pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil telah mengambil tindakan dari segi pencegahan dan pendakwaan di bawah Akta 620, Akta Penapisan Filem 2002, bagi membendung kegiatan yang berkaitan dengan VCD lucah. Dalam hubungan ini, bagi tempoh Januari hingga November 2016, PDRM telah berjaya merekodkan 42 kes tangkapan berkaitan VCD lucah, merangkumi 8 kes di Daerah Timur Laut, 12 kes di Daerah Seberang Perai Utara, 12 kes di Daerah Seberang Perai Tengah, 1 kes di Daerah Seberang Perai Selatan, dan 9 kes di Daerah Barat Daya. Selain daripada tindakan rampasan, tindakan punitif juga diambil terhadap pelaku dan sekiranya bersabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000.00 untuk satu kesalahan atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 16. Semenjak program kempen kitar semula dan program pengasingan sisa di punca dilancarkan, sejauh manakah hasil kejayaan diperolehi oleh Kerajaan Negeri? Nyatakan peratus dan kesan program tersebut dalam memastikan kebersihan di Pulau Pinang di semua peringkat daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 16. Dasar Pengasingan Sisa di Punca mula dikuatkuasakan mulai 1 Jun 2016. Fasa 1 pelaksanaan dasar ini menekankan usaha promosi dan pendidikan kepada penjana sisa. Sehubungan itu, pelbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memaklumkan dan menggalakkan penduduk untuk mengasingkan sisa di punca. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan adalah:
 - (a) Pelaksanaan 16 projek perintis melibatkan semua lapan (8) kategori punca penjanaan sisa yang telah dikenalpasti bagi kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ia melibatkan kampung, kediaman bertingkat, kilang, kompleks beli-belah, kompleks/institusi, Projek Perumahan Rakyat (PPR), taman perumahan dan hotel;

- (b) Pelaksanaan 303 sesi taklimat dan penerangan oleh kedua-dua PBT; dan
- (c) Promosi dasar yang berterusan melalui pelbagai saluran seperti akhbar, media sosial, penganjuran risalah dan pameran yang berterusan.

Bagi memantau keberkesanan dasar ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan dinilai berdasarkan *key performance indicator* (KPI) yang telah ditetapkan. Analisis pencapaian ini akan dinilai pada suku pertama tahun 2017. Dua indikator kejayaan dasar ini yang dalam pemantauan dan penelitian Kerajaan Negeri ialah kadar penjana sisa dan kadar kitar semula selaras dengan sasaran Kerajaan Negeri untuk mencapai 40% kadar kitar semula menjelang tahun 2020.

Berdasarkan rekod sampah yang dilupuskan oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Tapak Pelupusan Pulau Burung bagi tempoh Januari hingga September 2016, terdapat penurunan sebanyak 9,140.83 tan (1.87%) berbanding tempoh yang sama pada tahun 2015. Semenjak pelaksanaan dasar ini mulai bulan Jun 2016, sebanyak 195.56 tan jumlah bahan kitar semula telah berjaya dikutip oleh kedua-dua PBT bagi harta bertanah (taman).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 17. Sejauh manakah produk pelancongan yang bersumberkan kepada rumah tumpangan "Homestay" mampu meningkatkan ekonomi di Pulau Pinang dan jelaskan secara terperinci mengikut tempat dan lokasi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 17. Industri *homestay* adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC). Pada masa kini terdapat 11 *homestay* di Negeri Pulau Pinang yang telah berdaftar dan berlesen di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Dari statistik jumlah pengunjung yang menginap di *homestay* di Pulau Pinang bagi tahun 2015 menunjukkan peningkatan sebanyak 6.34% berbanding tahun 2014 dan telah menjana pendapatan berjumlah RM749,766.00.

Peningkatan ini merangkumi pelancong domestik dan antarabangsa. Manakala bagi sehingga September, tahun 2016 jumlah pelancong yang menginap di *homestay* di Pulau Pinang adalah seramai 3187 orang. Jumlah pengunjung teramai bagi tahun 2016 (sehingga September) adalah di *Homestay* Pulau Aman dengan 1062 pengunjung dan diikuti oleh *Homestay* Jalan Bharu seramai 405 pengunjung. Manakala bagi *homestay* lain secara purata mencatat 100 ke 200 pengunjung sehingga September. Antara perkara penting dalam memastikan industri *homestay* berdaya saing adalah pakej yang ditawarkan dan kawasan persekitaran.

Sebagai contoh *Homestay* Teluk Bahang terletak di kawasan yang berdekatan dengan tumpuan ramai seperti Pantai Batu Ferringhi, Taman Negara Teluk Bahang, Entopia dan sebagainya. Ini secara tidak langsung menarik minat pengunjung untuk menginap di *homestay* berkenaan. Selain itu keunikan sesuatu *homestay* turut memainkan peranan penting dalam menarik minat pengunjung untuk menginap ke *homestay* tersebut sama ada dari aspek kebudayaan, makanan, permainan tradisional dan lain-lain. Ini akan membuka peluang ekonomi tidak hanya kepada pengusaha *homestay* tetapi juga pengusaha-pengusaha industri desa lain seperti makanan, kraftangan dan sebagainya di kawasan berdekatan. Ia akan menjana ekonomi masyarakat setempat sebagai faktor berganda bagi kawasan tersebut. Ini terbukti dengan data-data jumlah kemasukan pelancong dan jualan pakej ke *homestay-homestay* di Pulau Pinang seperti di Lampiran A.

Dalam menyediakan kesiapsiagaan para pengusaha, Kerajaan Negeri turut menyediakan inisiatif-inisiatif bagi membantu dan mempromosikan produk-produk *homestay* seperti mengadakan bengkel pembangunan *homestay*, mengadakan bengkel pelan tindakan pembangunan *homestay*, mengadakan pertandingan *homestay* dengan kerjasama MOTAC dan lain-lain. Di samping itu, pihak berkuasa tempatan juga turut membantu dalam mempromosikan industri *homestay* di kampung-kampung dengan menyediakan papan-papan iklan pengiklanan.

RUJUK LAMPIRAN A BDMSM NO. 17 (ID 325)

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Senaraikan produk-produk pelancongan yang telah disertai oleh golongan bumiputera di negeri ini dari tahun 2010 hingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Sektor pelancongan merupakan sektor yang menyumbang hampir 50% KDNK Negeri Pulau Pinang. Ia mencakupi beberapa bidang termasuklah penginapan, restoran, pengangkutan dan lain – lain. Di antara produk – produk pelancongan yang disertai oleh golongan Bumiputera adalah perusahaan homestay, agropelancongan dan industri kecil dan sederhana. Penglibatan Bumiputera yang ketara dalam sektor pelancongan adalah program homestay dan agropelancongan. Bagi industri homestay, terdapat 11 kluster homestay merangkumi 189 pengusaha yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan di Pulau Pinang dan kesemua pengusaha terdiri daripada golongan Bumiputera. Manakala bagi agropelancongan pula, seramai 497 usahawan Bumiputera yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dan antara produk yang dihasilkan adalah produk berasaskan makanan seperti kuih sejuk beku, pengeluaran minuman berasaskan rosell, pastri, kuih muih dan sebagainya. Selain itu, seramai 138 usahawan Bumiputera industri kecil dan sederhana yang berdaftar dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan produk-produk yang dihasilkan adalah seperti kosmetik berasaskan herba, spa, produk gula-gula pastil, bakeri dan sebagainya.

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa sentiasa mempertingkatkan usaha untuk menambah penglibatan golongan Bumiputera dalam industri pelancongan. Produk yang dihasilkan adalah seperti kosmetik berasaskan herba, spa, produk gula-gula pastil, bakeri dan sebagainya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Berapa jumlah rumah kos rendah dan sederhana yang mampu dibina di Negeri Pulau Pinang mengikut daerah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri Pulau Pinang konsisten dalam usaha memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah sentiasa terpelihara. Bagi merealisasikan objektif ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai dasar perumahan yang bertujuan menggalakkan pembinaan Rumah Mampu Milik (RMM) kategori 'A' (Kos Rendah), kategori 'B' (Kos Sederhana Rendah) dan lain-lain kategori. Susulan daripada dasar-dasar perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008, sejumlah 11,487 unit RMM 'A' dan 9,400 unit RMM 'B' telah siap dibina.

Pada masa ini juga, Kerajaan Negeri sedang merancang lagi 14 projek melibatkan pembinaan sejumlah 9,175 unit RMM 'A' dan 'B' melalui PDC sebagai agensi pelaksana atau tender melalui kaedah *Request for Proposal* (RFP). Senarai lengkap projek, lokasi dan bilangan unit adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDMSM NO. 19 (ID 327)

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Berapa jumlah peruntukan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan pembersihan dan membaik pulih serta memperdalamkan sungai-sungai di negeri ini yang sering tersumbat dan kotor yang boleh menyebabkan banjir dari tahun 2010 hingga kini mengikut daerah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri sentiasa komited di dalam usaha-usaha penyelenggaraan termasuk melaksanakan kerja-kerja memperdalamkan sungai bagi mengelakkan berlakunya banjir. Sejak dari tahun 2010 hingga Oktober 2016, sejumlah RM101,601,445.17 telah diperuntukkan bagi tujuan pembersihan, baik pulih dan mendalamkan sungai-sungai di negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut, RM58,825,829.38 adalah di bawah Peruntukan Mengurus manakala RM42,775,615.79 di bawah Peruntukan Pembangunan Negeri. Perincian peruntukan mengikut daerah adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDMSM NO. 20 (ID 328)

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Sila nyatakan jumlah pelaburan yang berjaya dibawa masuk oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2010 hingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Jumlah pelaburan yang berjaya dibawa masuk oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2010 sehingga Ogos 2016 adalah berjumlah RM46.37 billion. Jumlah yang diterima mengikut tahun adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDMSM NO. 21 (ID 329)

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Nyatakan peluang ekonomi atau perniagaan yang berdaya maju yang telah disediakan atau peluang perniagaan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menaikkan taraf ekonomi golongan Bumiputera di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Dalam usaha menaikkan taraf ekonomi golongan bumiputera di negeri ini, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensinya seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) sememangnya telah menyediakan peluang ekonomi atau perniagaan yang berdaya maju melalui langkah-langkah berikut:-
- (i) Menyediakan kemudahan pinjaman melalui program Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang bagi membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan penjaja dan peniaga kecil. Sehingga Oktober 2016 sejumlah 2,368 peniaga kecil telah menerima pinjaman berjumlah RM10.49 juta dan 1,976 daripadanya, atau 83.4% merupakan peniaga Bumiputera;
 - (ii) Mewujudkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) yang bertujuan memberi dorongan kepada golongan muda dan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya berdaya maju dan berpotensi menjana pendapatan yang lumayan. Setakat Oktober 2016 seramai 47 usahawan tani bumiputera telah menikmati kemudahan ini;
 - (iii) Menyelaras penyertaan usahawan-usahawan bumiputera yang berpotensi dalam program-program jaringan perdagangan dan pepadanan perniagaan di peringkat tempatan dan juga Asean Utara melalui kerjasama pembangunan IMTGT (Indonesia, Malaysia and Thailand Growth Triangle), dewan-dewan perniagaan, persatuan perdagangan dan industri serta agensi-agensi kerajaan pusat yang lain. Antara program-program yang telah dilaksanakan termasuklah:-
 - (a) Penang International Halal Expo & Conference (PIHEC);
 - (b) Medan Fair;

- (c) Thailand Food Exhibition (THAIFEX);
- (d) Muslim World Biz;
- (e) Kelantan International Halal Food Expo (KELCHEF); dan
- (f) Halal Fiesta Malaysia (HALFEST).

Program seumpama ini telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan usahawan dan memberi peluang perniagaan serta pendedahan kepada usahawan-usahawan kecil dan sederhana (SME) bumiputera untuk menerokai pasaran Thailand dan Indonesia. Program-program ini juga menjadi *platform* terbaik kepada usahawan-usahawan mempromosi produk-produk mereka kepada pengguna tempatan di samping meningkatkan jaringan perniagaan dengan pengusaha-pengusaha produk dan perkhidmatan serta industri berkaitan di rantau ini.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut membangunkan premis-premis perniagaan seperti ruang kedai di dalam projek-projek komersil, medan selera (*food court*) bagi peniaga makanan/minuman, pasar awam dan tapak penjaja bagi membolehkan peniaga-peniaga kecil dan sederhana (SME) bumiputera menjalankan perniagaan yang berpotensi untuk menaikkan taraf ekonomi komuniti usahawan bumiputera tempatan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Terangkan langkah-langkah proaktif oleh Kerajaan Negeri melalui bidang pertanian di dalam mengurangkan penggantungan terhadap bahan makanan yang bersumberkan kepada pertanian dari luar negara.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan pertanian sentiasa berusaha bagi mencapai Tahap Sara Diri (*Self sufficient living* – SSL) menjelang 2020. Antara aspek yang dilihat adalah bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan. Ke arah pencapaian SSL ini, antara usaha-usaha yang dilaksanakan melalui agensi yang terlibat adalah seperti berikut:

i. Program Khidmat Pengembangan.

Program ini memberikan penekanan terhadap pembangunan modal insan (latihan, kursus, *Hand-on*, gotong-royong, lawatan) serta pengetahuan dan kemahiran petani yang amat penting dalam pembangunan projek pertanian. Para petani yang merupakan golongan sasaran utama Jabatan Pertanian adalah aset negara yang perlu diuruskan dengan cekap agar mereka dapat terus menyumbang terhadap kesinambungan kesejahteraan negara dan meningkatkan produktiviti hasil tanaman.

ii. Program Perkhidmatan Kejenteraan Pertanian.

Program ini diwujudkan sebagai satu usaha untuk menggalakkan mekanisasi sepenuhnya di dalam operasi ladang selain sebagai satu kaedah pengembangan penyaluran teknologi kepada kumpulan sasaran.

iii. Program Pembangunan Industri Tanaman Padi.

Program ini diwujudkan bagi membangunkan tanaman padi yang merupakan teras industri pertanian negara. Di bawah program ini, beberapa projek yang berkaitan dengan pembangunan industri tanaman padi disediakan sebagai usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi kualiti dan kuantiti pengeluaran makanan negeri dengan pengamalan teknologi terkini dan peningkatan infrastruktur ladang.

iv. Program Pembangunan Industri Tanaman Buah-buahan.

Program ini memberi fokus kepada usaha dan pengenalan teknologi tinggi kepada petani agar keluasan kawasan yang kecil dapat mengeluarkan hasil yang lebih produktif dan berkualiti setanding dengan negeri-negeri lain yang mengusahakan tanaman industri tanaman pada skalanya yang lebih besar.

- v. **Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran.**
Program ini memberi fokus kepada usaha pengenalan teknologi tinggi kepada petani bagi membolehkan keluasan kawasan yang kecil ini mengeluarkan hasil yang lebih produktif dan berkualiti setanding dengan negeri-negeri lain yang mengusahakan tanaman industri tanaman pada skala yang lebih besar.
- vi. **Program Pembangunan Lain-lain Tanaman Ekonomi.**
Program ini diwujudkan bagi membolehkan Jabatan membantu petani dan usahawan tani dalam mengenal pasti dan membangunkan lain-lain tanaman atau komoditi yang berpotensi sebagai sumber alternatif yang mampu menjana pendapatan dalam bidang pertanian. Antara tanaman yang dilihat mempunyai potensi yang baik ialah bunga-bunga, rempah ratus, herba dan cendawan.
- vii. **Program Perkebunan Komuniti.**
Program Perkebunan Komuniti (*Community Farming*) adalah program sosio-ekonomi yang dirancang khusus untuk memenuhi keperluan bahan makanan dan mengurangkan kos sara hidup masyarakat di Negeri Pulau Pinang. Program ini juga mampu mendidik rakyat memahami tentang kepentingan pertanian dalam kehidupan harian.
- viii. Penggalakkan pengusaha pengeluaran tanaman makanan menyediakan baja dan bahan kawalan serangga secara organik yang menjurus kepada penggunaan sisa-sisa makanan dan herba sebagai bahan semula jadi bagi membantu pertumbuhan tanaman.
- ix. **Program Pembangunan Ternakan.**
Memberi penumpuan kepada komoditi utama iaitu daging lembu, daging kambing, daging ayam itik, daging khinzir, telur ayam itik dan susu lembu. Pelan yang dirangka adalah merupakan perancangan untuk mengurangkan defisit perdagangan agro-makanan negara melalui peningkatan pengeluaran komoditi yang boleh dihasilkan dalam negeri.
- x. **Tabung Usahawan Tani Muda.**
Skim Mikro Kredit Tabung Usahawan Tani Muda merupakan satu program pinjaman tanpa faedah yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri kepada usahawan tani muda yang berusia bawah 40 tahun dan ke bawah. Skim ini bertujuan bagi menambah minat dan bilangan golongan belia sebagai pelapis bagi memastikan kelestarian bidang pertanian dan industri asas tani.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 24. Nyatakan jumlah peruntukan pembangunan untuk pencegahan banjir bagi Daerah Seberang Perai Tengah dari tahun 2014 hingga kini dan nyatakan langkah-langkah mengatasi banjir di Daerah Seberang Perai Tengah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 24. Jumlah peruntukan pembangunan untuk pencegahan banjir bagi Daerah Seberang Perai Tengah dari tahun 2014 hingga Oktober 2016 adalah berjumlah RM35,504,196.15 yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Tengah (PDTSTPT).

Perincian peruntukan pembangunan bagi tujuan tersebut adalah seperti di Lampiran A bagi JPS, Lampiran B bagi MPSP dan Lampiran C bagi PDT SPT.

Antara langkah-langkah mengatasi banjir di Daerah Seberang Perai Tengah yang telah dilaksanakan termasuklah:

- (i) Menaik taraf parit dan pintu air serta membina Rumah Pam Kawalan Banjir di taman-taman perumahan lama yang menghadapi masalah banjir;
- (ii) Memastikan pihak pemaju mematuhi dan mengikut garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk mereka bentuk sistem perparitan bagi semua cadangan pembangunan baru;

- (iii) Pemantauan ke atas semua projek pembangunan baru dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan pemaju mengikut spesifikasi Pelan Jalan dan Parit yang ditetapkan terutama dari segi penyediaan kolam tadahan dan penyelenggaraan parit-parit dalam kawasan pembangunan yang sedang dilaksanakan;
- (iv) Menjalankan pembersihan parit-parit monsun dari masa ke semasa bagi mengelakkan saluran tersumbat; dan
- (v) Menubuhkan Pasukan Skwad Khas yang terdiri daripada Pasukan Respon Kejuruteraan dan Pasukan Respon Perbandaran MPSP bagi membantu membersihkan sampah yang dihanyutkan oleh air ke perangkap sampah semasa banjir dan sampah yang menyebabkan saluran tersumbat supaya aliran air berjalan lancar.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Berapakah jumlah lesen tangkapan ikan yang dikeluarkan kepada para nelayan pantai dari tempoh 2010 hingga 2016? Apakah kriteria yang perlu ada pada seseorang nelayan itu bagi membolehkannya mendapat lesen tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Berdasarkan rekod, sebanyak 435 permohonan lesen nelayan baru telah diluluskan sejak tahun 2010 seperti berikut:

Tahun	Bilangan Lesen
2010	0
2011	77
2012	353
2013	1
2014	3
2015	0
2016	1
Jumlah	435

Bagi permohonan lesen vessel baru, permohonan perlu dikemukakan kepada Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Malaysia Putrajaya untuk pertimbangan. Antara kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) Nelayan tulen yang mempunyai sampan dan peralatan penangkapan ikan sendiri;
- (ii) Mengusahakan sampan dengan sendiri;
- (iii) Punca pendapatan utama adalah daripada aktiviti penangkapan ikan;
- (iv) Bekerja sekurang-kurangnya 120 hari dalam setahun dalam aktiviti penangkapan ikan;
- (v) Mendapat sokongan dari Ketua Unit Nelayan Tempatan; dan
- (vi) Lulus temuduga yang mana panelnya terdiri dari Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan kawasan serta mendapat kelulusan dari Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Malaysia, Putrajaya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Sejauh manakah projek pemeliharaan dan penternakan ikan sangkar atau air tawar dan udang secara komersial dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri? Senaraikan tempat-tempat projek ini dilaksanakan dan sejauh mana ia masih beroperasi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Rancangan Struktur Negeri 2020 pada tahun 2007 telah mengazetkan lima (5) kawasan sebagai Zon Industri Akuakultur - ZIA iaitu di Kuala Muda – Penaga, Sungai Udang, Pulau Aman, Pulau Rimau dan Pulau Kendi. Penternakan ikan sangkar yang telah bermula sejak tahun 1960-an terus berkembang dan menjadi antara penyumbang kepada sumber perikanan Pulau Pinang. Berdasarkan rekod Jabatan Perikanan, sehingga kini seramai 309 pengusaha ikan sangkar dan kolam yang aktif di Pulau Pinang menghasilkan pengeluaran 28,965 metrik tan (MT) ikan pada tahun 2015 dengan nilai RM601.5 juta. Kerajaan Negeri amat menyokong usaha usahawan sangkar ini melalui beberapa kaedah, antaranya melalui pemberian lesen pendudukan sementara (TOL) bagi pemohonan yang layak di lokasi yang digazetkan sebagai zon akuakultur. Kerajaan Negeri juga dalam usaha mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Pesisir Pantai di ZIA Penaga.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Apakah daya usaha atau inisiatif Kerajaan Negeri melalui bidang pelancongan bagi memajukan sektor pelancongan peringkat domestik contohnya membangun dan mengindahkan kawasan sekitar Sungai Pengkalan Tambang yang jika dimajukan boleh menarik minat ramai pengunjung untuk beristirehat dikawasan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Antara inisiatif Kerajaan Negeri dalam memajukan sektor pelancongan peringkat domestik supaya kekal menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri adalah dengan menjalankan beberapa aktiviti dan program yang dilihat mampu memberi kesan kepada pelancongan domestik seperti berikut :
- (i) Penganjuran karnival homestay. Karnival homestay dilihat mampu menjadi serampang dua mata dari segi pembentukan kemahiran interpersonal kepada pengusaha *homestay* dan juga memperkenalkan industri homestay di kalangan masyarakat.
 - (ii) Pendekatan kebudayaan turut diusahakan oleh Kerajaan Negeri melalui penganjuran malam kebudayaan di setiap daerah dan Karnival Wau Warisan yang telah diadakan pada tahun ini di Seberang Perai Utara.
 - (iii) Kerajaan Negeri dengan kerjasama beberapa agensi negeri dan persekutuan telah menganjurkan bengkel *bird watching* yang dihadiri oleh penduduk-penduduk sekitar, pengusaha homestay, persatuan pemandu pelancong dan orang perseorangan di mana para peserta akan disenaraikan di laman sesawang Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang untuk melayakkan mereka untuk mengendalikan aktiviti *bird watching* secara profesional . Secara tidak langsung program seperti ini dilihat sebagai nilai tambah bagi pelancongan peringkat domestik sama ada dari segi peluang pekerjaan dan faktor berganda ekonomi kepada masyarakat serta tambahan kepada pakej-pakej pelancongan sedia ada.
 - (iv) Pemberian inisiatif kepada pengayuh beca di Pulau Pinang oleh Kerajaan Negeri turut dilihat mampu mengekalkan identiti pelancongan peringkat domestik dan antarabangsa dalam usaha mengekalkan beca sebagai satu warisan negeri.
 - (v) Kerajaan Negeri melalui inisiatif mempromosikan Pulau Pinang telah mencetak risalah – risalah seperti Penang Travel Map (Bahasa Melayu, Cina dan Inggeris), Penang Food Trail, Seberang Perai Food Trail, Birdwatching, kalender pelancongan dan sebagainya untuk menarik minat pelancong untuk mengunjungi Pulau Pinang.
 - (vi) Melancarkan kempen di stesen-stesen radio di seluruh negara (Mix FM, Light FM, Sinar FM, Melody FM) untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi domestik yang menarik.
 - (vii) Melancarkan kempen melalui media sosial turut dipergiatkan untuk menggalakkan pelancong domestik ke Pulau Pinang, di samping mempromosikan acara-acara pelancongan dan produk-produk pelancongan melalui Facebook Penang Global Tourism dan George Town Penang.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri masih belum mempertimbangkan sebarang cadangan secara khusus untuk projek-projek pengindahan kawasan-kawasan sungai di Pulau Pinang. Namun begitu, peruntukan kepada agensi-agensi negeri seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Pengairan dan Saliran secara tidak langsung dapat mengindahkan kawasan-kawasan tersebut dan dijadikan kawasan riadah masyarakat.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Nyatakan jumlah penumpang yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi Tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014, 2015 dan sehingga 30 September 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Seramai 36,238,305 orang penumpang telah menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) mulai tahun 2010 sehingga 30 September 2016. Perincian jumlah penumpang yang menggunakan LTAPP mengikut tahun adalah seperti di bawah. Perancangan awal reka bentuk LTAPP adalah untuk memuatkan penumpang pada kapasiti 6.5 juta orang setahun sehingga tahun 2020. Walau bagaimanapun, peningkatan jumlah penumpang tahunan sehingga 2015 menunjukkan tren peningkatan yang semakin menghampiri jumlah kapasiti maksimum tersebut. Justeru, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah memohon peruntukan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri melalui *Rolling Plan 2*, Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) bagi cadangan pembesaran bangunan terminal LTAPP untuk menampung 11.5 juta penumpang setahun. Kapasiti ini dijangka akan dicapai pada tahun 2027. Permohonan tersebut masih dalam pertimbangan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri .

TAHUN	JUMLAH PENUMPANG (Orang)
2010	4,166,969
2011	4,600,274
2012	4,767,815
2013	5,487,751
2014	6,041,583
2015	6,258,756
2016	(Jan – 30 September) 4,915,157
JUMLAH KESELURUHAN	36,238,305

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Saya menerima aduan dan rungutan daripada orang ramai berkaitan kekerapan kerosakan Mesin CT Scan di Hospital Seberang Jaya. Ini menyebabkan para pesakit ditangguhkan tarikh dijalankan prosedur tersebut.
- (a) Apakah pelan kontingensi yang diwujudkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri dalam menangani isu ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang mengambil maklum masalah teknikal yang kadang kala berlaku ke atas kemudahan mesin CT Scan di Hospital Seberang Jaya. Mesin tersebut telah digunakan bagi tempoh lebih 10 tahun. Langkah kontingensi yang telah diambil Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Merujuk kes kritikal ke hospital kerajaan atau swasta berhampiran yang mempunyai fasiliti yang sama; dan

- (ii) Membuat permohonan penggantian Mesin CT Scan baharu yang dijangka akan diperolehi pada tahun 2017.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 30. Rungutan diterima daripada orang ramai di Seberang Perai Selatan yang menyatakan tiada perkhidmatan X-Ray yang ditawarkan di Klinik-Klinik Kerajaan di sana kecuali di Hospital Sungai Bakap sahaja yang ada.
 - (a) Apakah perancangan Jabatan Kesihatan untuk mengisi kekurangan ini memandangkan X-Ray merupakan kemudahan asas yang sangat diperlukan berbanding dengan yang lain?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 30. Jabatan Kesihatan Negeri mempunyai perancangan untuk memasang mesin X-Ray di Klinik Kesihatan Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan. Penempatan mesin X-Ray ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2018. Buat sementara waktu penggunaan mesin X-Ray di Hospital Sungai Bakap perlu dikekalkan.

XVIII. Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 1. Bila LRT akan dibina dan kos pembinaan.
 - (a) Adakah kajian kebolehlaksanaan dan reka bentuk telah siap.
 - (b) Adakah laporan EIA telah dimulakan dan adakah telah dikemukakan kepada JAS
 - (c) Adakah cadangan tersebut perlu dirujuk kepada SPAD, jika ada bila dan keputusannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 1. Mengikut perancangan asal, pembinaan projek LRT Fasa 1 iaitu Jajaran KOMTAR - Bayan Lepas dijangka bermula pada awal tahun 2018 dan anggaran kos yang terlibat adalah sebanyak RM7billion.
 - (a) Kajian Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA) atau kebolehlaksanaan sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri dan dijangka siap hanya pada bulan Disember 2016. Reka bentuk terperinci hanya akan dimulakan setelah kelulusan wajib seperti DEIA diperolehi daripada Jabatan Alam Sekitar dan skim rel diperolehi daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).
 - (b) Laporan DEIA sedang dijalankan dan dijangka akan diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada bulan Disember 2016 setelah semua dapatan dan hasil kajian selesai.
 - (c) Kerajaan Negeri perlu mendapatkan kelulusan dari pihak SPAD untuk pembinaan projek LRT. Permohonan telah dikemukakan kepada pihak SPAD pada 29 Mac 2016 dan kini masih dalam penelitian SPAD.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 2. Dari tahun 2008 hingga 30.9.2016 senaraikan:
 - (a) Mengikut tahun, tarikh, tempat lawatan, kos lawatan dan tujuan lawatan oleh YAB.KM dan setiap Ahli MMK ke Luar Negara.
 - (b) Mengikut tahun, tarikh, tempat lawatan, kos lawatan dan tujuan lawatan oleh YAB.KM dan setiap Ahli MMK ke Singapura.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Pada tahun 2008 sehingga September 2016 YAB Ketua Menteri dan ahli MMK telah mengadakan sebanyak 245 lawatan ke luar negara, semuanya dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Lawatan-lawatan tersebut melibatkan kos sebanyak RM8,232,173.68 dan ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pecahan jumlah lawatan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	Bilangan Lawatan	Kos Lawatan (RM)
2008	9	180,208.23
2009	27	550,800.00
2010	17	531,592.57
2011	37	1,871,123.34
2012	24	654,683.20
2013	16	444,968.60
2014	46	1,277,940.00
2015	35	1,942,708.79
2016 (sehingga September)	34	778,148.95
Jumlah	245	8,232,173.68

- (i) Lawatan-lawatan telah mendatangkan banyak manfaat kepada Kerajaan Negeri untuk meningkat keupayaan dalam pelbagai aspek termasuk Ekonomi & Perhubungan Antarabangsa, Pelancongan & Alam Sekitar, Pertanian / Asas Tani, Pendidikan, Perubatan dan Teknologi & Perindustrian.
- (ii) Melalui lawatan ini, pelbagai idea baru dapat dijana bagi menambahkan hasil ekonomi negeri dalam pelbagai sektor terutamanya yang berkaitan dengan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana. Selain itu, lawatan ini juga mampu mengukuhkan persahabatan antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Xiamen, China, mengeratkan hubungan ekonomi dan perdagangan antara Pulau Pinang dan China serta menarik minat pelabur-pelabur China ke Pulau Pinang.
- (iii) Di samping itu, lawatan ini membantu dalam mempromosikan produk-produk keluaran usahawan Negeri Pulau Pinang dan mewujudkan rangkaian kerjasama antara *International Stakeholders and private sectors*. Lawatan ini membolehkan pertemuan bersama para pelabur dalam bidang elektronik dan ICT serta mewujudkan rangkaian diplomatik dan kerjasama dengan negara luar dalam pembangunan industri halal.
- (iv) Bagi aspek Alam Sekitar, lawatan ini dapat mewujudkan hubungan kerjasama antara negara merangkumi aspek penjimatan tenaga, proses kitar semula, pengurusan sisa pepejal, langkah-langkah menangani pemanasan global dan sebagainya. Manakala dari aspek pelancongan, lawatan yang diatur merupakan satu strategi dan pendedahan untuk menyakinkan pengusaha hotel dan agensi perlancongan kepada potensi pelancongan yang ada di Negeri Pulau Pinang.
- (v) Bagi aspek pertanian/asas tani pendedahan dan manfaat berkaitan amalan pertanian yang baik, amalan perternakan yang baik, piawaian kualiti dan penggunaan bioteknologi dalam pengurusan pengeluaran makanan yang merangkumi sub-sektor tanaman, ternakan dan perikanan berjaya dicapai. Lawatan ini juga dapat mengenalpasti teknologi atau sistem terkini yang berkaitan dengan industri pemprosesan makanan laut yang sesuai untuk digunapakai di Pulau Pinang. Melalui lawatan ini juga pengurusan ladang ternakan khinzir, rawatan air ladang ternakan menggunakan spirulina dan penjanaan tenaga diperbaharui dari sisa buangan ladang ternakan dapat diperolehi.

- (vi) Mengenai aspek pendidikan pula, lawatan ini dapat meningkatkan pengetahuan tentang hal ehwal antarabangsa serta dapat bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman berkaitan tugas sebagai wakil rakyat dengan rakan-rakan dari negara -negara Komanwel. Di samping itu, lawatan sebegini juga menjadi platform untuk merapatkan hubungan di antara pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan pelajar-pelajar Malaysia termasuk pelajar-pelajar daripada Pulau Pinang yang sedang menuntut di luar negara.

Dari aspek perubatan ianya mewujudkan dan memberi peluang untuk mencipta dan mendapatkan idea baru bersama delegasi luar bagi memperkenalkan Pulau Pinang sebagai destinasi bandar perubatan.

Bagi aspek teknologi pula, Kerajaan Negeri mendapat pendedahan dan mempelajari tentang teknologi GIS dan inovasi memproses dan memberi kelulusan kebenaran merancang (e-Submission) di dalam masa yang singkat.

Manfaat dan pencapaian yang diperolehi dari aspek perindustrian melalui lawatan ini adalah mempelajari kaedah dan inovasi baru di dalam meningkatkan perkhidmatan perancangan taman industri, dan industri perkhidmatan bagi menjana dan meningkatkan ekonomi negeri.

Lawatan-lawatan yang telah diadakan bertujuan memberi manfaat kepada kemajuan pembangunan Negeri Pulau Pinang. Setiap lawatan yang diadakan telah dirancang dengan teliti dan mempunyai objektif tertentu yang akan menyumbang ke arah pembangunan Negeri Pulau Pinang untuk kesejahteraan rakyat di Negeri Pulau Pinang.

- (b) Dari tahun 2008 sehingga September 2016 sebanyak 19 lawatan telah dilakukan ke Singapura dengan kelulusan Mesyuarat EXCO, melibatkan kos berjumlah RM322,896.20 dan ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2010 dan 2014, tiada lawatan ke Singapura dilakukan. Pecahan terperinci lawatan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	Bilangan Lawatan	Kos Lawatan (RM)
2008	1	32,280.00
2009	4	27,631.00
2010	-	-
2011	2	6,291.00
2012	2	9,069.20
2013	3	22,970.00
2014	-	-
2015	4	209,785.00
2016 (sehingga September)	3	14,870.00
Jumlah	19	322,896.20

Antara tujuan lawatan Y.A.B. Ketua Menteri dan ahli MMK ke Singapura adalah seperti berikut:-

- (i) Menggalakkan kerjasama antarabangsa dan pembangunan global dalam bidang keusahawanan, perdagangan, sains teknologi dan penjenamaan dikalangan usahawan di Pulau Pinang serta mendedahkan idea-idea pembangunan, pengurusan dan peraturan global bagi keusahawanan alternatif.

- (ii) Sebagai jemputan daripada Chairman Singapore Institute of International Affairs untuk Y.A.B. Ketua Menteri menjadi panel perbincangan bertajuk "*Political Challenges - Leadership In Turbulent Times*" dalam forum yang bertemakan "Risks & Opportunities" serta jemputan rasmi dari Walton Morais, Head of Training untuk memberi taklimat bertajuk "*Winds of Political Change in Malaysia: Can the Opposition Alliance Hold*".
- (iii) Mempromosikan kempen Tahun Melawat Pulau Pinang 2010-2012 secara lebih meluas serta mempromosi produk-produk sedia ada dan baru yang terdapat di Pulau Pinang.
- (iv) Mendapat pendedahan dan pembelajaran secukupnya dari segi teknik-teknik pameran serta teknologi terkini yang digunakan di dalam bidang ini untuk diaplikasikan di muzium baru di Negeri Pulau Pinang yang terletak di Bangunan No. 57 Jalan Macalister.
- (v) Memperkasakan pengetahuan mengenai sistem perancangan, kawasan bandar pintar yang baharu merangkumi pembinaan rumah mampu milik dan sistem pengangkutan yang cekap dan efisien melalui pendedahan kepada pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan dan Big Data Analytics yang bakal dilaksanakan tidak lama lagi.
- (vi) Mendapat panduan penempatan bagi warga asing lebih tersusun dan teratur di kawasan Pulau Pinang dengan mengambil langkah pendekatan dan pengasingan kediaman warga asing daripada penduduk tempatan.
- (vii) Sebagai platform terbaik untuk proses pengenalan dan pemahaman terhadap pengurusan pusat-pusat pertandingan dan aspek teknikal pertandingan sukan yang dianjurkan termasuk mengunjungi Sekolah Sukan Singapura yang terkenal di benua asia.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 3. Pemberhentian pekerja dalam sektor pembuatan di Pulau Pinang.
 - (a) Nyatakan jumlah pekerja yang telah diberhentikan kerja sehingga 30.9.2016.
 - (b) Senaraikan mengikut nama kilang dan jumlah yang telah diberhentikan dan sebab-sebab diberhentikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 3. Mengikut rekod InvestPenang, bilangan pemberhentian pekerja oleh syarikat multinasional yang beroperasi di Pulau Pinang sejak 2015 sehingga 30 Sep 2016 adalah seramai 2,491 orang dan perinciannya adalah seperti berikut:

No.	Syarikat	Tarikh Tamat	Jangkaan Bil. Pekerja Tempatan Yang Diberhentikan	Sebab Pemberhentian
1.	Fairchild	Sep 15	1,350	Penutupan kilang kerana pemberhentian penghasilan produk
2.	Amphenol	Oct 15	150	Menutup salah satu kilang dan mengalihkan operasi tersebut ke negeri China
3.	HGST Technologies Malaysia Sdn Bhd	Jun 16	350	Penutupan kilang kerana pemberhentian penghasilan produk.
4.	Western Digital	Jul 16	400	Kilang tidak ditutup; hanya operasi Slider dihentikan dan berpindah ke Thailand
5.	TS Solartech	Sep 16	241	Pembuangan pekerja baru akibat lebih produktiviti dan pemberhentian pekerja lebihan.
		Jumlah	2,491	

Walaupun berlaku pemberhentian pekerja, pada masa yang sama peluang pekerjaan juga diwujudkan hasil daripada pelaburan baru ataupun pelaburan semula dari sektor pembuatan mahupun sektor perkhidmatan seperti Global Business Service. Pulau Pinang hanya merekodkan kadar pengangguran 1.5%, iaitu antara paling rendah dalam negara, dimana masih wujud kekurangan 20,000 pekerja di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Bila Projek Taman di atas laut Gurney Wharf akan dibina.
- (b) Berapakah kos menambak Persiaran Gurney, kos, keluasan tambakan dan siapakah yang akan menanggung kos tersebut.
- (c) Adakah kerja penambakkan telah dimulakan dan dijangka siap.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Gurney Wharf adalah projek Taman Awam yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri dan akan dibangunkan oleh Tanjung Pinang Development Sdn Bhd sebagai tanggungjawab sosial syarikat. Gurney Wharf akan dibina selepas penambakan laut di Persiaran Gurney siap iaitu pada Jun 2018.
- (b) Kawasan yang akan ditebus guna di Persiaran Gurney adalah seluas 131 ekar dan kos untuk menebusguna tanah adalah ditanggung oleh Tanjung Pinang Development Sdn Bhd. Kos (menebus guna tanah dianggar sebanyak RM365 juta.)
- (c) Kerja-kerja penambakan telah bermula pada bulan Julai tahun 2016 dan dijangka siap pada bulan Jun tahun 2018.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Di Sukan SUKMA XVIII di Sarawak, Pulau Pinang mensasarkan 30 pingat emas. Adakah sasaran tersebut tercapai?
 - (a) Jika sasaran tidak tercapai, kenapa? Huraikan dengan terperinci.
 - (b) Sejauh manakah perkembangan pembangunan Sukan di Negeri ini sejak tahun 2008?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sasaran pungutan pingat emas Kontinjen Pulau Pinang untuk penyertaan di Sukan Malaysia (SUKMA) XVIII Sarawak 2016 adalah sebanyak 30 butir pingat emas. Sasaran ini telah dibuat oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) bersama dengan Persatuan Sukan Negeri berdasarkan kepada prestasi semasa atlet-atlet yang terpilih untuk mengambil bahagian dalam acara sukan yang dipertandingkan di SUKMA XVIII Sarawak 2016.

Walaupun bagaimanapun, pencapaian sebenar Kontinjen Pulau Pinang di SUKMA XVIII Sarawak 2016 hanya 26 pingat emas, 12 pingat perak dan 29 pingat gangsa dan menduduki tempat ke-6 daripada 15 negeri yang mengambil bahagian.

Walaupun tidak mencapai sasaran 30 pingat emas, pencapaian atlet SUKMA XVIII Sarawak 2016 telah menunjukkan peningkatan dari segi pungutan pingat dan kedudukan kontinjen berbanding pencapaian semasa di temasya SUKMA XVII Perlis 2014 di mana Kontinjen Pulau Pinang hanya berjaya meraih sebanyak 24 pingat emas, 21 pingat perak dan 30 pingat gangsa dan menduduki tempat ke-7 daripada 15 negeri yang mengambil bahagian.

- (a) Pulau Pinang hanya mengambil bahagian dalam 22 daripada 24 acara sukan yang dipertandingkan semasa SUKMA 2016. Dalam 22 acara sukan yang disertai, Kontinjen Pulau Pinang menasaskan hanya 14 acara sukan yang akan dapat menyumbangkan pingat emas berdasarkan kepada prestasi semasa atlet. Sukan-sukan yang disasarkan untuk meraih pingat emas adalah renang, angka berat, badminton, gimnastik, karate, memanah, olahraga, perahu layar, pencak silat, sepak takraw, skuasy, taekwondo, tinju dan wushu.

Daripada 14 sukan tersebut, empat (4) acara sukan tidak berjaya menepati sasaran yang ditetapkan iaitu olahraga, skuasy, taekwondo dan tinju. Tiga (3) acara sukan yang berjaya melepasi sasaran pungutan pingat emas ialah karate, pencak silat dan renang dan satu (1) sukan yang tidak disasarkan untuk mendapat pingat emas tetapi berjaya meraih pingat emas adalah pasukan Hoki Lelaki.

Kelemahan perancangan serta pelaksanaan program latihan untuk sukan khususnya bagi sukan olahraga, skuasy, taekwondo dan tinju di peringkat persatuan sukan negeri merupakan salah satu penyebab kontingen negeri tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Perancangan dan pelaksanaan program latihan oleh persatuan sukan negeri perlu diperbaiki dan ditambahbaik untuk memastikan acara-acara ini mampu menghasilkan pingat emas di SUKMA yang akan datang.

- (b) Perkembangan sukan di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 boleh dinilai dari segi pencapaian Kontinjen Pulau Pinang dalam temasya SUKMA yang diadakan setiap dwi tahunan. Pencapaian Kontinjen Pulau Pinang di temasya SUKMA sejak tahun 2008 menunjukkan prestasi kejayaan yang sederhana baik di mana kedudukan kontinjen negeri berada dalam lingkungan tempat ke-6 hingga tempat ke-10. Mulai tahun 2011, kedudukan Negeri Pulau Pinang di temasya SUKMA bertambah baik. Kedudukan Kontinjen Negeri pada tahun 2013 dan 2014 di pada tangga ke-7 secara keseluruhannya dan pada tahun 2011, 2012, dan 2016, Kontinjen Negeri berada pada kedudukan ke-6 daripada 15 buah negeri yang mengambil bahagian. Negeri Pulau Pinang masih lagi berusaha gigih untuk mencapai kegemilangan untuk kembali ke 3 tangga terbaik sebagaimana yang pernah dikecapi pada SUKMA tahun 1988, 1990, dan 2006. Perincian pencapaian Kontinjen Pulau Pinang di temasya SUKMA sejak tahun 2008 hingga 2016 adalah seperti di bawah:

Tahun	Tuan Rumah	Pungutan Pingat	Kedudukan
2008	Terengganu	27 Emas, 31 Perak, 47 Gangsa	8
2010	Melaka	29 Emas, 34 Perak, 39 Gangsa	10
2011	Majlis Sukan Negara (Kuala Lumpur)	6 Emas, 10 Perak, 12 Gangsa	6
2012	Pahang	32 Emas, 18 Perak, 21 Gangsa	6
2013	Majlis Sukan Negara (Kuala Lumpur)	9 Emas, 19 Perak, 21 Gangsa	7
2014	Perlis	24 Emas, 21 Perak, 30 Gangsa	7
2016	Sarawak	26 Emas, 12 Perak, 29 Gangsa	6

Dilihat dari segi pencapaian atlet di peringkat antarabangsa pula, Pulau Pinang boleh dikatakan berjaya melahirkan atlet yang cemerlang yang mampu bersaing dan mencipta nama di peringkat antarabangsa. Antara pencapaian cemerlang atlet yang mengharumkan nama Negeri Pulau Pinang di peringkat antarabangsa termasuklah:

- (i) Goh Jin Wei yang menjuarai kejohanan Badminton Yonex BWF Remaja Dunia di Lima Peru pada November 2015;
- (ii) Dato' Lee Chong Wei yang memenangi Pingat Perak Sukan Badminton di Olimpik 2018, 2012 dan 2016;
- (iii) Chan Peng Soon yang memenangi Pingat Perak Sukan Badminton di Olimpik 2016;
- (iv) Muhammad Danish Aizad yang memenangi Pingat Perak di Kejohanan Wushu Remaja Dunia 2016; dan
- (v) Zulhelmi Md Pisol yang juga memenangi Pingat Perak di Sukan Komanwel 2014

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah benar kenyataan saya bahawa Syarikat gergasi yang lama melabur di Pulau Pinang telah menutup atau mengecilkan perniagaan mereka? Jika ada, huraikan secara terperinci dan senaraikan kilang tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Pada keseluruhannya terdapat lebih dari 300 buah syarikat multinasional (MNC) yang beroperasi di Pulau Pinang dan berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2015, seramai 283,700 ribu orang bekerja dalam sektor pembuatan di Pulau Pinang.

Memang terdapat syarikat MNC yang telah menutup atau mengecilkan perniagaan mereka tetapi bilangan agak kecil berbanding dengan syarikat MNC yang telah beroperasi di negeri ini. Kebanyakan syarikat gergasi terawal yang menerajui industri elektronik di Pulau Pinang seperti AMD, Hewlett Packard (sekarang Agilent), Intel, Hitachi (sekarang Renesas), Bosch dan Osram masih mengekalkan operasi mereka di negeri ini.

Hanya 5 syarikat MNC yang menghentikan operasi mereka di negeri ini. Antara sebab-sebab utama pemberhentian operasi oleh syarikat MNC ini adalah kerana mengalihkan operasi ke negara lain, memberhentikan productline dan keluar dari segmen perniagaan sedia ada. Senarai syarikat yang telah menghentikan operasi tersebut adalah seperti berikut:

No.	Syarikat	Tarikh Tamat	Jangkaan Bil. Pekerja Tempatan	Sebab-sebab henti operasi
1.	Fairchild	September 2015	1,350	Penutupan kilang kerana pemberhentian <i>productline</i>
2.	Amphenol	Oktober 2015	150	Menutup salah satu kilang dan mengalihkan operasi tersebut ke Negara China
3.	HGST Technologies Malaysia Sdn. Bhd.	Jun 2016	350	Penutupan kilang kerana pemberhentian <i>productline</i> . Perniagaan HGST diambilalih oleh WD.
4.	Western Digital	Julai 2016	400	Kilang tidak ditutup; hanya operasi Slider dihentikan dan dikembalikan ke Thailand
5.	TS Solartech	September 2016	241	Pembuangan pekerja baru akibat ramalan perniagaan yang tidak ditepati
Jumlah			2,491	

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan Tabung Perumahan Awam dan Mampu Milik sebanyak RM500 juta. Senaraikan lokasi, jumlah unit dan harga seunit yang telah dibina dan dalam perancangan oleh Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dalam proses pembinaan dan perancangan untuk melaksanakan sejumlah empat belas (14) projek perumahan mampu milik melibatkan penyediaan sejumlah 26,255 unit kediaman pelbagai kategori di lokasi seperti berikut:-

- (i) Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya (mengandungi 694 unit. 346 unit RMM 'B' dijual pada harga RM72,500 dan 348 RMM 'C' pada harga antara RM250,000 ke RM330,000)
- (ii) Kampung Jawa, Butterworth, Seberang Perai Utara (707 unit. 353 unit RMM 'B' dijual pada harga RM72,500 dan 354 unit RMM 'C' pada harga RM200,000 ke RM250,000)
- (iii) Fasa 1, 4, 7, 8, 11, 16, 19, 22, 23 & 25 di Bandar Cassia, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (3,382 RMM 'B' pada harga RM42,000 dan 8,428 RMM 'C' pada harga antara RM168,000 ke 220,000.
- (iv) Pintasan Cecil, Georgetown, Daerah Timur Laut (348 unit RMM 'B' harga RM72,500). Masih dalam perancangan.
- (v) Ampang Jajar, Seberang Perai Utara (1200 unit). 600 unit RMM 'B' pada harga RM72,500 dan 600 unit RMM 'C' pada harga yang akan ditetapkan kemudian juga masih di peringkat perancangan.
- (vi) Mak Mandin, Seberang Perai Utara; (187 unit RMM 'A' pada harga RM42,000). Dalam Perancangan.
- (vii) Juru, Seberang Perai Tengah (1600 unit). 800 unit RMM 'B' pada harga RM72,500 dan 800 unit RMM 'C' pada harga yang akan ditetapkan kemudian. Dalam Perancangan.
- (viii) Jelutong, Georgetown (754 unit). 310 unit RMM 'B' pada harga RM72,500 dan 444 unit RMM 'C' pada harga yang akan ditetapkan kemudian. Dalam Perancangan.
- (ix) SP Chelliah, Georgetown (2,093 unit), 770 unit RMM 'B' dijual pada harga RM72,500 dan 1,323 unit RMM 'C' pada harga RM200,000 ke RM400,000.
- (x) Sandiland, Georgetown (803 unit). 321 unit RMM 'B' pada harga RM72,500 dan 482 unit RMM 'C' pada harga yang akan ditetapkan kemudian. Dalam Perancangan.
- (xi) Jalan Perak, Georgetown (2,425 unit),
- (xii) Ujung Batu, Bagan (1,703 unit),
- (xiii) Kg Main Road, Perai (1,120 unit), dan
- (xiv) Bukit Mertajam (816 unit).

Pada masa ini, kerja-kerja pembinaan sedang dilaksanakan di Teluk Kumbar, Kampung Jawa dan Fasa 1 Bandar Cassia. Perincian bilangan unit, jenis kediaman, harga jualan dan status pelaksanaan projek adalah seperti di jadual yang dilampirkan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Adakah benar tanah-tanah kerajaan milik Kerajaan dan Kerajaan Tempatan yang dipindah milik atau dijual.
- (b) Jika ada, senaraikan mengikut daerah, no lot, Mk/PB, keluasan, harga jualan dan tujuan pembangunan diatas tanah tersebut sejak tahun 2009 hingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Kerajaan memang memberi milik tanah kerajaan kepada pemohon yang layak melalui pengeluaran lesen pendudukan sementara (TOL) atau pajakan. Tanah kerajaan adalah tanah-tanah yang tidak mempunyai hak milik termasuklah tanah-tanah rizab jalan, rizab sungai, rizab pantai, tanah lapang dan lombong. Tanah-tanah kerajaan ini juga tidak mempunyai lot-lot tertentu untuk disenaraikan.
- (b) Tanah kerajaan yang dilupuskan melalui pemberi milikan dari tahun 2009 hingga 2016 melibatkan kutipan premium berjumlah RM777.69 juta seperti di Lampiran A. Sementara itu, tanah milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang telah dijual adalah masing-masing adalah seperti di Lampiran B dengan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM61.6 juta. Senarai tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pula yang telah dipindah milik melalui jualan dan *Request For Proposal* pula adalah seperti di Lampiran C bernilai RM1.74 bilion.

Manakala tanah milik Perbadanan Ketua Menteri (CMI) yang telah dijual hanyalah 1 lot sahaja, melibatkan Lot 10208, Mukim 9, Kampung Matahari Naik, Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya. Ianya dijual pada tahun 2014 kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dengan harga RM760,500.00 untuk tujuan penstabilan cerun bukit (*hill land slope stabilization*) bagi Pembangunan Perumahan Mampu Milik Teluk Kumbar.

RUJUK LAMPIRAN A, B DAN C BDSHAHS NO. 8 (ID 264)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Ancaman Virus Zika didakwa boleh memberi kesan besar kepada hab perdagangan dan pelancongan. Adakah Virus tersebut memberi kesan kepada Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sehingga kini didapati tiada kesan ketara ancaman zika kepada industri pelancongan dan pelaburan di Pulau Pinang. Sebagai usaha terus memastikan tiada kes zika di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri telah mengambil langkah proaktif bagi mengelak berlakunya kemasukan virus ini ke Pulau Pinang serta bagi meningkatkan keyakinan pelancong dan pelabur untuk datang ke Pulau Pinang. Antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:
- (i) Saringan pintu masuk bagi pelancong atau pelawat dari negara asing yang dilanda wabak zika. Mana-mana pelancong atau pelawat daripada negara yang mengalami wabak zika dan mengalami simptom zika diminta untuk melaporkan diri ke kaunter saringan kesihatan. Saringan menggunakan *thermal scanner* bagi mengesan pelawat yang mengalami demam juga dijalankan.
- (ii) Semua kes-kes yang disyaki mengalami simptom zika perlu dilaporkan ke pejabat kesihatan daerah terdekat supaya tindakan pencegahan iaitu aktiviti cari dan musnah pembiakan aedes dan semburan kabus dapat dijalankan;
- (iii) Meningkatkan aktiviti pemusnahan pembiakan aedes di kawasan-kawasan sensitif melalui aktiviti larviciding dan semburan kabus ULV. Kerajaan Negeri telah menyumbangkan 10 unit mesin semburan kabus bagi meningkatkan keupayaan Jabatan kesihatan Negeri dalam memerangi nyamuk aedes;
- (iv) Melaksanakan Program Gotong-royong Penang Sihat pada 13 Mac 2016 melibatkan 24 lokaliti sensitif pembiakan Aedes. Gotong-royong besar-besaran akan diadakan pada 20 Nov 2016; dan

- (v) Menjalankan program perintis Mosquito Autocidal Trap (MyMAT) di tiga (3) lokaliti iaitu Lokaliti Tuna di Seberang Jaya, Taman Seri Damai di Georgetown dan Taman Seri Delima di Batu Lanchang. Program perintis ini bertujuan mengkaji keberkesanan perangkap jenis ovitrap bagi menghapus pusat pembiakan nyamuk aedes.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Adakah Kerajaan Negeri masih menggunakan pendekatan Khalifah Omar Abdul Aziz sehingga kini?
- (b) Mohon Y.A.B. Ketua Menteri memberi penjelasan dengan terperinci, apakah pendekatan Khalifah Omar Abdul Aziz yang masih dan telah diamal oleh Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Kerajaan Negeri masih menggunakan serta melaksanakan pendekatan pemerintahan Khalifah Umar Abdul Aziz sehingga kini.
- (b) Pendekatan Khalifah Omar Abdul Aziz menjadi inspirasi dan idea kepada pemerintahan yang cekap, penuh tanggungjawab dan telus yang boleh membawa kepada kemakmuran negara, keadilan yang terus terpelihara dan rakyat tidak merasa curiga mengenai apa jua tindakan pemerintah. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri menekankan bahawa tanpa tadbir urus yang baik, kita boleh alpa dalam usaha mencapai matlamat mentransformasikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar antarabangsa yang bukan sahaja menjadi pilihan pelabur malah turut menjadi destinasi pilihan pelancong.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Pada pertengahan Julai 2006, Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan akan mengadakan Pilihanraya Negeri tergepar. Kenapakah pilihan raya tersebut tidak diadakan? Hurai dengan terperinci berdasarkan fakta dan bukannya berdasarkan politik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Panggilan untuk Pilihanraya Negeri adalah diperuntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Adakah Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bukit Bendera telah diwartakan dan keluasan tanah tinggi yang akan diwartakan? Apakah peraturan-peraturan yang terdapat dalam RKK tersebut? Jika tidak mematuhi, apakah tindakan yang akan diambil?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bukit Bendera telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri melalui Warta Kerajaan Jilid 60 No. 18 Tambahan 1 No. Kenyataan Warta : 664 bertarikh 1 September 2016 dengan keluasan 468.38 hektar (1,157.36 ekar) di antara lain termasuk kawasan South View, Tiger Hill, Bel Retiro, Fern Hill dan sebahagian kawasan tadahan air Tat Stream.

RKK Bukit Bendera menggariskan panduan pembangunan di kawasan RKK tersebut melalui Teras Strategi dan Inisiatif iaitu memelihara sumber biologi, memelihara warisan kebudayaan Bukit Bendera, memperkayakan pelancongan, mengurus pergerakan dan kehidupan hijau.

RKK Bukit Bendera turut menjelaskan panduan dan kawalan pembangunan melalui zon pembangunan dan pelan tindakan, iaitu zon-zon pembangunan, kelas kegunaan dalam zon, pelan tindakan pembangunan semula Coolie Line dan pelan tindakan Pembangunan Pelancongan.

Kelas kegunaan dalam zon menggariskan aktiviti yang dibenarkan, Nisbah Plot/Kepadatan, kawalan ketinggian, kawasan *plinth*, kawasan sensitif alam sekitar dan lain-lain pertimbangan.

Pelan tindakan pembangunan pula menjelaskan kriteria-kriteria pembangunan yang dibenarkan serta melibatkan kelas kegunaan dalam zon tersebut.

Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di atas sebarang ketidakpatuhan pembangunan di dalam RKK Bukit Bendera.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Kenapakah Laporan Suruhanjaya Siasatan mengenai Kegagalan Dua Struktur Awam di Negeri Pulau Pinang tidak dibentangkan sebagai risalah di Dewan Undangan Negeri.
- (b) Senarai AJK suruhanjaya dan berapakah kos yang telah dibayar kepada suruhanjaya tersebut.
- (c) Senarai secara ringkas hasil siasatan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Kegagalan Dua Struktur Awam di Negeri Pulau Pinang adalah keputusan yang dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK). MMK memutuskan supaya keanggotaan Jawatankuasa Siasatan yang dilantik diwartakan dan laporan siasatan tersebut dibentangkan kepada Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang. Warta tersebut, jelas menyatakan "Pesuruhjaya-Pesuruhjaya hendaklah menyiapkan siasatan itu dan mengemukakan suatu laporan bertulis kepada Yang di-Pertua Negeri dalam masa enam bulan daripada tarikh Tauliah ini dikeluarkan". Oleh itu, tidak terdapat keperluan Laporan Suruhanjaya Siasatan mengenai Kegagalan Dua Struktur Awam di Negeri Pulau Pinang dibentangkan ke Dewan Undangan Negeri. Melainkan penubuhan Suruhanjaya tersebut adalah diputuskan oleh Dewan Undangan Negeri.
- (b) Senarai Pesuruhjaya yang dilantik oleh Tuan Yang Terutama adalah seperti berikut:

NAMA	JAWATAN
i) Dato' Yeo Yang Poh	Pengerusi
ii) Dato' Dr. Ir. Gue See Sew	Ahli
iii) Dato' Profesor Ir. Roslan Hashim	Ahli

Saguhati yang telah dibayar kepada keanggotaan suruhanjaya tersebut adalah berjumlah RM628,324.74 bagi kerja-kerja siasatan yang dilakukan bagi tempoh dari 2013 sehingga 2015.

- (c) Hasil siasatan yang dijalankan telah mencadangkan beberapa cadangan diantara lain adalah :
- (i) Suruhanjaya mengesyorkan agar Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) mengambil pandangan yang paling berat mengenai sebarang salah laku atau kecuaiian melampau kepada mana-mana pihak jurutera yang mengakibatkan kesan serius atau yang boleh membawa maut, termasuk di mana terdapat kekurangan penyeliaan dan kekurangan semakan kerja yang dilakukan oleh seorang jurutera siswazah, atau menandatangani secara 'membuta tuli' dan mengemukakan pelan,lukisan atau pengiraan tanpa penglibatan peribadi dalam kerja yang dilakukan. Proses dan tatacara yang disediakan untuk memastikan keselamatan struktur dan bangunan tidak boleh dilaksanakan dengan cara *rubber stamping* semata-mata.

- (ii) Suruhanjaya mengesyorkan agar MBPP menguatkuasakan Seksyen 85A Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 dengan serius selepas ini dan memastikan bahawa semua pemilik bangunan mematuhi keperluan statutori untuk menjalankan pemeriksaan struktur berkala dan untuk mengemukakan laporan terperinci mengenai bangunan di mana seksyen tersebut terpakai. Pengesahan yang mudah atau ringkas oleh seseorang jurutera bahawa sesuatu bangunan itu selamat, tanpa memberi bukti pemeriksaan yang dijalankan, tidak patut dianggap mencukupi dari segi memenuhi keperluan statutori tersebut.
- (iii) Suruhanjaya mengesyorkan agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang membentuk jawatankuasa untuk mengkaji dan melaksanakan pelan logistik yang sesuai dan perancangan lain supaya dapat bersedia menghadapi kecemasan pada masa depan sekiranya bencana berlaku di Negeri itu, dengan berpandukan peruntukan Arahan 20 (dan pada masa yang sama mencadangkan cara-cara untuk mempertingkatkan peruntukan tersebut). Jawatankuasa ini disyorkan untuk menjalankan dan mempromosikan pendidikan awam untuk menyediakan ahli masyarakat awam dalam pengendalian segala bentuk bencana dan keadaan kecemasan.

Laporan penuh Suruhanjaya Siasatan Mengenai Kegagalan Dua Struktur Awam di Negeri Pulau Pinang boleh didapati di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Senaraikan kawasan, keluasan tanah dan harga tanah skp yang telah diluluskan tebusguna tanah sejak tahun 2008 sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Senarai kawasan, keluasan tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk ditebusguna sejak tahun 2008 adalah seperti berikut:-

Bil.	Lokasi	Keluasan	Pemaju	Catatan
1	Bayan Mutiara	35 ekar	Ivory Tropicana	Kadar premium tanah akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri selepas kerja-kerja tebusguna disiapkan.
2	Bayan Bay	24.79 ekar	Ideal Gim Ventures Sdn. Bhd.	

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Islam Rahmatun Lil' Alamin. Siapakah yang menganggotai Jawatankuasa ini dan apakah fungsinya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Jawatankuasa Islam Rahmatun Lil 'Alamin di pengerusikan oleh YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim, Pengerusi Jawatankuasa MMK Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwat Pengguna, dan dianggotai seramai 30 orang ahli yang terdiri dari pelbagai latar belakang. Senarai keanggotaan Ahli Jawatankuasa Islam Rahmatun Lil 'Alamin adalah seperti di Lampiran A.

Fungsi Jawatankuasa Islam Rahmatun Lil 'Alamin adalah untuk :-

- (i) Menyemarakkan pelbagai program ilmiah kepada masyarakat Negeri Pulau Pinang ;
- (ii) Menyebarkan konsep Al-Islam Rahmatun Lil Alamin kepada masyarakat Islam dan bukan Islam ;

- (iii) Meninggikan syiar Islam melalui kaedah pendekatan al-Islam Rahmatun Lil Alamin ; dan
- (iv) Mempelbagaikan kaedah pendekatan kepada masyarakat melalui agensi kerajaan, agensi swasta serta NGO dalam usaha menyemarakkan konsep Al-Islam Rahmatun Lil Alamin kepada seluruh lapisan masyarakat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Nyatakakan jumlah fi yang telah dikutip oleh MBPP dan MPSP sejak Julai 2014 sehingga kini mengikut daerah dan berapa yang dibelanjakan balik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mula mengenakan Fi Kerajaan Tempatan mulai 1 Julai 2014.

Jumlah Fi Kerajaan Tempatan yang dikutip oleh MBPP mulai 1 Julai 2014 sehingga 30 September 2016 adalah berjumlah RM17,451,113.00. Manakala jumlah kutipan Fi Kerajaan Tempatan oleh MPSP bagi tempoh yang sama adalah berjumlah RM2,313,859.00. Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak mempunyai maklumat kutipan mengikut daerah. Fi Kerajaan Tempatan dikutip oleh MBPP dan MPSP dan diserahkan kepada Jabatan Kewangan Negeri untuk membiayai program bagi mempromosikan pelancongan dalam negeri. Jumlah Fi Kerajaan Tempatan yang telah dibelanjakan sehingga 30 September 2016 adalah sebanyak RM4,484,556.13.

Perincian kutipan Fi Kerajaan Tempatan untuk MBPP dan MPSP bagi tempoh tersebut seperti Jadual 1.

Jadual 1

TAHUN	MBPP (RM)	MPSP (RM)
2014 (mulai 1 Julai)	3,285,085.00	401,225.00
2015	7,574,067.00	1,016,922.00
2016 (setakat September)	6,591,961.00	895,712.00
Jumlah	17,451,113.00	2,313,859.00

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Mengenai permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada Kediaman, Perniagaan dan Perusahaan. Senaraikan mengikut daerah, mukim, status tukar syarat, tahun dan jumlah kutipan tukar syarat dari tahun 2009 hingga 2015.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sebanyak 217 permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada sama ada Kediaman, Perniagaan dan Perusahaan telah direkodkan sepanjang tahun 2009 hingga 2015 dengan jumlah hasil kutipan premium berjumlah **RM243,529,943.50**. Perincian senarai permohonan tersebut adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDSHAHS NO. 17 (ID 373)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Lot 60-70,89, 279 dan 611-614, Mk. 1, DBD telah dilulus tukar syarat pada 2.2.2013 seluas 18.303 ekar. Adakah MBPP telah menerima Permohonan Kebenaran Pelan Pembangunan untuk lot berkenaan? Jika ada, apakah projek perumahan yang akan dibina dan nyatakan jumlah unit dan harga seunit.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Keseluruhan lot-lot tersebut adalah berkeluasan 7.40709 hektar atau 18.30329 ekar yang ditukar syarat bagi tujuan Pembangunan Perumahan. Permohonan ini telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) pada 2 Januari 2013 dan disahkan pada 10 Januari 2013. Lokasi Tanah ini adalah terletak di Kampung Terang, Balik Pulau, Pulau Pinang bersebelahan dengan Jalan Pulau Betong. Bayaran Premium tambahan sebanyak RM1,463,055.00 telah dijelaskan oleh syarikat berkenaan pada 21 Mac 2013.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pernah menerima dua (2) permohonan kebenaran merancang secara berasingan bagi cadangan pemajuan di atas Lot 67-70, 89 Mukim 7 dan 279, 611-614, 658, Mukim 1, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Namun begitu, kedua-dua permohonan tersebut telah ditarik balik oleh pemohon masing-masing pada 1 Jun 2012 dan 1 April 2013.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Mengenai Projek Kereta Kabel oleh MRCB Sdn Bhd, adakah Kajian Kebolehlaksanaan telah dilulus JAS bagi Kajian Impak Alam Sekitar Terperinci (DEIA) dan berapakah kos projek tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling Terperinci (DEIA) bagi Cadangan Projek Kereta Kabel telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar melalui surat bertarikh 2 September 2016. Anggaran nilai kos projek (termasuk GST) adalah RM500 Juta.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sehingga kini, nyatakan jumlah Pelan Projek Perumahan daripada JKP yang telah dilulus dan belum dilulus oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang. Bagi pelan yang belum diluluskan, nyatakan sebab-sebabnya dan lokasi tanah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Berdasarkan rekod dari tahun 2008 hingga Oktober 2016, sejumlah dua puluh tiga (23) permohonan Pelan Projek Perumahan JKP telah diterima. Daripada jumlah tersebut, dua puluh satu (21) permohonan telahpun diluluskan manakala dua (2) lagi permohonan ditangguhkan sehingga JKP Sdn. Bhd. menyelesaikan isu setinggan di projek tersebut. Perincian projek tersebut adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDSHAHS NO. 20 (ID 376)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Dalam jawapan yang lepas, Lot 1584, 1457, Mk. 13, DTL dan Lot 1561, Sek3, Bandar Air itam didaftarkan atas nama 1MDB RE (AYER ITAM) SDN BHD. Adakah Kerajaan Negeri membenarkan tanah tersebut dijual (pindah milik).

(a) Jika tidak dibenarkan, kenapa?

- (b) Adakah Kerajaan Negeri akan melulus dan memberi Kebenaran Pelan Pembangunan di atas tanah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Semakan mendapati Lot 1584, 1457, Mk. 13, DTL dan Lot 1561, Sek 3, Bandar Air Itam didaftarkan atas nama 1MDB RE (AYER ITAM) SDN BHD tiada sekatan kepentingan dan tidak memerlukan kebenaran *Consent* Pihak Berkuasa Negeri untuk dipindah milik. Akan tetapi, oleh kerana syarikat ini dalam siasatan oleh pelbagai negara asing seperti Singapura, Hong Kong, Switzerland dan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat serta terlibat dalam kes saman USD 6 bilion di United Kingdom, maka sebarang urusniaga atau urusan tanah mestilah dirujuk kepada Jawatankuasa Tanah yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. 1 MDB adalah salah satu daripada pemilik syer tanah-tanah tersebut. Bagi Lot 1584 dan 1457, terdapat 9 kaveat persendirian atas syer telah didaftarkan dan masih berkuatkuasa sehingga tahun 2022. Manakala bagi Lot 1561 pula terdapat 7 kaveat persendirian atas tanah telah didaftarkan yang berkuatkuasa sehingga tahun 2020.

Bagi kelulusan Kebenaran Merancang (KM), permohonan yang lengkap perlu dikemukakan kepada *One Stop Center (OSC)*, Pihak Berkuasa Tempatan untuk mempertimbangkan permohonan tersebut. Sehingga kini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) masih belum menerima permohonan KM di atas lot berkenaan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Sehingga kini, berapa peratuskah Kajian Kebolehlaksanaan dan Reka Bentuk Terperinci bagi tiga (3) projek jalan dan terowong?
- (b) Bilakah projek tersebut akan dibina?
- (c) Adakah JAS telah meluluskan Kajian tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Status kemajuan bagi Kajian Kebolehlaksanaan dan Reka Bentuk Terperinci Projek Jalan-Jalan Utama telah mencapai 100%, manakala bagi Terowong Dasar Laut di Pulau Pinang, status kemajuan bagi Kajian Kebolehlaksanaan telah mencapai 87% dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun ini.
- (b) Mengikut perancangan dan persetujuan Kerajaan Negeri, pelaksanaan pembinaan jalan-jalan utama di Pulau Pinang oleh Consortium Zenith BUCG dijadualkan seperti berikut:
- (i) Pelaksanaan Pakej 1 iaitu Jalan Berkembar dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang dijadualkan bermula pada pertengahan tahun 2018, mengambil kira tempoh penerimaan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) dan juga tempoh selesai proses pengambilan balik tanah ke atas lot-lot tanah yang terlibat;
- (ii) Pelaksanaan Pakej 2 iaitu Jalan Pintas Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam juga dijadualkan bermula pada pertengahan tahun 2018. Perkara ini adalah tertakluk kepada kelulusan pelepasan Tanah Pesuruhjaya Persekutuan (PTP) ke atas lot-lot tanah PTP yang terlibat dengan jajaran pakej 2 ini, tempoh penerimaan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) dan juga tempoh selesai proses pengambilan balik tanah ke atas lot-lot tanah yang terlibat; dan
- (iii) Pelaksanaan Pakej 3 iaitu Jalan Pintas Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Persiaran Gurney dijadualkan bermula pada tahun 2019, tertakluk kepada tempoh penerimaan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) dan juga tempoh selesai proses pengambilan balik tanah ke atas lot-lot tanah yang terlibat.

- (iv) Pembinaan Laluan Ketiga Pulau Pinang (Terowong Dasar Laut) adalah tertakluk kepada Laporan Kajian Kebolehlaksanaan.
- (c) Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi projek ini belum diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Pihak Perunding EIA yang dilantik oleh Kerajaan Negeri iaitu Yes Enviro Services Sdn. Bhd. sedang menyediakan dokumen-dokumen untuk dikemukakan kepada JAS mengikut ketetapan dan garis panduan baharu yang dikeluarkan oleh pihak JAS.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Sehingga 30 April 2015, jumlah tunggakan cukai tanah yang melebihi RM5,000.00 adalah berjumlah RM42,107,438.10.
- (a) Sehingga 30 September 2016, adakah jumlah tersebut telah berkurangan atau bertambah? Huraikan berdasar fakta dan sudut undang-undang iaitu Kanun Tanah Negara.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Sehingga 30 September 2016 jumlah tunggakan cukai tanah yang melebihi RM5,000.00 adalah berjumlah RM41,800,990.22 seperti perincian berikut:

BIL	DAERAH	TUNGGAKAN CUKAI TANAH MELEBIHI RM5,000.00 (RM)
1	SEBERANG PERAI SELATAN	5,976,256.00
2	SEBERANG PERAI UTARA	8,937,366.42
3	SEBERANG PERAI TENGAH	16,784,644.00
4	TIMUR LAUT	9,134,612.00
5	BARAT DAYA	968,111.80
JUMLAH KESELURUHAN		41,800,990.22

- (a) Berdasarkan jadual di atas, jumlah tunggakan cukai tanah yang melebihi RM5,000.00 sehingga 30 September 2016 berbanding jumlah tertunggak pada 30 April 2015 didapati **berkurangan** sebanyak **0.73%**. Penurunan jumlah tunggakan cukai tanah tersebut adalah disebabkan peningkatan bilangan pemilik tanah yang menjelaskan tunggakan cukai tanah ekoran pengeluaran **Notis Peringatan** secara pentadbiran oleh semua Pejabat Daerah dan Tanah di Pulau Pinang selepas 31 Mei 2015.

Di samping itu, wujud kesedaran dikalangan pemilik tanah untuk menggunakan sistem bayaran secara *online* untuk membuat bayaran cukai tanah dimana ia dapat menjimatkan masa dan tenaga pemilik tanah tersebut.

Tindakan yang diambil dan dilakukan secara berterusan adalah seperti berikut:

- (i) Pengeluaran notis tuntutan tunggakan sewa iaitu **Notis 6A di bawah Seksyen 97 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965** kepada pemilik-pemilik tanah;
- (ii) Tindakan perampasan di bawah **Seksyen 100 KTN 1965**, akan dilakukan sekiranya jumlah tunggakan cukai tanah tidak dijelaskan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh Notis 6A dikeluarkan;
- (iii) Tindakan *task force* oleh setiap Pejabat Tanah dan Daerah dengan membuat lawatan tapak ke atas lot-lot yang terlibat untuk mengenal pasti maklumat pemilik tanah, carian maklumat terkini pemilik tanah, membuat perjumpaan dengan tuan tanah terlibat serta hebahan peringatan bayaran cukai tanah melalui media massa; dan

- (iv) Mengadakan perbincangan dengan tuan-tuan tanah mengenai pembayaran cukai tanah secara ansuran.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 24. Sehingga Mac 2014, jumlah tunggakan cukai pintu bagi MBPP ialah RM52.8 juta dan MPSP RM23 juta, sementara sehingga Mac 2015, jumlah tunggakan cukai pintu bagi MBPP ialah RM57.2 juta dan MPSP ialah RM22.6 juta.
 - (a) Memandangkan tunggakan makin bertambah pada setiap tahun, apakah tindakan yang telah dan akan diambil di bawah Akta Kerajaan Tempatan?
 - (b) Nyatakan jumlah tunggakan sehingga Mac 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 24. (a) Tindakan yang telah dan akan diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk mengurangkan tunggakan cukai taksiran mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 adalah seperti berikut :-
 - (i) Membuat semakan alamat terkini pemilik premis untuk dihantar cukai taksiran dan notis kegagalan membayarnya.
 - (ii) Majlis juga telah mengambil langkah yang lebih proaktif dengan menyemak tunggakan ke atas setiap kemasukan pelan merancang atau pelan bangunan. Ini bermakna pemaju diminta menjelaskan tunggakan masing masing sebelum meneruskan dengan sesuatu pemajuan.
 - (iii) Menjemput pemilik premis ke Jabatan Perbendaharaan untuk berbincang bagi mengenal pasti punca tunggakan dan memberikan nasihat untuk mengatasi masalah tunggakan tersebut.
 - (iv) Menggalakkan komunikasi dua hala agar pemilik tidak hanya menunggu sehingga Majlis mengambil tindakan. Sekiranya pada peringkat awal tunggakan telah dapat dikenal pasti, pegawai Majlis akan dapat memberikan nasihat sewajarnya untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi.
 - (v) Majlis sentiasa berusaha serta memberi ruang kepada pemunya untuk bersemuka dan mendapatkan gambaran sebenar mengenai situasi yang dihadapi oleh pemunya serta kesanggupan menjelaskan tunggakan cukai taksiran.
 - (vi) Membuat lawatan ke rumah atau premis pemilik untuk mendapatkan maklumbalas dari penyewa atau pemilik. Melalui kaedah ini secara tidak langsung Majlis mendapat persefahaman tentang kedudukan pemilikan ke atas premis tersebut samada telah dijual, disewa dan lain-lain.
 - (vii) Membenarkan pemunya membuat bayaran ansuran tunggakan cukai taksiran. Dengan cara ini pemunya akan rasa selesa serta mengurangkan beban untuk menjelaskan bayaran tunggakan. Bayaran ansuran akan menjadi lebih berkesan jika ia dipantau dari masa ke semasa agar memastikan pemunya membuat bayaran mengikut jadual bayaran yang telah ditetapkan.
 - (viii) Melaksanakan '*Garnishment of Rental*' dengan mengambil sebahagian bayaran sewa penyewa kepada Majlis bagi tujuan mendapatkan tunggakan cukai semasa operasi dijalankan ke atas premis-premis yang mempunyai tunggakan cukai.
 - (ix) Agen kutipan hutang juga telah dilantik untuk mengadakan lawatan ke premis yang mempunyai tunggakan dan membuat rundingan supaya pembayar cukai menjelaskan tunggakan.

- (x) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan waran iaitu Borang G untuk menahan sebarang harta alih seperti inventori yang dimiliki oleh pemunya atau Borang H yang ditampal di luar premis yang didapati kosong semasa operasi dijalankan dengan tujuan untuk memaklumkan pemunya mengenai tunggakan cukai.
 - (xi) Melaksanakan rampasan harta mudah alih yang terdapat di dalam premis berkaitan.
 - (xii) Melaksanakan tindakan kaveat melalui peruntukan Kanun Tanah Negara. Melalui tindakan ini, MBPP dan MPSP telah mengistiharkan kepentingan Majlis ke atas tanah atau bangunan dalam usaha mendapatkan semula tunggakan cukai taksiran.
- (b) Jumlah tunggakan cukai pintu sehingga Mac 2016 bagi MBPP adalah sebanyak RM58.05 juta manakala MPSP adalah sebanyak RM22.91 juta (jumlah tunggakan cukai tahun 2016 bagi kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan adalah jumlah yang belum diaudit).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Jawatankuasa Pemutihan lot Tanaman Padi di Negeri Pulau Pinang telah ditubuhkan untuk mengesahkan lot sebenar yang telah ditanam dengan tanaman padi.
- (b) Baki keluasan tanaman padi sehingga Mei 2014 ialah 12, 782 hektar. Adakah tanah tersebut keluasan masih kekal sebagai tanaman padi kerana masih terdapat tanah sawah sedang ditambun sehingga kini. Huraikan dengan fakta secara terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Jawatankuasa Pemutihan Lot Tanaman Padi melibatkan lima (5) agensi iaitu Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Jabatan Pertanian Pulau Pinang, Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) dan dipengerusikan oleh IADA. Kajian pemutihan lot-lot sawah merangkumi 4 daerah di Pulau Pinang iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan dan Daerah Barat Daya.
- (b) Berdasarkan rekod Jabatan Pertanian, sehingga awal tahun 2016, jumlah keluasan sawah di seluruh Pulau Pinang dikekalkan pada 12,782 hektar seperti 2014 melibatkan 9,906 orang petani. Jumlah terkini keluasan sawah akan dimuktamadkan setelah Jawatankuasa Pemutihan Lot Sawah ini membentangkan dapatan akhir yang dijangkakan pada awal 2017.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Pada jawapan pada 30 April 2015, Kerajaan Negeri melalui UPEN telah mengemukakan permohonan peruntukan di bawah RMKe-11 kepada EPU untuk membina Kereta Kabel di Bukit Bendera. Nyatakan kedudukan permohonan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Permohonan untuk Projek Kereta Kabel dari *Youth Park*/Taman Botani Ke Bukit Bendera ke Teluk Bahang di bawah *Rolling Plan* Kedua di bawah RMK ke-11 telah dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan untuk pertimbangan. Setakat ini Kerajaan Negeri belum dimaklumkan kelulusan permohonan tersebut.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Sehingga kini, nyatakan jumlah Pelan Projek Perumahan daripada PERDA yang telah dilulus dan belum dilulus oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang. Bagi pelan yang belum diluluskan, nyatakan sebab-sebabnya dan lokasi tanah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Berdasarkan rekod tahun 2010 hingga Oktober 2016, Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) telah menerima 12 permohonan untuk Projek Perumahan daripada Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Daripada jumlah tersebut 9 permohonan telah diluluskan manakala 3 lagi telah ditangguhkan di peringkat SPC kerana permohonan kebenaran merancang tersebut masih perlu dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri.

RUJUK LAMPIRAN BDSHAHS NO. 27 (ID 386)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai Pelan Induk Tebatan Banjir. Jika ada, huraikan dengan terperinci bagi Daerah DBD dan juga bagi Kawasan Telok Bahang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Sehingga Oktober 2016, Pelan Induk Tebatan Banjir Daerah Barat Daya dan Daerah Seberang Perai Tengah telah disiapkan. Manakala Pelan Induk Tebatan Banjir Daerah Timur Laut dan Daerah Seberang Perai Selatan masih dalam peringkat kajian oleh Jabatan Pengairan dan Saliran.

Penyediaan Pelan Induk Saliran Daerah Barat Daya dimulakan pada November 2011 dan mengambil masa 2 tahun untuk disiapkan. Pelan Induk ini merangkumi cadangan menaik taraf 10 batang sungai utama di Daerah Barat Daya seperti berikut :-

Bil	Nama Sungai	Anggaran kos
1	Sungai Pulau Betong	RM82 Juta
2	Sungai Bagan Air Hitam	RM134 Juta
3	Sungai Pinang (Balik Pulau)	RM50 Juta
4	Sungai Burung	RM127 Juta
5	Sungai Teluk Kumbar	RM59 Juta
6	Sungai Bayan Lepas	RM55 Juta
7	Sungai Dua	RM27 Juta
8	Sungai Nibong Kecil	RM68 Juta
9	Sungai Tiram & Sungai Nipah	RM94 Juta
10	Sungai Teluk Bahang	RM85 Juta

Projek-projek ini akan dibentangkan Kerajaan Persekutuan untuk kelulusan. Bagi kawasan Teluk Bahang, antara skop yang terlibat adalah menaik taraf sungai, menaik taraf sistem saliran, menaik taraf jambatan / *crossing*, menaik taraf *control gate* dan rumah pam.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Nyatakan jumlah kutipan cukai pintu oleh MBPP dan MPSP bagi tahun 2011, 2012, 2013, 2014, 2015 dan sehingga Jun 2016.
- (b) Nyatakan jumlah yang telah dibelanjakan mengikut Daerah, KADUN dan butir-butir perbelanjaan bagi tahun 2011, 2012, 2013, 2014, 2015 dan sehingga Jun 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Jumlah kutipan cukai pintu oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi tahun 2011 sehingga Jun 2016 masing-masing adalah berjumlah **RM912,974,024.91.00** dan **RM754,659,301.00**. Perincian kutipan cukai pintu bagi MBPP dan MPSP dari tahun 2011 sehingga Jun 2016 adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Jumlah yang telah dibelanjakan oleh MBPP dan MPSP mengikut Daerah dan KADUN bagi tahun 2011 hingga Jun 2016 masing-masing adalah berjumlah **RM1,477,176,986.82** dan **RM1,090,227,843.00**. Perincian butir-butir perbelanjaan MBPP dan MPSP adalah seperti di Lampiran B dan C. MBPP dan MPSP tidak menyimpan maklumat pecahan perbelanjaan mengikut Daerah dan KADUN.

RUJUK LAMPIRAN A, B DAN C BDSHAHS NO. 29 (ID 389)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Benarkah kenyataan saya bahawa Kerajaan Negeri telah gagal menguruskan ekonomi Negeri Pulau Pinang dengan lebih berkesan dimana sehingga kini Negeri Pulau Pinang terletak pada kedudukan paling bawah jika dibandingkan dengan negeri lain berdasar pengiraan KDNK per kapita di Pulau Pinang. Statistik MIDA menunjukkan prestasi pelaburan di Pulau Pinang semakin merosot sejak tahun 2010 hingga sekarang. Hurai dengan terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Pulau Pinang terus mencatatkan prestasi pelaburan yang kukuh. Meskipun dengan keadaan ekonomi global yang semakin mencabar, Pulau Pinang terus mencatatkan kemasukan pelaburan yang stabil dan konsisten. Mulai dari Januari-Jun 2016, Pulau Pinang mencatatkan kemasukan pelaburan ketiga tertinggi di Malaysia selepas Johor dan Selangor bagi sektor pembuatan. Pada tahun 2015, Pulau Pinang mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM6.7 bilion, dengan RM4.5 bilion atau 67.2% adalah pelaburan asing manakala RM2.2 bilion atau 32.8% adalah pelaburan domestik dalam sektor pembuatan. Berikut adalah jumlah pelaburan di Pulau Pinang dalam sektor pembuatan dari tahun 2010 hingga Jun 2016.

Tahun	Jumlah Pelaburan Pulau Pinang dalam Sektor Pembuatan (RM Juta)		
	Pelaburan Domestik	Pelaburan Asing	Jumlah
2010	1,786.85	10,451.00	12,237.85
2011	1,960.40	7,146.00	9,106.40
2012	1,344.90	1,126.55	2,471.45
2013	2,117.86	1,794.39	3,912.25
2014	3,048.78	5,113.59	8,162.37
2015	2,225.61	4,498.73	6,724.34
2016 (Jan-Jun)	731.43	1,937.40	2,668.88

Sumber: MIDA

Jumlah pelaburan Pulau Pinang seperti yang dicatatkan oleh MIDA menunjukkan kemasukan pelaburan ke Pulau Pinang adalah berterusan terutama dalam bidang elektrik dan elektronik (E&E) dan semikonduktor.

Jumlah pelaburan kumulatif bagi tempoh lapan tahun dari 2008-2015 adalah RM54.9 bilion, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 87%, jika dibandingkan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM29.4 bilion bagi tempoh lapan tahun sebelum itu iaitu, dari 2000-2007. Data pelaburan ini menunjukkan prestasi pelaburan di Negeri Pulau Pinang masih kukuh dan stabil serta masih menjadi destinasi pelaburan utama di kalangan pelabur tempatan mahupun pelabur asing.

Pulau Pinang merupakan antara negeri yang berjaya mengekalkan pertumbuhan ekonomi secara konsisten di atas daripada purata kadar Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita negara sejak tahun 2008 hingga 2016. Y.A.B. Ketua Menteri telah membuktikan bahawa pengurusan ekonomi Negeri Pulau Pinang ketika ini adalah lebih baik berbanding Kerajaan Negeri terdahulu.

Rujuk Lampiran 'Kedudukan Pertumbuhan KDNK per kapita mengikut negeri di Malaysia (Harga Semasa), rujuk Buletin Mutiara 16-31 Oktober 2016.

XIX. Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Berapa ramaikah usahawan yang dibangunkan oleh Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Juru dan Ara Kuda? Senaraikan peserta yang terlibat, jenis tanaman, keluasan tanah yang diberikan kepada peserta.
- (b) Berapakah pengeluaran (tahun 2014 & 2015) yang dihasilkan oleh peserta, mampukah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjadi jaguh dalam pengeluaran agro makanan negara/negeri?
- (c) Apakah pembaharuan yang dilakukan oleh TKPM/jabatan yang terlibat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Juru di Daerah Seberang Perai Tengah melibatkan keluasan 284.62 ekar telah diwartakan sebagai Projek TKPM Negeri. Projek TKPM dibahagikan kepada tiga zon utama iaitu Zon Pertanian (66.453 ekar), Zon Perikanan (70.391 ekar), Zon Veterinar (60 ekar) dan baki seluas 87.776 ekar bagi pembangunan infrastruktur TKPM. Sehingga kini seluas 187.481 ekar telah diusahakan oleh 14 buah syarikat/usahawan. Manakala TKPM Ara Kuda melibatkan tanah seluas 80 hektar bagi 31 orang petani dengan memfokuskan kepada pengeluaran pisang, nenas, jagung, tembikai dan sayur-sayuran.
- (b) Di TKPM Ara Kuda, jumlah pengeluaran bagi tahun 2014 adalah 2,986 tan metrik dengan nilai pendapatan RM3.54 juta. Jumlah pengeluaran bagi tahun 2015 pula adalah 3,240 tan metrik dengan nilai pendapatan RM3.782 juta. TKPM Juru pula, pengeluaran yang dihasilkannya adalah 774,205 biji nenas bernilai RM1,116,269.40, 4.48 juta benih udang, 65 tan metrik ikan dan 7.23 anak ayam dengan nilai RM12 juta. Dari sudut kejayaan, TKPM Ara Kuda dan Juru telah mencapai beberapa pengiktirafan seperti berikut:
 - (i) Penganugerahan 5 bintang bagi *star rating*;
 - (ii) TKPM Ara Kuda merupakan TKPM paling ramai yang telah menerima sijil MyGAP; dan
 - (iii) TKPM Juru dan Ara Kuda telah mengeluarkan hasil per hektar antara yang tertinggi di Malaysia.
- (c) Beberapa pembaharuan khususnya dari aspek teknologi dan pengurusan ladang telah diperkenalkan seperti berikut:
 - (i) Penggunaan '*Plan Booster*' iaitu kaedah penggunaan baja organik bagi meningkatkan hasil tanaman;
 - (ii) Pengenalan Struktur Lindungan Hujan bagi membantu petani menjalankan tanaman secara konsisten walaupun pada musim hujan sekaligus meningkatkan

- hasil pertumbuhan;
- (iii) Menambah projek tanaman cendawan sebagai salah satu projek tanaman di TKPM di bawah zon pertanian sejak Jun 2015;
 - (iv) Menggalak dan membantu peserta dalam memohon dan mendapatkan sijil Malaysian Good Agriculture Practices (MyGAP) dan sijil My Organik bagi memastikan hasil tanaman / perikanan dan penternakan adalah dalam keadaan baik dan selamat untuk pengguna; dan
 - (V) Menubuhkan tabung *sinking fund* bagi tujuan penyelenggaraan dan menaik taraf fasiliti asas di TKPM seperti jalan, sistem keselamatan dan utiliti lain.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 2. (a) Sila senaraikan kelulusan tanah tol bagi semua daerah di negeri Pulau Pinang dan kepada siapakah ianya diluluskan sepanjang tahun 2008 hingga 2014 mengikut pecahan kaum.
- (b) Berapakah perbezaan hasil cukai tanah tol pada tahun 2008 dan 2015?
- (c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri ke atas tanah tol yang tidak diusahakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 2. (a) Sepanjang tahun 2008 hingga 2014, sebanyak 2,196 tanah TOL telah diluluskan kepada 1,133 Melayu, 898 Cina, 149 India dan 16 lain-lain kaum. Perincian kelulusan tanah dan lesen pendudukan sementara (TOL) adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Secara keseluruhannya kutipan hasil TOL bagi tahun 2015 mencatatkan peningkatan sebanyak RM611,789.01 berbanding kutipan tahun 2008. Perincian perbezaan cukai adalah seperti di Lampiran B.
- (c) Kerajaan Negeri melaksanakan pemantauan berkala, melalui siasatan semula oleh Penolong Pegawai Tanah yang telah ditugaskan mengikut kawasan mukim masing-masing. Melalui laporan tanah yang disediakan, dapat dikenal pasti tapak-tapak yang tidak diusahakan ataupun tapak-tapak yang melanggar syarat-syarat lesen yan telah ditetapkan. Berdasarkan penemuan ini, Kerajaan Negeri tidak akan meluluskan pembaharuan LPS ke atas tanah TOL yang tidak diusahakan.

RUJUK LAMPIRAN A DAN B BMYMN NO. 2 (ID 403)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan RM250,000.00 untuk mengembangkan sukan di kelima-lima daerah. Sila senaraikan program-program yang dilaksanakan di kelima-lima daerah dan apakah impak daripada pelaksanaan program ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 3. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dengan kerjasama kelima-lima Pejabat Daerah dan Tanah telah menggerakkan program pembangunan sukan melalui Majlis Sukan Daerah untuk mencungkil serta mengasah bakat atlet-atlet peringkat akar umbi di kesemua daerah di Negeri Pulau Pinang.

Bagi tahun 2016, program pembangunan sukan di peringkat daerah ini melibatkan 8 jenis sukan dengan penubuhan sebanyak 22 pusat latihan di kelima-lima daerah di negeri Pulau Pinang. Seramai 471 orang atlet muda berbakat di peringkat daerah kini sedang menjalani latihan separa masa di bawah kendalian 20 orang jurulatih.

Program-program yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Daerah untuk perkembangan sukan di peringkat daerah sepanjang tahun 2016 adalah seperti di Lampiran A.

Dari segi impaknya, pelaksanaan program-program pembangunan sukan di peringkat daerah telah berjaya menyediakan atlet-atlet sokongan / *feeder* yang bakal mewakili negeri Pulau Pinang dalam kejohanan-kejohanan sukan. Ini dapat dibuktikan melalui atlet-atlet yang memenangi pingat di SUKMA dan juga di kejohanan-kejohanan sukan lain datang dari pelbagai daerah di Pulau Pinang.

RUJUK LAMPIRAN A BMYMN NO. 3 (ID 404)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Nyatakan pecahan peruntukan yang disalurkan untuk pembangunan desa pada tahun 2015 mengikut daerah?
- (b) Nyatakan pembangunan desa yang dilaksanakan di kawasan parlimen Kepala batas, Tasek Gelugor dan Balik Pulau pada tahun 2015 serta pecahan peruntukan yang disalurkan mengikut kadun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Pecahan peruntukan yang disalurkan untuk pembangunan desa pada tahun 2015 mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	SPU (RM)	SPT (RM)	SPS (RM)	DTL (RM)	DBD (RM)
2015	2,514,036	2,917,933	2,213,267	1,132,298	1,611,435

- (b) Pecahan peruntukan pembangunan desa bagi tahun 2015 mengikut Kawasan Undangan Negeri di Parlimen Kepala Batas, Tasek Gelugor dan Balik Pulau adalah seperti berikut:

Parlimen	ADUN	JUMLAH (RM)
Kepala Batas	Penaga	725,200
	Bertam	301,600
	Pinang Tunggal	330,500
Tasek Gelugor	Permatang Berangan	382,000
	Sungai Dua	291,000
	Telok Ayer Tawar	150,000
Balik Pulau	Pulau Betong	474,913
	Bayan Lepas	283,871
	Teluk Bahang	406,645

Antara projek-projek pembangunan desa yang dijalankan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

- (i) Projek Khas Ekonomi merangkumi Program Bina Baru dan Baik Pulih Rumah Rakyat Miskin, Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) dan Program Pembinaan dan Baik Pulih;
- (ii) Program-program di bawah peruntukan pembangunan Jabatan Kewangan Negeri termasuk pembinaan dan penyelenggaraan jalan, parit dan dewan orang ramai; dan

- (iii) Projek-projek Pihak Berkuasa Tempatan di bawah peruntukan ahli majlis seperti kerja-kerja menurap jalan, pembaikan parit, pembinaan hentian bas dan pembinaan alat sukan di padang awam.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 5. (a) Nyatakan nilai harta tunai dan bukan tunai termasuk hartanah dan rumah milik PDC dan anak syarikatnya?
- (b) Nyatakan aset harta PDC, nilai dan lokasinya termasuk yang telah dijual pada tahun 2014 dan 2015?
- (c) Mohon juga maklumkan jumlah hartanah yang disewa dan hartanah yang diambil guna oleh PDC.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 5. (a) Nilai harta tunai dan bukan tunai termasuk hartanah dan rumah milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan anak syarikatnya adalah berjumlah RM3.806 bilion.
- (b) Perincian Aset Harta PDC, nilai dan lokasinya termasuk yang telah dijual pada tahun 2014 dan 2015 adalah seperti di Lampiran A.
- (c) Jumlah Hartanah (Nilai Buku Bersih) yang disewakan adalah berjumlah RM534 juta manakala hartanah yang digunakan oleh PDC adalah sejumlah RM14 juta.

RUJUK LAMPIRAN A BMYMN NO. 5 (ID 406)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 6. Mohon Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjelaskan berapa peruntukan yang diberikan kepada Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) setiap tahun sejak penubuhan PYDC sehingga kini dan juga nyatakan kegunaan peruntukan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 6. Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah ditubuhkan pada tahun 2014. Peruntukan yang disalurkan kepada PYDC adalah sebanyak RM520,000.00 setahun dan digunakan untuk membiayai kos operasi serta program-program yang dianjurkan oleh PYDC. Program-program yang dijalankan oleh PYDC adalah seperti berikut:

Pembelajaran Sains, Bahasa Inggeris, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (*Engaging in Science, Technology, Engineering, English & Mathematics, ESTEEM*);

- (i) Sidang Muda (2015 & 2016) dan Parlimen Muda (2014);
- (ii) Lawatan Belia dan Mahasiswa ke Pulau Pinang;
- (iii) Kejohanan Bola Keranjang Piala PYDC Negeri Pulau Pinang;
- (iv) Kejohanan Bola Sepak Piala PYDC Daerah Barat Daya; dan
- (v) Kejohanan Sepak Takraw Piala PYDC Daerah Seberang Perai Selatan.

Manakala kos operasi PYDC pula melibatkan:

- (i) Operasi Pusat Pembelajaran Karpal Singh Pulau Pinang;
- (ii) Operasi Dewan Bola Tampar Taman Buah Pala; dan
- (iii) Sewa Muzium Kebudayaan Komik Asia.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menggalakkan pertanian secara domestik dalam kalangan penduduk bandar untuk mengurangkan kos sara hidup?
- (b) Apakah galakan atau inisiatif yang diberikan oleh kerajaan dalam pertanian dalam bandar dan laporan pelaksanaannya bagi tahun 2015 dan 2016?
- (c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan domestic composting disetiap PBT atau taman perumahan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Kerajaan Negeri sememangnya menggalakkan pertanian dilakukan secara domestik terutamanya bagi penduduk bandar bagi pengurangan kos sara hidup dan menjana pendapatan tambahan. Antara program yang telah dilaksanakan untuk tujuan tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) Pekebunan Komuniti (*Community Farming*) iaitu aktiviti menggalakkan komuniti menanam dan mengeluarkan sendiri bahan makanan yang diperlukan di kawasan kejiranan. Fokus tanaman adalah makanan harian seperti cili burung, cili, terung, bendi, timun, sawi, kangkung, bayam, salad, kucai dan sayur-sayuran. Sehingga kini, sebanyak 36 lokaliti telah menyertai program ini. Jawatankuasa Perkebunan Komuniti ini telah diwujudkan dan dipengerusikan oleh YB. Soon Lip Chee, ADUN Jawi dengan tujuan untuk menjalankan usaha ini; dan
 - (ii) Program penggalakkan pertanian secara domestik di kalangan penduduk bandar di bawah Program LA21 (*Local Action*) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Penduduk Bandar yang mengambil bahagian diberi taklimat, perkhidmatan fasilitator dan diajar membuat baja kompos. Sehingga kini, terdapat 20 komuniti yang telah mengambil bahagian. .
- (b) Antara galakan dan insentif yang diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi menjayakan program ini adalah:
 - (i) Bantuan dalam bentuk input dan peralatan pertanian secara *one-off* seperti bantuan kos penyediaan tanah, sistem pengairan, rumah lindungan, pekakasan dan biji benih;
 - (ii) Khidmat nasihat dan latihan praktikal mengikut kaedah tanaman;
 - (iii) Penyediaan tapak untuk membolehkan mereka menjual hasil tanaman; dan
 - (iv) Program perkongsian maklumat dengan negeri dan agensi antarabangsa bagi kaedah menjalankan kebun kejiranan.
- (c) Kerajaan Negeri sememangnya telah menggerakkan usaha bagi penyediaan *domestic composting* di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Kerajaan Negeri juga sedang melihat potensi untuk mengembangkan usaha bagi *domestic composting* di peringkat komuniti termasuklah di pasar/kompleks makanan, kediaman bertingkat, sekolah dan kilang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Sila huraikan apakah perkembangan terkini MSN?
- (b) Sila nyatakan apakah usaha proaktif oleh MSN dalam memajukan dan meningkatkan mutu sukan Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) diberikan peranan sebagai penggerak utama sukan berprestasi tinggi dan sukan berbentuk penyertaan komuniti di negeri Pulau Pinang serta sentiasa berusaha untuk meneraju arus pembangunan sukan negeri Pulau Pinang ke tahap yang lebih tinggi sejajar dengan tahap pencapaian antarabangsa. Sejajar dengan matlamat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai *PowerHouse* penajaan atlet-atlet bertaraf antarabangsa di Malaysia, program pemantapan atlet, jurulatih dan pegawai-pegawai sukan kerap kali dilaksanakan bagi membentuk kecergasan fizikal, mental, teknikal dan taktikal bagi membentuk kegemilangan dalam sukan yang diceburi. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sentiasa memastikan agar setiap fasa latihan, kursus dan kem yang dijalankan adalah berkonsepkan perkembangan terkini berlandaskan teras Sains Sukan yang diguna pakai oleh Majlis Sukan Negara Malaysia, Institut Sukan Negara dan juga institusi-institusi sukan dari luar Negara.

Perkembangan terkini MSNPP boleh dinilai melalui penyertaan dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XVIII 2016 di Negeri Sarawak. Secara keseluruhannya, kontinjen Pulau Pinang telah berjaya meraih 26 pingat emas, 12 pingat perak dan 29 pingat gangsa dan telah berjaya mengatasi bilangan kutipan 24 pingat emas yang telah dimenangi semasa SUKMA XVII Perlis 2014 dengan kelebihan 2 pingat emas. Kontinjen Negeri juga berjaya memperbaiki ranking kedudukan dari tempat ke-7 yang dicapai semasa SUKMA XVII Perlis 2014 ke tangga ke-6 di dalam SUKMA XVIII Sarawak 2016.

Sesi mengasah bakat secara komprehensif yang telah dilaksanakan kepada semua atlet-atlet yang telah memenangi pingat perak di SUKMA XVII Perlis 2014 selama 2 tahun telah memberi impak positif apabila sebilangan besar daripada atlet-atlet tersebut telah berjaya melalui fasa peralihan dengan memenangi pingat emas di dalam SUKMA yang diadakan pada tahun ini.

Dilihat dari segi pencapaian atlet di peringkat antarabangsa pula, Pulau Pinang melalui MSNPP boleh dikatakan berjaya melahirkan atlet yang cemerlang yang mampu bersaing dan mencipta nama di peringkat antarabangsa. Antara pencapaian cemerlang atlet yang mengharumkan nama Negeri Pulau Pinang di peringkat antarabangsa termasuklah:

- (i) Dato' Lee Chong Wei yang memenangi Pingat Perak Sukan Badminton di Olimpik 2018, 2012 dan 2016;
 - (ii) Chan Peng Soon yang memenangi Pingat Perak Sukan Badminton di Olimpik 2016;
 - (iii) Muhammad Danish Aizad yang memenangi Pingat Perak di Kejohanan Wushu Remaja Dunia 2016;
 - (iv) Goh Jin Wei yang menjuarai kejohanan Badminton Yonex BWF Remaja Dunia di Lima Peru pada November 2015; dan
 - (v) Zulhelmi Md Pisol yang memenangi Pingat Perak di Sukan Komanwel 2014.
- (b) Dalam usaha memajukan dan meningkatkan mutu sukan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui MSNPP sentiasa melaksanakan program pembangunan sukan secara berterusan dengan memberi penekanan terhadap pendekatan strategi pembangunan di peringkat negeri yang dibangunkan secara komprehensif melalui kerjasama erat di antara MSNPP bersama-sama dengan Institut Sukan Negara (ISN) Pulau Pinang dan Unit Sukan Prestasi Tinggi (USPTN) Pulau Pinang.

Selain memberi fokus kepada pencungkilan bakat-bakat baru serta memastikan kontinjen Negeri beraksi cemerlang di peringkat Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA), MSNPP juga komited untuk terus memperkasakan atlet-atlet negeri agar mereka ini dapat diserapkan ke skuad kebangsaan untuk menjalani latihan bersama Persatuan Kebangsaan ataupun terus dipilih untuk mengikuti program latihan negara di bawah skuad pelapis kebangsaan dan skuad kebangsaan yang dikendalikan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia.

Di peringkat negeri Pulau Pinang pula, pelbagai pelaksanaan program serta strategi diadakan secara berterusan untuk membangunkan sukan negeri dan meningkatkan keupayaan dan prestasi atlet supaya sentiasa mencapai kecemerlangan dalam setiap pertandingan yang disertai.

Antara program dan langkah yang berpotensi untuk menjana transformasi sukan negeri adalah melalui penyediaan dan penaiktarafan kemudahan serta fasiliti sukan sedia ada di bawah pengurusan MSNPP. Selain itu, MSNPP dengan kerjasama Persatuan Sukan Negeri dan Majlis Sukan Daerah terus berusaha untuk mengenal pasti kemudahan dan lokasi-lokasi sukan yang terbaru bagi dijadikan pusat latihan sama ada di peringkat daerah ataupun negeri.

Bagi pembangunan sukan di peringkat akar umbi, MSNPP melalui Majlis Sukan Daerah juga telah giat melaksanakan program pembangunan sukan daerah yang merangkumi sukan Angkat Berat, Olahraga, Taekwondo, Memanah, Silambam, Ping Pong, Silat dan Petanque. Penempatan pegawai-pegawai sukan dari MSNPP di semua Pejabat Daerah dan Tanah bermula tahun 2011 turut membolehkan pembangunan sukan di peringkat daerah digerakkan secara komprehensif dan teratur.

Selain memberi fokus terhadap peningkatan dalam pembangunan sukan negeri secara menyeluruh, MSNPP turut memastikan agar kebajikan serta jalinan kerjasama diantara pihak persatuan diberikan keutamaan dalam memastikan atlet-atlet yang mewakili negeri Pulau Pinang adalah yang terbaik.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Mengikut belanjawan 2016, peruntukan sebanyak RM2.3 juta disediakan untuk program tampil berkaitan kepimpinan wanita. Sila nyatakan program apa yang dimaksudkan?
- (b) Berapakah kos yang dibelanjakan untuk setiap program tersebut? Senaraikan juga impak dan hasil daripada peralaksanaan program tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Program Tampil yang dikendalikan oleh Penang Women Development Corporation (PWDC) merupakan program menjayakan kepimpinan wanita setempat. Program Tampil untuk tahun 2016 yang juga dikenali sebagai Tampil 2.0 : Siri Pemberdayaan Wanita Setempat meliputi beberapa Kawasan Parlimen dan Daerah di Pulau Pinang. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran peserta wanita setempat dalam komuniti tentang konsep kesaksamaan gender dan kepentingan penyertaan wanita dalam kepimpinan dan pembuatan keputusan. Selain itu, peserta-peserta yang berpotensi tinggi menjadi pemimpin juga dikenalpasti daripada Program Tampil untuk latihan kepimpinan lanjutan.
- (b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1,500,000.00 kepada PWDC pada tahun 2016 bagi menampung kos operasi PWDC sementara kos bagi program Tampil yang dianjurkan oleh PWDC kerap kali dikongsi bersama dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau Ahli Parlimen kawasan melalui *strategic partnership* yang memanfaatkan komuniti. Hasil daripada program ini, PWDC telah mengenalpasti wanita yang berpotensi untuk menjadi pemimpin dan wanita-wanita ini akan menjalani latihan kepimpinan. Perincian program, kos dan impak adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BMYMN NO. 9 (ID 411)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Nyatakan jumlah kutipan parkir kereta dan saman parkir kereta yang dikutip mengikut PBT sepanjang tahun 2015.
- (b) Adakah tempat parkir kereta mencukupi di kedua-dua PBT? Jika tidak, apakah cadangan untuk menyelesaikan masalah ini?

- (c) Nyatakan kegunaan hasil kutipan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak membuat kutipan parkir kerana pihak Majlis menswastakan pengurusan sistem letak kereta kepada Syarikat Perkhidmatan Alam Indah Sdn. Bhd. Syarikat tersebut akan membayar kepada MBPP secara bulanan atas dasar pajakan tempat letak kereta iaitu sebanyak RM606,130.00 sebulan (RM7,273,560.00 setahun). Jumlah kutipan parkir kereta Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM4,890,000.00. Manakala, jumlah Saman Parkir oleh MBPP bagi tahun 2015 berjumlah RM1,848,932.00 dan MPSP adalah berjumlah RM1,600,000.00.
- (b) MBPP sememangnya menyedari bilangan tempat letak kereta adalah tidak mencukupi. Sehubungan itu, pihak MBPP telah mensyaratkan setiap cadangan pemajuan yang dikemukakan melalui Permohonan Kebenaran Merancang & Pelan Bangunan supaya menyediakan tempat letak kenderaan secara fizikal yang mencukupi di atas tapak pemajuan. Pematuhan kehendak penyediaan tempat letak kenderaan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) semasa memutuskan sesuatu permohonan pelan cadangan pemajuan dalam kawasan pentadbiran MBPP. Manakala, tempat letak kereta di kawasan MPSP pula adalah mencukupi kecuali di tempat-tempat tumpuan disebabkan oleh aktiviti berpusat seperti bank, restoran dan pusat tuisyen.

Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terutamanya MBPP sentiasa prihatin dengan masalah kekurangan tempat meletak kenderaan di Pulau Pinang dan antara langkah-langkah yang telah diambil adalah :

- (i) Menambah bilangan tempat meletak kenderaan di kawasan yang mempunyai permintaan yang tinggi.
- (ii) Mewujudkan tempat letak kenderaan bertingkat seperti yang terdapat di Lebuh Pantai, Pasar Chowrasta dan Lebu Union.
- (iii) Menyusun semula aliran lalu lintas dengan menjadikan laluan sehalu untuk mewujudkan ruang yang lebih luas bagi menambah jumlah petak letak kereta awam.
- (iv) Menyediakan perkhidmatan percuma iaitu Central Area Transit (CAT) - Free Shuttle dalam pusat bandar George Town untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian.
- (v) Menyediakan perkhidmatan Bridge Express Shuttle Transit (BEST) Free Industry Zone (FIZ) dan KOMTAR bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam ke tempat kerja agar pengurangan jumlah kenderaan persendirian.
- (vi) Memberi kerjasama kepada Syarikat Rapid Bus Sdn. Bhd. dalam menambah baik perkhidmatan bas di kawasan pulau, Pulau Pinang untuk memudahkan orang awam menggunakan perkhidmatan bas sekali gus mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian.
- (vii) Melebar/menaik taraf bahu jalan yang sesuai untuk dijadikan tempat parkir kereta.
- (viii) Memastikan setiap pemaju mengikut Garis Panduan Tempat Letak Kenderaan Majlis iaitu setiap cadangan pemajuan yang dikemukakan melalui Permohonan Kebenaran Merancang & Pelan Bangunan disyaratkan untuk menyediakan tempat letak kenderaan secara fizikal yang mencukupi di tapak pemajuan. Pematuhan kehendak penyediaan tempat letak kenderaan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat semasa memutuskan sesuatu permohonan pelan cadangan pemajuan.

- (ix) Cadangan untuk pelaksanaan 1P (1 jam Perletakan) untuk kereta di beberapa kawasan Pulau Tikus di sekitar Jalan Servis dan Jalan Burma. Tujuan pelaksanaan adalah untuk menggalakkan pusingan penggunaan dan memberi lebih peluang kepada orang ramai untuk meletak kereta di kawasan tersebut.
- (c) Hasil kutipan parkir kereta oleh MPSP digunakan untuk menampung kos untuk kerja-kerja penyelenggaraan tempat letak kereta, kerja-kerja menurap tempat letak kereta, percetakan tiket berkupon, bayaran cukai perkhidmatan jualan petak letak kereta, komisyen kepada wakil penjual kupon letak kereta, dan lain-lain kos yang berkaitan. Manakala kutipan MBPP secara keseluruhan adalah digunakan untuk membiayai perbelanjaan :-
 - (i) Emolumen (berkaitan gaji dan elaun);
 - (ii) Perkhidmatan dan Bekalan (berkaitan sewaan, utiliti, penyelenggaraan, bekalan bahan, bekalan alatan, pembaikan dan lain lain);
 - (iii) Aset (hal berkaitan pembangunan, naik taraf kemudahan, pembelian jentera dan lain lain); dan
 - (iv) Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (berkaitan ganjaran, pemberian dalam negeri dan gantian cuti rehat).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 11. (a) Senaraikan projek di bawah MARRIS yang dilaksanakan oleh JPS Pulau Pinang pada tahun 2014-2016.
- (b) Adakah JPS bersetuju untuk menjadikan Sungai Jarak dan Pengkalan Machang sebagai sungai yang terlibat untuk program agrotourism? Jika ya, apakah sumbangan JPS?
- (c) Apakah tindakan JPS dalam memastikan projek berkaitan sungai adalah mampan dan menjaga kepelbagaian biologi sungai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 11. (a) Jabatan Pengairan & Saliran Pulau Pinang, (JPS) telah melaksanakan 59 projek pada tahun 2014, 77 projek pada tahun 2015 dan 65 projek pada tahun 2016 di bawah peruntukan MARRIS. Senarai projek mengikut tahun adalah seperti di Lampiran A.
- (b) JPS tiada halangan untuk menjadikan Sungai Jarak dan Sungai Pengkalan Machang sebagai sungai yang terlibat dengan program *agrotourism* sekiranya pihak pemaju menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pihak JPS akan memberi khidmat nasihat teknikal supaya perancangan *agrotourism* tersebut mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- (c) Bagi memastikan projek-projek berkaitan sungai yang mampan dan menjaga ekologi sungai, JPS akan memastikan pemaju projek serta perunding yang terlibat dalam pembangunan mematuhi Garis Panduan Rezab Sungai JPS sebelum sesuatu projek pembangunan diluluskan.

RUJUK LAMPIRAN A BMYMN NO. 11 (ID 413)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 12. (a) Nyatakan kadar cukai taksiran mengikut kategori perumahan di kedua-dua PBT di negeri Pulau Pinang.
- (b) Nyatakan jumlah kutipan dan tunggakan cukai taksiran pada tahun 2015 mengikut PBT.

- (c) Apakah tindakan pihak MPSP / MBPP dalam menyelesaikan isu tunggakan kutipan cukai ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Kadar cukai taksiran mengikut kategori perumahan di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah di antara 0.40 hingga 9.30 peratus. Perincian kadar cukai mengikut PBT dan kategori rumah adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Jumlah kutipan dan tunggakan cukai taksiran MBPP bagi tahun 2015 masing-masing adalah berjumlah RM197.71 juta dan RM66.76 juta manakala bagi MPSP pula masing-masing adalah berjumlah RM161.84 juta dan berjumlah RM20.64 juta.
- (c) Tindakan yang telah serta akan terus diambil oleh MBPP dan MPSP untuk mengurangkan tunggakan cukai taksiran mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 adalah seperti berikut:
- (i) Membuat semakan alamat terkini pemilik premis.
 - (ii) Majlis juga telah mengambil langkah yang lebih proaktif dengan menyemak tunggakan ke atas setiap kemasukan pelan merancang atau pelan bangunan. Ini bermakna pemaju diminta menjelaskan tunggakan masing-masing sebelum meneruskan dengan sesuatu pemajuan.
 - (iii) Menjemput pemilik premis ke Jabatan Perbendaharaan untuk berbincang bagi mengenal pasti punca tunggakan dan memberikan nasihat untuk mengatasi masalah tunggakan tersebut.
 - (iv) Menggalakkan komunikasi dua hala agar pemilik tidak hanya menunggu sehingga Majlis mengambil tindakan. Sekiranya pada peringkat awal tunggakan telah dapat dikenal pasti, pegawai Majlis akan dapat memberikan nasihat sewajarnya untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi.
 - (v) Majlis sentiasa berusaha serta memberi ruang kepada pemunya untuk bersemuka dan mendapatkan gambaran sebenar mengenai situasi yang dihadapi oleh pemunya serta kesanggupan menjelaskan tunggakan cukai taksiran.
 - (vi) Membuat lawatan ke rumah atau premis pemilik untuk mendapatkan maklumbalas dari penyewa atau pemilik. Melalui kaedah ini secara tidak langsung Majlis mendapat persefahaman tentang kedudukan pemilikan ke atas premis tersebut samada telah dijual, disewa dan lain-lain.
 - (vii) Membenarkan pemunya membuat bayaran ansuran tunggakan cukai taksiran. Dengan cara ini pemunya akan rasa selesa serta mengurangkan beban untuk menjelaskan bayaran tunggakan. Bayaran ansuran akan menjadi lebih berkesan jika ia dipantau dari semasa ke semasa agar memastikan pemunya membuat bayaran mengikut jadual bayaran yang telah ditetapkan.
 - (viii) Melaksanakan '*Garnishment of Rental*' dengan mengambil sebahagian bayaran sewa penyewa kepada Majlis bagi tujuan mendapatkan tunggakan cukai semasa operasi dijalankan ke atas premis-premis yang mempunyai tunggakan cukai.
 - (ix) Ajen kutipan hutang juga telah dilantik untuk mengadakan lawatan ke premis yang mempunyai tunggakan dan membuat rundingan supaya pembayar cukai menjelaskan tunggakan.
 - (x) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan waran iaitu Borang G untuk menahan sebarang harta alih seperti inventori yang dimiliki oleh pemunya atau Borang H yang ditampal di luar premis yang didapati kosong

semasa operasi dijalankan dengan tujuan untuk memaklumkan pemunya mengenai tunggakan cukai.

- (xi) Melaksanakan rampasan harta mudah alih yang terdapat di dalam premis berkaitan.
- (xii) Melaksanakan tindakan kaveat melalui peruntukan Kanun Tanah Negara. Melalui tindakan ini, MBPP dan MPSP telah mengisytiharkan kepentingan Majlis ke atas tanah atau bangunan dalam usaha mendapatkan semula tunggakan cukai taksiran.

RUJUK LAMPIRAN A BMYMN NO. 12 (ID 414)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 13. (a) Nyatakan jumlah penagih dadah di Pulau Pinang dari tahun 2012 – 2015 mengikut daerah.
- (b) Sila kemukakan statistik tangkapan terkini yang telah dilakukan mengikut pecahan daerah.
- (c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membanteras masalah tersebut dan apakah punca utama yang menyebabkan masalah ini terus berleluasa selain daripada AADK?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 13. (a) Jumlah keseluruhan penagih dadah di Pulau Pinang dari tahun 2012 – 2015 adalah seramai 28,983 penagih. Jumlah penagih mengikut daerah adalah seperti yang diperolehi dari PDRM berikut:

DAERAH	2012	2013	2014	2015	JUMLAH
TIMUR LAUT	3,598	3,503	2,520	2137	11,758
SPU	1,943	1,685	1,797	1198	6,623
SPT	1,431	1,224	931	849	4,435
SPS	703	632	644	619	2598
B/DAYA	1,071	987	845	666	3,569
JUMLAH	8,746	8,031	6,737	5469	28,983

- (b) Jumlah tangkapan penagih dadah untuk semua daerah termasuk IPK adalah sebanyak 3,186 penagih dan pecahan adalah seperti berikut:

	IPK	T/LAUT	B/DAYA	SPU	SPT	SPS	JUMLAH
JUMLAH TANGKAPAN	590	652	481	759	295	409	3,186

- (c) Punca utama masalah ini berleluasa ialah:
 - (i) Hukuman yang dikenakan ke atas penagih dadah ini terlalu ringan.
 - (ii) Penagih dadah yang dikenakan tahanan Orang Kena Pengawasan (OKP) di tempat sendiri boleh terjebak ke dalam kancah penagihan semula kerana pengaruh kawan-kawan yang ada.

- (iii) Tiada sokongan daripada keluarga dan masyarakat bagi membantu bekas penagih dadah ini supaya dapat melupakan ketagihan dadah.
- (iv) Kurang penyeliaan yang rapi daripada agensi-agensi dan pertubuhan-pertubuhan (NGO) yang sepatutnya.

Tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membanteras masalah tersebut adalah :

- (i) One Stop Centre akan diwujudkan yang dikenali sebagai Mutiara Harapan dimana akan berfungsi sebagai sebuah pusat yang membekalkan khidmat kaunseling kepada pengguna dadah atau ahli keluarga yang terlibat dengan dadah untuk mendapatkan maklumat mengenai dadah dan bagaimana cara untuk mencegah penggunaan dadah.
- (ii) Membangunkan laman web rasmi iaitu www.pdpi.my, laman web interaktif yang membekalkan maklumat seperti jenis dadah dan bahaya dadah kepada tubuh badan, langkah-langkah pencegahan dadah, bagaimana mengatasi masalah penggunaan dadah, persoalan lazim (FAQ) dan senarai-senarai institusi yang menyediakan kepakaran, ubat-ubatan yang boleh membantu memulihkan pengguna dadah,
- (iii) Penghasilan empat video mengenai bahaya dadah kepada kehidupan telah dihasilkan untuk dihebahkan didalam media sosial, laman sesawang dan media massa.

Tindakan PDRM bagi membanteras masalah tersebut adalah :

- (i) Mengadakan operasi setiap hari untuk mengesan dan menangkap penagih dadah.
- (ii) Sentiasa membuat serbuan ke atas sarang-sarang yang disyaki tempat penagihan dadah.
- (iii) Menangkap pengedar-pengedar dadah supaya penagih dadah tiada sumber untuk mendapatkan bekalan dadah.
- (iv) Melancarkan operasi bersepadu bersama jabatan- jabatan lain bagi membanteras penagih dadah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 14. (a) Senaraikan kemudahan sukan serta nilai kos yang telah berjaya disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2008 hingga kini mengikut DUN.
- (b) Senaraikan kriteria keutamaan kelulusan peruntukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 14. (a) Pelbagai kemudahan sukan telah disediakan dan dinaik taraf oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan gaya hidup sihat serta mencapai kecemerlangan dan pengiktirafan dalam bidang sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sejak tahun 2008 sehingga 2016, Kerajaan Negeri telah melaksanakan 84 projek naik taraf kemudahan sukan di seluruh negeri yang melibatkan kos sebanyak RM42,154,648.45. Perincian kemudahan sukan yang disediakan dan dinaik taraf oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 sehingga kini mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) serta kos yang terlibat adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Kriteria keutamaan kelulusan peruntukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi penyediaan kemudahan sukan adalah seperti berikut:
 - (i) Nilai kos projek;
 - (ii) Kesediaan tapak; dan

- (iii) Keperluan kumpulan sasar.

RUJUK LAMPIRAN A BMYMN NO. 14 (ID 416)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu anak muda yang tercicir dalam pelajaran?
- (b) Apakah program yang telah dilaksanakan untuk membantu anak muda tersebut pada tahun 2015 dan 2016?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Dalam membantu anak-anak muda yang tercicir dalam pelajaran, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program-program kemahiran dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Penang Development Corporation (PDC), Penang Skills and Development Centre (PSDC), Universiti Sains Malaysia (USM) dan institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang lain. Program-program ini membantu meningkatkan tahap pembangunan sumber manusia berteraskan latihan kemahiran di Pulau Pinang.

Antara bidang kemahiran yang menjadi sasaran utama Kerajaan Negeri bagi memenuhi pasaran sumber tenaga kerja adalah teknologi pemesanan kepersisan, kejuruteraan (komputer, elektronik, mekatronik, telekomunikasi), dan teknologi pembuatan (CAD/CAM).

- (b) Bagi tahun 2015 dan 2016 program-program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu anak-anak muda yang tercicir dalam pelajaran adalah seperti berikut :
- (i) *Vocational Skills Employment Program (VSEP)* untuk menyediakan program latihan dan pengajian vokasional;
- (ii) German Dual Vocational Training (GDVT) untuk meningkatkan bakat dan kemahiran di Pulau Pinang;
- (iii) Memperkenalkan Program Penang @CAT untuk membantu usahawan kecil yang terlibat di dalam bidang kreatif animasi, analisis dan teknologi ataupun yang terlibat di dalam sektor "Internet of Things"(IOT);
- (iv) Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan kecil dan menggalakkan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan; dan
- (v) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang untuk memberi dorongan kepada golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Nyatakan jumlah kes LGBT yang telah direkodkan oleh JAIPP dan senaraikan operasi penguatkuasaan untuk membentaras kegiatan LGBT.
- (b) Sila nyatakan jumlah anak luar nikah dari 2008 hingga kini dan berapakah jumlah perceraian dan perincikan mengikut tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Tiada kes perlakuan LGBT (*Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender*) yang direkodkan secara khusus oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP).

Operasi penguatkuasaan yang dijalankan oleh JHEAIPP samada hasil aduan orang awam atau secara bersepadu dengan agensi penguatkuasa lain tidak mengkhususkan kepada kes-kes perlakuan LGBT tetapi berdasarkan kepada peruntukan kesalahan yang disebut dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang Tahun 1996.

- (b) JHEAIPP tidak mengendalikan kes anak luar nikah dan tidak mempunyai rekod mengenainya. Manakala kes penceraian di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 sehingga 31 Oktober 2016 adalah berjumlah 11,237 kes. Perincian jumlah kes mengikut tahun dari 2008 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:-

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016 (setakat 31 Oktober)
BIL. KES PENCERAIAN	937	1,162	1,297	1,298	1,129	1,374	1,292	1,391	1,357

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Mohon menyatakan jumlah kos yang dibelanjakan setiap minggu untuk menerbit dan mengedarkan akhbar Buletin Mutiara.
- (b) Agensi atau jabatan manakah yang bertanggungjawab menguruskan penerbitan akhbar berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Penerbitan dan pengedaran akhbar Buletin Mutiara dilaksanakan dua kali sebulan. Berhubung kos penerbitan dan pengedarannya pembayaran dibuat secara bulanan adalah berjumlah RM767,852.00. Perincian bagi kos bulanan yang terlibat adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	JUMLAH (RM)
1	Perkhidmatan Merekabentuk Dan Mencetak Buletin Mutiara	688000
2.	Perkhidmatan Pengedaran Buletin Mutiara Ke Seluruh Negeri Pulau Pinang (kawasan-kawasan perumahan, pangsapuri-pangsapuri, flat-flat, kampung-kampung, masjid-masjid, pasar raya, hotel-hotel, pejabat-pejabat kerajaan, NGO dan lain-lain).	79,852.00
JUMLAH PEMBAYARAN SEBULAN		767852

- (b) Jabatan yang terlibat dalam penerbitan akhbar buletin mutiara ialah Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Berapakah peruntukan MARRIS yang diterima dan dibelanja oleh KNPP setiap tahun dari 2008-2015? Sila senaraikan perbelanjaan MARRIS mengikut PBT/agensi kerajaan serta tahun dan senaraikan projek marris yang dilaksanakan di DUN Sungai Dua dari 2008-2015 beserta nilainya.
- (b) Berapakah peruntukan KNPP telah dibelanjakan untuk menyelenggara jalan negeri dan jalan PBT dari 2008-2015?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Peruntukan MARRIS yang diterima oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2008 hingga 2015 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH TERIMAAN PERUNTUKAN (RM)
2008	34,160,560.00
2009	51,369,226.00
2010	57,261,928.00
2011	59,685,592.00
2012	65,981,247.00
2013	84,588,635.26
2014	94,439,688.00
2015	101,460,524.00

Senarai perbelanjaan MARRIS mengikut Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saluran (JPS), Pejabat Daerah dan Tanah serta Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di Lampiran A.

Senarai projek MARRIS yang dilaksanakan di DUN Sungai Dua dari tahun 2008 hingga 2015 adalah seperti di Lampiran B.

- (b) Jumlah perbelanjaan bagi menyelenggara jalan negeri dan jalan PBT dari 2008 hingga 2015 adalah seperti jadual di Lampiran C.

RUJUK LAMPIRAN A, B DAN C BMYMN NO 18 (ID 428)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari segi pengurusan, pemuliharaan dan pengekalan sumber biodiversiti (khususnya sumber hutan) di Negeri Pulau Pinang dengan peruntukan RM2.07 juta?
- (b) Sehingga September 2016, apakah yang telah dilaksanakan oleh JPS dalam memulihara pantai dan membaiki kualiti air laut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Sumber biodiversiti merupakan khazanah alam semulajadi yang mempunyai nilai komersial dan perlu diurus secara lestari bagi memastikan ianya dapat digunakan secara berterusan untuk kepentingan generasi masa hadapan. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan sasaran untuk memastikan bahawa sumber hutan perlu diurus berdasarkan prinsip "Pengurusan Hutan Secara Berkekalan" demi memastikan sumber biodiversiti hutan sentiasa terpelihara. Langkah-langkah yang telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM2.07 juta bagi memelihara sumber biodiversiti di Pulau Pinang dibahagikan kepada lima (5) komponen berikut:-
- (i) Pengurusan persempadanan sumber hutan secara lestari;
 - (ii) Pemeliharaan dan perlindungan sumber-sumber biodiversiti;
 - (iii) Publisiti dan penyampaian maklumat kepada masyarakat mengenai kepentingan hutan;

- (iv) Pembangunan dan penjenamaan hutan sebagai kawasan eko-pelancongan; dan
- (v) Menaiktaraf infrastruktur bagi memudahcara urus tadbir hutan-hutan negeri.

Perincian perbelanjaan peruntukan sebanyak RM2.07 juta yang telah disalurkan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang adalah seperti di Lampiran A.

- (b). Sehingga September 2016, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang sedang menjalankan dua projek bagi pemuliharaan pantai dan pembaikan kualiti air laut iaitu:-
 - (i) Projek Pemuliharaan Pantai dan Pembaikan Kualiti Air Laut di Batu Feringghi, Pulau Pinang bernilai RM10, 850,000.00; dan
 - (ii) Projek Pembinaan Struktur Wetland dan Kerja-kerja Berkaitan di Sungai Satu, Batu Feringghi, Pulau Pinang yang RM2,233,420.00.

Peruntukan bagi kedua-dua projek tersebut disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan. Objektif pelaksanaan kedua-dua projek berkenaan adalah untuk mengatasi isu pencemaran sungai dan pantai serta masalah hakisan yang di kawasan perairan Batu Feringghi.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang juga telah melaksanakan inisiatif bagi memulihara pantai dan pembaikan kualiti air laut seperti berikut:-

- (i) Menubuhkan pasukan Task Force bagi mengatasi isu-isu pencemaran laut, sungai dan pantai yang dipengerusikan oleh Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir. Task Force ini diurusetikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang dan dianggotai oleh:-
 - Bahagian Perancang Ekonomi Negeri;
 - Majlis Bandaraya Pulau Pinang;
 - Majlis Perbandaran Seberang Perai;
 - Jabatan Alam Sekitar;
 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar;
 - Pejabat-pejabat Tanah Dan Daerah;
 - Jabatan Pertanian;
 - Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara; dan
 - Indah Water Konsortium
- (ii) Memastikan permohonan kemajuan berkaitan sungai dan pantai mematuhi garis panduan-garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang seperti berikut :-
 - Manual Saliran Mesra Alam;
 - Erosion and Sediment Control Plan (ESCP); dan
 - Garis panduan pembangunan berhadapan sungai.
- (iii) Melaksanakan kerja-kerja pemulihan dan pencegahan di punca-punca pencemaran menggunakan teknologi terkini seperti berikut:-
 - Penggunaan Effective Micro-organism;
 - Pemasangan Gross Pollution Trap (GPT) / Log Boom;
 - Pemasangan dan penguatkuasaan Fat, Oil and Grease Trap (FOG) di gerai-gerai, kantin, dan premis-premis perniagaan; dan
 - Pembersihan sungai menggunakan Infinitesimal Quantum Persistent Reflection Technology (IQPR)

- (iv) Bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang melalui pemantauan kualiti air sungai dan pantai secara berkala bagi memastikan tindakan segera dapat diambil ke atas punca-punca pencemaran jika bacaan parameter kualiti air yang dikesan melebihi piawai yang ditetapkan; dan
- (v) Menjalankan aktiviti berbentuk pendidikan dan kesedaran awam kepada pihak industri dan orang ramai bagi memastikan masyarakat turut bersama menjaga kualiti air sungai dan pantai.

RUJUK LAMPIRAN A BMYMN NO. 19 (ID 429)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Sila senaraikan pecahan agihan peruntukan sektor pertanian (IAT) bagi tahun 2016 yang berjumlah RM13,564,160.00.
- (b) Senaraikan bilangan tukun tiruan yang telah dibina di Pulau Aman dan Pulau Kendi, jumlah perbelanjaan terlibat serta bilangan nelayan yang telah diberikan bantuan pukak dengan peruntukan RM1.6 juta bagi tahun 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM13,564,160.00 bagi pembangunan pertanian dan industri asas tani. Daripada jumlah tersebut, RM10,384,160.00 dikhaskan bagi maksud belanja mengurus jabatan dan RM 3,180,000.00 bagi tujuan program pembangunan. Pecahan peruntukan bagi maksud pembangunan di bawah Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

TAJUK PROJEK/PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)
Pembangunan Khidmat pengembangan	280,000.00
Program Perkhidmatan Kejenteraan	200,000.00
Pembangunan Pusat Inkubator Tasek Cempedak dan Bumbung Lima	70,000.00
Pembangunan Pusat Perkembangan Teknologi Cherok Tok Kun	140,000.00
Pembangunan Pusat Teknologi Sungai Acheh	40,000.00
Pembangunan Tanaman Padi	550,000.00
Projek Pembangunan Tanaman Buah-buahan	500,000.00
Pembangunan Tanaman Sayur-sayuran	500,000.00
Pembangunan Petani Pelapis	80,000.00
Pembangunan Lain-lain Tanaman Ekonomi	150,000.00
Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan	180,000.00
Pembangunan Kelompok Tani	70,000.00
Program Pembangunan Aktiviti Promosi Pertanian	150,000.00
Pembangunan Kawasan Kelapa	100,000.00
Pengukuhan Khidmat Pengembangan dan Komunikasi Pembangunan	80,000.00
Menaitaraf Makmal Ujikaji Industri Hiliran Makanan Cherok Tok Kun	40,000.00
Pembangunan Peningkatan Mutu Perumahan Kakitangan	50,000.00
Jumlah	3,180,000.00

- (b) Peruntukan RM1.6 juta yang dimaksudkan semasa sesi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga DUN Ke-13 pada November 2015 adalah merujuk kepada peruntukan tahun semasa iaitu tahun 2015. Bagi projek tukun tiruan tahun 2015, sebanyak 1,000 unit tukun

berbentuk kuboid telah disediakan dan dilepaskan masing-masing 500 unit di perairan Pulau Kendi dan 500 unit di Pulau Aman dengan kos RM393,900.00. Bagi Program Bantuan Pukat kepada Nelayan Pesisir Pantai pula, seramai 3,186 orang penerima pada siri-4 dan 3,121 orang penerima bagi siri-5 telah menerima bantuan peralatan menangkap ikan pada 2015. Jumlah yang telah dibelanjakan bagi bantuan pukat sepanjang tahun 2015 adalah RM1,089,199.15 dengan purata RM180.00 seorang penerima bagi setiap siri.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Senaraikan bilangan perniagaan tempat judi, kelab malam, pusat hiburan dan rumah urut yang telah dikeluarkan lesen oleh pihak MPSP dan MBPP daripada tahun 2008 hingga 2016.
- (b) Berapakah jumlah pendapatan yang diperolehi oleh MPSP dan MBPP daripada kutipan lesen-lesen tersebut daripada tahun 2008 hingga 2016?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Penggunaan istilah kelab malam adalah kurang tepat. Kerajaan Negeri dibawah Enakmen Hiburan Awam hanya mengeluarkan Lesen Hiburan Awam yang merangkumi aktiviti-aktiviti seperti muzikal (soft music), pawagam, karaoke, mesin simulator, mesin karnival dan mini bar. Selain itu, lesen kelab malam yang dimaksud adalah aktiviti *live band*, nyanyian dan dewan tarian.
- (a) Jumlah keseluruhan Lesen Hiburan Awam yang telah dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dari tahun 2008 hingga 2016 bagi kategori pusat hiburan *live band*, nyanyian dan dewan tarian adalah sebanyak 286 manakala pusat hiburan yang merangkumi aktiviti-aktiviti seperti muzikal (soft music), pawagam, karaoke, mesin simulator, mesin karnival dan mini bar adalah sebanyak 1,117 dan rumah urut adalah sebanyak 1,335. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula tidak mengeluarkan sebarang lesen bagi *live band*, nyanyian dan dewan tarian manakala jumlah lesen yang dikeluarkan ke atas pusat hiburan awam yang merangkumi aktiviti-aktiviti seperti muzikal (soft music), pawagam, karaoke, mesin simulator, mesin karnival dan mini bar dan rumah urut adalah sebanyak 277 dan 130. Perincian maklumat lesen mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan tahun adalah seperti di Lampiran A. Lesen tempat judi dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
- (b) Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh MBPP hasil daripada kutipan bayaran lesen kelab malam, pusat hiburan dan rumah urut dari tahun 2008 hingga 2016 adalah sebanyak RM365,370.00 manakala MPSP pula adalah sebanyak RM757,231.00.

RUJUK LAMPIRAN A BMYMN NO. 21 (ID 431)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Sila senaraikan premis perniagaan yang telah dirobohkan oleh pihak MPSP sepanjang tahun 2008 hingga 2016 beserta lokasinya.
- (b) Atas alasan apakah bangunan itu dirobohkan dan mengapa ada sebahagian premis yang melanggar peraturan tidak dirobohkan?
- (c) Apakah langkah-langkah MPSP dalam membantu peniaga-peniaga kecil untuk berniaga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Jumlah premis perniagaan atau komersial yang telah dirobohkan oleh MPSP dari tahun 2008 sehingga 2016 adalah sebanyak 52. Maklumat terperinci premis mengikut jenis perniagaan, lokasi, daerah dan tarikh operasi adalah seperti di Lampiran A.

- (b) Tindakan penguatkuasaan perobohan diambil di bawah Seksyen 72, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) kerana binaan yang dibina tidak ada kebenaran bertulis daripada MPSP. Sebahagian premis yang melanggar peraturan masih belum dirobohkan kerana masih dalam pemantauan MPSP dan tindakan perundangan secara berperingkat oleh MPSP termasuk tindakan kompaun dan mahkamah.
- (c) Langkah-langkah yang diambil dalam membantu peniaga-peniaga kecil untuk berniaga adalah seperti berikut :-
 - (i) Memberi keutamaan untuk mengisi ruang niaga (pasar & kompleks penjaja) MPSP kepada penjaja di gerai-gerai yang diambil tindakan penguatkuasaan dengan menjemput mereka menghadiri temuduga yang ditetapkan MPSP pada setiap bulan tertakluk kepada bilangan gerai yang masih kosong.
 - (ii) Menggalakkan jenis perniagaan *food truck* kepada penjaja.
 - (iii) Mengeluarkan permit penjaja sementara kepada penjaja yang berniaga secara bermusim / sementara di kawasan yang dibenarkan.
 - (iv) Menambah petak niaga di pasar-pasar awam / kompleks makanan MPSP yang masih mempunyai ruang bersesuaian.
 - (v) Mensyaratkan kepada pemaju dalam pembangunan untuk menyediakan ruang niaga kepada penjaja.
 - (vi) Mewujudkan Garis Panduan Kaedah Penjaja Secara Mudah Alih untuk memudahkan penjaja mendapatkan permit / lesen penjaja.

RUJUK LAMPIRAN A BMYMN NO. 22 (ID 432)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 23. Apakah benar maklumat yang dilaporkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa projek perumahan kos sederhana rendah di Laguna Indah Seberang Perai Tengah adalah projek pertama disiapkan di bawah pentadbiran Pakatan Harapan dan sejak 2008 Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyiapkan 9,133 unit sederhana manakala pentadbiran di bawah Barisan Nasional hanya menyiapkan 769 unit dari tahun 2000 hingga 2007?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 23. Taman Laguna Indah, Jalan Baru, Perai merupakan skim Rumah Mampu Milik 'B' pertama yang dilengkapi kemudahan berpagar dan kawalan keselamatan 24 jam. Selain itu juga, projek ini merupakan projek Rumah Mampu Milik 'B' yang pertama di Daerah Seberang Perai Tengah, yang **dibina dan disiapkan** dalam tempoh kerajaan Pakatan Harapan mentadbir negeri Pulau Pinang iaitu semenjak 2008.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang konsisten dalam usaha memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah sentiasa terpelihara. Bagi merealisasikan objektif ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai dasar perumahan yang bertujuan menggalakkan pembinaan Rumah Mampu Milik 'A' (Kos Rendah), 'B' (Kos Sederhana Rendah) dan lain-lain kategori. Susulan daripada dasar-dasar perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008, sejumlah 11,487 unit Rumah Mampu Milik 'A' dan 9,400 unit Rumah Mampu Milik 'B' telah siap dibina di kelima-lima daerah di Pulau Pinang.

Pada masa ini juga, Kerajaan Negeri sedang merancang 14 lagi projek melibatkan pembinaan sejumlah 9,175 unit Rumah Mampu Milik 'A' dan 'B'. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan memainkan peranan sebagai agensi pelaksana projek-projek ini selain syarikat-syarikat swasta yang dilantik melalui kaedah *Request for Proposal* (RFP).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Berapa unitkah rumah PPR yang dibina oleh Pakatan Harapan sejak mentadbir Negeri Pulau Pinang sedangkan Kerajaan Barisan Nasional sejak 2004 telah membina 1,712 unit rumah PPR dan 15,761 buah rumah mampu milik di bawah RM 80,000.00 seunit?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kerajaan Negeri sama ada di bawah pentadbiran Pakatan Harapan mahu pun Barisan Nasional tidak pernah melaksanakan pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR). Pelaksanaan projek PPR yang merangkumi proses pemilihan tapak, permohonan peruntukan dan kerja pembinaan merupakan tanggungjawab Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Kerajaan Persekutuan sepenuhnya. Kerajaan Negeri terlibat menyediakan tanah bagi tujuan PPR. Kerajaan Negeri hanya menguruskan pengisian, penyelenggaraan dan kutipan sewa yang bermula setelah projek ini diserahkan oleh KPKT kepada Kerajaan Negeri.

Mengikut maklumat yang diperolehi daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) seperti di Lampiran A, daripada jumlah keseluruhan unit PPR di seluruh negara iaitu 102,118 unit, Pulau Pinang hanya mempunyai 999 unit PPR iaitu terendah di Malaysia.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang konsisten dalam usaha memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah sentiasa terpelihara. Bagi merealisasikan objektif ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai dasar perumahan yang bertujuan menggalakkan pembinaan Rumah Mampu Milik kategori 'A' (Kos Rendah), 'B' (Kos Sederhana Rendah) dan lain-lain kategori. Susulan daripada dasar-dasar perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008, sejumlah 11,487 unit Rumah Mampu Milik 'A' dan 9,400 unit Rumah Mampu Milik 'B' telah siap dibina berbanding dari tahun 2001 sehingga 2007 di mana hanya 4,355 unit Rumah Mampu Milik 'A' (Kos Rendah) dan 769 unit Rumah Mampu Milik 'B' (Kos Sederhana Rendah) sahaja telah siap dibina.

RUJUK LAMPIRAN A BMYMN NO. 24. (ID 434)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Mengapakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menolak permohonan untuk membina rumah oleh Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia di Telok Kumbar dan Balik Pulau iaitu sebanyak 2,097 unit seperti yang dilaporkan oleh akhbar Sin Chew Jit Poh bertarikh 17 Oktober 2016?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Sehingga Oktober 2016, Kerajaan Negeri telah menerima Permohonan Perlingkungan Semula bagi tiga (3) Cadangan Pembangunan Projek Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) untuk dilaksanakan di Daerah Barat Daya. Cadangan-cadangan projek ini melibatkan penyediaan 5,906 unit pangsapuri masing-masing 2,464 unit di Teluk Bahang, 962 unit di Balik Pulau dan 2,480 unit di Relau. Setakat ini, tiada permohonan cadangan projek PPA1M di kawasan Teluk Kumbar yang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri.

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.10 dan Bil.11/2016 telah menolak ketiga-tiga permohonan tersebut di atas pelbagai sebab teknikal. Antara sebabnya adalah tapak cadangan terletak melebihi ketinggian 76 meter di Zon Pemeliharaan Alam Semula Jadi atau kawasan tanah tinggi yang diwartakan di bawah Akta Pemeliharaan Tanah 1960, tiada laluan keluar-masuk yang sah/semurna dan percanggahan dengan garis panduan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Perincian cadangan projek serta sebab-sebab penolakan adalah seperti yang disenaraikan di Lampiran.

RUJUK LAMPIRAN A BMYMN NO. 25 (ID 435)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Penjualan tanah Bayan Mutiara kepada Syarikat Ivory Berhad dibuat pada 2011 bernilai RM1.07 billion. Terma yang dipersetujui antara CMI/PDC dan Ivory Berhad adalah berperingkat selama 60 bulan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendapat jaminan pendapatan hasil cukai adalah RM 200 juta setahun. Adakah mereka menjelaskan bayaran mengikut jadual? Adakah syarikat diberi milikan tanah oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Terdapat enam (6) ansuran bayaran harga pembelian tanah yang perlu dijelaskan oleh pihak Ivory Properties Group Berhad mengikut jadual bayaran seperti yang dipersetujui dalam *Purchase and Development Agreement (PDA)*. Empat (4) daripada ansuran bayaran pembelian tanah tersebut telah dibayar sepenuhnya oleh Ivory Properties Group Berhad dan baki dua (2) ansuran bernilai RM403,571,203.60 perlu dijelaskan pada 11 November 2016.

Walau bagaimanapun, pihak syarikat telah memohon perlanjutan tempoh pembayaran kelima dan keenam. Mengikut perjanjian, perlanjutan boleh dipertimbangkan sekiranya syarikat membayar faedah terdahulu dan syarikat telahpun membayar faedah berkenaan. Berikutan itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju melanjutkan tempoh pembayaran seterusnya iaitu RM250 juta selewat-lewatnya pada 20 Disember 2016 dan baki RM153.57 juta selewat-lewatnya pada 20 November 2017.

RUJUK LAMPIRAN BMYMN NO. 26 (ID 439)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Berapakah jumlah wang tabung amanah perumahan bumiputera yang terkumpul hingga kini?
- (b) Berapakah jumlah yang telah dibelanjakan dan untuk tujuan apakah wang itu dibelanjakan?
- (c) Benarkah wang tabung ini digunakan untuk membayar pampasan tanah kepada MBPP yang dibina rumah untuk bukan Bumiputera? Berapa nilai pampasan yang dibayar untuk tanah seluas 11 ekar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Negeri Pulau Pinang yang telah ditubuhkan pada 8 September 2009 bertujuan mengutip dana daripada pemaju-pemaju yang memohon untuk pelepasan kuota bumiputera di dalam projek perumahan mereka. Setiap unit perumahan bumiputera yang tidak dapat dijual, pemaju terpaksa membayar satu sumbangan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan satu formula dan sumbangan yang dikutip tersebut akan dimasukkan ke dalam Akaun Amanah ini. Sehingga 30 September 2016, jumlah kutipan bagi Akaun Amanah tersebut adalah RM99,617,382.71.
- (b) Setakat ini, dana di dalam Akaun Amanah tersebut telah digunakan untuk satu (1) projek, iaitu S.P. Chelliah di mana anggaran konservatif pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang berkenaan kos sebenar pembinaan seunit Rumah Mampu Milik (RMM) 'B' (Kos Sederhana Rendah) adalah RM140,000. Jumlah yang dibayar kepada pemaju adalah RM72,500 dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selaku tuan tanah dibayar RM67,500 untuk satu unit RMM 'B' (KSR).
- (c) Melalui pembelian oleh Kerajaan Negeri sejumlah 320 unit RMM 'B' (KSR) melalui kaedah ini, bakal pembeli bumiputera dapat menikmati pembelian seunit RMM 'B' (KSR) bersama sebuah tempat letak kereta (TLK) pada harga RM72,500 dari Kerajaan Negeri, di mana Kerajaan Negeri akan memberi subsidi RM27,500 untuk TLK, di mana pembelian RMM 'B' (KSR) secara biasa daripada pemaju adalah RM100,000 di mana RM72,500 adalah harga unit dan RM27,500 untuk TLK.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Tapak berniaga dan pasar malam Maklom, Sungai Dua telah dirancang pembangunan semula oleh MPSP bagi mengelakkan berlakunya kesesakan lalulintas dan memberi keselesaan kepada pengguna. Ianya telah dirancang lama dan apakah kedudukan pembangunan semula tempat ini?
- (b) Berapakah gerai berniaga dan tapak menjaja yang dibina oleh MPSP di Seberang Perai Utara sepanjang tahun 2008 - 2016?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) masih dalam proses perancangan dan pelaksanaan kajian status tanah, lokasi dan rekabentuk kompleks penjaja yang sesuai untuk pembangunan semula pasar malam dan gerai penjaja di kawasan Maklom, Seberang Perai Utara. Berdasarkan rekod bancian MPSP, sebanyak 60 tapak penjaja pasar malam dan 16 gerai penjaja sedia ada yang beroperasi di kawasan tersebut.
- (b) Dari tahun 2008 sehingga 2016, MPSP telah membina dan menyediakan 67 unit gerai penjaja di pasar awam Bayu Aman, Telok Air Tawar dan 15 unit gerai penjaja di Kompleks Bertam Putra. Selain itu, MPSP juga telah menambah 24 unit petak pasar awam di kawasan Tasek Gelugor, 20 unit di Penaga dan 24 unit di Kepala Batas.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Mohon kerajaan nyatakan dengan terperinci bagi setiap kos penerbitan *Penang Economy Monthly* dan bilangan naskah yang diterbitkan setiap tahun serta jumlah pendapatan yang diperolehi daripada *Penang Economy Monthly* sejak penubuhan sehingga kini.
- (b) Sila nyatakan kaedah pengedaran serta ke mana ianya diedarkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Penerbitan *Penang Monthly* bermula sejak tahun 1999 sebagai risalah yang dinamakan *Penang Economic Monthly* dan bertukar format kepada majalah sejak akhir tahun 2009. Pada bulan Januari 2012 ia dijenamakan semula kepada *Penang Monthly*.

Penang Monthly bukan penerbitan yang berunsurkan keuntungan (*profit-oriented*), tetapi menerima sedikit pendapatan daripada iklan bagi membantu menampung kos penerbitan. Kos penerbitan adalah bergantung kepada bilangan naskah yang diterbitkan. Sejak tahun 2012, keputusan telah diambil untuk mengurangkan jumlah naskah yang diterbitkan dan pada yang sama mempromosikan laman web majalah tersebut. Jumlah penerbitan, kos dan pendapatan setiap tahun sejak tahun 2010 adalah seperti berikut :

Tahun	Naskah setahun	Kos Penerbitan (RM) senaskah	Pendapatan (RM)
2010	72,000	1.83	319,950
2011	76,000	1.83	418,069
2012	72,000	1.83	342,179
2013	52,000	2.20	362,642
2014	48,000	2.20	174,288
2015	36,500	2.45	88,062

2016 (sehingga bulan Oktober)	30,000	2.45	85,657
-------------------------------	--------	------	--------

- (b) Sejak bulan Jun 2015, majalah *Penang Monthly* diedarkan secara percuma ke pelbagai lokasi seperti di kedai buku, café, pejabat atau hospital di George Town, Tanjung Bungah, Bayan Baru, Ayer Itam, Bukit Mertajam, Raja Uda, Sunway University serta Puchong. Pada masa yang sama, ia juga dapat dicapai secara atas talian (*online*) di www.penangmonthly.com.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Apakah fungsi pusat bina diri Pantai Robina Telok Ayer Tawar yang diuruskan oleh MSN yang terbiar tanpa diuruskan dengan baik?
- (b) Berapakah peruntukan yang telah disalurkan untuk pengurusan pusat ini?
- (c) Apakah perancangan masa depan MSN untuk membangunkan pusat ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Pusat Bina Diri Pantai Robina yang terletak di Teluk Air Tawar, Daerah Seberang Perai Utara merupakan sebuah pusat perkhemahan yang bertujuan bagi maksud penganjuran aktiviti-aktiviti pembangunan sahsiah diri untuk individu membina keyakinan diri dan motivasi, memupuk sifat kerjasama berkumpulan serta menjadi insan yang cemerlang. Pusat ini dahulunya dikenali sebagai Pusat Latihan Rekreasi dan Sukan Air Teluk Air Tawar dan berada di bawah pengurusan Persatuan Rekreasi dan Kecergasan Pulau Pinang. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dilantik untuk mengurus Pusat Bina Diri Pantai Robina mulai 16 Januari 2008. Keadaan pusat ini adalah memuaskan dan sentiasa dipantau serta diselenggarakan oleh Majlis Sukan Negeri (MSN).
- (b) Majlis Sukan Negeri (MSN) Pulau Pinang memperuntukkan sebanyak RM8,500.00 sebulan bagi pusat ini yang merangkumi kos pembayaran emolumen untuk seorang penyelia dan seorang pegawai keselamatan, penyelenggaraan berkontrak bagi kerja-kerja pemotongan rumput dan pembayaran utiliti.
- (c) Majlis Sukan Negeri (MSN) Pulau Pinang berhasrat untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur yang lebih banyak untuk aktiviti *Team Building* di pusat tersebut. MSN yakin dengan adanya kemudahan infrastruktur yang lebih banyak, pusat ini akan menjadi tumpuan dan pilihan sekolah, organisasi dan sektor-sektor lain untuk menganjurkan *aktiviti Team Building*.

XX. Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan butir-butir syarikat yang telah membeli tanah perindustrian di *North Penang Science Park* serta butir-butir lot tanah untuk setiap syarikat tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sebanyak 15 syarikat telah membeli tanah perindustrian di North Penang Science Park sehingga bulan Oktober 2016. Senarai syarikat beserta no. plot yang terbabit adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BOCW NO. 1 (ID 471)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila nyatakan butir-butir Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah diagihkan bantuan fakir miskin sempena bulan Ramadhan dan/atau bantuan persekolahan oleh Pusat Urus Zakat serta bilangan bantuan untuk setiap NGO untuk tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah menyalurkan bantuan melalui 121 buah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk diagihkan kepada fakir miskin yang bernaung di bawah pertubuhan masing-masing sempena bulan Ramadhan atau dikenali sebagai bantuan "Nur Ramadhan" . Bantuan tersebut diberikan dalam bentuk hamper barangan keperluan. Di antara tahun 2013 hingga tahun 2016, bilangan bantuan "Nur Ramadhan" yang diagihkan adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1:

TAHUN	BILANGAN
2013	4,550
2014	7,795
2015	5,195
2016	4,199
JUMLAH	21,739

Senarai NGO beserta bilangan bantuan yang disalurkan sempena "Nur Ramadhan" dari tahun 2013 hingga 2016 adalah seperti di Lampiran A.

Di samping itu, ZPP juga telah menyalurkan bantuan baucer persekolahan kepada 15 agensi dan NGO untuk diagihkan kepada fakir miskin. Di antara tahun 2013 hingga 2015, sejumlah 1,450 bilangan bantuan baucer persekolahan telah disalurkan . Agihan tahun 2016 akan dibuat pada bulan Disember sebelum sesi persekolahan 2017 bermula. Bilangan bantuan mengikut tahun adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2:

TAHUN	BILANGAN
2013	263
2014	462
2015	725
JUMLAH	1,450

Senarai NGO beserta bilangan bantuan baucer persekolahan yang disalurkan dari tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di Lampiran B.

RUJUK LAMPIRAN A DAN B BOCW NO. 2 (ID 472)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila senaraikan butir-butir kilang dan lokasinya yang terlibat dalam Program Pemutihan untuk Fasa 1 dan Fasa 2 serta status pemutihan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Program pemutihan kilang-kilang bagi Fasa 1 yang telah bermula pada 19 Disember 2013 dan tamat pada 31 Ogos 2015 adalah melibatkan kilang-kilang yang dibina tanpa kebenaran MPSP yang terletak dalam kawasan Perindustrian. Empat (4) buah kilang telah berjaya diputihkannya manakala 22 buah kilang memohon lanjut tempoh bagi mengemukakan pelan. Maklumat terperinci kilang, lokasi dan status pemutihan adalah seperti di Lampiran A.

Program pemutihan kilang-kilang bagi Fasa 2 melibatkan kilang-kilang yang terletak di luar kawasan perindustrian dan 22 buah kilang yang telah memohon lanjutan tempoh untuk mengemukakan pelan yang berada di dalam kawasan perindustrian. Kini, MPSP masih dalam proses mengumpulkan maklumat berkaitan kilang dan lokasi untuk dimasukkan ke dalam Program Pemutihan Fasa 2.

RUJUK LAMPIRAN A BOCW NO. 3 (ID 473)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah sebab Jawatankuasa Perancangan Negeri memutuskan bagi menggantikan tiga draf Rancangan Tempatan Daerah (RTD) di Seberang Perai dengan satu Rancangan Tempatan yang baru untuk keseluruhan kawasan Seberang Perai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Jawatankuasa Perancang Negeri memutuskan untuk menggantikan tiga (3) Rancangan Tempatan Daerah (RTD) kepada satu rancangan tempatan yang komprehensif iaitu Rancangan Tempatan Seberang Perai (RTSP) bertujuan untuk merangkumi keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) serta mengambil kira keperluan dan cadangan pembangunan masa kini. RTSP juga akan diselaraskan dengan Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berapakah jumlah yang telah dibayar oleh MPSP kepada setiap pakar perunding bagi menyediakan tiga draf Rancangan Tempatan Daerah (RTD) di Seberang Perai dan juga nyatakan butir-butir setiap pakar perunding tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Jumlah keseluruhan kos perunding bagi penyediaan tiga Draft Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai adalah RM3,454,171.50. Bayaran kepada perunding-perunding tersebut diuruskan oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Pejabat Projek Zon Utara (Alor Star). Kos kajian projek dibiayai secara bersama melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Senarai perunding dan perincian bayaran adalah seperti di bawah.

RTD	Kos Kajian (RM)	Peruntukkan (RM)		Kos Perunding (RM)	Nama Perunding
SPU	2,200,000.00	1,500,000.00	700,000.00	1,123,951.50	Perunding Permai
SPT	2,129,630.00	1,419,630.00	710,000.00	1,134,630.00	Jururancang Sepakat
SPS	1,800,000.00	1200,000.00	600,000.00	1,195,590.00	RNR Planning Consultant

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sila nyatakan butir terperinci berikut tentang permohonan perlingkungan semula yang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri sejak 2008:-
 - (a) Nama pemohon dan butiran lot tanah yang dipohon,
 - (b) Butiran tentang perlingkungan semula, dan
 - (c) Tarikh permohonan dan tarikh keputusan Jawatankuasa Perancangan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berdasarkan rekod, Jawatankuasa Perancang Negeri telah menerima dan mempertimbangkan sebanyak 383 permohonan perlingkungan semula dari tahun 2008 hingga 2016. Daripada jumlah permohonan tersebut, 274 permohonan telah diluluskan seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BOCW NO. 6 (ID 476)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sejak pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010, terdapat permohonan maklumat yang ditolak atas alasan perjanjian konsesi mempunyai *Confidentiality Clause*. Berapakah permohonan yang ditolak atas alasan tersebut dan sila nyatakan butir perjanjian konsesi tersebut seperti pemegang konsesi dan tarikh perjanjian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 berkuatkuasa mulai Januari 2015. Sehingga Jun 2016, Kerajaan Negeri telah menerima sebanyak seratus lapan belas (118) permohonan dan seratus sembilan (109) daripadanya telah diluluskan. Jumlah permohonan yang ditolak adalah sembilan (9).

Alasan lapan (8) permohonan telah ditolak adalah seperti berikut:

- i) Dokumen tersebut berada dalam simpanan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi tujuan siasatan.
- ii) Perjanjian yang dipohon masih dalam peringkat deraf.
- iii) Maklumat yang dipohon tidak lengkap.
- vi) Tiada maklumat berkaitan perkara yang dipohon.
- v) Maklumat pendaftaran syarikat pemohon tidak lengkap, tidak menyertakan surat kuasa daripada syarikat dan borang permohonan tidak diisi dengan lengkap beserta bayaran yang secukupnya.

Hanya satu (1) permohonan dibawah Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 yang melibatkan perjanjian konsesi iaitu Tetuan E&O Bhd. Perjanjian tersebut telah ditandatangani pada Februari 1990 bagi tujuan pembangunan Seri Tanjung Pinang (STP). Dalam perjanjian terdapat "*Confidentiality Clause*" yang memerlukan pemegang konsesi mendapat kelulusan Lembaga Pengarah sebelum dokumen tersebut boleh didedahkan. Lembaga Pengarah berkenaan telah tidak bersetuju dengan permohonan tersebut dan ianya ditolak.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila nyatakan butir kontraktor yang terlibat dalam Projek Menaiktaraf Jalan Tok Kangar Fasa 1 serta status pelaksanaan Fasa 1 tersebut, dan apakah status pengambilan balik tanah untuk Fasa 2?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kontraktor yang dilantik untuk Projek Menaik Taraf Jalan Tok Kangar Fasa 1 ialah Image Façade Construction Sdn. Bhd.

Tarikh mula kerja bagi Projek Menaik Taraf Jalan Tok Kangar Fasa 1 ialah pada 18 Januari 2016 dan tarikh siap kerja dijadualkan pada 17 Julai 2017. Kemajuan pelaksanaan projek ini telah mencapai 50% berbanding 51% yang dijadualkan. Perincian kerja-kerja di tapak adalah seperti berikut:

- (i) Kerja-kerja menanam cerucuk (*piling*) dan pengorekan tanah untuk membina *pilecap* sedang dijalankan di tapak;
- (ii) Kerja-kerja konkrit *T-Beam* telah selesai;

- (iii) Kerja-kerja pembinaan tiang jambatan dan *crossbeam* sedang dijalankan; dan
- (iv) Baki kerja-kerja cerucuk (*piling*) untuk Abutmen A yang berada di dalam Lot 4705 dan Abutmen B di dalam Lot 799 akan dijalankan apabila proses pengambilan tanah selesai.
- (v) Status pengambilan tanah bagi Fasa 2 secara keseluruhannya dijangka selesai pada Jun 2017.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 9. Apakah status pelaksanaan terkini tentang cadangan pembinaan jalan yang menyambung Jalan Kebun Baru, Juru ke Taman Sains Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 9. Peringkat pertama pembinaan jalan yang akan menyambungkan Taman Sains Pulau Pinang ke Jalan Kebun Baru/Jalan Estate, Juru sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada November, 2016. Bagi peringkat kedua pula, kerja-kerja di tapak dijangka akan bermula pada November 2016 dan keseluruhan jalan sambungan ini dijangka akan siap pada Januari, 2018.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 10. Apakah status terkini bagi melaksanakan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam melaksanakan Lembaga tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 10. Cadangan penubuhan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah diluluskan melalui Enakmen Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang pada Mesyuarat Kedua Belas Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri yang ke 12 pada 11 November 2010.

Kelulusan Enakmen tersebut telah diangkat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk memohon kelulusan perjawatan dan tukar lantik perkhidmatan anggota bagi tujuan penubuhan LPNPP tersebut. Pada 22 Julai 2011, JPA telah membentangkan perkara tersebut kepada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Jawatan-jawatan Tertinggi (JKTT) Bilangan 2 Tahun 2011 yang telah menimbang dan memutuskan untuk menangguhkan pewujudan jawatan bagi penubuhan LPNPP. Penangguhan ini selaras dengan usaha Kerajaan mencapai perkhidmatan awam keajaiban yang dilaksanakan melalui kajian pertindihan dan penjajaran fungsi beberapa perkhidmatan serta pelaksanaan *Outcome Based Budgeting* (OBB). Keputusan ini telah dimaklumkan kepada pentadbiran Kerajaan Negeri melalui surat bertarikh 28 Julai 2011 susulan keputusan ini beberapa siri rayuan dan perbincangan telah diadakan.

Seterusnya pada April 2014, Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengemukakan semua rayuan dan mengadakan perbincangan dengan pihak JPA berkenaan permohonan cadangan penubuhan LPNPP. Walau bagaimanapun, JPA memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Khas bagi Mengkaji Jawatan-jawatan Tertinggi (JKTT) Bil. 5 Tahun 2014 tidak memperakukan pewujudan LPNPP.

Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada Disember 2014 sekali lagi telah mengemukakan rayuan kepada JPA dan JPA memaklumkan bahawa Mesyuarat JKTT Bilangan 1 Tahun 2015 pada 7 Januari 2015 masih mengekalkan keputusan JKTT Bilangan 5 Tahun 2014 iaitu tidak memperakukan pewujudan LPNPP.

Pada tahun 2016 ini, Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekali lagi menyusuli rayuan dan perbincangan dengan JPA bagi cadangan penubuhan LPNPP selaras dengan cadangan penubuhan Lembaga Perumahan Negeri Perak dan perkara ini masih di dalam pertimbangan penelitian JPA.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah halangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pemilik-pemilik rumah mampu milik kategori A dan B dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Pada ketika ini, tiada tindakan penguatkuasaan yang dapat diambil ke atas pemilik Rumah Mampu Milik (RMM) 'A' (kos rendah) dan 'B' (kos sederhana rendah) yang menyewakan unit kediaman mereka kepada pihak ketiga. Ini adalah kerana tindakan penyewaan tersebut tidak digariskan dalam mana-mana peruntukan undang-undang termasuk perjanjian jual beli yang ditandatangani dengan pemaju.

Menyedari masalah ini, Kerajaan Negeri telah menulis surat bertarikh 4 Mac 2016 kepada YB. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memohon supaya diperkenalkan satu polisi, perundangan dan langkah penguatkuasaan bagi menghalang unit RMM daripada disewakan.

Selain itu juga, berkuat kuasa mulai Ogos 2016 Kerajaan Negeri telah membuat penambahbaikan ke atas syarat permohonan rumah melalui Borang PN1 yang menetapkan supaya pemohon menandatangani Akuan Berkanun (*Statutory Declaration*) sebagai aku janji untuk menduduki unit RMM yang akan ditawarkan kepada mereka.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sila nyatakan secara terperinci gaji dan/atau elaun yang diterima oleh setiap pekerja dari peringkat pengurusan tertinggi ke peringkat Pembantu Am dalam Penang Institute.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. *Penang Institute* merupakan sebuah syarikat berdaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah kategori syarikat berhad menurut jaminan atau "*company limited by guarantee*" dan bukannya badan berkanun atau *Government Linked Company (GLC)*. Jumlah bayaran gaji bulanan bagi semua pegawai di *Penang Institute* adalah RM206,926.00 sebulan. Bayaran gaji tertinggi dibayar kepada CEO *Penang Institute* sebanyak RM20,000.00 manakala bayaran gaji terendah adalah kepada Pembantu Perpustakaan berjumlah RM1,500.00.

XXI. Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sejak kebelakangan ini, sambutan Bulan Kemerdekaan hanya dilaksanakan oleh JKKKP, sebagai contoh pemasangan bendera di setiap kampung atau taman. Sebaliknya kenapa JKKK tidak langsung memainkan peranan untuk mencerikan sambutan Hari Kebangsaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sambutan Majlis Pelancaran bagi tahun 2016 telahpun di adakan di Mydin Mall, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah pada 16 Ogos 2016. Disamping itu, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha menggalakkan JKKK untuk memainkan peranan yang aktif dalam meningkatkan kesedaran tersebut dengan mengadakan program-program yang sesuai sepanjang tahun 2016 seperti berikut:
 - (i) Jamuan Kemerdekaan Anjuran Bersama YB. Bukit Bendera, JKKK Kampung Bharu dan Persatuan Tokong Blok 4
 - (ii) Program Meraikan Bulan Kemerdekaan JKKK Batu Uban
 - (iii) Sambutan Kemerdekaan Komuniti Pengkalan Weld
 - (iv) Program Kemerdekaan Dan Penyerahan Bendera Di Astaka Taman Tun Sardon Kepada Pelanggan
 - (v) Program Sambutan Hari Malaysia YB. Ahli Parlimen Jelutong

- (vi) Program Anak Muda KADUN Teluk Bahang Sempena Hari Kebangsaan 2016
- (vii) Program Merdeka Walk & Pesta Tanglung 2016
- (viii) Pemasangan Bendera Malaysia (Jalur Gemilang) di Dewan-Dewan JKKK

Kesemua aktiviti tersebut melibatkan JKKK dan ini membuktikan JKKK telah memainkan peranan untuk sambutan Bulan dan Hari Kemerdekaan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Mohon Dewan yang mulia ini memaklumkan, berapakah keluasan tanah sawah dalam KADUN Sungai Aceh yang telah bertukar menjadi kawasan perindustrian dan perumahan?
 - (a) Adakah lot-lot berkenaan melibatkan kawasan jelapang padi yang digazetkan dan apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap pelanggaran syarat tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Hanya kawasan seluas 13.01 ekar tanah telah diluluskan bagi permohonan perlingkungan semula daripada kawasan jelapang padi kepada kawasan pembangunan (perniagaan dan perumahan) dan pembangunan bercampur oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri bagi KADUN Sungai Aceh. Perincian kelulusan perlingkungan semula tersebut adalah seperti berikut:-

Pemohon	No. Lot	Keluasan
Tetuan Primawangi Sdn. Bhd.	2343	5.67 ekar
	2344	4.52 ekar
	MK 10 SPS	
Tetuan Primawangi Sdn. Bhd	1508 MK10 SPS	2.82 ekar
Jumlah Keluasan		13.01 ekar

- (a) Kedua-dua permohonan perlingkungan semula tersebut merupakan kawasan jelapang padi yang digazetkan tetapi bersebelahan dengan pembangunan yang telah diluluskan. Melalui kelulusan tersebut pindaan kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang dan penyediaan Rancangan Tempatan MPSP akan dilakukan. Di samping itu bagi kawasan jelapang padi yang ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kawasan Pengairan 1953 akan diambil. Di bawah akta ini, kuasa untuk menahan, mengeluarkan kompaun dan mendakwa apa-apa kesalahan di bawah akta terletak ini kepada *Drainage and Irrigation Engineer* sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 25, 26 dan 29 Akta ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berapakah peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk tujuan projek jalan MARRIS dan berapakah perbelanjaan yang digunakan? Sila senaraikan nama-nama jalan yang telah dibuat bagi tahun 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri termasuk Pihak Berkuasa Tempatan telah menerima peruntukan projek penyelenggaraan MARRIS berjumlah RM101,460,524.00 pada tahun 2015 dan berjumlah RM89,285,261.00 bagi tahun 2016 (sehingga 31 Oktober 2016). Manakala jumlah perbelanjaan bagi tahun 2015 dan 2016 (sehingga 31 Oktober 2016) masing-masing adalah RM 93,435,939.49 dan RM71,802,104.95.

Senarai nama jalan yang telah diselenggara dari peruntukan MARRIS bagi Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2016 adalah seperti bawah.

DAERAH	JKR (RM)	MBPP (RM)	MPSP (RM)
Timur Laut	5,522,265.85	7,017,721.76	-
Barat Daya	5,311,865.04	512,623.16	-
Seberang Perai Utara	6,922,418.44	-	6,840,848.08
Seberang Perai Tengah	5,363,310.72	-	5,419,534.77
Seberang Perai Selatan	4,383,373.15	-	3,072,101.86
JUMLAH	27,503,233.20	7,530,344.92	15,332,484.71

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaik taraf Taman Hutan Negeri Bukit Panchor?
 - (a) Bilakah jalan alternatif yang dirancang bagi Taman Hutan ini akan dibuat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Pada tahun 1963 kawasan ini dikenali sebagai Hutan Lipur Bukit Panchor dengan keluasan 155 hektar sebelum dinaik taraf sebagai Hutan Taman Negeri. Taman Negeri Bukit Panchor ditubuhkan pada tahun 2008 dengan keluasan 446 hektar terletak di dalam kawasan Hutan Simpan Bukit Panchor, Daerah Seberang Perai Selatan.

Persidangan Majlis Perhutanan Negara Ke-20 yang telah diadakan pada 26 September 2006 telah membincangkan mengenai "Cadangan Penubuhan Hutan Taman Negeri Di Bawah Peruntukan Akta Perhutanan Negara 1984" dan memutuskan supaya semua Kerajaan Negeri mengambil tindakan menambah pengelasan Hutan Simpanan Kekal di bawah Seksyen 10(1) di dalam Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) dengan mewujudkan sub-seksyen bagi Hutan Taman Negeri.

Susulan itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Perhutanan Negeri sedang mengambil tindakan untuk menaik taraf Taman Negeri Bukit Panchor dengan mewartakannya di bawah pengelasan hutan mengikut Seksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993).

Selain itu, Kerajaan Negeri juga komited dalam menyalurkan peruntukan pembangunan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang bagi menaik taraf serta menyediakan infrastruktur dan kemudahan untuk keselesaan pengunjung. Bagi tempoh 2011 hingga 2015, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah menerima peruntukan pembangunan berjumlah RM1,100,000.00 bagi kerja-kerja menaik taraf dan menyelenggara Taman Negeri Bukit Panchor.

- (a) Pada masa ini, jalan masuk utama ke Taman Negeri Bukit Panchor adalah melalui jalan mini tar sepanjang 2 km yang digunakan oleh penduduk ke Kampung Sungai Buaya. Sebahagian laluan masuk ke Taman Negeri ini terletak di atas tanah persendirian dan rezab jalan. Keadaan fizikal jalan tersebut adalah sempit dan tidak sesuai khususnya untuk laluan bas bagi pengangkutan awam. Kerajaan Negeri menyedari keperluan kepada jalan alternatif baharu yang lebih baik dan selesa untuk ke Taman Negeri Bukit Panchor. Sehubungan itu, Jabatan Perhutanan Negeri telah melaksanakan kerja-kerja tinjauan awal untuk mengenal pasti dan merancang laluan alternatif yang sesuai bagi cadangan jalan baharu ke Taman Negeri Bukit Panchor.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah komitmen dan sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membangunkan dan mempertingkatkan prestasi sukan di negeri ini?
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri berpuas hati dengan pencapaian atlet Pulau Pinang di kedudukan ke-6 daripada 15 negeri yang bertanding dalam Sukan Malaysia (SUKMA) 2016?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) sentiasa melaksanakan rancangan pembangunan sukan secara komprehensif bagi membangunkan dan mempertingkatkan prestasi sukan di negeri ini. Antara rancangan dan program yang dilaksanakan termasuklah:-

Melaksanakan Pelan Jangkamasa Panjang (BLUEPRINT) dan Pelan Strategik Jangkamasa Pendek bersama persatuan-persatuan sukan negeri untuk menghadapi SUKMA pada 2018 dan 2020;

- (i) Melaksanakan ujian fizikal dan kecergasaan untuk atlet pembangunan negeri dan atlet SUKMA;
- (ii) Menganjurkan bengkel dan seminar sukan kepada atlet elit dan atlet pembangunan negeri serta Bengkel Kejurulatihan dan Seminar Pengukuhan Latihan kepada jurulatih-jurulatih sukan negeri;
- (iii) Mengadakan kem latihan kekuatan mental dan fizikal untuk semua atlet yang terlibat serta mengadakan kem bina semangat untuk atlet/jurulatih/ pengurus pasukan/ pegawai teknikal serta penyelaras sukan bagi memastikan kontinjen Pulau Pinang bersedia menghadapi segala rintangan di gelanggang perlawanan kelak;
- (iv) Menubuhkan Jawatankuasa Kerja (JKK) SUKMA bersama Persatuan Sukan Negeri yang terlibat dan mengadakan mesyuarat secara berjadual bagi menilai prestasi sukan SUKMA;
- (v) Melaksanakan Bengkel Psikologi Sukan bersama para atlet dan jurulatih sukan negeri; dan
- (vi) Melantik Perunding Sukan yang berpengalaman untuk membantu mengukuhkan program pembangunan sukan negeri.

Selain daripada program-program tersebut, MSNPP turut memastikan agar kebajikan serta jalinan kerjasama di antara pihak persatuan diberikan keutamaan dalam memastikan atlet-atlet yang mewakili negeri Pulau Pinang adalah yang terbaik melalui pelaksanaan usaha-usaha berikut:-

- (i) Memberi insentif bulanan masing-masing sebanyak RM500.00 kepada atlet yang menyumbang pingat emas dan RM300.00 kepada atlet yang menyumbang pingat Perak dan Gangsa sebagai dorongan untuk terus menjalani latihan;
- (ii) Mendedahkan atlet-atlet ke pertandingan dalam dan luar negara untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atlet;
- (iii) Mengadakan latihan suaian fizikal, aktiviti-aktiviti psikologi dan ujian kecergasan fizikal bersama dengan atlet-atlet sukan negeri secara harian mengikut Pelan Latihan Periodisasi;
- (iv) Memberi bantuan peruntukan menyertai pertandingan, bantuan peralatan sukan, serta bantuan makanan tambahan (food supplement) kepada persatuan sukan negeri dan atlet-atlet negeri;
- (v) Menyediakan atau membantu persatuan/atlet/jurulatih dalam aspek peralatan dan kemudahan sukan di peringkat Negeri Pulau Pinang;
- (vi) Memastikan semua jurulatih yang dilantik oleh MSNPP memiliki Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK);

- (vii) Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Atlet dalam memastikan penilaian serta pengesahan terhadap setiap atlet yang dikemukakan oleh MSNPP / Persatuan Sukan Negeri / Jurulatih Sukan berkenaan adalah benar-benar layak untuk diketengahkan ke dalam SUKMA; dan
- (viii) Menyarankan semua atlet daripada semua jenis sukan yang dipertandingkan di Sukan Malaysia untuk menjalani latihan secara berterusan sekurang-kurangnya 5 hari seminggu dengan jangka masa latihan antara 3 hingga 5 jam setiap sesi.
- (a) Prestasi yang dicapai oleh kontinjen Pulau Pinang di Sukan Malaysia (SUKMA) XVIII Sarawak 2016 adalah baik secara keseluruhannya dan masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan.

Melalui penganalisaan sasaran pingat yang diramalkan oleh persatuan sukan negeri berbanding pencapaian pungutan pingat sebenar di Sukan Malaysia XVIII Sarawak 2016, hanya 13 jenis sukan yang berjaya memperoleh pingat yang mengatasi atau menepati sasaran daripada 22 jenis sukan yang disertai.

Sesi mengasah bakat secara komprehensif yang telah dilaksanakan kepada semua atlet-atlet yang telah memenangi pingat perak di SUKMA XVII Perlis 2014 selama 2 tahun telah memberikan impak positif apabila sebilangan besar daripada atlet-atlet tersebut telah berjaya memenangi pingat emas di dalam Sukan Malaysia pada tahun ini.

Penilaian terhadap pungutan pingat yang dimenangi pada SUKMA 2016 pula, menunjukkan peningkatan pada pungutan pingat emas berbanding pingat emas yang telah dimenangi pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, pungutan pingat Perak dan Gangsa beserta jumlah medal keseluruhan yang dimenangi telah berkurangan untuk SUKMA kali ini.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 6. Selain program Sekolah Hijau, apakah lagi usaha yang dijalankan oleh MBPP dan MPSP untuk memberi pendidikan dan memupuk sikap prihatin terhadap alam sekitar di kalangan generasi muda Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 6. Selain Program Sekolah Hijau, usaha yang telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk memberi pendidikan dan memupuk sikap prihatin terhadap alam sekitar di kalangan generasi muda Pulau Pinang adalah melalui penganjuran program-program berikut:-
 - (i). Program Corporate Social Responsibilities (CSR) Cahaya Kasih Kesedaran Alam Sekitar;
 - (ii). Program Komuniti Sekolah Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat Pulau Pinang;
 - (iii). Macro Photo Exhibition On Nature;
 - (iv). Pertandingan Memasak Dalam Taman;
 - (v). Pertandingan Catur Dalam Taman;
 - (vi). Program Mengecat Tembok Graffiti di Taman Bandaraya (Youth Park);
 - (vii). Lawatan Sambil Belajar Sekolah-sekolah Sekitar Pulau Pinang;
 - (viii). Program Pembersihan Sungai;
 - (ix). Program Penanaman Pokok Bersama Murid-Murid Sekolah;
 - (x). Ceramah dan Pameran Kitar Semula di Sekolah-Sekolah;
 - (xi). Kempen dan Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah;
 - (xii). Anugerah Kitar Semula bagi Kategori Tadika dan Sekolah;
 - (xiii). Kempen Makan Sampai Habis Peringkat Sekolah;
 - (xiv). Taklimat Pengasingan Sisa di Punca (Segregation at Source) di Sekolah;

- (xv). Program Latihan Menghasilkan Kompos, Eco Enzim dan Jus Enzim;
- (xvi). Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar, Bukit, Sungai dan Tasik;
- (xvii). Program Eco Rangers;
- (xviii). Program Zero Food Waste Challenge;
- (xix). Program Zero E-Waste at School; dan
- (xx). Program Kem Hijau.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 7. Mengapakah pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak menyediakan dewan masyarakat yang bersesuaian untuk kegunaan penduduk Batu Kawan yang semakin meningkat? (Pembangunan tidak seimbang dengan keperluan penduduk setempat).

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 7. Kerajaan Negeri melalui Penang Development Corporation (PDC) telah menyediakan dewan bagi setiap kawasan pembangunan perumahan yang diwujudkan. Beberapa dewan orang ramai/komuniti telah dan sedang dibina di dalam kawasan pembangunan perumahan PDC termasuklah:

- (a) Pembangunan Rumah Teres, Rumah Berkembar dan Banglo Villa Tanjung Permai;
- (b) Pembangunan Rumah Banglo Dedaun;
- (c) Pembangunan Rumah Teres Nilam Tanjung;
- (d) Pembangunan Rumah Teres bersebelahan Surau At Tahali;
- (e) Pembangunan Rumah Teres Intan Cempaka; dan
- (f) Pembangunan Rumah Mampu Milik di Batu Kawan.

Di samping itu, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Selatan juga telah membina sebuah dewan di Kampung Masjid, Batu Kawan berdasarkan keperluan kepada penduduk setempat.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menyediakan garis panduan Eco-City yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 1/2015 pada 26 Januari 2015. Melalui garis panduan tersebut segala perancangan bagi Kemudahan Masyarakat telah dikenal pasti termasuklah bagi dewan masyarakat. Keluasan keseluruhan Batu Kawan ini yang seluas 6236 ekar telah di bahagikan kepada 6 unit kejiranan (*Neighborhood Concept*). Setiap unit kejiranan kecuali unit kejiranan enam (6) telah ditetapkan untuk menyediakan "Multi Purpose Building" yang akan digunakan sebagai dewan komuniti dan sebagainya.

Di samping itu, MPSP juga mencadangkan satu pembinaan Dewan Serbaguna yang mempunyai kapasiti 2,500 orang yang terletak bersebelahan Stadium Batu Kawan.

Selain itu, pembinaan beberapa taman seperti di Lampiran A telah disyaratkan semasa kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) oleh MPSP.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. Berapa batang jalan yang telah dibuat di bawah peruntukan MARRIS di dalam KADUN Sungai Acheh bagi tahun 2016?
 - (a) Sila senaraikan nama-nama jalan berserta dengan ukuran dan kos bagi setiap jalan tersebut.
 - (b) Agensi manakah yang melaksanakan projek tersebut dan atas permohonan siapakah projek tersebut dibuat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Sebanyak 32 batang jalan di dalam KADUN Sungai Aceh telah diselenggara menggunakan peruntukan MARRIS pada tahun 2016. Senarai terperinci adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Semua projek penyelenggaraan jalan dilaksanakan melalui beberapa agensi termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Projek dilaksanakan berdasarkan hasil pemantauan di tapak oleh pihak JKR, JPS, PDTSPS dan MPSP serta permohonan daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan aduan daripada orang ramai.

RUJUK LAMPIRAN A BDMZ NO. 8 (ID 490)

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah kemajuan Projek Jambatan Tanjung Berembang?
- (a) Berapa panjang dan lebar jambatan tersebut?
- (b) Berapa kosnya pembinaan jambatan tersebut kos pengambilan tanah dan kos bayaran pampasan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kemajuan kerja bagi Projek Jambatan Tanjung Berembang telah mencapai 10% berbanding 19% yang dijadualkan.
- (a) Panjang jambatan tersebut adalah 360 meter dengan kelebaran 12 meter.
- (b) Kos pembinaan Jambatan Tanjung Berembang adalah sebanyak RM25,800,000.00. Manakala kos pengambilan tanah serta bayaran pampasan sehingga kini adalah berjumlah RM5,139,063.00.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sistem pelupusan sampah MRF (*Material Recycling Facility*) di Pulau Burung sedang berjalan.
- (a) Apakah kemajuannya setakat ini?
- (b) Apakah masalah yang dihadapi termasuk soal alam sekitar dan penduduk sekitar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Pada masa sekarang, satu unit mini *Material Recovery Facility (MRF)* telah ditempatkan di Tapak Pelupusan Pulau Burung Fasa II sebagai percubaan sebelum MRF dilaksanakan sepenuhnya di Tapak Pelupusan Pulau Burung Fasa III (cadangan pembangunan MRF tersebut telah dirancang dalam pelaksanaan pelan pembangunan Tapak Pelupusan Pulau Burung Fasa III).
- (a) Kemajuan terkini bagi pelaksanaan pembangunan Tapak Pelupusan Pulau Burung Fasa III adalah di peringkat terakhir penyediaan Laporan *Detail Environment Impact Assessment (DEIA)* di mana Pihak PLBT Sdn. Bhd., pengusaha Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung telah mengemukakan pelan pembangunan tersebut kepada pihak MPSP bagi semakan.

- (b) Antara masalah alam sekitar dan kesan kepada penduduk sekitar yang dihadapi adalah:
- (i) PLBT sedang dalam proses membina kolam takungan *leachate* sementara di Fasa 3 selepas mendapat kelulusan khas Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 23 Jun 2016 bagi menampung jumlah takungan air hujan bercampur dengan *leachate* dari Fasa I dan Fasa II memandangkan takungan sedia ada melebihi kapasiti berbanding keperluan sedia ada.
 - (ii) Penempatan dalam lingkungan 500 meter dari Tapak Pelupusan Pulau Burung yang merangkumi penduduk setempat, kuil dan Sekolah Tamil di Ladang Byram perlu dipindah keluar. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju menanggung kos tanah dan kos pembangunan bagi membangunkan tapak penempatan semula bagi penduduk, kuil dan Sekolah Tamil Ladang Byram iaitu tanah di sebahagian Lot 7578, Mukim 11, Seberang Perai Selatan.
 - (iii) Tapak pelupusan sampah sedia ada di Fasa 1 & 2 Pulau Burung hampir penuh dan Fasa 3 belum siap dibina untuk menerima sampah. Masalah ini sudah menjadi kritikal kerana boleh timbul keadaan tidak ada ruang untuk dilupuskan sampah berjumlah 1,700 tan yang dijana setiap hari oleh isi rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang.
 - (iv) Tapak pelupusan sampah Pulau Burung adalah terlalu hampir dengan laut dan sebarang kegagalan dalam pengurusan *leachate* di tapak akan mencemar air laut dan sangkar ikan berhampiran.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah tujuan Kerajaan Negeri memberi tanah LPS (Lesen Penduduk Sementara) kepada nelayan-nelayan di kawasan laut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Tujuan Kerajaan Negeri memberi tanah LPS (Lesen Pendudukan Sementara) kepada nelayan-nelayan di kawasan laut adalah untuk membolehkan nelayan-nelayan tersebut menjalankan ternakan ikan dalam sangkar dan ternakan kerang. Pemberian LPS ini akan membuka peluang pekerjaan tambahan serta peluang peningkatan ekonomi dan peningkatan pendapatan nelayan ini serta hasil Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Berapakah jumlah kutipan bayaran katil hotel yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri sehingga kini?
- (a) Ke manakah wang tersebut dibelanjakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Berkuatkuasa 1 Julai 2014, Fi Kerajaan Tempatan telah dikenakan kepada penginap pada kadar RM3.00/bilik/malam bagi hotel empat dan lima bintang dan RM2.00/bilik/malam bagi hotel tiga bintang dan ke bawah termasuk dormitori, hotel bajet, hostel dan rumah tumpangan. Jumlah kutipan dari 2014 sehingga September 2016 bagi kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang) adalah berjumlah RM19,764,972.00.
- (a) Sehingga September 2016, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Fi Kerajaan Tempatan telah meluluskan perbelanjaan sebanyak **RM9,019,556.13** bagi pembiayaan program-program berikut:

BIL	PERKARA	PERBELANJAAN (RM)
1	<i>Asean Tourism Forum (ATF) 2016, Manila</i>	185,313.53
2	<i>World Travel Mart (WTM) Connect Asia Pulau Pinang</i>	464,242.60
3	<i>International Tourism Exchange (ITB) Asia Singapore 2015</i>	415,000.00
4	<i>Penang Networking Session ITB Asia Singapore 2016</i>	35,000.00
5	PICEB Sdn. Bhd. - Pembiayaan kos pengurusan dalam mempromosi dan pemasaran	1,000,000.00
6	Penang Global Tourism Sdn. Bhd. - Pembiayaan kos promosi dan pemasaran/aktiviti pelancongan bagi pasaran China	2,000,000.00
7	Acara V-Malaysia 2016 : <i>Evolve, Enrich, Empower</i> di Pulau Pinang	100,000.00
8	Acara Seberang Perai <i>Fiesta – Food Mega Festival</i>	320,000.00
9	<i>Asia-Pacific Masters Games 2018</i>	4,500,000.00
JUMLAH		9,019,556.13

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berapakah jumlah kutipan sumbangan kerana tidak membina rumah murah?

(a) Untuk apakah wang kutipan tersebut digunakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Polisi Pembelian Kuota dan Bayaran Sumbangan Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri sejak Januari 2012 bertujuan memberikan fleksibiliti kepada pemaju yang benar-benar mempunyai kekangan dari segi saiz tanah, tiada *land bank* atau dalam keadaan khas di mana pembinaan rumah kos rendah dikenal pasti tidak boleh dilaksanakan. Permohonan pengecualian untuk membina rumah kos rendah dan kos sederhana rendah akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) di mana kuantum sumbangan yang akan dikenakan adalah berdasarkan kepada formula perkiraan berikut:-

- (i) RM120,000 / unit dikenakan kepada pemaju tempatan dan RM150,000 / unit dikenakan kepada pemaju luar Pulau Pinang bagi pemajuan di Bahagian Pulau;
- (ii) RM72,500 / unit dikenakan bagi pemajuan di Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah (kadar sama untuk pemaju tempatan dan luar); dan
- (iii) RM50,000 / unit dikenakan ke atas 350 unit pertama dan RM72,500 / unit dikenakan ke atas unit-unit seterusnya bagi pemajuan di Seberang Perai Selatan (kadar sama untuk pemaju tempatan dan luar).

Dalam tempoh lima tahun sehingga Oktober 2016, Kerajaan Negeri telah menerima bayaran sumbangan sebanyak RM124,378,500.00 bagi pengecualian pembinaan kuota pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah. Pengecualian ini melibatkan sejumlah 1,484 unit rumah kos rendah dan 510 unit rumah kos sederhana rendah daripada 17 projek di Bahagian Pulau dan tiga (3) di Bahagian Seberang Perai.

Wang sumbangan yang diterima bagi pengecualian pembinaan kuota rumah kos rendah dan kos sederhana rendah dimasukkan ke Akaun Amanah Pelbagai Bagi Pembiayaan Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR). Berdasarkan kepada arahan amanah, aktiviti yang boleh dilaksanakan dengan pembiayaan daripada akaun ini adalah untuk:-

- (i) Membiayai pembelian dan pengambilan balik tanah dengan tujuan untuk mendirikan unit-unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah;
- (ii) Membiayai pembangunan baru atau pembangunan semula rumah kos rendah dan kos sederhana rendah;
- (iii) Membangunkan tapak dengan menyediakan infrastruktur yang diperlukan di kawasan perumahan yang dikenalpasti;
- (iv) Memberi pendahuluan kepada kontraktor tempatan yang terlibat untuk memastikan kejayaan pelaksanaan projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah;
- (v) Membuat bayaran bagi penempatan semula setinggan yang terlibat dengan projek;
- (vi) Membeli unit-unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang telah siap dibina oleh pihak pemaju;
- (vii) Membiayai perbelanjaan penyelenggaraan atau penambahbaikan projek rumah kos rendah dan kos sederhana rendah Kerajaan Negeri atau Swasta; dan
- (viii) Aktiviti lain yang berkaitan dengan projek kos rendah dan kos sederhana rendah yang diluluskan secara khusus oleh Pegawai Kewangan Negeri.

Sebagai contoh, sehingga Oktober 2016 Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM838,960.74 daripada akaun tersebut untuk aktiviti berikut:-

- (i) Kerja pembaikan kecacatan/kerosakan pada 45 unit rumah kos rendah di Taman Ampang Jajar sebanyak RM660,592.00;
- (ii) Perkhidmatan penyelenggaraan Taman Seruling Emas sebanyak RM24,545.70;
- (iii) Perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata di Taman Seruling Emas sebanyak RM86,903.04; dan
- (iv) Perkhidmatan penyelenggaraan Taman Sungai Duri Permai sebanyak RM66,920.00.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kenapa MPSP tidak menyelenggara padang-padang awam? Contohnya Padang Awam Aston Nibong Tebal dan Padang Awam Jawi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) hanya menyelenggara padang awam yang telah dirizabkan. Padang Awam Nibong Tebal dan Padang Awam Jawi walaupun berstatus tanah Kerajaan tetapi masih belum dirizabkan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965. Atas alasan itu padang tersebut masih dibawah kawalan dan penyelenggaraan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Difahamkan MPSP mempunyai lebih pendapatan (*surplus*). Adakah PBT masih berhutang dengan mana-mana jabatan lain dan masih belum berbayar sehingga kini, contohnya Pejabat Tanah dan TNB?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sememangnya kedudukan kewangan MPSP menunjukkan terdapat lebihan. Namun begitu, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) masih mempunyai hutang dengan Kerajaan Negeri. Jumlah keseluruhan hutang adalah sebanyak RM96,367,820.56 yang dibayar oleh MPSP secara ansuran setiap tahun kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pinjaman tersebut adalah bagi

pelbagai tujuan yang berkaitan dengan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab MPSP. Maklumat terperinci hutang adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDMZ NO. 15 (ID 497)

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Difahamkan bahawa semua kadar bagi kutipan Kerajaan Negeri seperti premium / cukai tanah / denda sudah dinaikkan.
 - (a) Berapakah keuntungan Kerajaan Negeri dengan kenaikan semua kutipan tersebut? Sila beri jawapan dengan membandingkan jumlah kutipan dari tahun 2008 hingga 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Semakan cukai tanah bagi Negeri Pulau Pinang yang terkini adalah pada tahun 1994 (diwartakan melalui Pg.P.U 18 bertarikh 28.4.1994) dan dilaksanakan bermula 1 Januari 1996. Kadar cukai tanah tersebut masih kekal hingga sekarang. Satu cadangan semakan cukai tanah telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (MJKTN) pada **24 Jun 2016** untuk dilaksanakan pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, cadangan semakan ini masih dalam peringkat kajian dan sedang diperhalusi sebelum dikemukakan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Pengiraan premium pula adalah berdasarkan kepada nilai pasaran semasa tanah yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Pulau Pinang tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.
 - (a) Memandangkan tiada kenaikan kadar premium, cukai tanah dan denda yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, isu kutipan berikutan kenaikan tersebut tidak berbangkit.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Jeti Batu Musang harus dimajukan dan dinaik taraf serta dinaik nilai supaya mendapat pengiktirafan sebagai salah satu tempat menarik di Pulau Pinang yang harus dilawati. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menghidupkan kawasan ini supaya menjadi lebih menarik?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Dalam usaha menjadikan Jeti Batu Musang sebagai salah satu daya tarikan pelancong ke Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah bersetuju untuk membangunkan International Golf Resort dan pembangunan bercampur Di Bandar Cassia, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Tender untuk projek tersebut telah dibuka pada 16 Ogos 2016 dan akan ditutup pada 15 November 2016. Salah satu syarat di dalam tender tersebut adalah penender boleh menggunakan tapak Jeti Batu Musang sebagai sebahagian daripada cadangan pembangunan International Golf Resort dan Pembangunan Bercampur. Walau bagaimanapun penender perlu menempatkan semula jeti tersebut ditempat lain dengan syarat dan spesifikasi pembinaannya dipersetujui oleh pihak PDC dan jabatan-jabatan berkaitan.

Setelah siap pembinaan, jeti tersebut akan diserahkan kepada pihak PDC untuk diuruskan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Masalah nelayan bot pukut tunda dan Apollo yang datang dari luar kawasan dan menangkap ikan di sekitar Sungai Udang dan Changkat, lalu menjejaskan mata pencarian nelayan tempatan. Adakah Kerajaan Negeri mengambil langkah yang proaktif dan drastik serta tegas dalam hal ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Nelayan dari luar Pulau Pinang tidak dibenarkan untuk menangkap ikan di perairan Pulau Pinang yang kurang daripada 15 batu nautika dari pantai atau mana-mana pulau kecil di negeri ini. Peraturan ini juga digunapakai di negeri-negeri lain. Bagi mengelakkan pencerobohan nelayan luar, aktiviti penguatkuasaan bersepadu oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Gerakan Marin dan Jabatan Perikanan giat dijalankan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Adakah MPSP sedar tentang kewujudan sistem Duit Pelincir untuk memudahkan proses ubahsuai rumah di SPS yang hebat dipaparkan dalam surat khabar berbahasa Cina baru-baru ini?
- (a) Bukankah ini dikira rasuah yang terbuka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. MPSP sememangnya sedar akan kewujudan berita berkenaan Sistem Duit Pelincir untuk memudahkan proses ubahsuai rumah di Daerah SPS yang dipaparkan dalam suratkhbar berbahasa Cina baru-baru ini.
- (a) Setelah menerima aduan daripada orang awam, MPSP telah membuat laporan Polis pada 10 Mac 2016. Terdapat pegawai MPSP yang telah dikenalpasti meminta bayaran bagi memudahkan proses pelan pindaan rumah kediaman dan kes tersebut sedang disiasat oleh pihak Polis. Pegawai berkenaan juga telah diambil tindakan tatatertib buang kerja atau pelanggaran tatakelakuan lain. Sekiranya kes seperti ini masih terus berlaku, pihak MPSP mengesyorkan agar pengadu/orang awam membuat aduan terus kepada pihak SPRM untuk diambil tindakan.
- Maklumat Tambahan:Selain itu, pegawai yang terlibat juga telah diambil tindakan tatatertib dibuang kerja atas kesalahan tidak hadir bekerja tanpa sebab yang munasabah.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Difahamkan MPSP membayar upah sebanyak RM1.80 sejam untuk pengawal lalu lintas di sekolah-sekolah. Adakah logik dan mencukupi upah yang sangat rendah seperti ini pada zaman sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) membayar elaun sebagai wang suguhati kepada pengawal lalu lintas. Upah atau gaji sebenar pengawal lalu lintas dibayar oleh pihak sekolah yang menggajikan mereka. Pada kebiasaannya, pengawal lalu lintas adalah pengawal keselamatan atau pekebun di sekolah terbabit. Oleh itu, bayaran elaun oleh MPSP sebanyak RM100.00 bagi tugas persekolahan satu (1) sesi dan RM200.00 bagi tugas persekolahan dua (2) sesi adalah tambahan kepada upah atau gaji yang diterima.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Adakah MPSP bercadang untuk membina Medan Selera yang selesa, bersih dan cantik untuk penduduk di Daerah Seberang Perai Selatan? Jika tiada, mengapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bercadang untuk membina Medan Selera yang selesa, bersih dan cantik untuk penduduk di Daerah Seberang Perai Selatan. Sebagai contoh, MPSP pada tahun 2016, telah mensyaratkan pihak pemaju iaitu Palmington Sdn. Bhd. untuk menyediakan sebuah pusat penjaja yang kondusif dan memenuhi aspek *Universal Design* di kawasan Bandar Tasek Mutiara, Daerah Seberang Perai Selatan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. MPSP tidak membersihkan rumput-rumput serta sampah sarap selepas kerja-kerja memotong rumput di tepi jalan raya di Daerah SPS. Kenapa MPSP tidak memantau dengan baik kerja-kerja pembersihan rumput dan sampah sarap di tepi jalanraya di daerah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sentiasa memantau kerja-kerja pembersihan ditepi jalan di kawasan pentadbiran MPSP termasuk di Daerah Seberang Perai Selatan. Bagi tujuan ini MPSP menerima maklum balas atau laporan pemantauan secara bergambar dengan termasuk keadaan rumput yang dipotong dan pembersihan sisa potongan. MPSP juga telah menetapkan spesifikasi di mana semua sisa-sisa pemotongan rumput termasuk sampah sarap di kawasan sekitar yang terlibat dibersihkan, dihimpun dan dimasukkan dalam karung plastik/bekas/raga/tong sampah yang bersesuaian dan seterusnya diangkut ke tapak pelupusan pada hari yang sama. MPSP hanya menjalankan kerja-kerja pemotongan rumput di tepi Jalan Negeri dan Jalan Perbandaran (kawasan taman perumahan) sahaja. Pemotongan rumput dan pembersihan di tepi Jalan Persekutuan dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Adakah Kerajaan Negeri atau MAINPP mengambil tahu dan mengambil berat masalah pelajar-pelajar dari Pulau Pinang yang belajar di Mesir?
- (a) Masih adakah rumah negeri Pulau Pinang di sana? Siapakah yang menyelenggara rumah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Sememangnya Kerajaan Negeri prihatin dan mengambil berat masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dari Pulau Pinang yang belajar di Mesir. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri bersama Bahagian Pendidik dan HEP sentiasa berhubung dengan Badan Kebajikan Pelajar Pulau Pinang Mesir dan Kedutaan Malaysia di Mesir bagi mengikuti perkembangan mengenai halehwal pelajar-pelajar dari Pulau Pinang yang belajar di Mesir. Malah lawatan kerja oleh Pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan Zakat Pulau Pinang juga dilakukan bagi melihat sendiri kebajikan mereka di sana. Bantuan pendidikan diberikan kepada semua pelajar yang menuntut di Mesir.
- (a) Kerajaan Negeri masih memiliki sebuah bangunan kediaman 5 tingkat yang dikhaskan bagi pelajar-pelajar dari Negeri Pulau Pinang yang melanjutkan pelajaran di Mesir. Bangunan berkenaan terletak di Hayyu Sabek, Kaherah.

Pengurusan bangunan termasuk penyelenggaraannya diserahkan kepada Badan Kebajikan Pelajar Pulau Pinang Mesir (BKPPPM). Pembayaran bagi bekalan utiliti seperti penggunaan elektrik dan air serta kerja-kerja penyelenggaraan bangunan disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada BKPPPM melalui akaun kedutaan Besar Malaysia di Kaherah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Semasa kejadian tsunami pada tahun 2004, Kerajaan Negeri pada waktu itu telah mengambil inisiatif dengan membina rumah anak yatim di Aceh. Apakah yang terjadi dengan rumah anak yatim tersebut?
- (a) Siapakah yang menguruskan rumah tersebut sekarang ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Melalui semakan rekod dari Jabatan Kewangan didapati tiada rumah anak yatim yang telah dibina di Aceh pada tahun 2004 yang melibatkan peruntukan negeri.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Mohon Kerajaan Negeri senaraikan semua jenis bangunan mengikut kategori bangunan warisan di Pulau Pinang bagi setiap daerah dan sertakan alamat setiap bangunan warisan bagi semua kategori tersebut di atas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Sehingga kini, terdapat 11 bangunan di Negeri Pulau Pinang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Senarai bangunan adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BMZA NO. 25 (ID 507)

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Mohon Kerajaan Negeri kemukakan kos penyelenggaraan kenderaan-kenderaan rasmi untuk setiap Exco termasuk Timbalan Ketua Menteri dan Ketua Menteri sejak 2008 hingga 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kos penyelenggaraan kenderaan-kenderaan rasmi untuk 11 Exco termasuk Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri bagi tempoh 9 tahun (2008-2016) adalah sebanyak RM1,680,320.07. Butiran terperinci adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BMZA NO. 26 (ID 508)

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Mohon Kerajaan Negeri senaraikan elaun perumahan yang diberi kepada setiap Exco (termasuk Timbalan Ketua Menteri dan Ketua Menteri) serta Ahli-Ahli Majlis (jika ada) untuk setiap tahun sejak 2008 hingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil.4/2015 pada 9 Februari 2015 dan disahkan pada 16 Februari 2015 telah meluluskan cadangan semakan semula elaun termasuk perumahan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ex-Officio Negeri Pulau Pinang. Pelarasan bagi elaun perumahan telah dibuat berkuat kuasa 1 Januari 2015 dengan kadar terkini seperti berikut :-

BIL.	Jawatan	2008 sehingga 2014 (kadar sebulan)	2015 sehingga kini (kadar sebulan)
1.	Ketua Menteri	RM 4,000.00	RM 4,000.00
2.	Timbalan Ketua Menteri	RM 2,000.00	RM 3,000.00
3.	EXCO	RM 2,000.00	RM 3,000.00

Tiada elaun perumahan diperuntukkan bagi Ahli-ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sehingga kini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Mohon Kerajaan Negeri kemukakan bilangan kuari yang dipunyai oleh PDC dan nyatakan pendapatan dan perbelanjaannya setiap tahun sejak 2008 hingga 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Dari tahun 2008 sehingga 2016, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) hanya mempunyai 2 buah kuari yang telah ditawarkan pengurusannya kepada PDC Nusabina Sdn. Bhd. dan Zambina Sdn. Bhd. Keluasan kuari diurus PDC Nusabina Sdn. Bhd. adalah 50 ekar dan mula beroperasi pada tahun 2008. Manakala, kuari yang diuruskan Zambina Wawasan Sdn. Bhd. dengan keluasan 52.99 ekar mula beroperasi pada tahun 2014. Kedua-dua kuari ini terletak di atas sebahagian tanah di Batu Kawan, SPS.

Pendapatan yang dijana adalah mengikut perkiraan jumlah tanah merah yang dikeluarkan. Manakala, perbelanjaan operasi adalah ditanggung sepenuhnya oleh syarikat itu sendiri. Sehingga Oktober 2016, PDC telah menerima pendapatan berjumlah RM1.76 juta daripada operasi kedua-dua kuari tersebut. Perincian pendapatan dan perbelanjaan adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BDMZ NO. 28 (ID 510)

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Apakah usaha yang telah diambil Kerajaan Negeri dalam membantu persatuan mahupun belia-belia di kawasan luar bandar yang tercicir dari arus pendidikan?
- (a) Apakah insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu belia-belia yang berminat dalam keusahawanan?
- (b) Apakah rancangan atau solusi bagi menangani gejala sosial di kalangan belia Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Dalam membantu persatuan mahupun belia-belia di kawasan luar bandar yang tercicir dari arus pendidikan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pembangunan latihan kemahiran dengan kerjasama Penang Development Corporation (PDC), Penang Skills and Development Centre (PSDC), Universiti Sains Malaysia dan institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang lain untuk meningkatkan tahap pembangunan sumber manusia berteraskan latihan kemahiran.

PSDC memainkan peranan untuk melatih sumber manusia di pelbagai bidang kemahiran tinggi bagi memenuhi kehendak industri berasaskan teknologi tinggi di negeri ini. Selain itu, Institut Latihan Kemahiran awam seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran Tinggi MARA (IKTM) dan Japan Malaysian Technical Institute (JMTI) turut memainkan peranan menyediakan sumber tenaga mahir di negeri ini.

- (a) Insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu belia-belia yang berminat dalam bidang keusahawanan disalurkan melalui program-program berikut:
- (i) Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) di mana Kerajaan Negeri melalui PDC turut membantu belia dalam memperkasakan peluang ekonomi melalui bidang keusahawanan dengan menyediakan kemudahan pinjaman untuk modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan; dan
- (ii) Skim Mikro Kredit di bawah Tabung Usahawan Tani Muda di mana Kerajaan Negeri menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada usahawan tani muda yang berusia bawah 40 tahun dan ke bawah.

- (b) Bagi menangani isu gejala sosial di kalangan belia di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah menjalin kerjasama yang rapat dengan jabatan/agensi kerajaan yang terlibat secara langsung seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di samping kerjasama dengan badan-badan bukan Kerajaan (NGO). Pada masa ini Kerajaan Negeri memberi fokus dan perhatian terhadap isu penglibatan belia dalam gejala penagihan dadah yang agak serius di negeri ini.

Bagi membantu golongan belia yang terjebak dalam gejala sosial penggunaan dadah, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Perundingan Keselamatan dan Ketenteraman Awam Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan Pencegahan Dadah Pulau Pinang (PDPI). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh pakar kriminologi dan ketua penyelidik *crime and policing* di Malaysia, YBrs. Prof Madya Dr.Sundramoorthy M.Pathmanathan dan melantik keahlian di kalangan pakar-pakar yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pencegahan dadah termasuk profesor-profesor daripada Universiti Sains Malaysia, pegawai-pegawai AADK, PDRM, Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri dan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia. Di antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh PDPI adalah:-

- (i) Membangunkan laman web rasmi iaitu www.pdpi.my, laman web interaktif yang akan membekalkan maklumat mengenai bahaya dadah, langkah-langkah pencegahan serta kaedah mengatasi masalah penggunaan dadah. Kumpulan sasaran utama adalah golongan belia;
- (ii) Menghasilkan empat video mengenai bahaya dadah kepada kehidupan untuk dihebahkan melalui media sosial, laman sesawang dan media massa. Video ini mensasarkan kepada golongan belia bagi mengelakkan mereka tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah agar kekal aktif dan sihat; dan
- (iii) Cadangan untuk mewujudkan *One Stop Centre* yang dikenali sebagai Mutiara Harapan untuk memberi khidmat kaunseling kepada penagih dadah dan ahli keluarga termasuk golongan belia yang terlibat dengan dadah;

Selain itu, Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah menjalankan Kajian Soal Selidik Remaja & Belia di Kawasan Rumah Pangsa Taman Tun Sardon, Gelugor, untuk mendapatkan maklumat berkenaan komuniti setempat dan mengenal pasti masalah sosial yang dihadapi oleh golongan remaja dan belia. Hasil daripada kajian tersebut, Kerajaan Negeri melalui PYDC telah menubuhkan kelas bimbingan percuma seminggu sekali di bilik bacaan balai rakyat Taman Tun Sardon.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani isu demam denggi dan Zika di negeri ini?
- (a) Berapakah peningkatan kes demam denggi pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 serta berapakah bilangan kematian?
 - (b) Adakah terdapat kes Zika di negeri ini? Jika ada, berapakah bilangannya dan dari mana?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Bagi mengawal virus Zika dan denggi, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :
- (i) Menggerakkan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Negeri bagi mengukuhkan kerjasama antara agensi-agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pencegahan pembiakan aedes. Salah satu strategi penting dalam jawatankuasa ini adalah memperkasa dan memobilisasi komuniti dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pencegahan;
 - (ii) Program Gotong-royong Penang Sihat yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Kesihatan Negeri setiap tahun merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan Pulau Pinang bagi membendung pembiakan aedes. Pada tahun ini, Program Gotong-royong Penang Sihat telah dilaksanakan pada 13 Mac 2016 melibatkan 24 lokaliti bermasalah denggi di

seluruh negeri Pulau Pinang. Pada 20 November 2016, Program Gotong-royong Mega ini akan diadakan sekali lagi;

- (iii) Menjalankan operasi pemeriksaan di tapak binaan dan premis berpotensi yang lain bagi meningkatkan penguatkuasaan ke atas mana-mana premis yang menjadi pusat pembiakan nyamuk;
- (iv) Meningkatkan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan seperti ceramah, hebahan awam dan nasihat individu di lokaliti-lokaliti kes dan wabak. Aktiviti pendidikan kesihatan juga dijalankan di tempat-tempat tumpuan awam seperti di pasaraya dan di pasar malam;
- (v) Kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri setiap minggu bertujuan untuk memberi maklumat terkini denggi terkini kepada orang ramai dan mengingatkan masyarakat supaya terus mengambil langkah pencegahan bagi menghentikan penularan demam denggi;
- (vi) Sumbangan sebanyak 10 unit mesin semburan kabus kepada Jabatan Kesihatan Negeri bagi meningkatkan kapasiti bagi aktiviti semburan kabus ULV;
- (vii) Menjalankan program perintis Mosquito Autocidal Trap (MyMAT) di tiga (3) lokaliti iaitu Lokaliti Tuna di Seberang Jaya, Taman Seri Damai di Georgetown dan Taman Seri Delima di Batu Lanchang. Program perintis ini bertujuan mengkaji keberkesanan perangkap jenis ovitrap bagi menghapus pusat pembiakan nyamuk aedes;
- (viii) Melancarkan program penggredan kampung dengan mengklasifikasikan kawasan rumah berdasarkan tahap kebersihan sekeliling. Sebanyak 13 JKKK diseluruh Pulau Pinang telah menjalankan program ini bagi meningkatkan kesedaran aspek kebersihan di sekeliling rumah; dan
- (ix) Memberi peruntukan khas RM100,000.00 bagi mengaktifkan dan memperkasakan aktiviti berkaitan *Communication for Behavioral Impact* (COMBI) di seluruh Pulau Pinang.

Sehingga 23 Oktober 2016, sebanyak 2,291 kes denggi telah direkodkan di Pulau Pinang. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 48% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2015 (4,408 kes). Manakala sebanyak 12 kes kematian telah direkodkan sehingga kini pada tahun 2016 berbanding 13 kes pada tahun 2015.

(b) Sehingga kini, tiada kes zika dilaporkan di Pulau Pinang.

XXII. Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan Negeri berasa rasional untuk melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan dalam skala yang dicadangkan di tengah-tengah masalah kegawatan ekonomi? Adakah kerajaan mempunyai alternatif yang lebih berskala kecil dan memastikan projek itu dapat merangsang pemulihan ekonomi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang (PIP) merupakan satu pelan induk yang menyeluruh khusus untuk mengatasi masalah kesesakan trafik yang semakin meruncing. Ia bakal memperkasakan sistem pengangkutan awam di negeri ini. Pelan induk ini merupakan satu cadangan jangka panjang dengan pelaksanaan secara berfasa dan Kerajaan Negeri komited serta yakin PIP merupakan satu pelan yang rasional dan perlu segera dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang.

Berdasarkan Fasal Kesembilan Perlembangan Persekutuan Malaysia, pengangkutan dan perhubungan disenaraikan dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, YAB Ketua Menteri telah mengemukakan surat bertarikh 26 November 2013 kepada YB Menteri Pengangkutan bagi tujuan ini, namun demikian tiada maklum balas diterima sehingga sekarang. Sekali lagi YAB Ketua Menteri telah mengemukakan permohonan kepada YAB Perdana Menteri melalui surat bertarikh 28 Mei 2014 dan pihak Kerajaan Negeri masih tidak menerima sebarang maklum balas.

Projek berskala kecil tidak mampu menyelesaikan masalah secara holistik oleh itu, Kerajaan Negeri tiada pilihan lain selain daripada melaksanakan sendiri Pelan Induk Pengangkutan demi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas khususnya dan demi kesejahteraan rakyat amnya. Pelaksanaan PIP ini akan meningkatkan nilai *mobility* dan *connectivity* sistem pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang selain menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di Pulau Pinang terutama di sepanjang cadangan jajaran rel dan lebuh raya yang bakal dibina sekaligus menjana pertumbuhan ekonomi yang komprehensif dan mampan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kebanyakan JKKK yang ada hidup segan mati tidak mahu. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan gred kepada JKKK berdasarkan pencapaian dan komitmen masing-masing?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Buat masa kini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memberikan gred KPD JKKK. Namun begitu, sebagai inisiatif Kerajaan Negeri dalam mewujudkan komitmen JKKK berterusan, Kerajaan Negeri telah memberi pengiktirafan secara tahunan kepada JKKK seperti Anugerah JKKK Terbaik dan ini mampu melonjakkan sesebuah JKKK untuk meningkatkan khidmat kepada masyarakat kerana penilaian dilakukan dalam pelbagai aspek termasuk perkhidmatan kepada masyarakat. Selain itu, bagi JKKK yang telah berjaya terpilih sebagai JKKK terbaik, mereka telah dihadkan tempoh masa untuk tidak bertanding semula dan ini telah memberi peluang dan semangat kepada JKKK yang lain untuk meningkatkan perkhidmatan kepada masyarakat dan seterusnya mencuba lagi dalam pertandingan yang diadakan tersebut.

Pengiktirafan secara tahunan kepada JKKK sebenarnya telah memberi galakan kepada JKKK meningkatkan pentadbirannya.

JKKK sering menjadi sumber rujukan dalam pemantauan kawasan terutamanya semasa kejadian bencana. Kerjasama antara JKKK dan Pejabat Daerah telah banyak membantu dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat dengan lebih efektif.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Ahli Parlimen, ADUN dan Ahli Majlis mempunyai peruntukan kewangan masing-masing. Adakah JKKK sebagai lapisan keempat jentera pentadbiran negeri juga bakal diberikan peruntukan kewangan tersendiri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pada masa ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk memberikan peruntukan kewangan sepertimana yang diberikan kepada ahli parlimen, adun dan ahli majlis. Walau bagaimanapun, JKKK kini diperuntukkan sebanyak RM1,000.00 setahun iaitu bagi membiayai kos pentadbiran.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah langkah bijak yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri amnya dan PBA khususnya untuk mengelakkan tragedi keputusan bekalan air yang berlaku pada 19 dan 20 September 2016 berulang lagi di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) bagi mengelakkan bekalan air terputus dari berulang di Pulau Pinang adalah seperti berikut :

- (i) Pengurusan dan Pemantauan Tekanan (Pressure Management and Monitoring) pada kadar optimum bukan sahaja bertujuan mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil, malah, pendekatan tersebut dapat menjamin ketahanan paip-paip untuk satu jangka masa yang lama.
- (ii) Pemantauan dan pemeriksaan berkala dalam memastikan sebarang kebocoran pada peringkat awal dalam usaha untuk mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil yang secara langsung membantu kerja-kerja pembaikan.
- (iii) Salah satu langkah bagi memastikan ketahanan paip-paip dari jenis logam (metal pipes) daripada berkarat terutamanya paip-paip utama (trunks main) yang bersaiz besar dan ditempatkan di lokasi-lokasi yang terdedah kepada faktor pengaratan air laut, maka, paip-paip tersebut dilindungi dengan sistem "Cathodic Protection" yang dapat menjamin ketahanan terhadap pengaratan dan seterusnya mengurangkan risiko kebocoran. Bagi paip-paip lama yang masih tidak dilindungi dengan "Cathodic Protection" akan dikenal pasti dan dicadangkan dengan perlindungan "Cathodic Protection" secara berperingkat.
- (iv) Program Penggantian Paip di mana peruntukan tahunan ditetapkan bagi menggantikan paip-paip lama mengikut keutamaan berdasarkan kepada rekod kekerapan kerosakan dan kebocoran, disamping faktor usia paip-paip tersebut.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 5. Apakah sebab dan alasan Pihak Berkuasa Tempatan memberikan kelulusan kepada syarikat telco memasang antena mereka di kawasan kediaman termasuk rumah pangsa? Adakah kajian impak sosial telah dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 5. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memberikan kelulusan pemasangan antena di kawasan kediaman kepada syarikat telekomunikasi dengan mengikut Prosedur dan Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa mulai 20 November 2009 dan pindaan berkuatkuasa pada 1 Jun 2015 dan tertakluk kepada undang-undang semasa.

PBT juga mendapati bahawa perkhidmatan telekomunikasi adalah suatu perkhidmatan awam (*public utility*) yang perlu disediakan selaras dengan keperluan semasa. Sebelum kelulusan diberikan oleh PBT, syarikat telekomunikasi juga perlu mendapatkan perakuan daripada empat (4) jabatan teknikal luar seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Penerbangan Awam (jika berkaitan) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat semasa permohonan dibuat. Syarikat telekomunikasi juga perlu mendapat kebenaran daripada Badan Pengurusan (MC) dan makluman kepada YB ADUN Kawasan sebelum pelan bangunan dikemukakan kepada Majlis untuk pertimbangan.

Sehingga kini kajian impak sosial tidak disyaratkan bagi kelulusan pelan dan tiada syarat-syarat dikenakan kepada syarikat telekomunikasi untuk menyediakan keperluan kajian impak sosial tersebut.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 6. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan atau MBPP telah membuat kajian berhubung kejayaan program pengasingan sisa pepejal bermula di punca yang baru dilaksanakan pada pertengahan tahun ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 6. Setakat ini Pihak Berkuasa Tempatan belum membuat kajian berhubung kejayaan program pengasingan sisa pepejal di punca. Adalah terlalu awal untuk menilai dasar ini yang baru dilaksanakan 4 bulan yang lepas iaitu pada 1 Jun 2016. *Key Performance Indicator* (KPI) telah

ditetapkan untuk menguji keberkesanan dasar ini. Sebagai contoh, jumlah berat sampah yang dilupus di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung dan berat sisa kitar semula yang dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan direkod untuk dibuat analisis. Satu kajian komprehensif akan dilakukan setahun selepas pelaksanaan dasar ini. Hasil kajian akan digunakan untuk menilai pencapaian dasar serta mengenal pasti sebarang kelemahan untuk diambil tindakan penambahbaikan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Senaraikan projek-projek perumahan di kawasan DUN Batu Uban yang telah diluluskan dari tahun 2008 hingga 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah meluluskan Permohonan Kebenaran Merancang bagi 31 projek perumahan pelbagai jenis yang dicadangkan untuk dilaksanakan di Kawasan Dewan Undangan Negeri Batu Uban. Senarai lengkap projek-projek tersebut adalah seperti di jadual yang dilampirkan.

RUJUK LAMPIRAN A BDRJAYA NO. 7 (ID 539)

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berapakah projek perumahan kos rendah, dan kos sederhana rendah yang diluluskan dari tempoh tahun 2008 hingga 2016? Mengikut kawasan DUN.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga Oktober 2016 telah meluluskan sejumlah 110 projek pemajuan melibatkan cadangan penyediaan sebanyak 16,401 unit rumah kos rendah dan 12,820 unit rumah kos sederhana rendah. Senarai permohonan Kebenaran Merancang daripada kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri adalah seperti di Lampiran.

RUJUK LAMPIRAN A BDRJAYA NO. 8 (ID 541)

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Adakah menjadi polisi Kerajaan Negeri bahawa pembelian rumah kos rendah dan kos sederhana rendah tidak disertakan dengan tempat letak kereta dan juga aksesori?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyediakan garis panduan yang jelas mengenai syarat penyediaan tempat letak kenderaan (TLK) bagi pemajuan Rumah Mampu Milik 'A' (Kos Rendah) dan Rumah Mampu Milik 'B' (Kos Sederhana Rendah). Garis panduan TLK yang digunapakai di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mensyaratkan pemaju Rumah Mampu Milik 'A' dan 'B' menyediakan satu (1) unit TLK bagi setiap unit kediaman dengan penambahan 10% untuk pelawat berdasarkan kepada jumlah keseluruhan bilangan cadangan unit kediaman. Peraturan ini telah mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2014.

Syarat yang sama digunapakai oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang menetapkan pemaju Rumah Mampu Milik 'A' dan 'B' menyediakan satu (1) unit TLK bagi setiap unit kediaman juga dengan penambahan 10% untuk kegunaan pelawat. Peraturan ini mula dikuatkuasakan pada 29 September 2015. Sebagai tambahan, garis panduan TLK MPSP membuat ketetapan yang jelas supaya TLK 1:1 yang disediakan tidak boleh dijadikan aksesori dan dijual kepada pemilik kediaman. Jualan hanya dibenarkan bagi 50% daripada TLK yang diperuntukkan kepada pelawat bagi jenis-jenis kediaman pangsapuri, kondominium dan rumah pangsa kos sederhana. Manakala, TLK pelawat bagi Rumah Mampu Milik 'A' dan 'B' tidak boleh dijadikan aksesori dan dijual kepada pemilik kediaman.

Baru-baru ini, beberapa sesi perbincangan bersama kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan telah diadakan sebagai usaha menambah baik dan menyeragamkan Garis Panduan Tempat Letak Kenderaan. Kerajaan Negeri juga pada masa ini tidak menetapkan sebarang syarat berhubung penyediaan aksesori lain seperti pakej ubahsuai dalam urusan jual-beli Rumah Mampu Milik 'A' dan 'B'.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerja-kerja pengorekan utiliti selalu menyebabkan kerosakan teruk di permukaan jalan raya. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewajibkan kontraktor memaklumkan kerja-kerja kepada pihak berkepentingan termasuk YB. kawasan dan JKKK sebelum kelulusan diberikan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri melalui pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak mewajibkan kontraktor syarikat utiliti untuk memaklumkan permohonan permit korekan jalan kepada YB. ADUN kawasan dan JKKK sebelum kelulusan diberikan. Dalam hal ini, untuk mengawal kerja pengorekan jalan telah terdapat peruntukan undang-undang, prosedur permohonan, kawalan dan pemantauan yang telah ditetapkan oleh pihak JKR dan PBT. Syarat-syarat pengorekan jalan bagi kerja-kerja utiliti yang ditetapkan oleh pihak JKR dan PBT adalah seperti di Lampiran A, Lampiran A2 dan Lampiran A3.

RUJUK LAMPIRAN A1, A2 DAN A3 BDRJAYA NO. 10 (ID 544)

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah jalan penyelesaian jangka panjang oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah kehadiran penjaja di tepi jalan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri bersama-sama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil beberapa langkah yang bersesuaian untuk menangani masalah kehadiran penjaja di tepi jalan. Antaranya adalah:

(a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

- (i) Mendaftar semua penjaja yang dikenalpasti menjalankan aktiviti penjaja tanpa lesen sebelum Mei 2013.
- (ii) Melaksanakan kerja-kerja naik taraf pasar dan kompleks makanan bagi tujuan penempatan semula penjaja jalanan.
- (iii) Mensyaratkan penyediaan tapak penjaja/kompleks makanan dalam pemajuan kediaman bagi membolehkan penjaja sedia ada ditempatkan dalam kompleks berkenaan.
- (iv) Melaksanakan projek pembinaan Pasar dan Kompleks Makanan di Batu Feringgi dan Telok Kumbar bagi mengatasi masalah penjaja jalanan.
- (v) Mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja-penjaja baru tanpa lesen.

(b) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPSP)

MPSP telah mewujudkan Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih untuk membantu penjaja daripada menjalankan perniagaan di tepi jalan. Selain itu, MPSP turut mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Melesenkan penjaja-penjaja yang beroperasi tanpa kebenaran mengikut dasar sedia ada MPSP.
- (ii) Mengeluarkan permit penjaja sementara kepada penjaja yang berniaga secara bermusim/ sementara di kawasan dibenarkan.

- (iii) Menyediakan tambahan petak niaga di pasar-pasar awam/kompleks makanan MPSP yang masih mempunyai ruang bersesuaian.
- (iv) Mensyaratkan kepada pemaju dalam pembangunan mereka untuk menyediakan ruang niaga.
- (v) Memberi keutamaan untuk mengisi ruang niaga (pasar & kompleks penjaja) MPSP kepada penjaja di gerai-gerai yang diambil tindakan penguatkuasaan dan perlu hadir ke temu duga yang ditetapkan MPSP pada setiap bulan untuk memilih gerai-gerai yang masih kosong.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Adakah Kerajaan Negeri akan formalisasikan (*formalized*) pasukan bantuan sukarela menjadi satu pertubuhan yang sah Kerajaan Negeri termasuk memperuntukkan elaun petugas-petugas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Badan Peronda Sukarela (BPS) merupakan satu badan sukarela yang ditubuhkan di bawah Bendahari dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) untuk menguruskan hal ehwal keselamatan di kelompok komuniti masing-masing bagi mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat dan bersatu padu. Memandangkan BPS adalah di bawah JKKK, BPS tidak perlu didaftarkan sebagai satu pertubuhan atau persatuan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk memperuntukkan sebarang elaun kepada ahli-ahli BPS, memandangkan badan ini ditubuhkan atas dasar sukarela.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Hampir 200 buah rumah tumpangan yang berkadar kecil di sekitar kawasan heritage dipaksa tutup kerana proses mendapatkan lesen yang melibatkan kos yang terlalu tinggi (RM150k hingga RM300k). Adakah Kerajaan Negeri patut memberi kelonggaran kepada mereka memandangkan perniagaan rumah tumpangan (*guesthouse*) ini membantu industri pelancongan di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri sememangnya mengambil pelbagai langkah proaktif untuk membantu pengusaha-pengusaha rumah tumpangan atau hotel khususnya dalam kawasan warisan, antaranya ialah dengan melancarkan program pemutihan hotel yang bermula pada tahun 2014. Antara usaha yang telah diambil adalah seperti berikut:-
- (i) Pengecualian dari mengemukakan permohonan merancang bagi tukar guna aktiviti hotel.
 - (ii) Pengecualian mengemukakan laporan *Heritage Impact Assessment* (HIA) bagi premis di kawasan tapak warisan.
 - (iii) Pengecualian penyediaan tempat letak kenderaan secara fizikal dan menerima tawaran sumbangan tempat letak kenderaan.
 - (iv) Kelonggaran syarat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
 - (v) Pengurangan bayaran sumbangan tempat letak kereta (TLK) bagi setiap alamat premis perniagaan hotel bajet dari minima empat TLK ke satu hingga dua TLK sahaja iaitu dengan kadar RM27,500 setiap satu TLK, atau mengenakan bayaran sebanyak RM55,000 untuk penyediaan dua (2) TLK mengikut keluasan premis hotel bajet berkenaan.
 - (vi) Pengeluaran lesen sementara dalam tempoh mendapatkan kelulusan yang dilanjutkan sehingga 31 Oktober 2017.

- (vii) Khidmat nasihat berkaitan pematuhan kehendak Warisan (yang melibatkan Tapak Warisan dan bangunan warisan) dan Bomba.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah usaha Pihak Berkuasa Tempatan menangani masalah pemilik rumah kedai daripada *reserved* tempat letak kereta?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Pelbagai usaha diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi menangani masalah pemilik rumah kedai daripada *reserved* tempat letak kereta di antaranya adalah:
- (i) Menubuhkan Unit Halangan di bawah Jabatan Penguatkuasaan bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan mencegah halangan-halangan khasnya di tempat letak kereta yang menjalankan operasi pada setiap hari isnin hingga jumaat, dari jam 8.00 pagi hingga jam 5.00 petang.
 - (ii) Menjalankan pemantauan melalui CCTV sedia ada dilakukan ke atas halangan yang diletakkan di atas petak letak kenderaan.
 - (iii) Mengambil tindakan rampasan kompaun dan mengikut Seksyen 46, Akta Jalan Parit dan Bangunan diambil di bawah peruntukan "Halangan" dari semasa ke semasa.
 - (iv) Membenarkan penyewaan petak khas letak kenderaan mengikut garis panduan sedia ada yang melibatkan aktiviti-kedai menjual tayar, menjual dan membaiki kereta, kedai menjual dan membaiki motosikal, perhotelan/pelancongan (mengikut kes), pengangkutan/ panggah memungkah (mengikut kes), tempat Simpan Mayat (*Funeral Parlour*) (mengikut kes) dan klinik bagi tujuan kecemasan (mengikut kes).

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Mengapakah pihak Kerajaan Negeri membenarkan bengkel membaiki kereta dan motosikal beroperasi di pusat perdagangan dan perumahan memandangkan bengkel tersebut boleh menjejaskan kualiti kesihatan penduduk setempat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri tidak pernah membenarkan bengkel membaiki kereta dan motosikal beroperasi di pusat perdagangan dan perumahan. Aktiviti sedia ada beroperasi tanpa lesen dan tindakan pengeluaran kompaun kepada penguasaha berkenaan diambil secara konsisten. Aktiviti bengkel membaiki kereta dan motosikal hanya dibenarkan beroperasi di tanah atau bangunan yang diperlingkungan sebagai 'Industri' sahaja. Manakala bengkel membaiki kereta dan motosikal dibenarkan beroperasi di pusat perdagangan bagi aktiviti servis kenderaan saja.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Penang Hindu Endowment Board telah membelanjakan RM3 juta untuk kereta perarakan *Golden Chariot* sempena sambutan Thaipusam pada bulan Februari yang akan datang. Siapakah yang menjadi penderma atau penyumbang yang menanggung perbelanjaan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sambutan Hari Thaipusam 2017 yang akan disambut pada Februari 2017, bagi kali pertamanya akan dimeriahkan oleh perarakan kereta berhala *Golden Chariot* yang akan membawa Vel (simbol Dewa Muruga). Kereta berhala ini telah disumbangkan oleh seorang individu yang merupakan penganut Dewa Muruga. Manakala emas untuk disadurkan sebahagiannya adalah daripada simpanan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang yang pernah disumbangkan oleh penganut-penganut Hindu dan selebihnya dibeli oleh pihak Lembaga.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Runtuhan Jalan Mount Erskine baru-baru ini dipercayai berpunca daripada kegagalan jalan kecil menampung kehadiran kenderaan berat. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai rancangan untuk memasang besi penghadang untuk mengelakkan kemasukan kenderaan berat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan untuk memasang besi penghadang bagi tujuan mengelakkan kemasukan kenderaan berat ke Jalan Mount Erskine. Cadangan ini perlu mendapat pertimbangan undang-undang dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu, di mana sebarang keputusan untuk pemasangan apa-apa halangan hendaklah selaras dengan kehendak Seksyen 70, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) iaitu kuasa menyekat penggunaan kenderaan pada jalan tertentu, bagi mengelakkan dicabar pada masa hadapan. Sebagai langkah alternatif buat masa ini, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah meletakkan papan tanda larangan kenderaan berat daripada memasuki jalan tersebut serta papan tanda had berat kenderaan 11 tan ke bawah.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah status projek pembangunan di Botak Hill? Adakah projek tersebut sudah diberhentikan atau masih diteruskan? Kalau masih diteruskan, apakah projek pembangunan di situ?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerja-kerja mitigasi masih dijalankan di Botak Hill melibatkan Lot 11396, Mukim 13, Daerah Timur Laut. Kerja-kerja mitigasi yang masih dijalankan melibatkan sistem peparitan tanah sementara bagi tujuan mengalirkan air larian permukaan. Sehingga kini MBPP tidak menerima sebarang permohonan kebenaran merancang untuk pembangunan lot tersebut. Skop kerja mitigasi yang dijalankan adalah seperti berikut:
 - (i) Sistem peparitan sementara menggunakan *cement lining* untuk mengurangkan hakisan tanah.
 - (ii) Kolam mendapan kelodak.
 - (iii) Penstabilan tebing cerun dengan penanaman rumput menggunakan kaedah *hydroseeding*.
 - (iv) Pemasangan *fibre mat* bagi memastikan tiada hakisan berlaku di kawasan permukaan tebing cerun.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Adakah Kerajaan Negeri pernah membuat kajian secara mendalam dan terperinci berhubung dengan perbezaan sistem pengangkutan awam seperti LRT, BRT dan trem moden dari segi kos

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri sememangnya telah meneliti kebolehlaksanaan sesuatu sistem mod pengangkutan awam yang sesuai di Pulau Pinang dari segi kos, kapasiti pengguna dan kesesuaian dengan keadaan persekitaran di Pulau Pinang. Ringkasan perbandingan mengikut mod pengangkutan bagi jajaran LRT dari George Town ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah seperti berikut :

Mod	LRT	Monorail	TRAM	BRT	Bas
Kapasiti People Per Head Per Direction (PPHPD)	18,500	7,000	4,500	2,500	500
Kelajuan (km/j)	35	30	20	25	15
Masa Perjalanan(min)	40	45	70	55	90
Jarak antara kenderaan (min)	2	3	4	3	5
Bilangan kenderaan	4	4	2	2	1
Kapasiti / kenderaan	160	90	160	60	60
Kos RM / km	220	170	40* (<i>at grade</i>)	110	1

* Tidak termasuk kos pengalihan utiliti bawah tanah, kos pengambilan balik tanah (sepanjang jajaran TRAM), satu laluan jalan akan digunakan dan lain-lain kos.

Hasil penelitian tersebut, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk melaksanakan sistem LRT bagi jajaran George Town ke Lapangan Terbang Antarabangsa yang akan dilaksanakan dalam fasa pertama pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri juga telah membuat perbandingan kos pembinaan tram di Sydney, Australia pada 2015, dan Edinburgh, Scotland pada 2007 di mana masing-masing adalah RM614 Juta/km dan RM305.8 Juta/km malah kos MRT Sg. Buluh adalah RM613 Juta/km termasuk terowong dan binaan elevated serta kos LRT 3 (Bandar Utama-Klang) yang melibatkan kos RM250 Juta/km termasuk tunnel dan landasan *elevated*.

Adalah jelas didapati bahawa kos pembinaan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri iaitu RM220Juta/km untuk LRT adalah lebih rendah dari LRT 3 (Bandar Utama-Klang) yang berjumlah RM250Juta/km.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

dan kesesuaiannya untuk penduduk-penduduk Pulau Pinang?

20. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mengorbankan Pusat Agro-pelancongan di Relau untuk tujuan pembangunan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Pusat Agropelancongan Relau yang diuruskan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang masih beroperasi seperti biasa dengan pelbagai aktiviti dan latihan dilaksanakan bagi membantu usahawan tani melalui latihan inkubator serta aktiviti Pusat jualan dan Zon Pemprosesan.

Kerajaan Negeri pada ketika ini masih dalam peringkat perbincangan dengan pihak Kementerian dan syarikat swasta yang dipilihnya mengenai cadangan untuk menempatkan Pusat Agropelancongan di lokasi yang lain dengan menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang lebih baik dan terkini. Tanah ini masih lagi milik Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah langkah kontigensi daripada pihak PBA untuk menghadapi masalah bekalan air yang terputus seperti yang berlaku pada 19hb dan 20hb September 2016?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) bagi mengelakkan tragedi bekalan air terputus dari berulang di Pulau Pinang adalah seperti berikut :
- (i) Pengurusan dan Pemantauan Tekanan (Pressure Management and Monitoring) pada kadar optimum bertujuan untuk mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil, dan menjamin ketahanan paip-paip untuk satu jangka masa yang lama.
 - (ii) Pemantauan dan Pemeriksaan Berkala untuk memastikan sebarang kebocoran pada peringkat awal dalam usaha untuk mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil yang secara langsung membantu kerja-kerja pembaikan.
 - (iii) Salah satu langkah bagi memastikan ketahanan paip-paip dari jenis logam (metal pipes) daripada berkarat terutamanya paip-paip utama (trunk mains) yang bersaiz besar dan ditempatkan di lokasi-lokasi yang terdedah kepada faktor pengaratan air laut maka, paip-paip tersebut dilindungi dengan sistem "Cathodic Protection" yang dapat menjamin ketahanan terhadap pengaratan dan seterusnya mengurangkan risiko kebocoran. Bagi paip-paip lama yang masih tidak dilindungi dengan "Cathodic Protection" akan dikenal pasti dan dicadangkan dengan perlindungan "Cathodic Protection" secara berperingkat.
 - (iv) Program Penggantian Paip di mana peruntukan tahunan ditetapkan bagi menggantikan paip-paip lama mengikut keutamaan berdasarkan kepada rekod kekerapan kerosakan dan kebocoran, di samping faktor usia paip-paip tersebut.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Bolehkan Dewan yang mulia ini dimaklumkan dengan jumlah lori tangki air bergerak yang dimiliki oleh Pihak berkuasa tempatan atau PBA untuk membekalkan air yang bersih untuk keperluan penduduk-penduduk ketika bekalan air terputus?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Jumlah lori tangki air bergerak yang dimiliki oleh pihak berkuasa tempatan atau PBAPP untuk membekalkan air yang bersih bagi keperluan penduduk ketika bekalan air terputus adalah seperti berikut :-
- (i) PBAPP mempunyai empat (4) unit lori tangki air pada masa ini. Di samping itu, dua (2) buah unit lagi lori tangki air yang berkapasiti lebih besar dijangka akan ditambah kemudian.
 - (ii) MBPP mempunyai sembilan (9) unit lori tangki air bergerak yang biasanya digunakan untuk kerja-kerja landskap dan pembersihan dan boleh digunakan untuk bekalan air minuman.
 - (iii) MPSP memiliki enam (6) unit lori tangki air yang boleh membekalkan air selain tiga (3) buah lori tangki air bergerak yang digunakan khusus untuk kerja-kerja penyiraman pokok-pokok landskap MPSP.

Walau bagaimanapun, pihak pengguna perlu mematuhi kehendak teknikal sebagaimana yang digariskan dalam Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA 2006) dengan menyediakan tangki simpanan yang mampu menyimpan keperluan bekalan air untuk sehari (24 jam). Ramai pengguna termasuk pengguna-pengguna utama (*prime consumers*) tidak mematuhi kriteria asas yang ditetapkan malah ianya juga bertepatan dengan Enakmen Pembekalan Air 1998 yang telah digubal sejak penubuhan Pihak Berkuasa Air ("PBA"). Isu ini perlu ditekankan dan pengguna perlu lebih prihatin dengan masalah kecemasan yang di luar kawalan di mana dengan adanya tangki simpanan yang dapat menampung bekalan air 24 jam, maka, risiko terputusnya bekalan air dapat dikurangkan dan kesinambungan produktiviti terutamanya di kilang-kilang tidak terjejas dengan ketara.

Bagi meningkat perkhidmatannya, pihak PBAPP telah menetapkan sasaran Hasil Penunjuk Prestasi (*Key Performance Indicators*) seperti berikut:-

No.	Jenis Komunikasi	Tempoh Masa Tindakan
1	Media Sosial (Facebook & Twitter)	Di dalam tempoh 3 jam dari masa kejadian
2	Laman Web Rasmi PBAPP	Di dalam tempoh 3 jam dari masa kejadian
3	Kenyataan Media	Selepas 12 jam yang pertama
4	<i>Customer Engagement Team</i>	Di dalam tempoh 3 jam dari masa kejadian

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Apakah langkah kecemasan yang ada di KOMTAR untuk menghadapi kebakaran seperti yang berlaku di tingkat 5 baru-baru ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Kerajaan Negeri sememangnya mengutamakan keselamatan bangunan kerajaan khususnya di KOMTAR dan antara ciri-ciri keselamatan kebakaran di bangunan KOMTAR adalah :
- (i) Bangunan KOMTAR telah mempunyai sistem pemasangan keselamatan kebakaran sedia ada semenjak dari pembinaan. Terdapat 2 sistem keselamatan kebakaran yang utama iaitu sistem Pasif dan Sistem Aktif. Sistem Pasif adalah merujuk kepada struktur bangunan KOMTAR itu sendiri seperti tangga keselamatan, ruang akses menentang kebakaran, *protected lif lobby* dan lain-lain lagi. Manakala bagi sistem aktif adalah merujuk kepada sistem keselamatan kebakaran yang dipasang pada bangunan KOMTAR mengikut kepada rekabentuk bangunan seperti sistem *sprinkler*, sistem *wet riser*, *break glass*, *lif bomba*, sistem salur bantu mula (*hose reel*) CMS (*computerized monitoring system*), *pressurized* sistem dan lain-lain lagi. Cuma kelemahan adalah dari segi penyelenggaraan kepada kedua-dua sistem utama tersebut.
 - (ii) *Task Force* Pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran Tindakan Jabatan Bomba bagi memastikan kedua-dua sistem utama tersebut supaya sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan boleh berfungsi pada setiap masa adalah dengan mengadakan *Task Force* Pemeriksaan Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK) secara berkala iaitu setahun sekali bermula dari tahun 2006 sehingga sekarang.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kehadiran kereta tersadai (buruk) di kawasan perumahan telah menimbulkan masalah kekurangan tempat letak kereta. Laporan polis telah dibuat terhadap kereta yang sudah kematian cukai jalan. Pihak penguatkuasa MBPP yang telah dihubungi tidak dapat mengalihkan kereta tersebut kononnya kekangan tempat pengumpulan. Apakah usaha MBPP untuk menangani masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai dua (2) stor simpanan kenderaan usang atau buruk di Kawasan Relau dan di Kawasan Jalan Patani di mana jumlah kenderaan buruk yang disimpan berada di tahap yang maksimum. Sehubungan itu, MBPP senantiasa berusaha untuk menjalankan proses pelupusan kenderaan secara berkala di setiap stor penyimpanan bagi menangani masalah pengalihan kenderaan buruk atau usang yang tersadai di kawasan perumahan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Usaha Kerajaan Negeri mengecualikan pembayaran cukai pintu untuk rumah kos rendah kategori 01/02 memang kena dan tepat pada masanya ketika orang ramai dihimpit kenaikan kos hidup. Akan tetapi usaha ini tidak diuar-uarkan secara meluas sehingga timbul kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Apakah tindakan Kerajaan Tempatan menangani masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kerajaan Negeri pada 16 Disember 2015 telah meluluskan pengecualian cukai taksiran bagi tahun 2016 untuk hartanah kediaman jenis kos rendah dan sederhana rendah serta rumah kampung. Sehubungan itu, antara langkah-langkah yang telah diambil untuk memaklumkan kepada orang ramai adalah:
- (i) Menghantar surat pemberitahuan/notis makluman pengecualian cukai taksiran tahun 2016 kepada pemilik-pemilik rumah kos rendah, sederhana rendah dan rumah kampung serta borang tuntutan bayaran balik jika bayaran telah dibuat untuk tahun 2016.
 - (ii) Menyertakan perutusan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang berkaitan pengecualian cukai taksiran kepada pemilik harta kediaman kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah kampung ke dalam bil cukai taksiran penggal 1/2016.
 - (iii) Membuat hebahan kepada orang ramai secara berterusan melalui surat khabar, sidang media dan Buletin Mutiara. YB. ADUN juga boleh memainkan peranan untuk memaklumkan keputusan ini kepada penduduk di kawasan masing-masing.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Pusat-pusat hiburan berunsur perjudian tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Apakah dasar Kerajaan Negeri memberikan lesen perniagaan kepada syarikat yang menjalankan kegiatan yang tidak sihat khususnya kepada golongan anak muda?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Pengeluaran lesen oleh Kerajaan Negeri kepada pengusaha pusat-pusat hiburan adalah tertakluk kepada peruntukan Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 dan peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam enakmen tersebut serta garis panduan yang dikemaskini dari semasa ke semasa.

Bagi permohonan lesen hiburan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan mengemukakan salinan permohonan tersebut kepada jabatan-jabatan teknikal seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Buruh dan jabatan-jabatan teknikal dalaman. Pelaksanaan ini adalah merupakan salah satu dasar dalam mengawal aktiviti hiburan agar tidak mendatangkan aktiviti-aktiviti tidak sihat. Sekiranya terdapat salah laku atau pelanggaran syarat dan peraturan, pengusaha akan diambil tindakan kompaun dan juga pembatalan lesen. Mulai September 2016, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah membekukan semua permohonan baru dan permohonan berstatus dalam proses bagi aktiviti mesin simulator / mesin mencuba nasib.

Selain itu, bagi mengawal aktiviti pusat-pusat hiburan ini, MBPP dan MPSP mengambil langkah yang konsisten terhadap aktiviti ini dengan mengadakan operasi penguatkuasaan bersama dengan PDRM dengan membuat rampasan mesin yang disyaki berunsurkan perjudian.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Walaupun terdapat undang-undang yang telah diluluskan pada Jun 2016 untuk berdepan dengan penghuni rumah flat yang enggan membayar yuran penyelenggaraan, namun penguatkuasaan yang lemah susulan JMB dan Perbadanan Pengurusan yang tidak berfungsi menimbulkan pelbagai masalah. Apakah mekanisma Kerajaan Negeri dalam menangani masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kurangnya kesedaran dalam kalangan penduduk terhadap kepentingan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) merupakan punca utama kepada masalah penubuhan kedua-dua badan. Jika ditubuhkan sekalipun, kedua-duanya gagal untuk berfungsi secara aktif. Sikap sebilangan penduduk yang enggan menjelaskan bayaran caj penyelenggaraan menjadikan perkara ini semakin sukar untuk diselesaikan.

Menyedari keadaan ini, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) daripada kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedang giat menjalankan promosi bagi menyuntik kesedaran terhadap kepentingan JMB dan MC di kalangan penduduk. Di antara program yang dijalankan adalah:

- (i) Mengadakan taklimat tentang kewajipan membayar caj penyelenggaraan dan kepentingan penubuhan badan pengurusan;
- (ii) Memberikan pemahaman berkaitan fungsi, kewajipan dan kuasa JMB/MC kepada skim-skim yang bermasalah;
- (iii) Mengadakan seminar dan kursus induksi kepada pemilik-pemilik pemajuan berstrata;
- (iv) Pemantauan penubuhan JMB/MC melalui sistem Jabatan COB;
- (v) Mengadakan Program Anak Angkat bagi skim-skim yang dipilih;
- (vi) Mengadakan Majlis Anugerah Pengurusan JMB/MC Terbaik dengan kerjasama Kerajaan Negeri bagi menggalakkan JMB/MC memberikan perkhidmatan terbaik sekaligus menjadi *role model* kepada skim-skim yang tiada JMB/MC; dan
- (vii) Memastikan kawasan pemajuan yang baru menubuhkan JMB/MC mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Mengapakah pihak PDC tergesa-gesa untuk menyerahkan tanggungjawab pengurusan flat kepada penghuni sedangkan ada yang belum bersedia dari segi mental dan fizikal?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Pengurusan bangunan berstrata yang pada asalnya berada di bawah tanggungjawab pemaju perlu diserahkan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) seterusnya kepada Perbadanan Pengurusan (MC) secara berperingkat dan mengikut tempoh seperti mana digariskan di dalam Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Selain itu, Akta 757 juga menjelaskan bahawa menjadi suatu kesalahan kepada pihak pemaju yang gagal mematuhi proses penyerahan tanggungjawab ini yang mana apabila disabitkan boleh dikenakan tindakan undang-undang termasuk denda dan penjara.

Sehubungan itu, sebarang tindakan yang diambil oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk menyerahkan tanggungjawab pengurusan bangunan berstrata seperti flat dan sebagainya kepada JMB yang terdiri daripada pemaju dan pembeli atau kepada MC dibuat adalah atas kehendak undang-undang yang sedang berkuatkuasa ketika ini.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Masalah sosial dalam kalangan anak muda kian berleluasa. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang perancangan untuk anak-anak muda mengisi masa lapang dengan kegiatan yang berfaedah seperti kegiatan sukan "Satu DUN Satu Sukan". Adakah Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan bagi menjayakan kegiatan-kegiatan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Mengambil kira kepentingan dan sumbangan sukan ke arah meningkatkan kesejahteraan masyarakat Pulau Pinang yang sihat dan berdaya saing, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menggalakkan penyertaan masyarakat terutamanya anak-anak muda untuk melaksanakan aktiviti kesukanan. Penekanan Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan amalan budaya bersukan menjadi sehati dalam kehidupan seharian masyarakat. Buat masa ini Kerajaan Negeri belum ada perancangan untuk melaksanakan kegiatan sukan 'satu DUN satu sukan'. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri menerusi Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah serta Persatuan Sukan Negeri serta lain-lain pertubuhan bukan kerajaan yang aktif dalam bidang sukan berk komuniti menganjurkan pelbagai aktiviti di bawah program sukan massa. Sepanjang tahun 2016, MSNPP dengan kerjasama MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan sebanyak 30 sukan massa melibatkan komuniti di semua daerah di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan untuk sukan massa menggunakan peruntukan MMK Belia dan Sukan

RUJUK LAMPIRAN BDRJAYA NO. 29 (ID 690)

XXIII. Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Dilaporkan BUCG telah menarik diri dari projek terowong bawah tanah.
- (a) Pernahkah Kerajaan Negeri membayar pampasan dan bayaran kepada BUCG?
 - (b) Adakah BUCG telah menyempurnakan kerja-kerja yang dijanjikan?
 - (c) Apakah status terkini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Kerajaan Negeri tidak membayar sebarang pampasan kepada Syarikat BUCG ekoran penarikan diri syarikat daripada Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut di Pulau Pinang.
- (b) Perjanjian Kerajaan Negeri adalah dengan Konsortium, Setakat ini, pihak Konsortium telah menepati kehendak-kehendak perjanjian awal Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut di Pulau Pinang.
- (c) Status kemajuan bagi Projek Terowong Dasar Laut adalah di peringkat Kajian Kebolehlaksanaan (*Feasibility Study*) yang telah mencapai 87% kadar siap dan dianggarkan siap keseluruhan dalam tempoh tiga bulan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Berapa banyakkah CCTV yang telah dipasang di seluruh negeri setakat ini?
- (b) Adakah CCTV yang telah dipasang telah mengurangkan kes-kes jenayah?
- (c) Berapa kes jenayah telah berjaya diselesaikan selepas pemasangan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Bilangan CCTV yang telah dipasang di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 658 unit iaitu 528 unit di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan sebanyak 130 unit di kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai.
- (b) Statistik indeks jenayah di Pulau Pinang menampakkan penurunan kadar jenayah dan pemasangan kamera CCTV secara tidak langsung menyumbang kepada pengurangan kes jenayah tersebut. Ini adalah kerana pemantauan berterusan di kawasan 'hotspot' dan

juga memudahkan pihak berkuasa mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan rakaman sesuatu insiden jenayah.

- (c) Mengikut laporan pihak polis, indeks jenayah di Pulau Pinang telah menurun sebanyak 11.3% (119 kes) iaitu 7,154 kes pada tahun 2015 berbanding 8,064 kes pada tahun 2014.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Apakah faedah yang diwujudkan oleh projek *One Belt, One Road* di Negeri Pulau Pinang?
- (b) Adakah projek ini dapat memanfaatkan masyarakat kita dari segi pelancongan, perdagangan dan ekonomi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) *One Belt, One Road* (OBOR) adalah satu strategi pembangunan dan rangka kerja oleh Republik Rakyat China (RRC) yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama antara RRC dengan negara-negara Eurasia melibatkan laluan darat (*Silk Road Economic Belt*) dan laluan laut (*Maritime Silk Road*). Rangka kerja tersebut berdasarkan prinsip-prinsip berdagang bersama, membina bersama dan perkongsian.

Faedah yang diwujudkan oleh OBOR adalah pasaran yang terbuka bagi perdagangan, peningkatan fleksibiliti dan kecekapan dalam pengurusan projek pembangunan. Ianya juga mengukuhkan kerjasama dalam bidang perdagangan, industri, tenaga, kewangan, budaya, alam sekitar dan sebagainya. Inisiatif ini dijangka akan membawa faedah perkembangan ekonomi kepada lebih 65 negara termasuk Pulau Pinang dengan jumlah penduduk potensi pasaran seramai 4.4 billion orang penduduk.

- (b) Pelaksanaan projek OBOR akan memanfaatkan ekonomi Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya sama ada dari segi perdagangan, industri halal, pelancongan dan kebudayaan, pembangunan bakat, industri kesihatan dan sebagainya. Pasaran yang terbuka dan keterangkuman akan menggalakkan perdagangan antara negara-negara yang terlibat. Dengan pengiktirafan industri halal di Pulau Pinang dan Malaysia di peringkat global, inisiatif tersebut akan terus menggalak syarikat-syarikat China dalam industri halal untuk meningkatkan pelaburan mereka di Pulau Pinang. Di samping itu, kerjasama antara Pulau Pinang dengan negara yang terlibat akan terus meningkatkan promosi dan reputasi Pulau Pinang sebagai lokasi pelancongan serta rawatan kesihatan yang berkualiti dan berpatutan di kalangan pelancong dari RRC. Secara amnya, Kerajaan Negeri percaya bahawa inisiatif OBOR mampu memberikan manfaat ekonomi kepada Negeri Pulau Pinang memandangkan Pulau Pinang telah mempunyai asas yang kukuh dalam sektor pelancongan, perdagangan dan ekonomi.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Sejak kewujudan kempen kesedaran untuk mengelak pembaziran makanan, adakah inisiatif ini berjaya?
- (b) Adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk menampilkan satu usul untuk mengelakkan masyarakat membazir makanan seperti di Negara Perancis, Germany dan Scotland?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Kempen Makan Sampai Habis merupakan inisiatif Jawatankuasa MMK Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar dalam membudayakan setiap lapisan masyarakat di Pulau Pinang supaya bijak dalam menguruskan sumber makanan dengan menghargai rezeki. Kempen ini adalah selaras dengan inisiatif Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang yang mensasarkan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau yang mampan dari segi penggunaan sumber secara mesra alam sekitar dan pengurusan sisa pepejal sifar.

Kempen Makan Sampai Habis telah dilancarkan pada bulan September 2014 bagi membasmi amalan pembaziran makanan dan seterusnya meminimumkan pembuangan sisa makanan yang berlebihan di Pulau Pinang. Sisa makanan merupakan sisa organik yang menghasilkan gas metana semasa proses penguraiannya. Gas metana yang terhasil dari proses penguraian bahan organik adalah merupakan salah satu penyumbang utama kepada faktor perubahan iklim. Kempen Makan Sampai Habis merupakan satu kaedah dalam pengurusan sisa organik di mana tanggungjawab untuk meminimumkan pembuangan makanan diturunkan ke peringkat pengguna supaya dapat bertindak dengan bijak untuk memelihara alam sekitar.

Objektif Kempen Makan Sampai Habis adalah untuk membudayakan masyarakat Pulau Pinang supaya sentiasa menghayati falsafah C.E.R.M.A.T, iaitu:-

- (i) Cekap dalam mengelakkan pembaziran makanan;
- (ii) Efisien dalam mengoptimumkan sumber makanan;
- (iii) Rasional dalam memilih kuantiti pemakanan yang mencukupi;
- (iv) Menghargai sumber rezeki yang diperolehi;
- (v) Amat prihatin kepada nasib sesetengah pihak yang sedang mengalami kebuluran; dan
- (vi) Tahu akan tanggungjawab dalam memelihara alam sekitar.

Melalui Kempen Makan sampai Habis, pengguna diingatkan supaya mengambil makanan mengikut keperluan serta tidak membazir; dan membungkus makanan yang berlebihan untuk dibawa pulang.

Secara amnya, inisiatif Kempen Makan Sampai Habis dilihat telah berjaya membawa mesej mengenai kepentingan untuk menghargai makanan kepada rakyat Pulau Pinang. Kejayaan kempen ini dapat dilihat dari segi sambutan yang diberikan oleh sekolah-sekolah, komuniti kawasan perumahan, premis-premis makanan dan kilang-kilang. Hasil tinjauan mendapati kadar pelupusan sisa makanan yang dijana oleh premis yang terlibat dengan Kempen Makan Sampai Habis telah dapat diturunkan dengan ketara berbanding sebelum pelaksanaannya. Kempen ini mempunyai potensi untuk terus diperluaskan lagi melalui penglibatan secara aktif pemimpin masyarakat, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan.

- (b) Sasaran mutakhir kempen Makan Sampai Habis adalah untuk memastikan bahawa sumber makanan digunakan secara optimum dengan tiada lansung sisa makanan yang perlu dibuang ke tapak pelupusan dan pada masa yang sama mengurangkan impak perubahan iklim. Usul untuk mengelakkan masyarakat membazir makanan seperti yang dilaksanakan di Perancis, Jerman dan Scotland merupakan satu kaedah yang boleh dipertimbangkan pelaksanaannya di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, usul tersebut perlu diteliti dengan mengambil kira faktor budaya, cara hidup dan tahap penerimaan masyarakat di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menanam pokok-pokok di kawasan bukit dan pantai kerana ia dapat mengurangkan impak Tsunami pada masa hadapan?
- (b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk mewujudkan eko-sistem yang seimbang?
- (c) Sehingga hari ini, berapa banyakkah pokok-pokok baharu ditanam oleh Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Landskap Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar telah melaksanakan pelbagai inisiatif melibatkan aktiviti penanaman pokok di kawasan bukit

dan pantai. Program-program penanaman pokok yang dilaksanakan merangkumi dua (2) aktiviti utama, iaitu:-

- (i) Program penanaman pokok di kawasan lapang tanah kerajaan dan terosot termasuk kawasan bukit di dalam hutan simpanan kekal; dan
 - (ii) Program penanaman pokok bakau dan spesis-spesis yang sesuai di pesisiran pantai sebagai penahan hakisan serta impak tsunami.
- (b) Bagi mewujudkan eko-sistem yang seimbang di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:-
- (i) Pembinaan "Pocket Park" oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan landskap yang menarik bagi tujuan rekreasi orang ramai;
 - (ii) Projek penanaman pokok oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Perhutanan Negeri bagi menghijaukan alam sekitar dan merendahkan kadar pelepasan karbon yang menjadi punca kepada perubahan cuaca;
 - (iii) Projek penanaman pokok teduhan landskap di setiap daerah di Pulau Pinang;
 - (iv) Program Corporate Social Responsibility (CSR) bersama dengan agensi korporat yang merangkumi projek-projek penghijauan melibatkan komponen-komponen kemudahan landskap kejur dan landskap lembut;
 - (v) Mengambil inisiatif pemuliharaan pokok-pokok warisan dan berusia di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) secara berfasa dengan melantik Arboris bertauliah agar pokok hidup subur, sihat dan selamat kepada orang awam;
 - (vi) Penanaman pokok di kawasan lapang dan terosot di dalam Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Kerajaan;
 - (vii) Program penanaman pokok bakau dan spesis-spesis yang sesuai di pesisiran pantai;
 - (viii) Kempen penanaman pokok secara *hands-on* bersama orang awam, pelajar sekolah, agensi swasta dan badan bukan kerajaan (NGO's); dan
 - (ix) Program-program pengurusan Green Waste yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengoptimalkan kegunaan sisa-sisa *green waste* melalui kaedah pengkomposan dan Bio-Regen.

Kerajaan Negeri juga melalui PBT telah menetapkan syarat-syarat yang ketat bagi permohonan penebangan pokok-pokok sedia ada terutamanya pokok-pokok yang bersaiz besar.

- (c) Dari tahun 2008 sehingga Oktober 2016, sebanyak 287,038 pokok baharu telah ditanam oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk melatih sukarelawan seperti di mana yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan memperkenalkan Sukarelawan PANTAS di mana ia melengkapkan sukarelawan negeri dengan pengurusan bencana dalam tugas penyediaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri telah mewujudkan Biro Peronda Sukarela (BPS) iaitu sukarelawan khusus dengan bertujuan untuk menguruskan hal ehwal keselamatan di kelompok komuniti masing-masing. Selain membantu pihak berkuasa yang bertanggungjawab ke atas keselamatan dan ketenteraman awam seperti Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) dalam menangani kegiatan jenayah dan gejala negatif di sesuatu kawasan, BPS juga berperanan dalam memberikan bantuan kecemasan sekiranya berlaku bencana alam di kawasan masing-masing. Dalam hal ini, ahli-ahli BPS diberikan taklimat dan latihan asas mengenai bantuan kecemasan dan pengurusan bencana. Pasukan ini juga dibekalkan dengan kelengkapan yang bersesuaian untuk membantu komuniti setempat dalam pencegahan awal dan kecemasan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Adakah Kerajaan Negeri akan merancang program mentorship dan *startup funding* kepada usahawan-usahawan yang mempunyai idea yang inovatif untuk menggalakkan ekonomi tempatan.
- (b) Bagaimanakah projek ini akan dilancarkan?
- (c) Sekiranya Kerajaan Negeri mempunyai program seperti ini, sebanyak berapa pekerja yang telah dilatih dan mendapat pekerjaan di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan dan membantu usahawan yang mempunyai idea kreatif dan inovatif untuk berjaya dalam bidang keusahawanan termasuk dalam bentuk bimbingan dan kewangan. Untuk tujuan itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program-program berikut:

- (i) **Penang Accelator for Creative, Analytics & Technology (@CAT)**

Program ini bertujuan untuk mewujudkan satu pusat ekosistem *start-up* terutamanya bagi usahawan yang berasaskan kreativiti, teknologi, perisian dan *e-business*. Program ini diharapkan dapat merangsang penglibatan lebih ramai usahawan *start-up* serta memupuk bakat baru dalam bidang-bidang baru seperti pengkomputeran awan, teknologi aplikasi, Analisis Data Besar (BDA), Peralatan dalam Talian (Tools-online) dan sebagainya.

Selain itu @CAT juga menyediakan program mentorship di mana usahawan-usahawan boleh berinteraksi dengan mentor-mentor melalui *Founder Institute Penang Chapter*, bengkel-bengkel dan pelbagai acara yang dilaksanakan. Secara keseluruhannya @Cat menyediakan latihan, ruang untuk berkerja bersama (*co-working space*), bantuan profesional dan perkhidmatan nilai tambah (*value-added service*) lain kepada usahawan.

- (ii) **Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang**

PTSR Pulau Pinang menyediakan kemudahan pembiayaan mikro kredit iaitu suatu skim penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Sejak tahun 2009 sehingga Oktober 2016 sejumlah RM10.49 juta telah diagihkan kepada 2,368 usahawan.

- (iii) **Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM)**

TUTM diwujudkan untuk mendorong golongan muda dan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Sejak tahun 2015 sehingga Oktober 2016 seramai 49 usahawan tani telah menikmati kemudahan ini. Dana peruntukan sebanyak RM500,000.00 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk pinjaman mikro kredit tanpa faedah sebanyak RM5,000.00 seorang dengan tempoh pembayaran balik pinjaman selama 2 tahun.

- (b) Program @CAT telah pun dilancarkan di pusat operasinya di Wisma Yeap Chor Ee pada bulan Oktober 2016 yang lalu. Manakala Program PTSR dan TUTM telah pun dilancarkan masing-masing pada tahun 2009 dan 2015. Sejak dilancarkan @CAT telah menjana 42 *tech start-up* yang kebanyakannya terlibat dalam bidang IT dan perkhidmatan pemasaran selain meluluskan lebih 100 permohonan usahawan *start-up* untuk *co-working space* di pusat operasinya. Program PTSR pula telah mengagihkan RM10.49 juta kepada usahawan-usahawan Negeri Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2009 sehingga Oktober 2016 manakala sebanyak 49 usahawan telah menikmati kemudahan TUTM sejak tahun 2015 hingga sekarang.
- (c) Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat mengenai bilangan pekerja yang telah dilatih dan mendapat pekerjaan di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Ketua Pegawai Eksekutif Air Asia, Aireen Omar telah mencadangkan pembinaan LCCT di Pulau Pinang ketika persidangan WTC 2016.
- (a) Apakah pendirian kerajaan dan rancangan terhadap pembinaan LCCT baru di Pulau Pinang?
- (b) Adakah masalah pembersihan yang berlaku dengan kerap dapat diselesaikan? Sekiranya tidak, apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah yang sentiasa

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Sehingga kini, Kerajaan Negeri belum menerima apa-apa permohonan atau cadangan secara rasmi daripada mana-mana pihak termasuk Air Asia untuk pembinaan *Low Cost Cargo Terminal* (LCCT) di Pulau Pinang.
- (b) Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) terletak di bawah bidang kuasa dan jagaan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). MAHB telah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah banjir yang kerap berlaku di LTAPP. Hasil kajian yang telah dijalankan oleh pihak perunding, pihak MAHB telah membina kolam takungan setempat (OSD), saluran parit dan pam yang mampu menangani masalah banjir kilat di LTAPP. Penyelenggaraan OSD, saluran parit dan pam tersebut sentiasa dijalankan dari masa ke semasa agar dapat berfungsi secara *optimum* dan mampu mengatasi masalah banjir di lapangan terbang ini. Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam urusan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan LTAPP, akan tetapi Kerajaan Negeri berhak untuk menyuarakan kelemahan-kelemahan infrastruktur atau kelengkapan di LTAPP.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan mengekalkan pelancongan yang berterusan dan mampan pada lima (5) tahun yang akan datang?
- (b) Memandangkan negeri Pulau Pinang terus maju, adakah pembangunan baru menjejaskan status bandar warisan bersejarah?
- (c) Apakah status dan rancangan terkini mengenai tapak warisan pasar lama *Sia Boey* sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Bagi memastikan sektor pelancongan kekal menyumbang kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang pada masa hadapan, Kerajaan Negeri melalui Penang Institute telah menggariskan tiga strategi di dalam Paradigma Pulau Pinang seperti berikut:
- (i) Mempertingkatkan infrastruktur dan promosi pelancongan melalui inisiatif yang akan dilaksanakan sehingga tahun 2023 seperti berikut:
- Bekerjasama dengan syarikat penerbangan untuk menambah penerbangan langsung ke destinasi utama. Kerajaan Negeri telah berjaya mendapatkan 3 penerbangan langsung dari 3 destinasi iaitu Yangon, Bandung, dan Seoul dengan kerjasama syarikat penerbangan AirAsia dan Malindo Air dan akan berusaha untuk menambah bilangan penerbangan langsung;
 - Bekerjasama dengan agensi – agensi Persekutuan untuk membangunkan kawasan – kawasan pesisiran pantai di George Town dan Butterworth dan meningkatkan keadaan Terminal Kapal Persiaran Swettenham;
 - Menggalakkan pembangunan kemudahan marina oleh sektor swasta; dan

- Penyelarasan yang lebih baik dengan Tourism Malaysia dan Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia.
- (ii) Memberi tumpuan kepada bidang perkembangan pelancongan utama dan inisiatif yang telah digariskan seperti berikut:
- Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi warisan dan eko-pelancongan bagi pelancong berpendapatan tinggi dan sederhana;
 - Memasarkan warisan budaya dan masakan Pulau Pinang yang kaya sebagai faktor tarikan yang unik;
 - Membangunkan pelancongan MICE dengan tempat persidangan dan pameran baru; dan
 - Melengkapkan lapangan terbang dengan kemudahan perkhidmatan perubatan untuk menerima pelancong perubatan.
- (iii) Menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pendidikan serantau dan antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:
- Menarik universiti asing untuk mendirikan kampus di Pulau Pinang;
 - Mempromosikan pendidikan melalui ekspo pendidikan serantau dan pejabat dagangan dan pelaburan di Sumatra Utara, Selatan Thailand dan Selatan Myanmar; dan
 - Bekerjasama dengan agensi Persekutuan untuk mengemaskini kriteria dan tatacara meluluskan penubuhan institusi pendidikan yang baru serta menambah baik proses pemberian visa kepada pelajar asing yang ingin belajar di Malaysia.
- (b) Setakat ini, semua pembangunan baru di dalam Tapak Warisan Dunia George Town adalah dijalankan mengikut peraturan yang terkandung di dalam Rancangan Kawasan Khas George Town (*George Town Special Area Plan*). Rancangan Kawasan Khas tersebut baru sahaja diwartakan dan telah pun digunapakai oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan George Town World Heritage Incorporated (GTWHI). Di samping itu, "*Technical Review Panel*" (TRP) juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua pembangunan di dalam Tapak Warisan Dunia George Town memenuhi syarat-syarat dan panduan yang telah ditetapkan. GTWHI yang telah diberi mandat oleh Kerajaan Negeri sebagai pengurus tapak akan terus berusaha untuk memastikan pembangunan baru pada masa hadapan Pulau Pinang tidak akan menjejaskan status bandar George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.
- (c) Status terkini mengenai tapak warisan pasar lama Sia Boey ialah satu jawatankuasa khas Sia Boey telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh YB Tuan Chow Kon Yeow, Exco Kerajaan Tempatan dan turut dianggotai oleh ADUN Komtar, Ahli parlimen Tanjung, GTWHI, MBPP, Jabatan Warisan Negara dan Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut. Jawatankuasa ini akan meneliti perancangan hab pengangkutan di tapak tersebut, meneliti impak kawasan warisan tersebut sekiranya tapak Sia Boey dijadikan hab pengangkutan, mengekalkan keseimbangan pembangunan dan warisan serta meneliti kajian penemuan artifak di kawasan tersebut.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Apakah status Public Accounts Committee dalam laporan untuk membina terowong bawah laut?
- (b) Memandangkan statistik penggunaan Jambatan Kedua Pulau Pinang adalah rendah, apakah anggaran penggunaan di terowong bawah laut selepas pembinaan tersebut?
- (c) Sila membekalkan status keseluruhan pembinaan terowong bawah laut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Laporan *Public Accounts Committee* (PAC) bagi Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut di Pulau Pinang telah siap dan akan dibentangkan sebagai risalah pada sesi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang akan bersidang mulai 15 November 2016.
- (b) Menjelang tahun 2030, kesemua cadangan infrastruktur bagi tujuan menambahbaik aliran trafik di dalam bahagian pulau negeri ini dijangkakan telah siap dibina. Senarai projek dengan butiran tahun siap adalah seperti pada Jadual berikut:

No	Cadangan Infrastruktur	Tahun Siap
1	Pakej 1: Jalan Berkembar Tanjung Bungah-Teluk Bahang	2021
2	Pakej 2: Jalan Pintasan Bandar Baru Ayer Itam-Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu	2021
3	Pakej 3: Jalan Pintasan Persiaran Gurney-Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu	2022
4	Laluan Ketiga Pulau Pinang (Terowong Dasar Laut) Pulau Pinang-Butterworth	2025-2030
5	Jalan Berkembar Persiaran Gurney	2018
6	Sambungan Jalan Berkembar <i>North Coast-PORR</i>	2022

Pertumbuhan trafik tahunan sebanyak 3.0% digunakan di dalam unjuran permintaan perjalanan pada masa hadapan sehingga tahun 2030. Ini dijangka cukup mencerminkan pertambahan pemilikan kenderaan dan jumlah trafik tambahan di jalan raya, mengambilkira penggunaan Tiga Jalan Utama (Pakej 1, 2 dan 3), Jalan Berkembar Persiaran Gurney, sambungan Jalan Berkembar *North Coast Paired Road-PORR* dan Terowong Dasar Laut yang dijangka akan disiapkan pada tahun 2030. Dapatan Kajian yang dilaksanakan oleh pihak Perunding Trafik Bakti Sdn. Bhd. Pada tahun 2014 menunjukkan unjuran trafik di Laluan Ketiga, Terowong Dasar Laut pada tahun 2030 adalah sebanyak 40,530 unit kenderaan penumpang bagi satu hari dan satu arah perjalanan (*passenger car unit per day per direction*). Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah *Microscopic Transport Model* yang disimulasi menggunakan perisian **EMME versi 4.0.8.** dan telah diperakui oleh pihak perunding bebas yang dilantik oleh Kerajaan Negeri, iaitu HSS Integrated Sdn Bhd. (HSSI).

- (c) Status kemajuan kajian bagi Terowong Dasar Laut adalah di peringkat Kajian Kebolehlaksanaan (*Feasibility Study*) yang telah mencapai 87% kadar siap dan dijangka siap keseluruhan pada penghujung tahun 2016.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Epidemik Denggi dan Zika telah berlarutan beberapa tahun. Apakah strategi membasmi penyakit dari terus berwabak?
- (b) EXCO Kesihatan telah bertemu dengan, Dr. Dashi seorang saintis terkenal di dunia yang telah memperkenalkan sistem *epidemic predictions and mapping* dengan ketetapan lebih kurang 87%. Adakah kerajaan merancang untuk terus bekerjasama dengan beliau?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Sehingga 23 Oktober 2016, statistik kes denggi menunjukkan penurunan sebanyak 48% atau 2,291 kes berbanding tempoh yang sama tahun 2015. Tiada kes zika dilaporkan setakat ini di Pulau Pinang. Antara strategi yang telah dilaksanakan dan menyumbang kepada penurunan ini adalah:

- (i) Menggerakkan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Negeri bagi mengukuhkan kerjasama antara agensi-agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pencegahan pembiakan aedes. Salah satu strategi penting dalam jawatankuasa ini adalah untuk memperkasa dan memobilisasi komuniti dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pencegahan;
 - (ii) Program Gotong-royong Penang Sihat yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Kesihatan Negeri setiap tahun merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan Pulau Pinang bagi membendung pembiakan aedes. Pada tahun ini Program Gotong-royong Penang Sihat telah dilaksanakan pada 13 Mac 2016 melibatkan 24 lokaliti bermasalah denggi di seluruh Negeri Pulau Pinang. Pada 20 November 2016, Program Gotong-royong Mega ini akan diadakan sekali lagi;
 - (iii) Menjalankan operasi pemeriksaan di tapak binaan dan premis berpotensi yang lain bagi meningkatkan penguatkuasaan ke atas mana-mana premis yang menjadi pusat pembiakan nyamuk;
 - (iv) Meningkatkan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan seperti ceramah, hebahan awam dan khidmat nasihat individu di lokaliti-lokaliti kes dan wabak. Aktiviti pendidikan kesihatan juga dijalankan di tempat-tempat tumpuan awam seperti di pasar raya dan di pasar malam;
 - (v) Kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri setiap minggu bertujuan untuk memberi maklumat terkini tentang denggi kepada orang ramai dan mengingatkan masyarakat supaya terus mengambil langkah pencegahan bagi menghentikan penularan demam denggi;
 - (vi) Sumbangan sebanyak 10 unit mesin semburan kabus kepada Jabatan Kesihatan Negeri bagi meningkatkan kapasiti bagi aktiviti semburan kabus ULV;
 - (vii) Menjalankan program perintis Mosquito Autocidal Trap (MyMAT) di tiga (3) lokaliti iaitu Lokaliti Tuna di Seberang Jaya, Taman Seri Damai di Georgetown dan Taman Seri Delima di Barat Daya. Program perintis ini bertujuan mengkaji keberkesanan perangkap jenis ovitrap bagi menghapus pusat pembiakan nyamuk aedes;
 - (viii) Melancarkan program pengredan kampung iaitu mengklasifikasikan kawasan rumah berdasarkan tahap kebersihan sekeliling. Sebanyak 13 JKKK di seluruh Pulau Pinang telah menjalankan program ini bagi meningkatkan kesedaran aspek kebersihan di sekeliling rumah; dan
 - (ix) Memberi peruntukan khas RM100,000.00 bagi tujuan mengaktifkan dan memperkasakan aktiviti berkaitan *Communication for Behavioral Impact* (COMBI) di seluruh Pulau Pinang.
- (b) Dr Dhesi Baha Raja dari Artificial Intelligence in Medical Epidemiology (AIME) telah dijemput untuk membentangkan aplikasi *Dengue Outbreak Prediction* semasa Mesyuarat Petugas Khas Denggi pada 10 Oktober 2016. Aplikasi ini bertujuan untuk mengkaji pola dan tren wabak denggi dan seterusnya meramal lokaliti akan berlakunya wabak dengan ketepatan lebih 87%. Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk menjalankan projek perintis menggunakan teknologi dari AIME sebagai usaha membanteras denggi secara lebih berstrategi dan terancang. Kerajaan Negeri masih menunggu kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk melaksanakan program ini di Pulau Pinang dan seterusnya mendapatkan sokongan KKM untuk tenaga kerja bagi pelaksanaan penghapusan wabak di lokaliti ramalan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat membantu komuniti *urban poor* yang tidak mempunyai tempat tinggal tetap?
- (b) Adakah “Kempen Bijak Membantu, Elak Tertipu” berjaya menyeru masyarakat tempatan agar tidak diperdaya dengan sindiket peminta sedekah?

- (c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membina *single-person-housing* terutamanya untuk golongan warga emas, OKU dan belia?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat memiliki tempat tinggal yang tetap termasuk golongan *urban poor* adalah dengan mewujudkan suatu ekosistem perumahan yang tidak membebankan rakyat, mampu dimiliki. Kerajaan Negeri juga telah menyediakan sebanyak 2,911 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) untuk disewakan kepada individu-individu termasuk golongan miskin bandar yang mempunyai pendapatan RM1,500. Selain itu, Kerajaan Negeri turut membantu golongan ini dengan mengenakan kadar sewa termasuk caj penyelenggaraan yang paling minima berbanding nilai semasa iaitu serendah RM90.00 hingga maksima RM172.00 sebulan. Unit-unit ini disediakan masing-masing sebanyak 50 unit di Pangsapuri Pelangi, 449 unit di Rumah Pangsa Padang Tembak, 5 unit di Rumah Pangsa Nibong Tebal, 33 unit di Rumah Pangsa Jawi III, 320 unit di PPR Taman Manggis, 382 unit di PPR Taman Bagan Jaya, 760 unit di PPR Ampang Jajar, 912 unit di PPR Desa Wawasan, 528 unit di PPR Jalan Sungai dan 250 unit di PPR Taman Ampangan.
- (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menganjurkan kempen "Bijak Membantu, Elak Tertipu" bagi tujuan memberi kesedaran kepada orang ramai berkaitan isu pengemis. Kempen ini sedikit sebanyak telah membantu memberi kesedaran kepada orang ramai agar tidak sewenang-wenangnya menyalurkan wang atau derma kepada pengemis. Ini dibuktikan dengan aduan yang diterima oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) semakin meningkat berbanding sebelum ini. Orang ramai mula bertindak melaporkan kegiatan pengemis kepada pihak Jabatan. Namun, masih terdapat segelintir masyarakat yang masih menyalurkan sumbangan kewangan kepada pengemis ekoran sikap orang ramai yang pemurah dan kasihan kepada pengemis-pengemis ini. Kerajaan Negeri percaya melalui pelaksanaan kempen ini secara berterusan pastinya akan membantu memberikan lebih kesedaran kepada masyarakat agar lebih bijak membantu bagi elakkan tertipu.
- (c) Kerajaan Negeri bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sedang meneliti cadangan menggunakan unit-unit PPR di bawah MBPP untuk dibuat sewaan bilik kepada golongan warga emas, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan belia bagi membantu golongan ini mempunyai tempat tinggal.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah rancangan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan belia seperti:-
- (a) Pembelian rumah, kereta dan motosikal pertama?
- (b) Meringankan beban masalah kewangan dan mewujudkan peluang pekerjaan?
- (c) Pengenalan pendidikan seks di sekolah-sekolah untuk mengelakkan kehamilan yang tidak diingini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Bagi membantu belia membeli rumah pertama, Kerajaan Negeri telah menyediakan rumah mampu milik yang boleh dipohon oleh golongan belia. Terdapat lima (5) kategori rumah mampu milik seperti berikut:
- (i) Rumah Mampu Milik Jenis A berharga RM42, 000.00;
- (ii) Rumah Mampu Milik Jenis B berharga RM72,500.00;
- (iii) Rumah Mampu Milik Jenis C1 berharga RM150, 000.00;
- (iv) Rumah Mampu Milik Jenis C2 berharga RM200, 000.00; dan
- (v) Rumah Mampu Milik Jenis C3 berharga RM300, 000.00

Kerajaan Negeri belum ada perancangan untuk program membantu belia membeli kereta dan motosikal pertama buat masa ini kerana Kerajaan Negeri telah mengalakkan mereka mengguna pengangkutan awam.

- (b) Bagi meringankan masalah kewangan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan belia di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut :

Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR)

Kerajaan Negeri melalui Penang Development Corporation (PDC) telah melaksanakan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang yang merupakan program mikrokredit yang memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan tempatan. Ia diwujudkan untuk membantu usahawan kecil dan menggalakkan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan dan juga sebagai usaha membasmi kemiskinan. Pemberian kemudahan pinjaman mikro ini meliputi semua golongan peniaga termasuk belia berdasarkan perniagaan masing-masing. Sehingga Oktober 2016 sejumlah 2,368 peniaga kecil telah menerima pinjaman berjumlah RM10.49 juta.

Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang. Program ini memberi dorongan kepada golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya yang berpotensi menjana pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM500,000 telah disediakan di mana setiap pemohon yang berjaya akan mendapat pinjaman tanpa faedah sebanyak RM5,000 dengan tempoh pembayaran balik selama 2 tahun. Sehingga bulan Oktober 2016, sebanyak RM245,000 telah diagihkan kepada 49 orang usahawan tani.

Memperkenalkan Program Penang @CAT

Program “Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology (@CAT)” telah dilancarkan bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai perintis pemula niaga (*entrepreneur*) terutamanya golongan belia. Program ini bertujuan untuk membantu usahawan kecil yang terlibat di dalam bidang kreatif animasi, analisis dan teknologi ataupun yang terlibat di dalam sektor “*Internet of Things*”(IOT).

Pogram Pembangunan Latihan Kemahiran

Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan program pembangunan latihan kemahiran dengan kerjasama PDC, Penang Skills and Development Centre (PSDC), Universiti Sains Malaysia dan institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang lain untuk meningkatkan tahap pembangunan sumber manusia berteraskan latihan kemahiran. PSDC memainkan peranan untuk melatih sumber manusia di pelbagai bidang kemahiran tinggi bagi memenuhi kehendak industri berasaskan teknologi tinggi di negeri ini. Selain itu, Institut Latihan Kemahiran awam seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran Tinggi MARA (IKTM) dan Japan Malaysian Technical Institute (JMTI) turut memainkan peranan menyediakan sumber tenaga mahir di negeri ini.

- (c) Pendidikan Seks di sekolah-sekolah dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan. Pengenalan kepada Pendidikan Seks telah diperkenalkan di peringkat sekolah rendah, seawal tahun 2 dan diselitkan dalam Pendidikan Kesihatan. Pelajar-pelajar akan didedahkan kepada tajuk-tajuk seperti sentuhan, faktor yang membawa kepada kehamilan serta penyakit-penyakit kesan dari perlakuan seks yang tidak terbatas. Di setiap sekolah juga terdapat guru kaunselor bertauliah yang akan memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan pendidikan seks dari semasa ke semasa.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Dari segi ekonomi, apakah status dan pendirian Kerajaan Negeri untuk:-

- (a) Membantu usahawan dan perniagaan *Small Medium Enterprise* (SME)?
(b) Meringankan kos hidup seharian komuniti tempatan sempena dengan Bajet 2017?

- (c) GST hampir RM30 bilion dikutip setakat 19 Oktober 2016. Sebanyak berapakah jumlah ini dikembalikan dan digunakan untuk rakyat Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Kerajaan Negeri sentiasa membantu usahawan dan perniagaan '*Small Medium Enterprise*' (SME) melalui usaha-usaha seperti berikut:-
- (i) Menyalurkan modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan melalui Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR). Dengan bantuan modal tambahan ini, SME dapat mengembangkan perniagaan mereka dan secara tidak langsung meningkatkan pendapatan isi rumah. PTSR telah menyediakan dana sebanyak RM11 juta yang disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM1,000.00 hingga maksima RM20,000.00. Tempoh bayaran balik adalah antara 1 hingga 2 tahun. Sehingga bulan Oktober 2016, sebanyak RM10.49 juta telah diagihkan kepada 2,368 orang usahawan;
 - (ii) Mewujudkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) bagi memberi dorongan kepada golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya yang berpotensi menjana pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM500,000 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk mengendalikan proses pinjaman mikro kredit sebanyak RM5,000 seorang bagi tempoh pembayaran balik pinjaman 2 tahun tanpa faedah. Sehingga bulan Oktober 2016, sebanyak RM245,000 telah diagihkan kepada 49 orang usahawan tani;
 - (iii) Menyelaras penyertaan dalam program perniagaan meliputi padanan perniagaan dan *showcase* usahawan di peringkat tempatan dan negara jiran melalui kerjasama Pembangunan IMTGT (Indonesia, Malaysia and Thailand Growth Triangle), Dewan-Dewan Perniagaan, Persatuan Perdagangan dan Industri serta agensi-agensi kerajaan yang lain dalam acara-acara seperti "Penang International Halal Expo & Conference" (PIHEC), Medan Fair, "World of Food Asia" (THAIFEX), "Muslim World Biz", "Kelantan-Linxia International Halal Expo" (KELCHEF) dan "Halal Fiesta Malaysia" (HALFEST). Kesemua program yang disertai telah dapat membantu meningkatkan pendapatan ekonomi usahawan dan memberikan peluang perniagaan serta pendedahan kepada SME untuk meneroka pasaran Thailand dan Indonesia. Program-program ini juga telah menjadi platform terbaik kepada usahawan untuk mempromosi produk mereka kepada pengguna tempatan di samping meningkatkan jaringan perniagaan dengan pengusaha-pengusaha produk dan perkhidmatan dalam industri berkaitan di dalam dan luar negara; dan
 - (iv) Menyediakan premis perniagaan seperti projek komersil dan gerai makan/minuman untuk membolehkan peniaga-peniaga kecil menjalankan perniagaan yang berpotensi bagi menaikkan taraf ekonomi komuniti tempatan.
- (b) Boleh dikatakan keseluruhan dasar-dasar yang melibatkan kawalan harga barang dan perkhidmatan yang melibatkan rakyat di negeri ini secara langsung adalah dikawal dan digubal di peringkat persekutuan. Namun begitu, Kerajaan Negeri sebagai sebuah kerajaan yang mengutamakan kebajikan rakyat telah dan akan meneruskan segala program-program kebajikan/bantuan yang telah dirancang dan sedikit sebanyak akan meringankan kos sara hidup rakyat di Negeri Pulau Pinang terutama golongan yang sangat memerlukan. Di antara program-program kebajikan/bantuan yang akan diteruskan dan telah diambil kira dalam Bajet 2017 Negeri Pulau Pinang adalah pemberian-pemberian di bawah Program Warga Emas, Orang Kelainan Upaya, Ibu Tunggal, Anak Emas, Suri Emas, bantuan di bawah Agenda Ekonomi Saksama (AES) untuk Miskin Tegar, Bantuan Pemandu Teksi dan Penarik Beca, pemberian pukot kepada nelayan, Perkhidmatan Mammogram Percuma, Sumbangan kepada Pelajar Emas, Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pemberian untuk pelajar ke IPTA, dan kemudahan CAT Dialysis Centre. Pelaksanaan semua program kebajikan/bantuan ini akan melibatkan anggaran perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM55.6 Juta.

- (c) Hasil yang dikutip oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan dikreditkan ke dalam Akaun Wang Yang Disatukan Kerajaan Persekutuan bersama-sama hasil lain. Oleh yang demikian, jumlah sebenar peruntukan daripada hasil Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dikutip dan dikembalikan kepada negeri-negeri termasuk Pulau Pinang tidak dapat ditentukan jumlahnya.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Bajet Kerajaan Persekutuan semasa 2017 tidak mengecualikan cukai dalam ubat-ubatan dan kos sara hidup bagi golongan OKU dan komuniti setempat. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat membantu golongan ini agar kos seharian mereka dapat dikurangkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Antara usaha Kerajaan Negeri bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam membantu mengurangkan kos seharian golongan OKU adalah seperti berikut:-
- (i) Elaun Pekerja Cacat (EPC) bagi OKU yang berpendapatan tidak melebihi RM 1,200 sebulan;
 - (ii) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) sebanyak RM200.00 kepada OKU berusia 59 tahun ke bawah yang tidak berupaya bekerja dan mempunyai sumber pendapatan tidak melebihi dari RM 720 sebulan;
 - (iii) Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Terlantar (BPT) sebanyak RM300.00 kepada OKU yang terlantar dan diuruskan oleh ahli keluarga / penjaga 24 jam sehari;
 - (iv) Menyediakan perkhidmatan latihan dan kemahiran pekerjaan di Bengkel Terlindung dan Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian OKU serta Program Penempatan Pekerjaan (Job Coach) dengan kerjasama Jabatan Tenaga Manusia di dalam pelbagai bidang termasuk pengendalian makanan, pembuatan alat prostetik dan orthotik, elektrik dan elektronik, kraftangan, mencanting batik dan lain-lain;
 - (v) Menubuhkan Pusat Dialisis C.A.T. di kawasan Balik Pulau, Daerah Barat Daya dengan subsidi sebanyak RM30.00 bagi setiap sesi rawatan dialisis kepada pesakit yang terpilih termasuk OKU;
 - (vi) Melancarkan program mammogram percuma pada awal 2015 yang memberi fokus kepada golongan kurang berkemampuan berusia 35 tahun ke atas termasuk OKU;
 - (vii) Bantuan kewangan RM100.00 setahun melalui Program Penghargaan Bantuan OKU; dan
 - (viii) Menyediakan peruntukan bagi Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi kepada peniaga-peniaga kecil termasuk golongan OKU yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan dan telah beroperasi sekurang-kurangnya setahun bagi meningkatkan kapasiti/output perniagaan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Apakah statistik penyakit bawaan makanan sejak tahun 2008-2016 di Pulau Pinang?
- (b) Berapa tindakan mahkamah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap gerai makanan yang melanggar undang-undang yang sedia ada?
- (c) Apakah penyakit yang kerap berlaku melalui penyakit bawaan makanan di Pulau Pinang dan bagaimanakah penyakit-penyakit tersebut diubati?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Sebanyak 611 kes penyakit bawaan makanan yang direkodkan sejak tahun 2008 sehingga kini di Pulau Pinang. Perincian penyakit dan jumlah kes adalah seperti di bawah:

Penyakit	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016 (sehingga 29.10.2016)
Food Poisoning	791	610	408	549	360	556	2227	497	608
Hepatitis A	0	0	0	0	2	0	0	2	0
Typhoid	6	2	2	2	2	2	0	8	3
Dysentery	8	3	8	1	0	1	2	1	0

- (b) Seksyen 32B, Akta Makanan 1983 membolehkan denda dikenakan ke atas pemilik yang gagal mematuhi piawaian dan peraturan penyediaan makanan. Sepanjang tahun 2008 sehingga September 2016, sebanyak 26,745 notis kesalahan telah dikeluarkan di mana 14,653 kes telah didaftarkan di mahkamah. Dari segi kutipan kompaun dan denda, sejumlah RM1,709,239.00 denda telah dibayar oleh penyedia makanan yang dikenakan notis.
- (c) Penyakit bawaan makanan yang kerap berlaku di Pulau Pinang adalah Keracunan Makanan dan Typhoid. Pesakit akan dirawat dengan cara simtomatik dengan memasukkan *intravena drip – normal saline* ke dalam tubuh pesakit.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Apakah polisi dan tindakan Jabatan Kesihatan Negeri terhadap masalah pembawa penyakit oleh pekerja asing?
- (b) Adakah pernah berlaku peletusan wabak penyakit bawaan yang disebabkan oleh pekerja asing di Pulau Pinang?
- (c) Apakah agensi kerajaan yang memantau kesihatan pekerja asing dan berapa kerapkah pemeriksaan kesihatan dilaksanakan setiap tahun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Semua Pemandang Asing Dengan Izin (PADI) yang masuk negara ini untuk bekerja perlu menjalani pemeriksaan kesihatan melalui FOMEMA Sdn Bhd, sebuah syarikat yang diberikan konsesi oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan saringan kesihatan kepada PADI. Mereka yang didapati tidak lulus pemeriksaan ini akan dihantar balik ke negara asal mereka.
- Bagi Pemandang Asing Tanpa Izin (PATI), mereka hanya akan dibawa ke perhatian agensi kesihatan apabila mereka datang ke mana-mana institusi kesihatan untuk rawatan. Polisi kementerian adalah untuk melaporkan semua kes PATI kepada polis atau Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya.
- (b) Kes demam kepialu di kalangan warga asing pernah direkodkan di Pulau Pinang. Namun sejak 2 tahun kebelakangan ini tiada wabak yang melibatkan warga asing dilaporkan di Pulau Pinang.
- (c) FOMEMA Sdn Bhd telah diberikan konsesi oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan saringan kesihatan kepada PADI. PADI perlu menjalani saringan kesihatan setiap tiga (3) tahun.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Baru-baru ini, MMK Perumahan telah mengadakan satu mesyuarat Jawatankuasa Pembaharuan Semula Bandar (URC) mengenai pembaharuan semula perumahan PPR Padang Tembak.
- (a) Apakah status terkini mengenai pelan pembaharuan ini?
- (b) Adakah Kerajaan bercadang untuk “merobohkan dan membina semula”?

- (c) Apakah rancangan segera Kerajaan mengenai penemuan terkini tentang kerosakan struktur di Rumah PPR Padang Tembak?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Jawatankuasa Pembaharuan Semula Bandar (URC) Khas bagi membincangkan secara khusus isu keretakan di sembilan (9) blok bangunan Rancangan Perumahan Awam Padang Tembak telah bermesyuarat buat pertama kali pada 14 Oktober 2016. Selain daripada ahli-ahli jawatankuasa tetap, turut hadir ialah Ahli Parlimen Bukit Bendera dan wakil-wakil daripada pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kebun Bunga, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG). Mesyuarat ini selanjutnya bersetuju supaya cadangan pembaharuan dan pembinaan semula Rancangan Perumahan Padang Tembak ditetapkan sebagai keutamaan dalam senarai projek pembangunan semula bandar yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.
- (b) Kerajaan Negeri buat masa ini masih belum membuat keputusan mengenai kaedah pelaksanaan URC bagi bangunan rumah pangsa Padang Tembak. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah pelan pemindahan penduduk, reka bentuk, ketumpatan dan kemudahan baru yang perlu disediakan di kawasan yang akan dibangunkan semula ini. Selain itu juga, kaedah pelaksanaan projek ini perlu dibuat berdasarkan kepada laporan teknikal keadaan struktur bangunan sedia ada yang akan disediakan oleh pihak berkepakaran.
- (c) Susulan daripada aduan awam dan laporan pihak pengurusan Pejabat Rancangan Perumahan Padang Tembak, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Bil.29/2016 yang bersidang pada 7 September 2016 telah bersetuju supaya Kerajaan Negeri mendapatkan perkhidmatan syarikat IJM Corporation Sdn. Bhd. bagi melakukan siasatan terperinci berhubung masalah keretakan struktur di blok-blok bangunan rumah pangsa Padang Tembak. IJM Corporation Sdn. Bhd. seterusnya dengan kerjasama dan kepakaran syarikat M.E.I Project Engineers Sdn. Bhd. telah mengadakan beberapa siri lawatan tapak ke blok-blok bangunan Padang Tembak pada 30 September 2016 dan 24 Oktober 2016. Pelan tindakan seterusnya akan dirangka berdasarkan kepada laporan dan syor yang dibentangkan kepada Kerajaan Negeri pada 10 November 2016.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Adakah Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk memperkenalkan *Big Data* dan *Internet of Things (IoT)* dan penaiktarafan infrastruktur internet negeri?
- (b) Apakah statusnya?
- (c) Adakah kerajaan telah mengguna servis *Big Data* untuk membuat penyelidikan untuk *Penang Transport Master Plan*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN) di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUKPP) berperanan untuk menyelaras pembangunan rangka kerja data raya *big data* Pentadbiran Negeri. Pembangunan rangka kerja data raya Pentadbiran Negeri adalah antara projek utama yang dirancang di bawah Pelan Strategik ICT (PSICT) PSUKPP 2016-2020. BTMKN juga bertanggungjawab untuk menyelaras dan menyediakan keperluan infrastruktur capaian Internet untuk jabatan-jabatan negeri di Pulau Pinang. Manakala peningkatan infrastruktur Internet peringkat negeri diselaraskan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP.
- (b) Projek pembangunan rangka kerja data raya Pentadbiran Negeri sehingga kini telahpun selesai peringkat pelaksanaan *Proof of Concept (POC)* projek analitis data raya *big data analytic* bagi tiga (3) daripada enam (6) bidang tumpuan utama yang telah dikenal pasti. Penyediaan dokumen spesifikasi keperluan bagi 3 projek POC telah disediakan oleh tiga

(3) pasukan kerja kluster yang terdiri daripada pelbagai jabatan/agensi negeri dengan peranan sebagai pemilik bisnes, pakar subjek (SME) dan pembekal data dengan bantuan perunding ICT daripada MAMPU. Projek POC ini adalah sebagai panduan kepada pembangunan dan pelaksanaan projek data raya dan IOT peringkat Pentadbiran Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan kelak. Peringkat terakhir dalam pembangunan rangka kerja data raya Pentadbiran Negeri adalah penyediaan pelan pembangunan data raya Pentadbiran Negeri yang dijadual akan dibentangkan untuk kelulusan Jawatankuasa Pemandu eGG *electronic Good Governance* yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri sebelum akhir tahun ini.

Manakala projek peningkatan infrastruktur Internet untuk rangkaian di jabatan-jabatan negeri sedang dalam peringkat pelaksanaan pada tahun ini dan fasa berikutnya dirancang pada tahun hadapan.

- (c) Kerajaan Negeri tidak menggunakan servis *Big Data* untuk menjalankan penyelidikan berkaitan Penang Transport Master Plan namun menggunakan kaedah kajian di lapangan serta membuat penilaian impak ke atas sistem pengangkutan dan lalu lintas *Traffic Impact Assessment*.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Pemandu dalam kawasan Heritage/Warisan kadang-kala memandu dengan laju dan membahayakan pelancong dan pejalan kaki di kawasan tersebut.

- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap isu ini?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri akan mewujudkan satu sistem atau aplikasi *bus system mapping* untuk kegunaan pengguna kemudahan awam dan juga pelancong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil pelbagai langkah proaktif untuk menangani isu-isu lalu lintas termasuk pemandu yang memandu dengan laju dan membahayakan pelancong serta pejalan kaki di kawasan warisan, antaranya adalah:-

- (i) Pengasingan laluan pejalan kaki dengan jalan bermotor.
- (ii) Pemasangan rel penghadang dan *bollard* di laluan pejalan kaki untuk meningkatkan keselamatan pejalan kaki.
- (iii) Pemasangan cermin keselamatan di persimpangan jalan.
- (iv) Mengecat garisan *transverse bar* untuk memperlahankan kenderaan di lokasi-lokasi yang perlu.
- (v) Pemasangan lampu-lampu jalan di kawasan warisan untuk menambahkan pencahayaan sekaligus mengurangkan kadar kemalangan.
- (vi) Papan tanda lalulintas dipasang di kawasan warisan untuk mengawal, memberi amaran dan panduan kepada pengguna jalan raya.
- (vii) Lampu isyarat pejalan kaki telah dipasang dan ditambah dari semasa ke semasa oleh MBPP untuk memastikan keselamatan pejalan kaki.
- (viii) Mengadakan kempen kesedaran jalan raya

Selain dari itu, kempen '*Pedestrian is King*' telah dilancarkan oleh MBPP pada 30 November 2015 bertujuan untuk mendidik pemandu kenderaan agar memberi keutamaan kepada pelintas jalan apabila menggunakan lintasan pejalan kaki tanpa kawalan.

- (b) Kerajaan Negeri dengan kerjasama Syarikat Rapid Penang telah melancarkan satu aplikasi pintar yang dikenali sebagai “*Penang Intelligent Traffic and Transport System (PiTTS)*” untuk kegunaan pengguna terutama pelancong. Aplikasi ini membantu para pengguna untuk mengetahui laluan bas dan waktu ketibaan bas disetiap perhentian bas di bahagian pulau.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Adakah kerajaan akan menyokong penggunaan aplikasi seperti Uber dan Grabcar untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri akan menampilkan undang-undang untuk memantau keselamatan penumpang Uber dan Grabcar?
- (c) Apakah pendirian ataupun inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu pemandu Uber ataupun Grabcar terhadap perkara ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang kuasa untuk memantau atau *regulate* perkhidmatan awam darat termasuk perkhidmatan teksi dan perkhidmatan UBER di Negeri Pulau Pinang. Tugas dan tanggungjawab untuk memantau perkhidmatan pengangkutan darat bagi semua kategori perkhidmatan awam darat di Malaysia adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Bas Rapid Pulau Pinang tidak mendapat sambutan mesra oleh golongan orang tua disebabkan pemandu bas yang memandu dengan tergesa-gesa dan menyebabkan kes-kes orang tua terjatuh.
- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap isu ini?
- (b) Adakah CCTV dipasangkan di Bas Rapid demi keselamatan pemandu dan penumpang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengambil sebarang tindakan kepada mana-mana operator bas yang beroperasi di Negeri Pulau Pinang. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri sangat prihatin dengan perkara ini dan sentiasa membuat pemantauan dan penambahbaikan terhadap perkhidmatan bas awam khususnya Rapid Penang termasuk mengadakan mesyuarat dan perbincangan berkala dengan syarikat tersebut. Selain itu, sebarang bentuk aduan yang diterima oleh Kerajaan Negeri juga akan sentiasa dikemukakan kepada pihak Rapid Penang bagi tujuan tindakan segera dan penambahbaikan perkhidmatan.
- (b) Sebanyak 200 buah bas Rapid Penang mempunyai CCTV dan sebanyak 206 buah bas lagi akan dipasang CCTV semasa projek *Bus Integrated System (BIS)* dilaksanakan. Pemasangan CCTV secara menyeluruh bagi semua bas dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2017.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Rancangan untuk memperbaharui Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang telah dibincangkan banyak tahun. Tempat singgah dan bekerja untuk ADUN - ADUN masih tidak ada.
- (a) Bilakah projek membina bangunan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang baru akan dijalankan?
- (b) Kekurangan suatu perpustakaan yang lengkap dan kemudahan amat diperlukan. Bilakah Dewan Undangan Pulau Pinang akan membekalkan satu perpustakaan sebegitu?

- (c) Sila bekalkan status terkini Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Cadangan pembinaan Dewan Undangan Negeri baru masih lagi dalam proses mengenalpasti tapak yang paling sesuai dengan mengambil kira perancangan jangka panjang. Tapak pelupusan sampah di Jelutong merupakan salah satu tapak yang masih dalam kajian Kerajaan Negeri untuk memastikan kesesuaian pembinaan Dewan Undangan Negeri di lokasi berkenaan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga dalam proses mengenalpasti beberapa tapak lain yang sedia ada dan sesuai bagi tujuan tersebut.
- (b) Antara kemudahan yang diberi perhatian dalam pembinaan Dewan Undangan Negeri yang baru termasuk perpustakaan yang lengkap dengan pelbagai rujukan yang bersesuaian untuk kegunaan Ahli Dewan Undangan Negeri. Malah lain-lain keperluan seperti bilik ADUN, Dewan Banquet, pusat rehat di gimnasium serta lain-lain kemudahan dijangka disediakan. Pada ketika ini lawatan ke beberapa Dewan Undangan Negeri lain telah dilakukan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Adakah pameran kerjaya yang dianjurkan oleh kerajaan dan swasta dapat membantu orang tempatan untuk mencari kerja yang sesuai?
- (b) Apakah laporan statistik terhadap perkara ini?
- (c) Seramai manakah mahasiswa graduan yang telah mendapat pekerjaan yang sesuai dalam tempoh masa enam (6) bulan selepas penamatan pengajian?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Pameran Kerjaya yang diadakan merupakan aktiviti promosi pihak kerajaan dan swasta kepada pencari kerja, pelajar-pelajar sekolah, universiti dan kolej serta orang awam tentang peranan dan tugas mereka. Kebiasaannya tiada pengambilan pekerja dilakukan dalam program berkenaan. Manakala di Karnival Kerjaya pula, majikan dan pencari kerja ditempatkan bersama dan selepas proses saringan dan temuduga dijalankan, pengambilan pekerja akan berlaku. Program ini sangat membantu pencari kerja dan juga majikan.
- (b) Bilangan pengambilan pekerja melalui Program Karnival Kerjaya yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja Pulau Pinang dari tahun 2012 hingga Oktober 2016 adalah berjumlah 16,473 orang. Pecahan pengambilan mengikut tahun adalah seperti jadual di bawah :

Tahun	Pengambilan Pekerja Melalui Program Karnival Pekerjaan
2012	2387
2013	800
2014	2571
2015	4498
2016	6217

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Industri dan Perdagangan Antarabangsa juga telah menganjurkan karnival kerjaya seperti berikut :

- (i) Industry Looking For Talents Suku Pertama 2016 pada 10 April 2016 di Hotel Vistana; dan
- (ii) Industry Looking For Talents Suku Kedua 2016 pada 23 Julai 2016 di Hotel Vistana.

Seramai lebih 3,000 orang graduan, mahasiswa dan orang tempatan yang mencari pekerjaan telah menghadiri karnival kerjaya yang dianjurkan tersebut.

- (c) Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat bilangan graduan yang telah mendapat pekerjaan yang sesuai dalam tempoh masa enam bulan selepas penamatan pengajian.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Baru-baru ini, Bilik Transit ADUN KOMTAR ditutup.

- (a) Adakah bilik alternatif yang lain akan dibuka di bilik yang lain di KOMTAR untuk kegunaan oleh ADUN - ADUN, khasnya daripada Seberang Perai?
- (b) Jika ada, di manakah lokasi bilik alternatif tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 25. (a) Kemudahan Bilik Transit ADUN di Paras 46, KOMTAR disediakan sebagai ruang kerja untuk ADUN khususnya ketika berada di Bangunan KOMTAR sementara menunggu waktu mesyuarat atau antara mesyuarat. Namun begitu, berdasarkan rekod didapati tahap penggunaan bilik tersebut terlalu minimum sejak dibuka pada 3 November 2014. Rekod pengurusan hanya menunjukkan 15% penggunaan daripada ADUN yang menggunakan bilik tersebut dalam tempoh setahun. Ini menunjukkan penggunaan bilik tersebut adalah tidak optimum dan berlaku pembaziran. Tambahan pula pada ketika ini terdapat keperluan untuk mewujudkan ruang pejabat bagi Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang dan tiada ruang pejabat lain yang bersesuaian maka Bilik Transit berkenaan dijadikan ruang pejabat dan ditutup mulai 24 Oktober 2016 untuk kerja-kerja pengubahsuaian.
- (b) Buat masa sekarang, tiada bilik gantian untuk kegunaan ADUN-ADUN. Walau bagaimanapun, sekiranya didapati terdapat ruang pejabat yang kosong dan sesuai, ia akan dijadikan ruang gantian untuk kegunaan ADUN.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 26. (a) Apakah tindakan kerajaan terhadap pemandu motosikal yang memandu pada arah bertentangan di mana jalan tersebut merupakan jalan sehalu?
- (b) Masalah lalu lintas di mana pemandu motosikal dan kereta akan terus memandu dan merentasi lalu lintas walaupun lampu isyarat berwarna merah. Apakah tindakan kerajaan terhadap isu ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 26. (a) Tindakan yang boleh diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), mengikut peruntukan Undang-undang ke atas pesalah lalu lintas yang memandu menentang arah jalan adalah seperti berikut :-
 - (i) Boleh dikenakan hukuman Penjara tidak melebihi 5 tahun dan denda tidak melebihi RM5,000.00 di bawah Seksyen 42 (1) APJ 1987 iaitu memandu secara melulu dan membahayakan; atau
 - (ii) Mengenakan kompaun maksimum RM300.00 dibawah kaedah lalu lintas LN166/59 008 (3).

- (b) Tindakan pihak PDRM mengikut undang-undang di bawah kaedah lalu lintas bagi kesalihan terus memandu semasa lampu isyarat merah adalah seperti berikut;-
 - (i) Mengenakan kompaun maksimum RM300.00 mengikut kaedah lalu lintas LN167/59 017.
 - (ii) Tindakan pemasangan Red Light Surveillin Camera (RLSC).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 27. (a) Adakah Kerajaan Negeri membenarkan Kilang Photovoltaic yang bernama JinkoSolar Technology di Prai beroperasi?
- (b) Sekiranya kilang yang memproses Panel Photovoltaic yang mengandungi *Cadmium* yang bertoksik berada di Seberang Perai, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan sistem keselamatan dipatuhi oleh kilang tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 28. (a) Syarikat Jinko Solar Technology Sdn. Bhd. beroperasi sejak 2015 di Kawasan Perusahaan Bebas Perai setelah memperolehi lesen pengilang daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) dan kelulusan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Selain itu, Syarikat Jinko Solar Technology Sdn. Bhd. juga berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).
- (b) Syarikat Jinko Solar Technology Sdn. Bhd. menghasilkan produk Photovoltaic Solar Cells dan Photovoltaic Modules. Panel photovoltaic yang dihasilkan oleh syarikat tersebut adalah dari jenis Polycrystalline Silicon (c-Si) yang tidak menggunakan cadmium dalam proses pengilangan. Operasi Syarikat Jinko Solar Technology Sdn. Bhd adalah tertakluk dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan dipantau oleh JAS. Premis syarikat tersebut telah mematuhi syarat yang ditetapkan oleh JAS bagi:
 - (i) Sistem pengolahan efluen perindustrian untuk mengolah air buangan/efluen yang dihasilkan dari kawasan pengeluaran untuk pematuhan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009;
 - (ii) Pemasangan sistem kawalan pencemaran udara iaitu *scrubber* bagi mengawal pelepasan yang dihasilkan dari kawasan pengeluaran untuk pematuhan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014; dan
 - (iii) Pengurusan buangan terjadual mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 28. (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menarik minat kilang-kilang antarabangsa untuk terus beroperasi di Pulau Pinang?
- (b) Bolehkah Pulau Pinang menjadi *Silicon Valley* di Asia Tenggara di mana ia dapat menarik bakat-bakat dalam negara dan luar negara untuk terus berkhidmat dalam Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 28. (a) Pulau Pinang merupakan sebuah negeri perindustrian yang memerlukan suntikan pelaburan antarabangsa untuk terus menjana pertumbuhan pesat ekonomi. Antara usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan pelabur antarabangsa beroperasi di Pulau Pinang adalah:
 - (i) melaksanakan strategi untuk menarik pelabur baru dan pada masa sama mengekalkan pelabur sedia ada seperti melancarkan '*Information Technology Business Process Outsourcing (IT-BPO) Hub*' di Bayan Lepas untuk menarik pemain global dalam industri *Shared Services Outsourcing* melabur di Pulau Pinang;

- (ii) bekerjasama dengan agensi kerajaan pusat seperti MIDA bagi perkara berkaitan dengan penawaran insentif negara kepada pelabur yang kompetitif berasaskan *benchmark* antarabangsa dan TalentCorp untuk menarik "diaspora" Malaysia di luar negara;
 - (iii) penambahbaikan infrastruktur secara berterusan bagi taman-taman perindustrian dan teknologi yang bertaraf antarabangsa. Perkampungan *Small and Medium Industry* yang lengkap dengan semua kemudahan utama juga dibangunkan di kawasan yang sama;
 - (iv) menyediakan fasilitasi kepada pelabur supaya membantu dalam "*ease of doing business*" dan juga bekerjasama dengan semua "*stake holders*" supaya kos untuk menjalankan perniagaan ("*cost of doing business*") di negeri ini kekal kompetitif;
 - (v) memberikan tumpuan kepada kekuatan Pulau Pinang dalam bidang Elektronik dan Elektrikal serta kebolehan mempelbagaikan aktiviti industri seperti pembuatan peralatan perubatan ("*medical devices*"), sains kesihatan, aeroangkasa dan avionic dan teknologi LED; dan
 - (vi) menggalakkan pembangunan usahawan tempatan melalui program perintis pemula niaga yang dinamakan "Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology (@CAT)".
- (b) Pulau Pinang sememangnya telah dikenali dengan jolokan "Silicon Valley of the East" hasil daripada perkembangan pesat perindustriannya terutama sektor pembuatan. Pulau Pinang yang telah diiktiraf sebagai "international livable city" mampu menarik bakat-bakat dari dalam dan luar negara untuk terus berkhidmat di negeri ini selain daripada pertambahan pekerjaan baru yang bernilai tinggi dan juga peluang perkembangan kerjaya melalui pelaburan baru. Pemberian biasiswa "Penang Future Foundation" yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dan keutamaan untuk pembelian rumah mampu milik merupakan inisiatif bagi menarik bakat-bakat berkerja dan menetap di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyedari terdapat cabaran yang harus ditempuhi dalam usaha mencapai status seperti Silicon Valley di California. Antara cabaran yang dihadapi termasuklah:-
- (i) Nilai matawang ringgit yang lemah menyebabkan lebih ramai bakat-bakat tempatan yang lebih berminat untuk bekerja di negara maju lain seperti Singapura dan Hong Kong;
 - (ii) Keadaan sosio-ekonomi negara yang tidak memberangsangkan; dan
 - (iii) Pas penggajian ekspatriat bergantung kepada dasar Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Jangkaan *Trade Barrier* akan diangkat pada masa depan, apakah tindakan pro-aktif yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengambil kesempatan ini untuk memanfaatkan ekonomi tempatan?
- (b) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap perkara ini?
- (c) Adakah syarikat - syarikat telah dimanfaatkan oleh situasi ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) *Trade Barrier* atau halangan perdagangan dijangka akan dikurangkan berikutan proses globalisasi dan dasar ekonomi yang lebih terbuka. Melihat kepada peluang perdagangan dan akses pasaran yang lebih luas telah mendorong Malaysia untuk memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement, FTA*) pelbagai hala atau dua hala dengan beberapa rakan dagang. Ini termasuk Jepun, Pakistan, New Zealand, India, Chile dan Australia. Bagi Wilayah ASEAN, Malaysia dan negara-negara serantau telah memuktamadkan ASEAN Free Trade Area, FTA ASEAN-Republik Rakyat China, ASEAN-Jepun, ASEAN-Korea, ASEAN-India dan ASEAN-Australian-New Zealand.

- (b) Selaras dengan perkembangan tersebut dan corak dagangan domestik dan antarabangsa dijangka akan mengalami perubahan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:
- (i) Mengadakan sesi pelaksanaan konsultasi bersama pemain-pemain industri dalam negeri dari semasa ke semasa melalui platform Panel Penasihat Industri Pulau Pinang (*Penang Industry Advisory Panel*) dan Panel Penasihat Perkhidmatan Pulau Pinang (*Penang Services Advisory Panel*) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Bagi sektor perkhidmatan penyumberan luar perniagaan, Negeri Pulau Pinang turut menubuhkan 'Penang State Shared Services Outsourcing and Creative Multimedia Content Council' (PSSCC) yang juga dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Bagi tahun 2015 dan 2016, PSSCC telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 27 Januari 2015, 22 Julai 2015 dan 22 April 2016.
 - (ii) Menganjurkan program-program pendedahan dan kesedaran tentang halangan perdagangan kepada syarikat-syarikat di Pulau Pinang. Antara program yang telah dilaksanakan adalah:
 - The CEO Speaks';
 - 'Penang SME Seminar 2016';
 - 'Preparing SME's for Medical Devices Supply Chain'; dan
 - Sesi penerangan 'Trans-Pacific Partnership Agreement' (TPPA) bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).
 - (iii) Mempergiatkan Misi Promosi Pelaburan dan Perdagangan ke negara-negara luar termasuk Hong Kong, China, Korea, Jepun, India, Indonesia, Singapura, Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman, Itali, Republik Czech, Poland dan Belanda.
 - (iv) Bekerjasama dengan agensi Kerajaan Persekutuan yang terlibat secara langsung dan menyelaras hal-hal berkaitan dengan FTA/ *Trade Barrier* seperti MITI, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).
- (c) Tujuan utama FTA dimeterai adalah mengurangkan halangan perdagangan yang akan memberi manfaat syarikat-syarikat, melalui peningkatan perdagangan dengan negara terlibat dan peluang menembusi pasaran baru. Antara manfaat yang telah diperolehi hasil FTA ASEAN - Republik Rakyat China termasuklah :
- (i) Penghapusan lebih 90% tarif import duti oleh China berkuatkuasa 1 Januari 2012;
 - (ii) Akses pasaran yang lebih luas ke China di bawah sektor perkhidmatan komputer, Perkhidmatan Pengurusan Perundingan, pembinaan, perkhidmatan persekitaran dan perkhidmatan pengangkutan; dan
 - (iii) Perlindungan kepada pelabur dan pelaburan mereka di China.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Apakah status penggunaan Aplikasi *Online* yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu meningkatkan pendidikan dan kesedaran penduduk tempatan untuk kitar semula?
- (b) Adakah laporan statistik yang boleh menunjukkan data kegunaan penduduk tempatan?
- (c) Senaraikan aplikasi-aplikasi *online apps* yang sudah disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Kerajaan Negeri telah melancarkan dua (2) aplikasi *online* melalui Penang Green Council untuk membantu mendidik dan membantu masyarakat Pulau Pinang untuk terlibat secara aktif dalam amalan kitar semula seperti berikut:-

- (i) Laman web Penang Green Council yang memaparkan pelbagai maklumat mengenai program dan inisiatif hijau yang boleh disertai oleh masyarakat. Capaian pengunjung ke laman web Penang Green Council sehingga 1 November 2016 adalah seramai 2,523,696 orang; dan
- (ii) *Trash2Treasure Mobile Application* (T2T) yang dibangunkan berasaskan pangkalan data Jaringan Sisa Sifar. Tujuan utama T2T dibangunkan adalah untuk menerapkan konsep penggunaan sumber secara cekap. Aplikasi ini menggalakkan pengguna supaya mempraktikkan Guna Semula (*'reuse'*) dan Kitar Semula (*'recycle'*). Pengguna dapat memuat turun aplikasi mudah alih ini di 'iStore' ataupun 'GooglePlay Store'. Sejak diperkenalkan pada September 2016 hingga 1 Nov 2016, jumlah muat turun aplikasi ini telah mencapai 148,000 pengguna.
- (b) Statistik Transaksi Perkhidmatan Dalam Talian (*online*) Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang disediakan di Portal Rasmi Kerajaan Negeri (www.penang.gov.my) dan boleh diakses di laman utama Portal Rasmi di bawah pautan + Lain-lain > Statistik Perkhidmatan Atas Talian.
- (c) Terdapat pelbagai aplikasi *online* untuk penggunaan orang awam telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dan boleh diakses melalui Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang (www.penang.gov.my). Di samping itu, jabatan/agensi negeri juga telah menyediakan beberapa perkhidmatan dalam talian melalui aplikasi mudah alih (*mobile apps*) untuk penggunaan orang awam. Senarai aplikasi dalam talian utama yang telah disediakan adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BCKP NO. 30 (ID 651)

XXIV. Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Bagi setiap tahun 2010 - 2016 dan tahun 2006, apakah pecahan sumbangan Gross Domestic Product (GDP) mengikut sektor?
- (b) Dipohon sertakan pecahan untuk sektor pembuatan, pembinaan, pertanian, pendidikan, retail dan perkhidmatan (*services*).
- (c) Dipohon sektor perkhidmatan dipecahkan lagi kepada sektor pelancongan, pengangkutan, F&B, retail, professional, kewangan dan perbankan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), GDP mengikut sektor bagi tahun 2010 hingga 2015 dan tahun 2006 adalah seperti Jadual 1 berikut:

JENIS AKTIVITI EKONOMI		KDNK						
		2006	2010	2011	2012	2013	2014e	2015p
1	Pertanian	700	1,280	1,357	1,425	1,463	1,522	1,549
2	Perlombongan dan Pengkuarian	17	33	35	40	46	52	54
3	Pembuatan	24,429	24,299	25,221	25,617	26,669	29,232	31,236

4	Pembinaan	813	1,486	1,561	1,900	1,899	2,135	2,059
5	Sektor Perkhidmatan	17,153	25,569	27,313	28,960	30,779	32,769	34,300
6	Campur: Duti Import	288	280	340	411	477	510	646

Berdasarkan Jadual 1, tiada rekod bagi sektor pendidikan yang dicatatkan dalam laporan KDNK.

- (b) GDP bagi tahun 2010 hingga 2015 dan tahun 2006 mengikut pecahan sub sektor perkhidmatan adalah seperti Jadual 2 berikut:

JENIS AKTIVITI EKONOMI		KDNK						
		2006	2010	2011	2012	2013	2014e	2015p
1	Sektor Perkhidmatan	17,153	25,569	27,313	28,960	30,779	32,769	34,300
	1.1 Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan, dan Komunikasi	3,595	5,640	6,058	6,520	6,891	7,378	7,836
	1.2 Perdagangan Barang dan Runcit, Penginapan dan Restoran	4,717	7,783	8,186	8,533	9,106	9,905	10,533
	1.3 Kewangan dan Insurans, Hartanah, dan Perkhidmatan Perniagaan	4,975	6,262	6,640	6,962	7,161	7,392	7,545
	1.4 Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	1,791	2,720	2,829	2,986	3,160	3,304	3,443
	1.5 Perkhidmatan Kerajaan	2,076	3,165	3,600	3,959	4,461	4,790	4,942

- (c) Maklumat GDP bagi tahun 2016 belum dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Bagi setiap tahun 2010 - 2016, apakah sumbangan ekonomi dan pekerjaan daripada sektor pelancongan?
- (b) Berapakah peningkatan bilangan pelancong dan bilangan bilik penginapan pelancong bagi setiap tahun dalam tempoh yang sama?
- (c) Sila jelaskan cara bilangan pelancong dikenalpasti agar tiada kekeliruan dalam membuat kesimpulan daripada data yang diperolehi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Data bagi sumbangan sektor pelancongan dari segi ekonomi dan pekerjaan tidak direkodkan secara khusus. Namun begitu, berdasarkan data KDNK Negeri Pulau Pinang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, sub sektor perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan yang merupakan sub sektor yang paling hampir untuk menjelaskan pendapatan dalam bidang pelancongan. Bagi tahun 2015 sub sektor ini menyumbang sebanyak 15.1% kepada KDNK iaitu kedua tertinggi selepas sektor pembuatan. Dari sudut pekerjaan pula, berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia berkaitan bilangan penduduk bekerja

dalam bidang penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman, merupakan data yang paling hampir untuk mengkaji sumbangan pekerjaan dalam sektor ini. Jadual 1 berikut menunjukkan bilangan penduduk bekerja dalam bidang penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman. Sebanyak 73,200 penduduk bekerja dalam bidang tersebut pada tahun 2015 iaitu sebanyak 8.8%.

Jadual 1: Bilangan penduduk bekerja dalam penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman di negeri Pulau Pinang, 2010-2015

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	62.3	73.0	NA	69.0	88.7	73.2
Jumlah penduduk bekerja ('000)	713.8	767.1	NA	784.3	808.8	834.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- (b) Bilangan pelancong ke Pulau Pinang direkodkan berdasarkan bilangan bilik penginapan pelancong domestik dan luar negara. Terdapat peningkatan kedatangan pelancong pada tahun 2011 dan 2012 berbanding tahun sebelumnya. Namun terdapat penurunan jumlah bilangan pelancong pada tahun 2015 sebanyak 7.3%. Hal ini mungkin disebabkan oleh kemerosotan ekonomi di peringkat global. Perincian ketibaan pelancong dari tahun 2010 hingga suku tahun pertama 2016 pelancong adalah seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Bilangan Ketibaan Pelancong Asing Dan Tempatan Ke Pulau Pinang 2010 hingga Suku tahun pertama 2016

TAHUN	PELANCONG		JUMLAH KESELURUHAN
	TEMPATAN	ASING	
	JUMLAH	JUMLAH	
2010	2,942,544	3,048,320	5,990,864
2011	2,956,390	3,063,564	6,019,954
2012	2,996,282	3,096,907	6,093,189
2013*	2,639,182	2,062,917	4,702,099
2014	3,617,170	3,230,399	6,847,569
2015	3,467,719	2,879,899	6,347,618
2016	748,482	691,495	1,439,977

- (c) Kaedah untuk mendapatkan jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Pulau Pinang adalah melalui jumlah penginap hotel di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, data ini tidak boleh dirumuskan sebagai jumlah sebenar pelancong ke Pulau Pinang kerana terdapat pelancong yang menginap di tempat lain selain hotel ataupun pelancong yang langsung tidak bermalam di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah perancangan untuk memantapkan sektor pelancongan di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Bagi memastikan sektor pelancongan kekal menyumbang kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang pada masa hadapan, Kerajaan Negeri melalui Penang Institute telah menggariskan tiga strategi di dalam Paradigma Pulau Pinang seperti berikut:

Mempertingkatkan infrastruktur dan promosi pelancongan di mana inisiatif yang akan dilaksanakan sehingga tahun 2023 seperti berikut:

- (i) Bekerjasama dengan syarikat penerbangan untuk menambah penerbangan langsung ke destinasi utama. Kerajaan Negeri telah berjaya mendapatkan 3 penerbangan langsung dari 3 destinasi iaitu Yangon, Bandung dan Seoul dengan kerjasama syarikat penerbangan AirAsia dan Malindo Air dan akan berusaha untuk menambah bilangan penerbangan langsung;
 - (ii) Bekerjasama dengan agensi-agensy Persekutuan untuk membangunkan kawasan-kawasan pesisiran pantai di George Town dan Butterworth dan meningkatkan keadaan Terminal Kapal Persiaran Swettenham;
 - (iii) Menggalakan pembangunan kemudahan marina oleh sektor swasta; dan
 - (iv) Penyelarasan yang lebih baik dengan Tourism Malaysia dan Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia.
- (b) Memberi tumpuan kepada bidang perkembangan pelancongan utama dan inisiatif yang telah digariskan adalah seperti berikut:
- (i) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi warisan dan eko-pelancongan bagi pelancong berpendapatan tinggi dan sederhana;
 - (ii) Memasarkan warisan budaya, agama dan masakan Pulau Pinang yang kaya sebagai faktor tarikan yang unik;
 - (iii) Membangunkan pelancongan MICE dengan tempat persidangan dan pameran baru; dan
 - (iv) Melengkapkan lapangan terbang dengan kemudahan perkhidmatan perubatan untuk menerima pelancong perubatan.
- (c) Menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pendidikan serantau dan antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:
- (i) Menarik universiti asing untuk mendirikan kampus di Pulau Pinang;
 - (ii) Mempromosikan pendidikan melalui ekspo pendidikan serantau dan pejabat dagangan dan pelaburan di Sumatra Utara, Selatan Thailand dan Selatan Myanmar; dan
 - (iii) Bekerjasama dengan agensi Persekutuan untuk mengemaskini kriteria dan tatacara meluluskan penubuhan institusi pendidikan yang baru serta menambah baik proses pemberian visa kepada pelajar asing yang ingin belajar di Malaysia.

Antara langkah-langkah awal yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan strategi-strategi yang digariskan tercapai adalah menubuhkan *Penang Center of Medical Tourism* (PCMT) dengan kerjasama sembilan hospital di Pulau Pinang untuk mempergiatkan sektor pelancongan perubatan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan *Penang International Convention and Events Bureau* (PICEB) bagi membida acara-acara *Meeting Incentive Convention and Exhibition* (MICE) antarabangsa ke pusat-pusat konvensyen di negeri ini iaitu *Straits Quay Convention Centre* (SQCC) *The Light Convention Centre*, *Subterranean Penang International Convention & Exhibition Centre* (SPICE) akan dibuka dalam masa yang terdekat.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai senarai muzium-muzium yang telah ditubuhkan dalam negeri Pulau Pinang? Contohnya Muzium Kamera, Muzium 3D dan Muzium Kaca. Adakah garis panduan ataupun akta yang boleh digunakan untuk memastikan keselamatan pelawat dan kualiti perkhidmatan untuk pelancong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Terdapat sejumlah empat puluh dua (42) muzium yang telah ditubuhkan dalam Negeri Pulau Pinang. Senarai muzium – muzium adalah seperti di Lampiran A.

Buat masa ini belum ada garis panduan ataupun akta yang boleh digunakan untuk memastikan keselamatan pelawat dan kualiti perkhidmatan untuk pelancong. Walau bagaimanapun, Jabatan Muzium Malaysia kini sedang menyediakan draf Akta Permuziuman Malaysia yang merangkumi aspek permuziuman iaitu garis panduan 'Code Of Ethics For Museum'.

RUJUK LAMPIRAN A BYAPSH NO. 4 (ID 593)

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila senaraikan setiap pemajuan di atas Bukit Bendera yang dibina atau dalam perancangan dalam tahun 2013 - 2018 dan nyatakan nama pemaju serta jika ada perjanjian dengan pihak kerajaan (contohnya format *Public-Private Partnership*). Pemajuan yang dimaksudkan merangkumi konservasi bangunan sedia ada, tarikan pelancong, penginapan dan penambahbaikan infrastruktur oleh agensi kerajaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sejak tahun 2013 – 2018, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) telah melaksanakan 16 projek pemajuan di Bukit Bendera. Bagi tahun 2017 dan 2018 pula, PBBPP telah merancang untuk melaksanakan 6 lagi projek. Perincian pemajuan di Bukit Bendera dari tahun 2013-2018 adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BYAPSH NO. 5 (ID 599)

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Mengikut rekod naik turun keretapi, apakah bilangan maksima pengunjung pada masa yang sama (*maximum visitors at any one time*) yang ada di atas Bukit Bendera pada setiap tahun 2006 - 2016? Berikan tarikh bilangan maksima dicapai. Contoh: Pada 2015, paling banyak orang dicapai malam 25 Disember 2015, iaitu 2000 orang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) telah ditubuhkan pada 27 Mei 2010 dan mula beroperasi pada 25 April 2011. Sehubungan itu, data yang ada hanya dari tahun 2011 hingga tahun 2016 sahaja. Pihak PBBPP juga tidak mempunyai statistik jumlah bilangan pengunjung maksima pada satu-satu masa yang mengunjungi Bukit Bendera. Walau bagaimanapun, PBBPP mempunyai statistik berkenaan jumlah bilangan pengunjung tertinggi **sehari** dalam setahun sejak permulaan operasi keretapi funikular. Perincian statistik jumlah bilangan pengunjung tertinggi **sehari** dalam setahun dari tahun 2011 hingga 2016 adalah seperti berikut:

TAHUN	TARIKH	BILANGAN PENGUNJUNG
2011	25 Disember 2011	9559
2012	2 Jun 2012	9,237
2013	9 Ogos 2013	10,301
2014	7 Jun 2014	10,758
2015	12 Disember 2015	15,922
2016 *	8 Februari 2016	10302

- data adalah sehingga 30 September 2016 sahaja

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah mekanisme kawalan *wall mural* di Bandar Warisan George Town? Sila berikan tindakan penguatkuasaan yang pernah diambil.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri telah menubuhkan jawatankuasa khas iaitu *Public Arts Review Panel* (PARP) pada bulan Julai 2014 untuk menyemak, menilai dan memutuskan kesesuaian lukisan-lukisan mural atau sebarang hasil seni visual lain yang dipaparkan di dalam Tapak Warisan Dunia George Town agar tidak menjejaskan nilai-nilai keunggulan sejagat tapak. Jawatankuasa khas ini dianggotai oleh pihak-pihak yang berpengetahuan dalam bidang seni, akademik, sosial dan konservasi.

Hasil karya seni awam (*public arts*) yang hendak dipaparkan di Tapak Warisan Dunia George Town perlu dirujuk untuk pertimbangan dan perakuan jawatankuasa PARP sebelum dikemukakan kepada Jabatan Konservasi Warisan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk permohonan permit. Sejak penubuhan PARP, sebanyak 11 permohonan telah diterima dan 7 permohonan telah perakuan oleh PARP.

Penguatkuasaan *wall mural* terletak di tapak warisan di bawah bidang kuasa MBPP. MBPP akan mengeluarkan notis kepada pemilik bangunan yang menjalankan pemasangan/lukisan dinding dijalankan tanpa permit, mengkehendaki supaya lukisan tersebut dikeluarkan. Setakat Oktober 2016 sebanyak **10 notis** telah dikeluarkan oleh MBPP dan satu tindakan penguatkuasaan diambil oleh MBPP dengan memadamkan lukisan dinding yang tidak bermoral yang dilukis pada dinding pagar bangunan. Pemantauan secara berkala juga dijalankan untuk memastikan tiada lukisan dinding yang tidak sesuai dipaparkan pada dinding bangunan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berapakah bilangan pelancong perubatan yang diterima oleh setiap hospital di negeri Pulau Pinang bagi 2014 dan 2015? Sila berikan juga pecahan mengikut negara asal pelancong dan pecahan kategori penyakit yang dirawat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berdasarkan statistik daripada Penang Center of Medical Tourism (PMED), jumlah pelancong perubatan yang menjalani rawatan di Pulau Pinang pada tahun 2014 adalah seramai 335,845 orang dengan jumlah pendapatan sebanyak RM368,973,381.00. Manakala jumlah pelancong perubatan telah datang ke Pulau Pinang bagi tahun 2015 pula adalah seramai 302,430 orang dengan jumlah pendapatan sebanyak RM390,694,625.00. Maklumat ini berdasarkan kepada pelancong perubatan yang mendapatkan rawatan di 9 buah hospital berikut:-

- (i) Loh Guan Lye Specialist Center;
- (ii) Hospital Pantai Pulau Pinang;
- (iii) Carl Corrynton Medical Centre;
- (iv) Island Hospital;
- (v) Mount Miriam Cancer Hospital;
- (vi) Hospital Lam Wah Ee;
- (vii) Penang Adventist Hospital;
- (viii) Gleneagles Penang Medical Center; dan
- (ix) 9. Bagan Specialist Centre.

Walau bagaimanapun, maklumat mengenai pecahan jenis rawatan dan negara asal tidak dapat diberikan kerana ianya adalah maklumat sulit pihak hospital.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah jenis penyakit-penyakit yang paling banyak menimpa rakyat Pulau Pinang? Sila berikan peratusan setiap kategori, misalnya penyakit kardiovaskular, kencing manis, penyakit berjangkit, kanser dan sebagainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berdasarkan kaji selidik yang dibuat oleh *National Health and Morbidity Survey* (NHMS) pada tahun 2015, peratusan penyakit utama yang tidak berjangkit (Non-Communicable Diseases NCD) menyerang rakyat Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) 27.2% peratus penduduk Pulau Pinang mengidap diabetes berbanding peratusan nasional sebanyak 17.5%;
 - (ii) 29.8% penduduk Pulau Pinang mempunyai hipertensi iaitu di bawah kadar nasional (30.5%) dan ramai penduduk luar bandar yang mempunyai hipertensi berbanding penduduk di bandar;
 - (iii) 52.2% penduduk Pulau Pinang mempunyai *hypercholesterolemia* iaitu melebihi tahap nasional 47.7%;
 - (iv) 44.4% penduduk Pulau Pinang mempunyai masalah berat badan berlebihan atau obes;
 - (v) Kadar prevalens untuk masalah kesihatan mental di Pulau Pinang adalah 19.1%; dan
 - (vi) Penyakit akibat tabiat merokok seperti kanser dan penyakit kardiovaskular. Kadar merokok dikalangan penduduk Pulau Pinang adalah 19.2% iaitu lebih rendah daripada kadar nasional.

Selain itu bagi penyakit berjangkit, berikut merupakan bilangan kes yang dilaporkan di Pulau Pinang:

Penyakit	Bil.Kes (Sehingga Okt 2016)
Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD)	2,308
Keracunan Makanan	608
Tuberkulosis (Tibi)	1,135
Demam Denggi	2,307
HIV	66

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah program-program yang pernah dijalankan dan fokus Jabatan Kesihatan Negeri dalam pendidikan dan kesedaran orang awam dari tahun 2010 ke 2016?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Program pendidikan dan kesedaran kesihatan yang telah dijalankan sejak tahun 2010 sehingga 2016 adalah seperti berikut:
- (a) Program di peringkat pendidikan rendah dan menengah
 - (i) Program Doktor Muda Sekolah merupakan sebuah aktiviti kokurikulum yang mempromosikan kesihatan di sekolah. Bagi Program Doktor Muda Sekolah Rendah Muda telah bermula pada tahun 2005 dan kini sebanyak 110 buah sekolah telah menyertai program ini di seluruh Pulau Pinang;

- (ii) Program Doktor Muda Sekolah Menengah yang dimulakan pada tahun 2015 kini melibatkan 10 buah sekolah di seluruh Pulau Pinang;
 - (ii) Program ImFREE–Generasi Bebas Rokok bagi pelajar sekolah rendah yang telah dimulakan pada tahun 2016 melibatkan Sekolah Kebangsaan Taman Senangan dan Sekolah Kebangsaan Taman Inderawasih sebagai sekolah perintis; dan
 - (iv) Tunas Doktor Muda bagi pelajar tadika/pra sekolah telah bermula pada tahun 2016 melibatkan 16 buah tadika di seluruh Pulau Pinang.
- (b) Program di peringkat pendidikan tinggi (tertier)
- (i) Program Siswa Sihat (PROSIS) merupakan satu inisiatif untuk memperkasakan siswa siswi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam mengamalkan cara hidup sihat. Objektif program adalah untuk membudayakan amalan cara hidup sihat dalam kalangan siswa siswi IPT yang meliputi makan secara sihat, lakukan aktiviti fizikal, tidak merokok, pupuk minda sihat dan sihat tanpa alkohol.; dan
 - (ii) Promosi Pencegahan HIV/AIDS di Institut Pendidikan Tinggi Awam/Swasta.
- (c) Program di peringkat komuniti memfokuskan kepada Communication For Behavioral Impact (COMBI)
- (i) Program Penggredan Kampung. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kebersihan di persekitaran rumah melalui pemberian gred di mana rumah yang kurang bersih di beri gred rendah untuk pemantauan berkala COMBI/JKKK. Sejak dilancarkan pada Ogos 2015, sebanyak 13 JKKK telah mengamalkan program ini;
 - (ii) Program Perintis Mosquito Autocidal Trap (myMAT). Program perintis enam (6) bulan ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan perangkap nyamuk jenis ovitrap dan dilaksanakan di Lokaliti Tuna Seberang Jaya, Taman Seri Damai, George Town dan Taman Seri Delima, Daerah Barat Daya dan
 - (iii) Konvensyen COMBI Peringkat Negeri pada 24 Julai 2016, Program Kesedaran Denggi pada 20 Ogos 2016 yang melibatkan 110 orang sukarelawan COMBI dan Konvensyen COMBI Peringkat Kebangsaan di Johor pada 23-24 September 2016 telah membuka ruang kepada sukarelawan COMBI untuk saling bertukar dan berkongsi pengalaman dalam mencegah pembiakan aedes.
- (d) Program umum kepada semua lapisan masyarakat
- (i) Kem Kesihatan / Karnival Sihat Sepanjang Hayat / Kem I Want Sihat termasuklah Trek 10,000 langkah, Makan Secara Sihat, Tangani Stres, Tak Nak Merokok dan Jauhi Alkohol;
 - (ii) Siri Jelajah Seminar Kesihatan dari Perspektif Syariah merangkumi isu Imunisasi, Pengguguran dan Vape;
 - (iii) Promosi Hari-hari Khas termasuklah Hari Tibi Sedunia, Hari Kesihatan Sedunia / Kempen Cara Hidup Sihat, Minggu Tanpa Tembakau, Hari Kesihatan Mental Sedunia, Hari AIDS Sedunia dan Pink October (Kempen kesedaran berkenaan kanser); dan
 - (iv) Program Bual Bicara Kesihatan Di Radio (Mutiara FM).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah bilangan migrasi, emigrasi, kematian dan kelahiran di negeri Pulau Pinang dari tahun 1986 ke 2016? Sila sertakan juga net population growth (kadar peningkatan populasi) dan net migration rate (kadar migrasi) setiap tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Data berkaitan bilangan migrasi bagi Negeri Pulau Pinang yang diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia hanyalah dari tahun 2009 hingga 2014 sahaja. Bilangan migrasi bagi Negeri Pulau Pinang dari tahun 2009 hingga 2014 masing-masing adalah seramai 96,400 orang

bagi migrasi masuk dan 58,800 orang bagi migrasi keluar. Sementara data bagi kadar migrasi pula hanyalah bagi tahun 2013 dan 2014 sahaja. Kadar migrasi masuk bagi setiap 1,000 orang bagi tahun 2014 adalah 8.8, lebih tinggi berbanding 8.1 pada tahun 2013. Purata kadar migrasi keluar pada tahun 2014 pula adalah 3.8, iaitu lebih rendah berbanding 7.5 pada tahun 2013.

Perincian bilangan migrasi, kematian dan kelahiran, kadar peningkatan populasi serta kadar migrasi adalah seperti di Jadual 1. Secara perbandingannya kadar pertumbuhan kasar penduduk 7.1 pada tahun 2015 telah menurun berbanding kadar 9.4 pada tahun 2009 iaitu penurunan sebanyak 32.4%.

Sementara data berkaitan bilangan kelahiran dan kematian bagi Negeri Pulau Pinang seperti yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dari tahun 2009 hingga 2015 mencatatkan masing-masing seramai 65,458 orang bagi bilangan kematian dan 156,495 orang bagi bilangan kelahiran bagi tempoh yang sama.

Statistik yang dikeluarkan dari tahun 2009 hingga 2015 juga menunjukkan kadar pertumbuhan kasar penduduk di Pulau Pinang berkisar di antara 9.4 iaitu kadar tertinggi yang dicatat dalam tahun 2009 dan 7.1, kadar terendah yang dicatat dalam tahun 2015. Secara perbandingan, kadar pertumbuhan penduduk 7.1 pada tahun 2015 telah menurun berbanding kadar 9.4 pada tahun 2009, iaitu penurunan sebanyak 24.5%.

Bagaimanapun, tiada data bagi bilangan emigrasi yang diperolehi.

RUJUK LAMPIRAN A BYAPSH NO. 11 (ID 612)

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Berapakah peningkatan dan penurunan bilangan unit perumahan di setiap KADUN (atau Daerah) di sebelah pulau (tidak termasuk Seberang Perai) dari 2006 ke 2016? Berikan juga bilangan unit perumahan yang sudah dalam perancangan atau dalam proses pembinaan tetapi belum disiapkan lagi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Pulau Pinang, bilangan unit perumahan yang baru dibina bagi daerah di bahagian pulau pada tahun 2015 masing-masing adalah sebanyak 1,219 buah di Daerah Timur Laut dan 539 buah rumah di Daerah Barat Daya.

Terdapat peningkatan sebanyak 24.8% bagi rumah yang baru dibina di Timur Laut pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. Walau bagaimanapun, bilangan rumah baru dibina di Barat Daya pada tahun 2015 menunjukkan penurunan sebanyak 46.9% berbanding tahun sebelumnya. Perincian bilangan rumah yang baru dibina di kedua-dua daerah dari tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: Bilangan rumah baru dibina dalam tempoh 2011-2015 di Daerah Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang.

DAERAH	TAHUN				
	2011	2012	2013	2014	2015
TIMUR LAUT	228	684	NA	977	1,219
BARAT DAYA	1,101	260	1,043	1,015	539

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Pulau Pinang

Nota: NA – Data tidak diperolehi.

- (b) Bilangan unit perumahan yang telah diluluskan untuk pembinaan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada tahun 2016 masing-masing adalah sebanyak 814 unit di Timur Laut dan 3,659 unit di Barat Daya. Bilangan ini merangkumi pelbagai jenis rumah

seperti rumah sesebuah, berkembar, teres dan bertingkat. Pecahan bilangan rumah yang telah diluluskan oleh MBPP bagi daerah Timur Laut dan Barat Daya dari tempoh 2006 hingga 2016 adalah seperti di Lampiran 1 dan Lampiran 2.

RUJUK LAMPIRAN 1 DAN 2 BYAPSH NO. 12 (ID 613)

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berapakah bilangan dan apakah jenis perumahan di Pulau Pinang yang telah dibeli oleh orang asing (Bukan Rakyat Malaysia) setiap tahun dari 2006 ke 2016?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Bagi tempoh 2006 hingga Oktober 2016, sebanyak 5568 hartanah jenis kediaman telah dibeli oleh warga asing. Perincian bilangan mengikut tahun adalah seperti di Lampiran A.

RUJUK LAMPIRAN A BYAPSH NO. 13 (ID 614)

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sila berikan Lot, lokasi dan keluasan tanah yang telah dijual, dipajak atau disewa oleh PDC dan Invest Penang untuk tujuan perindustrian setiap tahun 2006 - 2016. Tanah yang dikendalikan boleh merangkumi tanah kerajaan atau swasta. Sila nyatakan nama syarikat atau jenis industri yang menerima dan menggunakan tanah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Senarai syarikat, nombor plot, keluasan dan lokasi tanah PDC yang telah dijual, dipajak atau disewakan untuk tujuan perindustrian dari tahun 2008 - Oktober 2016 masing-masing adalah seperti di Lampiran A bagi penjualan, Lampiran B bagi pajakan dan Lampiran C bagi penyewaan.

RUJUK LAMPIRAN A, B DAN C BYAPSH NO. 14 (ID 615)

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sila berikan secara terperinci bilangan kemalangan jalan raya mengikut daerah bagi tahun 2014 dan 2015. Sila nyatakan jenis kemalangan (cthnya: kereta-kereta, kereta-motorsikal, kereta-basikal, motorsikal-motorsikal, motorsikal-basikal, motorsikal-pejalan kaki, lori-motorsikal, bas-kereta dan sebagainya) serta bilangan kematian, cacat sepanjang hidup dan cedera parah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Jumlah kemalangan jalan raya mengikut daerah bagi tahun 2014 adalah sebanyak 38,747 kes. Bagi tahun 2015 pula, jumlah kemalangan jalan raya mengikut daerah adalah sebanyak 39,958 kes. Perincian jenis kemalangan jalan raya adalah seperti di Lampiran A yang diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia.

RUJUK LAMPIRAN A BYAPSH NO. 15 (ID 616)

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Apakah pecahan gender pelaku keganasan rumahtangga dan mangsa di Pulau Pinang bagi tahun 2010 sehingga ke tahun 2016?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Pecahan gender pelaku keganasan rumahtangga dan mangsa di Pulau Pinang bagi tempoh 7 tahun (2010 ke 2016, Januari - Oktober) mengikut kategori mangsa dan suspek adalah seramai 1,922. Pecahan terperinci mengikut tahun adalah seperti berikut:

	TAHUN	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016 JAN-OKT	JUMLAH KESELURUHAN
MANGSA	WANITA	272	219	178	178	310	289	161	1922
	LELAKI	19	95	53	63	10	16	59	
	JUMLAH	291	314	231	241	320	305	220	
SUSPEK	LELAKI	273	294	224	234	314	293	206	1922
	WANITA	18	20	7	7	6	12	14	
	JUMLAH	291	314	231	241	320	305	220	

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Berapakah kes-kes keganasan rumahtangga pada tahun 2014 dan 2015. Sila nyatakan yang mana pendakwaan dibuat, pendakwaan ditarik balik, pelaku disabitkan kesalahan, dan tiada tindakan lanjut?.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Jumlah kes keganasan rumah tangga bagi tahun 2014 adalah sebanyak 320 kes manakala kes bagi tahun 2015 pula menurun kepada 306 kes. Perincian kes-kes keganasan rumah tangga pada tahun 2014 dan 2015 mengikut kategori adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KES	TUDUH	J/HUKUM	TIADA TINDAKAN LANJUT	DALAM SIASATAN
2014	320	119	33	43	140
2015	306	122	10	43	139
JUMLAH	626	241	43	86	279

Walau bagaimanapun, tiada maklumat yang diperolehi bagi kategori pendakwaan yang ditarik balik.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Berapakah bilangan kes rogol, sumbang mahram, cabul, liwat dan gangguan seksual yang direkodkan bagi tahun 2014 dan 2015? Sila berikan mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Perincian kes rogol, sumbang mahram, cabul dan liwat bagi tahun 2014 dan 2015 yang diperolehi dari PDRM adalah seperti di bawah.

DAERAH/ SEKSYEN	ROGOL (SEK 376 KK)		SUMBANG MAHRAM		CABUL (SEK 354 KK)		LIWAT (SEK 377 KK)		MENGAIBKAN (SEK 509 KK)	
	2014	2015	2014	2015	2014	2015	2014	2015	2014	2015
DTL	19	14	4	2	28	23	4	3	3	4
DBD	11	7	3	-	9	8	1	3	2	3
SPU	17	11	6	-	19	9	4	5	1	-
SPT	23	23	2	1	31	34	3	6	6	3
SPS	15	17	-	1	34	13	1	5	1	1
JUMLAH	85	72	15	4	96	87	13	22	13	11

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Berapakah bilangan kes rogol, sumbang mahram, cabul, liwat dan gangguan seksual dalam tahun 2014 dan 2015? Di mana:
- (a) Pendakwaan dibuat; dan
 - (b) Pelaku disabitkan kesalahan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Bilangan kes rogol, sumbang mahram, cabul, liwat dalam tahun 2014 dan 2015 di mana pendakwaan dibuat dan pelaku disabitkan kesalahan adalah seperti jadual di bawah.

TAHUN/KES	TAHUN 2014		TAHUN 2015	
	TUDUH	J/HUKUM	TUDUH	J/HUKUM
ROGOL	30	19	30	6
SUMBANG MAHRAM	5	4	3	1
CABUL	41	24	35	14
LIWAT	7	6	7	-
MENGAIBKAN	6	6	3	3

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Apakah gender pelaku dan mangsa yang terlibat dalam kes-kes rogol, sumbang mahram, cabul, liwat dan gangguan seksual bagi tahun 2014 dan 2015?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Menurut PDRM, bagi kes Rogol dan Sumbang Mahram semua mangsa adalah wanita dan semua pelaku/suspek adalah lelaki.

Bagi kes liwat, pada tahun 2014 sebanyak 13 kes direkodkan manakala pada 2015, jumlah kes meningkat kepada 22 kes. Statistik terperinci kes liwat adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KES	GENDER MANGSA		GENDER SUSPEK	
		LELAKI	WANITA	LELAKI	WANITA
2014	13	9	4	13	0
2015	22	16	6	22	0

Bagi kes gangguan seksual, pada tahun 2014 sebanyak 13 kes direkodkan manakala pada 2015, jumlah kes menurun kepada 11 kes. Statistik terperinci kes gangguan seksual adalah seperti berikut;

TAHUN	JUMLAH KES	GENDER MANGSA		GENDER SUSPEK	
		LELAKI	WANITA	LELAKI	WANITA
2014	13	4	9	12	1
2015	11	4	7	4	7

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Berapakah bilangan kes keganasan rumah tangga di pulau pinang? Sila berikan mengikut daerah bagi tahun 2010 sehingga 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Jumlah kes keganasan rumah tangga di Pulau Pinang bagi tempoh 7 tahun (2010 hingga Oktober 2016) adalah sebanyak 1,922 kes. Perincian bilangan kes mengikut daerah bagi tahun 2010 sehingga 2016 adalah seperti berikut:

TAHUN/ DAERAH	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016 (JAN- OKT)	JUMLAH
T/LAUT	44	44	36	38	46	55	29	292
B/DAYA	29	28	27	26	32	15	25	182
SPU	68	67	36	39	77	62	32	381
SPT	102	117	70	78	108	118	73	666
SPS	48	58	62	60	57	55	61	401
JUMLAH	291	314	231	241	320	305	220	1,922

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Banyak kabel, paip dan utiliti bawah tanah di Pulau Pinang sudah lama dan kerja penggalian kerap menemui kabel atau paip yang tidak dalam rekod.

- (a) Bilakah audit utiliti untuk keseluruhan Negeri boleh dijalankan?
- (b) Mengapa perancangan untuk *utility tunnel* belum dibuat agar utiliti-utiliti boleh diletakkan dengan lebih teratur dan senang dikemaskinikan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Setakat ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan untuk melaksanakan audit utiliti untuk keseluruhan Negeri Pulau Pinang, memandangkan rekod bagi laluan utiliti ini hanya disimpan oleh syarikat utiliti sendiri. Kemudahan utiliti yang berada di bawah jalan adalah dimiliki oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), Perbadanan Bekalan Air (PBA), Indah Water Konsortium (IWK), TELEKOM serta syarikat-syarikat Telco lain seperti DIGI, TIME, MAXIS, PDC Telco dan lain-lain. Hanya permit mengorek jalan dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut peruntukan perundangan masing-masing. Setiap syarikat utiliti mempunyai rekod sendiri untuk menyelenggara dan menaik taraf sistem rangkaian mereka. Bagi mengurangkan impak kerosakan dan penemuan kabel atau paip yang tiada dalam rekod semasa kerja pengorekan jalan, JKR dan PBT telah mensyaratkan kepada semua syarikat utiliti untuk menyediakan pelan pemetaan kemudahan utiliti (*utility mapping*) untuk mengenal pasti utiliti sedia ada sebelum permit dikeluarkan. Pelan pemetaan kemudahan utiliti (*utility mapping*) ini juga boleh digunakan oleh syarikat-syarikat utiliti untuk membuat audit kepada kemudahan utiliti masing-masing dan menjalankan kerja-kerja naik taraf mengikut perancangan masing-masing.
- (b) Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat dan telah mengambil tindakan untuk membina peparitan utiliti bersepadu (*common utilities trenching*) di seluruh Negeri Pulau Pinang. Konsep peparitan utiliti bersepadu yang diamalkan kini adalah untuk tujuan pemasangan rangkaian gantian optik (*fiber optic*) untuk dikongsi bersama oleh syarikat telekomunikasi supaya polisi *One Dig* Kerajaan Negeri boleh dilaksanakan. Ianya adalah untuk

mengelakkan beberapa syarikat utiliti mengorek jalan yang sama beberapa kali untuk tujuan pemasangan atau penyelenggaraan kabel gentian optik. Bagi tujuan pemantauan dan pelaksanaan polisi *One Dig*, pihak Kerajaan Negeri pada 2 Oktober 2015 telah menandatangani perjanjian iaitu *Non Disclosure Agreement* bersama syarikat-syarikat telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang, agar mengemukakan peta jajaran gentian optik dan juga koordinat struktur telekomunikasi masing-masing kepada Pusat Sistem Maklumat Geografi Pulau Pinang (PEGIS) bagi tujuan pemetaan digital di negeri ini. Bagi tujuan kawalan, Pihak Berkuasa Tempatan perlu menyemak lokasi jajaran gentian optik dan struktur telekomunikasi sedia ada dengan pihak PEGIS sebelum sebarang permohonan jajaran gentian optik baru mahupun struktur telekomunikasi diluluskan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Kebocoran paip air yang berlaku di Pantai Jerejak pada September 2016 mungkin berlaku di tempat lain kerana banyak paip-paip air di serata negeri sudah lama dan berkarat.
- (a) Apakah perancangan untuk mengemaskini paip-paip air di seluruh negeri?
 - (b) Apakah mekanisme untuk memastikan paip-paip air di seluruh negeri adalah dalam keadaan baik?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Pihak kerajaan negeri dan PBAPP sentiasa mengambil kira faktor usia paip-paip yang berada dalam sistem jaringan bekalan air di Negeri Pulau Pinang. Pelbagai pendekatan dan perancangan sentiasa dilaksanakan dalam memastikan aset (paip-paip dan pemasangan) sentiasa berada dalam keadaan baik untuk kesinambungan bekalan air yang berterusan kepada rakyat Pulau Pinang. Perancangan utama yang ditekankan dalam menjamin kelestarian pengurusan aset bekalan air adalah seperti berikut :
- (i) Pengurusan dan Pemantauan Tekanan (Pressure Management and Monitoring) pada kadar optimum bukan sahaja bertujuan mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil, malah, pendekatan tersebut dapat menjamin ketahanan paip-paip untuk satu jangka masa yang lama.
 - (ii) Pemantauan dan Pemeriksaan Berkala dalam memastikan sebarang kebocoran pada peringkat awal dalam usaha untuk mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil yang secara langsung membantu kerja-kerja pembaikan.
 - (iii) Salah satu langkah bagi memastikan ketahanan paip-paip dari jenis logam (metal pipes) daripada berkarat terutamanya paip-paip utama (trunk mains) yang bersaiz besar dan ditempatkan di lokasi-lokasi yang terdedah kepada faktor pengaratan air laut, maka, paip-paip tersebut dilindungi dengan sistem "Cathodic Protection" yang dapat menjamin ketahanan terhadap pengaratan dan seterusnya mengurangkan risiko kebocoran. Bagi paip-paip lama yang masih tidak dilindungi dengan "Cathodic Protection" akan dikenal pasti dan dicadangkan dengan perlindungan "Cathodic Protection" secara berperingkat.
 - (iv) Program Penggantian Paip di mana peruntukan tahunan ditetapkan bagi menggantikan paip-paip lama mengikut keutamaan berdasarkan kepada rekod kekerapan kerosakan dan kebocoran, di samping faktor usia paip-paip tersebut.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kebocoran paip air yang berlaku di Pantai Jerejak telah mengakibatkan kerugian yang besar bagi sektor industri dan menyusahkan penduduk. Paip yang karat atau rosak juga ada impak kesihatan. Sila butirkan perancangan untuk kawasan Pulau Tikus dan juga kawasan perindustrian Free Trade Zone agar paip air digantikan dan sentiasa diselenggara.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) melaksanakan program penyelenggaraan dan penggantian paip usang untuk kawasan Pulau Tikus dan juga kawasan perindustrian Free Trade Zone (FTZ).

Antara program penyelenggaraan dan penggantian paip-paip usang yang telah dijalankan dan dalam KADUN Pulau Tikus adalah seperti berikut:-

Bil.	Lokasi	Tahun
1	Jalan Utama	1995
2	Jalan Brother James dan sekitarnya	2006
3	Jalan Mouilmein dan sekitarnya	2007
4	Jalan Evergreen dan sekitarnya	2009
5	Jalan Cantonment	2009
6	Jalan Concordia	2010
7	Lebuhraya Codrington	2010
8	Lengkuk Nunn	2010
9	Jalan Macalister	2011
10	Taman Gotlieb	2012
11	Jalan Brown	2012
12	Jalan Pantai Molek	2013
13	Jalan Air Terjun	2016
14	Persiaran Cantonment dan sekitarnya	2016
15	Hock Hin Terrace dan sekitarnya	2016
16	Jalan Edgecumbe, Medan Lim Cheng Teik dan sekitarnya	2017

- (b) Bagi kawasan Free Trade Zone (FTZ) Bayan Lepas, program penyelenggaraan dan penggantian paip telah siap sepenuhnya terutama bagi kawasan FTZ I, II, III dan IV. Program penggantian paip di kawasan tersebut dilakukan secara berkala semenjak tahun 2000 lagi dan keadaan paip utama berada di dalam keadaan baik. Walau bagaimanapun, pihak PBAPP sentiasa melakukan pemantauan dari semasa ke semasa.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mewujudkan beberapa organisasi untuk belia dan pendidikan termasuk PYDC, Penang Science Cafe dan Tech-Dome Penang. Namun, asas pembangunan insan adalah pada peringkat pendidikan awal. Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri untuk pusat jagaan kanak-kanak dan usaha menyokong unit keluarga pada peringkat awal pembangunan anak-anak?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM250,000 setahun untuk pembiayaan dan subsidi untuk dua Pusat Jagaan Kanak-Kanak (PJKK), iaitu di Daerah Timur Laut dan Daerah Seberang Perai Tengah serta untuk Taska D'Komtar.

Buat masa ini, usaha menyokong unit keluarga pada peringkat awal pembangunan anak-anak bertumpu kepada dua Pusat Jagaan Kanak-Kanak dan Taska D'Komtar. Kerajaan Negeri sedang mengkaji kesesuaian dan keperluan untuk memperkembangkan usaha ini pada masa akan datang.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Apakah pecahan umur rakyat Pulau Pinang yang berjaya memohon rumah Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah, dan kategori-kategori rumah Mampu Milik di Pulau Pinang pada tahun 2010 - 2016? Sila berikan bilangan dan peratusan setiap tahun. Sila juga nyatakan bilangan OKU.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Sejak tahun 2010 hingga Oktober 2016, sebanyak 73,301 permohonan telah didaftarkan untuk semua jenis Rumah Mampu Milik (RMM). Daripada jumlah ini, seramai 13,297 atau 18.14% pemohon telah menerima tawaran dan berjaya mendapatkan unit RMM masing-masing. Julat umur pemohon di antara 30 ke 50 tahun merupakan jumlah terbesar mewakili 56.73% daripada keseluruhan permohonan dan 64.99% daripada penerima tawaran yang berjaya.

Kerajaan Negeri juga mendaftarkan sebanyak 231 permohonan daripada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di mana seramai 107 orang pemohon telah menerima tawaran dan berjaya mendapatkan unit RMM masing-masing.

Bilangan pemohon mendaftar dan berjaya mengikut pecahan umur, peratus dan tahun adalah seperti di jadual yang dilampirkan.

RUJUK LAMPIRAN A BYAPSH NO. 26 (ID 669)

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Jabatan Statistik (DoS) menganggarkan bahawa lebih daripada 15% rakyat Malaysia akan berumur 60 tahun ke atas menjelang tahun 2035 dan purata umur *life expectancy* juga akan meningkat. Apakah kesediaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menangani situasi *aging population* ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan Negeri telah melantik Penang Medical College (PMC) untuk menjalankan kajian berkenaan warga emas dalam usaha memastikan kebajikan warga emas sentiasa dijaga dengan sempurna. Hasil kajian yang dijalankan pada bulan Mei tahun 2013, menunjukkan bahawa Negeri Pulau Pinang merupakan salah satu negeri yang mempunyai peningkatan kadar penuaan di dalam negara. Peratusan warga emas yang tinggal di Pulau Pinang yang berumur di antara 60 hingga 69 tahun adalah sebanyak 62.3%, manakala yang berumur 70-79 tahun adalah sebanyak 30.5% dan peratusan bagi yang berumur 80 tahun ke atas adalah sebanyak 7.2%.

Kerajaan Negeri amat prihatin dan komited terhadap kebajikan serta kesejahteraan rakyat termasuk warga emas. Pelaksanaan pelbagai program kebajikan bagi membantu golongan warga emas akan dapat membantu Kerajaan Negeri menangani isu *aging population* di negeri ini. Antara program yang dilaksanakan termasuklah:

- (i) Mewujudkan suatu ekosistem perumahan yang tidak membebankan rakyat dan mampu dimiliki. Warga emas yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 dan mempunyai kes-kes kronik akan diberi keutamaan oleh Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC) untuk menyewa unit Projek Perumahan Rakyat (PPR);
- (ii) Melaksanakan program "Jom Hidup Sihat" yang disasarkan kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat khususnya di kalangan warga emas. Kerajaan Negeri menggalakkan setiap KADUN untuk mewujudkan pusat komuniti supaya aktiviti-aktiviti komuniti seperti latihan Tai Chi, Qi Gong, Line Dance dan Aerobik dapat dijalankan dan peralatan "outdoor gym" juga dapat disediakan. Program ini juga dapat menjadikan kawasan perumahan sebagai pusat aktiviti dan riadah seharian kepada warga emas untuk bersama-sama memupuk kepentingan penjagaan kesihatan dan membina ikatan silaturrahim yang baik serta dapat menanam sikap kejiwaan dan prihatin di kalangan komuniti;

- (iii) Kerajaan Negeri memberikan bantuan hemodialisis kepada mereka yang kurang berkemampuan termasuk warga emas yang mempunyai penyakit buah pinggang melalui Pusat Dialisis C.A.T. di kawasan Balik Pulau Daerah, Barat Daya. Subsidi sebanyak RM30.00 diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pesakit yang terpilih bagi setiap sesi rawatan dialisis termasuk warga emas. Jumlah maksimum pembayaran perbelanjaan perubatan adalah RM30.00 bagi setiap sesi selama 52 minggu dengan mengambil kira kos RM110.00 bagi setiap sesi (RM50.00 ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan, RM30.00 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan RM30.00 ditanggung oleh pesakit). Namun begitu, bagi pesakit yang tidak berkemampuan untuk membayar RM30, pesakit bolehlah memohon bantuan subsidi sebanyak RM10 daripada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sekiranya pemohon ingin melanjutkan bantuan pembiayaan, pemohon harus mengemukakan permohonan semula lapan minggu sebelum tempoh pembiayaan tamat untuk dipertimbangkan.
- (iv) Kerajaan Negeri juga telah melancarkan program mammogram percuma pada awal 2015 yang memfokuskan kepada golongan kurang berkemampuan berusia 35 tahun ke atas yang turut merangkumi warga emas;
- (v) Memberikan bantuan kewangan kepada golongan warga emas bagi membantu mereka yang kurang berkemampuan dan miskin seperti berikut:-
 - Bantuan Kewangan RM100.00 setahun bagi Program Penghargaan Warga Emas yang bertujuan untuk menghargai jasa dan budi warga emas yang telah berbakti untuk Negeri Pulau Pinang.
 - Bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Bantuan Am, Bantuan Orang Tua, dan Bantuan Pesakit Telantar. Bantuan ini diberikan untuk saraan hidup kepada warga emas yang memerlukan bantuan.
- (vi) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) turut menyediakan kemudahan alatan senaman (outdoor gym) yang giat dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan di taman-taman rekreasi awam dan kawasan tanah lapang untuk digunakan oleh masyarakat setempat termasuk warga emas.
- (vii) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di mana terdapat 2 buah PAWE di Pulau Pinang, iaitu di Balik Pulau dan Pongsu Seribu, Kepala Batas. PAWE merupakan tempat berkumpul dan menjalankan aktiviti bagi warga emas tetapi bukan pusat jagaan berkediaman/harian untuk warga emas. PAWE beroperasi mengikut waktu pejabat selama 5 hari seminggu. Setiap PAWE mempunyai jawatankuasa yang menggerakkan operasi dan penyelia yang dilantik bagi menguruskan PAWE tersebut.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Ramai rakyat Pulau Pinang sebenarnya bekerja atau belajar di luar negeri atau negara. Apakah cara-cara untuk mengenalpasti migrasi ke dan emigrasi daripada Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kerajaan Negeri tidak mempunyai mekanisma untuk mengenal pasti migrasi dan emigrasi daripada Pulau Pinang. Namun berdasarkan data-data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat peningkatan bilangan migrasi keluar dari Pulau Pinang pada tahun 2014 berbanding tahun 2009. Walau bagaimanapun, migrasi masuk pada tahun 2014 menunjukkan penurunan berbanding bilangan pada tahun 2009. Pecahan bilangan migrasi bagi Pulau Pinang dari tahun 2009 hingga 2014 adalah seperti di Jadual 1 berikut :-

Jadual 1 : Bilangan Migrasi Masuk dan Migrasi Keluar Bagi Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2009 hingga 2014

BIL. MIGRASI ('000)	TAHUN					
	2009	2010	2011	2012	2013	2014
MASUK	17.7	18.4	18.2	14.1	13.3	14.7
KELUAR	6.1	9.6	13.00	11.5	12.3	6.3

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Berapakah bilangan migrasi dan emigrasi yang direkodkan dari tahun 1986 ke 2016? Sila berikan data migrasi dan emigrasi bagi rakyat Malaysia, penduduk MM2H, expat, pekerja asing dan pelari (*refugee*) yang direkodkan di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, hanya terdapat data bagi bilangan migrasi Pulau Pinang hanya dari tahun 2009 hingga 2014 sahaja. Tiada data migrasi yang diperolehi bagi tahun 2015 dan sebelum 2009.

Terdapat peningkatan bilangan migrasi keluar ke Pulau Pinang pada tahun 2014 berbanding tahun 2009. Walau bagaimanapun, migrasi masuk pada tahun 2014 menunjukkan penurunan berbanding bilangan pada tahun 2009. Pecahan bilangan migrasi bagi Pulau Pinang sejak tahun 2009 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1

Bilangan Migrasi Masuk dan Migrasi Keluar Bagi Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2009 hingga 2014

BIL. MIGRASI ('000)	TAHUN					
	2009	2010	2011	2012	2013	2014
MASUK	17.7	18.4	18.2	14.1	13.3	14.7
KELUAR	6.1	9.6	13.00	11.5	12.3	6.3

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Jumlah pekerja asing yang direkodkan di Negeri Pulau Pinang adalah merujuk kepada data kelulusan pas lawatan kerja sementara (PLKS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang. Tahun 2015 mencatatkan kelulusan PLKS paling rendah berbanding dengan tahun 2011 hingga 2014 iaitu 89,803. Manakala tahun 2014 mencatatkan jumlah kelulusan PLKS yang paling tinggi bagi tempoh dari tahun 2011 hingga 2015 iaitu 164,885. Maklumat terkini untuk jumlah kelulusan PLKS adalah sehingga Mei 2016 mencatatkan jumlah sebanyak 9,735. Perincian jumlah pekerja asing yang mendapat kelulusan PLKS di Negeri Pulau Pinang Dari tahun 2011 sehingga Mei 2016, adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2

Perangkaan Bahagian Pekerja Asing Bagi Kelulusan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) Negeri Pulau Pinang

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN BARU	JUMLAH PERMOHONAN LANJUTAN	JUMLAH
2011	38,757	79,229	117,986
2012	39,210	62,541	101,751
2013	41,629	70,314	111,943
2014	42,633	122,252	164,885
2015	27,654	62,149	89,803
2016 (SEHINGGA MEI 2016)	8,000	1,735	9,735
JUMLAH	197,883	398,220	596,103

Sumber : Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang

Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh *The UN Refugee Agency* (UNHCR) Malaysia, data pelarian yang direkodkan di Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2014 hingga 7 November 2016 adalah sebanyak 10,971 orang.

Data bagi bilangan emigrasi, bilangan penduduk *Malaysia My Second Home* (MM2H) dan bilangan expat tidak dikeluarkan kerana tiada agensi negeri yang mempunyai data tersebut.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Mengikut rekod Jabatan Pengangkutan Jalanraya (JPJ), berapakah bilangan kenderaan plat Pulau Pinang yang telah dilupuskan atau dibuang pada tahun 1995 - 2016? Rekod ini mempengaruhi data kenderaan di Pulau Pinang dan perancangan untuk Pelan Induk Pengangkutan Jalanraya. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengesahkan data ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Agensi yang bertanggungjawab ke atas data bilangan kenderaan dengan plat Pulau Pinang yang telah dilupuskan atau dibuang dari tahun 1995 sehingga 2016 adalah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Namun begitu, sehingga jawapan ini disediakan JPJ masih belum mengemukakan sebarang data yang dipohon. Sebaliknya, pihak JPJ telah mengemukakan statistik bilangan kenderaan plat Pulau Pinang yang berdaftar dari tahun 1995 sehingga tahun 2016 iaitu sebanyak 2,033,967 unit kenderaan pelbagai kelas. Jumlah pendaftaran kenderaan dari tahun 1995 sehingga 2016 adalah seperti di Lampiran A.

Data bilangan kenderaan plat Pulau Pinang yang telah dilupuskan atau dibuang tidak mempengaruhi keseluruhan perancangan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) kerana data yang diperlukan adalah bilangan kenderaan yang sedang menggunakan jalan raya di Pulau Pinang yang mana melibatkan kereta dengan nombor plat dari seluruh negara. Data yang sah dan *viable* akan dikumpul dengan melakukan *survey* secara berkala di jalan-jalan utama sekitar negeri Pulau Pinang. Data-data ini bukan sahaja digunakan bagi tujuan pelaksanaan PIP sebaliknya data-data ini akan digunakan bagi tujuan pelebaran jalan, penentuan jumlah tempat meletak kenderaan, penentuan pemasangan lampu isyarat dan sebagainya.

RUJUK LAMPIRAN A BYAPSH NO. 30 (ID 685)

XXV. Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bolehkah kerajaan benarkan tanah bukit yang dimiliki oleh individu dan dizonkan pertanian dibenarkan untuk aktiviti pertanian?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Tanah bukit kepunyaan individu yang dizonkan dalam perlingkungan pertanian boleh diusahakan untuk aktiviti pertanian di dalam skala yang dibenarkan. Permohonan kelulusan perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa berkaitan sekiranya aktiviti pertanian hendak dijalankan berdasarkan keadaan berikut:-
 - (i) Di tanah tinggi yang diwartakan di bawah Akta Pemuliharaan Tanah 1960 (Warta Tanah Bukit) atau pewartaan lain; atau
 - (ii) Di sebarang tanah yang berada pada paras melebihi 76m (250 kaki) berkecerunan melebihi 25°.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berapakah pendapatan kerajaan dalam tahun 2015 dari pelancongan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berdasarkan Data KDNK Negeri Pulau Pinang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Oktober 2016, maklumat jenis aktiviti ekonomi dan pendapatan KDNK tidak dikhususkan kepada bidang pelancongan. Disebabkan data yang terhad, penunjuk yang paling rapat dan mempunyai kaitan dengan sektor pelancongan ialah kategori Perdagangan Barang dan Runcit, Penginapan dan Restoran. Sub sektor ini menyumbang sebanyak 15.1% kepada KDNK Negeri Pulau Pinang dan mencatatkan sumbangan kedua tertinggi selepas sektor pembuatan iaitu sebanyak RM10,533 juta.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Adakah kenaikan kedatangan pelancong-pelancong ke Pulau Pinang dalam tahun ini? Kalau ada, berapakah peratusnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berdasarkan statistik pelancong yang direkodkan oleh Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) yang mengunjungi Pulau Pinang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sehingga September 2016 menunjukkan peningkatan bilangan pelancong. Statistik pelancong ke Pulau Pinang pada tahun 2015 adalah berjumlah 4,634,507 orang. Bagi tahun 2016 sehingga September terdapat peningkatan peratusan sebanyak 5.87% iaitu 272,562 pelancong berbanding tempoh yang sama tahun 2015. Peningkatan tersebut menjadikan seramai 4,916,069 pelancong yang telah mengunjungi Pulau Pinang sehingga September 2016. Jumlah tersebut merangkumi pelancong tempatan dan antarabangsa.